


LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN PERSEKUTUAN

SIRI 2



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN | 2013 KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN SIRI 2

Untuk Mengetahui Tindakan-Tindakan Yang Telah/Sedang/Akan Diambil Oleh Pihak Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan Terhadap Isu-Isu Yang Dilaporkan Dalam Laporan Ini, Ia Hendaklah Dibaca Bersama Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2013 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari



KANDUNGAN

Muka Surat

<i>ix</i>	KATA PENDAHULUAN
<i>xv</i>	INTISARI LAPORAN
	BAHAGIAN I
	PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
3	1. Pendahuluan
	JABATAN PERDANA MENTERI
	Bahagian Wakaf, Zakat Dan Haji/Jabatan Kerja Raya
3	2. Projek Pembinaan Hotel Wakaf, Kuala Terengganu
	KEMENTERIAN KEWANGAN
	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
24	3. Pengurusan Mesin Pengimbas Kargo
	KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH/ JABATAN KERJA RAYA SARAWAK
54	4. Projek Bekalan Air Luar Bandar Di Negeri Sarawak
	KEMENTERIAN KERJA RAYA
71	5. Projek Menaik Taraf Jalan Dari Pohon Batu (Simpang Tamu) Ke Pancur Hitam, Wilayah Persekutuan Labuan
	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
	Jabatan Pengangkutan Jalan
86	6. Pengurusan Aktiviti Penguatkuasaan
	KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
103	7. Pengurusan Lesen Iklan/Papan Tanda Di Kuala Lumpur
	KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
137	8. Pengurusan Arahan Perubahan Kerja
154	9. Projek Pembinaan Sekolah Berasrama Penuh Dan Kemudahan Lain Yang Berkaitan
	KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
	Jabatan Penyiaran Malaysia
195	10. Pengurusan Projek Pembangunan Kandungan Penyiaran Digital

	KEMENTERIAN DALAM NEGERI/JABATAN KERJA RAYA
222	11. Projek Pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul, Kuala Lumpur
	KEMENTERIAN DALAM NEGERI
	Jabatan Imigresen Malaysia
241	12. Pengurusan Aktiviti Pengambilan Pekerja Asing Dan Pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara
	BAHAGIAN II
	PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN
263	13. Pendahuluan
263	14. Inno Biologics Sdn. Bhd.
288	15. FELCRA Berhad
333	<i>PENUTUP</i>





KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti Kementerian/Jabatan serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 4 jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

1.2. Pengauditan Pematuhan - untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan Persekutuan telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

1.3. Pengauditan Prestasi - untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan Persekutuan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang ditetapkan; dan

1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan - untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Laporan saya mengenai pelaksanaan aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan dan pengurusan syarikat Kerajaan bagi tahun 2013 Siri 2 mengandungi 2 bahagian seperti berikut:

Bahagian I : Pelaksanaan Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan

Bahagian II : Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan

3. Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan untuk menilai sama ada aktiviti Kerajaan diuruskan dengan cekap, berhemat dan selaras dengan objektif aktiviti berkenaan. Pengauditan tersebut melibatkan pelbagai aktiviti seperti perolehan, pembinaan, infrastruktur, penyenggaraan, pendidikan, pengurusan hasil dan keselamatan. Laporan ini

mengandungi perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan terhadap 11 program/aktiviti/projek di bawah 9 Kementerian/Jabatan Persekutuan, pengurusan 2 syarikat Kerajaan dan pengurusan terhadap prestasi kewangan dan pengawasan syarikat Kerajaan. Pada umumnya, terdapat kelemahan seperti kerja/bekalan/perkhidmatan tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti/tidak sesuai; kelewatan tidak munasabah; pembaziran; kelemahan pengurusan dan penyenggaraan aset Kerajaan. Kelemahan tersebut adalah disebabkan oleh kecuaiian dalam mematuhi peraturan/prosedur yang ditetapkan oleh Kerajaan; kurang teliti semasa merancang program/aktiviti/projek dan menetapkan skop serta spesifikasi tender; tidak memantau dengan kerap dan teliti kerja kontraktor/vendor/perunding; kurang kemahiran dalam pengurusan projek; kurang memberi perhatian terhadap keberhasilan/impak sesuatu program/aktiviti/projek dan kekurangan peruntukan untuk penyenggaraan aset.

4. Seperti mana tahun yang lalu, Ketua Jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam Laporan ini untuk tujuan pengesahan. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Kerajaan berkenaan, Ketua Audit Negara telah mengemukakan 55 syor untuk memperbaiki kelemahan yang dikenal pasti.

5. Mulai tahun 2013, *Auditor General's Dashboard* telah dipaparkan di Laman Portal Jabatan Audit Negara (JAN) yang menunjukkan status tindakan Laporan Ketua Audit Negara. Ia berperanan untuk memantau tindakan oleh Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan terhadap isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Selain itu, ia juga bagi menunjukkan komitmen serius Kerajaan terhadap isu-isu ketirisan pengurusan kewangan Kerajaan serta merupakan saluran pemberitahuan kepada pihak awam berhubung status tindakan yang telah diambil.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
7 Mei 2014



INTISARI LAPORAN



INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I – PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

JABATAN PERDANA MENTERI

Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji / Jabatan Kerja Raya

1. Pembinaan Hotel Wakaf Di Kuala Terengganu

- a. Projek Pembinaan Hotel Wakaf di Kuala Terengganu telah dilaksanakan di atas tanah wakaf Lot 4060 dan 262 milik Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dengan kos pembinaan berjumlah RM37.30 juta. **Pembinaan hotel ini diurus dan dipantau oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Terengganu di mana Pengarah JKR Negeri Terengganu telah dilantik sebagai Pegawai Penguasa Projek.** Ketua Penolong Pengarah Bangunan, Elektrikal dan Mekanikal dari JKR Negeri Terengganu telah dilantik bagi mewakili Pegawai Penguasa dalam urusan pemantauan pelaksanaan projek di tapak. Bangunan hotel wakaf telah disiapkan pada 17 Januari 2013 dan diserahkan kepada Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji (JAWHAR) secara rasmi pada 8 April 2013. Hotel ini kemudiannya diserahkan kepada MAIDAM yang merupakan pemegang amanah tunggal wakaf dan pengguna akhir bagi hotel ini. JAWHAR telah mewujudkan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) iaitu satu entiti wakaf bagi mengurus pengoperasian hotel. Hotel wakaf ini telah dinamakan Hotel Grand Puteri yang bertaraf 3 bintang. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya pengurusan pembinaan telah dibuat dengan teratur, cekap dan berhemat. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan yang memerlukan tindakan pembetulan dan penambahbaikan seperti berikut:
- i. kelewatan penyerahan projek menyebabkan masa yang masih berbaki bagi tempoh tanggungan kecacatan berkurangan sebanyak 80 hari;
 - ii. kelewatan menandatangani kontrak selama 195 hari;
 - iii. Kelulusan Arahan Perubahan Kerja (APK) tidak direkodkan tarikh dan ini menunjukkan kawalan dalaman yang lemah;
 - iv. proses melaporkan kecacatan oleh JAWHAR tidak memenuhi prosedur yang ditetapkan oleh JKR menyebabkan status pembaikan tidak dapat dipastikan;
 - v. dokumen Manual Operasi Dan Penyenggaraan yang lengkap dengan Lukisan Siap Bina belum dikemukakan kepada JAWHAR;
 - vi. sebahagian reka bentuk tidak sesuai/tidak praktikal dan sebahagian kualiti kerja pembinaan masih belum memuaskan; dan

- vii. 15 daripada 180 buah bilik hotel tidak dapat digunakan seperti yang dirancang kerana masih belum disediakan dengan kelengkapan yang sepatutnya.
- b. Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang bagi mana-mana pembangunan hartanah wakaf pada masa hadapan dan Kerajaan mendapat *best value for money* atas perbelanjaan yang dilakukan, adalah disyorkan pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:
- i. JAWHAR dan JKR perlu memastikan penyerahan projek Hotel Grand Puteri dapat dibuat mengikut tempoh yang sepatutnya supaya tempoh tersebut dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk mengesan sebarang kecacatan. Rekod mengenai kerosakan/kecacatan perlu diselenggarakan dengan lengkap bagi memudahkan pemantauan kedudukan kerosakan/kecacatan yang dilaporkan;
 - ii. JKR perlu memperkemas proses penyediaan dokumen kontrak dengan memastikan kontraktor mengambil tindakan segera untuk menyediakan dokumen kontrak yang lengkap supaya kontrak dapat ditandatangani dalam tempoh masa yang ditetapkan;
 - iii. JKR perlu meningkatkan kawalan dalaman terhadap proses pengeluaran APK agar lebih teratur dan telus;
 - iv. JKR perlu mewujudkan mekanisme pemantauan bagi memastikan dokumen Manual Operasi dan Lukisan Siap Bina disediakan oleh kontraktor selari dengan kemajuan pelaksanaan projek supaya ia dapat diserahkan dengan lebih awal sebaik projek siap; dan
 - v. JAWHAR perlu mendapatkan sumber kewangan untuk memastikan perabot dan peralatan dapat dibekalkan bagi 15 buah bilik hotel di tingkat 7 agar ia dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

[muka surat 3 - 23]

KEMENTERIAN KEWANGAN

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

2. Pengurusan Mesin Pengimbas Kargo

- a. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merupakan pemungut hasil negara kedua terbesar selepas Lembaga Hasil Dalam Negeri, Malaysia. Di samping itu, JKDM turut menyediakan fasilitasi perkastaman kepada sektor perdagangan dan perindustrian bagi kemudahan urus niaga serta mempertingkatkan pematuhan perundangan supaya tidak berlaku ketirisan hasil negara. *World Customs Organisation (WCO) SAFE Framework of Standards to Secure and Facilitate Global Trade* menetapkan peralatan pemeriksaan seperti mesin pengimbas harus disediakan dan digunakan oleh Jabatan Kastam. Alat ini dapat membantu Jabatan Kastam memastikan barangan import dan eksport yang diikrar serta duti/cukai yang dibayar adalah betul di samping mengesan dan menghalang barang yang berbahaya/terlarang seperti dadah dan senjata api, tanpa mengganggu aliran



perdagangan yang sah. JKDM telah mula menggunakan mesin pengimbas sejak tahun 2001 bagi mengimbas kandungan yang terdapat dalam kargo yang diimport/eksport dan pemeriksaan terhadap penumpang di lapangan terbang, sempadan dan pelabuhan/jeti. Di samping itu, JKDM telah meningkatkan penguatkuasaan dan pemantauan dengan membuat pemeriksaan yang lebih ketat di semua pintu masuk seluruh negara iaitu sama ada melalui jalan darat, laut atau udara. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2013, Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM102.7 juta kepada JKDM untuk perolehan mesin pengimbas kargo dan sehingga bulan Disember 2013 sejumlah RM69 juta (67.2%) telah dibelanjakan. Setakat akhir tahun 2013, JKDM mempunyai sebanyak 16 mesin pengimbas kargo terdiri daripada jenis *gantry*, *mobile* dan *pass-thru* yang diperolehi pada tahun 2001, 2003 hingga 2011. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Julai hingga November 2013 mendapati pengurusan mesin pengimbas kargo secara umumnya, telah dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi peraturan perolehan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Namun begitu, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian dan diambil tindakan oleh JKDM seperti berikut:

- i. daripada 16 mesin pengimbas kargo yang sedang digunakan, terdapat 2 mesin pengimbas kargo yang mempunyai kadar kerosakan yang tinggi iaitu 11.8% dan 15.6% setahun atau masing-masing tidak berfungsi sebanyak 86 dan 171 hari dalam tempoh 2 dan 3 tahun. Selain itu, sebanyak 31% daripada responden (pegawai kastam) mengakui mereka kurang mahir dalam mengendalikan mesin pengimbas kargo dan 81% daripada mereka mengakui kurang mahir dalam menyelesaikan masalah apabila berlaku kerosakan kecil (*troubleshooting*). Ini boleh memberi impak kepada proses taksiran dan pelepasan dagangan serta mengesan ketirisan hasil;
 - ii. terma kontrak penyenggaraan mesin pengimbas kargo tidak mempunyai skop kerja penyenggaraan pencegahan yang memadai serta butiran harga kos penyenggaraan bulanan terperinci tidak disediakan mengikut skop kerja; dan
 - iii. apabila sesuatu kes kemalangan berlaku, tindakan pegawai Kastam adalah bergantung pada inisiatif pegawai berkenaan kerana *Standard Operating Procedures* (SOP) berkaitan tidak disediakan.
- b. Pihak Audit mengesyorkan supaya JKDM mempertimbangkan perkara berikut:
- i. memantau program pemindahan teknologi dengan mendapatkan laporan berkala (6 bulan) daripada Pan Asiatic Technologies Sdn. Bhd.;
 - ii. menyediakan laporan tahunan berkaitan kadar kerosakan mesin pengimbas supaya prestasi (tahap boleh guna) setiap mesin pengimbas kargo dapat dinilai;
 - iii. memastikan terma kontrak penyenggaraan mesin pengimbas yang akan datang mempunyai skop kerja penyenggaraan pencegahan yang memadai serta butiran harga kos penyenggaraan bulanan yang terperinci mengikut skop kerja; dan

- iv. menyediakan dan memuktamadkan SOP pengendalian mesin pengimbas kargo sebelum bulan Disember 2014 supaya tindakan yang seragam dan cekap boleh diambil seperti menuntut ganti rugi terhadap pihak yang mengakibatkan kerosakan mesin pengimbas kargo.

[muka surat 24 - 53]

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH / JABATAN KERJA RAYA SARAWAK

3. *Projek Bekalan Air Luar Bandar Di Negeri Sarawak*

- a. Objektif utama Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) adalah untuk menyediakan kemudahan bekalan air bersih dan terawat agar taraf kesihatan dan kualiti hidup masyarakat luar bandar dapat dipertingkatkan di samping merangsang pembangunan ekonomi, industri, pertanian dan juga pelancongan. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mempertingkatkan taraf kesihatan dan kualiti hidup dan menjadi pemangkin ekonomi luar bandar. Kerajaan dengan kerjasama agensi berkaitan sentiasa meneruskan kajian untuk memastikan kualiti bekalan air bersih dan terawat dapat dibekalkan secara menyeluruh, cekap dan berkualiti kepada masyarakat luar bandar. Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) bertanggungjawab untuk menyediakan prasarana/kemudahan bekalan air bersih dan terawat ke kawasan luar bandar dan membantu Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) memperluaskan liputan air bersih yang terawat kepada penduduk di kawasan luar bandar. Pelaksana dan penguasa projek BALB di Negeri Sarawak adalah Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak. Pemantauan semasa pelaksanaan projek dan perakuan tuntutan kontraktor dilakukan oleh perunding. Pengauditan yang dijalankan berdasarkan sampel yang dipilih mendapati pada keseluruhannya pengurusan projek BALB di Negeri Sarawak adalah memuaskan. Setakat 31 Disember 2013, daripada 13 sampel projek yang diaudit, 9 projek telah siap dibina manakala 4 projek lagi masih dalam pembinaan. Sungguhpun begitu terdapat kelemahan seperti berikut:
 - i. kajian awal tidak dibuat secara menyeluruh dan teliti oleh 4 daripada 11 perunding yang dilantik;
 - ii. kualiti kerja pembinaan kurang memuaskan iaitu berlaku kebocoran pada tangki airimbangan, kerja membina muka sauk yang kurang memuaskan dan paip HDPE bersaiz 300mm tidak ditanam;
 - iii. perakuan muktamad belum disediakan bagi Projek Rumah Sebeliau dan Rumah Sebeliau Geliung, Lubok Antu, Sri Aman dan Watermain Extension ke Rumah Ali, Dabai Tiga, Rumah Banta, Rantau Sukat, Rumah Joseph, Buchai dan Rumah Engkin, Kedoh, SK Brayang, Roban walaupun kedua-dua projek tersebut telah disiapkan masing-masing pada 26 Mac 2011 dan 25 Februari 2011;
 - iv. kemudahan telah siap dibina tidak dinikmati oleh pengguna bagi projek Rumah Sebeliau dan Rumah Sebeliau Geliung di Lubok Antu, Sri Aman; dan



- v. pemantauan projek kurang berkesan oleh Ibu Pejabat KKLW Putrajaya, Bahagian Pemantauan dan Pelaksanaan KKLW negeri Sarawak, Ibu Pejabat, Pejabat Wilayah dan Pejabat Bahagian JKR Sarawak serta perunding mengakibatkan kualiti kerja pembinaan yang kurang memuaskan.
- b. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan juga untuk memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam projek BALB yang akan datang, adalah disyorkan supaya KKLW dan JKR Sarawak mempertimbangkan perkara berikut:
- i. memastikan perunding yang dilantik menjalankan kajian awal secara teliti dan menyeluruh supaya laporan penilaian dan reka bentuk disediakan mengikut keperluan dan standard yang ditetapkan;
 - ii. JKR Sarawak hendaklah mematuhi peraturan Kerajaan yang sedang berkuatkuasa untuk menjamin kepentingan Kerajaan sentiasa dijaga;
 - iii. JKR Sarawak hendaklah mengambil tindakan segera bagi memastikan pembaziran dapat dielakkan dan membuat pelarasan kos kerja bagi pembinaan *pontoon*; dan
 - iv. mempertingkatkan pemantauan rapi terhadap kesemua projek BALB di Negeri Sarawak.

[muka surat 54 - 70]

KEMENTERIAN KERJA RAYA

4. *Projek Menaiktaraf Jalan Dari Pohon Batu (Simpang Tamu) Ke Pancur Hitam, Wilayah Persekutuan Labuan*

- a. Projek Menaiktaraf Jalan Dari Pohon Batu (Simpang Tamu) Ke Pancur Hitam, Wilayah Persekutuan Labuan adalah satu projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) bagi menaik taraf jalan sedia ada dari Jalan Pohon Batu (Simpang Tamu) ke Pancur Hitam sepanjang 6.6km dan melebarkan jalan daripada 2 lorong kepada 4 lorong. Pelanggan bagi projek ini ialah Kementerian Kerja Raya (KKR). Pegawai Penguasa ialah Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Wilayah Persekutuan Labuan. Projek ini pada mulanya dilaksanakan oleh kontraktor Pertama Makmur Sdn. Bhd. dengan nilai kontrak RM52.80 juta dan telah ditamatkan secara Persetujuan Bersama (Mutual Termination) pada 8 Oktober 2008. Projek ini kemudiannya ditender semula dengan pengurangan skop kerja memandangkan baki peruntukan kewangan yang terhad. Kontraktor yang berjaya adalah TE Synergy Sdn. Bhd. Pengauditan yang dijalankan mendapati pengurusan projek ini adalah memuaskan. Kutipan balik wang pendahuluan yang diberi kepada kontraktor telah dipantau dengan baik di mana wang pendahuluan sejumlah RM10 juta telah dikutip balik sepenuhnya selepas kontrak asal ditamatkan secara Persetujuan Bersama. Namun, kos projek telah meningkat daripada RM52.80 juta kepada RM56.44 juta, iaitu peningkatan sejumlah RM3.64 juta (6.9% daripada RM52.80 juta), tetapi jarak jalan mengikut perancangan awal sejauh 6.6 km telah dipendekkan kepada 3.5 km, iaitu pengurangan sejauh 3.1 km (47% daripada 6.6 km). Jarak jalan yang dipendekkan boleh menjejaskan pencapaian objektif yang

ditetapkan semasa perancangan awal, khususnya dari segi memenuhi keperluan pengguna jalan raya di kawasan tersebut. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan yang dikenal pasti seperti berikut:

- i. lanjutan masa ke-3 diluluskan selepas tarikh siap semasa dengan kelewatan selama 3 bulan;
 - ii. Pelarasan Harga Kontrak ditandatangani oleh pegawai yang tidak diberi kuasa, iaitu Ketua Penolong Pengarah Jalan selaku wakil Pegawai Penguasa;
 - iii. kelemahan dalam pembayaran kepada kontraktor di mana bayaran diperakukan kurang daripada nilai kerja di tapak, lejar kontrak tidak disediakan sebagai dokumen sokongan kepada baucar bayaran serta Perakuan Bayaran Interim ditandatangani oleh pegawai yang tidak diberi kuasa; dan
 - iv. terdapat kerja penyenggaraan dan kualiti kerja yang kurang sempurna seperti longkang tidak disenggara dengan baik.
- b. Pihak Audit mengesyorkan supaya JKR mengambil tindakan seperti berikut:
- i. memastikan lanjutan masa diluluskan sebelum tarikh siap asal atau tarikh penyiapan semasa yang dibenarkan;
 - ii. memastikan hanya pegawai yang diberi kuasa menandatangani perakuan yang dikeluarkan di bawah kontrak;
 - iii. memastikan bayaran kepada kontraktor adalah berdasarkan nilai kerja yang telah dilaksanakan;
 - iv. menyelenggarakan lejar kontrak secara tepat dan kemas kini supaya pembayaran bagi projek dapat dipantau dengan sewajarnya; dan
 - v. memastikan pemantauan secara berterusan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor bagi mengelakkan berlakunya kerosakan/kecacatan yang ketara akibat daripada kerja yang tidak dibuat dengan sempurna.

[muka surat 71 - 85]

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Jabatan Pengangkutan Jalan

5. Pengurusan Aktiviti Penguatkuasaan

- a. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di bawah Kementerian Pengangkutan bertanggungjawab menguruskan hal-ehwal berkaitan dengan pengangkutan jalan supaya ianya cekap dan selamat serta menguatkuasakan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengangkutan jalan. Aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh JPJ adalah melalui tugas operasi. Sebanyak 10 operasi yang disasarkan untuk dilaksanakan pada tahun 2013 iaitu Operasi Harian, Bersepadu, Motosikal, Pengarah, *Blinkers*, Penyamaran Bas Ekspres, Penyamaran Bergambar, Terminal Bas, Stesen Penguatkuasa dan Lebih Muatan. Selain itu, JPJ juga melaksanakan Operasi Musim Perayaan mengikut keperluan seperti Operasi Hari Raya Aidil Fitri dan Operasi Tahun Baru Cina. Bidang kuasa yang digunakan oleh



anggota penguatkuasa dalam melaksanakan aktiviti penguatkuasaan JPJ adalah berpandukan kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987, kaedah yang diwujudkan di bawah kedua-dua akta tersebut, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 serta akta lain yang berkaitan dengan pengangkutan jalan. Kutipan hasil JPJ bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah berjumlah RM3.175 bilion, RM3.326 bilion dan RM3.432 bilion masing-masing. Manakala hasil daripada aktiviti penguatkuasaan adalah berjumlah RM72.94 juta, RM82.43 juta dan RM102.10 juta masing-masingnya. Pengauditan mendapati pengurusan aktiviti penguatkuasaan bagi 3 daripada 5 negeri yang dilawati telah mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) operasi penguatkuasaan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan aktiviti penguatkuasaan yang boleh menjejaskan pencapaian objektif pelaksanaan antaranya seperti berikut:

- i. kuasa JPJ terhadap kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010;
 - ii. kelewatan menyiapkan Kertas Siasatan;
 - iii. penguatkuasaan terhadap kenderaan yang diberi pengecualian *International Circulation Permit* (ICP) tidak dapat ditentukan;
 - iv. rekod bagi Operasi Lebih Muatan, Bersepadu, Motosikal, Operasi Pengarah, Terminal Bas dan Musim Perayaan tidak diselenggara dengan lengkap serta laporan tidak dapat dijana melalui Sistem Keselamatan Amalan Pemandu (mySIKAP); dan
 - v. sembilan Stesen Penguatkuasa dan 4 Stesen Kawalan Sempadan ditubuhkan tanpa waran perjawatan. Manakala 3 Pejabat Kecil (Perak), 4 Stesen Penguatkuasa (Selangor) dan satu Stesen Penguatkuasa (Sabah) belum ditubuhkan lagi walaupun perjawatan telah diluluskan.
- b. Pihak JPJ dan Kementerian Pengangkutan disarankan supaya mengambil tindakan seperti berikut:
- i. mengkaji peruntukan di bawah Seksyen 17(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 sama ada perlu mengambil kira kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 bagi tujuan keseragaman dan keberkesanan dalam penguatkuasaan;
 - ii. mengkaji keperluan mewujudkan kaedah penguatkuasaan terhadap kenderaan asing yang diberi pengecualian *International Circulation Permit*;
 - iii. memastikan rekod dan maklumat notis kesalahan/kertas siasatan/statistik penguatkuasaan/pemeriksaan teknikal bas sentiasa kemas kini serta laporan statistik kesalahan boleh dijana melalui sistem mySIKAP bagi memudahkan rujukan dan pemantauan; dan
 - iv. menyelaraskan keperluan jawatan di Pejabat Kecil/Stesen Penguatkuasa/Stesen Kawalan Sempadan yang ada/tiada waran.

[muka surat 86 - 102]

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN***Dewan Bandaraya Kuala Lumpur*****6. Pengurusan Lesen Iklan/Papan Tanda Di Kuala Lumpur**

- a. Pengeluaran Lesen Iklan/Papan Tanda adalah satu mekanisme bagi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk mengawal dan memantau pemasangan iklan/papan tanda di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur. Antara undang-undang dan garis panduan yang memberi kuasa kepada DBKL untuk menguruskan lesen iklan/papan tanda adalah seperti Undang-undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan) 1982 dan Garis Panduan Iklan Wilayah Persekutuan. Pengurusan lesen iklan/papan tanda secara umumnya meliputi proses permohonan dan kelulusan; pengemaskinian maklumat Lesen Iklan/Papan Tanda secara berkompuser/manual; proses pembaharuan lesen iklan/papan tanda serta penguatkuasaan terhadap peraturan yang ditetapkan. Antara jenis lesen iklan/papan tanda utama yang diuruskan oleh DBKL pula ialah Iklan Papan Tanda Premis dan Paparan Iklan Luar. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Julai hingga September 2013 mendapati pengurusan Lesen Iklan/Papan Tanda di Kuala Lumpur telah menjana hasil fi lesen iklan/papan tanda berjumlah RM52.09 juta bagi tempoh tahun 2010 sehingga bulan Mei 2013. Bagaimanapun, didapati fi Lesen Iklan/Papan Tanda tidak dijelaskan/tertunggak sehingga bulan Disember 2012 bagi lesen Iklan Papan Tanda Premis dan Paparan Iklan Luar adalah masing-masing berjumlah RM128.14 juta dan RM10.21 juta. Antara kelemahan pengurusan Lesen Iklan/Papan Tanda adalah seperti berikut:
- i. proses permohonan lesen kurang mesra pengguna dan terdapat permohonan yang diluluskan sungguhpun tidak mematuhi syarat yang ditetapkan;
 - ii. empat sistem maklumat yang dibangunkan untuk membantu menyimpan data penting mengenai Lesen Iklan/Papan Tanda seperti e-Lesen, Sistem SP2U, dan *Geographical Information System* (GIS) tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya manakala *Billboard Management System* (BMS) tidak digunakan dan sebahagian maklumat penting berkaitan Lesen Iklan/Papan Tanda tidak dikemas kini;
 - iii. ketidakpatuhan terhadap Undang-undang/Garis Panduan yang ditetapkan bagi lesen yang diluluskan seperti ketidakpatuhan syarat kelulusan; perubahan tapak/kategori iklan; struktur iklan yang tidak mematuhi peraturan ditetapkan dan kadar bayaran yang tidak konsisten;
 - iv. kelemahan dalam proses pembaharuan dan pengurusan tunggakan fi yang menjejaskan terimaan/hasil DBKL; dan
 - v. keberkesanan aspek penguatkuasaan yang meliputi pengenaan kompaun dan penurunan struktur lesen didapati kurang berkesan disebabkan kekangan antaranya terhadap faktor guna tenaga; logistik guna sama; aspek keselamatan pekerja dan gangguan/campur tangan daripada pihak ketiga.



- b. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan supaya DBKL mempertimbangkan perkara berikut:
- i. menambah baik dan meningkatkan kualiti Sistem Maklumat Berkomputer Lesen Iklan/Papan Tanda dengan berusaha mencari penyelesaian terhadap masalah dan kelemahan sistem sedia ada;
 - ii. memastikan semua syarat ditetapkan dipatuhi oleh Pelesen/Operator Pengiklanan (OP) sebelum mengeluarkan lesen. Tindakan tegas seperti menyenaraihitamkan serta mengenakan denda juga perlu diambil terhadap mereka yang melanggar syarat-syarat lesen;
 - iii. tindakan penyelesaian perlu diambil terhadap Pelesen/OP yang tidak menjelaskan bayaran lesen, terutamanya terhadap mereka yang mempunyai nilai tunggakan yang besar dan bagi tempoh yang terlalu lama. Tempoh kelulusan tapak pameran iklan luar perlu dihadkan. Jika istilah lesen akan menghalang tindakan mengutip balik semua bayaran yang tidak dijelaskan, pihak PUU DBKL perlu mencari alternatif penyelesaian supaya tunggakan dapat dikutip balik untuk meningkatkan hasil DBKL; dan
 - iv. bagi mewujudkan kawalan dalaman yang lebih berkesan, peranan pegawai/unit yang terlibat terhadap penguatkuasaan dan operasi lesen iklan perlu dikaji semula bagi mengelakkan risiko percanggahan kepentingan. Antaranya masalah guna tenaga terlibat; logistik guna sama; keselamatan pekerja dan gangguan/campur tangan daripada pihak ketiga yang berpengaruh juga perlu ditangani dengan baik bagi memastikan operasi penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

[muka surat 103 - 136]

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

7. *Pengurusan Arahan Perubahan Kerja*

- a. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2007 menyatakan Arahan Perubahan Kerja (APK) ialah sebarang penyimpangan daripada perjanjian kontrak berkaitan dengan pelan, spesifikasi dan/atau senarai kuantiti sama ada dipinda, ditambah atau dikurangkan. Bagi membuat perubahan kepada kerja yang terkandung dalam kontrak, arahan Pegawai Penguasa dikeluarkan melalui APK dan permohonan Kelulusan Perubahan Kerja hendaklah disediakan untuk kelulusan Jawatankuasa APK/Lembaga Perolehan. Pada masa yang sama, jika sesuatu perubahan yang sangat mendesak, kritikal dan memerlukan tindakan segera, maka Kelulusan Dasar dibuat terlebih dahulu dan seterusnya disusuli dengan proses permohonan/kelulusan APK. Sebarang APK akan memberi kesan kepada fizikal dan nilai sesuatu projek termasuk pertambahan, pengurangan atau penggantian sebarang kerja; pengubahsuaian kepada jenis atau piawaian mana-mana bahan atau barang yang digunakan bagi kerja; dan mengeluarkan daripada tapak bina apa-apa kerja, bahan

atau barang yang dibekalkan oleh kontraktor untuk tujuan kerja dan tidak mematuhi kehendak kontrak. Di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pada kebiasaannya justifikasi perubahan kerja berlaku disebabkan perubahan fungsi, keperluan teknikal, keselamatan, keceriaan dan bagi memenuhi keperluan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)/Agensi berkaitan. Bagi tempoh tahun 2011 hingga April 2013, KPM secara keseluruhannya telah mengeluarkan sebanyak 1,864 APK iaitu melibatkan sebanyak 1,571 APK (84.28%) yang ditambah bernilai RM156.74 juta dan 293 APK (15.72%) yang dikurangkan bernilai RM90.62 juta kepada syarikat bagi melaksanakan kerja/projek yang berkaitan. Pengauditan terhadap pengurusan APK mendapati pada umumnya KPM telah melaksanakan beberapa penambahbaikan dalam pengurusan APK seperti menubuhkan *urus setia Jawatankuasa Teknikal APK* di peringkat KPM, mewujudkan pusat sehenti (*one stop centre*) untuk mengurus semua penerimaan permohonan berkaitan projek pembangunan dan memansuhkan 'Kelulusan Dasar' yang menyebabkan kerja dimulakan sebelum kelulusan APK diperolehi. Bagaimanapun semakan Audit mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan APK yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- i. sebanyak 61 daripada 122 permohonan APK yang ditambah bernilai RM5.44 juta dikemukakan kepada KPM selepas 41 hingga 550 hari Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan;
- ii. sebanyak 81 daripada 122 APK yang ditambah bernilai RM9.29 juta diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal APK/Lembaga Perolehan dalam tempoh 11 hingga 1,100 hari dari tarikh permohonan. Selain itu terdapat 10 APK yang melibatkan dua projek masih belum diluluskan oleh Lembaga Perolehan walaupun kerja telah dilaksanakan dan CPC telah dikeluarkan iaitu lima APK bagi Projek Pendidikan Mengandungi 36 Bilik Darjah di SMK Seremban 3, Seremban, Negeri Sembilan bernilai RM0.21 juta di mana CPC telah dikeluarkan pada 11 Disember 2012 dan lima APK bernilai RM2.08 juta bagi Projek Pembinaan Dan Penaiktarafan Sekolah Dan Asrama Di Negeri Sarawak di SK Lubok Antu, Sri Aman, Sarawak di mana CPC telah dikeluarkan pada 23 Disember 2011;
- iii. tiga APK bernilai RM1.75 juta bagi kerja tambahan di Projek Pembinaan Dan Penaiktarafan Sekolah Dan Asrama Di SK Lubok Antu, Sri Aman, Sarawak adalah kerja-kerja baru yang tidak termasuk dalam skop asal projek berkenaan dan tidak mendapat kelulusan Unit Perancang Ekonomi (UPE);
- iv. kualiti kerja/bekalan bagi dua APK melibatkan kerja tambahan dinding penahan *rc wall* dan *crib wall* bernilai RM1.01 juta dan pindaan pada *built-in furniture & fitting* dan mengadakan *workstation* untuk guru tidak memuaskan; dan
- v. dokumen dan maklumat bagi lima APK belum diterima sehingga 31 Januari 2014 melibatkan tempoh 148 hari. Manakala beberapa dokumen berkaitan APK lewat diterima antara 18 hingga 92 hari. Ini kerana dokumen berkaitan tidak disimpan dengan teratur.



- b. Bagi memastikan segala kelemahan yang berbangkit mengenai pengurusan APK diperbaiki serta Kerajaan mendapat *best value for money*, adalah disyorkan supaya KPM mengambil tindakan seperti berikut:
- i. mewujudkan sistem bagi merekodkan permohonan dan kelulusan berkaitan projek antara lain merangkumi APK bagi setiap projek supaya KPM mempunyai *database* berkaitan permohonan sehinggalah kelulusan. Pada masa hadapan, disarankan KPM mewujudkan sistem permohonan berkaitan projek secara dalam talian bagi memudahkan semakan;
 - ii. KPM hendaklah memastikan pentadbiran kontrak diurus dengan teratur demi menjaga kepentingan Kerajaan antaranya APK diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal APK/Lembaga Perolehan KPM terlebih dahulu sebelum kerja dijalankan, Arahan Perubahan Kerja diluluskan dalam tempoh kontrak dan tiada APK diluluskan selepas Tarikh Siap Kerja;
 - iii. KPM perlu memastikan permohonan APK bagi kerja di luar skop mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Kecil Piawaian dan Kos, UPE terlebih dahulu sebelum kerja tersebut dilaksanakan; dan
 - iv. Perunding yang telah dilantik sebagai wakil Pegawai Penguasa hendaklah memantau kemajuan kerja dan memastikan kerja yang dilakukan oleh Kontraktor sesuai/lengkap dan berkualiti. Kerja yang tidak mematuhi spesifikasi, tidak sesuai dan tidak berkualiti perlu diambil tindakan pembaikan dengan segera atau mempercepatkan proses pelarasan harga. Tindakan terhadap Perunding utama perlu diambil kerana pemantauan yang kurang berkesan sehingga berlakunya masalah kualiti kerja yang tidak mencapai piawaian yang ditetapkan.

[muka surat 137 - 153]

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

8. *Projek Pembinaan Sekolah Berasrama Penuh Dan Kemudahan Lain Yang Berkaitan*

- a. Objektif penubuhan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) adalah bagi menambah bilangan pelajar yang berpotensi terutamanya dari kawasan luar bandar dan kurang berkemampuan untuk mendapat pendidikan menengah yang sempurna. Di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh Dan Sekolah Kecemerlangan (BPSBPSK) adalah bertanggungjawab secara langsung mengurus SBP. Sehingga akhir tahun 2004, bilangan SBP adalah sebanyak 54 buah. Pada tahun 2005, KPM telah merancang pembinaan 15 buah lagi SBP di seluruh negara dengan skop pembinaan melibatkan kemudahan pentadbiran iaitu antaranya pejabat, bilik Pengetua, bilik Penolong Kanan, bilik guru dan bilik mesyuarat. Bagi kemudahan akademik pula ia melibatkan pembinaan bilik darjah, makmal sains, makmal bahasa, makmal komputer dan pusat sumber; asrama dan kemudahan lain seperti kuarters pegawai, dewan serba

guna, padang permainan/sukan, surau dan kantin. Anggaran kos bagi setiap projek SBP ialah antara RM38.48 juta hingga RM76.25 juta. Selain kerja pembinaan bangunan, projek SBP ini juga melibatkan pembekalan perabot dan peralatan. Pegawai Penguasa projek pembinaan SBP ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan dan projek ini dikawal selia oleh Bahagian Pembangunan Pelajaran (BPP), KPM. Sebanyak 15 Kontraktor telah dilantik secara rundingan terus dan projek ini dilaksanakan secara Reka Dan Bina dan Konvensional. Pengauditan yang dijalankan pada akhir bulan April hingga September 2013 mendapati ketiga-tiga projek pembinaan SBP telah siap, diserahkan serta beroperasi. Pada tarikh lawatan Audit, ketiga-tiga SBP ini telah dapat menampung seramai 1,845 pelajar. Namun begitu pengurusan pembinaan SBP tidak dilaksanakan dengan cekap dan teratur. Terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan projek ini yang perlu diambil tindakan dan diberi perhatian sewajarnya seperti berikut:

- i. ketiga-tiga projek lewat disiapkan antara 90 hingga 909 hari menyebabkan SBP berkaitan tidak dapat membuat pengambilan pelajar sebagaimana yang dirancang;
 - ii. pentadbiran kontrak yang tidak cekap dan teratur di mana 2 kontrak lewat ditandatangani antara 85 hingga 89 hari, 5 Lanjutan Masa lewat diluluskan antara 111 hingga 196 hari daripada tarikh permohonan diterima, Arahan Perubahan Kerja (APK) lewat dimohon antara 187 hingga 775 hari selepas tarikh siap sebenar dan lewat diluluskan antara 49 hingga 428 hari dari tarikh permohonan dan terdapat APK yang tidak dicatatkan tarikh permohonannya;
 - iii. Lukisan Siap Bina untuk 2 projek lewat dikemukakan antara 512 dan 651 hari, manakala 1 projek lagi tidak dikemukakan dan *Certificate of Completion And Compliance* (CCC) belum dikemukakan kepada KPM;
 - iv. reka bentuk projek/spesifikasi kerja yang kurang lengkap dan sesuai antaranya seperti tiada laluan masuk kenderaan ke padang sekolah dan longkang tidak dibina di laluan pejalan kaki;
 - v. kerja elektrik dan mekanikal tidak dilaksanakan/diselesaikan dengan sempurna; kerja pembinaan yang kurang berkualiti dan kerja pembaikan kecacatan/kerosakan yang tidak diambil tindakan sepenuhnya oleh Kontraktor;
 - vi. kemudahan dan peralatan seperti bilik makmal komputer, gelanggang permainan dan peralatan ICT tidak digunakan secara optimum; dan sistem pencegah kebakaran tidak berfungsi; dan
 - vii. pemantauan oleh KPM dan Perunding masih kurang berkesan kerana terdapat kecacatan dan kerosakan yang belum dibaiki oleh Kontraktor.
- b. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan supaya pihak Kerajaan mendapat *best value for money* terhadap projek ini, adalah disyorkan supaya KPM, Kontraktor dan Perunding mengambil langkah seperti berikut:



- i. KPM hendaklah memastikan pentadbiran kontrak diuruskan dengan teratur demi menjaga kepentingan Kerajaan antaranya proses menyedia dan menandatangani kontrak dalam tempoh ditetapkan; Sijil Lanjutan Masa diluluskan dalam tempoh yang sepatutnya; dan Arahan Perubahan Kerja diluluskan dalam tempoh kontrak;
- ii. KPM hendaklah memastikan Perunding memperolehi CCC untuk kesemua SBP dan memaklumkan kepada Kementerian Kewangan agar tindakan sewajarnya dapat diambil terhadap Perunding yang tidak melaksanakan tanggungjawab dengan memuaskan;
- iii. reka bentuk projek yang dicadangkan perlu mengambil kira keperluan dan keselesaan pengguna, keperluan operasi pentadbiran dan kewangan harian serta P&P dalam suasana kondusif, selamat dan ceria;
- iv. KPM hendaklah mempertingkatkan pemantauan bagi memastikan hasil kerja adalah berkualiti dan segala kecacatan diperbaiki dengan segera supaya kemudahan disediakan dapat dimanfaatkan secara optimum bagi mengelakkan kerugian kepada Kerajaan. Manakala bagi projek yang telah tamat DLP, KPM hendaklah mengambil tindakan proaktif dengan menyediakan peruntukan yang mencukupi dan melantik Kontraktor untuk kerja penyenggaraan; dan
- v. kemudahan bilik darjah dan gelanggang permainan hendaklah digunakan dan tindakan segera hendaklah diambil oleh KPM dan Kontraktor bagi membaiki kerosakan supaya kemudahan tersebut dapat digunakan dan aktiviti pelajar dapat diteruskan serta memastikan sistem pengesanan dan pencegahan kebakaran berfungsi bagi mengelakkan risiko kemalangan dan kebakaran.

[muka surat 154 - 194]

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

Jabatan Penyiaran Malaysia

9. Pengurusan Projek Pembangunan Kandungan Penyiaran Digital

- a. Jabatan Penyiaran Malaysia yang terdahulu dikenali sebagai Radio Televisyen Malaysia (RTM) merupakan salah satu jabatan di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) bermatlamat untuk menjadi sebuah organisasi penyiaran terulung, bertaraf dunia dan menjunjung Gagasan 1Malaysia. Seiring dengan peningkatan teknologi penyiaran dunia, RTM telah mewujudkan saluran baharu iaitu TV Interaktif (TVi) pada 10 April 2011. Objektif saluran ini memberi tumpuan kepada generasi muda agar penyaluran maklumat Kerajaan secara santai dan berkesan dapat dilaksanakan. Di samping itu, saluran TVi memberikan daya inspirasi, elemen interaktif, penonjolan budaya inovatif di kalangan remaja dan integrasi antara etnik di negeri Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Pengisian kandungan siaran bertujuan untuk menyuntik semangat patriotisme, keilmuan dan pengetahuan, hiburan ke arah membuka minda serta memenuhi citarasa remaja. RTM telah diluluskan peruntukan berjumlah RM90.04 juta bagi tempoh tahun 2011 hingga bulan Jun 2013 di bawah Projek Pembangunan Kandungan Penyiaran

Digital (PKPD). Ia meliputi skop membekal program siaran terbitan tempatan berformat *High-Definition* (HD) dan *Standard-Definition* (SD) untuk pengisian saluran TVi. Program siaran tersebut mengandungi kategori telemovie, drama bersiri, dokumentari/majalah, candawara (gameshow) dan animasi. Selain itu, skop projek termasuk penyediaan *multidelivery platform* untuk mempopularkan program yang disiarkan, kajian kepuasan pelanggan dan latihan perolehan. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya pengurusan projek adalah memuaskan dari aspek prestasi penyiaran; penilaian kualiti program dan penyimpanan serta pelupusan pita beta digital. Bagaimanapun, bagi aspek kawalan peruntukan dan perbelanjaan; prestasi fizikal; pengurusan kontrak; pengurusan bon pelaksanaan dan pendaftaran aset adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i. perbelanjaan perolehan program bagi saluran TV1 dan TV2 berjumlah RM43.70 juta adalah di luar skop projek PKPD tanpa mendapat kelulusan Unit Perancang Ekonomi dan Perbendaharaan;
 - ii. perolehan program saluran TVi berjumlah RM111.83 juta telah melebihi peruntukan sejumlah RM21.79 juta (24.20%) bagi tempoh tahun 2011 hingga bulan Jun 2013;
 - iii. KKMM tidak memohon peruntukan pembangunan tambahan bagi membiayai tanggungan berjumlah RM61.78 juta;
 - iv. sebanyak 71 program (16.67%) telah siap tetapi lewat jadual, manakala 78 program (18.31%) masih dalam pelaksanaan tetapi melebihi tempoh kontrak asal. Kelewatan pelaksanaan antara 15 hari hingga 14 bulan;
 - v. sebanyak 15 program telah diberi kelulusan lanjutan tempoh kontrak melebihi sekali, manakala 8 program diberi kelulusan lanjutan masa selepas tarikh tamat tempoh kontrak;
 - vi. *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) berjumlah RM182,142 tidak dikenakan terhadap 42 program siap yang melebihi tempoh sah laku kontrak;
 - vii. keseluruhan 413 program yang bernilai melebihi RM50,000 setiap satu tidak mempunyai kontrak formal;
 - viii. terdapat 75 program tidak dikemukakan bon pelaksanaan berjumlah RM0.86 juta, manakala 53 program bon pelaksanaan tidak meliputi 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak; dan
 - ix. perolehan 366 program bernilai RM88.04 juta tidak didaftarkan sebagai harta modal Kerajaan.
- b. Pihak Audit mengesyorkan supaya KKMM mempertimbangkan perkara berikut:
- i. menubuhkan satu Jawatankuasa Siasatan bagi mengenal pasti punca berlakunya perolehan di luar skop projek pembangunan dan mengesyorkan tindakan susulan;



- ii. memastikan laporan kajian impak dan laporan maklum balas penonton dibuat untuk mengukur tahap pencapaian projek. Laporan perlu dibuat dengan lebih menyeluruh dengan mengambil kira responden penonton Negeri Sabah dan Sarawak;
- iii. memastikan pengurusan perolehan Kandungan Penyiaran Digital seperti berikut ditambah baik:
 - prosedur perolehan secara rundingan terus mematuhi syarat yang ditetapkan oleh Perbendaharaan;
 - proses perolehan perlu ditambah baik daripada aspek tempoh pengeluaran SST;
 - memastikan kontrak formal perolehan ditandatangani oleh pembekal;
 - SST yang dikeluarkan mengikut garis panduan;
 - pengurusan bon pelaksanaan dipertingkatkan daripada aspek kutipan dan tempoh sah laku bon pelaksanaan; dan
 - memastikan pembekal yang tidak mematuhi syarat SST seperti bon pelaksanaan dan tempoh siap program disenarai hitam.
- iv. memastikan perolehan kandungan penyiaran digital didaftarkan sebagai aset selaras dengan pelaksanaan perakaunan akruan pada tahun 2015.

[muka surat 195 - 221]

KEMENTERIAN DALAM NEGERI / JABATAN KERJA RAYA

10. Projek Pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul, Kuala Lumpur

- a. Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah merancang untuk membina Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul, Kuala Lumpur dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Projek ini telah dibiayai melalui program *Private Finance Initiative* (PFI) yang diberi keutamaan untuk dilaksanakan pada tahun 2008. Objektif projek ini adalah untuk menaik taraf IPD lama yang telah berusia 35 tahun. Projek ini telah dilaksanakan di atas tanah seluas 2.14 ekar meliputi kerja-kerja pengubahsuaian dan menaik taraf IPD lama. Pengurusan dan operasi sementara IPD Sentul telah dipindahkan ke Balai Polis Jinjang dan Balai Polis Kepong sejak 16 Mei 2010. Manakala, Balai Polis Sentul telah beroperasi sementara di premis yang disewa di Putra Majestic, Jalan Kasipillay, Kuala Lumpur. **Jabatan Kerja Raya (JKR) telah dilantik sebagai agensi pelaksana bagi pihak pelanggan iaitu Kementerian Dalam Negeri. Pengguna bagi projek ini pula adalah Polis DiRaja Malaysia.** Kementerian Kewangan telah bersetuju untuk menawarkan kontrak ini kepada SAFF Builders Sdn. Bhd. (dulu dikenali sebagai FFAS Builders Sdn. Bhd.). Kontrak pembinaan ini bernilai RM64 juta dan perlu disiapkan dalam tempoh 90 minggu. Pengauditan yang dijalankan mendapati pembinaan IPD ini telah mencapai objektifnya iaitu menyediakan bangunan yang moden dan lebih selesa. Bagaimanapun, projek ini hanya disiapkan selepas 4 lanjutan masa selama 483 hari. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan yang dikenal pasti seperti berikut:

- i. kelewatan menduduki bangunan di mana bangunan ini hanya diduduki sepenuhnya pada bulan Januari 2014 walaupun Perakuan Serahan Kerja Siap telah dikeluarkan oleh JKR Wilayah Persekutuan pada 5 Jun 2013;
 - ii. Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 24 September 2008 telah bersetuju supaya projek ini dilaksanakan secara rundingan terus dengan syarikat SAFF Builders Sdn. Bhd. Bagaimanapun, tidak ada bukti Surat Niat dikeluarkan oleh JKR kepada kontraktor;
 - iii. perolehan bahan/barangan siap yang diimport yang berada dalam negara tanpa kelulusan Kementerian Kewangan;
 - iv. pembinaan pagar keselamatan tidak meliputi keseluruhan kawasan kompleks di mana pagar keselamatan tidak dibina di hadapan balai; dan
 - v. terdapat reka bentuk pembinaan yang tidak sesuai dan kerja pembinaan yang kualitinya tidak memuaskan.
- b. Pihak Audit mengesyorkan supaya JKR dan KDN mengambil tindakan seperti berikut:
- i. JKR hendaklah memastikan pelantikan perunding mengambil kira tahap kompetensi perunding dalam sesuatu bidang berkenaan bagi mengurangkan risiko kelewatan pelaksanaan projek dan kenaikan kos yang tidak berpatutan (time and cost overrun);
 - ii. JKR perlu memastikan klausa untuk mengenakan penalti terhadap perunding yang gagal melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna atau gagal mengemukakan dokumen berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan hendaklah dimasukkan dalam *Memorandum of Agreement*. Ini adalah bagi memastikan perunding memberi komitmen yang sepenuhnya dalam bidang yang dipertanggungjawabkan;
 - iii. JKR perlu memastikan kontraktor mematuhi peraturan mengenai penggunaan bahan/barangan import;
 - iv. JKR perlu memastikan kontraktor bertanggungjawab terhadap kualiti pembinaan dengan memperbaiki semua kecacatan sebelum tempoh tanggungan kecacatan berakhir;
 - v. JKR hendaklah memastikan pemantauan secara berterusan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor bagi mengelakkan kualiti kerja yang rendah dan menepati spesifikasi output yang disasarkan supaya mencapai objektif projek untuk membina sebuah fasiliti yang "fit for purpose". Selain itu, JKR juga hendaklah memantau kerja-kerja perunding bagi memastikan perunding menjalankan tanggungjawab seperti yang telah ditetapkan; dan
 - vi. KDN perlu memastikan tahap keselamatan Balai Polis dengan menyediakan pagar keselamatan selaras dengan Arahan Keselamatan Kerajaan.

[muka surat 222 - 240]



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Jabatan Imigresen Malaysia

11. Pengurusan Aktiviti Pengambilan Pekerja Asing Dan Pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara

- a. Kementerian Dalam Negeri (KDN) bertanggungjawab dalam urusan pengambilan pekerja asing. Bahagian Pengurusan Pekerja Asing, KDN menjadi urus setia kepada Pusat Kelulusan Setempat Pekerja Asing/*One Stop Centre* (OSC) untuk memproses dan memberi kelulusan terhadap permohonan majikan untuk mengambil pekerja asing, setelah majikan gagal mendapat pekerja tempatan. Sehingga kini, Kerajaan membenarkan pengambilan pekerja asing bagi 6 sektor iaitu sektor perkilangan, pembinaan, perladangan, pertanian, perkhidmatan dan pembantu rumah. Prosedur pengambilan pekerja asing melalui OSC telah dikuatkuasakan mulai 1 Ogos 2005 hasil daripada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing (JKKPA) pada 5 Julai 2005. Prosedur ini dikuatkuasakan kepada semua sektor pekerjaan yang dibenarkan kecuali bagi sektor pembantu rumah yang diluluskan oleh Bahagian Pekerja Asing, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). OSC di KDN adalah mekanisme untuk mempercepat dan memudahkan proses permohonan pengambilan pekerja asing dalam tempoh satu hari. JIM terlibat secara langsung dalam urusan pekerja asing, antaranya menguatkuasakan undang-undang imigresen yang berkaitan dengan pekerja asing tanpa izin atau tanpa permit kerja yang sah, mengeluarkan surat kelulusan permohonan Visa Dengan Rujukan (VDR) kepada pekerja asing yang baru memasuki Malaysia, mengeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) baru dan melanjutkannya dan mengeluarkan Memo Periksa Keluar bagi pekerja asing yang dihantar pulang ke negara asal. Pengauditan yang dijalankan mendapati Kerajaan telah menyediakan perancangan yang baik dalam menguruskan hal ehwal pekerja asing. Secara keseluruhannya, pengurusan aktiviti pengambilan pekerja asing oleh KDN dan pengeluaran PLKS oleh JIM telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berhemat di mana tempoh kelulusan kuota di OSC KDN telah dilaksanakan dalam tempoh satu hari selaras dengan Objektif Kualiti Bahagian Pengurusan Pekerja Asing KDN, bilangan VDR yang dikeluarkan oleh JIM adalah berdasarkan bilangan kuota yang diluluskan dan kutipan bayaran levi untuk tahun pertama oleh majikan di OSC KDN telah meningkat sebanyak 31.8% iaitu daripada RM342.83 juta dalam tahun 2011 kepada RM451.83 juta dalam tahun 2013. Bagaimanapun, antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:
- i. terdapat kuota pengambilan pekerja asing yang diluluskan oleh jawatankuasa tanpa kehadiran wakil agensi kawal selia selaku ahli panel penemuduga;
 - ii. pekerja asing bekerja di barisan hadapan/*frontliners* sebagai pelayan restoran yang menyalahi Perkara 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
 - iii. Sistem Aplikasi Jabatan Imigresen (myIMMs) tidak dapat menjana laporan secara terus apabila ia diperlukan; dan
 - iv. naziran secara berkala tidak dilaksanakan dan tidak ada unit naziran secara khusus diwujudkan untuk memantau pekerja asing dan majikan.

- b. Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan aktiviti pengambilan pekerja asing dan pengeluaran PLKS supaya dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan teratur, KDN dan JIM hendaklah memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap syor seperti berikut:
- i. memastikan kelulusan kuota pengambilan pekerja asing dibuat oleh ahli jawatankuasa panel penemuduga yang telah ditetapkan iaitu Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Sumber Manusia dan agensi kawal selia;
 - ii. tindakan penguatkuasaan perlu dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan majikan mematuhi syarat pas yang telah diluluskan;
 - iii. memastikan dokumen sumber permohonan bagi menyokong maklumat/data pekerja asing dan majikan diurus dengan lebih teratur dan sempurna serta mudah dikesan untuk sebarang rujukan. Pemusnahan dokumen perlu dibuat dengan sewajarnya dan kelulusan mengenainya hendaklah diperoleh daripada pihak pengurusan; dan
 - iv. meningkatkan sistem penyampaian antaranya dengan penyediaan sistem perkomputeran yang stabil dalam menguruskan maklumat/data pekerja asing bagi memudahkan semua pihak yang berkepentingan.

[muka surat 241 - 260]

BAHAGIAN II – PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

12. Pengurusan Inno Biologics Sdn. Bhd.

- a. Inno Biologics Sdn. Bhd. (IBL), adalah sebuah syarikat subsidiari milik penuh Inno Bio Ventures Sdn. Bhd. (IBV) iaitu Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan dan dikawal selia oleh Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI). IBL telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 18 Mac 2002 dengan modal berbayar berjumlah RM93 juta. IBL merupakan penggerak operasi utama dalam kumpulan IBV yang berperanan sebagai entiti penyelidikan tertumpu kepada biofarmaseutikal dan antibodi monoklonal berasaskan kultur sel mamalia menerusi kerjasama syarikat pengilang kontrak (CMO). IBL menawarkan perkhidmatan pengilang kontrak produk bioteknologi, pembangunan bioproses terhadap pengilangan Amalan Pengilangan Baik (cGMP), penyelidikan dan latihan berkaitan bioteknologi. Sebagai syarikat pengilangan kontrak, IBL menumpukan kepada pengilangan bahan gred klinikal daripada kultur sel yang disediakan oleh pelanggannya untuk menjalankan ujian ubat dalam peringkat awal sebelum memasuki peringkat pengeluaran komersil yang penuh. Sebagai sebuah syarikat subsidiari yang dimiliki oleh Syarikat Kerajaan, IBL perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965, Memorandum dan Artikel Syarikat serta menerima pakai peraturan lain berkaitan dengan Syarikat Kerajaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa. Pengauditan yang dijalankan mendapati penemuan seperti berikut:



- i. IBL mengalami kerugian selepas cukai bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 iaitu RM25.73 juta pada tahun 2010, RM27.18 juta pada tahun 2011 dan RM25.81 juta pada tahun 2012;
 - ii. IBL berjaya menyelesaikan 2 kontrak pengilangan dengan nilai kontrak keseluruhan berjumlah RM5.49 juta. Aktiviti penyelidikan dan latihan dalam bidang bioteknologi menunjukkan peningkatan hasil sebanyak RM0.25 juta (318.4%) pada tahun 2012 dan menurun kepada RM0.19 juta pada tahun 2013;
 - iii. Pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan teratur. Perkhidmatan juga telah disempurnakan bagaimanapun, masih terdapat sejumlah RM2.68 juta tunggakan bayaran kontrak daripada pelanggan. Daripada jumlah tunggakan tersebut, RM2.09 juta telah diiktiraf sebagai hapus kira hutang lapuk. Selain itu, pembelian 2 set *Liquid Chromotography Tandem Mass Spectrometer (LCMS/MS) System* berjumlah RM1.97 juta pada tahun 2009 tidak digunakan secara optimum; dan
 - iv. Pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat adalah memuaskan kecuali tiada manual proses kerja bagi pengurusan aset IBL serta kekerapan mesyuarat Lembaga Pengarah adalah tidak mematuhi amalan terbaik yang digariskan dalam *GLC Transformation Manual : The Green Book-Enhancing Board Effectiveness* (antara 6 - 8 kali setahun).
- b. Bagi memantapkan keupayaan dan tadbir urus organisasi serta memastikan penubuhan IBL mencapai objektifnya, pihak Audit mengesyorkan supaya pihak yang terlibat mempertimbangkan perkara berikut:
- i. Lembaga Pengarah serta pengurusan IBL perlu memastikan semua terma kontrak yang ditandatangani menjamin kepentingan serta liabiliti syarikat; dan
 - ii. Pengurusan IBL perlu mengadakan usahasama dengan Agensi yang mempunyai peranan hampir sama seperti Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan Universiti Tempatan.

[muka surat 263 - 287]

13. Pengurusan FELCRA Berhad

- a. FELCRA Berhad (FELCRA) adalah merupakan sebuah syarikat milik penuh Kerajaan di bawah Akta Syarikat 1965 yang ditubuhkan pada 23 Mei 1997 yang mula beroperasi pada 1 September 1997. Modal dibenarkan adalah berjumlah RM1 bilion dan modal berbayar berjumlah RM500 juta. Sehingga 31 Disember 2013, FELCRA mempunyai 18 buah syarikat subsidiari di mana jumlah keuntungan bersih selepas cukai syarikat subsidiari berjumlah RM35.06 juta bagi tahun kewangan beraudit 2012. Melalui perjanjian pengkorporatan antara Kerajaan Malaysia dengan FELCRA yang telah ditandatangani pada 18 April 2003, FELCRA bertanggungjawab untuk melaksanakan program obligasi sosial bagi memenuhi

keperluan, faedah dan kebajikan kumpulan sasaran dalam usaha meningkatkan kualiti hidup yang lebih sempurna selaras dengan hasrat wawasan negara. FELCRA diamanahkan untuk memajukan tanah terbiar milik peserta yang berselerak dan tiada nilai ekonomi agar menjadi ladang komersil melalui Projek Pemulihan Tanah Milik. FELCRA telah menjana keuntungan selepas cukai bagi 3 tahun berturut-turut iaitu RM56.55 juta, RM113.40 juta dan RM51.99 juta masing-masing bagi tahun 2010, 2011 dan 2012. Bagaimanapun keuntungan syarikat telah mengalami penurunan yang ketara sejumlah RM61.41 juta (54.2%) pada tahun 2012 berbanding tahun 2011. Pengauditan yang dijalankan mendapati penemuan seperti berikut:

- i. dari segi pengurusan aktiviti, umumnya FELCRA telah menjalankan aktiviti dengan teratur dan mengikut peraturan selaras dengan objektif yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:
 - FELCRA bergantung kepada pendapatan lain iaitu faedah atas pelaburan untuk menampung aktiviti operasi;
 - sebahagian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) tidak dicapai bagi tahun 2012 dan 2013 kerana penurunan pendapatan aktiviti perladangan dan perkilangan;
 - prestasi pendapatan daripada aktiviti perladangan menurun dari tahun ke tahun kerana penurunan produktiviti ladang disebabkan oleh kelemahan dalam pengurusan aktiviti perladangan terutamanya ketiadaan proses pengenalan pokok yang berusia dan tidak ekonomik serta pengurusan pembajaan yang tidak cekap;
 - aktiviti perkilangan mencatatkan kerugian tiga tahun berturut-turut disebabkan ketidakstabilan harga *Crude Palm Oil* (CPO) dan kelemahan pengurusan pemprosesan buah kelapa sawit serta ketiadaan asas yang kukuh bagi penjualan kilang sawit baru milik FELCRA serta kos penyenggaraan yang tinggi bagi kilang sawit lama;
 - prestasi program penyatuan dan pemulihan tanah yang rendah bagi tahun 2013 dimana peratus perbelanjaan hanya mencapai 45.0% daripada peruntukan dan hanya 42.61% dari 3,000 hektar yang disasarkan;
 - aktiviti penanaman kelapa sawit di kawasan tanah yang kurang sesuai seperti kawasan tanah gambut, kawasan yang sering mengalami banjir serta kelemahan pengurusan pembayaran upah pekerja tuaian dan penghantaran buah kelapa sawit ke kilang sawit; dan
 - sejumlah RM82.89 juta bayaran dividen tidak dapat diserahkan kepada peserta antaranya disebabkan peserta tidak dapat dikesan, tiada nombor akaun, telah meninggal dunia dan belum membuat perubahan kuasa hak atas tanah.



- ii. selain itu, terdapat kelemahan dalam pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat yang perlu ditambah baik khususnya kelemahan pengurusan pembayaran sagu hati.
- b. Bagi memastikan objektif penubuhan FELCRA dicapai dan memantapkan keupayaan tadbir urus organisasi adalah disyorkan supaya pihak terlibat memberi pertimbangan dan mengambil tindakan terhadap perkara berikut:
- i. menilai semula faktor yang menyebabkan KPI tidak dapat dicapai serta merangka satu pelan tindakan yang lebih komprehensif bagi meningkatkan pencapaian prestasi setiap KPI;
 - ii. melaksanakan projek penanaman semula bagi menjamin keuntungan daripada aktiviti perladangan di masa hadapan di samping memberi penekanan dalam keperluan baja di estet milik FELCRA;
 - iii. meningkatkan kawalan pengurusan buah kelapa sawit dengan memantau dengan lebih ketat supaya lebih berkesan dan dapat meningkatkan produktiviti kilang. Selain itu, Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan perlu mengkaji kelemahan aktiviti pemasaran supaya dapat diperbaiki; dan
 - iv. berusaha mengatasi masalah dividen tertunggak dengan lebih serius dan ambil tindakan yang lebih proaktif bagi menangani masalah penyerahan dividen.

[muka surat 288 - 331]

BAHAGIAN I
PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/
JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN



BAHAGIAN I

PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

1. PENDAHULUAN

Selain daripada menjalankan pengauditan kewangan, Jabatan Audit Negara dikehendaki juga di bawah Seksyen 6, Akta Audit 1957 mengaudit aktiviti Kementerian/Jabatan untuk menentukan sama ada ia dilaksanakan dengan cara yang teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Bagi memenuhi kehendak peruntukan Akta tersebut, 11 aktiviti di 10 Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan telah dipilih untuk dilaporkan bagi Siri 2. Hasil daripada pengauditan itu telah dibincangkan dengan pihak pengurusan Kementerian/Jabatan yang terlibat sebaik sahaja pengauditannya selesai dijalankan dan 11 aktiviti tersebut dilaporkan secara terperinci termasuk syor-syor Audit bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan.

JABATAN PERDANA MENTERI

2. JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI / JABATAN KERJA RAYA - PROJEK PEMBINAAN HOTEL WAKAF, KUALA TERENGGANU

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Hotel wakaf adalah hotel yang dibina di tapak tanah wakaf yang dipegang oleh Majlis Agama Islam (MAIN) sesebuah negeri. *Tanah wakaf bermaksud tanah yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tanah tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya. Penggunaan harta wakaf mestilah diharuskan oleh syarak.* Projek Pembinaan Hotel Wakaf melibatkan pembangunan secara konsep usaha sama iaitu tanah wakaf disediakan oleh MAIN dan peruntukan pembangunan melalui Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Tanah wakaf yang terlibat akan dipajak terlebih dahulu kepada Kerajaan Persekutuan untuk membolehkan ianya dibangunkan dalam tempoh 3 hingga 5 tahun. Dengan pembinaan hotel wakaf, ianya dapat menambahkan lagi aset wakaf MAIN sesebuah negeri.

2.1.2. Projek Pembinaan Hotel Wakaf di Kuala Terengganu telah dilaksanakan di atas tanah wakaf Lot 4060 dan 262 milik Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) di tengah Bandaraya Kuala Terengganu. Hotel ini

mempunyai kapasiti 180 buah bilik yang terdiri dari 115 bilik *standard*, 48 *executive*, 15 bilik *super executive* dan 2 *dormitory*. Ianya merupakan hotel wakaf yang ke-4 diberi peruntukan oleh JAWHAR. **Pembinaan hotel ini diurus dan dipantau oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Terengganu di mana Pengarah JKR Negeri Terengganu telah dilantik sebagai Pegawai Penguasa Projek. Ketua Penolong Pengarah Bangunan, Elektrikal dan Mekanikal dari JKR Negeri Terengganu telah dilantik bagi mewakili Pegawai Penguasa dalam urusan pemantauan pelaksanaan projek di tapak.**

2.1.3. Kontrak pembinaan hotel wakaf yang bernilai RM37.30 juta ini telah ditawarkan kepada Syarikat Sincere Image Sdn. Bhd. (SISB) secara tender terbuka. Manakala AH Architects telah dilantik sebagai perunding bagi kerja-kerja reka bentuk bangunan hotel. Bangunan hotel ini telah disiapkan pada 17 Januari 2013 dan diserahkan kepada JAWHAR secara rasmi pada 8 April 2013. Hotel ini kemudiannya diserahkan kepada MAIDAM yang merupakan pemegang amanah tunggal wakaf dan pengguna akhir bagi hotel ini. JAWHAR telah mewujudkan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) iaitu satu entiti wakaf bagi mengurus pengoperasian hotel. YWM telah melantik Syarikat Permata Ayahbonda Sdn. Bhd. sebagai operator hotel wakaf. Hotel wakaf ini dinamakan Hotel Grand Puteri yang bertaraf 3 bintang.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Projek Pembinaan Hotel Wakaf telah diurus dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif pembinaan yang ditetapkan.

2.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Projek Pembinaan Hotel Wakaf bagi tempoh tahun 2009 hingga 2013. Pengauditan ini telah dijalankan di Bahagian Wakaf, JAWHAR, Cawangan Kerja Bangunan Am (CKBA), Cawangan Kerja Ukur Bahan (CKUB), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Bahagian Bangunan, JKR Terengganu.

2.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen di Jabatan/Agensi berkaitan. Lawatan ke lokasi projek, temu bual dengan pegawai bertanggungjawab juga turut dijalankan. Isu-isu yang ditemui telah dibincangkan dengan pihak yang terlibat dalam satu mesyuarat (Exit Conference) pada 6 Mac 2014. Turut hadir pada mesyuarat tersebut adalah Ketua Pengarah JAWHAR; wakil daripada Bahagian Bangunan, JKR Negeri Terengganu; CKBA, JKR; pihak kontraktor; operator hotel; YWM; MAIDAM dan Unit Audit Dalam (UAD) dari Jabatan Perdana Menteri (JPM).



2.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2013 hingga Disember 2013 mendapati secara keseluruhannya pengurusan pembinaan telah dibuat dengan teratur, cekap dan berhemat khususnya dari segi proses pelantikan kontraktor, bayaran kemajuan, kelulusan lanjutan masa, pengenaan bayaran denda kerja tidak siap (LAD) serta pengeluaran Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap. Bagaimanapun terdapat beberapa perkara yang masih memerlukan tindakan pembetulan dan penambahbaikan seperti berikut:

- i. kelewatan penyerahan projek menyebabkan masa yang masih berbaki bagi tempoh tanggungan kecacatan berkurangan sebanyak 80 hari;
- ii. kelewatan menandatangani kontrak iaitu selama 195 hari;
- iii. kelulusan Arahan Perubahan Kerja (APK) tidak direkodkan tarikh dan ini menunjukkan kawalan dalaman yang lemah;
- iv. proses melaporkan kecacatan oleh JAWHAR tidak memenuhi prosedur yang ditetapkan oleh JKR menyebabkan status pembaikan tidak dapat dipastikan;
- v. dokumen Manual Operasi Dan Penyenggaraan yang lengkap dengan Lukisan Siap Bina belum dikemukakan kepada JAWHAR;
- vi. sebahagian reka bentuk tidak sesuai/tidak praktikal dan sebahagian kualiti kerja pembinaan masih belum memuaskan; dan
- vii. 15 daripada 180 buah bilik hotel tidak dapat digunakan seperti yang dirancang kerana masih belum disediakan dengan kelengkapan yang sepatutnya.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang dibangkitkan dan maklum balas JAWHAR dan JKR adalah seperti di perenggan berikut:

2.5.1. Prestasi Projek

2.5.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

- a. Berdasarkan kontrak, tempoh pembinaan hotel wakaf bermula dari tarikh milik tapak iaitu 16 Februari 2010 hingga 4 Julai 2011 (dalam tempoh 72 minggu). Berdasarkan kepada surat setuju terima, kerja-kerja pembinaan ini perlu dimulakan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh milik tapak tersebut. Sekiranya kontraktor gagal memulakan kerja-kerja pembinaan dalam tempoh tersebut, perkhidmatan kontraktor ini boleh ditamatkan. Berdasarkan kepada Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976, sebelum kerja-kerja pembinaan dimulakan, kelulusan kebenaran merancang perlu diperolehi terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan (PBT). Semakan Audit mendapati kerja-kerja pembinaan hotel wakaf ini tidak dapat dimulakan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh milik tapak tersebut. Ini disebabkan kelulusan kebenaran merancang daripada Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) tidak dapat diperolehi. MBKT telah menetapkan beberapa syarat

yang perlu dipatuhi sebelum kelulusan kebenaran merancang diberi. Antaranya adalah mendapat kelulusan dasar daripada Kerajaan Negeri, menyediakan 41 petak tempat letak kereta tambahan dan menjelaskan fi kebenaran merancang sejumlah RM3,380. Projek ini terpaksa ditangguhkan selama 3 bulan untuk proses mendapatkan kelulusan kebenaran merancang daripada PBT. Berdasarkan kepada surat JKR pusat bertarikh 1 April 2010 yang telah ditandatangani oleh Timbalan Ketua Pengarah JKR I, tarikh milik tapak telah bertukar kepada 17 Mei 2010 dan menjadikan tarikh siap projek yang baru adalah pada 2 Oktober 2011. Kelulusan kebenaran merancang hanya diperolehi pada 12 Oktober 2011. Semakan Audit mendapati JKR telah meluluskan 3 Lanjutan Masa (EOT) yang melibatkan tempoh selama 456 hari iaitu selepas tarikh siap projek yang baru. Maklumat lanjut mengenai lanjutan masa yang diluluskan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.1
LANJUTAN MASA YANG DILULUSKAN

PERKARA	TEMPOH LANJUTAN MASA	SEBAB LANJUTAN MASA
EOT 1	03.10.2011 – 09.04.2012 (190 hari)	<ul style="list-style-type: none"> Proses mendapat kelulusan kebenaran merancang daripada MBKT. Proses mendapat kelulusan pembinaan <i>Sewerage Treatment Plant</i> (STP) daripada Indah Water Konsortium (IWK).
EOT 2	10.04.2012 – 30.09.2012 (174 hari)	<ul style="list-style-type: none"> Proses mendapat kelulusan pembinaan <i>Sewerage Treatment Plant</i> (STP) daripada Indah Water Konsortium (IWK). Kerja-kerja tambahan seperti tambahan tangga kecemasan Bomba di tapak <i>tower crane</i>, keluasan bilik kawalan kebakaran, <i>acoustic foldable door</i>, <i>acoustic wall</i>, pintu rintangan api, <i>fire roller shutter</i>, ketebalan dinding <i>sub-station</i> Tenaga Nasional Berhad (TNB), dinding tepi STP, <i>lintol</i> dan <i>stifner</i> (tiada dalam lukisan), <i>party wall</i> (dinding pemisah), perubahan pada bilik <i>hose reel</i>, ketinggian <i>lift motor room</i> dan <i>RC Gutter</i> di tingkat 2 (perubahan pelan atas masuk bilik).
EOT 3	01.10.2012 – 31.12.2012 (92 hari)	<ul style="list-style-type: none"> Proses mendapat kelulusan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia untuk pertukaran <i>roof slab</i> kepada 4 <i>layers fire rated ceiling</i> untuk semua <i>roofing</i>. Kerja-kerja tambahan seperti pemasangan <i>tile</i> di 2 buah kolam renang, pemasangan <i>Gable End</i> dan <i>Rain Water Down</i>. Penangguhan dan pembatalan penggunaan <i>key card lock system</i> oleh MAIDAM.
TEMPOH LANJUTAN MASA (Hari)	456 hari	

- b. Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya menetapkan penyerahan bangunan kepada Jabatan Pelanggan hendaklah dilakukan dalam tempoh 2 minggu daripada pengeluaran CPC. Bangunan hotel ini kemudiannya akan diserahkan kepada MAIDAM yang merupakan pemegang amanah tunggal wakaf dan pengguna akhir bagi hotel ini. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati JKR mengambil tempoh masa selama 80 hari untuk menyerahkan projek hotel wakaf tersebut secara rasmi kepada JAWHAR. Tarikh Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan adalah pada 17 Januari 2013 dan tarikh penyerahan rasmi adalah pada 8 April 2013. Kelewatan ini adalah disebabkan oleh pihak MAIDAM enggan mengambil alih selagi Sijil Perakuan Penyiapan Dan Pematuhan (CCC) tidak diperolehi. Kelewatan penyerahan



hotel wakaf ini telah menyebabkan JAWHAR hanya dapat memanfaatkan selama 285 daripada 365 hari untuk mengesan sebarang kecacatan yang ada semasa hotel wakaf ini berada di dalam tempoh tanggungan kecacatan. **Gambar 2.1** dan **2.2** menunjukkan sebahagian hotel wakaf yang telah siap dibina.

GAMBAR 2.1



Hotel Wakaf
- Pemandangan Hadapan
(29.10.2013)

GAMBAR 2.2



Hotel Wakaf
- Contoh Bilik Superior Room
(29.10.2013)

Maklum Balas JAWHAR Yang Diterima Pada 22 April 2014

Kelewatan penyerahan projek hotel oleh JKR kepada JAWHAR adalah disebabkan syarat penerimaan bangunan yang diberikan oleh pihak MAIDAM adalah memerlukan Sijil Perakuan Penyiapan Dan Pematuhan atau Certificate of Completion and Compliance (CCC). Sijil CCC ini diperlukan bagi membolehkan pihak operator memperolehi lesen untuk beroperasi dan MAIDAM bagi tujuan mengambil insurans bangunan tersebut. JAWHAR juga mengambil kira pandangan dari JPM bahawa dalam tempoh mendapatkan CCC, bangunan tersebut perlu berada di bawah kawalan dan seliaan JKR (termasuk keselamatan, kerosakan dan kecacatan).

Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 29 April 2014

Pihak JKR telah merancang untuk menyerahkan projek ini kepada pelanggan pada 18 Januari 2013 selepas pengeluaran CPC. Namun, pihak pelanggan tidak mahu menerima atas alasan CCC belum diperolehi walaupun CPC sudah mencukupi bagi Jabatan Pelanggan untuk digunakan. Tempoh selama 80 hari diambil oleh Perunding untuk menyelesaikan semua keperluan dokumen CCC yang melibatkan pelbagai pihak seperti kontraktor utama, sub kontraktor, pemborong, perunding, Indah Water Konsortium (IWK), Bomba, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dan lain-lain.

Pada pendapat Audit, JAWHAR sepatutnya menerima penyerahan projek yang dibuat oleh JKR secepat mungkin sebaik sahaja Sijil Perakuan Siap kerja (CPC) dikeluarkan. Ianya bertujuan untuk memanfaatkan sepenuhnya tempoh tanggungan kecacatan agar kerosakan atau kecacatan dapat dikesan dengan lebih awal dan dapat diperbaiki dengan segera oleh pihak kontraktor.

2.5.1.2. Prestasi Kewangan Projek

- a. Mengikut kontrak, nilai kontrak asal projek ini adalah berjumlah RM37.37 juta. Sehingga 14 April 2014, nilai keseluruhan kos projek telah meningkat kepada RM39.75 juta iaitu peningkatan sejumlah RM2.38 juta (6.4%) daripada kos asal. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh PHK dan APK. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.2
PELARASAN HARGA KONTRAK HOTEL WAKAF**

KOS ASAL PROJEK (RM Juta)	KOS TAMBAH/(KURANG) (RM Juta)	KOS BARU PROJEK (RM Juta)
37.37	2.38	39.75

Pada pendapat Audit, peningkatan kos kontrak ini adalah munasabah.

2.5.2. Pengurusan Pembinaan

2.5.2.1. Pelantikan Kontraktor

Berdasarkan kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, sebarang proses pelantikan kontraktor hendaklah mematuhi dari aspek dasar dan perancangan perolehan, tatacara dan dokumen tender, pengiklanan, pembukaan dan penilaian tender serta perakuan dan keputusan lembaga perolehan. Semakan Audit terhadap proses pelantikan kontraktor mendapati ia telah mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

2.5.2.2. Kontrak Lewat Ditandatangani

Berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, dokumen kontrak hendaklah ditandatangani dalam masa 4 bulan selepas Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Semakan Audit mendapati SST telah dikeluarkan pada 16 November 2009 dan kontrak antara Kerajaan dan kontraktor telah ditandatangani pada 28 September 2010 di mana berlaku kelewatan selama 195 hari. Kelewatan menandatangani kontrak berkenaan menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak terjamin sekiranya berlaku pertikaian antara kontraktor dan Kerajaan.

Maklum Balas JAWHAR Yang Diterima Pada 22 April 2014

Walaupun SST telah dikeluarkan pada 16 November 2011, namun tarikh milik tapak telah dipinda pada 17 Mei 2010. Dalam hal ini, kontraktor telah bersetuju untuk menerima tarikh milik tapak yang dicadangkan tanpa menuntut sebarang kerugian. Dokumen kontrak lewat ditandatangani kerana dalam penyediaan dokumen, semua pihak (JKR, Perunding dan Kontraktor) perlu menyemak dan meneliti supaya tiada maklumat penting yang tertinggal ataupun ditambah dalam

masa penyediaan kontrak tersebut. Setelah semuanya lengkap dan kemas dan dipersetujui oleh semua pihak, barulah dokumen tersebut ditandatangani. Dokumen kontrak telah ditandatangani pada 28 September 2010 iaitu 4 bulan 11 hari dari tarikh milik tapak. Walau bagaimanapun, ia tidak menjejaskan kerja-kerja kontraktor mahupun bayaran terhadap kerja kontraktor. Antara sebab kelewatan adalah penyediaan Bon Pelaksanaan dan Insurans yang diwajibkan mengikut kontrak pelaksanaan, melengkapkan pematuhan kepada NCR yang dikeluarkan, semakan dokumen, menjilid dokumen dan menyemak dan menandatangani dokumen kontrak.

Pada pendapat Audit, perubahan tarikh milik tapak sepatutnya tidak melibatkan perubahan besar kepada dokumen kontrak sehingga mengambil masa yang lama. Pada masa hadapan, JKR perlu memperkemas proses penyediaan dokumen kontrak dengan memastikan kontraktor mengambil tindakan segera untuk menyediakan dokumen kontrak yang lengkap bagi mempercepatkan proses penyediaan dokumen kontrak.

2.5.2.3. Pentadbiran Kontrak

Semakan Audit telah dibuat terhadap pentadbiran kontrak untuk memastikan kontraktor telah memenuhi obligasi kontrak, pegawai yang terlibat mematuhi peraturan dan prosedur pentadbiran kontrak supaya pelaksanaan kontrak berjalan lancar dan dapat memenuhi matlamatnya. Semakan Audit mendapati pentadbiran bagi aspek berikut telah dilaksanakan dengan teratur dan cekap:

a. Lanjutan Masa

Mengikut syarat kontrak, lanjutan masa hendaklah dimohon oleh kontraktor dan diluluskan oleh Pegawai Penguasa sebelum berakhirnya tempoh penyiapan yang dibenarkan di dalam kontrak. Semakan Audit mendapati proses kelulusan lanjutan masa adalah mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Butirannya adalah seperti berikut:

**JADUAL 2.3
PROSES LANJUTAN MASA YANG DILULUSKAN**

PERKARA	TARIKH PERMOHONAN OLEH KONTRAKTOR	TARIKH KELULUSAN LANJUTAN MASA	TARIKH SIAP SEBENAR PROJEK	BILANGAN HARI YANG DILULUSKAN (Hari)
-	-	-	02.10.2011	-
Lanjutan Masa 1	10.06.2011	18.08.2011	09.04.2012	190
Lanjutan Masa 2	08.03.2012	26.03.2012	30.09.2012	174
Lanjutan Masa 3	30.08.2012	27.09.2012	31.12.2012	92
TEMPOH LANJUTAN MASA (Hari)				456

Pada pendapat Audit, proses kelulusan lanjutan masa adalah teratur dan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

b. Pengenaan Bayaran *Liquidated Ascertained Damages* (LAD)

Mengikut syarat kontrak, Denda Kerja Tidak Siap boleh dikenakan ke atas kontraktor atas kegagalan menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang ditetapkan sejumlah RM6,727.18 sehari. Semakan Audit mendapati JKR telah mengeluarkan Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap pada 1 Januari 2013. Syarikat SISB telah dikenakan denda berjumlah RM114,326.06 bagi tempoh 1 hingga 17 Januari 2013 (17 hari). Denda ini telah dijelaskan oleh Syarikat SISB melalui potongan bayaran interim 38.

Pada pendapat Audit, proses pengenaan denda dan kutipan bayaran LAD daripada kontraktor adalah teratur.

c. Bayaran Kemajuan Kerja Kontrak

Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2013, sebanyak 40 bayaran interim berjumlah RM39.02 juta seperti di **Jadual 2.4** telah dibayar oleh JKR Terengganu kepada kontraktor. Berdasarkan semakan yang dilakukan, pihak Audit mendapati pembayaran kemajuan kerja adalah teratur serta selaras dengan pencapaian fizikal.

JADUAL 2.4
STATUS BAYARAN PEMBINAAN HOTEL WAKAF SEHINGGA 31 DISEMBER 2013

HARGA KONTRAK ASAL (RM Juta)	HARGA KONTRAK BARU (RM Juta)	TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
				(RM Juta)	(%)
37.37	39.75	2010	6.40	6.40	100
		2011	15.00	13.17	91.33
		2012	15.00	15.00	100
		2013	4.80	4.45	92.70
JUMLAH			41.20	39.02	94.71

Sumber : JKR Negeri Terengganu

d. Pengeluaran Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap

Berdasarkan Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya, apabila sesuatu kerja tersebut tidak dapat disiapkan oleh kontraktor di dalam tempoh yang ditetapkan dan tidak lagi layak mendapat lanjutan masa, maka sebarang kerugian atau ganti rugi tersebut akan ditanggung oleh kontraktor. Untuk mengenakan ganti rugi kepada kontraktor, Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap perlu dikeluarkan. Semakan Audit mendapati JKR telah mengeluarkan notis untuk mengenakan ganti rugi tertentu dan ditetapkan kepada kontraktor pada 24 Disember 2012. Pada 1 Januari 2013, JKR telah mengeluarkan Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap kepada kontraktor.

Pada pendapat Audit, JKR telah mengambil tindakan yang sewajarnya dengan mengeluarkan Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap kepada kontraktor berhubung kelewatan penyediaan projek pembinaan hotel wakaf.

2.5.2.3.1. Tarikh Kelulusan APK Tidak Dicatatkan

Mengikut Surat pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2007 Kelulusan Perubahan Kerja (KPK) perlulah diperolehi terlebih dahulu daripada pihak berkuasa melulus sebelum Arahan Perubahan Kerja (APK) dikeluarkan. Semakan Audit terhadap 18 APK yang bernilai RM732,340 mendapati tarikh kelulusan tidak dicatatkan oleh pihak JKR Terengganu. Perkara ini menyebabkan pengesahan tidak dapat dibuat bagi menentukan sama ada KPK diperolehi terlebih dahulu sebelum APK dikeluarkan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.5
SENARAI ARAHAN PERUBAHAN KERJA YANG TIDAK BERTARIKH

KERJA-KERJA YANG TERLIBAT	KOS YANG TERLIBAT (RM)
Perubahan Ketebalan Dinding <i>Sub Station</i> Dan Pintu Pencawang TNB	13,228.90
Tangga Tambahan BOMBA	85,338.80
Tambahan Keluasan Bilik Kawalan Kebakaran	8,585.00
Pertambahan Bilik Riser	48,232.00
Tambahan Pintu Rintangan Api	18,030.00
<i>Acoustic Foldable Door</i> Bagi Dewan Utama Dan Dewan Seminar	225,217.23
Tambahan Cermin Muka Dalam Bilik Air	65,396.21
Tambahan Bilik <i>Hose Reel</i>	22,498.00
Tambahan Ketinggian Di Bahagian <i>Lift Motor Room</i>	20,374.00
Tambahan <i>Lintol</i> Dan <i>Stiffener</i>	74,016.00
Tambah <i>RC Gutter</i> Di Tingkat 2	9,211.00
Tambahan <i>Pipe Outlet</i> Untuk Aircond Compartment	7,476.00
Tambahan Lingkungan Tempat Sampah	16,929.00
Tambahan Pintu Kecemasan BOMBA	2,917.00
Tambahan <i>Fire Roller Shutter</i>	79,659.78
Tambahan Dinding Tepi STP	21,678.70
Tambahan <i>Gable End</i> Di Zon C	8,792.85
Tambahan Papan Fascia Dan Siling Luar Tepi Kolam	4,760.00
JUMLAH	732,340.47

Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 29 April 2014

Bagi KPK no. 1 hingga 22, sememangnya sudah mempunyai tarikh kelulusan. Untuk kelulusan APK no. 1 hingga 22, tarikh kelulusan telah dicatitkan dalam Sistem Kawal dan Lapor (SKALA) tetapi tidak dicatitkan pada Borang Kelulusan APK. Sebagai langkah penambahbaikan, satu senarai semak telah disediakan oleh JKR sebagai garis panduan kepada Urusetia KPK/APK bagi memastikan tarikh kelulusan sentiasa dicatitkan pada Borang Kelulusan APK setiap kali KPK/APK diluluskan.

Pada pendapat Audit, amalan mengeluarkan APK tanpa mencatatkan tarikh adalah tidak teratur dan tidak telus serta mencerminkan kelemahan kawalan dalaman di peringkat pentadbiran kontrak.

2.5.2.3.2. Proses Pelaporan Kecacatan

Tempoh tanggungan kecacatan bagi projek ini adalah selama setahun dari tarikh Sijil Perakuan Siap kerja dikeluarkan. Kontraktor bertanggungjawab untuk melaksanakan pembaikan bagi aduan kerosakan dalam tempoh tersebut. JAWHAR bertanggungjawab untuk menyelenggara rekod aduan kerosakan dan pembaikan bagi hotel wakaf tersebut. Semakan Audit mendapati beberapa kecacatan telah dilaporkan sepanjang tempoh tanggungan kecacatan iaitu mulai 18 Januari sehingga tarikh pengauditan dijalankan iaitu pada 29 Oktober 2013. Bagaimanapun, adalah didapati tiada rekod khusus yang disediakan oleh JAWHAR untuk memantau kerja-kerja pembaikan. Pihak Audit mendapati JAWHAR menggunakan Borang Laporan Kecacatan/Kerosakan untuk membuat aduan kerosakan/kecacatan. Namun, rekod tersebut tidak lengkap dan tidak kemas kini kerana maklumat mengenai butiran tandatangan pemeriksa dan cop pengesahan pembaikan pada borang laporan kecacatan/kerosakan tersebut tidak diisi dengan lengkap.

Maklum Balas JAWHAR Yang Diterima Pada 22 April 2014

JAWHAR menyedari akan kekhilafan tidak menggunakan borang standard Laporan Kecacatan JKR kerana beranggapan senarai kecacatan yang dikemukakan kepada JKR sebelum ini (menggunakan format yang sama) telah memadai kerana tidak mendapat sebarang ulasan balas dari JKR Terengganu tentang ketidakpatuhan penggunaan format Laporan Kecacatan yang ditetapkan semasa mesyuarat-mesyuarat pembaikan kecacatan yang diadakan. Sebagai langkah pembetulan, JAWHAR telah mengemukakan semula senarai-senarai kecacatan tersebut kepada JKR dengan menggunakan format yang ditetapkan oleh JKR. JAWHAR akan memastikan borang standard JKR bagi Laporan Kecacatan digunakan bagi projek-projek akan datang dan telah melengkapkan borang berkenaan sebagai rekod.

Pada pendapat Audit, bagi membolehkan setiap kerosakan yang dilaporkan dipantau dengan berkesan, kelemahan dalam penyelenggaraan rekod oleh JAWHAR perlu diambil tindakan segera.



2.5.2.3.3. Dokumen Manual Operasi / Penyelenggaraan Dan Lukisan Siap Bina

- a. Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya menetapkan Lukisan Siap Bina/Manual Operasi hendaklah dikemas kini sepanjang perjalanan projek dan dikemukakan kepada Pegawai Penguasa oleh Kontraktor secara berperingkat menurut aturan kerja. Pihak JKR juga hendaklah menyerahkan dengan lengkap Lukisan Siap Bina komponen pembinaan antaranya kerja-kerja arkitek; sivil dan struktur; mekanikal; elektrik; sistem pencegahan kebakaran; sistem pembedungan; dan *road and drainage* kepada Jabatan pelanggan. Perkara ini memudahkan perancangan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan dan dokumen tersebut hendaklah disimpan dengan teratur oleh bagi tujuan rujukan.
- b. Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan pada 17 Januari 2013 setelah kerja-kerja diperakukan siap dengan sempurna. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap senarai Lukisan Siap Bina/Manual Operasi di JKR Terengganu pada bulan Oktober 2013 mendapati Lukisan Siap Bina bagi kerja-kerja arkitek telah diserahkan kepada JAWHAR pada 17 Julai 2013. Bagaimanapun, bagi Lukisan Siap Bina bagi sivil dan struktur, tiada bukti yang mengesahkan ianya telah diserahkan kepada JAWHAR oleh JKR Terengganu. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik, pihak Audit dimaklumkan, kontraktor masih belum mengemukakan Lukisan Siap Bina dan Dokumen Manual Operasi kepada wakil Pegawai Penguasa. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak 3 surat peringatan telah dikeluarkan kepada kontraktor dan juga perunding mengenai Lukisan Siap Bina dan dokumen manual operasi kerja-kerja mekanikal dan elektrik iaitu pada 14 Mei, 5 Jun dan 5 Ogos 2013, namun sehingga lawatan Audit pada 27 Oktober 2013, kontraktor dan juga perunding berkaitan masih belum mengemukakan dokumen tersebut.

Pada pendapat Audit, ketiadaan Dokumen Manual Operasi dan Lukisan Siap Bina akan menyukarkan JAWHAR dalam merancang dan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan. Oleh itu, JKR perlu mewujudkan mekanisme pemantauan bagi memastikan Dokumen Manual Operasi dan Lukisan Siap Bina disediakan oleh kontraktor selari dengan kemajuan pelaksanaan projek dan dapat diserahkan dengan lebih awal sebaik projek siap.

Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 29 April 2014

Lukisan Siap Bina Sivil & Struktur, Mekanikal & Elektrik serta Dokumen Manual Operasi dan penyelenggaraan bagi kerja-kerja elektrik dan mekanikal telah diserahkan kepada JAWHAR pada 30 Januari 2014.

2.5.3. Kualiti Pembinaan

Setiap kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang diterima pakai supaya bangunan yang dibina boleh digunakan secara optimum, selamat dan kondusif. Lawatan Audit pada 29 Oktober 2013 bagi meninjau keadaan hotel wakaf mendapati pada umumnya, kualiti kerja-kerja yang dilaksanakan adalah baik. Bagaimanapun, sebahagian kerja berikut masih perlu diberi perhatian dan tindakan.


2.5.3.1. Sebahagian Reka Bentuk Yang Tidak Sesuai

- a. Bagi memastikan setiap kerja dilaksanakan dengan baik dan menepati fungsinya, perancangan yang teliti perlu dilakukan semasa peringkat reka bentuk pembinaan. Reka bentuk pembinaan hendaklah mengikut keperluan dan dibuat/dibina dan dapat berfungsi dengan baik, selamat, sesuai, dan mudah untuk menjalankan kerja penyenggaraan. Semakan Audit mendapati sebahagian reka bentuk binaan hotel wakaf adalah tidak sesuai/tidak praktikal. Antaranya adalah seperti di jadual dan gambar berikut:


JADUAL 2.6
SEBAHAGIAN REKA BENTUK BINAAN YANG TIDAK SESUAI

LOKASI	REKABENTUK YANG TIDAK SESUAI
Kolam Renang	Tembok pemisah antara kolam kanak-kanak dan dewasa yang berukuran 17.8 cm adalah terlalu hampir yang boleh mengundang bahaya kepada kanak-kanak (Gambar 2.3 dan 2.4).
Bilik Dorm	Tandas sempit dan tidak selesa (Gambar 2.5 dan 2.6).
Kawasan Luar Hotel Wakaf	Rumah sampah tidak berbumbung yang boleh menyebabkan sampah-sarap terdedah kepada cuaca dan mengeluarkan bau busuk (Gambar 2.7).
Kolam Renang	Mudah dilihat oleh pengunjung dari pemandangan atas dan kolam renang yang tidak sesuai dengan konsep hotel yang bercirikan islam (Gambar 2.8).
Tangki Air, Aras 8	Pembinaan <i>floor trap</i> tidak dibuat. Ini boleh menyebabkan air bertakung sekiranya berlaku kebocoran tangki air (Gambar 2.9 dan 2.10).
Bilik Suis, Aras 6	Punca <i>sprinkler</i> terlalu hampir dengan papan agihan. Ini boleh mendatangkan bahaya pada pengguna dan merosakan peralatan elektrik tersebut. Penemuan ini juga ditemui pada bilik suis yang lain (Gambar 2.11 dan 2.12).
Bilik Genset, Aras Bawah	Kedudukan <i>exhaust</i> , <i>air intake silencer</i> dan <i>air discharge silencer</i> di bahagian yang sama adalah tidak sesuai. Udara panas yang keluar akan masuk kembali ke bilik genset (Gambar 2.13).
Bilik Hose Reel, Aras Bawah	<i>Floor trap</i> tidak disediakan. Ini akan menyebabkan air bertakung apabila berlaku kebocoran pada paip (Gambar 2.14).

GAMBAR 2.3



GAMBAR 2.4



Kolam Renang

- Tembok Pemisah Antara Kanak-Kanak Dan Dewasa Terlalu Hampir Yang Berukuran 17.8 cm.
(29.10.2013)

GAMBAR 2.5



*Bilik Dorm Lelaki
- Keluasan Tandas Adalah Sempit Yang Berukuran 61 cm.
(29.10.2013)*

GAMBAR 2.6




GAMBAR 2.7



*Luar Hotel Wakaf
- Rumah Sampah Tidak Berbumbung
(29.10.2013)*

GAMBAR 2.8



*Kolam Renang
- Kolam Renang Yang Mudah Dilihat
Oleh Pengunjung
(29.10.2013)*

GAMBAR 2.9



*Tangki Air, Aras 8
- Tiada Pembinaan Floor Trap
(29.10.2013)*

GAMBAR 2.10



GAMBAR 2.11




*Bilik Suis, Aras 6
- Sprinkler Terlalu Hampir Dengan Papan Agihan
(29.10.2013)*

GAMBAR 2.12



GAMBAR 2.13



Bilik Genset
- Kedudukan Exhaust, Air Intake Silencer
Dan Air Discharge Silencer Di Bahagian
Yang Sama Adalah Tidak Sesuai
(29.10.2013)

GAMBAR 2.14



Bilik Hose Reel
- Floor Trap Tidak Disediakan. Ini Akan
Menyebabkan Air Bertakung Apabila
Berlaku Kebocoran Pada Paip
(29.10.2013)

Maklum Balas JAWHAR Yang Diterima Pada 22 April 2014

JKR telah membina bangunan hotel wakaf mengikut lukisan pembinaan yang telah diperaku dan dipersetujui manakala AHS Arkitek telah mereka bentuk projek ini mengikut siling peruntukan yang diluluskan. Setelah lukisan siap, banyak pindaan, perubahan dan pembatalan telah dibuat oleh AHS Arkitek sebelum tawaran dipanggil bagi memenuhi kehendak pelanggan (MAIDAM) dan mengambil kira siling peruntukan yang ada. Bagaimanapun, AHS Arkitek telah mengambil pendekatan dengan merekabentuk berdasarkan peruntukan yang ada (design to cost) dengan mengambil kira pematuhan Uniform Building By Law (UBBL) di peringkat paling minima bagi memenuhi kehendak pelanggan dan mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan.

Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 29 April 2014

Pihak Perunding Arkitek telah merekabentuk projek ini berdasarkan peruntukan yang disediakan (terhad) oleh Jabatan Pelanggan pada waktu itu (designed to cost at the time of design) dengan mengambil kira pematuhan UBBL di peringkat paling minima bagi memenuhi Jabatan Pelanggan dan mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan.

2.5.3.2. Sebahagian Kualiti Kerja Pembinaan Tidak Memuaskan/ Tidak Berkualiti

- a. Kerja pembinaan yang dilaksanakan hendaklah memenuhi standard kualiti umum bagi menjamin keselamatan dan memastikan penggunaan secara optimum dapat dikekalkan secara berterusan. Lawatan Audit mendapati terdapat sebahagian binaan adalah tidak memuaskan seperti berikut:

JADUAL 2.7
SEBAHAGIAN KUALITI KERJA PEMBINAAN
YANG TIDAK MEMUASKAN/TIDAK BERKUALITI

LOKASI	KUALITI KERJA PEMBINAAN YANG TIDAK MEMUASKAN
Bilik 412	Air bertakung di <i>Compartment Aircond</i> (Gambar 2.15 dan 2.16).
Lobi Hotel	Berlaku kondensasi di sesalur penghawa dingin (Gambar 2.17 dan 2.18).
Bilik Pam Dan Tangki Hose Reel	<i>Valve</i> Paip Besi berkarat disebabkan Garam Klorin disimpan di bilik yang sama (Gambar 2.19, 2.20, 2.21 dan 2.22).
Bilik Tangki, Kolam Renang	Penyokong <i>I-Beam</i> berkarat disebabkan Sisa Guni Garam Klorin diletakkan di kawasan ini (Gambar 2.23 dan 2.24).
Aras 3	Tiada perangkap sampah saluran paip air hujan yang boleh mengakibatkan Saluran Paip Air Hujan tersumbat dan paip pecah (Gambar 2.25 dan 2.26).
Bilik Suis Utama	<i>Copper bridge</i> tidak dipasang pada setiap sambungan antara trunking. Setiap sambungan antara trunking perlu dibumikan dengan berkesan bagi tujuan keselamatan. Penemuan ini juga ditemui di lokasi lain yang diaudit (Gambar 2.27 dan 2.28).
Bilik Suis Utama Dan Bilik Genset	Keperluan bilik suis (notis) tidak lengkap. Notis DILARANG MASUK, BAHAYA dan DILARANG MEROKOK tidak dilekatkan pada setiap pintu bilik suis. Penemuan ini juga ditemui di lokasi lain yang diaudit (Gambar 2.29 dan 2.30).
Papan Agihan Di Bilik Suis Utama Dan Di Bilik Suis, Aras 6	Lukisan litar skematik tidak dilekatkan dibahagian dalam pintu papan agihan. Penemuan ini juga ditemui di lokasi lain yang diaudit (Gambar 2.31 dan 2.32).
Tangki Air, Aras 8	Tiada penandaan arah anak panah pada paip air yang menyebabkan kerja senggaraan sukar dilakukan (Gambar 2.33 dan 2.34).

SEBELUM

GAMBAR 2.15



Bilik 412
 - Air Bertakung Di *Compartment* Penghawa Dingin
 (29.10.2013)

SELEPAS

GAMBAR 2.16



Lokasi: Bilik 412
 - Kedudukan Semasa Lawatan: Air Tidak Lagi Bertakung Di *Compartment* Penghawa Dingin
 (06.03.2014)

SEBELUM

GAMBAR 2.17



Lobi Hotel
 - Berlaku Kondensasi Di Sesalur Penghawa Dingin
 (29.10.2013)

SELEPAS


GAMBAR 2.18




Lobi Hotel
 - Tidak Berlaku Kondensasi Pada Sesalur Penghawa Dingin
 (05.03.2014)

SEBELUM

GAMBAR 2.19




GAMBAR 2.20




Bilik Pam Dan Tangki Hose Reel
- Valve Paip Besi Berkarat Disebabkan Garam Klorin Disimpan Di Bilik Yang Sama
(29.10.2013)

SELEPAS

GAMBAR 2.21




GAMBAR 2.22



Bilik Pam Dan Tangki Hose Reel
- Valve Paip Besi Telah Dicat Semula Selepas Mendapat Teguran Audit
(05.03.2014)

SEBELUM


GAMBAR 2.23



Bilik Tangki, Kolam Renang
- Penyokong I-Beam Berkarat Disebabkan Sisa Guni Garam Klorin Diletakkan Di Kawasan Ini
(29.10.2013)

SELEPAS

GAMBAR 2.24



Bilik Tangki, Kolam Renang
- Penyokong I-Beam Telah Dicat Semula Selepas Mendapat Teguran Audit
(05.03.2014)



SEBELUM

GAMBAR 2.25



Aras 3
 - Tiada Perangkap Sampah Saluran Paip Air Hujan Yang Boleh Mengakibatkan Saluran Paip Air Hujan Tersumbat Dan Paip Pecah
 (29.10.2013)

SELEPAS


GAMBAR 2.26



Aras 3
 - Perangkap Sampah Saluran Paip Air Hujan Telah Dipasang Selepas Mendapat Teguran Audit
 (05.03.2014)

SEBELUM

GAMBAR 2.27



Bilik Suis Utama
 - Copper Bridge Tidak Dipasang Pada Setiap Sambungan Antara Trunking
 (29.10.2013)

SELEPAS


GAMBAR 2.28



Bilik Suis Utama
 - Copper Bridge Telah Dipasang Pada Setiap Sambungan Antara Trunking Selepas Mendapat Teguran Audit
 (05.03.2014)

SEBELUM

GAMBAR 2.29



Bilik Suis Utama
 - Keperluan Bilik Suis (Notis) Tidak Lengkap. Notis DILARANG MASUK, BAHAYA Dan DILARANG MEROKOK Tidak Dilekatkan Pada Setiap Pintu Bilik Suis.
 (29.10.2013)

SELEPAS


GAMBAR 2.30



Bilik Suis Utama
 - Notis DILARANG MASUK, BAHAYA Dan DILARANG MEROKOK Telah Dilekatkan Pada Setiap Pintu Bilik Suis Selepas Mendapat Teguran Audit
 (05.03.2014)

SEBELUM

GAMBAR 2.31



*Papan Agihan Di Bilik Suis Utama Di Aras 6
- Lukisan Litar Skematik Tidak Dilekatkan Di Bahagian
Dalam Pintu Papan Agihan. Penemuan Ini Juga
Ditemui Di Semua Papan Agihan Yang Lain
(29.10.2013)*

SELEPAS

GAMBAR 2.32



*Papan Agihan Di Bilik Suis ,Aras 6
- Lukisan Litar Skematik Telah Dilekatkan
Di Bahagian Dalam Pintu Papan Agihan
Selepas Mendapat Teguran Audit
(05.03.2014)*

SEBELUM

GAMBAR 2.33



*Tangki Air, Aras 8
- Tiada Penandaan Arah Anak Panah Pada
Paip Air Dan Ini Akan Menyukarkan
Kerja Senggaraan Dilakukan
(29.10.2013)*

SELEPAS

GAMBAR 2.34



*Tangki Air, Aras 8
- Penandaan Arah Anak Panah Pada Paip Air
Telah Dibuat Selepas Mendapat
Teguran Audit
(05.03.2014)*

Maklum Balas JAWHAR Yang Diterima Pada 22 April 2014

Pada ketika lawatan Audit, terdapat perkara-perkara yang diutarakan oleh pihak Audit mengenai mutu kerja yang tidak berkualiti dan papan keselamatan yang tidak mencukupi. Lanjutan daripada komen Audit tersebut, kontraktor telah membuat pembaikan dan pembetulan segera mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dengan sempurna.

Pada pendapat Audit, penemuan terhadap reka bentuk yang tidak sesuai dan yang tidak berkualiti boleh dijadikan iktibar bagi pembangunan projek-projek baru di masa hadapan untuk memastikan keselesaan dan kemudahan pengguna terjamin.



2.5.4. Bilik Hotel Tidak Dapat Digunakan Seperti Yang Dirancang

- a. Hotel Wakaf ini dibina dengan kapasiti 180 buah bilik yang terdiri daripada bilik jenis *standard*, *executive*, *super executive* dan *dormitory*. Butiran terperinci adalah seperti berikut:

JADUAL 2.8
JENIS BILIK DAN BILANGAN


JENIS BILIK	BILANGAN BILIK
Standard	115
Executive	48
Super Executive	15
Dormitory	2
JUMLAH	180

Lawatan Audit pada 29 Oktober 2013 mendapati 15 daripada 180 buah bilik di tingkat 7 tidak dapat berfungsi sebagai bilik penginapan seperti yang dirancang kerana tidak dibekalkan dengan perabot seperti katil dan tilam. Berdasarkan semakan Audit, perabot tidak dapat dibekalkan kepada bilik berkaitan adalah disebabkan oleh kekurangan peruntukan. Bagi tujuan ini, peruntukan asal berjumlah RM4.5 juta telah diperuntukkan di dalam Wang Peruntukan Sementara (WPS) bagi kerja-kerja hiasan dalaman (ID) termasuk pembelian perabot. Bagaimanapun, keputusan Mesyuarat Penyelarasan Rekabentuk Hiasan Dalaman (ID Work) Bil. 2 Tahun 2011 pada 27 Oktober 2011 memutuskan supaya kos untuk kerja-kerja hiasan dalaman termasuk kos perunding ID dikurangkan kepada RM3.6 juta untuk menampung kos *Variation Order* (VO) sejumlah RM1.13 juta. Pengurangan kos ini melibatkan pengurangan/pembatalan item hiasan dalaman di bilik *standard*, *executive room*, *super executive room*, *dormitory*, lobi hotel, restoran, aras satu hotel, *banquet hall* dan juga hiasan seni bina. Semasa lawatan Audit, bilik di aras 7 ini telah digunakan sebagai stor penyimpanan peralatan *housekeeping*, bilik persalinan untuk lelaki dan perempuan serta bilik perbincangan. Keadaan semasa lawatan Audit adalah seperti **Gambar 2.35** hingga **2.42** berikut:

GAMBAR 2.35



GAMBAR 2.36




Bilik No. 710

- Bilik Yang Dijadikan Sebagai Bilik Persalinan Untuk Pekerja Wanita
(29.10.2013)

GAMBAR 2.37



GAMBAR 2.38




*Bilik No. 708
- Bilik Yang Dijadikan Sebagai Stor Housekeeping
(29.10.2013)*

GAMBAR 2.39




GAMBAR 2.40




*Bilik No. 707
- Contoh Bilik Yang Tiada Perabot
(29.10.2013)*

GAMBAR 2.41



GAMBAR 2.42



*Bilik No. 702
- Contoh Bilik Yang Menjadi Tempat Simpanan Kerusi
(29.10.2013)*

Pada pendapat Audit, adalah satu kerugian sekiranya 15 buah bilik ini tidak dapat digunakan seperti sepatutnya. Jika keadaan ini dibiarkan berterusan dalam tempoh yang panjang, keadaan bilik dan beberapa peralatan di dalamnya mungkin akan rosak dan tidak dapat berfungsi seperti sepatutnya. Penggunaan sepenuhnya bilik ini akan membolehkan kutipan hasil daripada sewaan hotel ditingkatkan memandangkan tahap penginapan hotel yang tinggi.



Maklum Balas JAWHAR Yang Diterima Pada 22 April 2014

15 bilik di aras 7 yang tidak dapat digunakan seperti yang dirancang adalah disebabkan oleh kekurangan peruntukan untuk melengkapkan bilik-bilik tersebut dengan perabot dan hiasan dalaman. Dalam perkara ini, pihak operator telah bersetuju untuk menanggung kos bagi melengkapkan 15 bilik tersebut selaras dengan perjanjian yang ditandatangani di antara YWM bersama operator hotel.

2.6. SYOR AUDIT

Matlamat projek ini dibangunkan adalah sebagai usaha pembangunan hartanah wakaf. Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang bagi mana-mana pembangunan hartanah wakaf pada masa hadapan dan Kerajaan mendapat *best value for money* atas perbelanjaan yang dilakukan, adalah disyorkan pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

2.6.1. JAWHAR dan JKR perlu memastikan penyerahan projek Hotel Grand Puteri dapat dibuat mengikut tempoh yang sepatutnya supaya tempoh tersebut dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk mengesan sebarang kecacatan. Rekod mengenai kerosakan/kecacatan perlu diselenggarakan dengan lengkap bagi memudahkan pemantauan kedudukan kerosakan/kecacatan yang dilaporkan;

2.6.2. JKR perlu memperkemas proses penyediaan dokumen kontrak dengan memastikan kontraktor mengambil tindakan segera untuk menyediakan dokumen kontrak yang lengkap supaya kontrak dapat ditandatangani dalam tempoh masa yang ditetapkan;

2.6.3. JKR perlu meningkatkan kawalan dalaman terhadap proses pengeluaran APK agar lebih teratur dan telus;

2.6.4. JKR perlu mewujudkan mekanisme pemantauan bagi memastikan dokumen Manual Operasi dan Lukisan Siap Bina disediakan oleh kontraktor selari dengan kemajuan pelaksanaan projek supaya ia dapat diserahkan dengan lebih awal sebaik projek siap; dan

2.6.5. JAWHAR perlu mendapatkan sumber kewangan untuk memastikan perabot dan peralatan dapat dibekalkan bagi 15 buah bilik hotel di tingkat 7 agar ia dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Dalam Buku Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2013 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari

KEMENTERIAN KEWANGAN

3. JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA - PENGURUSAN MESIN PENGIMBAS KARGO

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merupakan pemungut hasil negara kedua terbesar selepas Lembaga Hasil Dalam Negeri, Malaysia. Di samping itu, JKDM turut menyediakan fasilitasi perkastaman kepada sektor perdagangan dan perindustrian bagi kemudahan urus niaga serta mempertingkatkan pematuhan perundangan supaya tidak berlaku ketirisan hasil negara. *World Customs Organisation (WCO) SAFE Framework of Standards to Secure and Facilitate Global Trade* menetapkan peralatan pemeriksaan seperti mesin pengimbas harus disediakan dan digunakan oleh Jabatan Kastam. Alat ini dapat membantu Jabatan Kastam memastikan barangan import dan eksport yang diikrar serta duti/cukai yang dibayar adalah betul di samping mengesan dan menghalang barang yang berbahaya/terlarang seperti dadah dan senjata api, tanpa mengganggu aliran perdagangan yang sah. JKDM telah mula menggunakan mesin pengimbas sejak tahun 2001 bagi mengimbas kandungan yang terdapat dalam kargo yang diimport/dieksport dan pemeriksaan terhadap penumpang di lapangan terbang, sempadan dan pelabuhan/jeti. Di samping itu, JKDM telah meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan pemantauan dengan membuat pemeriksaan yang lebih ketat di semua pintu masuk seluruh negara iaitu sama ada melalui jalan darat, laut atau udara.

3.1.2. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2013, Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM102.7 juta kepada JKDM untuk perolehan mesin pengimbas kargo dan sehingga bulan Disember 2013 sejumlah RM69 juta (67.2%) telah dibelanjakan.

3.1.3. Setakat akhir tahun 2013, JKDM mempunyai sebanyak 16 mesin pengimbas kargo yang diperolehi pada tahun 2001, 2003 hingga 2011. Kedudukan penempatan mesin pengimbas kargo tersebut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.1
KEDUDUKAN PENEMPATAN MESIN PENGIMBAS KARGO
SETAKAT AKHIR TAHUN 2013

NEGERI	LOKASI	BIL. MESIN PENGIMBAS KARGO	TAHUN PEROLEHAN
Johor	Kompleks CIQ Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bahru	4	2011
	Tanjung Kupang	1	2005
	Pelabuhan Pasir Gudang	1	2001
	Pelabuhan Tanjung Pelepas	1	2001

NEGERI	LOKASI	BIL. MESIN PENGIMBAS KARGO	TAHUN PEROLEHAN
Selangor	Pelabuhan Utara, Port Klang	2	2001 Dan 2010
	Pelabuhan Barat, Port Klang	2	2003 Dan 2004
Perlis	Padang Besar	1	2003
Pulau Pinang	Pelabuhan Bagan Dalam	1	2003
	North Butterworth Container Terminal (NBCT)	1	2001
Sarawak	Pelabuhan Senari, Kuching	1	2001
Sabah	Pelabuhan Sepanggar, Kota Kinabalu	1	2001
JUMLAH		16	

Sumber : Laporan Mesin Pengimbas JKDM Bagi Tahun 2013

3.1.4. Mesin pengimbas kargo terdiri daripada pelbagai jenis dan tujuan mengikut keperluan keselamatan sesebuah negara. Jenis mesin pengimbas kargo yang digunakan adalah jenis *gantry*, *mobile* dan *pass-thru*. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.2
JENIS MESIN PENGIMBAS KARGO

BIL.	JENIS MESIN PENGIMBAS KARGO	KETERANGAN
1.	<i>Gantry</i> (Galang Bergerak)	Mesin pengimbas yang mempunyai galang yang boleh digerakkan dengan menggunakan roda. Kenderaan atau kontena kargo tidak bergerak, mesin pengimbas yang bergerak dan mengimbas kandungan kargo (Gambar 3.1 dan 3.2).
2.	<i>Mobile</i>	Mesin pengimbas yang boleh dipindah-pindahkan lokasinya. Apabila digunakan, mesin pengimbas tidak bergerak tetapi kenderaan atau kontena kargo perlu digerakkan bagi mengimbas kandungan kargo (Gambar 3.3).
3.	<i>Pass-Thru</i>	Mesin pengimbas yang tidak boleh alih dan memerlukan tapak yang kekal. Kenderaan atau kontena kargo hanya perlu melaluinya dengan kelajuan yang ditetapkan (Gambar 3.4 dan 3.5).

Sumber : WCO Guidelines For The Procurement And Deployment Of Scanning/NII (Non-intrusive Inspection) Equipment

GAMBAR 3.1



Pelabuhan Barat, Port Klang, Selangor
- Mesin Pengimbas Jenis Gantry
(11.09.2013)

GAMBAR 3.2



Pelabuhan Tanjung Pelepas,
Gelang Patah, Johor
- Mesin Pengimbas Jenis Gantry
(24.10.2013)



GAMBAR 3.3

Kompleks Kastam Padang Besar, Perlis
- Mesin Pengimbas Jenis Mobile
(23.10.2013)

GAMBAR 3.4



Kompleks CIQ, Bangunan Sultan Iskandar,
Johor Bahru
- Mesin Pengimbas Jenis Pass-Thru
(27.08.2013)

GAMBAR 3.5



Pelabuhan Utara, Port Klang, Selangor
- Mesin Pengimbas Jenis Pass-Thru
(12.09.2013)

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada pengurusan mesin pengimbas kargo dilaksanakan dengan teratur dan cekap selaras dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

3.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan perolehan **4 mesin pengimbas kargo** untuk Stesen Kastam di Kompleks CIQ Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bahru pada tahun 2011/2012 serta perolehan 4 mesin pengimbas kargo pada tahun 2013. Bagi pengurusan penggunaan dan penyenggaraan pula, skop pengauditan meliputi semua mesin pengimbas kargo yang sedang digunakan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2013. Pengauditan telah dijalankan di Ibu Pejabat JKDM dan 11 Stesen Kastam di 6 negeri yang mempunyai kesemua 16 mesin pengimbas kargo jenis *gantry*, *mobile* dan *pass-thru* seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.3
STESEN KASTAM YANG DIAUDIT

BIL.	NEGERI	STESEN KASTAM	JENIS MESIN PENGIMBAS KARGO	NEGARA PENGELUAR	BIL. MESIN PENGIMBAS KARGO
1.	Johor	Kompleks CIQ, Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bahru	Pass-Thru	China	2
			Pass-Thru	Jerman	2
Tanjung Kupang		Pass-Thru	USA	1	
Pelabuhan Pasir Gudang		Gantry	USA	1	
4.		Pelabuhan Tanjung Pelepas	Gantry	USA	1
5.	Selangor	Pelabuhan Barat, Port Klang	Pass-Thru Dan Gantry	China	2
6.		Pelabuhan Utara, Port Klang	Gantry	USA	1
	Pass-Thru		China	1	
7.	Pulau Pinang	North Butterworth Container Terminal (NBCT)	Gantry	USA	1
8.		Pelabuhan Bagan Dalam	Pass-Thru	China	1
9.	Perlis	Padang Besar	Mobile	China	1
10.	Sabah	Pelabuhan Sepanggar, Kota Kinabalu	Gantry	USA	1
11.	Sarawak	Pelabuhan Senari, Kuching	Gantry	USA	1
JUMLAH					16

Sumber : Laporan Mesin Pengimbas JKDM Bagi Tahun 2013

3.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail yang berkaitan dengan perolehan dan penyenggaraan. Lawatan ke stesen kastam telah diadakan bagi menjalankan pemeriksaan fizikal mesin pengimbas kargo. Selain itu, lawatan Audit ke kilang pembekal mesin pengimbas kargo Pan Asiatic Technologies Sdn. Bhd. di Kulaijaya, Johor telah diadakan pada 27 Mac 2014 untuk mengenal pasti status pindah teknologi oleh pembekal mesin pengimbas. Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab juga telah diadakan untuk mendapat maklum balas terhadap pengurusan perolehan, penggunaan dan penyenggaraan mesin pengimbas kargo. Sehubungan dengan itu, borang soal selidik juga telah diedarkan bagi menilai keberkesanan dan prestasi mesin pengimbas kargo serta kemahiran Pegawai Pengendali mengendalikan peralatan tersebut. *Exit conference* bagi pengauditan ini juga telah diadakan bersama Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan) pada 21 April 2014, Pengarah Kastam Negeri di negeri yang dilawati dan pengarah syarikat Pan Asiatic Technologies Sdn. Bhd. pada 21 April 2014.

3.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Julai hingga November 2013 mendapati pengurusan mesin pengimbas kargo secara umumnya, telah dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi peraturan perolehan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Namun begitu, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian dan diambil tindakan oleh JKDM seperti berikut:

- i. daripada 16 mesin pengimbas kargo yang sedang digunakan, terdapat 2 mesin pengimbas kargo yang mempunyai kadar kerosakan yang tinggi iaitu 11.8% dan 15.6% setahun atau masing-masing tidak berfungsi sebanyak 86 dan 171 hari dalam tempoh 2 dan 3 tahun. Selain itu, sebanyak 31% daripada responden (pegawai kastam) mengakui mereka kurang mahir dalam mengendalikan mesin pengimbas kargo dan 81% daripada mereka mengakui kurang mahir dalam menyelesaikan masalah apabila berlaku kerosakan kecil (*troubleshooting*). Ini boleh memberi impak kepada proses taksiran dan pelepasan dagangan serta mengesan ketirisan hasil;
- ii. terma kontrak penyenggaraan mesin pengimbas kargo tidak mempunyai skop kerja penyenggaraan pencegahan yang memadai serta butiran harga kos penyenggaraan bulanan terperinci tidak disediakan mengikut skop kerja; dan
- iii. apabila sesuatu kes kemalangan berlaku, tindakan pegawai Kastam adalah bergantung pada inisiatif pegawai berkenaan kerana *Standard Operating Procedures* (SOP) berkaitan tidak disediakan.

Penjelasan lanjut dan maklum balas JKDM adalah seperti di perenggan berikut:

3.5.1. Perolehan Mesin Pengimbas Kargo JKDM

3.5.1.1. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, agensi Kerajaan dikehendaki memastikan semua urusan berkaitan perolehan Kerajaan adalah berdasarkan amalan tadbir urus baik (good governance practices) dengan mematuhi prinsip-prinsip perolehan Kerajaan. Selain itu, surat pekeling yang sama juga menetapkan antara Dasar Perolehan Kerajaan yang perlu dipatuhi adalah Dasar Pemindahan Teknologi. Di bawah dasar ini, pembekal hendaklah memberi cadangan pembuatan/pemasangan dalam negeri, kegunaan bahan tempatan dan tempat di mana barang-barang itu akan dibuat secara langsung di Malaysia dengan menggunakan bahan tempatan ke peringkat yang maksimum.

3.5.1.2. *World Customs Organisation (WCO)* telah mengeluarkan satu garis panduan pada bulan Disember 2011 bertajuk "Guidelines For The Procurement And Deployment of Scanning/NII (Non-intrusive Inspection) Equipment". Antara lainnya, panduan ini menyatakan amalan terbaik dalam pengurusan perolehan mesin pengimbas seperti berikut:

" Before deciding on technical specifications, the purchaser should carry out sufficient research into technology solutions which are currently available, as well as new and emerging technologies. Existing users should be consulted to identify best practice and also limitations of existing systems. An in-depth understanding of operational constraints on deployment of a particular imaging system, e.g., availability of sufficient space, national radiation requirements, (a license to hold and use equipment will be required, usually involving a series of conditions), must also be taken into account. One of the most important considerations that an administration must address is which of the commercially available technologies best meet the user requirements within financial constraints. If no such technology application is currently available, Customs should discuss potential solutions with suppliers, including their willingness to carry out research and development "

3.5.1.3. Selaras dengan Dasar Perolehan Kerajaan dan juga amalan terbaik daripada WCO, JKDM hendaklah mengkaji teknologi mesin pengimbas yang terkini/sedia ada dan melihat sama ada pembuatan/pemasangan boleh dibuat secara langsung di Malaysia dengan menggunakan bahan tempatan. Di samping itu, pengeluar/jenama mesin pengimbas hendaklah mempunyai rekod prestasi yang terbukti berkesan (proven track record) serta mempunyai hak cipta penggunaan teknologi yang diperoleh.

3.5.1.4. Semakan Audit terhadap dokumen serta rujukan kepada *web-site* yang berkaitan mendapati perolehan mesin pengimbas kargo dari segi pengeluar/jenama adalah seperti berikut:



- a. JKDM memperolehi mesin pengimbas kargo daripada pengeluar seperti Science Applications International Corporation (SAIC), USA; Smiths Detection Group Ltd. (Smiths Detection), Perancis; Nuctech Company Limited (NUCTECH), China; dan PowerScan Company Limited (PowerScan), China.
- b. Terdapat syarikat tempatan yang dilantik sebagai ejen pengedar yang sah bagi pihak pengeluar seperti NM Resources Sdn. Bhd. (NMR), Pan Asiatic Technologies Sdn. Bhd. (PAT) dan Wafada Technic & Consult Sdn. Bhd. (WTC).
- c. Bagi tempoh tahun 2010 hingga bulan Disember 2013, JKDM telah membuat perolehan tambahan sebanyak 9 mesin pengimbas kargo baru bernilai RM111.80 juta menjadikan jumlah keseluruhan 20 mesin pengimbas kargo. Perolehan ini dibuat melalui rundingan terus dengan 2 syarikat pembekal iaitu PAT dan WTC. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.4
PEROLEHAN MESIN PENGIMBAS KARGO DARI TAHUN 2010 HINGGA 2013

BIL.	STESEN KASTAM	SYARIKAT PEMBEKAL	TARIKH PEROLEHAN	JENAMA / MODEL	BIL. MESIN PENGIMBAS KARGO	NILAI (RM Juta)
1.	Pelabuhan Utara, Port Klang, Selangor	PAT	08.09.2010	THScan FS6000DE	1	12.20
2.	Kompleks CIQ Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bahru	PAT	05.07.2011	BTScan-P/X	2	24.60
		WTC	05.07.2011	HCVP 6030	2	24.60
3.	North Butterworth Container Terminal (NBCT), Pulau Pinang	PAT	30.04.2013	BPScan-M1	1	12.60
4.	Pelabuhan Pasir Gudang, Johor	PAT	30.04.2013	BPScan-M1	1	12.60
5.	Pelabuhan Barat, Port Klang, Selangor	PAT	30.04.2013	BPScan-M1	1	12.60
6.	Pelabuhan Utara, Port Klang, Selangor	PAT	30.04.2013	BPScan-M1	1	12.60
JUMLAH					9	111.80

Sumber : Laporan Mesin Pengimbas JKDM Bagi Tahun 2013

- d. Sehingga 31 Disember 2013, pihak PAT telah dibayar sejumlah RM12.6 juta (25% daripada nilai kontrak apabila kontrak dimeterai) dan juga wang pendahuluan berjumlah RM5 juta. Setakat akhir bulan Januari 2014, peralatan utama mesin pengimbas sedang diuji untuk mendapatkan sijil *Factory Acceptance Test* yang diadakan pada 23 hingga 28 Januari 2014 di Beijing, China. Maklumat lanjut mengenai bayaran kepada PAT adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.5
BAYARAN KEPADA PAN ASIATIC TECHNOLOGIES SDN. BHD.
DI BAWAH KONTRAK KE.HW(84)426/02-65/2013

BIL.	BAUCAR BAYARAN		PERIHAL BAYARAN	JUMLAH (RM)
	NO.	TARIKH		
1.	B6625	09.10.2013	25%	12,600,000
2.	B9323	23.12.2013	Bayaran Pendahuluan	5,000,000
JUMLAH				17,600,000

Sumber : Daftar Kontrak Perolehan Mesin Pengimbas

- e. JKDM mempunyai sebanyak 20 mesin pengimbas kargo bernilai RM207.48 juta (termasuk perolehan 4 mesin pengimbas bernilai RM50.4 juta yang belum selesai pada akhir tahun 2013). Ringkasan pengeluar/jenama mesin pengimbas kargo JKDM adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.6
RINGKASAN PENGELUAR/JENAMA
MESIN PENGIMBAS KARGO KEPUNYAAN JKDM

BIL.	PENGELUAR / JENAMA	NEGARA	BIL. MESIN PENGIMBAS	NILAI (RM Juta)
1.	SAIC	USA	7	46.62
2.	Smiths Detection	Perancis	2	25.09
3.	NUCTECH	China	5	60.37
4.	PowerScan	China	6*	75.40
JUMLAH			20	207.48

Nota : () - Termasuk Perolehan 4 Mesin Pengimbas Bernilai RM50.4 Juta Yang Belum Selesai Setakat Akhir Tahun 2013*

- f. Maklumat lanjut mengenai perolehan mesin pengimbas kargo dari segi pengeluar dan jenama adalah seperti berikut:

i. Perolehan Mesin Pengimbas Kargo SAIC

- SAIC atau kini dikenali sebagai Leidos, yang berpangkalan di Reston, Virginia, Amerika Syarikat (AS) ialah sebuah syarikat pertahanan yang menyediakan penyelesaian saintifik, kejuruteraan, integrasi sistem dan teknikal. Syarikat ini membekal mesin pengimbas kepada *United States Department Of Defense, United States Department Of Homeland Security* dan *United States Intelligence Community* termasuk *National Security Agency*.
- NMR merupakan ejen pengedar yang sah bagi membekalkan mesin pengimbas SAIC di Malaysia. Ia adalah sebuah syarikat bumiputera yang ditubuhkan pada tahun 1986 dengan pengkhususan dalam pemasaran dan perkhidmatan industri penerbangan dan pertahanan. Sehingga akhir tahun 2013, sebanyak 7 mesin pengimbas kargo

SAIC bernilai RM46.62 juta telah dibekalkan oleh NMR kepada pihak JKDM seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.7
MESIN PENGIMBAS KARGO SAIC YANG DIBEKALKAN OLEH
NM RESOURCES SDN. BHD. SEHINGGA 31 DISEMBER 2013

BIL.	STESEN KASTAM	BIL. MESIN PENGIMBAS KARGO	JENIS MESIN PENGIMBAS	TARIKH PEROLEHAN	NILAI (RM Juta)
1.	Pelabuhan Pasir Gudang, Johor	1	<i>Gantry</i>	13.10.2001	6.66
2.	Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor	1	<i>Gantry</i>	13.10.2001	6.66
3.	Pelabuhan Sepanggar, Kota Kinabalu, Sabah	1	<i>Gantry</i>	13.10.2001	6.66
4.	Pelabuhan Senari, Sarawak	1	<i>Gantry</i>	13.10.2001	6.66
5.	North Butterworth Container Terminal (NBCT), Pulau Pinang	1	<i>Gantry</i>	13.10.2001	6.66
6.	Pelabuhan Utara, Port Klang, Selangor	1	<i>Gantry</i>	13.10.2001	6.66
7.	Tanjung Kupang, Johor	1	<i>Pass-Thru</i>	13.10.2005	6.66
JUMLAH		7			46.62

Sumber : Laporan Mesin Pengimbas JKDM Bagi Tahun 2013

ii. Perolehan Mesin Pengimbas Kargo Smiths Heimann

- Smiths Detection ialah sebuah syarikat kejuruteraan multinasional, beroperasi di lebih 50 negara. Ia merupakan syarikat yang mengeluarkan mesin pengimbas jenis HCV (Heimann Cargo Vision) dan pengeluar terbesar di dunia berkaitan sensor untuk mengesan bahan letupan, senjata, bahan kimia, *biohazards*, narkotik dan barangan seludup. Antara negara yang menggunakan mesin pengimbas *Smiths Detection* adalah USA, UK, France, Russia, Australia, negara-negara Arab dan negara-negara Asia.
- WTC merupakan ejen pengedar yang sah bagi membekalkan mesin pengimbas Smiths Detection di Malaysia. Ia ditubuhkan pada tahun 2005 dengan visi untuk menjadi sebuah syarikat korporat yang ideal dan menjadi perunding pelopor dalam bidang mesin pengimbas. Syarikat ini menawarkan perkhidmatan perundingan, bekalan dan perkhidmatan penyenggaraan kepada Kerajaan dan sektor swasta untuk pasaran tempatan dan antarabangsa. Sehingga akhir tahun 2013, sebanyak 2 mesin pengimbas kargo HCVP 6030 bernilai RM25 juta telah dibekalkan oleh WTC kepada pihak JKDM seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.8
MESIN PENGIMBAS KARGO SMITHS DETECTION YANG DIBEKALKAN OLEH
WAFADA TECHNIC & CONSULT SDN. BHD. SEHINGGA 30 DISEMBER 2013

STESEN KASTAM	BIL. MESIN PENGIMBAS KARGO	JENIS DAN MODEL MESIN PENGIMBAS	TARIKH PEROLEHAN	NILAI (RM Juta)
Kompleks CIQ, Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bahru	2	<i>Pass-Thru</i> (HCVP 6030)	05.07.2011	25.09

Sumber : Laporan Mesin Pengimbas JKDM Bagi Tahun 2013

- Semakan Audit terhadap perolehan mesin pengimbas kargo tersebut untuk Kompleks *Customs, Immigration and Quarantine* (CIQ), Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bahru mendapati perkara berikut:
 - Pada 13 Mei 2011, Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan JKDM untuk perolehan 2 unit mesin pengimbas kargo daripada WTC. Surat Niat telah dikeluarkan pada 16 Mei 2011 dan lawatan ke tapak telah dijalankan pada hari yang sama.
 - Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan pada 5 Julai 2011 selepas proses rundingan harga yang mengambil masa kurang dari 2 bulan dengan harga RM12.3 juta setiap unit.
 - Selaras dengan kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 yang menetapkan kontrak hendaklah ditandatangani selewat-lewatnya 4 bulan dari tarikh keluarnya SST, kontrak perolehan mesin pengimbas kargo dengan WTC telah dimeterai pada 5 Julai 2011 dan tempoh menyiapkan kerja/bekalan dalam tempoh 9 bulan iaitu mulai 5 Julai 2011 hingga 4 April 2012. Manakala tempoh waranti adalah 2 tahun selepas *Final Acceptance Test* (FAT).
 - Disebabkan kesukaran untuk menyiapkan kerja dalam tempoh 9 bulan, kontrak tambahan telah dimeterai pada 1 Jun 2012. Tempoh pelaksanaan kerja telah dilanjutkan dan tarikh siap kerja dipinda kepada 31 Disember 2012.
 - Mesyuarat Ujian Penerimaan Akhir (*Final Acceptance Test - FAT*) telah diadakan pada 5 November 2012 untuk kedua-dua mesin pengimbas kargo tersebut.
- Berdasarkan kontrak dan FAT yang dikeluarkan, JKDM telah membayar penuh kepada WTC dengan teratur sejumlah RM25.09 juta seperti di jadual berikut:



JADUAL 3.9
BAYARAN KEPADA WAFADA TECHNIC & CONSULT SDN. BHD.

BIL.	BAUCAR BAYARAN		PERIHAL BAYARAN (%)	JUMLAH (RM)
	NO.	TARIKH		
1.	B8453	13.12.2011	30	7,380,000
2.	B8748	20.12.2011	25	6,150,000
3.	B4267	26.06.2012	20	4,920,000
4.	B5326	26.07.2012	10	2,460,000
5.	B7238	11.10.2012	10	2,460,000
6.	B9774	28.12.2012	5	1,230,000
7.	B7099	05.10.2012	<i>Variation Order</i>	488,000
JUMLAH				25,088,000

Sumber : Daftar Kontrak Perolehan Mesin Pengimbas

iii. Perolehan Mesin Pengimbas Kargo NUCTECH

- Nuctech Company Limited terletak di Beijing, China merupakan pengilang produk pemeriksaan keselamatan dan pembekal produk penyelesaian keselamatan khusus dalam teknologi sinaran pengimejan serta menjadi salah satu pembekal yang terkemuka di dunia berkaitan peralatan imbasan keselamatan. Produk NUCTECH telah digunakan lebih daripada 120 negara dan wilayah, yang meliputi bidang penerbangan awam, kastam, kereta api, lebuh raya, pelabuhan dan bangunan utama, serta telah mendapat pengiktirafan meluas dan mempunyai kedudukan penting dalam pasaran global. Antara negara yang menggunakan produk keluaran NUCTECH ialah Afrika Selatan, Australia, China, England, Korea, Norway, U.A.E. dan Venezuela.
- PAT merupakan ejen pengedar yang sah bagi membekalkan mesin pengimbas NUCTECH di Malaysia. Ia ditubuhkan pada tahun 2006 untuk memberikan perkhidmatan berasaskan teknologi. Syarikat sentiasa berusaha meneroka teknologi baru dan terkini sama ada dari negara atau luar negara dan memindahkannya ke Malaysia. Sehingga akhir tahun 2013, sebanyak 5 mesin pengimbas kargo bernilai RM60.37 juta telah dibekalkan oleh PAT kepada pihak JKDM seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.10
MESIN PENGIMBAS KARGO NUCTECH YANG DIBEKALKAN OLEH
PAN ASIATIC TECHNOLOGIES SDN. BHD. SEHINGGA 31 DISEMBER 2013

BIL.	STESEN KASTAM	BIL. MESIN PENGIMBAS KARGO	JENIS MESIN PENGIMBAS	TARIKH PEROLEHAN	NILAI (RM Juta)
1.	Padang Besar, Perlis	1	<i>Mobile</i>	27.01.2003	10.57
2.	Pelabuhan Bagan Dalam, Pulau Pinang	1	<i>Pass-Thru</i>	01.12.2003	12.20
3.	Pelabuhan Barat, Port Klang, Selangor	1	<i>Pass-Thru</i>	01.12.2003	12.20
4.		1	<i>Gantry</i>	27.01.2004	13.20
5.	Pelabuhan Utara, Port Klang, Selangor	1	<i>Pass-Thru</i>	08.09.2010	12.20
JUMLAH		5			60.37

Sumber : Laporan Mesin Pengimbas JKDM Bagi Tahun 2013

iv. Perolehan Mesin Pengimbas Kargo PowerScan

- Mulai tahun 2011, PAT telah mula membekalkan mesin pengimbas kargo PowerScan dan bukan lagi mesin pengimbas kargo NUCTECH. Semakan Audit mendapati perkara berikut:
 - Wakil syarikat PowerScan telah memberi penjelasan kepada JKDM mengenai keupayaan syarikat dalam pengendalian mesin pengimbas pada 31 Mei 2011;
 - Atas Dasar Pemindahan Teknologi, PAT telah memberi cadangan pembuatan/pemasangan dalam negeri, kegunaan bahan tempatan dan tempat di mana barang-barang itu akan dibuat secara langsung di Malaysia dengan menggunakan bahan tempatan ke peringkat yang maksimum; dan
 - PAT telah membuka sebuah kilang bernilai RM4.0 juta untuk pemasangan mesin pengimbas kargo di Kulajaya, Johor. Lawatan Audit ke kilang serta taklimat oleh wakil syarikat pada 27 Mac 2014 mendapati kemajuan pemindahan teknologi adalah memuaskan di mana kemudahan telah disediakan untuk memasang dan menguji mesin pengimbas di kilang tersebut. Manakala rancangan strategik perniagaan syarikat adalah untuk menggunakan bahan tempatan sehingga 60% pada tahun 2018.
- Sehingga akhir tahun 2013, sebanyak 6 mesin pengimbas kargo jenis *pass-thru* bernilai RM75.40 juta telah/akan dibekalkan oleh PAT kepada pihak JKDM seperti di jadual berikut:



JADUAL 3.11
MESIN PENGIMBAS KARGO POWERSCAN YANG DIBEKALKAN OLEH
PAN ASIATIC TECHNOLOGIES SDN. BHD. MULAI TAHUN 2011

BIL.	STESEN KASTAM	BIL. MESIN PENGIMBAS KARGO	MODEL MESIN PENGIMBAS	TARIKH PEROLEHAN	NILAI (RM Juta)
1.	Kompleks CIQ, Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bahru	2	BTScan-P/X	05.07.2011	25.00
2.	NBCT, Pulau Pinang	1	BPScan-M1	30.04.2013	12.60
3.	Pelabuhan Pasir Gudang, Johor	1	BPScan-M1	30.04.2013	12.60
4.	Pelabuhan Barat, Port Klang, Selangor	1	BPScan-M1	30.04.2013	12.60
5.	Pelabuhan Utara, Port Klang, Selangor	1	BPScan-M1	30.04.2013	12.60
JUMLAH		6			75.40

Sumber : Laporan Mesin Pengimbas JKDM Bagi Tahun 2013

- Semakan Audit selanjutnya terhadap perolehan mesin pengimbas kargo untuk Kompleks *Customs, Immigration and Quarantine (CIQ)*, Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bahru mendapati perkara berikut:
 - Pada 13 Mei 2011, Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan JKDM untuk perolehan 2 unit mesin pengimbas kargo daripada PAT. Surat Niat telah dikeluarkan pada 16 Mei 2011 dan lawatan ke tapak telah dijalankan pada hari yang sama.
 - Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan pada 5 Julai 2011 selepas proses rundingan harga yang mengambil masa kurang dari 2 bulan dengan harga RM12.3 juta setiap unit.
 - Selaras dengan kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 yang menetapkan kontrak hendaklah ditandatangani selewat-lewatnya 4 bulan dari tarikh keluarnya SST, kontrak perolehan mesin pengimbas kargo dengan PAT telah dimeterai pada 5 Julai 2011 dan tempoh menyiapkan kerja/bekalan dalam tempoh 9 bulan iaitu mulai 5 Julai 2011 hingga 4 April 2012. Manakala tempoh waranti adalah 2 tahun selepas *Final Acceptance Test (FAT)*.
 - Disebabkan kesukaran untuk menyiapkan kerja dalam tempoh 9 bulan, kontrak tambahan telah dimeterai pada 1 Jun 2012. Tempoh pelaksanaan kerja telah dilanjutkan dan tarikh siap kerja dipinda kepada 31 Disember 2012.
 - Ujian Penerimaan Akhir (*Final Acceptance Test - FAT*) telah diadakan pada 12 November 2012 untuk kedua-dua mesin pengimbas kargo tersebut dan Unit Mesin Pengimbas, Ibu Pejabat JKDM telah berpuas hati dengan kualiti dan spesifikasi kedua-dua mesin pengimbas kargo serta telah

mengeluarkan sijil FAT. Tempoh jaminan kesemua mesin pengimbas adalah sehingga 11 November 2014. Maklumat bayaran penuh nilai kontrak kepada PAT adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.12
BAYARAN KEPADA PAN ASIATIC TECHNOLOGIES SDN. BHD.

BIL.	BAUCAR BAYARAN		PERIHAL BAYARAN (%)	JUMLAH (RM)
	NO.	TARIKH		
1.	B8749	20.12.2011	30	7,380,000
2.	B9195	28.12.2011	25	6,150,000
3.	B3159	22.05.2012	20	4,920,000
4.	B5123	20.07.2012	10	2,460,000
5.	B9775	28.12.2012	10	2,460,000
6.	B9772	28.12.2012	5	1,230,000
JUMLAH				24,600,000

Sumber : Daftar Kontrak Perolehan Mesin Pengimbas

- Manakala semakan Audit terhadap pengurusan perolehan mesin pengimbas kargo tahun 2013 mendapati perkara berikut:
 - Pada 6 November 2012, JKDM telah memohon kelulusan Kementerian Kewangan untuk perolehan 5 mesin pengimbas kargo secara rundingan terus dengan PAT. Berdasarkan surat permohonan tersebut, JKDM menganggarkan kos perolehan 5 mesin pengimbas kargo adalah RM67.5 juta.
 - Permohonan tersebut telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 22 November 2012 dengan anggaran harga RM67.5 juta.
 - Surat Niat telah dikeluarkan pada 5 Disember 2012. Bagaimanapun, JKDM yang sepatutnya memastikan keseluruhan proses rundingan harga dapat diselesaikan dalam tempoh tidak lebih 2 minggu, hanya mengadakan mesyuarat rundingan harga pada 21 Januari 2013, iaitu 6 minggu selepas Surat Niat dikeluarkan.
 - Dalam mesyuarat rundingan harga yang diadakan pada 21 Januari 2013, telah dibangkitkan bahawa spesifikasi mesin pengimbas adalah sama dengan mesin pengimbas yang dibekalkan oleh PAT di Kompleks CIQ, Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bahru yang bernilai RM12.3 juta. Bagaimanapun, bagi perolehan kali ini, PAT telah menawarkan harga berjumlah RM13.5 juta seunit. Mengikut PAT, kenaikan harga adalah disebabkan saiz *control room* yang lebih besar daripada yang dibina di Kompleks CIQ, Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bahru.



- Selepas rundingan harga, mesyuarat memutuskan untuk menerima tawaran PAT pada harga RM12.6 juta seunit, iaitu RM63 juta untuk perolehan 5 unit.
- Mesyuarat Lembaga Perolehan (A) Kementerian Kewangan pada 12 Mac 2013 telah bersetuju untuk memuktamadkan hasil rundingan harga di antara JKDM dan PAT dengan kos berjumlah RM63 juta dan tempoh pelaksanaan selama 2 tahun, tertakluk kepada peruntukan yang mencukupi dan diluluskan. Keputusan Lembaga Perolehan (A) Kementerian Kewangan telah dimaklumkan kepada JKDM melalui surat bertarikh 13 Mac 2013.
- Bagaimanapun, SST yang sepatutnya dikeluarkan dalam tempoh satu hari selepas mendapat kelulusan Kementerian Kewangan, hanya dikeluarkan kepada PAT pada 30 April 2013, iaitu 46 hari lewat daripada yang ditetapkan. Antara sebab SST lewat dikeluarkan adalah:
 - Pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU) hanya memperuntukkan RM60 juta di bawah RMKe-10 dalam *Rolling Plan 3* bagi tahun 2013 dan 2014.
 - Pada 11 Mac 2013, JKDM telah memohon kepada EPU supaya siling projek dari RM60 juta dinaikkan kepada RM63 juta. Bagaimanapun, EPU telah meminta JKDM memberi justifikasi kenaikan siling projek.
 - Satu mesyuarat khas telah diadakan di antara JKDM dan PAT pada 19 April 2013 di mana pihak PAT bersetuju membekalkan 4 mesin pengimbas kargo pada harga yang disetujui, iaitu RM12.6 juta seunit atau RM50.4 juta untuk 4 unit mesin pengimbas kargo jenis BPScan-M1.

Pada pendapat Audit, JKDM telah mengambil kira amalan terbaik WCO dalam memperolehi mesin pengimbas dari pengeluar/jenama yang mempunyai rekod prestasi yang terbukti berkesan (proven track record). Selain itu, JKDM juga memenuhi Dasar Perolehan Kerajaan dari segi Dasar Pemindahan Teknologi untuk perolehan mesin pengimbas kargo PowerScan.

3.5.2. Penggunaan/Pengendalian Mesin Pengimbas Kargo

3.5.2.1. Mesin pengimbas kargo perlu digunakan secara optimum dan mematuhi garis panduan penggunaan yang ditetapkan. Ini adalah untuk memastikan matlamat sebenar perolehan mesin pengimbas kargo dapat dicapai serta mengelakkan pembaziran dan kerugian kepada Kerajaan. Di samping itu,

latihan kakitangan perlu dirancang dengan sebaiknya bagi memastikan kelancaran pengurusan dan penggunaan mesin pengimbas kargo.

3.5.2.2. Semakan dan lawatan Audit terhadap 16 mesin pengimbas kargo mendapati perkara berikut:

- a. Antara sebab mesin pengimbas kargo tidak dapat digunakan adalah komponen mesin pengimbas tidak berfungsi dengan baik, bekalan elektrik terputus, semasa penyenggaraan berjadual/pembaikan dijalankan atau kerosakan akibat pelanggaran/kemalangan oleh pihak ketiga.
- b. Analisis Audit yang dijalankan tertumpu kepada **kerosakan akibat komponen mesin pengimbas tidak berfungsi dengan baik sahaja**. Adalah didapati sebanyak 14 mesin pengimbas kargo mempunyai kadar kerosakan yang boleh diterima iaitu di antara 0.4% hingga 7.4% setahun. Bagaimanapun, terdapat 2 mesin pengimbas kargo yang mempunyai **tahap kerosakan yang tinggi** iaitu 11.8% dan 15.6% setahun (tidak berfungsi selama 86 dan 171 hari dalam tempoh 2 dan 3 tahun).
- c. Prestasi penggunaan mesin pengimbas kargo mengikut pengeluar/jenama adalah seperti berikut:

i. Mesin Pengimbas Kargo SAIC (NM Resources Sdn. Bhd.)

- Analisis Audit hanya tertumpu kepada jenis-jenis kerosakan mesin pengimbas seperti tiada imej imbasan; tiada komunikasi antara pengimbas dan *control centre*; mesej amaran pada skrin monitor kawalan; mesin tidak berfungsi; kamera pengawasan rosak; komponen dalaman mesin rosak dan tidak berfungsi; dan palang/lampu isyarat rosak dan tidak berfungsi.
- Adalah didapati kekerapan kerosakan mesin pengimbas kargo SAIC untuk tempoh 3 tahun (2011 hingga 2013) adalah di antara 4 hingga 40 hari dengan kadar kerosakan di antara 0.4% hingga 3.6% seperti ditunjukkan di jadual berikut:

**JADUAL 3.13
KEKERAPAN KEROSAKAN MESIN PENGIMBAS KARGO SAIC
UNTUK TEMPOH TAHUN 2011 HINGGA 2013**


BIL.	STESEN KASTAM	JENIS DAN MODEL MESIN PENGIMBAS	TARIKH MULA DIGUNAKAN	USIA MESIN (Tahun)	BILANGAN HARI MESIN PENGIMBAS DILAPORKAN ROSAK (Hari)	KADAR KEROSAKAN SETAHUN (%)
1.	Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor	<i>Gantry</i> (Relocatable VACIS II CE/CS)	13.10.2001	12	4	0.4
2.	Pelabuhan Pasir Gudang, Johor	<i>Gantry</i> (Relocatable VACIS II CE/CS)	13.10.2001	12	13	1.2
3.	Pelabuhan Senari, Sarawak	<i>Gantry</i> (Relocatable VACIS II CE/CS)	13.10.2001	12	15	1.4
4.	Pelabuhan Sepanggar, Kota Kinabalu, Sabah	<i>Gantry</i> (Relocatable VACIS II CE/CS)	13.10.2001	12	17	1.5

BIL.	STESEN KASTAM	JENIS DAN MODEL MESIN PENGIMBAS	TARIKH MULA DIGUNAKAN	USIA MESIN (Tahun)	BILANGAN HARI MESIN PENGIMBAS DILAPORKAN ROSAK (Hari)	KADAR KEROSAKAN SETAHUN (%)
5.	NBCT, Pulau Pinang	Gantry (Relocatable VACIS II CE/CS)	13.10.2001	12	30	2.7
6.	Pelabuhan Utara, Port Klang, Selangor	Gantry (Relocatable VACIS II CE/CS)	13.10.2001	12	31	2.8
7.	Tanjung Kupang, Johor	Pass-Thru (Portal VACIS)	13.10.2005	8	40	3.6

Sumber : Laporan Mesin Pengimbas JKDM Dan Borang Aduan Kerosakan Mesin Pengimbas JKDM

- Contoh kerosakan pada mesin pengimbas kargo adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 3.6



GAMBAR 3.7




Pelabuhan Utara, Port Klang, Selangor
- Imej Imbasan Separuh Pada Paparan Mesin Pengimbas
(12.09.2013)

GAMBAR 3.8



GAMBAR 3.9




North Butterworth Container Terminal, Pulau Pinang
- Mesin Pengimbas Tidak Dapat Berfungsi (Tiada Imej Imbasan)
(24.09.2013)

GAMBAR 3.10



GAMBAR 3.11



Pelabuhan Pasir Gudang, Johor
- Mesin Pengimbas Yang Rosak
(23.10.2013)

GAMBAR 3.12



GAMBAR 3.13



Tanjung Kupang, Johor
- Mesin Pengimbas Rosak
(24.10.2013)

Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 7 Mei 2014

Jabatan memberi perhatian utama terhadap penyelenggaraan mesin pengimbas dan kesemua mesin pengimbas dalam Jabatan ini mempunyai kontrak penyelenggaraan. Seperti mana lain-lain peralatan dan mesin, tidak dinafikan kerosakan boleh berlaku dari semasa ke semasa terutamanya jika mesin tersebut telah lama usianya. Mesin pengimbas VACIS umpamanya telah diperolehi pada tahun 2001 dan kini telah berusia lebih 12 tahun. Bagaimanapun, melalui kontrak penyelenggaraan, tindakan sentiasa diambil ke atas kerosakan yang dilaporkan tetapi terdapat kerosakan yang mengambil masa kerana pihak vendor menghadapi kesukaran mendapatkan alat ganti. Sebagai penambahbaikan, Jabatan telah mengambil tindakan untuk menggantikan mesin pengimbas jenis VACIS ini secara berperingkat berdasarkan peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan / EPU. Pada tahun ini sebanyak 3 unit mesin pengimbas baru akan dipasang bagi menggantikan mesin pengimbas jenis VACIS ini.

ii. Mesin Pengimbas Kargo Smiths Heimann (Wafada Technic & Consult Sdn. Bhd.)

- Analisis Audit hanya meliputi jenis kerosakan seperti komponen dalaman mesin rosak dan tidak berfungsi (accelerator); imej tidak dapat dihantar/disimpan; bekalan elektrik terputus; CCTV tidak berfungsi; *Optical Character Recognition* (OCR) tidak berfungsi; dan komputer 'shut down' dengan sendirinya.
- Adalah didapati kekerapan kerosakan mesin pengimbas kargo Smiths Heimann untuk tempoh satu tahun (2013) adalah di antara 26 dan 27 hari dengan kadar kerosakan sebanyak 7.1% dan 7.4% seperti ditunjukkan di jadual berikut:

JADUAL 3.14
KEKERAPAN KEROSAKAN MESIN PENGIMBAS
KARGO SMITHS HEIMANN UNTUK TAHUN 2013

BIL.	JENIS DAN MODEL MESIN PENGIMBAS	NO. MESIN PENGIMBAS	TARIKH MULA DIGUNAKAN	USIA MESIN (Tahun)	BILANGAN HARI MESIN PENGIMBAS DILAPORKAN ROSAK (Hari)	KADAR KEROSAKAN SETAHUN (%)
1.	<i>Pass-Thru</i> (HCVP 6030)	2609	12.11.2012	1	26	7.1
2.	<i>Pass-Thru</i> (HCVP 6030)	2608	12.11.2012	1	27	7.4

Sumber : Laporan Mesin Pengimbas JKDM Dan Borang Aduan Kerosakan Mesin Pengimbas JKDM

Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 7 Mei 2014

Kedua-dua mesin ini secara umumnya telah beroperasi dengan baik sejak daripada tarikh mula digunakan tetapi diakui terdapat 'glitches' yang berlaku selepas pemasangan mesin ini. Antaranya adalah kerosakan kecil seperti CCTV dan monitor tidak berfungsi yang telah diperbaiki oleh pihak vendor dalam tempoh yang singkat dan mesin telah beroperasi pada hari yang sama. Bagi kerosakan yang lebih rumit seperti disebabkan oleh 'power trip' atau 'accelerator' pihak vendor sememangnya mengambil masa untuk memperbaiki kerosakan tersebut kerana perlu mengenal pasti punca kerosakan. Pihak Jabatan telah mengadakan beberapa perbincangan dengan vendor untuk mengatasi 'glitches' yang berlaku dan pihak vendor telah mengambil tindakan antaranya dengan menggantikan 'Data Set Management Server' (DMS) yang baharu pada 13 Januari 2014. Pihak vendor juga telah menempatkan seorang juruteknik di stesen mesin pengimbas tersebut.

iii. Mesin Pengimbas Kargo NUCTECH (Pan Asiatic Technologies Sdn. Bhd.)

- Analisis Audit hanya tertumpu kepada jenis-jenis kerosakan mesin pengimbas seperti tiada imej imbasan; tiada komunikasi antara pengimbas dan *control centre*; mesej amaran pada skrin monitor kawalan; mesin tidak berfungsi; kamera pengawasan rosak; komponen dalaman mesin rosak dan tidak berfungsi; dan palang/lampu isyarat rosak dan tidak berfungsi.
- Adalah didapati kekerapan kerosakan mesin pengimbas kargo NUCTECH untuk tempoh 3 tahun (2011 hingga 2013) adalah di antara 20 dan 171 hari dengan kadar kerosakan di antara 1.8% hingga 15.6% seperti ditunjukkan di jadual berikut:

JADUAL 3.15
KEKERAPAN KEROSAKAN MESIN PENGIMBAS
KARGO NUCTECH UNTUK TEMPOH TAHUN 2011 HINGGA 2013

BIL.	STESEN KASTAM	JENIS DAN MODEL MESIN PENGIMBAS	TARIKH MULA DIGUNAKAN	USIA MESIN (Tahun)	BILANGAN HARI MESIN PENGIMBAS DILAPORKAN ROSAK (Hari)	KADAR KEROSAKAN SETAHUN (%)
1.	Padang Besar, Perlis	<i>Mobile</i> (THScan MT1213LT)	27.01.2003	11	20	1.8
2.	Pelabuhan Bagan Dalam, Pulau Pinang	<i>Pass-Thru</i> (THScan HS3000)	01.12.2003	10	65	5.9
3.	Pelabuhan Barat, Port Klang, Selangor	<i>Gantry</i> (THScan MB1215HS)	27.01.2004	10	65	5.9
4.	Pelabuhan Barat, Port Klang, Selangor	<i>Pass-Thru</i> (THScan HS3000)	01.12.2003	10	86*	11.8
5.	Pelabuhan Utara, Port Klang, Selangor	<i>Pass-Thru</i> (THScan FS6000DE)	08.09.2010	3	171	15.6

Sumber : Laporan Mesin Pengimbas JKDM Dan Borang Aduan Kerosakan Mesin Pengimbas JKDM

Nota : (*) - Kekerapan Kerosakan Mesin Pengimbas Kargo Adalah Untuk Tempoh 2 Tahun

Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 7 Mei 2014

Jabatan telah beberapa kali membincangkan isu kerosakan ini dengan pihak syarikat dan pada bulan Ogos 2013, syarikat telah membuat penambahbaikan bagi mengatasi beberapa masalah yang dikenal pasti punca kerosakan seperti berikut:

- i. Upgrading sistem 'Software Image Analysis'.*
- ii. Menggantikan sistem 'Optical Character Recognition' (OCR).*
- iii. Mengadakan latihan bagi pegawai mengenal pasti 'troubleshooting' dan memperbaiki kerosakan 'minor'.*
- iv. Menyediakan perkhidmatan juruteknik yang akan 'standby' 24 jam untuk kerosakan.*

iv. Mesin Pengimbas Kargo PowerScan (Pan Asiatic Technologies Sdn. Bhd.)

- Analisis Audit hanya tertumpu kepada jenis kerosakan yang melibatkan CCTV tidak berfungsi; amaran '*betatron is not connected*' terparap; dan komputer '*shut down*' dengan sendirinya.
- Adalah didapati kekerapan kerosakan mesin pengimbas kargo PowerScan untuk tempoh satu tahun (2013) adalah hanya di antara 4 dan 5 hari dengan kadar kerosakan sebanyak 1.1% dan 1.4% seperti ditunjukkan di jadual berikut:

**JADUAL 3.16
KEKERAPAN KEROSAKAN MESIN PENGIMBAS
KARGO POWERSCAN UNTUK TAHUN 2013**

BIL.	JENIS DAN MODEL MESIN PENGIMBAS	NO. MESIN PENGIMBAS	TARIKH MULA DIGUNAKAN	USIA MESIN (Tahun)	BILANGAN HARI MESIN PENGIMBAS DILAPORKAN ROSAK (Hari)	KADAR KEROSAKAN SETAHUN (%)
1.	<i>Pass-Thru</i> (BTScan-P/X)	B	12.12.2012	1	4	1.1
2.	<i>Pass-Thru</i> (BTScan-P/X)	A	12.12.2012	1	5	1.4

Sumber : Laporan Mesin Pengimbas JKDM Dan Borang Aduan Kerosakan Mesin Pengimbas JKDM

Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 7 Mei 2014

Sehingga bulan Mac 2014, didapati tahap penggunaan mesin-mesin pengimbas kargo jenis Smiths Heimann dan NUCTECH adalah melebihi tahap 90%.

Pada pendapat Audit, tahap penggunaan mesin pengimbas kargo yang boleh diterima atau dianggap telah digunakan secara optimum adalah sebanyak 90% setahun (penggunaan sekurang-kurangnya 328 hari dalam setahun). Oleh itu, kadar kerosakan yang boleh terima adalah tidak melebihi 10% setahun. Sehubungan dengan itu, kadar kerosakan mesin pengimbas kargo di antara 11.8% dan 15.6% yang masing-masing berusia 10 dan 3 tahun adalah tinggi dan boleh menjejaskan operasi JKDM.

3.5.2.3. Pegawai kastam yang bertugas di stesen yang mempunyai mesin pengimbas yang rosak perlu membuat keputusan imbasan berdasarkan imej imbasan yang terhad atau hanya memaparkan imej sebahagian daripada barang dagangan di dalam kontena. Di samping itu, pegawai kastam juga akan melaksanakan pemeriksaan secara fizikal bagi mengesan barang dagangan yang mencurigakan dan mengambil masa dan tenaga yang banyak berbanding penggunaan mesin pengimbas kargo.

3.5.2.4. Pada 18 September 2013, JKDM telah memutuskan untuk menempatkan 4 unit mesin pengimbas kargo baharu jenis BPScan-M1 yang akan dibekalkan oleh PAT bagi menggantikan mesin pengimbas yang kerap rosak di Pelabuhan Pasir Gudang, Johor; NBCT, Pulau Pinang; Pelabuhan Barat dan Pelabuhan Utara di Port Klang, Selangor. Bagaimanapun, pihak Audit dimaklumkan bahawa keputusan untuk penempatan mesin pengimbas kargo telah diubah pada bulan Januari 2014 di mana penempatan asal di Pelabuhan Utara, Port Klang, Selangor akan diganti dengan Tanjung Kupang, Johor.

3.5.2.5. Bagi menilai tahap kemahiran penggunaan mesin pengimbas dan latihan yang diterima, sebanyak 32 borang soal selidik telah diterima daripada pegawai Kastam yang menggunakan mesin pengimbas kargo di 5 negeri yang dilawati. Maklum balas yang diterima adalah seperti di jadual-jadual berikut:

JADUAL 3.17
SOAL SELIDIK PENGGUNAAN : PENGGUNAAN MESIN PENGIMBAS

NEGERI	KEPERLUAN MESIN PENGIMBAS KARGO				MESIN PENGIMBAS KARGO MEMBANTU KERJA SEHARIAN						
	KURANG PERLU	PERLU		SANGAT PERLU		KURANG MEMBANTU		MEMBANTU		SANGAT MEMBANTU	
		Bil.	(%)	Bil.	(%)	Bil.	(%)	Bil.	(%)	Bil.	(%)
Johor	-	4	40	6	60	-	-	2	20	8	80
Selangor	-	3	60	2	40	-	-	3	60	2	40
Pulau Pinang	-	1	11	8	89	-	-	1	11	8	89
Sabah	-	2	50	2	50	-	-	1	25	3	75
Sarawak	-	-	-	4	100	4	100	-	-	-	-
JUMLAH	0	10	31	22	69	4	12	7	22	21	66

Sumber : Borang Soal Selidik Penggunaan Mesin Pengimbas JKDM Bagi Tahun 2013

JADUAL 3.18
SOAL SELIDIK PENGGUNAAN : PENGENDALIAN MESIN PENGIMBAS

NEGERI	KEMAHIRAN DALAM MENGENDALI MESIN PENGIMBAS KARGO					KEMAHIRAN DALAM MENYELESAIKAN MASALAH APABILA BERLAKU KEROSAKAN KECIL (TROUBLESHOOTING)				
	KURANG MAHIR		MAHIR		SANGAT MAHIR	KURANG MAHIR		MAHIR		SANGAT MAHIR
	Bil.	(%)	Bil.	(%)		Bil.	(%)	Bil.	(%)	
Johor	1	10	9	90	-	6	60	4	40	-
Selangor	2	40	3	60	-	5	100	-	-	-
Pulau Pinang	5	56	4	44	-	7	78	2	22	-
Sabah	2	50	2	50	-	4	100	-	-	-
Sarawak	-	-	4	100	-	4	100	-	-	-
JUMLAH	10	31	22	69	0	26	81	6	19	0

Sumber : Borang Soal Selidik Penggunaan Mesin Pengimbas JKDM Bagi Tahun 2013

JADUAL 3.19
SOAL SELIDIK PENGGUNAAN : LATIHAN PENGGUNA MESIN PENGIMBAS

NEGERI	MENGHADIRI LATIHAN/KURSUS PENGENDALIAN MESIN PENGIMBAS KARGO				MENGHADIRI LATIHAN/KURSUS TROUBLESHOOTING MESIN PENGIMBAS KARGO	
	PERNAH		TIDAK		YA	TIDAK
	Bil.	(%)	Bil.	(%)		
Johor	4	40	6	60	-	10
Selangor	1	20	4	80	-	5
Pulau Pinang	7	78	2	22	-	9
Sabah	2	50	2	50	-	4
Sarawak	-	-	4	100	-	4
JUMLAH	14	44	18	56	0	32

Sumber : Borang Soal Selidik Penggunaan Mesin Pengimbas JKDM Bagi Tahun 2013

3.5.2.6. Berdasarkan maklum balas yang diterima, adalah didapati sebahagian besar responden (69%) adalah mahir untuk mengendalikan mesin pengimbas. Bagaimanapun, masih terdapat responden yang kurang mahir kerana baru berkhidmat di unit mesin pengimbas dan kurang diberikan latihan yang berkaitan. Analisis ke atas 32 borang soal selidik adalah seperti berikut:

- a. Semua responden bersetuju mengenai kepentingan mesin pengimbas kargo.
- b. Seramai 28 responden (88%) menyatakan bahawa penggunaan mesin pengimbas kargo membantu dalam kerja seharian manakala 4 responden (12%) berpendapat sebaliknya. Adalah didapati responden ini tidak pernah menghadiri kursus serta hanya berkhidmat kurang dari setahun di Unit Mesin Pengimbas.
- c. Seramai 26 responden (81%) menyatakan bahawa mereka kurang mahir dalam menyelesaikan masalah apabila berlaku kerosakan kecil (troubleshooting).
- d. Seramai 18 responden (56%) tidak pernah menghadiri kursus pengendalian mesin pengimbas kargo.
- e. Seramai 10 responden (31%) menyatakan bahawa mereka kurang mahir dalam mengendalikan mesin pengimbas kargo.
- f. Kesemua responden belum pernah menghadiri kursus *troubleshooting* mesin pengimbas kargo.

Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 26 Februari 2014

- i. Pengendalian mesin pengimbas dan fungsi menganalisis imej imbasan adalah satu tugas yang memerlukan pengetahuan teknikal, sifat analitikal dan komitmen yang tinggi. Kemahiran ini selain diperolehi daripada latihan, ianya juga memerlukan proses pembelajaran yang berterusan dan pengalaman menggunakan mesin pengimbas. Pegawai pengendali sinaran juga tertakluk kepada 'job rotation' dan pegawai baru memerlukan masa untuk mendapat pengetahuan dan kemahiran yang dikehendaki untuk mengendalikan mesin pengimbas.*
- ii. JKDM mengambil maklum terhadap soal selidik oleh pihak Audit yang merupakan persepsi daripada pegawai terhadap kemahiran dalam menyelesaikan masalah apabila berlaku kerosakan kecil (troubleshooting) dan akan mengadakan latihan bagi memberi pengetahuan yang sewajarnya kepada pegawai.*
- iii. Latihan secara berkala telah dilaksanakan bersama pihak vendor semasa menjalankan penyenggaraan pencegahan dari semasa ke semasa. Ini diikuti oleh latihan yang dibuat oleh Ibu Pejabat yang mana untuk tahun 2014 sebanyak 4 kursus telah dirancang di samping program naziran mesin pengimbas di negeri. Selain itu, bagi tahun 2014, satu modul kursus mesin pengimbas telah dimasukkan dalam program latihan AKMAL bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pegawai.*

Pada pendapat Audit, dengan sebanyak 31% daripada responden (pegawai Kastam) yang mengakui mereka kurang mahir dalam mengendalikan mesin pengimbas kargo dan sebanyak 81% daripada mereka mengakui kurang mahir dalam menyelesaikan masalah apabila berlaku kerosakan kecil (troubleshooting) boleh memberi impak kepada proses taksiran dan pelepasan dagangan serta mengesan ketirisan hasil.

3.5.3. Penyenggaraan Dan Pembaikan Mesin Pengimbas Kargo

3.5.3.1. Penyenggaraan secara berkala perlu dijalankan bagi memastikan mesin pengimbas kargo dapat digunakan dengan cekap dan berkesan. Di samping itu, kerosakan mesin pengimbas kargo perlu dilaporkan dengan segera dan penyenggaraan yang dibuat terhadap mesin pengimbas kargo yang rosak perlu dilaksanakan dengan cekap. Ini bagi memastikan mesin pengimbas kargo berkenaan dapat beroperasi dan tidak menjejaskan urusan pemeriksaan kargo.

3.5.3.2. Semua kontrak penyenggaraan dan pembaikan mesin pengimbas kargo adalah dibuat secara rundingan terus selepas mendapat kelulusan Kementerian Kewangan. Perolehan perkhidmatan penyenggaraan dan pembaikan telah dibuat secara rundingan terus kerana kontraktor penyenggaraan yang paling sesuai adalah pembekal asal (ejen pengedar) mesin pengimbas tersebut.

3.5.3.3. Prestasi perbelanjaan penyenggaraan pencegahan dan pembaikan bagi 12 mesin pengimbas kargo (4 mesin pengimbas kargo di Kompleks CIQ, Bangunan Sultan Iskandar, Johor masih dalam tempoh waranti) adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.20
PERBELANJAAN PENYENGGARAAN DAN PEMBAIKAN
MESIN PENGIMBAS KARGO SEHINGGA 31 DISEMBER 2013

BIL.	NAMA KONTRAK	NO. KONTRAK	TEPOH	NILAI KONTRAK (RM Juta)	BELANJA (RM Juta)	PERATUSAN (%)
1.	Penyenggaraan Pencegahan dan Pembaikan 2 Unit Mesin Pengimbas THScan HS3000*	KE.HW(84) 426/02-111/2011	20.07.2011 - 19.07.2013	0.84	0.69	82.1
				2.70	2.68	99.3
JUMLAH KECIL				3.54	3.37	95.2
2.	Penyenggaraan Pencegahan Dan Pembaikan Satu Unit Mesin Pengimbas THScan FS6000DE*	KE.HW(84) 426/02-112/2011	24.07.2011 - 23.07.2013	0.66	0.66	100
				1.61	1.09	67.7
JUMLAH KECIL				2.27	1.75	77.1



BIL.	NAMA KONTRAK	NO. KONTRAK	TEMPOH	NILAI KONTRAK (RM Juta)	BELANJA (RM Juta)	PERATUSAN (%)
3.	Penyenggaraan Pencegahan Dan Pembaikan 2 Unit Mesin Pengimbas THScan MB1215HS Dan THScan MT1213LT	KE.HW(84) 426/02-15/2011	01.09.2010 - 31.08.2015	2.75	1.47	53.5
				7.50	2.49	33.2
JUMLAH KECIL				10.25	3.96	38.6
4.	Penyenggaraan Pencegahan Dan Pembaikan Mesin Pengimbas Kargo 6 Unit Relocatable VACIS II Dan Satu Unit Portal VACIS	KE.HW(84) 426/02-36/2012	02.05.2012 - 01.05.2013	1.16	0.98	84.5
				1.00	0.99	99.0
JUMLAH KECIL				2.16	1.97	91.2
5.	Penyenggaraan Pencegahan dan Pembaikan Mesin Pengimbas Kargo 6 Unit Relocatable VACIS II Dan Satu Unit Portal VACIS	KE.HW(84) 426/02-79/2013	02.05.2013 - 01.05.2015	2.43	0.25	10.3
				2.00	0.06	3.0
JUMLAH KECIL				4.43	0.31	7.0
JUMLAH				22.65	11.36	50.2

Sumber : Laporan Pembayaran Kontrak Penyenggaraan dan Pembaikan Mesin Pengimbas JKDM

Nota : (*) - Kontrak Perkhidmatan Penyenggaraan Telah Dilanjutkan Sehingga 21 Julai 2015 Secara Rundingan Terus Oleh Kementerian Kewangan Dengan Anggaran Kos RM7.8 Juta

3.5.3.4. Semakan Audit terhadap penyenggaraan dan pembaikan mesin pengimbas kargo mendapati perkara berikut:

- a. Memandangkan kesemua kontrak penyenggaraan pencegahan dan pembaikan kerosakan mesin pengimbas kargo dibuat melalui rundingan terus, penentuan terma-terma dalam kontrak perlu diteliti semasa rundingan harga bagi menjamin kepentingan Kerajaan telah diambil kira dengan sewajarnya. Bagaimanapun, adalah didapati skop kerja penyenggaraan pencegahan bagi kelima-lima kontrak penyenggaraan mesin pengimbas kargo tidak memadai dan butiran harga kos penyenggaraan bulanan terperinci tidak disediakan mengikut skop kerja. Ini menyukarkan pegawai Kastam dalam tanggungjawabnya mengesahkan kos sebenar kerja penyenggaraan yang telah dibuat. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.21
DOKUMEN KONTRAK PENYENGGARAAN DAN PEMBAIKAN
MESIN PENGIMBAS KARGO YANG TIDAK MEMADAI ATAU TIDAK TERPERINCI

BIL.	NO. KONTRAK	TAJUK KONTRAK	ISU KONTRAK
1.	KE.HW(84)426/ 02-112/2011	Perjanjian Penyenggaraan Pencegahan, Pembaikan Kerosakan Dan Membekal Alat Ganti Mesin Pengimbas Satu Unit THScan FS6000DE	i. Skop kerja perkhidmatan penyenggaraan pencegahan bulanan iaitu "Observe the status of each air-condition, if necessary ask the service" adalah tidak memadai. Sepatutnya penyenggaraan penghawa dingin dilakukan bersekali dengan penyenggaraan pencegahan dan bukannya apabila terdapat keperluan. ii. Butiran terperinci pecahan kos penyenggaraan pencegahan tidak dimasukkan dalam Dokumen Kontrak. Butiran terperinci pecahan kos penyenggaraan pencegahan tidak dimasukkan dalam Dokumen Kontrak.
2.	KE.HW(84)426/ 02-111/2011	Perjanjian Penyenggaraan Pencegahan, Pembaikan Kerosakan Dan Membekal Alat Ganti Mesin Pengimbas Kargo 2 Unit THScan HS3000	
3.	KE.HW(84)426/ 02-79/2011	Perjanjian Penyenggaraan Pencegahan, Pembaikan Kerosakan Dan Membekal Alat Ganti Satu Unit Mesin Pengimbas THScan MT1213LT Mobile Dan Satu Unit Mesin Pengimbas THScan MB1215HS	
4.	KE.HW(84)426/ 02-36/2012 Dan KE.HW(84)426/ 02-79/2013	Perkhidmatan Penyenggaraan Pencegahan, Pembaikan Kerosakan Dan Pembekalan Alat Ganti 6 Unit Mesin Pengimbas Relocatable VACIS II-CE/CS Dan Satu Unit Mesin Pengimbas Portal VACIS	

Sumber : Dokumen Kontrak Penyenggaraan Pencegahan Dan Pembaikan Mesin Pengimbas Kargo

- b. Semakan Audit terhadap 194 baucar bayaran berkaitan penyenggaraan pencegahan dan pembaikan bagi syarikat NMR dan PAT mendapati bayaran telah dibuat dengan teratur.
- c. Walau bagaimanapun, terdapat aduan daripada stesen kastam di Johor, Selangor, Pulau Pinang dan Sabah mengatakan kontraktor penyenggaraan mengambil masa yang terlalu lama untuk penggantian komponen mesin pengimbas yang rosak. Ini dapat dibuktikan dengan analisis maklum balas dari 32 borang soal selidik yang diterima mendapati 20 responden (62%) menyatakan bahawa prestasi mesin pengimbas kargo adalah kurang memuaskan dan 16 responden (50%) menyatakan bahawa prestasi penyenggaraan mesin pengimbas kargo oleh kontraktor juga kurang memuaskan. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.22
SOAL SELIDIK : PENYENGGARAAN MESIN PENGIMBAS

NEGERI	PRESTASI MESIN PENGIMBAS KARGO						PRESTASI KONTRAKTOR/PEMBEKAL DALAM PENYENGGARAAN MESIN PENGIMBAS KARGO					
	KURANG MEMUASKAN		MEMUASKAN		SANGAT MEMUASKAN		KURANG MEMUASKAN		MEMUASKAN		SANGAT MEMUASKAN	
	Bil.	(%)	Bil.	(%)	Bil.	(%)	Bil.	(%)	Bil.	(%)	Bil.	(%)
Johor	9	90	1	10	-	-	6	60	4	40	-	-
Selangor	1	20	4	80	-	-	1	20	4	80	-	-
Pulau Pinang	6	67	3	33	-	-	6	67	3	33	-	-
Sabah	4	100	-	-	-	-	3	75	1	25	-	-
Sarawak	-	-	-	-	4	100	-	-	-	-	4	100
JUMLAH	20	63	8	25	4	12	16	50	12	38	4	12

Sumber : Borang Soal Selidik Penggunaan Mesin Pengimbas JKDM Bagi Tahun 2013

Pada pendapat Audit, terma-terma kontrak yang memadai serta butiran harga kos penyenggaraan bulanan terperinci adalah penting bagi memastikan kos sebenar kerja penyenggaraan adalah betul.

Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 7 Mei 2014

Jabatan telah memperkenalkan beberapa penambahbaikan kepada syarat kontrak bagi memperkemaskan pengurusan penyenggaraan mesin pengimbas. Dalam kontrak penyenggaraan mesin pengimbas dengan Pan Asiatic Technologies Sdn. Bhd., sebanyak 30 item telah dimasukkan ke dalam skop kerja penyenggaraan bulanan dan 60 item ke dalam skop kerja tahunan penyenggaraan mesin pengimbas. Jumlah kos bulanan dan tahunan penyenggaraan juga telah dinyatakan di dalam kontrak berdasarkan skop kerja di atas, man hours, lokasi mesin dan kos professional workmanship. Bagaimanapun, Jabatan mengambil perhatian ke atas pemerhatian Audit dan akan diambil kira dalam perjanjian kontrak penyenggaraan akan datang.

3.5.4. Kerosakan Akibat Kemalangan

3.5.4.1. Mesin pengimbas kargo sentiasa terdedah kepada risiko dilanggar oleh lori kontena atau lori yang membawa muatan melebihi ketinggian maksimum mesin pengimbas kargo. Sekiranya pelanggaran/kemalangan berlaku kepada mesin pengimbas kargo, pegawai Kastam perlu diberikan panduan supaya tindakan susulan yang seragam dapat dilaksanakan.

3.5.4.2. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- a. mesin pengimbas kargo telah dilanggar oleh lori di Johor Bahru dan Pelabuhan Barat, Port Klang, Selangor. Bagaimanapun tindakan pegawai Kastam adalah bergantung pada inisiatif pegawai berkenaan dan tindakan yang diambil tidak seragam. Contoh kejadian kemalangan adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 3.23
KEROSAKAN MESIN PENGIMBAS KARGO YANG DISEBABKAN OLEH
KEMALANGAN ATAU DILANGGAR OLEH KENDERAAN

BIL.	LOKASI MESIN PENGIMBAS	TARIKH DAN MASA KEJADIAN	KENDERAAN TERBABIT	KEMALANGAN	KESAN KEROSAKAN
1.	HVCP 6030 (No. Siri 2608) Laluan Eksport, Kompleks CIQ, Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bahru	19.08.2013 (4.48 pagi)	JJT 2202	Muatan kotak yang dibawa telah tumbang dan terkeluar dari badan kenderaan tanpa disedari oleh pemandu.	Kerosakan fizikal pada peralatan mesin pengimbas serta perisian pengimbas.
2.		03.08.2013 (4.25 pagi)	JNC 6394	Lori membawa muatan ketinggian berlebihan telah melanggar penghadang ketinggian (gantry) di pintu masuk mesin pengimbas.	Penghadang ketinggian telah bengkok dan perlu dibaik pulih.

BIL.	LOKASI MESIN PENGIMBAS	TARIKH DAN MASA KEJADIAN	KENDERAAN TERBABIT	KEMALANGAN	KESAN KEROSAKAN
3.	HVCP 6030 (No. Siri 2608) Laluan Eksport, Kompleks CIQ, Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bahru	01.08.2013 (4.50 pagi)	JHW 5808	Muatan konkrit yang dibawa telah tumbang dan terkeluar dari badan kenderaan tanpa disedari oleh pemandu.	Kerosakan fizikal pada 'detector board' mesin pengimbas.
4.		26.06.2013 (8.30 pagi)	NCB 966	Muatan lori kontena yang melebihi ketinggian telah melanggar penghadang ketinggian kedua di pintu laluan masuk mesin pengimbas.	Penghadang ketinggian kedua telah tumbang dan perlu dibaiki.
5.	Mesin Pengimbas THScan FS3000, Pelabuhan Barat, Port Klang, Selangor	04.08.2011	-	Muatan lori kontena yang melebihi ketinggian telah melanggar Horizontal Arm mesin pengimbas.	Alat ganti Horizontal Arm perlu ditempah khas dan sejumlah RM1,230,941 telah dibayar pada 14 Ogos 2012 untuk membaikinya.

Sumber : Fail Penyenggaraan Mesin Pengimbas Kargo Dan Buku Kejadian Stesen Kastam

GAMBAR 3.14



Laluan Eksport, Kompleks CIQ Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bahru - Palang Laluan Mesin Pengimbas Bengkok Disebabkan Muatan Lori Melebihi Ketinggian Maksimum (29.08.2013)

GAMBAR 3.15



Laluan Eksport, Kompleks CIQ Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bahru - Kerosakan Pada Bahagian Mesin Pengimbas (29.08.2013)

GAMBAR 3.16



Laluan Eksport, Kompleks CIQ Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bahru - Kerosakan Pada Mesin Pengimbas Disebabkan Muatan Lori Lebih Saiz (29.08.2013)

GAMBAR 3.17



- b. Ketidakteraturan tindakan pegawai kastam adalah disebabkan *Standard Operating Procedures* (SOP) bagi mesin pengimbas kargo masih belum dimuktamadkan. Adalah didapati Unit Mesin Pengimbas Ibu Pejabat JKDM masih lagi dalam perbincangan dengan pihak pengurusan JKDM bagi memuktamadkan SOP.
- c. Kos kerosakan yang disebabkan oleh pihak ketiga terpaksa ditanggung oleh Kerajaan. Pihak JKDM ada merekodkan setiap kemalangan sama ada kecil mahupun besar ke dalam Buku Kejadian dan membuat laporan Polis. Mengenai mesin pengimbas THScan FS3000 di Pelabuhan Barat, Port Klang, Selangor yang dilanggar lori pada 4 Ogos 2011, didapati JKDM telah membuat laporan polis pada 5 Ogos 2011 dan tuntutan pembayaran telah dibuat kepada syarikat melalui surat bertarikh 23 November 2011 dan 2 Oktober 2012. Pihak syarikat telah meminta tuntutan dikemukakan kepada pihak syarikat insurans dan JKDM pada masa ini masih dalam tindakan dengan pihak syarikat insurans. Pada masa yang sama, JKDM juga sedang mengkaji untuk mengambil tindakan undang-undang jika tiada kemajuan dengan pihak syarikat insurans. Ini mengakibatkan kes di mana JKDM terpaksa membayar sejumlah RM1.23 juta pada 14 Ogos 2012 untuk membaiki mesin pengimbas tersebut.

Pada pendapat Audit, ketiadaan SOP yang jelas mengakibatkan pegawai mesin pengimbas dan pegawai Kastam yang bertugas tidak mempunyai panduan dan rujukan yang terkini. Pegawai juga tidak dapat melaksanakan tindakan kecemasan dan susulan dengan cekap dan teratur apabila terjadi sesuatu kemalangan terhadap mesin pengimbas.

Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 7 Mei 2014

SOP yang sedia ada pada masa ini adalah khusus berdasarkan kepada jenis mesin-mesin tertentu. Bagaimanapun Jabatan dalam tindakan untuk menggubal SOP baru yang akan mengambil kira kesemua jenis mesin pengimbas yang terdapat dalam Jabatan serta juga mengambil kira fungsi dan peranan Unit Mesin Pengimbas Ibu Pejabat dan Negeri, Bahagian Kastam dan pihak luar iaitu Lembaga Pelesenan Tenaga Atom serta pihak vendor. Memandangkan perkara ini melibatkan beberapa pihak dan kompleksiti mesin pengimbas, maka draf ini dijangka akan siap pada November 2014. SOP ini juga akan menggariskan tindakan sekiranya berlaku kemalangan dan pelanggaran terhadap mesin pengimbas.

3.5.5. Pemantauan

3.5.5.1. Unit Mesin Pengimbas, Cawangan Logistik, Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia, JKDM yang ditubuhkan pada bulan Januari 2010 adalah bertanggungjawab memantau aktiviti mesin pengimbas. Unit ini diketuai oleh seorang Penolong Kanan Pengarah Kastam Gred W48 dan dibantu seorang Penolong Pengarah Kastam Gred W44, 2 orang Pembantu Penguasa Kastam Gred W22 dan Gred W17 serta seorang Pembantu Tadbir N17. Antara lainnya, Unit ini berperanan:

- a. menguruskan aduan kerosakan mesin pengimbas dan tindakan penyenggaraan;
- b. menguruskan perakuan bayaran bagi kontrak penyenggaraan mesin pengimbas JKDM dan mengkaji kontrak dari semasa ke semasa;
- c. menguruskan proses penyediaan spesifikasi mesin pengimbas;
- d. membuat kajian keperluan mesin pengimbas jika ada permohonan;
- e. membuat penerimaan mesin pengimbas baharu; dan
- f. mengumpul Laporan Penyata Prestasi Penggunaan Mesin Pengimbas JKDM yang dikemukakan oleh JKDM Negeri.

3.5.5.2. Semakan Audit terhadap tanggungjawab pemantauan aktiviti mesin pengimbas oleh Unit Mesin Pengimbas mendapati perkara berikut:

- a. Kesemua aduan kerosakan yang diterima daripada pengguna mesin pengimbas pada tahun 2013 telah diuruskan dengan teratur supaya tindakan penyenggaraan dapat diambil dengan segera.
- b. perakuan bayaran bagi 194 baucar bayaran kontrak penyenggaraan mesin pengimbas telah dilakukan dengan sempurna bagi memastikan tuntutan kontraktor dapat dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan.
- c. proses penyediaan spesifikasi, membuat kajian keperluan dan proses penerimaan mesin pengimbas baharu telah dilaksanakan bagi memastikan mesin pengimbas yang diterima adalah memenuhi spesifikasi yang ditetapkan.
- d. Laporan Penyata Prestasi Penggunaan Mesin Pengimbas JKDM telah dikumpulkan setiap bulan daripada semua JKDM Negeri dan maklumat mengenainya telah dilaporkan kepada pihak pengurusan JKDM sebagai petunjuk prestasi.



3.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan mesin pengimbas kargo JKDM dapat dilaksanakan secara teratur dan berkesan di seluruh negara, adalah disyorkan supaya JKDM memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap perkara seperti berikut:

- 3.6.1. memantau program pemindahan teknologi dengan mendapatkan laporan berkala (6 bulan) daripada PAT;
- 3.6.2. menyediakan laporan tahunan berkaitan kadar kerosakan mesin pengimbas supaya prestasi (tahap boleh guna) setiap mesin pengimbas kargo dapat dinilai;
- 3.6.3. memastikan terma kontrak penyenggaraan mesin pengimbas yang akan datang mempunyai skop kerja penyenggaraan pencegahan yang memadai serta butiran harga kos penyenggaraan bulanan yang terperinci mengikut skop kerja; dan
- 3.6.4. menyediakan dan memuktamadkan SOP pengendalian mesin pengimbas kargo sebelum bulan Disember 2014 supaya tindakan yang seragam dan cekap boleh diambil seperti menuntut ganti rugi terhadap pihak yang mengakibatkan kerosakan mesin pengimbas kargo.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Dalam Buku Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2013 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH / JABATAN KERJA RAYA SARAWAK

4. PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR DI NEGERI SARAWAK

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) mula dilaksanakan pada tahun 1974 dan diperluaskan di bawah skim “*Accelerated Rural Water Supply*” dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971 – 1975) dan diteruskan sehingga Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Program ini diwujudkan bagi membantu Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) memperluaskan liputan perkhidmatan bekalan air terawat kepada penduduk di kawasan luar bandar melalui sistem retikulasi, sistem alternatif dan naik taraf/bina baru Loji Rawatan Air (LRA).

4.1.2. Sistem retikulasi merangkumi kerja penyambungan paip daripada paip utama PBAN serta pembinaan dan naik taraf kapasiti LRA, tangki dan sistem pam penggalak. Selain itu, penggantian paip lama akan diberi pertimbangan jika perlu. Sistem alternatif pula meliputi pembinaan sistem air graviti, telaga tiub dan tadahan air hujan menggunakan tangki air jenis High-Density Polyethylene (HDPE) untuk pembekalan air bersih kepada penduduk luar bandar yang terlalu jauh dari sumber bekalan air PBAN.

4.1.3. Objektif utama program ini adalah untuk menyediakan kemudahan bekalan air bersih dan terawat agar taraf kesihatan dan kualiti hidup masyarakat luar bandar dapat dipertingkatkan di samping merangsang pembangunan ekonomi, industri, pertanian dan juga pelancongan. Selain itu program juga bertujuan untuk mempertingkatkan taraf kesihatan dan kualiti hidup dan menjadi pemangkin ekonomi luar bandar. Kerajaan dengan kerjasama agensi berkaitan sentiasa meneruskan kajian untuk memastikan kualiti bekalan air bersih dan terawat dapat dibekalkan secara menyeluruh, cekap dan berkualiti kepada masyarakat luar bandar.

4.1.4. Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) adalah bertanggungjawab untuk menyediakan prasarana/kemudahan bekalan air bersih dan terawat ke kawasan luar bandar dan membantu PBAN memperluaskan liputan air bersih yang terawat kepada penduduk di kawasan luar bandar. Pelaksana program BALB adalah Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak yang bertanggungjawab sebagai Penguasa Projek. Pihak JKR Sarawak juga menyemak semula laporan kajian awal, kerja survei, lukisan pelan, dokumen tender, mengesahkan kemajuan kerja dan tuntutan kontraktor yang disediakan oleh pihak perunding. Pemantauan



semasa pelaksanaan projek dan perakuan tuntutan kontraktor dilakukan oleh perunding.

4.1.5. Bagi tempoh 2010 hingga 31 Disember 2012, sejumlah 314 projek telah dilaksanakan untuk program BALB di negeri Sarawak melibatkan peruntukan sejumlah RM2.48 bilion dan perbelanjaan sejumlah RM1.43 bilion (57.5%). Jumlah keseluruhan bilangan projek mencapai status sudah siap hanya 115 (36.6%) manakala 199 (63.4%) belum siap setakat 31 Disember 2013. Daripada 314 projek yang dilaksanakan tersebut 69 projek bernilai RM1.71 bilion merupakan projek berbentuk fizikal atau pembinaan LRA dan penyambungan paip utama. Daripada 69 projek BALB di negeri Sarawak 54 (78.3%) projek telah siap manakala 15 (21.7%) projek lagi masih dalam pelaksanaan setakat Disember 2013.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan projek BALB di negeri Sarawak telah diurus dengan teratur, cekap dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

4.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan program BALB di negeri Sarawak bagi tempoh tahun 2010 hingga Disember 2013. Sebanyak 13 (19%) projek bernilai RM466.09 juta (27.3%) daripada 69 projek fizikal bernilai RM1.71 bilion telah dipilih sebagai sampel Audit iaitu di Bahagian Kuching, Samarahan, Sri Aman, Betong, Kapit, Bintulu, Miri dan Limbang. Pengauditan juga dijalankan di Bahagian Infrastruktur KKLW, Bahagian Pembangunan Dan Pemantauan Projek KKLW Cawangan Negeri Sarawak dan JKR Sarawak.

4.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak, mengkaji serta menganalisis data, dokumen, laporan, minit mesyuarat dan fail berkaitan. Semakan dan analisis terhadap laporan prestasi projek juga dibuat untuk memastikan projek dilaksanakan mengikut spesifikasi dan jadual yang ditetapkan dalam kontrak. Lawatan Audit ke lokasi projek dipilih telah dijalankan untuk menilai prestasi kemajuan projek. Kaji selidik telah dijalankan terhadap kumpulan sasaran untuk menilai kepuasan pelanggan sama ada bekalan air telah dinikmati oleh mereka setelah projek disiapkan sepenuhnya. Selain itu, temu bual juga telah diadakan dengan pegawai daripada KKLW, JKR Sarawak, perunding dan kontraktor. *Exit Conference* telah diadakan dengan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), KKLW; Timbalan Pengarah (Korporat), JKR Sarawak; Unit Audit Dalam (UAD) KKLW; kontraktor dan perunding pada 3 Mac 2014.

4.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2013 dan berdasarkan sampel yang dipilih mendapati pada keseluruhannya pengurusan projek BALB di negeri Sarawak adalah memuaskan. Setakat 31 Disember 2013, daripada 13 sampel projek yang diaudit, 9 projek telah siap dibina manakala 4 lagi projek masih dalam pembinaan. Sungguhpun begitu terdapat kelemahan seperti berikut:

- i. kajian awal tidak dibuat secara menyeluruh dan teliti oleh 4 daripada 11 perunding yang dilantik;
- ii. kualiti kerja pembinaan kurang memuaskan iaitu berlaku kebocoran pada tangki airimbangan, kerja membina muka sauk yang kurang memuaskan dan paip HDPE bersaiz 300mm tidak ditanam;
- iii. perakuan muktamad belum disediakan bagi Projek Rumah Sebeliau dan Rumah Sebeliau Geliung, Lubok Antu, Sri Aman dan Watermain Extension ke Rumah Ali, Dabai Tiga, Rumah Banta, Rantau Sukat, Rumah Joseph, Buchai dan Rumah Engkin, Kedoh, Sekolah Kebangsaan Brayang, Roban walaupun kedua-dua projek tersebut telah disiapkan masing-masing pada 26 Mac 2011 dan 25 Februari 2011;
- iv. kemudahan telah siap dibina tidak dinikmati oleh pengguna bagi Projek Rumah Sebeliau dan Rumah Sebeliau Geliung di Lubok Antu, Sri Aman; dan
- v. pemantauan projek kurang berkesan oleh Ibu Pejabat KKLW Putrajaya, Bahagian Pemantauan dan Pelaksanaan KKLW negeri Sarawak, Ibu Pejabat, Pejabat Wilayah dan Pejabat Bahagian JKR Sarawak serta perunding mengakibatkan kualiti kerja pembinaan yang kurang memuaskan.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan ulasan Kementerian Luar Bandar Dan Wilayah adalah seperti di perenggan berikut:

4.5.1. Prestasi Projek

4.5.1.1. Prestasi Fizikal

Tempoh penyiapan bagi 13 projek BALB di negeri Sarawak yang diaudit adalah antara 6 hingga 24 bulan. Semakan Audit mendapati 2 (15.4%) projek disiapkan lebih awal dari tarikh siap asal kontrak dan 7 (53.8%) projek disiapkan mengikut tarikh siap selepas diberi antara 1 hingga 9 lanjutan masa (EOT) melibatkan tempoh antara 131 hingga 454 hari. Manakala 4 (30.8%) projek gagal disiapkan walaupun telah diberi antara 3 hingga 7 EOT melibatkan 229 hingga 741 hari dengan kemajuan kerja antara 49 hingga 99.5%. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:



JADUAL 4.1
PENCAPAIAN FIZIKAL PROJEK SETAKAT 31 DISEMBER 2013

BIL.	NAMA PROJEK	NILAI KONTRAK ASAL (RM Juta)	TEMPOH KONTRAK	LANJUTAN MASA DILULUSKAN		TARIKH BARU SIAP SELEPAS LANJUTAN MASA	TARIKH SIAP/ (% SIAP)	TARIKH CNC DIKELUARKAN	TEMPOH DAN JUMLAH L&AD (RM)
				BIL.	TEMPOH (Hari)				
1.	Rumah Sebeliau dan Rumah Sebeliau Geliung	1.46	11.10.2010 - 10.04.2011 (6 bulan)	Tiada	Tiada	Tiada	26.03.2011	Tiada	Tiada
2.	Watermain Ext. ke Rh Ali, Dabai Tiga, Rh Banta, Rantau Sukat, Rh Joseph, Buchai dan Rh Engkin, Kedoh, SK Brayang, Roban	1.42	11.10.2010 - 10.04.2011 (6 bulan)	Tiada	Tiada	Tiada	25.02.2011	Tiada	Tiada
3.	Serian Regional Water Supply-Phase 1	116.50	28.03.2011 - 27.11.2012 (20 bulan)	4	131	07.04.2013	28.03.2013	Tiada	Tiada
4.	Tebedu Water Supply	89.20	30.07.2011 - 29.01.2013 (18 bulan)	6	238	30.09.2013	30.09.2013	Tiada	Tiada
5.	Kpg. Punang, Lawas	10.89	04.07.2011 - 03.07.2012 (12 bulan)	3	271	31.03.2013	Siap tetapi CPC belum dikeluarkan	Tiada	Tiada
6.	Watermain Extension to Kampung Along Long Tuma Road, off-Merapok Road, Lawas	8.93	03.05.2011 - 02.12.2011 (8 bulan)	4	454	01.03.2013	01.03.2013	Tiada	Tiada
7.	Projek Loji Air Kapit	28.59	26.05.2010 - 27.05.2012 (24 bulan)	2	134	8.10.2012	CPC belum dikeluarkan tetapi telah beroperasi pada 25.03.2013	30.11.2012	9.10.2012 - 24.03.2013 (167 hari) RM1.05 Juta
8.	Loji Rawatan Air Layar Lubau, Betong	36.70	22.08.2011 - 21.11.2012 (15 bulan)	9	280	28.08.2013	28.08.2013	Tiada	Tiada
9.	Rh. Jugam, Rh. Busang, Rh. Ampau, Rh. Ngalayang & others along Ulu Niah road (WO No.18-Zone 4)	18.40	22.08.2011 - 21.08.2012 (12 bulan)	1	157	25.01.2013	29.11.2013	Tiada	Tiada
10.	BALB Alternatif 2010-2012 Zon 1	9.60	06.10.2011 - 05.10.2012 (12 bulan)	7	741	17.01.2014	Belum siap (49.0)	Tiada	Tiada
11.	Tembirat Ke Asajaya Dan Sadong Jaya	53.72	15.08.2011 - 14.02.2013 (18 bulan)	6	563	31.08.2014	Belum siap (51.7)	10.04.2013	Tiada
12.	Jalan Nyabau Ke Simpang Jalan Sebauh	21.28	08.08.2011 - 07.08.2012 (12 bulan)	3	275	09.05.2013	Belum siap (96.6)	Tiada	Tiada
13.	BALB Kawasan Sebauh, Bahagian Bintulu (WO No.15-Zone 3)	69.40	06.06.2011 - 05.11.2012 (17 bulan)	6	229	22.06.2013	Belum siap (99.5)	24.02.2014	23.06.2013 - 25.07.2013 (33 hari)/ RM396,205
JUMLAH		466.09							

Sumber : JKR Sarawak

Nota: CNC - Certificate Of Non Completion
L&AD - Liquidity And Access Damages
CPC - Certificate Of Practical Completion

Semakan Audit seterusnya mendapati Projek LRA Kapit telah diberi Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC) oleh Pengarah JKR Sarawak pada 30 November 2012 dan sehingga 24 Mac 2013 (167 hari) sejumlah RM1.05 juta atau RM6,261 sehari Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) telah dikenakan. Di samping itu, projek BALB Kawasan Sebauh Bahagian Bintulu juga dikenakan LAD dengan kadar RM12,006.20 sehari melibatkan sejumlah RM396,205 (33 hari) setakat 25 Julai 2013. Selain itu, bagi Projek Kampung Punang Lawas dan Projek LRA Kapit yang masing-masing telah siap pada 31 Mac 2013 dan 25 Mac 2013 tetapi sehingga 31 Disember 2013 CPC masih belum dikeluarkan dengan kelewatan selama 275 dan 280 hari. EOT untuk Projek Rumah Jugam, Rumah Busang, Rumah Ampau, Rumah Ngalayang And Others Along Ulu Niah Road bagi tempoh 25 Januari 2013 hingga 29 November 2013 belum diluluskan oleh JKR Sarawak.

Pada pendapat Audit, prestasi fizikal projek adalah memuaskan kerana 2 projek dapat disiapkan lebih awal daripada tarikh siap asal kontrak dan 7 projek dapat disiapkan dalam tempoh lanjutan masa daripada 13 projek yang diaudit.

4.5.1.2. Pencapaian Kewangan Projek

Perbelanjaan bagi 13 projek yang diaudit setakat bulan Disember 2013 adalah berjumlah RM388.03 juta (83.7%) daripada peruntukan berjumlah RM463.40 juta. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

**JADUAL 4.2
PENCAPAIAN KEWANGAN PROJEK SEHINGGA 31 DISEMBER 2013**

BIL.	NAMA PROJEK	NILAI KONTRAK ASAL (RM Juta)	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUSAN PERBELANJAAN (%)
1.	BALB Alternatif 2010 - 2012 Zon 1	9.60	9.60	2.61	27.2
2.	Serian Regional Water Supply-Phase 1	116.50	116.50	113.45	97.4
3.	Tembirat Ke Asajaya Dan Sadong Jaya	53.72	53.72	23.64	44.0
4.	Tebedu Water Supply	89.20	89.20	87.32	97.9
5.	Kpg. Punang, Lawas	10.89	10.89	9.79	89.9
6.	Watermain Extension To Kampung Along Long Tuma Road, Off - Merapok Road, Lawas	8.93	8.93	7.82	87.6
7.	Projek Loji Air Kapit	28.59	25.90	25.02	96.6
8.	Rumah Sebeliau Dan Rumah Sebeliau Geliung	1.46	1.46	1.43	97.9
9.	Watermain Extension Ke Rumah Ali, Dabai Tiga, Rumah Banta, Rantau Sukat, Rumah Joseph, Buchai Dan Rumah Engkin, Kedoh, SK Brayang, Roban	1.42	1.42	1.42	100
10.	Loji Rawatan Air Layar Lubau, Betong	36.70	36.70	32.04	87.3

BIL.	NAMA PROJEK	NILAI KONTRAK ASAL (RM Juta)	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUSAN PERBELANJAAN (%)
11.	Rumah Jugam, Rumah Busang, Rumah Ampau, Rumah Ngalayang And Others Along Ulu Niah road (WO No.18-Zone 4)	18.40	18.40	12.98	70.5
12.	Jalan Nyabau Ke Simpang Jalan Sebauh	21.28	21.28	20.29	95.3
13.	BALB Kawasan Sebauh, Bahagian Bintulu (WO No.15-Zone 3)	69.40	69.40	50.22	72.4
JUMLAH		466.09	463.4	388.03	83.7

Sumber : KKLW

Pada pendapat Audit, pencapaian kewangan projek Bekalan Air Luar Bandar adalah memuaskan kerana prestasi perbelanjaan bagi 13 projek yang diaudit adalah 83.7% berbanding peruntukan.

4.5.2. Pengurusan Projek

4.5.2.1. Kajian Awal Tidak Dijalankan Secara Menyeluruh Dan Teliti Oleh Perunding

Berdasarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1992, kajian kemungkinan yang menunjukkan sama ada sesuatu projek itu berdaya maju hendaklah dijalankan sebelum sesuatu projek dilaksanakan. Kajian tersebut antaranya hendaklah merangkumi analisis pasaran, kewangan, ekonomi, sosial dan teknikal serta kesan terhadap alam sekitar. Semakan Audit mendapati 4 daripada 11 perunding tidak menjalankan kajian awal secara menyeluruh dan teliti. Ini menyebabkan berlakunya perubahan skop kerja yang ketara, pemasangan *pontoon* yang berbentuk sementara pada muka sauk dan genset yang dipasang berkapasiti rendah. Perkara ini berlaku kerana perunding berkenaan menggunakan data lama yang tidak dikemas kini dan pemeriksaan di lapangan tidak dibuat. Butiran lanjut seperti berikut:

a. Perubahan Skop Kerja Yang Ketara

Skop kerja yang jelas adalah penting bagi memastikan kerja dapat disempurnakan mengikut waktu yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati berlaku pengurangan skop kerja bernilai RM1.70 juta bagi Projek BALB Sistem Alternatif Tahun 2010-2012 Negeri Sarawak Zon 1 (Kuching/Samarahan) kerana lokasi Kampung Sungan telah di ambil kira dalam Projek Tebedu Water Supply. Manakala bagi Projek Tebedu Water Supply berlaku penambahan skop kerja bernilai RM3.17 juta kerana peningkatan bilangan kampung. Senarai projek yang terlibat dengan perubahan skop kerja adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.3
SENARAI PERUBAHAN SKOP KERJA

BIL.	NAMA PROJEK	NILAI PERUBAHAN KERJA (RM Juta)	SEBAB PERUBAHAN KERJA
1.	BALB Alternatif 2010 - 2012 Zon 1	(1.70)	<ul style="list-style-type: none"> Kampung Sungan dikeluarkan dari skop asal projek. Kawasan tapak tangki simpanan tidak sesuai.
2.	Tebedu Water Supply	3.17	<ul style="list-style-type: none"> Penambahan kampung. Memecah batu di tapak tangki air (site C).
3.	Serian Regional Water Supply-Phase 1	0.26	<ul style="list-style-type: none"> Penambahan skop kerja daripada skop kerja asal.
JUMLAH		1.73	

Sumber: JKR Sarawak

Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 11 Mac 2014

Jumlah kos Projek Serian Regional Water Supply - Phase 1, meningkat sejumlah RM0.26 juta (0.2%) daripada kos kontrak asal berjumlah RM116.5 juta disebabkan keperluan penambahan skop kerja.

b. Pembinaan Muka Sauk Tidak Mengikut Speksifikasi

Pembinaan muka sauk (*Raw Water Intake*) hendaklah mengikut piawaian atau skop kerja/speksifikasi yang telah ditetapkan. Lawatan Audit mendapati *pontoon* digunakan sebagai muka sauk di Sungai Gaya bagi Projek Kampung Punang Lawas seperti di **Gambar 4.1** yang lebih berbentuk sementara kerana pemasangan *pontoon* ini tidak mengikut spesifikasi asal. Muka sauk sepatutnya dibina berbentuk kekal seperti di **Gambar 4.2** dan **4.3**.



GAMBAR 4.1

*Muka Sauk Sg. Gaya, Lawas
- Pemasangan Pontoon Tidak
Mengikut Spesifikasi Asal
(14.08.2013)*



GAMBAR 4.2

*Serian Regional Water Supply Phase I
- Muka Sauk Dibina Secara Kekal
(14.02.2014)*



GAMBAR 4.3

*Loji Rawatan Air Kapit
- Muka Sauk Dibina Secara Kekal
(05.09.2013)*

Semakan Audit seterusnya mendapati perunding ada membuat permohonan dan cadangan pada 16 Mac 2013 kepada Pengarah JKR Sarawak untuk menggantikan pembinaan struktur kekal muka sauk di tebing sungai dengan *pontoon* dan dipersetujui pada 26 Mac 2013 dengan syarat perunding mengemukakan cadangan perubahan kos kerja namun sehingga kini belum ada cadangan diterima daripada perunding.


Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 11 Mac 2014

Pontoon yang telah dibina dan disifat kekal seperti mana kelulusan oleh JKR Sarawak. Kerja pembaikan diperlukan kerana reka bentuk asal tidak lagi sesuai disebabkan mendapan yang tinggi dan pengelodakan saluran akan menyebabkan kos penyenggaraan yang tinggi pada masa akan datang.

c. Genset Yang Dipasang Tidak Mampu Menghidupkan Pam Air

Kapasiti voltan genset yang dipasang hendaklah bersesuaian dengan kapasiti pam air. Lawatan Audit ke muka sauk Lawas Damit dan Sungai Gaya bagi Projek Kampung Punang Lawas mendapati genset yang dibeli dengan harga RM275,000 dan dengan kuasa masing-masing 150KVA dan 200KVA tidak mampu menghidupkan pam air jika bekalan elektrik dari pihak Sarawak Energy Berhad (SEB) terputus. Perkara ini berlaku disebabkan perunding gagal mengambil kira voltan genset yang sesuai dengan voltan pam air seperti di gambar berikut:

GAMBAR 4.4



*Muka Sauk Lawas Damit, Projek Kg. Punang Lawas
- Genset Dipasang Dengan 150 KVA
(14.08.2013)*

GAMBAR 4.5



*Muka Sauk Sg. Gaya, Projek Kg. Punang Lawas
- Genset Dipasang Dengan 200 KVA
(14.08.2013)*

Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 11 Mac 2014

Bagi mengatasi masalah ini, perunding telah menyarankan untuk memasang Variable Speed Drive System (VSD) pada setiap pam bertujuan untuk mengawal kapasiti voltan genset. Anggaran kos pemasangan sistem VSD ini adalah RM65,300 bagi Sg. Lawas Damit dan RM134,300 bagi Sg. Gaya bagi projek Kampung Punang Lawas. Cadangan pemasangan VSD tersebut telah dimajukan kepada Ibu Pejabat JKR Sarawak tetapi tidak mendapat kelulusan dan kedudukan masa kini genset tersebut masih seperti sedia kala.

d. Transformer Yang Dibeli Tidak Digunakan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, semua aset Kerajaan hendaklah diguna dan dikendalikan dengan cekap, mahir dan teratur bagi mengelakkan pembaziran, menjimatkan kos, mencegah penyalahgunaan dan kehilangan. Lawatan Audit ke Loji Rawatan Air Gelugus bagi Projek Kampung Punang, Lawas mendapati transformer berkapasiti 500KVA yang dibeli pada 28 September 2012 dengan harga RM115,000 tidak digunakan. Pembekalan transformer ini telah ditetapkan dalam kontrak dan tujuannya ialah untuk menggantikan transformer lama yang mempunyai kapasiti 160KVA. Bagaimanapun, kontraktor tidak mengemukakan katalog dengan data teknikal kepada perunding terlebih dahulu sebelum perolehan dibuat selaras dengan peraturan am dan keperluan kontrak. Mengikut penjelasan pihak SEB kepada JKR Sarawak, transformer baru tidak perlu dipasang kerana kapasiti transformer sedia ada mencukupi dan mampu untuk membekalkan tenaga elektrik. Bagaimanapun transformer tersebut masih diletakkan di kawasan terbuka LRA Gelugus, Lawas seperti gambar berikut:



GAMBAR 4.6

*Loji Rawatan Air Gelugus,
Projek Kampung Punang, Lawas
- Tranformer 500 KVA Yang Dibeli
Tidak Digunakan
(14.08.2013)*

Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 7 Mei 2014

Pegawai Pengawal (KSU KKLW) melalui suratnya KKLW(PD)600-40/013/3/33 Jld.10 (16) bertarikh 7 April 2014 telah menyerahkan transformer tersebut kepada pihak JKR Sarawak untuk diganti guna bagi pelaksanaan projek lain yang memerlukan penggunaan transformer tersebut.

Pada pendapat Audit, kecuaiannya pihak perunding menjalankan tugas dengan sewajarnya menyebabkan kerja tidak dilakukan mengikut keperluan sepatutnya. Pelarasan kos kerja bagi pembinaan *pontoon* perlu disediakan segera. Selain itu, tindakan segera perlu diambil bagi memastikan pembaziran dapat dielakkan.

4.5.2.2. Kolam Enapcemar (*Sludge Basin*) Tidak Disediakan

Mengikut surat daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak rujukan AS(SWK)(B): 91/110/605/004 Jil.2() bertarikh 14 Jun 2011, menyatakan komponen pembinaan '50 MLD Water Treatment Plant' adalah tertakluk di bawah peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 kerana mengandungi bahan kimia aluminium. Semakan Audit mendapati cadangan membina kolam enapcemar LRA Slabi, bagi Projek Serian Regional Water Supply - Phase 1 tidak dimasukkan ke dalam reka bentuk asal pada tahun 2002 kerana tidak tertakluk kepada peraturan pada masa itu. Sehubungan itu, kontraktor yang dilantik pada 16 Jun 2011 telah memaklumkan tentang keperluan pembinaan semula kolam enapcemar kepada pihak JKR Sarawak dengan cadangan kos berjumlah RM938,681. Segala enapcemar yang terhasil dari proses rawatan air tersebut dilepaskan terus ke Sungai Batang Sadong seperti gambar berikut:

GAMBAR 4.7



*Serian Regional Water Supply Phase I
- Enapcemar Yang Dilepaskan Terus
Ke Sungai Batang Sadong
(14.02.2014)*

GAMBAR 4.8



*Serian Regional Water Supply Phase I
- Enapcemar Yang Dilepaskan Terus
Ke Sungai Batang Sadong
(24.07.2013)*

Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 11 Mac 2014

Projek Serian Regional Water Supply - Phase 1 telah direka bentuk pada tahun 2002 dan skop reka bentuk yang digunakan adalah JKR Water Supply Guidelines and Requirements 1984, revised May 2002, manakala Akta Peraturan-Peraturan Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) hanya mula dikuat kuasa pada tahun 2009. Setelah projek pembinaan dimulakan, pihak perunding dan JKR Sarawak telah berusaha untuk memasukkan tambahan skop kolam enapcemar ini, tetapi atas sebab tertentu ia tidak dapat dilaksanakan. Cadangan untuk memasukkan kolam enapcemar telah diajukan kepada pihak KKLW untuk kelulusan. Perunding telah memaklumkan pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak berhubung perkara tersebut dan JKR Sarawak akan membina kolam enapcemar tertakluk kepada peruntukan dana pada masa akan datang.

Pada pendapat Audit, kegagalan mengambilkira pembinaan kolam enapcemar dalam projek LRA menyebabkan pelepasan enapcemar terus ke dalam sungai yang akhirnya mencemar atau menjejaskan kualiti air.

4.5.2.3. Ujian Tekanan Dan Kebocoran Air Tidak Dijalankan

Berdasarkan kaedah pemasangan paip JKR Malaysia, paip besi keluli yang bersaiz 700mm dipasang dan disambung menggunakan kaedah kimpalan manakala paip besi mulur (ductile iron) disambung menggunakan soket dan spigot. Bagi memastikan sistem bekalan air ini dapat berfungsi dengan efisien (water tight) ujian tekanan (pressure test) perlu dilaksanakan untuk setiap bahagian sesalur dengan mengisi tekanan melalui pam yang disambungkan kepada sesalur. Selepas ujian tekanan selesai, ujian kebocoran (leakage test) hendaklah diadakan untuk menentukan kuantiti air yang hilang akibat kebocoran. Berdasarkan standard pemasangan paip JKR Malaysia, ujian kebocoran paip air dilakukan bagi setiap satu kilometer. Kerja pensterilan dan pencucian (sterilization and flushing) pula, apabila penyambungan terakhir sudah disiapkan dan sistem sesalur telah diuji. Sesalur dianggap telah disteril jika sampel yang diambil dari pelbagai lokasi tebukan (tappings) menunjukkan baki klorin tidak kurang dari 0.2mg/l. Selepas sesalur disteril, sesalur perlu dicuci dengan air bersih. Semua ujian ini perlu dilakukan secara berperingkat bersesuaian dengan kemajuan kerja projek. Semakan Audit mendapati kemajuan kerja Projek Tembirat Ke Asajaya dan Sadong Jaya, Samarahan bagi kerja pembinaan seperti yang diperuntukkan dalam *Bill of Quantities* tidak dapat disempurnakan. Berdasarkan dokumen perunding, status kemajuan siap kerja paip (pipe log) setakat 25 Februari 2014 adalah sejauh 23.98 km (78.4%) berbanding 30.6 km sepatutnya seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 4.4
STATUS KEMAJUAN SIAP KERJA (PIPE LOG) SETAKAT FEBRUARI 2014

LALUAN	SAIZ DAN JENIS PAIP	SKOP PEMASANGAN	JARAK PEMASANGAN PAIP (KM)	JARAK KERJA SIAP OLEH KONTRAKTOR (KM)
Route A	700mm besi keluli	Dari rumah pam ke Loji Rawatan Air sediada (pumping main)	12	9.19
Route B	400mm besi mulur (Ductile Iron)	Ke Tangki Air Moyan	2.7	2.48
Route C	700mm besi keluli	Dari Loji Air Asajaya ke Loji Air Rawatan Pendam	15.2	11.61
Route C	400mm ductile iron	Dari Loji Air Asajaya ke Loji Rawatan Air Pendam	0.7	0.7
JUMLAH PANJANG PAIP			30.6	23.98

Sumber : JKR Sarawak



GAMBAR 4.9

*Projek Tembirat Ke Asajaya Dan Sadong Jaya
- Ujian Tekanan Dan Kebocoran Tidak
Dijalankan Pada Paip 700mm Besi Keluli
(23.07.2013)*

Semakan Audit seterusnya mendapati tiada dokumen diperolehi dari pihak perunding bagi membuktikan ujian kebocoran dan tekanan telah dilaksanakan bagi paip besi keluli sepanjang 23.98 km tersebut.

Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 11 Mac 2014

Air Test telah dijalankan di setiap Mild Steel Cement Lining (MSCL) pipe joint. Ujian tekanan dan kebocoran paip akan dijalankan secara berperingkat oleh kontraktor mengikut jadual kontraktor di bawah penyeliaan perunding yang dilantik.

Pada pendapat Audit, ujian tekanan dan kebocoran air yang tidak dilaksanakan secara berperingkat akan mengakibatkan sistem perpaipan yang dipasang berisiko bocor semasa ujian tekanan keseluruhan (system test) dilakukan kelak.

4.5.3. Kualiti Kerja Pembinaan Kurang Memuaskan

Kualiti kerja pembinaan perlu dilaksanakan dengan kemas, sempurna dan mengikut tahap piawaian yang telah ditetapkan dalam spesifikasi kontrak. Semakan Audit mendapati 3 (23.1%) daripada 13 projek BALB menunjukkan kualiti pembinaan yang kurang memuaskan. Antara kualiti kerja yang kurang memuaskan ialah berlaku kebocoran pada tangki airimbangan, kerja membina muka sauk yang kurang memuaskan dan paip HDPE bersaiz 300mm tidak ditanam. Antara faktor yang menyebabkan kualiti kerja projek BALB di negeri Sarawak kurang memuaskan ialah akibat kurangnya pemantauan yang berkesan oleh perunding, JKR Sarawak dan KKLW. Butiran lanjut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 4.5
SENARAI KUALITI KERJA YANG KURANG MEMUASKAN**

BIL.	NAMA PROJEK	LOKASI	KUALITI KERJA YANG KURANG MEMUASKAN
1.	Serian Regional Water Supply – Phase 1	Tangki Air Imbangan Berkapasiti 18 MLD	Kebocoran pada Tangki Air Imbangan (Gambar 4.10 hingga 4.13).
2.	Kpg. Punang, Lawas	Lawas Damit Intake	Kerja membina muka sauk yang kurang memuaskan (Gambar 4.16 hingga 4.17).
		Loji Rawatan Air Gelugus, Lawas	Paip HDPE bersaiz 300mm tidak ditanam (Gambar 4.18).


Sumber : JKR Sarawak

GAMBAR 4.10



*Serian Regional Water Supply - Phase 1
- Air Sentiasa Mengalir Di Parit Dan Sekeliling
Tangki Akibat Kebocoran Tangki
(24.07.2013)*


GAMBAR 4.11



*Serian Regional Water Supply - Phase 1
- Kebocoran Tangki Air Imbangan 18 MLD
(24.07.2013)*


SEBELUM

GAMBAR 4.12



*Serian Regional Water Supply - Phase 1
- Kerja Pembaikan Kebocoran Sedang Dijalankan Dengan Kaedah Grouting
(24.07.2013)*

GAMBAR 4.13



SELEPAS

GAMBAR 4.14



*Serian Regional Water Supply - Phase 1
- Keadaan Tangki Air Imbangan 18 MLD Setelah Diperbaiki
(14.02.2014)*

GAMBAR 4.15



GAMBAR 4.16



*Muka Sauk Lawas Damit
- Kerja Membina Muka Sauk Tidak Memuaskan
(14.08.2013)*

GAMBAR 4.17





GAMBAR 4.18

*Loji Rawatan Air Gelugus, Lawas
- Paip HDPE Bersaiz 300mm Tidak Ditanam
(15.08.2013)*

Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 11 Mac 2014

KKLW melaporkan terdapat kebocoran di Tangki Air Imbangan 18MLD pada kawasan sambungan dan membentuk retakan. Pihak Kontraktor telah membaiki kerosakan tersebut dalam tempoh tanggungan kecacatan, manakala untuk Projek Kampung Punang Lawas, pemeriksaan terhadap kerja yang perlu dibaikpulih telah dilaksanakan oleh pihak Perunding bersama dengan Kontraktor pada 09.11.2013 sehingga 14.11.2013. Pihak kontraktor telah dimaklumkan mengenai perkara ini melalui surat rujukan TESB/KMSB/BALB/2013/0956 yang bertarikh 27.11.2013. Keadaan Tangki Air Imbangan 18MLD di Serian Regional Water Supply - Phase 1 setelah diperbaiki adalah seperti di Gambar 4.14 dan 4.15.

Pada pendapat Audit, pihak KKLW, JKR Sarawak dan perunding perlu memastikan supaya kualiti kerja adalah baik mengikut spesifikasi kontrak dan kontraktor mengambil tindakan pembaikan segera terhadap semua kerja yang kurang memuaskan dalam tempoh kecacatan. Ini bagi memastikan kos penyenggaraan tidak akan meningkat pada masa akan hadapan, tempoh hayat fasiliti kekal seperti sepatutnya dan kerajaan mendapat nilai wang sewajarnya.

4.5.4. Akaun Muktamad Belum Disediakan

Berdasarkan syarat kontrak konvensional, Pegawai Penguasa hendaklah mengeluarkan Akaun Muktamad dalam tempoh 3 bulan selepas tamatnya tempoh tanggungan kecacatan bagi keseluruhan kerja atau 3 bulan selepas dikeluarkan perakuan siap memperbaiki kecacatan. Semakan Audit mendapati Akaun Muktamad bagi Projek Rumah Sebeliau dan Rumah Sebeliau Geliung, Lubok Antu, Sri Aman dan Watermain Extension ke Rumah Ali, Dabai Tiga, Rumah Banta, Rantau Sukat, Rumah Joseph, Buchai dan Rumah Engkin, Kedoh, SK Brayang, Roban masih belum disediakan walaupun kedua-dua projek tersebut telah siap masing-masing pada 26 Mac 2011 dan 25 Februari 2011. Tempoh kelewatan setakat 31 Disember 2013 ialah masing-masing 18 dan 19 bulan. Perkara ini berlaku disebabkan perubahan harga belum dapat dimuktamadkan oleh kontraktor dan JKR Sarawak.

Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 11 Mac 2014

Akaun muktamad belum disediakan kerana isu mengenai perubahan harga masih belum diperakukan oleh kontraktor setakat 5 Mac 2014.

Pada pendapat Audit, pengurusan kontrak BALB perlu dipertingkatkan dengan menyediakan segera Akaun Muktamad kerana projek berkenaan telah disiapkan 3 tahun lalu dan tanpa sijil perakuan muktamad akaun akhir projek tidak akan dapat disediakan.

4.5.5. Kemudahan Telah Siap Dibina Tidak Dapat Dinikmati Oleh Pengguna

Objektif utama projek BALB adalah untuk menyediakan bekalan air bersih dan terawat yang mencukupi dan berterusan kepada masyarakat luar bandar di negeri Sarawak. Lawatan Audit ke Projek Rumah Sebeliau dan Rumah Sebeliau Geliung, Lubok Antu yang bernilai RM1.46 juta mendapati projek tersebut telah siap dibina dan *Certificate Of Practical Completion* telah dikeluarkan pada 10 April 2011. Bagaimanapun, penduduk di 2 rumah panjang berkenaan masih belum menikmati bekalan air bersih dan terawat sehingga tarikh lawatan Audit pada 27 Ogos 2013. Menurut pihak JKR Sarawak bekalan air tidak dapat diagihkan kepada penduduk di kedua-dua rumah panjang berkenaan kerana projek LRA Lubok Antu yang sepatutnya siap pada 12 April 2013 hanya siap 99.5% setakat 31 Disember 2013. Sumber bekalan air yang digunakan selama ini ialah dari sungai, air hujan dan air paip graviti seperti gambar berikut:

GAMBAR 4.19



*Rumah Sebeliau, Lubok Antu
- Penggunaan Tangki HPDE Sebagai Tempat Menyimpan Air Dari Sumber Graviti
(27.08.2013)*

GAMBAR 4.20



GAMBAR 4.21



*Rumah Sebeliau, Lubok Antu
- Sungai Sebagai Sumber Air
(27.08.2013)*

Maklum Balas JKR Sarawak Yang Diterima Pada 4 April 2014

JKR Sri Aman telah mengambil alih operasi LRA Lubok Antu yang baru di mana ianya berkapasiti 7.5MLD. Justeru itu, kawasan Pihak Bekalan Air Lubok Antu dan Land Development Scheme Batang Air, Lubok Antu sedang menikmati bekalan air yang sangat mencukupi dengan tekanan air yang sungguh memuaskan. Kerja-kerja flushing ke paip air utama di kawasan rumah panjang di Rumah Sebeliau dan Rumah Sebeliau Geliung telah dijalankan. Borang permohonan pemasangan bekalan air baru telah pun diterima oleh pihak JKR Sri Aman dan proses pengebilan untuk pembayaran oleh pemohon sedang dijalankan.

Pada pendapat Audit, perancangan dan pelaksanaan yang baik serta mengikut jadual adalah penting bagi memastikan objektif projek bekalan air luar bandar untuk membekalkan air bersih dan terawat dapat dinikmati oleh penduduk mengikut tempoh waktu yang dirancang.

4.5.6. Pemantauan Projek BALB Di Negeri Sarawak Kurang Berkesan

Pemantauan terhadap projek BALB di negeri Sarawak hendaklah dilakukan secara rapi dan berterusan bagi memastikan kerja yang dilaksanakan selaras dengan objektif projek. Projek BALB di negeri Sarawak dipantau oleh Ibu Pejabat KKLW Putrajaya, Bahagian Pemantauan dan Pelaksanaan KKLW negeri Sarawak, Ibu Pejabat, Pejabat Wilayah dan Pejabat Bahagian JKR Sarawak serta perunding yang dilantik melalui Mesyuarat Pemantauan Projek, Mesyuarat Tapak dan Laporan Bulanan Kemajuan Projek. Semakan Audit mendapati pemantauan ada dilakukan tetapi kurang berkesan kerana masih terdapat kelemahan seperti yang dibangkitkan di atas. Perkara ini berlaku kerana kekangan masa dan kakitangan yang mencukupi untuk memantau sepenuh masa semua projek yang terlibat menyebabkan ada projek yang bermasalah dan lewat disiapkan.

Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 11 Mac 2014

Kementerian telah menyediakan mekanisme Pemantauan melalui Pejabat Cawangan Negeri Sarawak. KPI yang telah ditetapkan oleh Kementerian adalah 1 bulan untuk 4 projek yang mesti dipantau dan dinilai. Cawangan ini terus berusaha memantau dengan lebih rapi. Sebagai langkah penambahbaikan selepas teguran Audit Pejabat Cawangan mulai melaporkan Laporan Pemantauan kepada JKR Sarawak selaku Pegawai Penguasa mengikut projek yang dipantau supaya penguatkuasaan dan kawalan projek lebih berkesan.

Pada pendapat Audit, kaedah pemantauan yang lebih berkesan perlu dicari bagi memastikan masalah kelewatan penyediaan dan kualiti projek dapat dikurangkan.

4.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan juga untuk memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam projek BALB yang akan datang, adalah disyorkan supaya KKLW dan JKR Sarawak mempertimbangkan perkara berikut:

- 4.6.1. memastikan perunding yang dilantik menjalankan kajian awal secara teliti dan menyeluruh supaya laporan penilaian dan reka bentuk disediakan mengikut keperluan dan standard yang ditetapkan;
- 4.6.2. JKR Sarawak hendaklah mematuhi peraturan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa dalam pengurusan kontrak untuk menjamin kepentingan Kerajaan sentiasa dijaga;
- 4.6.3 JKR Sarawak hendaklah mengambil tindakan segera bagi memastikan pembaziran dapat dielakkan dan membuat pelarasan kos kerja bagi pembinaan *pontoon*; dan
- 4.6.4. mempertingkatkan pemantauan rapi terhadap kesemua projek BALB di negeri Sarawak.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Dalam Buku Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2013 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari




KEMENTERIAN KERJA RAYA

5. PROJEK MENAIKTARAF JALAN DARI POHON BATU (SIMPANG TAMU) KE PANCUR HITAM, WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Projek Menaiktaraf Jalan Dari Pohon Batu (Simpang Tamu) Ke Pancur Hitam, Wilayah Persekutuan Labuan adalah satu projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Tujuan projek ini ialah untuk menaiktaraf jalan sedia ada iaitu dari Jalan Pohon Batu (Simpang Tamu) ke Pancur Hitam sepanjang 6.6 km dan melebarkan jalan daripada 2 lorong kepada 4 lorong. Pelanggan bagi projek ini ialah Kementerian Kerja Raya (KKR). Pegawai Penguasa bagi projek ini ialah Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Wilayah Persekutuan Labuan. Lokasi pembinaan adalah seperti di **Rajah 5.1**.

RAJAH 5.1
PROJEK MENAIKTARAF JALAN DARI POHON BATU (SIMPANG TAMU)
KE PANCUR HITAM, WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN



Sumber : JKR Wilayah Persekutuan Labuan

5.1.2. Projek ini pada mulanya dilaksanakan oleh kontraktor Pertama Makmur Sdn. Bhd. dengan nilai kontrak RM52.80 juta yang bermula dari tarikh milik tapak pada 15 Disember 2006 dan telah ditamatkan secara Persetujuan Bersama (Mutual Termination) pada 8 Oktober 2008. Projek ini kemudiannya ditender semula dengan pengurangan skop kerja iaitu daripada 6.6 km kepada 3.5 km memandangkan baki peruntukan kewangan yang terhad. Kontraktor yang berjaya adalah TE Synergy Sdn. Bhd. Skop kerja projek ini ialah pembinaan longkang dan pembentung, pembinaan tembok penahan, pembinaan dan menaiktaraf persimpangan, pembinaan lampu isyarat dan kerja-kerja lain yang berkaitan. Butiran lanjut mengenai kontraktor yang telah ditamatkan dan kontraktor kedua adalah seperti berikut:

**JADUAL 5.1
BUTIRAN PROJEK**

PERKARA	KONTRAKTOR ASAL	KONTRAKTOR KEDUA
Nama Kontraktor	Pertama Makmur Sdn. Bhd.	TE Synergy Sdn. Bhd.
Nombor Kontrak	JKR/IP/CKUB/110/2006	JKR/IP/CKUB/88/2010
Pegawai Penguasa	Pengarah JKR Wilayah Labuan	Pengarah JKR Wilayah Labuan
Kaedah Pelaksanaan	Konvensional	Konvensional (Perunding)
Jenis Tender	Tender Terbuka	Tender Terbuka
Harga Asal Kontrak	RM52.80 juta	RM41.44 juta
Harga Kontrak Semasa	-	RM43.46 juta
Harga Muktamad Kontrak	RM12.98 juta	-
Tarikh Surat Setuju Terima Dikeluarkan	4 Disember 2006	16 Ogos 2010
Tarikh Milik Tapak	15 Disember 2006	1 September 2010
Tarikh Siap Asal	11 Disember 2008	28 Februari 2012
Tarikh Siap Semasa	10 April 2010	4 Mei 2013
Bilangan EOT	1	3

Sumber : JKR Wilayah Persekutuan Labuan

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Projek Menaiktaraf Jalan Dari Pohon Batu (Simpang Tamu) Ke Pancur Hitam, Wilayah Persekutuan Labuan telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

5.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek. Pengauditan ini dijalankan di Cawangan Jalan, Ibu Pejabat JKR dan Cawangan Jalan, JKR Wilayah Persekutuan Labuan.

5.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen projek serta menjalankan analisis terhadap data projek. Selain itu, pemeriksaan fizikal serta temu bual dan perbincangan dengan pegawai terlibat juga telah diadakan. *Exit Conference* bersama Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, pegawai-pegawai kanan JKR, Pengarah JKR Wilayah Persekutuan Labuan, Unit Integriti KKR, Unit Audit Dalam (UAD) KKR dan kontraktor projek telah diadakan pada 22 April 2014.

5.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2013 hingga Januari 2014 mendapati Projek Menaiktaraf Jalan Dari Pohon Batu (Simpang Tamu) Ke Pancur Hitam, Wilayah Persekutuan Labuan adalah memuaskan. Kutipan balik wang

pendahuluan yang diberi kepada kontraktor telah dipantau dengan baik di mana wang pendahuluan sejumlah RM10 juta telah dikutip balik sepenuhnya selepas kontrak asal ditamatkan secara Persetujuan Bersama. Namun, kos projek telah meningkat daripada RM52.80 juta kepada RM56.44 juta (jumlah harga kontrak terlaras bagi kedua-dua kontrak asal dan kontrak kedua), iaitu peningkatan sejumlah RM3.64 juta (6.9% daripada RM52.80 juta), tetapi jarak jalan mengikut perancangan awal sejauh 6.6 km telah dipendekkan kepada 3.5 km, iaitu pengurangan sejauh 3.1 km (47% daripada 6.6 km). Jarak jalan tersebut dipendekkan disebabkan baki peruntukan kewangan yang terhad dan boleh menjejaskan pencapaian objektif yang ditetapkan semasa perancangan awal, khususnya dari segi memenuhi keperluan pengguna jalan raya di kawasan tersebut. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan yang dikenal pasti seperti berikut:

- i. lanjutan masa ke-3 diluluskan selepas tarikh siap semasa dengan kelewatan selama 3 bulan;
- ii. Pelarasan Harga Kontrak ditandatangani oleh pegawai yang tidak diberi kuasa, iaitu Ketua Penolong Pengarah Jalan selaku wakil Pegawai Penguasa;
- iii. kelemahan dalam pembayaran kepada kontraktor di mana bayaran diperakukan kurang daripada nilai kerja di tapak, lejar kontrak tidak disediakan sebagai dokumen sokongan kepada baucar bayaran serta Perakuan Bayaran Interim ditandatangani oleh pegawai yang tidak diberi kuasa; dan
- iv. terdapat kerja penyenggaraan dan kualiti kerja yang kurang sempurna seperti longkang tidak disenggara dengan baik.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas daripada pihak JKR adalah seperti di perenggan berikut:

5.5.1. Pelantikan Kontraktor/Perunding

Projek ini pada asalnya dilaksanakan secara konvensional melalui tender terbuka. Kontraktor yang bertanggungjawab melaksanakannya ialah Permata Makmur Sdn. Bhd. Namun, projek ini telah ditamatkan secara Persetujuan Bersama pada 8 Oktober 2008. Projek ini kemudiannya ditender semula dengan kaedah konvensional (Perunding) melalui tender terbuka dengan kos kontrak asal sejumlah RM41.44 juta. Surat Setuju Terima telah dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya, iaitu TE Synergy Sdn. Bhd. pada 16 Ogos 2010. Perunding bagi projek ini iaitu Nik Jai Associates Sdn. Bhd. telah dilantik pada 22 Februari 2010. Selain itu, subkontraktor, iaitu Dunggong Jaya Sdn. Bhd. juga telah dilantik pada 3 November 2011 untuk menjalankan kerja-kerja elektrik.

Pada pendapat Audit, tempoh masa yang lama telah diambil untuk melantik kontraktor kedua bagi menyiapkan kerja yang terbengkalai, iaitu 1 tahun 10 bulan selepas penamatan kontrak asal secara Persetujuan Bersama.

Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 29 April 2014

Dimaklumkan bahawa projek ini telah ditamatkan secara Persetujuan Bersama (Mutual Termination) pada 8 Oktober 2008. Projek ini kemudiannya telah ditender semula dengan Kaedah Konvensional (Perunding) melalui tender terbuka dengan kos kontrak asal RM41.44 juta. Tempoh masa yang lama telah diambil untuk melantik kontraktor baru bagi menyiapkan kerja terbengkalai ini iaitu selama 1 tahun 10 bulan kerana terdapat Design Review yang dilaksanakan oleh pihak HODT (Cawangan Kejuruteraan Jalan dan Geotek) JKR Malaysia dan perunding lantikan iaitu Nik Jai Associates Sdn. Bhd. bagi memastikan masalah reka bentuk tidak lagi berlaku sebelum ianya ditender semula. Di samping itu juga, penyediaan skop kerja bagi kerja-kerja terbengkalai yang dilaksanakan oleh pihak HOPT (Cawangan Jalan) JKR Malaysia memerlukan masa dengan perlu mengambil kira kerja-kerja terdahulu yang telah dilaksanakan oleh kontraktor sebelumnya. Sehubungan itu, proses perolehan memerlukan masa sebelum pelantikan Kontraktor TE Synergy Sdn. Bhd.

5.5.2. Prestasi Projek

5.5.2.1. Pencapaian Fizikal

- a. Mengikut syarat kontrak, kontraktor asal perlu menyiapkan projek ini pada 11 Disember 2008. Satu lanjutan masa (EOT) telah diluluskan pada 9 Mei 2008 dan tarikh siap semasa adalah pada 10 April 2010. Bagaimanapun, akibat daripada beberapa masalah yang timbul semasa pembinaan seperti pengalihan utiliti yang lambat dan kenaikan kos bahan-bahan mentah yang tinggi, projek ini telah ditamatkan secara Persetujuan Bersama pada 8 Oktober 2008 selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008. Kemajuan kerja pada tarikh tersebut adalah 21%. Mengikut syarat kontrak dengan kontraktor kedua yang dilantik iaitu TE Synergy Sdn. Bhd., kerja perlu disiapkan pada 28 Februari 2012. Namun, kontraktor tersebut telah diluluskan 3 EOT selama 431 hari iaitu sehingga 4 Mei 2013. Butiran lanjutan masa adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.2
PERAKUAN KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA YANG DILULUSKAN

KONTRAKTOR	LANJUTAN MASA	TEMPOH	BIL. HARI	TARIKH SIJIL PERAKUAN KELAMBATAN	SEBAB LANJUTAN MASA
Pertama Makmur Sdn. Bhd.	1	11.12.2008 - 10.04.2010	485	09.05.2008	<ul style="list-style-type: none"> Halangan oleh pihak ketiga Kelewatan perpindahan utiliti oleh Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) dan Telekom Malaysia
JUMLAH			485		
TE Synergy Sdn. Bhd.	1	28.02.2012 - 06.10.2012	221	14.11.2011	<ul style="list-style-type: none"> Hujan luar biasa Kerja tambahan melibatkan kerja pemasangan paip dan kerja pembinaan jalan Gangguan bekalan simen di Sabah/Labuan/Sarawak

KONTRAKTOR	LANJUTAN MASA	TEPOH	BIL. HARI	TARIKH SIJIL PERAKUAN KELAMBATAN	SEBAB LANJUTAN MASA
	2	06.10.2012 - 03.02.2013	120	02.07.2012	<ul style="list-style-type: none"> • Gangguan bekalan simen • Kerja tambahan iaitu kerja paip • Masalah pihak ketiga iaitu (<i>Nominated Sub Contractor</i>) Elektrik dan agensi utiliti
	3	03.02.2013 - 04.05.2013	90	03.05.2013	<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan bahan binaan (premix)
JUMLAH			431		

Sumber : JKR Wilayah Persekutuan Labuan

- b. Semakan Audit terhadap pengurusan lanjutan masa mendapati **EOT ke-3 telah lewat diluluskan dengan kelewatan selama 3 bulan**. EOT ke-3 tersebut diluluskan pada 3 Mei 2013 sedangkan tarikh siap yang dibenarkan melalui EOT ke-2 adalah pada 3 Februari 2013. Bagaimanapun, Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC) telah dikeluarkan pada 4 Februari 2013.

Pada pendapat Audit, Pegawai Penguasa sepatutnya meluluskan EOT sebelum berakhirnya tarikh penyiapan yang dibenarkan dalam kontrak.

Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 29 April 2014

Dokumen sokongan yang disertakan bersama permohonan EOT ke-3 tidak lengkap menyebabkan permohonan EOT tersebut tidak dapat diluluskan dan hanya dapat diluluskan selepas pihak JKR menerima semua dokumen yang diperlukan.

5.5.2.2. Prestasi Kewangan

- a. Siling kos asal projek ini adalah RM41.50 juta. Bagaimanapun, kontrak ini bernilai RM52.80 juta dan melebihi nilai siling RMKe-9 yang diluluskan, iaitu peningkatan sejumlah RM11.30 juta (27.2% daripada RM41.50 juta). Bagaimanapun, pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (dulu dikenali sebagai Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi) telah bersetuju membiayai kos tambahan tersebut memandangkan terdapat butiran kerja bernilai RM12.65 juta dalam tender projek menaiktaraf Sistem Bekalan Air di Jalan Pohon Batu. Semakan Audit mendapati selepas penamatan kontrak secara Persetujuan Bersama dengan Pertama Makmur Sdn. Bhd., kontraktor dibayar setakat kerja-kerja yang telah dilaksanakan di tapak dan perbelanjaan sebenar yang telah dikeluarkan berdasarkan resit-resit dan maklumat sokongan yang disahkan. Sebanyak 13 Pelarasan Harga Kontrak (PHK) dengan potongan berjumlah RM39.82 juta telah dibuat. Selepas mengambil kira PHK, harga muktamad kontrak adalah berjumlah RM12.98 juta, iaitu pengurangan sebanyak 75.4%. Butiran lanjut PHK yang diluluskan bagi kontrak dengan Pertama Makmur Sdn. Bhd. adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.3
PELARASAN HARGA KONTRAK BAGI KONTRAK ASAL**

PHK NO.	PERKARA	(PENGURANGAN) / PENAMBAHAN NILAI SKOP KERJA	
		(RM Juta)	(%)
1	<i>Preliminaries</i>	(0.26)	(0.5)
2	<i>Site Clearance and Demolition Works</i>	(0.19)	(0.4)
3	<i>Earthworks</i>	(2.54)	(4.8)
4	<i>Drainage Works</i>	(2.57)	(4.9)
5	<i>Pavement Works</i>	(20.56)	(38.9)
6	<i>Road Furnitures</i>	(1.38)	(2.6)
7	<i>Geotechnical Works</i>	(6.38)	(12.1)
8	<i>Traffic Management and Control</i>	(0.61)	(1.2)
9	<i>Environmental Maintenance Works</i>	(0.30)	(0.6)
10	<i>Routine Maintenance Works</i>	(0.36)	(0.7)
11	<i>Relocation of Water Works</i>	(1.99)	(3.8)
12	<i>Provisional Sum</i>	(2.89)	(5.5)
13	Pelarasan Turun Naik Harga (V.O.P)	0.21	0.4
JUMLAH BERSIH KURANGAN		(39.82)	(75.4)

Sumber : JKR Wilayah Persekutuan Labuan

- b. Bagi kontrak dengan TE Synergy Sdn. Bhd., nilai kontrak asal adalah RM41.44 juta. Sebanyak 2 Arahan Perubahan Kerja (APK) telah diluluskan yang melibatkan pengurangan dan penambahan skop kerja berjumlah RM0.75 juta dan RM1.00 juta masing-masing. Sebanyak 4 PHK dengan jumlah bersih tambahan berjumlah RM1.78 juta telah diluluskan. Selepas mengambil kira APK dan PHK, nilai kontrak yang dilaraskan adalah berjumlah RM43.46 juta, iaitu peningkatan kos sebanyak 4.9%. Butiran lanjut APK dan PHK yang diluluskan bagi kontrak dengan TE Synergy Sdn. Bhd. adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.4
ARAHAN PERUBAHAN KERJA DAN PELARASAN
HARGA KONTRAK BAGI KONTRAK KEDUA**

APK/PHK NO.	PERKARA	(PENGURANGAN) / PENAMBAHAN NILAI SKOP KERJA	
		(RM Juta)	(%)
APK No. 1	Pembatalan Skop Kerja: i. <i>Prefabricated Vertical Drains</i> ii. <i>Removal of Surplus Surcharge Material From Site</i> iii. <i>Instrumentation</i>	(0.75)	(1.8)
APK No. 2	Kerja Tambahan - <i>Water Reticulation Works</i>	1.00	2.4
PHK No. 1	Kerja Tambahan Kuantiti Sementara (Kerja Elektrikal)	0.74	1.8
PHK No. 2	Pelarasan Harga Kepada WPS Kerja Elektrikal	(0.25)	(0.6)
PHK No. 3	Pelarasan Turun Naik Harga (VOP)	0.74	1.8
PHK No. 4	Pengukuran Semula Kuantiti Sementara	0.55	1.3
JUMLAH BERSIH TAMBAHAN		2.03	4.9

Sumber : JKR Wilayah Persekutuan Labuan



5.5.3. Pentadbiran Kontrak

5.5.3.1. Tandatangan Kontrak

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, kontrak hendaklah ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan. Semakan Audit mendapati kontrak dengan Pertama Makmur Sdn. Bhd. dan kontrak dengan TE Synergy Sdn. Bhd. telah ditandatangani dalam tempoh masa yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.5
TANDATANGAN KONTRAK**

KONTRAKTOR	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA DIKELUARKAN	TARIKH KONTRAK DITANDATANGANI	TEMPOH MASA YANG DIAMBIL (Hari)
Pertama Makmur Sdn. Bhd.	04.12.2006	15.03.2007	101
TE Synergy Sdn. Bhd.	16.08.2010	04.11.2010	80

Sumber : JKR Wilayah Persekutuan Labuan

5.5.3.2. Tandatangan Perakuan Pelarasan Harga Kontrak

Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) Bil. 6 Tahun 2009 yang berkuatkuasa mulai 2 September 2009 menetapkan PHK hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Penguasa. Semakan Audit mendapati **PHK 1** bagi kontrak dengan TE Synergy Sdn. Bhd. telah ditandatangani oleh pegawai yang tidak diberi kuasa, iaitu Ketua Penolong Pengarah Jalan selaku wakil Pegawai Penguasa. Manakala PHK 2, PHK 3 dan PHK 4 pula tidak ditandatangani. Selain itu, keempat-empat PHK yang disediakan itu tidak mengikut format yang ditetapkan dalam Surat Arahan KPKR Bil. 5 Tahun 2008.

Pada pendapat Audit, hanya pegawai yang diberi kuasa boleh menandatangani dokumen/perakuan yang dikeluarkan di bawah kontrak.

Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 29 April 2014

Perkara ini telah dirujuk kepada Penasihat Undang-undang KKR dan dimaklumkan pembetulan boleh dibuat terhadap PHK yang terlibat memandangkan Perakuan Akaun Muktamad masih belum dibuat dan belum dibayar. JKR telah membuat pembetulan dan PHK 2, PHK 3 serta PHK 4 telah ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa.

5.5.3.3. Pembayaran Kepada Kontraktor

a. Bayaran Kurang Diperakukan

Mengikut kontrak, bayaran interim adalah berdasarkan penilaian terhadap kerja di tapak yang telah dilaksanakan oleh kontraktor. Mengikut prosedur JKR, Perakuan Bayaran Interim disediakan menggunakan Borang JKR 66. Perakuan Bayaran Interim hendaklah disyorkan dan ditandatangani oleh Pegawai Pengesyor yang dilantik oleh Pegawai Penguasa/Pengarah Projek (P.P.) setelah membuat penilaian kerja di tapak yang telah dilaksanakan oleh kontraktor. Perakuan tersebut seterusnya diperakukan dan ditandatangani oleh P.P. atau wakil P.P. kerja utama. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- i. Bagi kontrak dengan Pertama Makmur Sdn. Bhd., **satu bayaran diperakukan dan dibayar kepada kontraktor kurang daripada amaun yang disyorkan dengan perbezaan sejumlah RM0.14 juta.** Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.6
BAYARAN DIPERAKUKAN KURANG DARI BAYARAN DISYORKAN

NO. BAYARAN INTERIM	NO. BAUCAR/TARIKH	AMAUN		PERBEZAAN (RM Juta)
		DISYORKAN (RM Juta)	DIPERAKUKAN (RM Juta)	
15	E3031 19.12.2008	0.25	0.11	0.14

Sumber : JKR Wilayah Persekutuan Labuan

- ii. Bagi kontrak dengan TE Synergy Sdn. Bhd., daripada 33 perakuan bayaran interim yang dibuat, **10 bayaran diperakukan dan dibayar kepada kontraktor kurang daripada amaun yang disyorkan dengan perbezaan antara RM0.13 juta dan RM1.36 juta.** Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.7
BAYARAN DIPERAKUKAN KURANG DARI BAYARAN DISYORKAN

BIL.	NO. BAYARAN INTERIM	NO. BAUCAR/TARIKH	AMAUN		PERBEZAAN (RM Juta)
			DISYORKAN (RM Juta)	DIPERAKUKAN (RM Juta)	
1.	3	1616Q 03.12.2010	0.88	0.75	0.13
2.	5	-	1.10	0.00	1.10
3.	7	B0234 25.03.2011	1.20	0.58	0.62
4.	8	B0270 07.04.2011	1.56	1.20	0.36
5.	9	B0386 03.05.2011	2.48	1.56	0.92
6.	14	B1180 29.09.2011	1.81	1.10	0.71
7.	22	-	1.36	0.00	1.36
8.	31	B1410 29.11.2012	2.55	2.20	0.35

BIL.	NO. BAYARAN INTERIM	NO. BAUCAR/ TARIKH	AMAUN		PERBEZAAN (RM Juta)
			DISYORKAN (RM Juta)	DIPERAKUKAN (RM Juta)	
9.	32	B1691 24.12.2012	1.54	1.26	0.28
10.	33	B0600 16.07.2013	1.15	0.25	0.90

Sumber : JKR Wilayah Persekutuan Labuan

Pada pendapat Audit, amaun bayaran yang terkurang daripada amaun yang disyorkan berdasarkan penilaian kerja di tapak boleh memberi kesan negatif kepada aliran tunai syarikat kontraktor yang seterusnya boleh menjejaskan kelancaran dalam kesinambungan kerja pembinaan.

Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 29 April 2014

Bagi pembayaran kepada kontraktor Pertama Makmur Sdn. Bhd., bayaran kurang daripada bayaran disyorkan adalah disebabkan kekangan peruntukan. Bagi pembayaran kepada kontraktor TE Synergy Sdn. Bhd., bayaran diperakukan kurang daripada bayaran yang disyorkan kerana bayaran tersebut bergantung kepada peruntukan semasa yang diterima daripada KKR dan juga baki peruntukan semasa. Perkara ini berlaku disebabkan prosedur pengagihan peruntukan berubah di KKR oleh kerana kekangan peruntukan di mana peruntukan akan disalurkan berdasarkan JKR 66 yang telah diluluskan (actual work done). Justeru itu, terdapat kelewatan menerima peruntukan oleh JKR Wilayah Persekutuan Labuan yang menyebabkan bayaran lewat dijelaskan kepada kontraktor.

b. Lejar Kontrak Tidak Disediakan

Lejar Kontrak JKR merupakan satu rekod terperinci mengenai sesuatu projek. Mengikut surat daripada Ketua Akauntan KKR kepada semua pengarah JKR di Ibu Pejabat JKR, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, Negeri serta semua ketua pusat tanggungjawab KKR dengan rujukan (41) dlm. KKR/BKA/08/645/11-4/1 bertarikh 20 Jun 2001, mulai 1 Julai 2001, lejar kontrak perlu disediakan sebagai dokumen sokongan kepada semua baucar bayaran. Surat Arahan KPKR Bil. 13 Tahun 2011 juga telah menggariskan format terkini lejar kontrak yang perlu diguna pakai serta panduan pengisiannya. Semakan Audit mendapati **lejar kontrak tidak disediakan sebagai dokumen sokongan** kepada semua baucar bayaran yang disemak.

Pada pendapat Audit, ketiadaan Lejar Kontrak boleh menyumbang kepada kesilapan di dokumen JKR 66 dan seterusnya menyebabkan kesilapan dalam bayaran.

Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 29 April 2014

JKR menyediakan jadual bayaran yang dikepilkan sebagai dokumen sokongan dalam setiap pembayaran interim. Jadual bayaran tersebut mempunyai fungsi dan format yang seakan sama seperti Lejar dan telah digunakan untuk memantau aliran pembayaran dan kewangan kontrak.

c. Perakuan Bayaran Interim Ditandatangani Oleh Pegawai Yang Tidak Diberi Kuasa

Surat Arahan KPKR Bil. 6 Tahun 2009 menyatakan Perakuan Bayaran Interim hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Penguasa/Wakil Pegawai Penguasa Kerja Utama, iaitu Pengarah Kerja Raya, JKR Wilayah Persekutuan Labuan/Ketua Penolong Pengarah Jalan. Bagi bayaran kepada Kontraktor TE Synergy Sdn. Bhd., semakan Audit mendapati daripada 33 bayaran Interim, 10 bayaran interim berjumlah RM14.38 juta telah diperakukan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa, iaitu Penolong Pengarah Kanan Jalan. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

JADUAL 5.8
BAYARAN DIPERAKUKAN OLEH PEGAWAI YANG TIDAK DIBERI KUASA

BIL.	NO. BAYARAN INTERIM	TARIKH BAYARAN DIPERAKUKAN	AMAUN BAYARAN DIPERAKUKAN (RM Juta)
1.	17	15.12.2011	2.75
2.	18	27.01.2012	1.26
3.	25	18.07.2012	2.00
4.	26	02.08.2012	0.69
5.	27	11.09.2012	0.86
6.	28	26.09.2012	0.56
7.	29	11.10.2012	1.72
8.	30	25.10.2012	1.08
9.	31	23.11.2012	2.20
10.	32	17.12.2012	1.26
JUMLAH			14.38

Sumber : JKR Wilayah Persekutuan Labuan

Pada pendapat Audit, Perakuan Bayaran Interim perlu ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa.

Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 29 April 2014

Penolong Pengarah Kanan Jalan yang menandatangani Perakuan Bayaran Interim sedang menanggung tugas Ketua Penolong Pengarah Jalan, iaitu selaku Wakil Pegawai Penguasa Utama memandangkan jawatan Ketua Penolong Pengarah Jalan di JKR Wilayah Persekutuan Labuan pada masa tersebut tidak diisi. Memandangkan terdapat memo tanggung tugas yang diamanahkan kepada

Penolong Pengarah Kanan Jalan pada masa tersebut, maka pejabat ini beranggapan bahawa beliau layak untuk menanggung segala tugas/tanggungjawab sebagai Ketua Penolong Pengarah Jalan termasuk sebagai jawatan Wakil Pegawai Penguasa Utama.

5.5.4. Kerja Penyenggaraan

Tempoh Tanggungan Kecacatan adalah 12 bulan selepas Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi projek ini bermula pada 5 Mei 2013 dan akan berakhir pada 4 Mei 2014. Dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan tersebut, kontraktor bertanggungjawab terhadap penyenggaraan jalan, memastikan semua longkang dan *culvert* berfungsi dengan baik dengan membersihkan dan *desilting* 4 kali setahun (setiap 3 bulan) serta menjalankan kerja pemotongan rumput sebulan sekali. Lawatan Audit pada 28 November 2013 mendapati terdapat kerja penyenggaraan yang kurang sempurna. Butiran lanjut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 5.9
KERJA PENYENGGARAAN YANG KURANG SEMPURNA**

LOKASI	KEADAAN FIZIKAL
Chainage 50	Longkang tidak disenggara menyebabkan ianya tersumbat dan air tidak dapat mengalir. Penemuan ini juga ditemui di kebanyakan tempat sepanjang jalan (Gambar 5.1).
Chainage 600	Sampah sarap bertakung dalam longkang (Gambar 5.4).

SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 5.1



*Chainage 50
- Longkang Tidak Disenggara Menyebabkan Ianya Tersumbat Dan Air Tidak Dapat Mengalir. Penemuan Ini Juga Ditemui Di Kebanyakan Tempat Sepanjang Jalan (28.11.2013)*

SELEPAS KERJA PEMBAIKAN

GAMBAR 5.2



*Chainage 50
- Tindakan Penyenggaraan Telah Dilaksanakan (Sumber: JKR - 02.04.2014)*



SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 5.3

*Chainage 50
- Rumput Menutupi Kawasan Longkang (Sumber: Jabatan Audit WP Labuan - 24.04.2014)*

SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 5.4



Chainage 600
- Sampah Sarap Bertakung Dalam Longkang
(28.11.2013)

SELEPAS KERJA PEMBAIKAN

GAMBAR 5.5



Chainage 600
- Tindakan Penyelenggaraan
Telah Dilaksanakan
(Sumber: JKR - 02.04.2014)



SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 5.6

Chainage 50
- Tiada Sampah Sarap Tetapi Terdapat
Batu-Batu Pembinaan Dalam Longkang
(Sumber: Jabatan Audit WP Labuan - 24.04.2014)

Pada pendapat Audit, kerja-kerja penyelenggaraan yang kurang sempurna boleh mengakibatkan kemudahan yang dibina tidak dapat berfungsi dengan baik.

Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 29 April 2014

Mengikut jadual penyelenggaraan rutin yang disediakan oleh pihak kontraktor, penyelenggaraan kerja-kerja longkang dijalankan pada November 2013. Penyelenggaraan longkang telah dimulakan oleh pihak kontraktor, namun semasa lawatan Audit pada 28 November 2013, kerja-kerja penyelenggaraan longkang masih belum siap sepenuhnya.

5.5.5. Kualiti Kerja

JKR hendaklah menjalankan pemeriksaan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi mengenal pasti kerosakan dan kecacatan. Lawatan Audit pada 28 November 2013 mendapati beberapa kerja yang kurang memuaskan seperti butiran di jadual dan gambar berikut:



**JADUAL 5.10
KUALITI KERJA YANG KURANG MEMUASKAN**

LOKASI	KEADAAN FIZIKAL
Chainage 250	<i>Coring</i> atas jalan tidak ditutup semula (Gambar 5.7).
Chainage 2150	Jalan berlubang berbahaya kepada pengguna jalan raya terutama penunggang motosikal (Gambar 5.9).
Chainage 1000	Laluan <i>inlet</i> dan bahu jalan tidak dibina dengan sempurna (Gambar 5.11).
Chainage 700	Turapan jalan yang tidak sempurna (Gambar 5.13).
Chainage 0-600	Jalan beralun (Gambar 5.15).

SEMASA LAWATAN AUDIT

SELEPAS KERJA PEMBAIKAN

GAMBAR 5.7



Chainage 250
- *Coring Atas Jalan Tidak Ditutup Semula*
(28.11.2013)

GAMBAR 5.8



Chainage 250
- *Tindakan Pembaikan Telah Dilaksanakan Oleh Pihak Kontraktor*
(Sumber: JKR - 02.04.2014)

GAMBAR 5.9



Chainage 2150
- *Jalan Berlubang Berbahaya Kepada Pengguna Jalan Raya Terutama Penunggang Motosikal*
(28.11.2013)

GAMBAR 5.10



Chainage 2150
- *Tindakan Pembaikan Telah Dilaksanakan Oleh Pihak Kontraktor*
(Sumber: JKR - 02.04.2014)

GAMBAR 5.11



Chainage 1000
- *Laluan Inlet Dan Bahu Jalan Tidak Dibina Dengan Sempurna*
(28.11.2013)

GAMBAR 5.12



Chainage 1000
- *Tindakan Pembaikan Telah Dilaksanakan Oleh Pihak Kontraktor*
(Sumber: JKR - 02.04.2014)

SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 5.13



*Chainage 700
- Turapan Jalan Yang Tidak Sempurna
(28.11.2013)*

SELEPAS KERJA PEMBAIKAN

GAMBAR 5.14



*Chainage 700
- Tindakan Pembaikan Telah Dilaksanakan
Oleh Pihak Kontraktor
(Sumber : JKR - 02.04.2014)*

SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 5.15



*Chainage 0 dan 600
- Jalan Beralun
(28.11.2013)*

SELEPAS KERJA PEMBAIKAN

GAMBAR 5.16



*Chainage 0 dan 600
- Tindakan Pembaikan Telah Dilaksanakan
Oleh Pihak Kontraktor
(Sumber : JKR - 29.04.2014)*

Pada pendapat Audit, JKR Wilayah Persekutuan Labuan perlu melaporkan kerosakan dan kecacatan kerja tersebut kepada kontraktor dengan segera dan memastikan kontraktor mengambil tindakan pembaikan.

Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 29 April 2014

Pihak kontraktor telah mengambil tindakan pembedulan ke atas semua teguran Audit.

5.5.6. Pemantauan

5.5.6.1. Mesyuarat Tapak

Mesyuarat Tapak bertujuan memantau kemajuan kerja, mengenal pasti masalah pelaksanaan projek dan membuat keputusan penyelesaiannya. Semakan Audit mendapati perkara berikut:



- a. Sepanjang tempoh pembinaan melibatkan kontraktor Pertama Makmur Sdn. Bhd. (kontraktor asal) dari 15 Disember 2006 hingga 8 Oktober 2008, sebanyak 16 Mesyuarat Tapak telah dijalankan.
- b. Sepanjang tempoh pembinaan melibatkan kontraktor TE Synergy Sdn. Bhd. (kontraktor kedua) dari 1 September 2010 hingga 4 Mei 2013, sebanyak 27 Mesyuarat Tapak telah dijalankan.

Pada pendapat Audit, JKR Wilayah Persekutuan Labuan telah mengadakan mesyuarat tapak yang mencukupi dalam memantau pelaksanaan projek.

5.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang pada masa hadapan, adalah disyorkan supaya JKR mengambil tindakan seperti berikut:

- 5.6.1. memastikan EOT diluluskan sebelum tarikh siap asal atau tarikh penyiapan semasa yang dibenarkan;
- 5.6.2. memastikan hanya pegawai yang diberi kuasa menandatangani perakuan yang dikeluarkan di bawah kontrak;
- 5.6.3. memastikan bayaran kepada kontraktor adalah berdasarkan nilai kerja yang telah dilaksanakan;
- 5.6.4. menyelenggarakan lejar kontrak secara tepat dan kemas kini supaya pembayaran bagi projek dapat dipantau dengan sewajarnya; dan
- 5.6.5. memastikan pemantauan secara berterusan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor bagi mengelakkan berlakunya kerosakan/kecacatan yang ketara akibat daripada kerja yang tidak dibuat dengan sempurna.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Dalam Buku Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2013 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

6. JABATAN PENGANGKUTAN JALAN - PENGURUSAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di bawah Kementerian Pengangkutan bertanggungjawab menguruskan hal-ehwal berkaitan dengan pengangkutan jalan supaya ianya cekap dan selamat serta menguatkuasakan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengangkutan jalan. Bahagian Penguatkuasa JPJ merupakan bahagian yang bertanggungjawab untuk memastikan peruntukan undang-undang pengangkutan jalan dilaksanakan dengan berintegriti serta dipatuhi oleh pengguna jalan raya bagi mewujudkan persekitaran jalan raya yang selamat. Objektif Bahagian Penguatkuasa antaranya adalah seperti berikut:

- a. memastikan pemandu dan kenderaan yang digunakan mematuhi undang-undang berkaitan;
- b. meningkatkan tahap keselamatan jalan raya melalui pengawal seliaan pemandu, kenderaan motor dan pengguna jalan raya yang lain; dan
- c. mewujudkan sikap lebih bertanggungjawab di kalangan pengusaha kenderaan perdagangan.

6.1.2. Aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh JPJ adalah melalui tugas operasi. Sebanyak 10 operasi yang disasarkan untuk dilaksanakan pada tahun 2013 iaitu Operasi Harian, Bersepadu, Motosikal, Pengarah, *Blinkers*, Penyamaran Bas Ekspres, Penyamaran Bergambar, Terminal Bas, Stesen Penguatkuasa (SPK) dan Lebih Muatan. Selain itu, JPJ juga melaksanakan Operasi Musim Perayaan mengikut keperluan seperti Operasi Hari Raya Aidil Fitri dan Operasi Tahun Baru Cina.

6.1.3. Bidang kuasa yang digunakan oleh anggota penguatkuasa dalam melaksanakan aktiviti penguatkuasaan JPJ adalah berpandukan kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987 (APJ) dan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (ALPKP) dan kaedah yang diwujudkan di bawah kedua-dua akta tersebut, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (APAD) serta akta lain yang berkaitan dengan pengangkutan jalan. 0

6.1.4. JPJ telah melaksanakan penilaian tahunan terhadap keberkesanan aktiviti penguatkuasaan berdasarkan kepada kadar kemalangan iaitu bilangan kemalangan untuk 10,000 kenderaan berdaftar bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 seperti di jadual berikut:



JADUAL 6.1
KADAR KEMALANGAN BERDASARKAN 10,000 KENDERAAN
BERDAFTAR BAGI TEMPOH TAHUN 2011 HINGGA 2013

TAHUN	KADAR KEMALANGAN	PENGURANGAN (%)
2011	209.8	-
2012	203.7	2.9
2013	201.3	1.2

Sumber : Bahagian Penguatkuasa JPJ

6.1.5. Kutipan hasil JPJ bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah berjumlah RM3.175 bilion, RM3.326 bilion dan RM3.432 bilion masing-masing. Manakala hasil daripada aktiviti penguatkuasaan adalah berjumlah RM72.94 juta, RM82.43 juta dan RM102.10 juta masing-masingnya.

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada aktiviti penguatkuasaan JPJ telah dirancang dan diuruskan dengan teratur, cekap dan berkesan selaras dengan akta dan peraturan yang ditetapkan.

6.3. SKOP PENGAUDITAN

6.3.1. Pengauditan ditumpukan kepada aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan berhubung aktiviti penguatkuasaan JPJ melalui tugas operasi yang dilaksanakan dari tahun 2011 hingga 2013 iaitu Operasi Harian, Bersepadu, Motosikal, Pengarah, Terminal Bas, Stesen Penguatkuasa (SPK), Lebih Muatan dan Musim Perayaan.

6.3.2. Pengauditan dijalankan di Bahagian Penguatkuasa, Ibu Pejabat JPJ dan 5 Bahagian Penguatkuasa Negeri (Kelantan, Selangor, Sabah, Perak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur), Cawangan Tawau, Pejabat Kecil Lahad Datu, 11 Stesen Penguatkuasa iaitu Kelantan (Kuala Balah, Laloh dan Labok); Selangor (Banting dan Semenyih); Sabah (Silam, Segama dan Telipok); Perak (Kuala Kangsar dan Grik) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Gombak), 4 Stesen Kawalan Sempadan iaitu Kelantan (Rantau Panjang, Pengkalan Kubor dan Bukit Bunga) dan Perak (Pengkalan Hulu) serta Bilik Kawalan KLIA.

6.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini merangkumi penyemakan ke atas fail, rekod dan dokumen bagi tahun 2011 hingga 2013 serta temu bual dengan pegawai dan anggota yang terlibat dengan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti penguatkuasaan. Selain itu, pemerhatian Audit ke lokasi tertentu semasa pelaksanaan operasi oleh JPJ,

pemeriksaan fizikal terhadap kenderaan dan peralatan juga telah diadakan pada bulan Julai hingga September 2013. *Exit Conference* bersama Timbalan Ketua Pengarah JPJ, Pegawai-pegawai Kanan JPJ, Ketua Penolong Setiausaha Belanjawan Kementerian Pengangkutan dan Unit Audit Dalam (UAD) Kementerian Pengangkutan telah diadakan pada 6 Mac 2014.

6.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2013 mendapati pengurusan aktiviti penguatkuasaan bagi 3 daripada 5 negeri yang dilawati telah mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) operasi penguatkuasaan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan aktiviti penguatkuasaan yang boleh menjejaskan pencapaian objektif pelaksanaan antaranya seperti berikut:

- i. kuasa JPJ terhad terhadap kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010;
- ii. kelewatan menyiapkan Kertas Siasatan;
- iii. penguatkuasaan terhadap kenderaan yang diberi pengecualian *International Circulation Permit* (ICP) tidak dapat ditentukan;
- iv. rekod bagi Operasi Lebih Muatan, Bersepadu, Motosikal, Operasi Pengarah, Terminal Bas dan Musim Perayaan tidak diselenggara dengan lengkap serta laporan tidak dapat dijana melalui Sistem Keselamatan Amalan Pemandu (mySIKAP); dan
- v. sembilan Stesen Penguatkuasa dan 4 Stesen Kawalan Sempadan ditubuhkan tanpa waran perjawatan. Manakala 3 Pejabat Kecil (Perak), 4 Stesen Penguatkuasa (Selangor) dan satu Stesen Penguatkuasa (Sabah) belum ditubuhkan lagi walaupun perjawatan telah diluluskan.

Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui serta maklum balas JPJ adalah seperti di perenggan berikut:

6.5.1. Prestasi Aktiviti Penguatkuasaan

6.5.1.1. Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicators)

- a. Mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 2005, *Key Performance Indicators* (KPI) adalah satu sistem pengukuran yang mudah, berkesan dan membantu organisasi menjelaskan dan mengawal tahap kemajuan sesuatu proses perkhidmatan yang disampaikan kepada pelanggan selaras dengan misi dan visi sesebuah organisasi. Prinsip KPI ialah meletakkan sasaran, boleh diukur dengan angka, diukur dalam keadaan normal dan selaras dengan misi dan visi organisasi. KPI adalah ukuran spesifik dalam bidang tertentu prestasi organisasi.



- b. JPJ telah menetapkan KPI bagi operasi penguatkuasaan mulai tahun 2012. Bagaimanapun, Bahagian Penguatkuasa Ibu Pejabat tidak dapat mengukur pencapaian KPI keseluruhan bagi tahun 2012 dengan tepat kerana terdapat JPJ negeri yang tidak memberi maklumat dalam bentuk angka seperti yang dikehendaki mengikut format KPI. Bagi mengukur keberkesanan penguatkuasaan tahun 2013, KPI yang ditetapkan adalah berdasarkan kepada jumlah jam penguatkuasaan/jumlah penguatkuasaan untuk 10 jenis operasi. Semakan Audit mendapati 3 daripada 5 negeri yang dilawati iaitu negeri Selangor, Sabah dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mencapai KPI bagi operasi yang ditetapkan. Negeri Kelantan dan Perak tidak mencapai keseluruhan KPI yang ditetapkan seperti KPI untuk Ops Penyamaran Bergambar. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.2
PENCAPAIAN KPI OPERASI PENGUATKUASAAN BAGI TAHUN 2013

PENGUATKUASAAN OPERASI	KPI	PENCAPAIAN (Kekerapan/Kali)				
		KELANTAN	SELANGOR	SABAH	PERAK	W.P. KL
Harian	Setiap Hari	Setiap Hari	Setiap Hari	Setiap Hari	Setiap Hari	Setiap Hari
Bersepadu	4	4	4	4	4	4
Motosikal	Setiap Hari	Setiap Hari	Setiap Hari	Setiap Hari	Setiap Hari	Setiap Hari
Pengarah	12	14	36	12	9	12
<i>Blinkers</i>	64	83	83	83	83	83
Penyamaran Bas Ekspres	32	57	126	38	9	162
Penyamaran Bergambar	64	63	74	74	9	74
Terminal Bas	Setiap Hari	Setiap Hari	Setiap Hari	Setiap Hari	Setiap Hari	Setiap Hari
Stesen Penguatkuasa	Setiap Hari	Setiap Hari	Setiap Hari	Setiap Hari	Setiap Hari	Setiap Hari
Lebih Muatan	16	72	72	31	9	36

Sumber : JPJ Negeri Kelantan, Selangor, Sabah, Perak dan W.P. Kuala Lumpur

Maklum Balas JPJ Yang Diterima Pada 28 April 2014

Satu bengkel KPI telah diadakan pada bulan Januari 2014 di mana KPI Penguatkuasa bagi tahun 2014 ialah menurunkan fatality index kepada 2.6 kematian bagi setiap 10,000 kenderaan berdaftar. Walau bagaimanapun, JPJ akan menjemput pihak Universiti Sains Malaysia untuk memberi penerangan bagi tujuan bimbingan kepada JPJ untuk menyediakan KPI yang lebih relevan. Penetapan KPI Penguatkuasa dijangka siap pada penghujung Jun 2014.

Pada pendapat Audit, pihak JPJ telah mengambil langkah yang baik dengan mewujudkan KPI dan menetapkan sasaran prestasi untuk keberkesanan operasi penguatkuasaan jalan raya.

6.5.1.2. Prestasi Kewangan

Peruntukan kewangan Bahagian Penguatkuasa diuruskan oleh Bahagian Kewangan Ibu Pejabat dan disalurkan terus kepada JPJ Negeri bagi pengurusan di peringkat negeri. Bagi tempoh 2011 hingga 2013, Bahagian Penguatkuasa telah memperoleh peruntukan mengurus berjumlah RM380.82 juta bagi melaksanakan aktiviti penguatkuasaan jalan raya. Semakan Audit mendapati sejumlah RM120.21 juta (104.5%) telah dibelanjakan pada tahun 2011 dan sejumlah RM128.84 juta (99.4%) pada tahun 2012. Manakala bagi tahun 2013, sejumlah RM135.94 juta (99.8%) telah dibelanjakan daripada peruntukan yang diluluskan. Lebihan perbelanjaan berjumlah RM5.13 juta pada tahun 2011 telah diselaraskan melalui pindah peruntukan. Maklumat terperinci berkenaan peruntukan dan perbelanjaan sebenar bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.3
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGRUS
BAHAGIAN PENGUATKUASA JPJ BAGI TEMPOH TAHUN 2011 HINGGA 2013

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	BAKI (RM Juta)	PERATUSAN PERBELANJAAN (%)
2011	115.08	120.21	(5.13)	104.5
2012	129.57	128.84	0.73	99.4
2013	136.17	135.94	0.23	99.8
JUMLAH	380.82	384.99		

Sumber : Bahagian Kewangan JPJ

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan mengurus untuk aktiviti penguatkuasaan bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah sangat baik.

6.5.2. Kuasa Dan Mandat

6.5.2.1. Kuasa JPJ Terhadap Terhadap Kesalahan Di Bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010

- a. Pegawai pengangkutan jalan adalah diberi kuasa untuk melaksanakan peruntukan undang-undang di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (APAD 2010) dan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (ALPKP 1987) seperti penguatkuasaan terhadap kesalahan membawa muatan secara berlebihan. Pemakaian bagi APAD 2010 dan ALPKP 1987 adalah berbeza bagi Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan seperti di jadual berikut:

**JADUAL 6.4
PEMAKAIAN AKTA BERKAITAN**

AKTA	PEMAKAIAN
Akta Pengangkutan Awam Darat 2010	Semenanjung Malaysia
Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987	Sabah, Sarawak & Wilayah Persekutuan Labuan

- b. Seksyen 17(1) APJ 1987 membenarkan pihak JPJ untuk tidak memberikan sesuatu lesen kenderaan motor sehingga JPJ berpuas hati bahawa pemohon tidak mempunyai perkara yang belum selesai dengan JPJ berkaitan dengan kesalahan di bawah ALPKP 1987. Bagaimanapun, sekiranya kesalahan tersebut adalah di bawah APAD 2010, pihak JPJ tidak dapat menjalankan kuasa yang sama kerana tidak diperuntukkan dalam seksyen berkenaan.
- c. Operasi lebih muatan merupakan operasi yang dijalankan bertujuan untuk memastikan semua kenderaan barangan membawa muatan mengikut syarat yang dibenarkan dan tidak mendatangkan bahaya kepada pengguna jalan raya. Bagi kenderaan barangan yang dilesenkan bertujuan untuk sewa atau upah atau berkaitan dengan apa-apa perdagangan atau perniagaan, ia tertakluk kepada peruntukan di bawah Seksyen 57 APAD 2010 untuk negeri di Semenanjung Malaysia mulai 31 Januari 2011 dan peruntukan di bawah Seksyen 19 ALPKP 1987 bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Manakala kenderaan barangan yang tidak dilesenkan di bawah APAD 2010 atau ALPKP 1987 penguatkuasaannya adalah berteraskan kepada Kaedah 89 Berat Dengan Muatan Kenderaan, Kaedah-kaedah Kenderaan Motor 1989 (Pembuatan Dan Penggunaan). Semakan Audit terhadap rekod kesalahan lebih muatan mendapati sebanyak 2,120 kesalahan di bawah APAD 2010 telah dikenal pasti dan dibuka kertas siasatan bagi tahun 2011 hingga bulan Julai 2013 seperti di jadual berikut:

**JADUAL 6.5
JUMLAH KESALAHAN LEBIH MUATAN DI BAWAH APAD 2010
BAGI TEMPOH TAHUN 2011 HINGGA BULAN JULAI 2013**

NEGERI	2011	2012	2013	JUMLAH
Kelantan	41	12	0	53
Selangor	207	220	486	913
Perak	247	381	145	773
W.P. Kuala Lumpur	82	142	157	381
JUMLAH	577	755	788	2,120

Sumber : JPJ Negeri

- d. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada saman dikeluarkan secara terus/langsung berkaitan kesalahan lebih muatan sejak berkuat kuasanya APAD 2010 di Semenanjung kerana peruntukan APAD 2010 telah

menetapkan keperluan menyediakan kertas siasatan (IP) sebelum mendapatkan keizinan bertulis daripada Pendakwa Raya bagi tujuan pendakwaan dan pengkompaunan. Bagi kesalahan lebih muatan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan saman boleh dikeluarkan terus tanpa perlu mendapatkan keizinan pendakwa raya. Ini menunjukkan tiada keseragaman dalam mengambil tindakan terhadap kesalahan lebih muatan mengikut APAD 2010 dan ALPKP 1987.

Pada pendapat Audit, pihak JPJ perlu mengkaji semula peruntukan di bawah Seksyen 17(1) APJ 1987 sama ada perlu mengambil kira kesalahan di bawah APAD 2010 bagi tujuan keseragaman dan keberkesanan dalam penguatkuasaan JPJ.

Maklum Balas JPJ Yang Diterima Pada 27 Februari 2014

Setelah diteliti peruntukan undang-undang di bawah APJ 1987, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat boleh memohon untuk memasukkan APAD dalam Jadual Ketiga APJ. Selain daripada itu, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat perlu membangunkan sistem untuk diintegrasikan dengan sistem JPJ. Sehingga kini terdapat 3 agensi yang diberi kuasa untuk menyenaraikan kenderaan atau lesen memandu di bawah APJ 1987 iaitu Polis DiRaja Malaysia, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Jabatan Alam Sekitar.

6.5.2.2. Kelewatan Menyiapkan Kertas Siasatan

- a. Seksyen 241(1) APAD 2010 menetapkan tiada pendakwaan mana–mana kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya. Justeru itu, penyediaan Kertas Siasatan (IP) diperlukan bagi mendapatkan keizinan Pendakwa Raya untuk memulakan pendakwaan. Antara proses untuk melengkapkan IP adalah pegawai siasatan perlu mengadakan temu siasat terhadap pemilik dan saksi berdasarkan kepada peruntukan di bawah Seksyen 232 APAD 2010 iaitu pegawai pengangkutan jalan mempunyai kuasa untuk menghendaki maklumat, sama ada secara lisan atau bertulis, daripada mana-mana orang yang dikatakan tahu akan fakta dan hal keadaan kes yang disiasat itu.
- b. Semakan Audit mendapati hanya 312 (14.7%) daripada 2,120 IP yang dibuka dapat disiapkan bagi tempoh tahun 2011 hingga bulan Julai 2013. Ini menunjukkan bahawa masih terdapat kes tahun 2011 dan 2012 belum disiapkan. Selain itu, sebanyak 112 IP yang telah siap diserahkan kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) untuk tindakan selanjutnya. Butiran terperinci adalah seperti di jadual berikut:



JADUAL 6.6
STATUS PENYEDIAAN DAN PENYERAHAN KERTAS SIASATAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2011 HINGGA BULAN JULAI 2013

NEGERI	BILANGAN KERTAS SIASATAN YANG DIBUKA			STATUS PENYEDIAAN KERTAS SIASATAN		KERTAS SIASATAN YANG TELAH DISERAH KEPADA SPAD
	2011	2012	2013	DALAM SIASATAN	SIAP	
Kelantan	41	12	0	40	13	0
Selangor	207	220	486	800	113	87
Perak	247	381	145	661	112	0
W.P Kuala Lumpur	82	142	157	307	74	25
JUMLAH	577	755	788	1,808	312	112

Sumber : JPJ Negeri

- c. Semakan Audit selanjutnya di Negeri Perak mendapati bagi kes pemilik enggan hadir temu siasat, IP bersama bukti keengganan pemilik hadir temu siasat dihantar ke SPAD untuk tindakan selanjutnya. Di bawah APAD 2010 pegawai pengangkutan jalan tidak mempunyai kuasa untuk menyenaraihitamkan pemilik yang tidak hadir temu siasat.

Pada pendapat Audit, tempoh yang lama diambil untuk menyiapkan IP akan menjejaskan tindakan selanjutnya yang dapat diambil terhadap pengendali lesen. Selain itu, perbincangan di antara pihak JPJ dan SPAD hendaklah diadakan bagi tujuan penambahbaikan dan menetapkan prosedur siasatan yang perlu dilaksanakan oleh pegawai penyiasat JPJ terutamanya bagi kes ketidakhadiran pemilik di dalam sesi temu siasat.

Maklum Balas JPJ Yang Diterima Pada 27 Februari 2014

Sesi perbincangan di antara JPJ, SPAD dan agensi penguatkuasa lain telah diadakan secara berkala dan akan mengambil kira perkara yang dibangkitkan oleh Audit untuk dibincangkan.

6.5.2.3. Kad Kuasa Pegawai Pengangkutan Jalan Tidak Dikemas Kini

Kad kuasa perlu menyatakan secara bertulis peruntukan undang-undang yang boleh dilaksanakan oleh seseorang pegawai pengangkutan jalan antaranya meliputi Seksyen 59(1), 61, 63(1) APJ 1987, Seksyen 49(1)(b) ALPKP 1987 dan Seksyen 82(1) APAD 2010. Semakan Audit terhadap sampel kad kuasa pegawai pengangkutan jalan mendapati kuasa diperuntukkan di bawah APJ 1987 dan ALPKP 1987 telah dimasukkan secara bertulis pada kad kuasa yang dibekalkan. Bagaimanapun, kuasa di bawah Seksyen 82(1) APAD 2010 belum dimasukkan ke dalam kad kuasa tersebut. Semakan Audit selanjutnya mendapati pemberian kuasa tersebut telah diberi secara bertulis melalui surat.

Pada pendapat Audit, kuasa bagi pegawai pengangkutan jalan di bawah Seksyen 82 (1) APAD 2010 hendaklah dimasukkan dalam kad kuasa memandangkan surat bertulis telah diberikan.

Maklum Balas JPJ Yang Diterima Pada 27 Februari 2014

JPJ sedang melaksanakan pengemaskinian kad kuasa anggota beruniform sebagaimana yang dibangkitkan oleh pihak Audit. Surat edaran kepada JPJ Negeri telah dikeluarkan pada 18 Februari 2014 untuk mengemas kini maklumat di dalam HRMIS terutama gambar terbaru anggota kerana pengemaskinian kad kuasa akan dilaksanakan melalui maklumat di dalam HRMIS.

6.5.3. Penguatkuasaan Terhadap Kenderaan Yang Diberi Pengecualian Permit Peredaran Antarabangsa (International Circulation Permit) Tidak Dapat Ditentukan

6.5.3.1. Fungsi utama Stesen Kawalan Sempadan (SKS) adalah untuk menjalankan penguatkuasaan secara rondaan di sekitar pintu masuk di sempadan. Di bawah Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Peredaran Antarabangsa) 1967, kenderaan persendirian yang memasuki Malaysia untuk tempoh sementara layak dikeluarkan *International Circulation Permit* (ICP). Berdasarkan Manual Prosedur Kerja SKS JPJ, pengecualian ICP diberi kepada kenderaan bermotor Thailand yang memasuki sempadan sejauh 2 km. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati pegawai pengangkutan jalan yang ditempatkan di SKS yang dilawati tidak melaksanakan aktiviti penguatkuasaan sebaliknya hanya melaksanakan tugas mengeluarkan dan membatalkan ICP serta tugas pentadbiran SKS.

6.5.3.2. Pihak Audit dimaklumkan tugas penguatkuasaan ini dilaksanakan oleh pegawai pengangkutan jalan dari negeri/cawangan berdekatan. Pegawai pengangkutan jalan di SKS tidak diberi tanggungjawab untuk melaksanakan penguatkuasaan kerana terdedah kepada risiko/ancaman keselamatan daripada pihak luar yang keluar masuk sempadan. Semakan Audit tidak dapat menentukan penguatkuasaan secara khusus dijalankan terhadap kenderaan asing yang diberi pengecualian memasuki kawasan sempadan tanpa ICP dalam jarak 2 km. Terdapat kemungkinan kenderaan ini akan membelakangkan undang-undang seperti bergerak melebihi jarak yang dibenarkan, membawa lebih muatan, tidak mempunyai tanda badan, dan pemandunya tidak mempunyai lesen yang disyaratkan oleh undang-undang Malaysia.

Pada pendapat Audit, JPJ perlu mewujudkan kaedah penguatkuasaan terhadap kenderaan asing yang diberi pengecualian ICP bagi memastikan pemandu mematuhi peraturan yang ditetapkan.



Maklum Balas JPJ Yang Diterima Pada 27 Februari 2014 Dan 28 April 2014

JPJ memang menghadapi masalah dari segi penguatkuasaan terhadap kenderaan asing yang memasuki sempadan tidak melebihi 2 km. JPJ berpandangan kelonggaran memasuki sempadan 2 km perlu dikaji semula oleh Kerajaan supaya pemantauan ke atas kenderaan asing dapat dilaksanakan secara berkesan. Bagaimanapun, SOP sedang disediakan berkaitan penguatkuasaan dalam lingkungan 2 km dari sempadan dan dijangka siap pada bulan Mei 2014.

6.5.4. Laporan/Rekod Operasi Penguatkuasaan Tidak Diselenggara Atau Tidak Lengkap

Fail rekod yang sistematik membolehkan maklumat yang terkandung di dalamnya dikawal dan dicapai dengan cepat dan tepat apabila diperlukan. Penyelenggaraan rekod yang lengkap dan kemas kini merupakan satu mekanisme pemantauan yang baik dan berkesan. Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, Bahagian Penguatkuasa Ibu Pejabat telah mengeluarkan berbagai jenis arahan penguatkuasaan (operasi) mengikut keperluan untuk menyelenggara rekod operasi penguatkuasaan. Semakan Audit mendapati rekod bagi 6 operasi (Lebih Muatan, Terminal Bas, Bersepadu, Motosikal, Pengarah dan Operasi Musim Perayaan) tidak diselenggara/tidak lengkap seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.7
REKOD OPERASI PENGUATKUASAAN TIDAK DISELENGGARA/TIDAK LENGKAP

OPERASI	PENEMUAN AUDIT	SEBAB
Lebih Muatan	<ul style="list-style-type: none"> Sebanyak 53 kes yang dilaporkan di Negeri Kelantan adalah berdasarkan kepada jumlah kertas siasatan (IP) yang melibatkan proses temu siasat dengan pemilik. Jumlah sebenar kesalahan lebih muatan yang berlaku di negeri Kelantan tidak dapat dipastikan. Dari tahun 2011 hingga bulan Julai 2013 sebanyak 213,699 kenderaan barangan telah diperiksa dan 6,246 kesalahan lebih muatan telah dikenal pasti di Sabah. Bagaimanapun, bilangan saman yang dikeluarkan bagi kesalahan tersebut tidak dapat ditentukan. 	<ul style="list-style-type: none"> Pertukaran pegawai yang mengendalikan rekod dan hanya IP yang telah selesai proses temu siasat pemandu dihantar ke JPJ Negeri. JPJ tidak menyelenggara statistik saman mengikut jenis kesalahan. Statistik yang diselenggarakan hanya menunjukkan jumlah keseluruhan saman yang dikeluarkan.
Terminal Bas	<ul style="list-style-type: none"> Tiada rekod berkenaan aspek pemeriksaan teknikal diselenggarakan untuk menentukan pemeriksaan teknikal dilaksanakan oleh Pegawai Pengangkutan Jalan. Berbeza dengan pemeriksaan teknikal bas semasa musim perayaan di mana terdapat rekod slip pemeriksaan teknikal dilekatkan/dipamerkan di cermin hadapan bas bagi menunjukkan pemeriksaan bas telah dijalankan supaya tiada pemeriksaan berulang semasa bas singgah di terminal lain. Rekod berkenaan bilangan bas yang diperiksa dan bilangan notis/kesalahan yang diambil tindakan semasa menjalankan operasi di terminal secara bulanan tidak diselenggara. 	<ul style="list-style-type: none"> Tiada arahan diberi kepada JPJ Negeri untuk menyelenggara rekod statistik penguatkuasaan mengikut jenis operasi.
Bersepadu, Motosikal Dan Pengarah	<ul style="list-style-type: none"> Tiada statistik penguatkuasaan sesuatu operasi secara berasingan dijana oleh sistem mySIKAP sebaliknya ia dimasukkan terus ke dalam statistik penguatkuasaan secara bulanan. 	<ul style="list-style-type: none"> Tiada arahan diberi kepada JPJ Negeri untuk menyelenggara rekod statistik penguatkuasaan mengikut jenis operasi.
Musim Perayaan	<ul style="list-style-type: none"> Laporan statistik penguatkuasaan disediakan oleh JPJ setiap kali operasi musim perayaan diadakan. Namun tiada laporan khusus berkenaan analisis pencapaian objektif penguatkuasaan JPJ sempena musim perayaan disediakan sepanjang tempoh 2011 hingga 2013. 	<ul style="list-style-type: none"> Tiada arahan diberi kepada JPJ Negeri untuk menyelenggara rekod statistik penguatkuasaan mengikut jenis operasi.

Pada pendapat Audit, laporan dan rekod penguatkuasaan hendaklah diselenggarakan/lengkap, disemak oleh pegawai penyelia dan disimpan mengikut tempoh yang ditetapkan. Selain itu, JPJ perlu memastikan laporan statistik kesalahan boleh dijana melalui sistem mySIKAP.

Maklum Balas JPJ Yang Diterima Pada 27 Februari 2014 Dan 28 April 2014

Kes Operasi Lebih Muatan di bawah APAD perlu didaftarkan dalam sistem mySIKAP bagi memudahkan semakan. Perbincangan dengan Bahagian IT dan HeiTech Padu Berhad sedang dijalankan sebelum Change Request dibuat kepada Bahagian IT. Untuk mengeluarkan statistik saman berkenaan, Bahagian IT memerlukan sedikit masa kerana masalah migrasi Sistem SIKAP kepada mySIKAP. Bagi Operasi Terminal Bas pula, Ibu Pejabat sedang menyediakan SOP tugas di Terminal Bas dan mengambil kira pandangan Audit. Manakala Operasi Bersepadu, Motosikal Dan Pengarah, sistem mySIKAP yang dibangunkan telah mengambil kira keperluan menjana statistik penguatkuasaan. Di samping itu, sistem ini juga menyediakan pelaporan melalui modul Business Intelligence yang boleh mengeluarkan statistik berdasarkan kepada keperluan. Format laporan statistik telah dikemaskini dan siap pada 10 April 2014. Sistem mySIKAP sedang dibangunkan bagi memenuhi keperluan penjana laporan statistik mengikut format tersebut dan dijangka selesai pada penghujung bulan Jun 2014. Operasi Musim Perayaan pula, laporan keberkesanan penguatkuasaan setiap musim perayaan telah disediakan oleh JPJ dan dibentangkan di mesyuarat pengurusan. Laporan yang disediakan ini adalah berdasarkan kepada kes yang dikesan, laporan pemantauan, data kemalangan dan kematian Polis DiRaja Malaysia serta kajian yang dibuat oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia.

6.5.5. Perjawatan Peringkat Negeri Tidak Mengikut Waran

6.5.5.1. Mengikut Pekeliling Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Panduan Tatacara Permohonan Perjawatan Di Luar Pemeriksaan Anggaran Belanjawan Tahunan, sekiranya ada permohonan perjawatan meliputi penyusunan semula dari segi perubahan struktur dan fungsi, pengukuhan perjawatan kerana pewujudan pejabat baru dan penubuhan bahagian/cawangan baru di sesebuah agensi, agensi hendaklah mengemukakan permohonan perjawatan ke Jabatan Perkhidmatan Awam. Mengikut Waran Perjawatan Bil. K73/2012 yang diluluskan, jumlah pejabat di Negeri adalah terdiri daripada Bahagian Penguatkuasa Negeri, Pejabat Cawangan, Pejabat Kecil, Stesen Penguatkuasa (SPK) dan Stesen Kawalan Sempadan (SKS). Bahagian Penguatkuasa Negeri diketuai oleh Pengarah jawatan Pegawai Tadbir Dan Diplomatik/Pegawai Penguatkuasa Gred M48/N48/M44/N44.



6.5.5.2. Semakan Audit di 5 JPJ Negeri yang dilawati mendapati sebanyak 9 SPK dan 4 SKS ditubuhkan tanpa waran perjawatan. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada bukti JPJ memohon perjawatan kepada JPA bagi pejabat tersebut seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.8
PENUBUHAN PEJABAT TANPA WARAN PERJAWATAN

NEGERI	PEJABAT		JUMLAH	TAHUN PENYERAHAN/PENUBUHAN SPK/SKS
	SPK	SKS		
Kelantan	3 (Labok, Laloh, Kuala Balah)	3 (Rantau Panjang, Pengkalan Kubor, Bukit Bunga)	6	- SPK Labok diserahkan ke JPJ pada 5 Februari 1994 - SPK Laloh diserahkan ke JPJ pada 24 Julai 1996 - SPK Kuala Balah diserahkan ke JPJ pada 1 Januari 1996 - SKS Rantau Panjang dan SKS Pengkalan Kubor ditubuh pada 1 Januari 2000 - SKS Bukit Bunga ditubuh pada 21 Disember 2007
Selangor	2 (Bilik Kawalan KLIA, Banting)	-	2	- Bilik Kawalan KLIA ditubuh pada tahun 2005 - SPK Banting diserahkan ke JPJ pada 7 Jun 1996
Sabah	2 (Silam, Segama)	-	2	Tiada maklumat
Perak	1 (Grik)	1 (Pengkalan Hulu)	2	- SPK Grik diserahkan ke JPJ pada 17 Ogos 1993 - SKS Pengkalan Hulu ditubuh pada 1 Januari 2000
W.P. Kuala Lumpur	1 (Gombak)	-	1	- SPK Gombak diserahkan ke JPJ pada 10 Disember 1998
JUMLAH	9	4	13	

Sumber : Ibu Pejabat JPJ

6.5.5.3. Penubuhan SPK pada asalnya adalah di bawah Jabatan Kerja Raya sebagai pusat timbang kenderaan perdagangan yang dibina semasa pembinaan jalan raya. Penubuhan Bilik Kawalan KLIA (SPK) disebabkan keperluan bagi JPJ mewujudkan pejabat bagi melaksanakan aktiviti penguatkuasaan. Manakala penubuhan SKS disebabkan oleh Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Malaysia-Thailand pada 6 hingga 10 Julai 1993 yang telah memutuskan Kerajaan Malaysia akan menguatkuasakan peraturan kemasukan kenderaan persendirian Thailand ke Malaysia.

6.5.5.4. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak 3 Pejabat Kecil (PK) di Negeri Perak, 4 SPK di Negeri Selangor dan satu SPK di Negeri Sabah yang melibatkan 168 perjawatan yang telah diluluskan melalui waran perjawatan Bil. K73/2012 belum ditubuhkan seperti di **Jadual 6.9**. Hasil temu bual dengan pegawai JPJ mendapati pejabat tidak ditubuhkan di PK Parit Buntar, Slim River dan Selama kerana tiada peruntukan kewangan dan tanah. Perjawatan yang sama sebelum ini pernah diluluskan melalui waran Bil. 9 tahun 2008. Bagi SPK Kajang-Seremban (LEKAS) (Utara) dan (LEKAS) (Selatan) bangunan pejabat masih belum dibina oleh syarikat konsesi lebuhraya. Manakala bagi SPK Klang Selatan (SKVE) (Timur) dan (Barat), pejabat telah siap dibina oleh syarikat konsesi lebuhraya tetapi serahan masih belum dibuat kepada JPJ dan tiada

bangunan pejabat dibina bagi SPK Kota Marudu. Butiran terperinci adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.9
PEJABAT TIDAK DITUBUHKAN WALAUPUN ADA WARAN PERJAWATAN

NEGERI	PEJABAT ADA WARAN PERJAWATAN TETAPI PEJABAT TIDAK DITUBUHKAN		JUMLAH PERJAWATAN (ORANG)
	PEJABAT KECIL	SPK	
Selangor	-	Kajang-Seremban (LEKAS) (Utara)	21
		Kajang-Seremban (LEKAS) (Selatan)	21
		Klang Selatan (SKVE) (Timur)	21
		Klang Selatan (SKVE) (Barat)	21
Sabah	-	Kota Marudu	21
Perak	Parit Buntar	-	21
	Slim River		21
	Selama		21
JUMLAH			168

Sumber : JPJ

Pada pendapat Audit, pihak JPJ hendaklah menyelaraskan semula perjawatan di pejabat yang tidak ditubuhkan dengan pejabat yang tiada waran perjawatan.

Maklum Balas JPJ Yang Diterima Pada 28 April 2014

Perjawatan yang diluluskan untuk pejabat Parit Buntar, Slim River dan Selama berjumlah 63 perjawatan telah redeploy ke pejabat SPK Gerik (24 anggota), baki sebanyak 39 anggota telah redeploy ke pejabat Taiping dan Ipoh. Bagi perjawatan yang diluluskan untuk pejabat SPK LEKAS Utara, LEKAS Selatan, SKVE Timur dan SKVE Barat berjumlah 84 perjawatan telah redeploy ke pejabat JPJ Bangi, KLIA dan JPJ Padang Jawa. Manakala perjawatan SPK Kota Marudu berjumlah 21 perjawatan telah redeploy ke Pejabat Kecil Kota Marudu dan Pejabat JPJ Kota Kinabalu. Buat masa ini, JPJ dan JPA sedang mengadakan rundingan bagi pengukuhan semula organisasi JPJ secara keseluruhan dengan keutamaan untuk mewujudkan perjawatan di pejabat yang telah ada dan dijangka selesai pada 16 Mei 2014.

6.5.6. Kemudahan Asas Dan Penyenggaraan Pejabat

6.5.6.1. Bekalan Elektrik Ke SPK Segama, Lahad Datu, Sabah

- a. Peranan utama pejabat SPK ialah sebagai stesen timbang kenderaan perdagangan di bawah Seksyen 63 APJ 1987 dan ALPKP 1987. Bekalan elektrik adalah kemudahan asas yang diperlukan bagi sebuah pejabat di dalam melaksanakan operasi harian. Bekalan elektrik diperlukan bagi membolehkan mesin timbang beroperasi, di samping untuk menggunakan

peralatan pejabat seperti komputer, pencetak, mesin fotostat dan kemudahan pejabat seperti lampu dan penyaman udara.

- b. Lawatan Audit ke SPK Segama, Lahad Datu pada 20 Ogos 2013 mendapati pejabat ini masih belum dilengkapi dengan bekalan elektrik. Bekalan elektrik yang sedia ada diperolehi sepenuhnya daripada set generator sejak mula beroperasi pada tahun 1995 lagi. Semakan Audit mendapati SPK Segama mendapat bekalan petrol dari Lahad Datu yang berada pada jarak 36 km untuk kegunaan generator.
- c. Lawatan Audit juga mendapati satu unit generator (**Gambar 6.1**) yang dibekalkan pada tahun 1995 telah rosak pada bulan Disember 2007. SPK Segama kemudiannya pada bulan Januari 2008 dibekalkan dengan satu unit generator terpakai (**Gambar 6.2**) daripada JPJ Negeri Sabah. Hasil temu bual dengan pegawai JPJ di SPK Segama mendapati generator ini kerap mengalami kerosakan dan menyebabkan bekalan elektrik sering terputus dan proses penimbangan tidak dapat dilaksanakan. Semakan Audit mendapati JPJ Negeri Sabah telah menerima peruntukan berjumlah RM15,000 melalui waran bertarikh 5 Julai 2013 bagi pembaikan generator.

GAMBAR 6.1



*SPK Segama, Lahad Datu, Sabah
- Generator Yang Dibekalkan Pada
Tahun 1995 Telah Rosak
(20.08.2013)*

GAMBAR 6.2



*SPK Segama, Lahad Datu, Sabah
- Generator Yang Dibekalkan Pada Tahun 2008
Kerap Mengalami Kerosakan
(20.08.2013)*

- d. Selain daripada itu, JPJ Cawangan Lahad Datu telah memohon kerja pemasangan bekalan elektrik ke SPK Segama kepada JPJ Negeri Sabah pada 15 Mac 2012. Anggaran kerja adalah berjumlah RM95,354 dengan memperoleh bekalan elektrik dari Sekolah Kebangsaan Sandau. JPJ Negeri Sabah pula telah mengemukakan permohonan peruntukan penyenggaraan dan pembaikan di SPK Segama dan Pejabat Cawangan Tawau berjumlah RM155,535 kepada Pejabat Pembangunan Negeri Sabah pada 22 Jun 2012. Bagaimanapun, sehingga tarikh lawatan Audit masih tiada jawapan daripada pihak berkenaan.

Pada pendapat Audit, bekalan elektrik sepatutnya diberi perhatian serius supaya operasi pejabat JPJ dapat berjalan dengan lancar dan cekap.


Maklum Balas JPJ Yang Diterima Pada 27 Februari 2014

Tindakan telah diambil selepas teguran pihak Audit. Generator telah siap dibuat pembaikan pada 12 Ogos 2013. Mengenai bekalan elektrik di SPK Segama, pihak JPJ Sabah telah membuat permohonan peruntukan sejumlah RM95,974 kepada Pegawai Kemajuan Negeri, Negeri Sabah pada 22 Jun 2012. Bagaimanapun sehingga kini masih tiada jawapan diterima berhubung dengan permohonan tersebut.

6.5.6.2. Penyenggaraan Jalan Keluar SPK Telipok, Tuaran, Sabah

- a. Lawatan Audit pada 22 Ogos 2013 mendapati jalan keluar di SPK Telipok tidak dapat digunakan kerana jalan yang rosak akibat banjir. Mengikut maklum balas JPJ, sistem perparitan tidak berfungsi dengan baik menyebabkan pejabat SPK Telipok mengalami masalah banjir apabila hujan kerana tiada tempat air hujan mengalir keluar dan berlaku takungan air. Takungan air tersebut telah menyebabkan kerosakan pada tempat ruang meletak kenderaan dan jalan keluar bagi kenderaan yang telah ditimbang. Pada ketika ini jalan keluar di stesen timbang ini tidak dapat digunakan dan kenderaan terpaksa membuat pusingan U dan keluar melalui pintu masuk. Keadaan ini telah menyukarkan pihak JPJ dan pemandu kenderaan kerana mengganggu kerja penimbangan kenderaan.
- b. Semakan Audit mendapati pihak JPJ Negeri Sabah telah mengemukakan permasalahan takungan air di SPK Telipok kepada Setiausaha Persekutuan Sabah pada 16 Ogos 2012. Permohonan penyenggaraan untuk kerja pembaikan jalan masuk dan keluar pejabat SPK Negeri Sabah kepada Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah telah dibuat pada 15 Februari 2013. Bagaimanapun, sehingga tarikh lawatan Audit masih tiada jawapan daripada pihak berkenaan.
- c. Gambar keadaan banjir yang berlaku pada tahun 2012 dan gambar semasa lawatan Audit adalah seperti berikut:

GAMBAR 6.3



GAMBAR 6.4



*SPK Telipok, Tuaran, Sabah
- Kejadian Banjir Di Kawasan Pejabat Pada Tahun 2012
(Sumber : JPJ - 12.07.2012)*

GAMBAR 6.5



GAMBAR 6.6



SPK Telipok, Tuaran, Sabah
- Jalan Keluar Yang Rosak Akibat Banjir
(22.08.2013)

GAMBAR 6.7



SPK Telipok, Tuaran, Sabah
- Jalan Masuk Ke SPK Telipok Yang
Digunakan Untuk Keluar
(22.08.2013)

GAMBAR 6.8



SPK Telipok, Tuaran, Sabah
- Lori Yang Sedia Ditimbang Dan Lori
Yang Menunggu Untuk Ditimbang
Berada Jauh Di Belakang
(22.08.2013)

Pada pendapat Audit, kerja penyenggaraan perlu dilaksanakan dengan segera supaya operasi penimbangan dapat diuruskan dengan cekap dan juga bagi mengelakkan berlaku perkara yang lebih serius seperti kemalangan.

Maklum Balas JPJ Yang Diterima Pada 28 April 2014

JPJ Negeri Sabah telah menulis surat bertarikh 3 Mei 2013 kepada Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah memohon untuk membuat penilaian anggaran kos kerja-kerja pembaikan tetapi sehingga kini masih belum menerima jawapan daripada pihak JKR Sabah.

6.6. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan aktiviti penguatkuasaan boleh dipertingkatkan lagi supaya objektif Bahagian Penguatkuasa bagi meningkatkan tahap keselamatan jalan raya tercapai. Pihak JPJ dan Kementerian Pengangkutan disarankan supaya mengambil tindakan seperti berikut:

- 6.6.1. mengkaji peruntukan di bawah Seksyen 17(1) APJ 1987 sama ada perlu mengambil kira kesalahan di bawah APAD 2010 bagi tujuan keseragaman dan keberkesanan dalam penguatkuasaan;

6.6.2. mengkaji keperluan mewujudkan kaedah penguatkuasaan terhadap kenderaan asing yang diberi pengecualian *International Circulation Permit*;

6.6.3 memastikan rekod dan maklumat notis kesalahan/kertas siasatan/statistik penguatkuasaan/pemeriksaan teknikal bas sentiasa kemas kini serta laporan statistik kesalahan boleh dijana melalui sistem mySIKAP bagi memudahkan rujukan dan pemantauan; dan

6.6.4. menyelaraskan keperluan jawatan di Pejabat Kecil/Stesen Penguatkuasa/Stesen Kawalan Sempadan yang ada/tiada waran.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Dalam Buku Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2013 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

7. DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

- PENGURUSAN LESEN IKLAN /PAPAN TANDA DI KUALA LUMPUR

7.1. LATAR BELAKANG

7.1.1. Pengeluaran Lesen Iklan/Papan Tanda adalah satu mekanisme bagi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk mengawal dan memantau pemasangan iklan/papan tanda di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur. Bagi tempoh tahun 2010 hingga bulan Mei 2013, jumlah kutipan yang diperolehi daripada lesen iklan/papan tanda adalah berjumlah RM52.09 juta. Jabatan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pengurusan lesen iklan/papan tanda adalah Jabatan Pelesenan Dan Pengurusan Penjaja (JPPP); Jabatan Perancangan Bandar (JPRB); Jabatan Pengurusan Maklumat (JPM) dan Jabatan Kewangan. Antara undang-undang dan garis panduan yang memberi kuasa kepada DBKL untuk menguruskan lesen iklan/papan tanda adalah seperti berikut:

- i. Undang-undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan) 1982 dan pindaannya;
- ii. Garis Panduan Iklan Wilayah Persekutuan, Kementerian Wilayah Persekutuan; dan
- iii. Garis Panduan Pelesenan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

7.1.2. Pengurusan lesen iklan/papan tanda secara umumnya meliputi proses permohonan dan kelulusan; pengemaskinian maklumat lesen iklan/papan tanda secara berkomputer/manual; proses pembaharuan lesen iklan/papan tanda serta penguatkuasaan terhadap peraturan yang ditetapkan. Jenis Lesen Iklan/Papan Tanda yang diuruskan oleh DBKL pula ialah Iklan Papan Tanda Premis; Paparan Iklan Luar; Iklan Tiang Lampu; Iklan Belon; Iklan Kain Rentang dan Paparan Sementara. Butiran ringkas mengenai jenis lesen iklan/papan tanda utama dan peringkat proses pengeluaran lesen tersebut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.1
ANTARA JENIS LESEN IKLAN/PAPAN TANDA UTAMA DBKL

JENIS LESEN	KETERANGAN	KATEGORI
Iklan Papan Tanda Premis	Lesen untuk sesebuah premis yang meletakkan papan tanda di premis mereka. Premis meliputi: <ul style="list-style-type: none"> • Tidak Dilesenkan: Premis yang menjalankan perniagaan klinik; taska; pengurup wang; kolej/tuisyen; pejabat urusan dan bank; • Berlesen: Premis selain daripada yang tidak dilesenkan. 	Bagi Iklan Papan Tanda Premis Berlesen: <ul style="list-style-type: none"> • Komposit (lesen premis dan iklan) • Iklan
Paparan Iklan Luar	Lesen bagi paparan besar yang mengiklankan barangan, aktiviti atau perkhidmatan yang tidak semestinya dijual di mana pengiklanan itu ditempatkan. Paparan iklan luar dikategorikan mengikut: <ul style="list-style-type: none"> • Visual yang dipaparkan/dipamerkan; • Lokasi pemasangan iaitu sama ada terletak atas tanah, dinding dan bumbung bangunan, parapet jambatan, bumbung jejantas pejalan kaki dan tiang lampu jalan. 	Paparan Iklan <i>Billboard</i> ; Menara Setiang (Unipole/Minipole); Iklan Elektronik (LED); Iklan Langit; Iklan Dinding; Iklan Jejambat; Iklan Jejantas; Iklan Kekotak Berlampu; Tiang LRT/Monorel dan viaduk; Gantri dan Papan Tanda Tunjuk Arah

Sumber : Jabatan Pelesenan Dan Pengurusan Penjaja, DBKL

JADUAL 7.2
PERINGKAT PROSES PENGELUARAN LESEN IKLAN/PAPAN TANDA

PERINGKAT	JENIS LESEN	
	IKLAN PAPAN TANDA PREMIS	PAPARAN IKLAN LUAR
Permohonan	Permohonan boleh dibuat secara manual di Unit Iklan dan Eksais, JPPP ataupun secara <i>online</i> .	Permohonan boleh dibuat secara manual di JPRB. Permohonan yang mematuhi syarat akan dibawa untuk kelulusan Jawatankuasa Kelulusan Permit Sementara (JKKPS). Bagi permohonan yang telah diluluskan, pengeluaran lesen akan dibuat oleh Unit Iklan Dan Eksais, JPPP.
Pengemaskinian Maklumat	Maklumat mengenai latar belakang pemohon dan butiran permohonan; bayaran dan pengenaan kompaun direkodkan dalam Sistem Pengurusan Pelesenan Dan Penjaja Berkomputer (e-Lesen); Sistem Pengkomputeran SAP dan Sistem SP2U.	Maklumat butiran lesen dan data permohonan Paparan Iklan Luar pula dikemaskinikan secara manual serta secara berkomputer dalam <i>Billboard Management System</i> (BMS). Sistem ini bagaimanapun telah dihentikan mulai tahun 2009. Maklumat lokasi/tapak/koordinat turut dikemas kini dalam <i>Geographical Information System</i> (GIS).
Pembaharuan	Secara tahunan (Jabatan Kewangan)	Secara tahunan (JPPP)
Penguatkuasaan	Dilaksanakan oleh Unit Siasatan dan Penguatkuasaan, JPPP.	Dilaksanakan oleh Unit Iklan dan Eksais, JPPP

Sumber : Jabatan Pelesenan Dan Pengurusan Penjaja, DBKL

7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan lesen iklan/papan tanda di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur telah diurus dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

7.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pengutipan, pengrekodan dan pemantauan terhadap pengurusan lesen iklan/papan tanda di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur bagi tempoh tahun 2010 hingga bulan Mei 2013. Pengauditan telah dijalankan di pejabat JPPP; JPRB; JPM dan Jabatan Kewangan, DBKL. Pengauditan ini difokuskan kepada Lesen Iklan Papan Tanda Premis dan Lesen Paparan Iklan Luar.

7.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan pengurusan lesen iklan/papan tanda di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur. Selain itu, lawatan dan temu bual dengan pegawai berkaitan juga turut dijalankan di lokasi yang terlibat. *Exit Conference* bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur, Pegawai-pegawai Kanan DBKL, Unit Audit Dalam (UAD) Kementerian Wilayah Persekutuan dan wakil Peguam Negara telah diadakan pada 8 April 2013 di DBKL.



7.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Julai hingga September 2013 mendapati pengurusan Lesen Iklan/Papan Tanda di Kuala Lumpur telah menjana hasil fi lesen iklan/papan tanda berjumlah RM52.09 juta bagi tempoh tahun 2010 sehingga bulan Mei 2013. Bagaimanapun, didapati fi Lesen Iklan/Papan Tanda tidak dijelaskan/tertunggak sehingga bulan Disember 2012 bagi lesen Iklan Papan Tanda Premis dan Paparan Iklan Luar adalah masing-masing berjumlah RM128.14 juta dan RM10.21 juta. Antara kelemahan pengurusan Lesen Iklan/Papan Tanda adalah seperti berikut:

- i. proses permohonan lesen kurang mesra pengguna dan terdapat permohonan yang diluluskan sungguhpun tidak mematuhi syarat yang ditetapkan;
- ii. empat sistem maklumat yang dibangunkan untuk membantu menyimpan data penting mengenai Lesen Iklan/Papan Tanda seperti e-Lesen, Sistem SP2U dan *Geographical Information System* (GIS) tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya manakala *Billboard Management System* (BMS) tidak digunakan dan sebahagian maklumat penting berkaitan Lesen Iklan/Papan Tanda tidak dikemas kini;
- iii. ketidakpatuhan terhadap Undang-undang/Garis Panduan yang ditetapkan bagi lesen yang diluluskan seperti ketidakpatuhan syarat kelulusan; perubahan tapak/kategori iklan; struktur iklan yang tidak mematuhi peraturan ditetapkan dan kadar bayaran yang tidak konsisten;
- iv. kelemahan dalam proses pembaharuan dan pengurusan tunggakan fi yang menjejaskan terimaan/hasil DBKL; dan
- v. keberkesanan aspek penguatkuasaan yang meliputi pengenaan kompaun dan penurunan struktur lesen didapati kurang berkesan disebabkan kekangan antaranya terhadap faktor guna tenaga; logistik guna sama; aspek keselamatan pekerja dan gangguan/campur tangan daripada pihak ketiga.

7.5.1. Prestasi Aktiviti

7.5.1.1. Pencapaian Output

Bagi tempoh tahun 2010 sehingga bulan Mei 2013, Lesen Iklan Papan Tanda Premis Berlesen (Komposit) mencatat bilangan kelulusan dan permohonan tertinggi berbanding jenis yang lain, iaitu 14,952 lesen diluluskan dan 19,164 lesen dimohon. Bagi tempoh yang sama, Lesen Iklan Papan Tanda Premis Yang Tidak Dilesenkan mencatat peratusan kelulusan berbanding permohonan dibuat yang tertinggi iaitu 81.6%. Perbandingan antara tahun pula menunjukkan tahun 2012 mencatat peratusan kelulusan tertinggi berbanding tahun lain. Bagi Lesen Iklan Papan Tanda Premis yang telah diluluskan, akaun diwujudkan mengikut bilangan iklan/premis di Sistem SAP yang diuruskan oleh Jabatan Kewangan. Manakala kelulusan bagi Lesen Paparan Iklan Luar direkod secara

manual. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2013 (Mei), bilangan kelulusan bagi Lesen Paparan Iklan Luar adalah 151 lesen berbanding 1,123 lesen yang dimohon disebabkan oleh kekangan guna tenaga. Setakat bulan Mei 2013, bilangan akaun Lesen Iklan Papan Tanda Premis pula mencecah 138,958 akaun. Butiran permohonan dan kelulusan lesen iklan/papan tanda adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.3
MAKLUMAT PERMOHONAN DAN KELULUSAN LESEN IKLAN/PAPAN TANDA

LESEN IKLAN / PAPAN TANDA	TAHUN												JUMLAH		
	2010			2011			2012			2013 (MEI)					
	M	L	(%)	M	L	(%)	M	L	(%)	M	L	(%)	M	L	(%)
Iklan Papan Tanda Premis Berlesen (Komposit)	5,241	4,057	77.4	5,420	4,323	79.8	6,027	4,982	82.7	2,476	1,590	64.2	19,164	14,952	78.0
Iklan Papan Tanda Premis Berlesen (Iklan sahaja)	317	188	59.3	387	270	69.8	684	562	82.2	268	209	78.0	1,656	1,229	74.2
Iklan Papan Tanda Premis Tidak Dilesenkan	429	327	76.2	611	493	80.7	997	837	84.0	541	446	82.4	2,578	2,103	81.6
Paparan Iklan Luar	82	14	17.1	546	16	2.9	297	68	22.9	198	53	26.8	1,123	151	13.5

Sumber: Jabatan Pelesenan Dan Pengurusan Penjaja Dan Jabatan Perancangan Bandar, DBKL

Nota: M - Mohon L - Lulus

Pada pendapat Audit, *trend* bilangan dan peratusan lesen yang diluluskan berbanding yang dimohon adalah ditentukan oleh keperluan semasa.

7.5.1.2. Pencapaian Kewangan

Maklumat mengenai bayaran Lesen Iklan Papan Tanda Premis direkodkan dalam Sistem Pengkomputeran SAP manakala bagi Lesen Paparan Iklan Luar direkodkan secara manual. Pihak Audit mendapati rekod/statistik bayaran lesen paparan iklan luar berdasarkan tahun perakaunan tidak disediakan dengan teratur dan secara konsisten pada setiap tahun. Oleh yang demikian, pihak Audit tidak dapat menentukan kutipan hasil Lesen Paparan Iklan Luar bagi tempoh tahun 2010 sehingga bulan Mei 2013. Bagi tempoh tahun 2010 sehingga bulan Mei 2013, jumlah kutipan sebenar lesen iklan/papan tanda adalah berjumlah RM52.09 juta (83.0%) berbanding hasil yang dianggarkan yang berjumlah RM62.73 juta. Prestasi terimaan sebenar pada tahun 2011 dan 2012 dilihat melebihi hasil yang dianggarkan dengan peratusan masing-masingnya sebanyak 111.2% dan 124.3%. Butiran anggaran hasil dan kutipan sebenar Lesen Iklan/Papan Tanda bagi tempoh tahun 2010 sehingga bulan Mei 2013 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.4
ANGGARAN HASIL DAN KUTIPAN SEBENAR LESEN IKLAN/PAPAN TANDA

TAHUN	ANGGARAN HASIL (RM Juta)	KUTIPAN SEBENAR (RM Juta)	PERATUS (%)
2010	15.00	13.42	89.5
2011	16.73	18.60	111.2
2012	13.00	16.16	124.3
2013 (Sehingga bulan Mei)	18.00	3.91	21.7
JUMLAH	62.73	52.09	83.0

Sumber : Jabatan Kewangan, DBKL

Pada pendapat Audit, prestasi kutipan Lesen Iklan/Papan Tanda secara umumnya adalah tidak menentu mengikut tahun. DBKL perlu sentiasa berusaha untuk meningkatkan terimaan sebenar bagi sumber pendapatan. Ini memandangkan hasil daripada lesen iklan/papan tanda adalah signifikan kepada jumlah pendapatan DBKL.

7.5.2. Permohonan Lesen

7.5.2.1. Permohonan Lesen Iklan Papan Tanda Premis

- a. Permohonan lesen boleh dibuat secara manual ataupun *online*. Pemohon yang ingin memohon lesen secara manual perlu hadir mengisi borang permohonan dan mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan di pejabat JPPP, DBKL. Semakan Audit mendapati kaedah permohonan secara *online* ini tidak praktikal dan mesra pengguna, di mana pemohon dikehendaki hadir sendiri ke pejabat JPPP bagi mengemukakan dokumen sokongan untuk tujuan pengesahan oleh Pentadbiran JPPP dalam tempoh 7 hari daripada tarikh permohonan walaupun pemohon boleh memuat naik dokumen sokongan dalam talian.

Pada pendapat Audit, DBKL perlu menambah baik sistem permohonan secara *online* supaya lebih mesra pengguna dan menjimatkan masa.

Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014

JPPP telah membuat penambahbaikan ke atas sistem e-Lesen dengan pembangunan Sistem e-Lesen Fasa 2. Sistem ini sedang melalui Projek Percubaan mulai 20 Januari 2014.

- b. Mengikut Piagam Pelanggan JPPP, semua permohonan baru atau pembaharuan Lesen Iklan Papan Tanda Premis Berlesen yang lengkap dan mematuhi syarat ditetapkan akan diproses dalam tempoh 7 hingga 30 hari

bekerja tertakluk kepada penjenisan lesen. Pihak Audit mendapati terdapat kelewatan sehingga 72 hari dari tempoh yang ditetapkan melibatkan 16 daripada 80 permohonan Lesen Iklan Papan Tanda Premis Berlesen (Komposit) yang disemak semasa pengauditan dijalankan.

Pada pendapat Audit, kelewatan tersebut boleh menjejaskan hasil kutipan DBKL selain menimbulkan rasa ketidakpuasan hati pelanggan.

Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014

Kelewatan tersebut disebabkan bebanan tugas yang tinggi dan kelemahan dalam pemantauan kakitangan. Oleh itu, DBKL telah melantik Oracle Synergy Sdn. Bhd. untuk memperkemaskan sistem pemantauan terhadap permohonan lesen iklan papan tanda serta kutipan hasil lesen.

7.5.2.2. Permohonan Paparan Iklan Luar

Mulai dari bulan Oktober 2010, urusan permohonan lesen paparan iklan luar diselaraskan oleh JPRB. Dalam melaksanakan urusan tersebut, JPRB bertanggungjawab menguruskan penerimaan permohonan; urusan surat-menyurat; lawatan tapak sehingga kepada penyediaan laporan untuk pertimbangan/kelulusan Jawatankuasa Kelulusan Permit Sementara (JKKPS). Permohonan yang mematuhi syarat asas ditetapkan selanjutnya akan dikemukakan kepada JKKPS yang dianggotai oleh wakil daripada 7 Jabatan DBKL. JKKPS kemudiannya akan mengkaji permohonan dari aspek kesesuaian perancangan. Bagi permohonan yang telah dipertimbangkan kelulusannya oleh JKKPS, surat jawapan akan dihantar kepada pemohon lesen/operator pengiklanan (OP) dan salinannya dipanjangkan kepada JPPP. Semakan Audit terhadap permohonan Paparan Iklan Luar mendapati perkara berikut:

- a. Daripada sampel yang disemak, setiap permohonan oleh satu pemohon/ OP mengandungi 11 sehingga 50 tapak yang mana terdapat juga permohonan yang tidak disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap. Bilangan permohonan tapak yang dikemukakan akan dibentangkan dalam Mesyuarat JKKPS. Kesemua permohonan ini hanya diproses oleh seorang sahaja Juruteknik Kanan (J22) di JPRB. Bebanan tugas untuk Juruteknik berkenaan adalah berat memandangkan beliau bertanggungjawab menguruskan proses permohonan yang bermula daripada penerimaan permohonan sehingga kepada penyediaan laporan. Tiada sebarang bayaran proses dikenakan pada masa kini menyebabkan OP dengan mudahnya mengemukakan cadangan lokasi/tapak dalam jumlah yang banyak.



- b. Mengikut amalan terbaik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) lain seperti Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), permohonan pemasangan Paparan Iklan Luar diselaraskan oleh Jawatankuasa Pusat Setempat (*One Stop Centre - OSC*). Perkara tersebut juga pernah diputuskan di peringkat pengurusan DBKL sebagaimana yang dinyatakan dalam Minit Mesyuarat Status Paparan Iklan Luar pada 11 Oktober 2010 serta melalui makluman oleh Timbalan Pengarah Kanan, Jabatan Pemudah Cara Perniagaan dan Pengurusan Penjaja pada 11 Julai 2011. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati prosedur ini tidak pernah dilaksanakan sejak ianya diluluskan. Sehingga pengauditan selesai dijalankan, tiada bukti menunjukkan bahawa garis panduan/prosedur kerja telah disediakan untuk menyerahkan tanggungjawab menyelaraskan permohonan pemasangan paparan iklan luar kepada OSC DBKL.
- c. Kekangan terhadap kawalan dan pemantauan rapi permohonan lesen tersebut telah membuka ruang kepada berlakunya kes ketidakpatuhan oleh OP. Sebagai contoh, terdapat OP seperti Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP); Powerad Media Sdn. Bhd. dan Kualitas Bina yang telah membina struktur paparan iklan walaupun kelulusan belum diberikan. Pihak Audit difahamkan tindakan membina dahulu struktur sebelum memohon kelulusan telah menjadi amalan rutin kerana tiada bukti menunjukkan tindakan tegas telah diambil oleh DBKL terhadap mereka yang terlibat.
- d. Bagi membolehkan permohonan diproses, setiap pemohon/OP perlu mengemukakan permohonan berserta dokumen sokongan antaranya Salinan Gambaran Sebenar Papan Iklan Yang Dicadangkan Pada Gambar Tapak Lokasi Bersaiz A3; Surat Hak Milik/Perjanjian Penyewaan Bagi Tanah Persendirian dan Salinan Digital bagi dokumen sokongan. Semakan Audit bagaimanapun mendapati 8 daripada 10 permohonan yang disemak tetap diproses sungguhpun pemohon tidak menyertakan dokumen sokongan yang mencukupi.

Pada pendapat Audit, DBKL wajar menambah bilangan kakitangan di JPRB yang terlibat memproses permohonan paparan iklan luar sama ada secara *redeployment* atau jawatan baru sekiranya proses tersebut masih kekal diuruskan oleh Jabatan tersebut. Fi proses atas permohonan lokasi paparan iklan luar juga perlu dikenakan kepada OP agar mereka lebih komited dalam mengemukakan permohonan dan bagi menampung kos pengurusan. Bagi memudahkan urusan pemantauan pula, DBKL boleh menetapkan serta menghadkan lokasi tertentu yang sesuai untuk paparan iklan luar dengan mengambil kira aspek kuantiti; saiz; tempoh paparan dan kaedah paparan di lokasi tersebut tanpa menjejaskan persekitaran bandar raya.

Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014

Pihak pengurusan dalam proses mengkaji semula pengenaan fi pemprosesan bagi permohonan iklan paparan luar. Mulai bulan Januari 2014, permohonan Iklan turut dirujuk kepada Jawatankuasa Pusat Setempat II untuk pertimbangan. Tindakan penurunan khususnya terhadap paparan iklan luar yang besar seperti unipole dan billboard tidak dapat dijalankan secara menyeluruh kerana memerlukan kepakaran dan logistik khusus. Untuk menangani masalah ini, DBKL sedang dalam proses untuk melantik kontraktor bagi menurunkan papan iklan yang tidak berlesen, di mana tawaran mengenyainya telah diiklankan pada 24 April 2014.

Sebahagian daripada permohonan tetap diproses walaupun tidak menyertakan dokumen sokongan yang lengkap kerana masih boleh dipertimbangkan untuk dibuat penilaian perancangan.

7.5.3. Pengurusan Sistem Maklumat Lesen Iklan/Papan Tanda

DBKL telah menggunakan 5 sistem maklumat berkomputer bagi aktiviti pelesenan. Maklumat mengenai latar belakang pemohon dan butiran permohonan; bayaran dan pengenaan kompaun bagi Iklan Papan Tanda Premis direkodkan dalam Sistem Pengurusan Pelesenan Dan Penjaja Berkomputer (e-Lesen); Sistem Pengkomputeran SAP dan Sistem SP2U. Manakala butiran lesen dan data permohonan Paparan Iklan Luar pula direkodkan dalam *Billboard Management System* (BMS) dan *Geographical Information System* (GIS). Keterangan ringkas sistem maklumat berkomputer tersebut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.5
SISTEM MAKLUMAT BERKOMPUTER YANG MEREKODKAN
MAKLUMAT LESEN IKLAN/PAPAN TANDA**

SISTEM MAKLUMAT BERKOMPUTER	PERIHAL	KOS PEMBANGUNAN SISTEM (RM Juta)
Sistem Pengurusan Pelesenan Dan Penjaja Berkomputer (e-Lesen)	<ul style="list-style-type: none"> Dibangunkan oleh Tetuan Virtual Towers Sdn. Bhd. pada bulan September 2002 dan siap sepenuhnya pada bulan Jun 2005. Mula digunakan pada bulan April 2006. Bertujuan memproses semua jenis permohonan lesen di bawah JPPP. 	1.19
Sistem Pengkomputeran SAP	<ul style="list-style-type: none"> Merupakan pangkalan data bagi semua rekod pembayaran Lesen Iklan Papan Tanda dengan mewujudkan Akaun Pelanggan berasingan. Diuruskan oleh Jabatan Kewangan. 	TM
Sistem SP2U	<ul style="list-style-type: none"> Dibangunkan oleh Jabatan Pengurusan Maklumat pada 3 Julai 2009 berdasarkan arahan Datuk Bandar Kuala Lumpur. Diguna pakai oleh Unit Siasatan dan Penguatkuasaan, JPPP. Bertujuan menyimpan maklumat asas yang berkaitan dengan notis kompaun sehingga pengurusan mahkamah. Sistem ini merekodkan maklumat Notis Peringatan, Notis Aduan ke Mahkamah, Kertas Pertuduhan dan Saman serta merekodkan aktiviti di mahkamah sehingga sesuatu kes diselesaikan. 	TM
<i>Billboard Management System</i>	<ul style="list-style-type: none"> Dibangunkan oleh Tetuan Quantum Sigma Sdn Bhd. (QSSB) secara Rundingan Terus pada 14 April 2006. Menggunakan teknologi mikrofrekuensi <i>Radio Frequency Identification</i> (RFID) untuk memudahkan sistem pemantauan dan penguatkuasaan paparan iklan yang diluluskan oleh DBKL. I-tag yang dipasang di 	1.60 (Kos asal)

SISTEM MAKLUMAT BERKOMPUTER	PERIHAL	KOS PEMBANGUNAN SISTEM (RM Juta)
	<p>paparan iklan akan menghantar gelombang radio yang mempunyai kod identiti unik kepada <i>handheld</i> RFID reader yang dibekalkan kepada pasukan penguatkuasaan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Antara data yang dirancang untuk dipaparkan dalam sistem ialah imej iklan, tarikh lesen dikeluarkan, tarikh luput lesen, pemegang lesen, nombor lesen, jenis paparan iklan, lokasi, saiz iklan dan status pembayaran. 	
<i>Geographical Information System</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Digunakan oleh JPRB untuk mengemas kini maklumat mengenai data permohonan paparan iklan luar sehingga proses kelulusan oleh JKKPS. Sistem ini turut digunakan oleh JPRB untuk mengemas kini setiap tapak/koordinat/peta lokasi paparan iklan luar yang dimohon sejak tahun 2011. 	TM

Sumber: *Jabatan Perancangan Bandar Dan Jabatan Pelesenan Dan Pengurusan Penjaja, DBKL*

Nota : TM - Tiada Maklumat

Semakan Audit terhadap pengurusan sistem maklumat berkomputer mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

7.5.3.1. Sistem Pengurusan Pelesenan Dan Penjaja Berkomputer (e-Lesen)

- a. Berdasarkan temu bual dengan pegawai dan kakitangan JPPP, mereka tidak mempunyai keyakinan penuh terhadap maklumat yang dijana daripada pangkalan data e-Lesen kerana ia didapati tidak tepat dan mempunyai ralat seperti berikut:
 - Tempoh lesen yang dicatatkan tidak berubah;
 - Maklumat syarikat dan pemohon sering hilang atau bertukar;
 - Lesen sementara masih boleh diperbaharui walaupun belum memohon pembaharuan;
 - Permohonan iklan ditolak tetapi pada surat keputusan dicetak lulus dan tiada dinyatakan jumlah fi lesen;
 - Maklumat permohonan lesen yang dikeluarkan berubah apabila dicetak pada masa yang berlainan; dan
 - Kurang mesra pengguna disebabkan pemohon yang memohon secara *online* tidak boleh memuat naik dokumen yang dilampirkan.
- b. Mengikut perancangan, Sistem e-Lesen dibangunkan bagi menyimpan maklumat seperti pendaftaran permohonan; imbasan dokumen lampiran; edaran siasatan/ulasan melibatkan kakitangan dalaman dan agensi luar; penyediaan dan pelaksanaan mesyuarat; penyediaan bil lesen; surat keputusan dan bayaran. Bagaimanapun, didapati maklumat pembayaran tidak dimasukkan ke dalam Pangkalan Data sistem ini, sebaliknya maklumat bayaran tersebut hanya dikendalikan oleh Jabatan Kewangan melalui Sistem Pengkomputeran SAP. Pihak Audit juga mendapati JPPP hanya bertindak menguruskan proses permohonan dan kelulusan lesen sahaja, manakala

proses pembayaran dilaksanakan melalui Sistem SAP oleh Jabatan Kewangan. Data bayaran tersebut juga tidak boleh diakses melalui Sistem e-Lesen kerana tiada migrasi data daripada Sistem SAP. Keadaan tersebut menyukarkan JPPP untuk mengenal pasti sama ada pelesen telah menjelaskan pembayaran bagi lesen barunya atau membaharui lesen lamanya kerana ketiadaan rekod berkaitan di Sistem e-Lesen.

Pada pendapat Audit, pihak DBKL perlu menambah baik dan meningkatkan kualiti Sistem e-Lesen dengan berusaha mencari penyelesaian terhadap masalah dan kelemahan sistem sedia ada. Untuk penyelesaian jangka pendek, Jabatan Kewangan DBKL perlu mengemukakan maklumat komprehensif berhubung pembayaran lesen kepada JPPP supaya Fail Individu Pelanggan dapat dikemaskinikan.

Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014

JPPP telah membuat penambahbaikan ke atas sistem e-Lesen dengan pembangunan Sistem e-Lesen Fasa 2. Sistem ini telah diguna pakai mulai 20 Januari 2014. Melalui sistem ini maklumat mengenai kewangan telah diintegrasikan dengan sistem yang diguna pakai oleh Jabatan Kewangan. JPPP boleh membuat semakan mengenai data-data pembayaran yang dibuat oleh Pelesen.

7.5.3.2. Sistem SP2U

Berdasarkan temu bual dengan pegawai di Unit Siasatan Dan Penguatkuasaan; JPPP, Sistem SP2U tidak dapat digunakan sepenuhnya. Sungguhpun sistem ini dibangunkan bagi menyimpan maklumat asas yang berkaitan kompaun bermula dari pengeluaran notis kompaun sehingga kes diselesaikan di mahkamah, namun sistem ini didapati hanya merekodkan maklumat mengenai bilangan kompaun dan maklumat asas mengenainya sahaja (tidak termasuk nilai kompaun).

Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014

Sistem yang dibangunkan ini hanya merekodkan maklumat bilangan kompaun sahaja. JPPP telah memaklumkan kepada Jabatan Pengurusan Maklumat (JPM) supaya mengambil kira maklumat nilai kompaun (untuk tujuan semakan). JPM telah mengambil tindakan penambahbaikan terutamanya maklumat rekod pembayaran mulai tahun 2011. Bayaran diterima melalui Sistem ePBT masih perlu diintegrasikan dengan Sistem SP2U.



7.5.3.3. Sistem Pengurusan Paparan Iklan (Billboard Management System)

- a. Projek BMS pada asalnya telah ditawarkan kepada Tetuan Quantum Sigma Sdn. Bhd. (QSSB) dengan harga kontrak berjumlah RM1.60 juta. Bagaimanapun, kos keseluruhan projek ini telah meningkat kepada RM1.89 juta melalui pengeluaran Arahan Perubahan Kontrak (APK) No.1 yang berjumlah RM285,630. Mengikut perjanjian kontrak asal, pihak kontraktor hendaklah menyiapkan pembangunan projek ini dalam tempoh 7 bulan iaitu bermula dari 15 Jun 2006 sehingga 14 Januari 2007, di mana skop pembangunan hanya meliputi data paparan iklan yang berlesen sahaja. Namun setelah diluluskan Lanjutan Tempoh Kontrak 1 (EOT No.1), tempoh sebenar tempoh pembangunan projek ini ialah selama 10 bulan bermula dari 15 Jun 2006 sehingga 14 April 2007. Setelah EOT No.1 diluluskan, satu Arahan Perubahan Kontrak (APK) telah juga diluluskan dan tempoh kontrak setelah mengambil kira APK adalah pada 14 April 2009. Dalam tempoh kuat kuasa kontrak ini, QSSB telah diluluskan untuk menjalankan kerja-kerja arahan perubahan kontrak selama 4 bulan sehingga 14 Mac 2009. Skop kerja APK meliputi pembelian tambahan 4 *handheld reader*, 200 unit i-Tag, pemasangan dan pengujian 299 unit i-Tag. Adalah difahamkan keperluan APK ini tidak dibincangkan dengan pihak pengguna iaitu JPPP. Sehingga tarikh tamat kontrak, kerja-kerja APK tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana Unit Iklan JPPP tidak dapat menyediakan 157 data iklan yang perlu ditag dan kegagalan QSSB untuk memenuhi keperluan proses kerjanya.
- b. Pihak Jabatan Audit Dalam, DBKL telah menjalankan pengauditan terhadap Projek BMS pada tahun 2008 dan mendapati projek ini telah gagal mencapai objektif yang ditetapkan. Antara kelemahan yang telah dibangkitkan kepada pihak pengurusan DBKL adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.6
KELEMAHAN BMS YANG DIBANGKITKAN OLEH JABATAN AUDIT DALAM

PERKARA	ISU BERBANGKIT
Koordinasi Antara Jabatan	<ul style="list-style-type: none"> Tiada koordinasi antara jabatan pelaksana (Jabatan Pengurusan Maklumat - JPM) dengan Jabatan Pengguna (JPPP). Perancangan, skop pembangunan projek dan perjanjian dengan kontraktor ditetapkan dan disediakan oleh JPM tanpa penglibatan dan mengambil kira keperluan JPPP.
Maklumat Yang Luput Dikunci Masuk	<ul style="list-style-type: none"> Maklumat pelesenan yang tidak kemas kini/luput dibekalkan oleh JPPP untuk dimasukkan dalam BMS. 31% daripada maklumat <i>billboard</i> yang diberikan oleh JPPP kepada JPM telah tamat tempoh/luput.
Masalah Pemasangan/ Pengesahan i-Tag	<ul style="list-style-type: none"> Mengikut kontrak, sebanyak 700 unit i-Tag bernilai RM367,500 (RM525.00 seunit) perlu dibekalkan. Berdasarkan kontrak, QSSB sepatutnya memasang 585 unit sahaja dan baki 115 lagi adalah untuk simpanan. Bagaimanapun, pihak JPM mengesahkan QSSB telah memasang 601 unit i-Tag dan hanya 99 unit yang masih belum dipasang. Adalah difahamkan bagi 601 i-Tag yang dipasang di semua jenis iklan dan semua zon, lokasi pemasangan hanya ditentukan oleh JPM dan QSSB tanpa melibatkan JPPP. Daripada sejumlah 601 yang dipasang, JPPP hanya dapat mengesahkan lokasi 286 unit sahaja. Ini kerana pemasangan i-Tag yang dibuat pada lampu isyarat dan papan petunjuk arah berdekatan akibat lokasi iklan <i>billboard</i> yang tinggi serta untuk mengelakkan vandalisme tidak dimaklumkan kepada JPPP. Kaedah pemasangan i-Tag hanya dilekatkan dengan menggunakan <i>double-sided tape</i> mengakibatkan sejumlah tag telah hilang atau disebabkan dibuang oleh pemilik iklan/vandalisme.

PERKARA	ISU BERBANGKIT
Bateri I-Tag Cepat Lemah	<ul style="list-style-type: none"> Berdasarkan kontrak, i-Tag yang dibekalkan akan menggunakan bateri litium CR2032 yang tahan 10 tahun. Daripada maklum balas JPM DBKL, sistem BMS RFID telah ditetapkan untuk mampu bertahan selama 455 hari. Namun daripada pemantauan yang dibuat setahun selepas pemasangan tag, didapati 80% tag tidak dapat dibaca disebabkan bateri gagal berfungsi.
Kelemahan Handheld Reader (HHR)	<ul style="list-style-type: none"> Berdasarkan kontrak, spesifikasi bacaan HHR boleh mencecah sehingga jarak maksimum 30 meter. Bagaimanapun, pemeriksaan oleh DBKL mendapati jarak bacaan sebenar hanya dalam lingkungan 5 hingga 10 meter sahaja dan tidak sesuai pada paparan iklan yang berada jauh dari jalan utama seperti <i>unipole</i> serta paparan iklan yang tinggi seperti iklan dinding/langit/jejambat/jejantas. HHR juga mudah rosak dan sukar untuk mendapatkan bacaan i-Tag. Maklumat/data dalam HHR juga bermasalah dan diragui ketepatannya. Sebagai contoh, maklumat lokasi tag dalam pangkalan data BMS tidak sama dengan kedudukan sebenar pemasangan tag di lokasi.
Ketiadaan Maklumat Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> Maklumat yang disediakan hanya mengandungi maklumat pentadbiran dan pelesenan sahaja. Tiada maklumat kewangan seperti nombor akaun SAP dan kadar bayaran lesen disediakan dalam pangkalan data.

Sumber : Jabatan Audit Dalam Dan Jabatan Pengurusan Maklumat, DBKL

- c. Lanjutan daripada penilaian semula oleh Jawatankuasa Penilaian Projek BMS dan kelemahan yang dibangkitkan oleh Unit Audit Dalam, projek BMS telah diberhentikan mulai 17 Julai 2009 melalui keputusan Minit Mesyuarat Kemajuan Tindakan Terhadap Pemerhatian Unit Audit Dalam bertarikh 10 April 2009. Bayaran Akhir telah dibuat kepada kontraktor pada 16 November 2011 setelah mengambil kira potongan berjumlah RM70,885.90 disebabkan prestasi kerja kontraktor yang tidak memuaskan semasa tempoh kontrak. Namun *database* dan sistem aplikasi (sehingga 2009) masih wujud di *Data Centre* Jabatan Pengurusan Maklumat (JPM). Berdasarkan Minit Mesyuarat Penilaian Terhadap Perjanjian Asal Dan Pelaksanaan Projek BMS bertarikh 12 Ogos 2009 pula, Jawatan Kuasa Mesyuarat telah memutuskan JPPP perlu menggunakan BMS selagi paparan iklan masih mempunyai i-Tag dan operasi pemantauan Paparan Iklan Luar perlu memanfaatkan penggunaan BMS. Bagaimanapun sehingga tarikh pengauditan ini dijalankan, JPPP memaklumkan sistem tersebut sudah tidak diguna pakai lagi.

Pada pendapat Audit, projek bernilai RM1.89 juta ini merupakan satu pembaziran. Sekiranya BMS yang telah dibangunkan masih relevan dan boleh dimanfaatkan, usaha perlu diambil oleh DBKL untuk membuat penilaian semula terhadap impak penggunaan BMS dengan turut mengambil kira analisis kos faedah daripada projek tersebut.

Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014

Berdasarkan kepada pelaksanaan kerja di lapangan, JPPP mendapati sistem BMS tidak lagi relevan dan telah ditamatkan.

7.5.3.4. Geographical Information System (GIS)

Mulai tahun 2011, JPRB telah menggunakan perisian GIS untuk mengemas kini maklumat permohonan lesen Paparan Iklan Luar yang diluluskan oleh JKKPS termasuklah maklumat mengenai setiap tapak/koordinat/peta lokasi paparan iklan luar yang dimohon. Mengikut perancangan, maklumat fizikal permohonan lesen tersebut perlu dikemas kini oleh JPRB manakala maklumat status pengeluaran lesen perlu dikemas kini oleh JPPP. Bagaimanapun sehingga pengauditan selesai dijalankan, GIS masih belum diguna pakai di JPPP dan keadaan ini menyukarkan operasi pemantauan/penguatkuasaan terhadap lesen tersebut oleh Jabatan ini.

Pada pendapat Audit, JPPP perlu memperoleh perisian GIS seterusnya bekerjasama/mengadakan penyelarasan dengan pihak JPRB dan JPM untuk mengemas kini maklumat lesen Paparan Iklan Luar sebagaimana yang dirancang supaya memudahkan pemantauan dan penguatkuasaan.

Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014

Jabatan Perancangan Bandar telah melantik kontraktor untuk mengemaskini data GIS dan kerja tersebut dijangka dapat disiapkan pada bulan Oktober 2014.

7.5.4. Pematuhan Undang-Undang/Garis Panduan Bagi Lesen Yang Telah Diluluskan

7.5.4.1. Pematuhan Syarat Selepas Kelulusan

Selepas permohonan paparan iklan luar diluluskan oleh JKKPS, pengeluaran lesen akan diuruskan oleh Unit Iklan Dan Eksais, JPPP tertakluk kepada pematuhan kesemua syarat lesen dalam surat kelulusan kepada OP seperti berikut:

- Menjelaskan bayaran fi lesen;
- Menjelaskan bayaran deposit/cagaran (antara RM2,000 hingga RM20,000 bergantung pada jenis Paparan Iklan Luar);
- Mengemukakan polisi insurans perlindungan awam (bagi struktur berukuran 40' panjang);
- Mendapatkan kelulusan pelan struktur daripada Jabatan Reka Bentuk Dan Bangunan DBKL;
- Mengemukakan Laporan Tahunan Pemeriksaan Struktur Oleh Jurutera Bertauliah; dan
- Mengemukakan bukti bayaran Lesen Menduduki Sementara (LMS) bagi struktur didirikan atas tanah Kerajaan.

Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- a. Bagi semakan terhadap Iklan *Unipole* yang melibatkan 12 syarikat OP, semakan Audit mendapati 10 (83.3%) daripadanya tidak mengemukakan wang deposit; 11 (91.7%) daripadanya tidak mengemukakan polisi insurans perlindungan awam dan Laporan Tahunan Pemeriksaan Struktur oleh Jurutera Bertauliah; manakala 8 (66.7%) daripadanya tidak membayar LMS seperti diperlukan.
- b. Selain daripada Iklan *Unipole*, bagi kategori Iklan *Billboard* dan Paparan Elektronik (LED), adalah didapati daripada 32 syarikat OP yang disemak, sebanyak 21 (65.6%) daripadanya tidak mengemukakan polisi insurans perlindungan awam, 28 (87.5%) tidak mengemukakan Laporan Tahunan Pemeriksaan Struktur Paparan Iklan yang disahkan oleh Jurutera Bertauliah dan 30 (93.7%) daripadanya tidak membayar LMS seperti diperlukan. Bagi semua (100%) Iklan *Unipole* dan *Billboard* juga, kelulusan pelan struktur daripada Jabatan Rekabentuk Dan Bangunan DBKL tidak diperoleh untuk disertakan. Manakala bagi kategori Iklan Jejambat; Iklan Dinding dan Iklan Langit, 17 (89.5%) daripada 19 pelesen yang disemak gagal dan lewat menjelaskan bayaran deposit dalam tempoh antara 91 hingga 742 hari.
- c. Adalah difahamkan Unit Iklan dan Eksais masih menerima bayaran fi lesen jika OP tampil untuk membayarnya sungguhpun tanpa menjelaskan bayaran deposit dan mengemukakan dokumen lain yang disyaratkan. Ini kerana OP dikhuatiri tidak akan datang semula untuk menjelaskan fi bayaran tersebut serta mematuhi syarat lain yang ditetapkan. Kegagalan OP mematuhi syarat lesen tersebut akan meningkatkan kos tambahan operasi serta tidak menjaga kepentingan DBKL. Wang deposit yang dibayar contohnya akan digunakan sebagai cagaran untuk memastikan OP mematuhi syarat lesen manakala Laporan Tahunan Pemeriksaan Struktur dan Polisi Insurans Perlindungan Awam adalah untuk menjamin kepentingan Kerajaan.

Pada pendapat Audit, Unit Iklan Dan Eksais perlu mengambil tindakan tegas untuk memastikan semua syarat dipatuhi. Berdasarkan Undang-undang Kecil Iklan umpamanya, mana-mana orang yang melanggar mana-mana syarat dalam sesuatu lesen adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM2,000 atau dihukum penjara bagi tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya sekali. Tiada bukti yang menunjukkan pihak Unit Iklan Dan Eksais pernah mengenakan denda seperti ditetapkan walaupun OP tidak mematuhi syarat-syarat lesen sepenuhnya.

Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014

DBKL telah mengambil tindakan dengan menghantar notis kepada semua OP paparan iklan untuk mengemukakan apa juga dokumen yang tidak lengkap untuk direkodkan mulai bulan Mac 2014. OP diberi tempoh satu bulan dari tarikh notis



untuk melengkapkan dokumen tersebut. Jika terdapat OP yang ingkar, tindakan penurunan akan diambil ke atas paparan iklan tersebut kerana tidak mematuhi syarat pemasangan paparan iklan. Bayaran lesen akan hanya diterima setelah syarat-syarat pemasangan papan iklan tersebut dipatuhi oleh OP.

7.5.4.2. Perubahan Tapak/Kategori Iklan Selepas Kelulusan

a. Tetuan Seni Jaya Sdn. Bhd

Seni Jaya Sdn. Bhd. (SJSB) telah diluluskan lesen untuk mendirikan paparan iklan jenis tunggal (satu muka) berukuran 9m x 4m dan berlampu atas Lot Tanah 2495 Mukim Kuala Lumpur (Lebuhraya Persekutuan berhampiran Kg. Kerinchi) pada 28 April 1986. Bagaimanapun, didapati SJSB sebaliknya telah mendirikan iklan jenis *V-shaped Unipole* di tapak lain iaitu di Lot Tanah 2483 sungguhpun pihak DBKL tidak pernah menerima sebarang permohonan daripada SJSB untuk perubahan tersebut. Fi lesen yang dikenakan adalah berdasarkan iklan jenis tunggal dan bukannya jenis *V-shaped Unipole*. Adalah difahamkan pihak DBKL tidak pernah membuat sebarang lawatan di kawasan tersebut walaupun bayaran lesen SJSB untuk tapak tersebut telah tertunggak sejak tahun 1998 dan sehingga kini ia berjumlah RM512,560. Kesan daripada kegagalan membuat pemantauan/penguatkuasaan, DBKL bukan sahaja telah mengalami kerugian hasil yang tinggi malah telah menghadapi kesulitan di mana kes SJSB untuk lokasi tersebut telah dicabar di mahkamah oleh tuan tanah terlibat.

Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014

Tapak SJSB untuk iklan unipole telah diluluskan pada 28 April 1986 di mana terdapat kerja pembesaran jalan menyebabkan tapak tersebut terpaksa dianjak ke tapak lain. Sejak SJSB berpindah tapak, kelulusan tapak lama sepatutnya dibatalkan tetapi tiada tindakan pembatalan dilakukan menyebabkan adanya tunggakan terhadap tapak lama. Penganjakan tapak baru SJSB adalah di tanah persendirian dan tidak mendapat kelulusan tuan tanah hingga menjadi kes mahkamah. Pihak DBKL tidak melesenkan tapak baru tersebut dan masih menunggu sehingga kes mahkamah selesai.

b. Persatuan Bola Sepak Kuala Lumpur (PBKL)


Kelulusan telah diberikan oleh JKKPS kepada Persatuan Bola Sepak Kuala Lumpur (PBKL) untuk mendirikan paparan iklan luar jenis *billboard* pada 21 September 2010. Bagaimanapun, pihak PBKL telah mendirikan iklan jenis *Unipole* dan perubahan kategori yang berlainan ini tidak diluluskan oleh JKKPS sebaliknya hanya oleh Timbalan Ketua Pengarah, Sosio-Ekonomi melalui Minit Bebas pada 23 Julai 2012. Semakan Audit selanjutnya mendapati PBKL telah melanggar syarat lesen asalnya kerana telah

mendirikan *Unipole* di 5 lokasi sebelum mendapat kelulusan daripada DBKL. Tiada tindakan diambil oleh pihak DBKL terhadap PBKL walaupun pihak berkenaan telah dengan jelasnya melanggar syarat penting lesen yang telah diluluskan. Butiran perubahan kategori iklan dan gambar lokasi berkaitan adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 7.7
PERUBAHAN KATEGORI PAPARAN IKLAN LUAR

LOKASI	TARIKH KELULUSAN JKKPS	KATEGORI DAN SAIZ IKLAN YANG DILULUSKAN JKKPS	PENUKARAN KATEGORI SAIZ IKLAN	CATATAN
Jln. Yew berdekatan Fraser Park	21.09.2010	<i>Billboard</i> (10' x 40')	<i>Unipole</i> (60' x 40' - 2 muka)	Paparasi Iklan jenis <i>Unipole</i> telah didirikan di semua lokasi sebelum kelulusan diperolehi.
Jln. Kuching berdekatan Sentul Link Flyover, susur dari Jln. Mahameru	21.09.2010	<i>Billboard</i> (10' x 40')	<i>Unipole</i> (40' x 60' - 2 muka)	
Jln. Loke Yew berdekatan Bangunan PNMB (Tapak A)	21.09.2010	<i>Billboard</i> (10' x 40')	<i>Unipole</i> (40' x 60' - 2 muka)	
Jln. Loke Yew berdekatan Bangunan PNMB (Tapak B)	21.09.2010	<i>Billboard</i> (10' x 40')	<i>Unipole</i> (40' x 60' - 2 muka)	
Jln. Loke Yew berdekatan SJK (C) Naam Kheung	21.09.2010	<i>Billboard</i> (10' x 40')	<i>Unipole</i> (40' x 60' - 2 muka)	-
Jln. Loke Yew berdekatan Taman Miharja	21.09.2010	<i>Billboard</i> (10' x 40')	<i>Unipole</i> (40' x 60' - 2 muka)	-
Jln. Sungai Besi susur keluar ke Jln. Istana	22.09.2010	<i>Billboard</i> (10' x 40')	<i>Unipole</i> (40' x 60' - 2 muka)	Struktur Paparasi Iklan jenis <i>Unipole</i> telah didirikan di semua lokasi sebelum kelulusan diperolehi.

Sumber : Jabatan Perancangan Bandar Dan Jabatan Pelesenan Dan Pengurusan Penjaja, DBKL



GAMBAR 7.1

*Jalan Sungai Besi Susur Keluar Ke Jalan Istana
- Iklan Unipole Bersaiz 40'x60' Didirikan
Sebelum Kelulusan Diperoleh
(17.05.2013)*

Pada pendapat Audit, tindakan tegas perlu diambil terhadap mana-mana OP yang melanggar syarat-syarat lesen, terutamanya berhubung perubahan lokasi dan kategori iklan selain daripada kelulusan asal.

Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014

DBKL telah menghantar notis kepada PBKL. Namun, tiada sebarang tindakan dari pihak tersebut. Perkara ini telahpun dirujuk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat II untuk mendapat arahan selanjutnya.

7.5.4.3. Iklan Papan Tanda Premis/Paparan Iklan Luar Yang Tidak Mematuhi Garis Panduan Iklan

a. Kajian Penilaian Semula Oleh DBKL

Bagi Iklan Papan Tanda Premis, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada terdapat kajian pematuhan telah dijalankan kerana tiada maklumat mengenainya. Manakala bagi Paparan Iklan Luar, satu kajian penilaian semula struktur Paparan Iklan Luar di Kuala Lumpur telah dijalankan oleh JPPP dan JPRB pada bulan November 2012 untuk menentukan sama ada iklan sedia ada tersebut telah mematuhi Garis Panduan (GP) Iklan Kementerian Wilayah Persekutuan. Kajian tersebut meliputi struktur yang mempunyai kelulusan (mempunyai permit) dan struktur yang tidak mempunyai kelulusan (tiada permit/secara haram). Hasil daripada kajian tersebut, pihak DBKL mendapati 398 daripada 406 (98%) daripada struktur papan iklan yang telah diberi kelulusan permit dan telah didirikan tidak mematuhi GP berkenaan. Manakala bagi struktur yang tiada permit kelulusan, 119 daripada 126 (94.4%) tidak mematuhi kehendak GP Iklan. Secara amnya, ketidakpatuhan meliputi aspek jarak ditetapkan daripada bahu jalan; jarak daripada ruang pejalan kaki; jarak antara papan iklan lain; jarak dengan persimpangan serta aspek reka bentuk/saiz papan iklan. OP yang gagal mematuhi peraturan telah diberikan tempoh 12 bulan untuk tindakan pembetulan sebelum tindakan penurunan iklan dijalankan. Butiran kajian Paparan Iklan Luar yang mempunyai kelulusan yang tidak mematuhi GP mengikut pecahan zon adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.8
PERATUSAN PEMATUHAN GP MENGIKUT PECAHAN ZON

ZON	JUMLAH STRUKTUR	PERATUS PEMATUHAN (%)	
		TIDAK MEMATUHI	MEMATUHI
Batu dan Kepong	90	97.8	2.2
Bukit Bintang			
Wangsa Maju, Setiawangsa dan Titiwangsa	75	97.3	2.7
Cheras, Bandar Tun Razak dan Seputeh	129	97.7	2.3
Lembah Pantai dan Segambut	104	98.1	1.9

Sumber: Jabatan Pelesenan Dan Pengurusan Penjaja, DBKL

Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014

Selaras dengan garis panduan baru yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada bulan Januari 2009 dan Kementerian Wilayah Persekutuan pada bulan Disember 2012, DBKL mula menggunakan garis panduan baru tersebut mulai bulan Disember 2012. DBKL juga dalam proses untuk mengenal pasti paparan iklan yang lama sama ada boleh dikekalkan atau diturunkan. Paparan iklan yang tidak sesuai perlu diberi notis setahun untuk penurunannya dan kegagalan OP berbuat demikian akan disusul oleh tindakan penurunan oleh pihak DBKL sendiri. Manakala tapak-

tapak yang sesuai untuk didirikan paparan iklan luar sedang dalam proses untuk diberi secara tender kepada OP. Setakat ini, sebanyak 239 paparan iklan luar di 26 jalan sekitar Kuala Lumpur sedang dibuat banciaan oleh pihak DBKL dan banciaan dijangka tamat pada pertengahan bulan Mei 2014.


b. Lawatan Fizikal Audit

Pihak Audit telah membuat lawatan bersama dengan Unit Siasatan Dan Penguatkuasaan JPPP dengan mengambil 30 sampel Iklan Papan Tanda Premis sekitar Jalan Kovil Hilir, Sentul; Batu 2½, Jalan Ipoh dan Jalan Prima, Kepong pada 9 September 2013. Bagi Paparan Iklan Luar, 20 sampel telah dipilih meliputi 3 zon, di mana lawatan Audit telah dibuat daripada 24 hingga 26 September 2013. Daripada lawatan tersebut, pihak Audit mendapati beberapa ketidakpatuhan terhadap GP seperti berikut:

i. Nombor Kelulusan Lesen dan Nama/Nombor Pendaftaran Syarikat Tidak Dipamerkan

Antara syarat lesen yang diperlu dipatuhi, Pelesen/OP perlu mencatatkan nombor kelulusan lesen di bahagian bawah sebelah kiri serta nama dan nombor pendaftaran syarikat di bahagian bawah sebelah kanan papan iklan yang dipasang. Sekiranya gagal berbuat demikian, lesen akan ditarik balik oleh DBKL. Lawatan Audit ke beberapa tapak lokasi mendapati terdapat paparan iklan yang gagal mematuhi syarat tersebut seperti di gambar berikut:

GAMBAR 7.2



*Jalan Raja Abdullah Kg. Baru
- Iklan Jejantas Yang Tidak Mempamerkan
Nama Syarikat Dan Nombor Kelulusan Lesen
(25.09.2013)*

GAMBAR 7.3



*Jalan 10/27a, Wangsa Maju
- Billboard Yang Tiada Nombor
Kelulusan Lesen>Nama Pemilik
(25.09.2013)*

GAMBAR 7.4



Jalan Prima, Pusat Niaga Metro, Kepong
- Papan Tanda Yang Tidak Memaparkan
No. Lesen Iklan DBKL
(09.09.2013)

GAMBAR 7.5




Jalan Prima, Pusat Niaga Metro, Kepong
- Papan Tanda Yang Tidak Memaparkan
No. Lesen Iklan DBKL
(09.09.2013)

Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014

Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada bulan Januari 2009. Bagaimanapun, pelaksanaannya hanya dikuatkuasakan oleh DBKL pada bulan Oktober 2010. Bagi paparan iklan luar yang diluluskan sebelum tempoh tersebut, pentadbiran DBKL masih lagi mengekalkan kelulusannya. Pihak DBKL juga telah membuat banciaan terhadap kesemua paparan iklan luar dan notis pematuhan akan dikeluarkan kepada OP yang gagal mematuhi syarat yang ditetapkan. Jika tidak, kompaun akan dikeluarkan terhadap OP yang melanggar syarat.

ii. Pemasangan Iklan Dalam Kawasan Rizab Sungai

Berdasarkan GP Iklan, paparan iklan tidak dibenarkan dipasang di laluan awam atau infrastruktur umum bagi mengelakkan gangguan atau halangan ke atas struktur yang ditempatkan di dalam rizab sesuatu infrastruktur kecuali mendapat kelulusan agensi pengawal rizab. Semakan Audit mendapati Persatuan Bola Sepak Kuala Lumpur (KLFA) telah mendirikan paparan iklan *unipole* di kawasan rizab sungai yang dikawal selia oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran Wilayah Persekutuan (JPS WP) tanpa mendapatkan kebenaran/kelulusan terlebih dahulu daripada agensi terlibat. Pihak JPS WP telah membuat aduan pada tahun 2012 mengenai pembinaan paparan iklan *unipole* di lokasi Jalan Tun Razak berhampiran Sekolah Menengah Kebangsaan Maxwell, Seksyen 48, Kuala Lumpur. Semasa lawatan Audit ke lokasi berkenaan, iklan *unipole* tersebut masih berada di lokasi tersebut seperti di **Gambar 7.6**. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan bahawa tindakan susulan seperti mengeluarkan saman atau arahan untuk menurunkannya diambil oleh pihak DBKL walaupun aduan telah diterima.



GAMBAR 7.6

*Jalan Tun Razak
- Pemasangan Unipole Dalam Kawasan
Rizab Sungai Oleh KLFA
(24.09.2013)*


Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014

DBKL telah menghantar notis kepada PBKL. Namun, tiada sebarang tindakan dari pihak tersebut. Perkara ini telahpun dirujuk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat II untuk mendapat arahan selanjutnya.

iii. Tempoh Kelulusan Tapak/Lokasi Tidak Dihadkan

Berdasarkan amalan pihak DBKL, adalah didapati kelulusan paparan iklan luar tidak dihadkan tempoh pemasangannya. Tiada garis panduan diwujudkan bagi menetapkan tempoh yang dihadkan untuk membenarkan kelulusan paparan iklan luar kepada satu-satu pelesen/OP yang dilanjutkan. Contohnya, sekiranya sesuatu lokasi telah diluluskan, lokasi terlibat dianggapkan sebagai milik OP secara mutlak walaupun kelulusan Lesen Menduduki Sementara (LMS) tidak diperoleh daripada Pejabat Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan (bagi kes melibatkan struktur yang didirikan atas tanah Kerajaan). Sekiranya kelulusan LMS diperoleh, tempoh sah laku LMS sepatutnya hanya dihadkan kepada 3 tahun. Gambar berikut adalah contoh tempoh paparan iklan luar yang melebihi 11 hingga 23 tahun bagi OP yang terdiri daripada syarikat/persatuan, di mana kelulusan diperoleh sejak tahun 1990 hingga 2002.

GAMBAR 7.7



*Jalan Ipoh - Jalan Segambut
- Kelulusan Billboard Milik Pelesen Terlalu
Lama iaitu Sejak Tahun 1992
(24.09.2013)*

GAMBAR 7.8



*Jalan Pantai Baru Simpang Masuk UM
- Kelulusan Billboard Pelesen Terlalu
Lama iaitu Sejak Tahun 1997
(24.09.2013)*

iv. Lokasi Paparan Iklan Tidak Sesuai

Berdasarkan Garis Panduan Iklan Kementerian Wilayah Persekutuan, paparan iklan bertiang saiz besar (60' x 20') tidak dibenarkan berada dalam jarak 500 meter (1,640 kaki) dari persimpangan jalan dan kawasan persimpangan serta tidak dibenarkan di zon perdagangan termasuk kawasan perdagangan kejrangan. Lawatan Audit mendapati ada paparan iklan bertiang saiz besar telah didirikan di persimpangan jalan dan tidak mematuhi ketetapan tersebut seperti di gambar berikut:



GAMBAR 7.9

*Persimpangan Jalan Tun Razak - Jalan Semarak
- Unipole Yang Dipasang Tidak Mematuhi
Jarak Ditetapkan
(24.09.2013)*

v. Jarak Antara Paparan Iklan Terlalu Dekat

Bagi pemasangan paparan iklan bersaiz sederhana (40' x 10') di jalan-jalan yang menampung kelajuan kurang daripada 80 km sejam, jarak antara 2 papan iklan ialah 500 meter. Lawatan Audit mendapati terdapat paparan iklan bertiang saiz sederhana (billboard) yang telah didirikan di persimpangan jalan dan jarak antara satu billboard dengan yang lain adalah terlalu dekat dan tidak mematuhi ketetapan tersebut seperti di gambar berikut:

GAMBAR 7.10



*Jln. Jelatek - Jln. Enggang
- Jarak Antara Billboard Terlalu Dekat
Dan Tidak Mematuhi Ketetapan
(25.09.2013)*

GAMBAR 7.11



*Jln. Genting Klang - Wangsa Maju
- Jarak Antara Billboard Terlalu Dekat
Dan Tidak Mematuhi Ketetapan
(24.09.2013)*

vi. Pemasangan Visual Sivik Tidak Dipamer Pada Paparan Iklan Kosong

Secara dasar, pihak DBKL telah meminta OP supaya mempamerkan visual mesej sivik pada paparan iklan kosong supaya tidak menjejaskan

pemandangan. Sekiranya gagal berbuat demikian, tindakan pembatalan lesen dan menurunkan paparan iklan akan diambil tanpa sebarang notis dan segala kos kerja dituntut daripada OP. Bagaimanapun, terdapat paparan iklan kosong tidak mematuhi dasar yang ditetapkan dan pihak DBKL tidak mengambil sebarang tindakan terhadap ketidakpatuhan tersebut. Contoh lokasi yang terlibat adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 7.12



*Persimpangan Jalan Ipoh - Jalan Segambut
- Paparan Iklan Kosong Yang
Menjejaskan Pemandangan
(25.09.2013)*

GAMBAR 7.13



*Pusat Bandar Sri Hartamas Menuju PJ/Damansara
- Paparan Iklan Kosong Yang
Menjejaskan Pemandangan
(25.09.2013)*

Pada pendapat Audit, tindakan tegas perlu diambil terhadap mana-mana OP yang melanggar Garis Panduan Iklan yang ditetapkan.

Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014

Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan pada bulan Januari 2009. Bagaimanapun, pelaksanaannya hanya dikuatkuasakan oleh DBKL pada bulan Oktober 2010. Bagi paparan iklan luar yang diluluskan sebelum tempoh tersebut, pentadbiran DBKL masih lagi mengekalkan kelulusannya.

Kementerian Wilayah Persekutuan juga telah mengeluarkan Garis Panduan Papan Iklan pada bulan Disember 2012 dan telah dikuatkuasakan oleh DBKL mulai tempoh tersebut. Notis pematuhan juga telah dikeluarkan kepada semua OP untuk mematuhi Garis Panduan dan syarat kelulusan antaranya seperti jarak antara paparan iklan dan pemasangan visual sivik pada papan iklan yang kosong.

7.5.5. Pembaharuan Dan Tunggakan Lesen

Berdasarkan Undang-undang Kecil (UUK) Iklan (Wilayah Persekutuan) 1982, permohonan untuk memperbaharui lesen hendaklah dibuat sebelum tarikh tamatnya lesen itu dan hendaklah disertakan dengan bayaran fi lesen sebagaimana ditetapkan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

7.5.5.1. Iklan Papan Tanda Premis

- a. Pihak Audit tidak dapat menentukan statistik sebenar bagi pelesen Iklan Papan Tanda Premis yang telah memperbaharui lesen premisnya memandangkan maklumat lengkap mengenainya tidak dikemukakan sehingga pengauditan selesai dijalankan. Bagaimanapun, berdasarkan semakan terhadap 100 sampel Akaun Lesen Iklan Papan Tanda Premis Berlesen mendapati 22 (22.0%) daripadanya tidak menjelaskan bayaran lesen bagi tujuan pembaharuan, di mana nilai bayaran adalah antara RM100 hingga RM5,250. Manakala 20 (33.3%) daripada 60 Akaun Lesen Iklan Papan Tanda Premis Tidak Dilesenkan didapati tidak menjelaskan bayaran lesen bagi tujuan pembaharuan, di mana nilai bayaran adalah antara RM1,100 hingga RM7,800.
- b. Kegagalan memperbaharui lesen telah menyebabkan jumlah lesen tidak dijelaskan/tertunggak meningkat dengan ketara. Mengikut rekod perakaunan Sistem Pengkomputeran SAP, jumlah fi Lesen Iklan Papan Tanda Premis yang tidak dijelaskan/tunggakan sehingga bulan Mei 2013 adalah berjumlah RM144.15 juta, iaitu kenaikan 95.7% daripada jumlah yang direkodkan pada tahun 2007 iaitu berjumlah RM73.66 juta. Bagi tempoh tahun 2010 hingga Mei 2013, kadar peningkatan tunggakan tahunan adalah antara 8.7% hingga 12.5%.

Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014

Bayaran lesen yang tidak dijelaskan pada tahun terdahulu tidak dianggap sebagai tunggakan sebaliknya hasil kutipan lesen hanya boleh diiktiraf sekiranya bayaran tunai dijelaskan pada tahun semasa. Bagi mengelakkan lesen tidak dibayar, beberapa langkah telah diambil antaranya seperti mengeluarkan Notis Pemberitahuan Pembaharuan Lesen (3 bulan sebelum lesen tamat; memantau di lapangan melalui OPS LESEN secara mingguan dan mengeluarkan kompaun kepada OP yang gagal menjelaskan bayaran lesen.

7.5.5.2. Paparan Iklan Luar

- a. Berdasarkan semakan, didapati komitmen OP dalam memperbaharui lesen adalah kurang memuaskan sebaliknya menjadi inisiatif DBKL untuk memperingatkan dan mengeluarkan notis/surat pembaharuan lesen kepada OP pada setiap tahun. Kesannya, bayaran fi iklan yang tidak dijelaskan oleh pelesen telah meningkat dengan ketara dari setahun ke setahun. Pada tahun 2008, jumlah hasil lesen yang tidak dijelaskan/tertunggak adalah berjumlah RM2.80 juta dan ia telah meningkat kepada RM10.20 juta (peningkatan peratus tunggakan sebanyak 266.7%) pada tahun 2012. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.9
TUNGGAKAN TERKUMPUL FI LESEN PAPARAN IKLAN LUAR

JENIS IKLAN LUAR	TAHUN 2008		TAHUN 2012	
	BIL. LESEN	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)	BIL. LESEN	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)
Paparan Iklan <i>Billboard</i>	83	985,306	317	2,957,082
Menara Setiang (<i>Unipole/Minipole</i>)		616,480	21	1,839,707
Paparan Elektronik	-	-	12	20,980
Iklan Dinding	6	294,000	81	2,123,500
Iklan Langit	7	222,424	37	366,053
Iklan Jejambat	5	306,240	74	1,812,440
Iklan Jejantas	10	63,920	39	220,700
Iklan Gantry	61	296,640	58	577,880
Iklan Monorel LRT/Viaduk/Pier	-	-	94	291,540
Petunjuk Arah Pelancongan	-	-	190	-
Paparan Iklan Kekotak Berlampu	-	-	-	-
JUMLAH	172	2,785,010	923	10,209,882

Sumber : Jabatan Pelesenan Dan Pengurusan Penjaja, DBKL

- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati daripada 10 sampel pelesen/OP yang disemak, 8 (80%) daripadanya tidak menjelaskan bayaran lesen tertunggak berjumlah RM4.23 juta dan ada yang telah tertunggak sejak tahun 2001. Adalah didapati juga Unit Iklan dan Eksais JPPP telah mengambil tindakan susulan dengan mengeluarkan Surat Notis Peringatan Terakhir/Notis Panggilan Bayaran Lesen Paparan Iklan pada 16 Ogos 2012. Butiran tunggakan bayaran lesen setakat tahun 2012 bagi sampel yang disemak adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.10
TUNGGAKAN BAYARAN SETAKAT TAHUN 2012
BAGI SAMPEL LESEN PAPARAN IKLAN LUAR YANG DISEMAK

PELESEN/OP	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)	TEMPOH TUNGGAKAN	JUMLAH LOKASI	CATATAN
Majlis Sukan Kuala Lumpur	1,390,708	2001 - 2012	5	-
Seni Jaya Sdn. Bhd.	1,381,467	2006 - 2012	15	-
Ganad Media Sdn. Bhd.	1,245,079	2003 - 2012	42	Selepas rayuan, pihak DBKL meluluskan tunggakan yang perlu dibayar RM327,240
Comweb Sdn. Bhd.	80,732	2007 - 2012	4	-
Artworld Advertising Sdn. Bhd.	69,200	2003 - 2012	2	-
Tamadun Gemilang Sdn. Bhd.	44,023	2008 - 2012	7	-
Persatuan Bola Sepak Kuala Lumpur	18,760	2012	2	-
Kelab Sukan DBKL	1,650	2000 - 2012	12	Kadar fi lesen yang dikenakan hanya RM10 dan RM20
JUMLAH	4,231,619			

Sumber : Jabatan Pelesenan Dan Pengurusan Penjaja, DBKL


- c. Pihak Audit difahamkan bahawa antara sebab utama bayaran tertunggak sukar dijelaskan adalah kerana penggunaan istilah lesen itu sendiri. Berdasarkan istilah lesen, lesen hanya boleh dikutip untuk tempoh semasa dan tunggakan tidak berlaku sekiranya pelesen/OP tidak membayarnya untuk tempoh terdahulu. Berdasarkan amalan sekarang, DBKL tidak dapat mengutip bayaran terdahulu yang belum dijelaskan sekiranya pelesen/OP enggan membayarnya. Contoh Paparan Iklan Luar yang tidak dijelaskan bayaran lesen pemasangannya oleh OP yang berkaitan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 7.14



*Lebuhraya Persekutuan Berdekatan Kg. Kerinchi
- Unipole Yang Tidak Dijelaskan Bayaran Lesen
(24.09.2013)*

GAMBAR 7.15



*Jalan Maarof Dekat Masjid Saidina Abu Bakar
- Billboard Yang Tidak Dijelaskan Bayaran Lesen
(24.09.2013)*

- d. Bagi tujuan memperbaharui Lesen Paparan Iklan Luar, JPPP menghendaki pelesen mematuhi syarat-syarat antaranya seperti menjelaskan bayaran lesen tahunan; menjelaskan bayaran tunggakan lesen; mengemukakan Laporan Pemeriksaan Struktur Paparan Iklan oleh Jurutera Bertauliah dan mengemukakan Polisi Insurans Perlindungan Awam (public liability). Daripada butiran 19 pelesen yang disemak, 16 (84%) daripadanya gagal mematuhi syarat-syarat tersebut sepenuhnya tetapi lesen mereka masih diperbaharui oleh pihak DBKL.

Pada pendapat Audit, tindakan yang lebih tegas perlu diambil terhadap pelesen/OP yang tidak menjelaskan bayaran lesen, terutamanya terhadap pelesen/OP yang mempunyai nilai tunggakan yang besar dan bagi tempoh yang terlalu lama. Bancian semasa perlu dijalankan untuk penurunan iklan-iklan terlibat dan notis saman perlu dikeluarkan terhadap Pelesen/OP yang melanggar syarat pelesenan. Jika istilah lesen akan menghalang tindakan mengutip balik semua bayaran yang tidak dijelaskan, pihak PUU DBKL perlu mencari alternatif penyelesaian supaya tunggakan dapat dikutip balik untuk meningkatkan hasil DBKL.

Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014

Bayaran Lesen Paparan Iklan Luar dibuat secara manual melalui pengeluaran bil lesen oleh Unit Iklan dan Eksais. Pembayaran tidak memerlukan nombor akaun. Notis Panggilan Bayaran dikeluarkan pada setiap tahun kepada OP mengikut lokasi yang diluluskan. DBKL juga sedang menguruskan pelantikan kontraktor bagi operasi penurunan paparan iklan luar yang gagal membayar lesen iklan.

DBKL juga sedang dalam proses untuk mengadakan perbincangan dengan Jabatan Peguam Negara bagi mendapatkan penyelesaian terhadap fi lesen yang tidak dijelaskan supaya dapat dikutip balik walaupun telah melangkaui tempoh yang sepatutnya.

7.5.6. Penguatkuasaan

7.5.6.1. Tindakan penguatkuasaan perlu dilaksanakan secara sistematik, berterusan dan berkesan agar Pelesen/OP sentiasa mematuhi peruntukan undang-undang dan syarat-syarat lesen. Secara umumnya, pihak DBKL juga telah menjalankan tindakan penguatkuasaan seperti mengenakan kompaun dan tindakan penurunan pemasangan iklan papan tanda premis/paparan iklan luar sama ada yang tidak berlesen/haram/dibatalkan kelulusannya. Bagi iklan papan tanda premis, tindakan penguatkuasaan dijalankan dua kali seminggu oleh Unit Siasatan Dan Penguatkuasaan, JPPP mengikut jadual kawasan ditetapkan. Unit tersebut mempunyai seramai 34 pegawai penguatkuasa yang bertanggungjawab terhadap tindakan penguatkuasaan di 11 kawasan Parlimen Kuala Lumpur. Manakala bagi paparan iklan luar, tindakan penguatkuasaan telah dipertanggungjawabkan kepada Skwad Ronda Iklan, Unit Iklan dan Eksais, JPPP. Skwad tersebut dianggotai oleh seramai 26 pegawai/kakitangan di bawah seliaan pegawai berjawatan Gred N41. Kawasan yang perlu diliputi bagi menjalankan penguatkuasaan paparan iklan luar merangkumi 5 zon yang terdiri daripada 11 kawasan Parlimen di Kuala Lumpur.

7.5.6.2. Semakan Audit mendapati operasi penguatkuasaan yang dijalankan oleh Unit Siasatan Dan Penguatkuasaan, JPPP bagi Iklan Papan Tanda Premis adalah ditetapkan olehnya sendiri tanpa berbincang dengan Unit Iklan dan Eksais yang terlibat dalam pengeluaran lesen kelulusan. Manakala bagi operasi penguatkuasaan yang dijalankan oleh Unit Iklan Dan Eksais untuk Paparan Iklan Luar, pihak Audit difahamkan bahawa kakitangan yang sedia ada di bawah Unit tersebut adalah tidak mencukupi untuk menjalankan operasi penguatkuasaan meliputi keluasan 5 zon di sekitar Kuala Lumpur. Selain terlibat dengan penguatkuasaan terhadap iklan, mereka juga terlibat menjalankan tindakan menurunkan paparan iklan, bunting dan *banner* yang tidak berlesen/tidak mematuhi syarat; menjalankan kerja siasatan/pemeriksaan atas permohonan e-Lesen; menjalankan tindakan sitaan ke atas premis hiburan/permainan dalam



Ops Khas serta membuat siasatan dan menyediakan laporan aduan awam. Semakan Audit selanjutnya mendapati perkara berikut:

a. Kompaun

Apabila tindakan penguatkuasaan dijalankan, perinyu/penguatkuasa akan mengeluarkan Notis Kompaun terhadap OP/pemohon lesen yang tidak mematuhi peraturan ditetapkan, antaranya tidak mempunyai lesen atau tidak memperbaharui lesennya. Notis Kompaun ini adalah dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan) 1982. Semakan mendapati perkara berikut:

- i. Bagi iklan papan tanda premis, bilangan Notis Kompaun yang direkodkan dalam Sistem SP2U bagi tempoh tahun 2010 sehingga bulan Jun 2013 adalah antara 238 hingga 416 kes. Bagaimanapun, nilai kompaun yang terlibat tidak dapat dikenal pasti kerana tiada maklumat mengenainya dikemas kini di dalam sistem tersebut. Butirannya seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.11
JUMLAH NOTIS KOMPAUN YANG DIKELUARKAN**

TAHUN	TEMPOH			JUMLAH
	JANUARI	JUN	DISEMBER	
2010	98	190	128	416
2011	100	73	89	262
2012	53	39	146	238
2013 (Sehingga Jun)	269	45	TB	314
JUMLAH	520	347	363	1,230

Sumber : Jabatan Pelesenan Dan Pengurusan Penjaja, DBKL

- ii. Semakan Audit selanjutnya terhadap 80 fail premis perniagaan yang dikenakan kompaun mendapati 43 (53.8%) daripadanya masih tidak menjelaskan kompaun sehingga tarikh pengauditan. Pihak Audit juga mendapati tiada tindakan susulan bagi mengutip kompaun yang dikeluarkan memandangkan tiada data/daftar lengkap mengenai status kompaun yang dikeluarkan.
- iii. Bagi paparan iklan luar, semakan Audit mendapati terdapat penurunan yang ketara bagi bilangan kompaun yang dikeluarkan iaitu antara 65.7% (870 kes) hingga 73.2% (679 kes) bagi tahun 2011 dan 2012 berbanding tahun 2010 (2,534 kes). Penurunan ini didapati tidak selaras dengan peningkatan jumlah fi lesen tidak dijelaskan bagi paparan iklan luar sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 7.5.5.2 (a).

Pada pendapat Audit, Unit Siasatan Dan Penguatkuasaan, JPPP perlulah memasukkan data lengkap mengenai kompaun ke dalam sistem bagi memudahkan urusan pemantauan terhadap premis yang tidak berlesen atau telah tamat tempohnya. Jabatan Pengurusan Maklumat juga perlulah bekerjasama dan memberi pendedahan kepada pegawai di Unit Siasatan Dan Penguatkuasaan bagi memudahkan penggunaan sistem tersebut.

Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014

Skuad Ronda yang bertanggungjawab untuk menjalankan tindakan penguatkuasaan ke atas iklan-iklan haram di kawasan Kuala Lumpur telah ditubuhkan. Mulai bulan September 2012, perjawatan di JPPP telah ditambahbaik di mana terdapat penambahan bilangan Pembantu Tadbir (2 orang kepada 4 orang) dan Pekerja Am (12 orang kepada 30 orang).

Bagi paparan iklan luar, bilangan kompaun dan jumlah fi lesen adalah tidak selaras kerana pada tahun 2010 dan 2013 Unit Penguatkuasaan JPPP telah melaksanakan satu operasi pemutihan khas (Task Force) di mana operasi tersebut menumpukan perhatian kepada pengeluaran kompaun terhadap mana-mana OP yang gagal mematuhi syarat yang ditetapkan. Manakala pada tahun 2011 dan 2012, unit penguatkuasaan JPPP telah memberi fokus kepada operasi lain seperti cyber cafe; hiburan dan juga premis.

b. Penurunan Struktur Iklan Papan Tanda Premis/Paparan Iklan Luar

Berdasarkan Undang-undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan) 1982, tindakan pengeluaran notis penurunan dan tindakan penurunan struktur iklan papan tanda premis/paparan iklan boleh diambil sekiranya pelesen/OP gagal mematuhi syarat ditetapkan. Antara kesalahan yang boleh diambil tindakan adalah seperti tidak membayar lesen atau lesen tanpa kelulusan/haram/dibatalkan kelulusan. OP diminta untuk memberikan sebarang maklum balas serta menjalankan tindakan penurunan struktur dalam tempoh yang ditetapkan daripada tarikh notis dikeluarkan. Sekiranya tiada sebarang maklum balas/tindakan selepas notis dikeluarkan, JPPP akan menjalankan operasi penurunan iklan. Operasi tersebut akan dijalankan bersama dengan pekerja awam dari Jabatan Kejuruteraan & Mekanikal. Ke kerapannya operasi penurunan struktur iklan yang dijalankan oleh DBKL adalah 3 kali seminggu. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- i. Bagi operasi penurunan struktur paparan iklan luar, didapati ia tidak dijalankan secara menyeluruh. Semakan Audit terhadap maklumat status lesen iklan tersebut pada 15 Jun 2012 mendapati JPPP hanya menjalankan operasi penurunan terhadap paparan iklan luar yang didirikan tanpa mendapat kelulusan sahaja dan tidak termasuk paparan iklan luar yang tidak dibayar lesen iklan.



- ii. Didapati JPPP tidak menyediakan bancian serta mengumpul maklumat yang lengkap mengenai statistik iklan papan tanda premis dan paparan iklan luar yang tidak berlesen pada setiap tahun. Berdasarkan semakan, bancian terakhir yang dijalankan oleh JPPP hanya dibuat pada Disember 2009. Berdasarkan maklumat tersebut, terdapat sejumlah 505 struktur iklan tanpa lesen seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.12
STATISTIK IKLAN PAPAN TANDA PREMIS DAN
PAPARAN IKLAN LUAR TANPA LESEN PADA DISEMBER 2009**

ZON	JENIS IKLAN						JUMLAH
	BILLBOARD	UNIPOLE	LED	DINDING	LANGIT	PAPAN TANDA PREMIS	
Batu dan Kepong	12	1	-	3	2	110	128
Wangsa Maju, Setiawangsa dan Titiwangsa	19	-	2	1	4	36	62
Bukit Bintang	11	-	1	24	13	110	159
Cheras, Bandar Tun Razak dan Seputeh	43	1	-	2	3	52	101
Lembah Pantai dan Segambut	26	3	-	5	1	20	55
JUMLAH	111	5	3	35	23	328	505

Sumber : Jabatan Pelesenan Dan Pengurusan Penjaja, DBKL

- iii. Semakan Audit selanjutnya terhadap statistik operasi penurunan iklan untuk tempoh 2008 sehingga bulan April 2013 mendapati pihak DBKL lebih memberi tumpuan terhadap operasi penurunan Iklan Kain Rentang; Tiang Lampu; Iklan Poster dan lain-lain jenis iklan kecil yang bertempoh sementara berbanding 2 jenis iklan utama iaitu Iklan Papan Tanda Premis dan Paparan Iklan Luar. Bagaimanapun usaha untuk menurunkan iklan-iklan tersebut hanya untuk sementara waktu sahaja kerana ia akan dipasang semula oleh pemilik dengan mudah dalam jangka waktu yang singkat. Selain itu, fi lesen daripada iklan tersebut tidak begitu signifikan jika dibandingkan dengan fi Iklan Papan Tanda Premis dan Paparan Iklan Luar. Butiran statistik tindakan penurunan iklan tanpa lesen dan operasi penurunan struktur iklan adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 7.13
STATISTIK TINDAKAN PENURUNAN IKLAN TANPA LESEN
BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA BULAN APRIL 2013**

JENIS IKLAN	TAHUN					
	2008	2009	2010	2011	2012	2013*
Iklan Kain Rentang	1,053	1,685	791	709	1,023	423
Iklan Tiang Lampu	23,900	77,066	30,677	42,268	54,231	12,473
Iklan Poster	3,311	22,256	17,125	17,378	13,571	-
Iklan Kecil (Plumbing dll)	5,240	37,827	22,494	32,450	32,965	15,920
Iklan Petunjuk Arah	452	288	275	254	245	-

JENIS IKLAN	TAHUN					
	2008	2009	2010	2011	2012	2013*
Iklan 'A' Board/Bentuk Kon	15	-	3	-	3	-
Iklan Paparan Sementara	116	272	261	341	421	84
Iklan Papan Tanda Premis	-	3	-	-	22	-
Iklan <i>Billboard</i>	31	67	38	60	64	39
JUMLAH	34,118	139,464	71,664	93,460	102,545	28,939

Sumber : Jabatan Pelesenan Dan Pengurusan Penjaja, DBKL

Nota : (*) - Sehingga Bulan April 2013

GAMBAR 7.16



GAMBAR 7.17



*Jalan Kovil, Hilir, Sentul, Kuala Lumpur
- Banner Yang Tidak Berlesen Diturunkan
(09.09.2013)*

iv. Lawatan Audit pada bulan September 2013 juga mendapati iklan-iklan haram (tidak berlesen atau OP berlesen tetapi tapak terlibat tidak pernah dimohon lesen) masih banyak didirikan/dipasang di sekitar Kuala Lumpur seperti di **Gambar 7.18** hingga **Gambar 7.23**. Pemasangan iklan haram/ tanpa lesen tersebut boleh menjejaskan imej dan mencacatkan pemandangan dan kebersihan Bandaraya Kuala Lumpur.

GAMBAR 7.18



*Berdekatan Jalan Loke Yew-
- Iklan Dinding Dipasang Secara Haram
(24.09.2013)*

GAMBAR 7.19



*Jalan Loke Yew
- Billboard Yang Dipasang Secara Haram
(24.09.2013)*



GAMBAR 7.20

*Jalan Gombak, Kuala Lumpur
- Iklan Ditampal Secara Haram
(12.09.2013)*

GAMBAR 7.21

*Jalan 2A-6, Setapak Indah, Kuala Lumpur
- Iklan Ditampal Secara Haram
(12.09.2013)*

GAMBAR 7.22

*Jalan Tun Perak
- Iklan Bumbung Yang Tiada Lesen
(12.09.2013)*

GAMBAR 7.23

*Jalan Raja Laut
- Iklan Jejantas Yang Tiada Lesen
(12.09.2013)*

- v. Daripada maklum balas pihak DBKL, anggaran perbelanjaan/kos operasi penurunan iklan yang telah dilibatkan bagi tahun 2010 adalah berjumlah RM217,385. Bagi tahun 2012 dan 2013 pula, maklumat Laporan Perbelanjaan Jabatan Kewangan DBKL menunjukkan peruntukan operasi penurunan Iklan tidak dapat dibelanjakan secara optimum. Peratus perbelanjaan berbanding peruntukan adalah hanya pada tahap 7.8% untuk tahun 2012 dan 4.1% pada tahun 2013. Peratusan yang rendah ini memberi satu gambaran/menjadi bukti bahawa tindakan untuk mempergiatkan operasi penurunan tidak dijalankan. Butiran untuk kos penurunan iklan adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.14
KOS OPERASI PENURUNAN IKLAN BAGI TAHUN 2012 DAN 2013**

TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	PERATUS (%)
2012	180,000	14,110	7.8
2013	180,000	7,293	4.4

Sumber : Laporan Perbelanjaan Jabatan Kewangan, DBKL

- vi. Pihak Audit difahamkan bahawa pihak JPPP menghadapi pelbagai masalah dan halangan semasa menjalankan operasi penurunan iklan papan tanda premis dan paparan iklan luar, antaranya seperti berikut:

- Kemudahan logistik JPPP sedia ada hanya terhad bagi penurunan iklan yang tidak melibatkan struktur bersaiz besar dan tinggi seperti paparan iklan sementara. Bagi iklan yang melibatkan struktur tinggi dan bersaiz besar seperti *Twinpole*, *Unipole*, LED, Dinding dan Langit, JPPP akan menggunakan khidmat logistik Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) yang diguna pakai bersama semua jabatan DBKL;
- JPPP perlu memastikan keselamatan awam dijaga, terutamanya pengguna jalan raya semasa penurunan iklan dijalankan, termasuk penutupan dan lencongan jalan yang memerlukan kerjasama daripada Jabatan Keselamatan Dan Penguatkuasaan (JKP) serta agensi lain;
- Tindakan menurunkan *billboard* dijalankan oleh pegawai penguatkuasa dan pekerja am yang kurang mahir/tidak mempunyai latihan yang mencukupi;
- Lokasi iklan *billboard* menyukarkan kerja penurunan, contohnya di lereng bukit, bentuk muka bumi bercerun, kawasan sempit serta terdapat halangan kabel elektrik dan tiang lampu jalan;
- Halangan kerja daripada wakil pemilik iklan dan pihak ketiga yang berpengaruh; dan
- Kerja operasi bergantung kepada kerjasama daripada agensi lain seperti TNB dan pemilik pencawang telekomunikasi untuk pemotongan bekalan elektrik dan untuk tindakan pemotongan/*dismantling* pencawang yang ada pada *billboard*. Kelewatan tindakan daripada pihak berkaitan turut menjejaskan operasi menurunkan iklan oleh DBKL.

Sehubungan itu, pelbagai cara telah diambil oleh DBKL untuk menangani isu-isu yang dihadapi. Antaranya adalah pihak JPPP telah melantik kontraktor dengan kehadiran pegawai penguatkuasa DBKL untuk menjalankan kerja menurunkan paparan iklan luar yang sukar dilaksanakan tanpa sebarang bayaran oleh DBKL sebaliknya dibenarkan mengambil bahan binaan termasuk besi struktur dan visual paparan yang diturunkan. Bagaimanapun prosedur ini telah diberhentikan. Selain itu, pihak JPPP juga sedang menguruskan tender terbuka kepada kontraktor untuk membekalkan kenderaan jentera; peralatan; kelengkapan dan tenaga kerja untuk kerja-kerja menurunkan paparan iklan luar bagi kawasan utama seperti MRR2; Jalan Ipoh; Jalan Ampang; Jalan Damansara; Jalan Sungai Besi; Jalan Jelatek; Jalan Jejaka/Perkasa; Jalan Genting Klang dan kawasan-kawasan sekitarnya.



Pada pendapat Audit, DBKL perlu memberi fokus serta mengambil tindakan penguatkuasaan yang lebih kerap dan tegas khususnya terhadap pelesen/OP iklan-iklan utama yang tidak menjelaskan bayaran lesen dalam tempoh yang lama. Selain itu, bagi mewujudkan kawalan dalaman yang lebih berkesan, peranan Unit Iklan Dan Eksais yang bertanggungjawab terhadap penguatkuasaan dan pengeluaran lesen iklan perlu dikaji semula bagi mengelakkan risiko percanggahan kepentingan. Masalah antaranya berhubung bilangan kakitangan yang terlibat; logistik guna sama; aspek keselamatan pekerja dan gangguan/campur tangan daripada pihak ketiga yang berpengaruh juga perlu ditangani dengan baik bagi memastikan operasi penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 Mac 2014

Oleh sebab tender pelantikan kontraktor bagi penurunan iklan masih diproses, tindakan penurunan iklan terlibat terpaksa ditangguhkan. Bagaimanapun, DBKL sedang melakukan pemantauan terhadap semua Paparan Iklan Luar. Dua kumpulan Merinyu Lesen ditugaskan untuk mengambil maklumat iklan berserta gambar. OP yang tidak mematuhi syarat dikenakan tindakan notis penurunan dan kompaun.

Tiada banciaan untuk paparan iklan luar dijalankan selepas bulan Disember 2009 disebabkan kekangan tenaga kerja. Bagi menyelesaikan masalah ini, DBKL telah melantik Syarikat Oracle Synergy Sdn. Bhd. untuk menjalankan kerja banciaan terhadap iklan papan tanda dan paparan iklan luar. DBKL juga telah mengambil tindakan membekukan permohonan baru untuk paparan iklan luar.

7.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan supaya DBKL mempertimbangkan perkara berikut:

7.6.1. menambah baik dan meningkatkan kualiti Sistem Maklumat Berkomputer Lesen Iklan/Papan Tanda dengan berusaha mencari penyelesaian terhadap masalah dan kelemahan sistem sedia ada;

7.6.2. memastikan semua syarat ditetapkan dipatuhi oleh Pelesen/Operator Pengiklanan (OP) sebelum mengeluarkan lesen. Tindakan tegas seperti menyenaraihitamkan serta mengenakan denda juga perlu diambil terhadap mereka yang melanggar syarat-syarat lesen;

7.6.3. tindakan penyelesaian perlu diambil terhadap Pelesen/OP yang tidak menjelaskan bayaran lesen, terutamanya terhadap mereka yang mempunyai nilai tunggakan yang besar dan bagi tempoh yang terlalu lama. Tempoh kelulusan tapak

pameran iklan luar perlu dihadkan. Jika istilah lesen akan menghalang tindakan mengutip balik semua bayaran yang tidak dijelaskan, pihak PUU DBKL perlu mencari alternatif penyelesaian supaya tunggakan dapat dikutip balik untuk meningkatkan hasil DBKL; dan

7.6.4. bagi mewujudkan kawalan dalaman yang lebih berkesan, peranan pegawai/unit yang terlibat terhadap penguatkuasaan dan operasi lesen iklan perlu dikaji semula bagi mengelakkan risiko percanggahan kepentingan. Antaranya masalah guna tenaga terlibat; logistik guna sama; keselamatan pekerja dan gangguan/campur tangan daripada pihak ketiga yang berpengaruh juga perlu ditangani dengan baik bagi memastikan operasi penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Dalam Buku Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2013 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

8. PENGURUSAN ARAHAN PERUBAHAN KERJA

8.1. LATAR BELAKANG

8.1.1. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2007 menyatakan Arahan Perubahan Kerja (APK) ialah sebarang penyimpangan daripada perjanjian kontrak berkaitan dengan pelan, spesifikasi dan/atau senarai kuantiti sama ada dipinda, ditambah atau dikurangkan. Di dalam tempoh pelaksanaan sesuatu projek pembangunan, kerap terdapat perubahan kepada kerja yang telah ditetapkan pada awalnya. Perubahan kerja ini adalah untuk disesuaikan dengan tapak bina atau untuk menampung sebarang perubahan atau pengubahsuaian dalam reka bentuk, kualiti dan kuantiti yang diperlukan oleh pelanggan. Bagi membuat perubahan kepada kerja yang terkandung dalam kontrak, arahan Pegawai Penguasa dikeluarkan melalui APK dan permohonan Kelulusan Perubahan Kerja hendaklah disediakan untuk kelulusan Jawatankuasa APK/Lembaga Perolehan. Pada masa yang sama, jika sesuatu perubahan yang sangat mendesak, kritikal dan memerlukan tindakan segera, maka Kelulusan Dasar dibuat terlebih dahulu dan seterusnya disusuli dengan proses permohonan/kelulusan APK. Sebarang APK akan memberi kesan kepada fizikal dan nilai sesuatu projek termasuk pertambahan, pengurangan atau penggantian sebarang kerja; pengubahsuaian kepada jenis atau piawai mana-mana bahan atau barang yang digunakan bagi kerja; dan mengeluarkan daripada tapak bina apa-apa kerja, bahan atau barang yang dibekalkan oleh kontraktor untuk tujuan kerja dan tidak mematuhi kehendak kontrak.

8.1.2. Di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), justifikasi perubahan kerja berlaku disebabkan perubahan fungsi, keperluan teknikal, keselamatan, keceriaan dan bagi memenuhi keperluan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)/Agensi berkaitan. Bagi tempoh tahun 2011 hingga April 2013, KPM secara keseluruhannya telah mengeluarkan sebanyak 1,864 APK iaitu melibatkan sebanyak 1,571 APK (84.28%) yang ditambah bernilai RM156.74 juta dan 293 APK (15.72%) yang dikurangkan bernilai RM90.62 juta kepada syarikat bagi melaksanakan kerja/projek yang berkaitan. Butiran bilangan dan nilai APK mengikut tahun seperti di **Jadual 8.1** dan mengikut negeri seperti di **Jadual 8.2**.

JADUAL 8.1
BILANGAN DAN NILAI APK MENGIKUT TAHUN
BAGI TEMPOH TAHUN 2011 SEHINGGA APRIL 2013

TAHUN	JUMLAH APK	APK DITAMBAH		APK DIKURANG	
		BIL.	AMAUN (RM Juta)	BIL.	AMAUN (RM Juta)
2011	487	427	69.07	60	30.32
2012	1,203	985	72.33	218	56.67
2013	174	159	15.34	15	3.63
JUMLAH	1,864	1,571	156.74	293	90.62

Sumber : Urusetia Jawatankuasa Teknikal APK, Bahagian Pembangunan Pelajaran, KPM

JADUAL 8.2
BILANGAN DAN NILAI APK MENGIKUT NEGERI
BAGI TEMPOH TAHUN 2011 SEHINGGA APRIL 2013

NEGERI	BIL. APK	AMAUN (RM Juta)	APK DITAMBAH		APK DIKURANG	
			BIL.	AMAUN (RM Juta)	BIL.	AMAUN (RM Juta)
Selangor	294	2.23	255	10.32	39	8.09
Sarawak	289	3.07	223	29.28	66	26.21
Sabah	269	16.38	235	27.47	34	11.09
Johor	171	11.57	149	14.41	22	2.84
Kelantan	128	8.56	115	9.14	13	0.58
Negeri Sembilan	109	6.76	95	9.77	14	3.01
Terengganu	109	8.70	96	9.08	13	0.38
Wilayah Persekutuan	86	8.59	66	10.45	20	1.86
Pulau Pinang	79	7.70	66	8.49	13	0.79
Pahang	66	11.40	55	12.02	11	0.62
Kedah	64	2.36	55	2.92	9	0.56
Perak	62	(2.50)	49	3.40	13	5.90
Melaka	41	2.42	37	2.48	4	0.06
Perlis	41	1.36	34	1.65	7	0.29
Lain-Lain	56	(22.48)	41	5.86	15	28.34
JUMLAH	1,864	66.12	1,571	156.74	293	90.62

Sumber : Urusetia Jawatankuasa Teknikal APK, Bahagian Pembangunan Pelajaran, KPM

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menentukan sama ada pengurusan Arahan Perubahan Kerja, KPM telah mematuhi peraturan kewangan atau undang-undang yang berkaitan.

8.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap APK yang diluluskan bagi tempoh tahun 2011 hingga April 2013. Aspek pengauditan meliputi semakan terhadap pematuhan prosedur pengurusan APK, penyelenggaraan

rekod/dokumen dan pemantauan berkaitan APK. Sebanyak 142 (7.6%) APK dengan nilai RM12.83 juta (19.4%) bagi tempoh tersebut telah disemak yang melibatkan 9 projek dengan memberi keutamaan kepada APK yang bernilai tinggi bagi sesuatu projek serta yang boleh diperiksa secara fizikal semasa lawatan tapak. Senarai projek dan negeri yang dipilih serta dilawati adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 8.3
SENARAI PROJEK PEMBINAAN BERKAITAN
APK YANG DIAUDIT DAN NEGERI DILAWATI

PROJEK	SYARIKAT	TEMPOH/ NILAI KONTRAK	APK			TARIKH CPC
			BIL.	TAMBAH (RM Juta)	KURANG (RM Juta)	
NEGERI SEMBILAN						
Pembangunan Projek Pendidikan Mengandungi 18 Bilik Darjah Dan Kemudahan Berkaitan Di SK Taman Warisan Puteri, Seremban	Dasacon Sdn. Bhd.	02.04.2009 - 02.10.2010 RM16.27 juta	11	0.85	-	06.08.2011
Mereka Bentuk Dan Membina Fasa 2A Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Di Kompleks Pendidikan Bandar Enstek, Mukim Labu	Pembinaan Hamid Abd. Rahman Sdn. Bhd.	30.07.2009 -	5	4.93	-	05.01.2012
		30.07.2011 RM137 juta	1	-	0.41	
Pembangunan Projek Pendidikan Mengandungi 36 Bilik Darjah Dan Kemudahan Berkaitan Di SMK Seremban 3, Seremban	BA Urus Bina (M) Sdn. Bhd.	19.05.2009 -	12	1.47	-	11.12.2012
		08.05.2011 RM26.25 juta	3	-	1.10	
SARAWAK						
Projek Pembinaan Dan Penaiktarafan Sekolah Dan Asrama Di Negeri Sarawak Di SK San Aman, Sri Aman, Sarawak	Encorp Construct Sdn. Bhd.	27.03.2009 -	10	0.86	-	15.07.2011
		26.09.2010 RM9.79 juta	7	-	1.16	
Projek Pembinaan Dan Penaiktarafan Sekolah Dan Asrama Di Negeri Sarawak Di SK Lubok Antu, Sri Aman, Sarawak	Encorp Construct Sdn. Bhd.	27.03.2009 -	12	2.42	-	23.12.2011
		26.09.2010 RM12.21 juta	6	-	1.45	
Pembangunan Projek Pendidikan Mengandungi 36 Bilik Darjah Di SMK Tebedu, Serian, Sarawak	Eastcorp Resources Sdn. Bhd.	20.11.2007 -	24	1.91	-	06.06.2010
		08.03.2010 RM60 juta	2	-	0.18	
TERENGGANU						
Pembangunan Projek Pendidikan Mengandungi 30 Bilik Darjah Di SMK Bukit Kuang, Kemaman	Farlin Holdings Sdn. Bhd.	14.05.2009 - 02.09.2010 RM26.90 juta	13	1.20	-	07.06.2012
Pembangunan Projek Pendidikan Mengandungi 30 Bilik Darjah Dan Kemudahan Berkaitan Di SMK Seri Cheneh, Kemaman	Zainal @ Sharif Ibrahim Sdn. Bhd.	24.12.2007 -	14	1.78	-	28.12.2010
		07.08.2009 RM20.50 juta	1	-	0.03	
Pembangunan Pusat Pembelajaran Dan Latihan Bahasa Inggeris Terengganu (Teltrac) Di Institut Perguruan Kuala Terengganu, Kuala Terengganu	KIP Structure Sdn. Bhd.	13.04.2007 - 26.03.2009 RM29.96 juta	21	1.74	-	15.01.2010
JUMLAH			142	17.16	4.33	

Sumber : Bahagian Pembangunan Pelajaran KPM Dan Jurukur Bahan
Nota : APK - Arahan Perubahan Kerja

CPC - Sijil Perakuan Siap Kerja

8.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen di peringkat urusetia Jawatankuasa Teknikal APK atau Lembaga Perolehan, Seksyen Ukur Bahan dan Pengurus Projek berkenaan di Bahagian Pembangunan Pelajaran, KPM serta pemeriksaan fizikal di 9 projek pembinaan yang melibatkan tiga (3) negeri iaitu Negeri Sembilan, Sarawak dan Terengganu. Pihak Audit juga telah mengadakan temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang terlibat di peringkat urusetia, pelaksanaan dan pemantauan di peringkat KPM dan Perunding projek serta Kontraktor yang terlibat. *Exit Conference* bersama Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia, Pegawai-pegawai Kanan KPM dan Unit Audit Dalam (UAD), KPM telah diadakan pada 6 Mei 2014.

8.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun 2013 hingga September 2013 bagi 9 projek di 3 negeri mendapati pada umumnya KPM telah melaksanakan beberapa penambahbaikan dalam pengurusan APK di peringkat Kementerian seperti menubuhkan urusetia Jawatankuasa Teknikal APK di peringkat Kementerian; mewujudkan pusat sehenti (*one stop centre*) untuk mengurus semua penerimaan permohonan berkaitan projek pembangunan; dan memansuhkan 'Kelulusan Dasar' yang menyebabkan kerja dimulakan sebelum kelulusan APK diperolehi.

Bagaimanapun semakan Audit mendapati terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan APK yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- i. sebanyak 61 daripada 122 permohonan APK yang ditambah bernilai RM5.44 juta dikemukakan kepada KPM selepas 41 hingga 550 hari Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan;
- ii. sebanyak 81 daripada 122 APK yang ditambah bernilai RM9.29 juta diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal APK/Lembaga Perolehan dalam tempoh 11 hingga 1,100 hari dari tarikh permohonan. Selain itu terdapat 10 APK yang melibatkan dua projek masih belum diluluskan oleh Lembaga Perolehan walaupun kerja telah dilaksanakan dan CPC telah dikeluarkan iaitu lima APK bagi Projek Pendidikan Mengandungi 36 Bilik Darjah di SMK Seremban 3, Seremban, Negeri Sembilan bernilai RM0.21 juta di mana CPC telah dikeluarkan pada 11 Disember 2012 dan lima APK bernilai RM2.08 juta bagi Projek Pembinaan Dan Penaiktarafan Sekolah Dan Asrama Di Negeri Sarawak di SK Lubok Antu, Sri Aman, Sarawak di mana CPC telah dikeluarkan pada 23 Disember 2011;
- iii. tiga APK bernilai RM1.75 juta bagi kerja tambahan di Projek Pembinaan Dan Penaiktarafan Sekolah Dan Asrama Di SK Lubok Antu, Sri Aman, Sarawak adalah kerja-kerja baru yang tidak termasuk dalam skop asal projek berkenaan dan tidak mendapat kelulusan Unit Perancang Ekonomi (UPE);



- iv. kualiti kerja/bekalan bagi dua APK melibatkan kerja tambahan dinding penahan *rc wall* dan *crib wall* bernilai RM1.01 juta dan pindaan pada *built-in furniture & fitting* dan mengadakan *workstation* untuk guru tidak memuaskan; dan
- v. dokumen dan maklumat bagi lima APK belum diterima sehingga 31 Januari 2014 melibatkan tempoh 148 hari. Manakala beberapa dokumen berkaitan APK lewat diterima antara 18 hingga 92 hari. Ini kerana dokumen berkaitan tidak disimpan dengan teratur.

Penjelasan lanjut berhubung dengan kelemahan pengurusan APK dan lain-lain penemuan berkaitan 9 projek pembinaan adalah seperti di perenggan berikut:

8.5.1. Kelulusan Arahan Perubahan Kerja Mengambil Masa Yang Lama

8.5.1.1. Arahan Perbendaharaan 202 mensyaratkan kelulusan daripada pihak berkuasa/Jawatankuasa Perubahan Kerja mesti diperolehi terlebih dahulu sebelum Arahan Perubahan Kerja (APK) dikeluarkan. Garis Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya Edisi ke-3 pula menetapkan perubahan kerja tidak boleh diarahkan selepas Tarikh Siap Kerja atau selepas Tarikh Siap Kerja yang dilanjutkan. Surat Arahan Perbendaharaan juga menetapkan APK hendaklah diluluskan dalam tempoh 7 hari di peringkat Jawatankuasa Perubahan Kerja dan 14 hari di peringkat Lembaga Perolehan/Perbendaharaan.

8.5.1.2. Di KPM, permohonan APK perlu dikemukakan ke *one stop centre* di Bahagian Pembangunan Pelajaran. Permohonan APK kemudiannya disalurkan ke Unit Teknikal untuk semakan. Apabila permohonan tersebut telah disemak dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan, ianya akan dikemukakan kepada urusetia Jawatankuasa Teknikal APK/KPK di Bahagian Pembangunan Pelajaran yang akan bertanggungjawab mengatur mesyuarat Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Bahagian Pembangunan dan keahliannya terdiri daripada Ketua Penolong Pengarah Teknikal dan Ketua Penolong Pengarah unit berkenaan bagi mendapatkan kelulusan. Sebaliknya bagi permohonan APK yang melebihi 10% daripada nilai kontrak atau RM1 juta perlu mendapat kelulusan Lembaga Perolehan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha/Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian, wakil Perbendaharaan dan Jabatan Kerja Raya. Semakan Audit terhadap permohonan dan kelulusan APK mendapati perkara seperti berikut:

a. Daftar Penerimaan Dan Kelulusan APK

Penerimaan permohonan APK perlu direkod dengan teratur khususnya terhadap tarikh terima dan tarikh dikemukakan kepada peringkat seterusnya bagi tujuan kawalan dan pemantauan. Melalui daftar ini juga KPM boleh mengenal pasti tempoh proses tindakan yang telah diambil terhadap setiap permohonan APK sehingga kelulusan dikeluarkan. Semakan dan temubual

pihak Audit dengan Pengurus-pengurus Projek dan Unit Teknikal di Bahagian Pembangunan Pelajaran mendapati:

- i. tiada daftar khusus diselenggara sama ada di Unit Teknikal atau oleh Pengurus Projek bagi merekodkan semua terimaan permohonan APK daripada *one stop centre* atau Perunding Projek.
- ii. Unit Teknikal sering kali menolak dan memulangkan kembali permohonan APK disebabkan maklumat yang dikemukakan tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat. Bagaimanapun proses tersebut tidak didokumenkan. Sehubungan itu, sukar untuk menentukan tarikh sebenar permohonan APK diterima di setiap peringkat dan tempoh masa yang diambil bagi memproses permohonan tersebut.
- iii. hanya 4 (2.8%) daripada 142 sampel APK yang diaudit mempunyai tarikh cop terimaan secara rasmi di peringkat KPM (Unit Teknikal/Pengurus Projek). Manakala semua APK yang dikemukakan kepada pihak Audit tidak lengkap dengan surat iringan daripada pihak Kontraktor/Perunding semasa mengemukakan permohonan APK kepada KPM.

b. Tempoh Masa Permohonan Dan Kelulusan APK

Semakan Audit terhadap 122 APK yang ditambah melibatkan 9 projek mendapati 61 permohonan APK bernilai RM5.44 juta dikemukakan kepada KPM antara 41 hingga 550 hari selepas Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan. Sebanyak 81 APK bernilai RM9.29 juta diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal APK/Lembaga Perolehan dalam tempoh 11 hingga 1,100 hari selepas permohonan diterima, manakala 23 permohonan/kelulusan APK bernilai RM1.38 juta tidak dapat ditentukan kerana maklumat berkaitan permohonan dan kelulusan APK tidak dikemukakan kepada Audit untuk semakan. Semakan selanjutnya mendapati 10 APK yang melibatkan dua (2) projek masih belum diluluskan oleh Lembaga Perolehan walaupun kerja telah dilaksanakan dan CPC telah dikeluarkan iaitu lima (5) APK bagi Projek Pendidikan Mengandungi 36 Bilik Darjah di SMK Seremban 3, Seremban, Negeri Sembilan bernilai RM0.21 juta di mana CPC telah dikeluarkan pada 11 Disember 2012 dan lima (5) APK bernilai RM2.08 juta bagi Projek Pembinaan Dan Penaiktarafan Sekolah Dan Asrama Di Negeri Sarawak di SK Lubok Antu, Sri Aman, Sarawak di mana CPC telah dikeluarkan pada 23 Disember 2011. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:



JADUAL 8.4
ARAHAN PERUBAHAN KERJA LEWAT DIMOHON DAN DILULUSKAN

NAMA PROJEK	BIL. APK	NILAI APK (RM Juta)	TARIKH			BIL. HARI LEWAT		CATATAN
			CPC (a)	MOHON (b)	KELULUSAN (c)	MOHON (a) - (b)	LULUS (b) - (c)	
NEGERI SEMBILAN								
Cadangan Pembangunan Projek Pendidikan Mengandungi 18 Bilik Darjah Dan Kemudahan Berkaitan Di SK Taman Warisan Puteri, Seremban	1	0.19	06.08.2011	01.07.2010	24.08.2010	-	55	-
	7	0.44		04.11.2010 - 30.12.2010	20.03.2012	-	447 hingga 503	Diluluskan Selepas CPC Dikeluarkan
	3	0.21		TM		TM	TM	
Cadangan Merekabentuk Dan Membina Fasa 2A Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Di Kompleks Pendidikan Bandar Enstek, Mukim Labu	3	3.63	04.01.2012	22.03.2010	TM	-	TM	
	2	1.31		27.09.2011 - 29.09.2011	04.03.2013	-	513 Hingga 514	Diluluskan Selepas CPC Dikeluarkan
Cadangan Pembangunan Projek Pendidikan Mengandungi 36 Bilik Darjah Di SMK Seremban 3, Seremban	1	0.18	11.12.2012	TM	27.07.2012	TM	TM	-
	2	0.04		04.03.2011	TM	-	TM	-
	1	1.01		18.08.2011	27.07.2012	-	340	-
	3	0.02		TM	27.07.2012	TM	TM	-
	5	0.21		TM	Belum Lulus (LP)	TM	TM	Dibawa ke Lembaga Perolehan
SARAWAK								
Cadangan Projek Pembinaan Dan Penaiktarafan Sekolah Dan Asrama Di Negeri Sarawak Di SK San Semanju, Sri Aman	10	0.86	15.7.2011	25.08.2011 - 15.01.2013	19.02.2013	41 Hingga 550	36 Hingga 535	Diluluskan Selepas CPC Dikeluarkan
Cadangan Projek Pembinaan Dan Penaiktarafan Sekolah Dan Asrama Di Negeri Sarawak Di SK Lubok Antu, Sri Aman	2	1.44	23.12.2011	26.08.2011	Belum Lulus (LP)	-	858*	Dibawa ke Lembaga Perolehan
	7	0.34		29.10.2012 - 15.01.2013	19.02.2013	234 Hingga 389	110	Diluluskan Selepas CPC Dikeluarkan
	3	0.64		Belum Lulus (LP)	234 Hingga 389	349* Hingga 428*	Dibawa ke Lembaga Perolehan	
Cadangan Pembangunan Projek Pendidikan Mengandungi 36 Bilik Darjah Di SMK Tebedu, Serian	2	0.17	06.06.2010	12.03.2010	18.03.2013	-	1,100	i) Kebenaran Diberi Melalui Kelulusan Dasar Pada 09.03.2010 ii) Diluluskan Selepas CPC Dikeluarkan
	1	0.20			11.08.2011	-	514	Diluluskan Selepas CPC Dikeluarkan
	3	0.22		TM	60	TM	-	
	18	1.32		05.08.2010	17.08.2011 - 18.03.2013	60	370 Hingga 948	Diluluskan Selepas CPC Dikeluarkan

NAMA PROJEK	BIL. APK	NILAI APK (RM Juta)	TARIKH			BIL. HARI LEWAT		CATATAN	
			CPC (a)	MOHON (b)	KELULUSAN (c)	MOHON (a) - (b)	LULUS (b) - (c)		
TERENGGANU									
Cadangan Pembangunan Projek Pendidikan Mengandungi 30 Bilik Darjah Di SMK Bukit Kuang, Kemaman	5	0.89	07.06.2012	11.08.2010 - 18.07.2011	28.09.2011	-	73 Hingga 414	-	
	3	0.14		15.02.2012	29.06.2012 - 11.12.2012	-	136 Hingga 271	Diluluskan Selepas CPC Dikeluarkan	
	5	0.17		24.10.2012 - 18.01.2013	11.12.2012 - 15.03.2013	140 hingga 226	49 Hingga 57		
Cadangan Pembangunan Projek Pendidikan Mengandungi 30 Bilik Darjah Dan Kemudahan Berkaitan Di SMK Seri Cheneh, Kemaman	6	0.55	28.12.2010	02.11.2010	26.08.2011	-	250	Diluluskan Selepas CPC Dikeluarkan	
	1	1.16		23.10.2011	23.11.2011	300	30		
	7	0.07		26.09.2011	29.06.2012	270	243		
Cadangan Pembangunan Pusat Pembelajaran Dan Latihan Bahasa Inggeris Terengganu (Teltrac) Di Institut Perguruan Kuala Terengganu, Kuala Terengganu	3	0.32	15.01.2010	12.02.2009 - 09.06.2009	22.02.2009 - 08.10.2009	-	11 Hingga 121	-	
	2	0.16		20.04.2011	11.10.2012 - 20.03.2012	TT	187	335 Hingga 540	Diluluskan Selepas CPC Dikeluarkan
	1	0.03						TM	i) Kebenaran Diberi Melalui Kelulusan Dasar Pada 03.12.2009 ii) Diluluskan Selepas CPC Dikeluarkan
	4	0.48		TM	20.03.2012	TM	TM	TM	i) Kebenaran Diberi Melalui Kelulusan Dasar Pada 18.02.2010 ii) Diluluskan Selepas CPC Dikeluarkan
	8	0.31							Lulus Bersyarat Pada 09.03.2010
	3	0.45							Diluluskan Selepas CPC Dikeluarkan
	JUMLAH	122		17.16	-	-	-	-	-

Nota : (TM) - Tiada Maklumat

(*) - Kelewatan Dikira Sehingga 31 Disember 2013

Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014

- Bermula pada tahun 2012, Bahagian Pembangunan Pelajaran (BPP) telah mewujudkan satu daftar khusus untuk penerimaan dokumen termasuk dokumen Permohonan APK di Pusat Setempat (One Stop Center) tingkat 3. Berdasarkan daftar ini dokumen yang diterima boleh dikesan untuk tindakan susulan yang diperlukan. Pendaftaran ini direkodkan secara berkomputer melalui perisian Microsoft Excel.
- BPP akan memastikan kerja-kerja APK yang akan datang setelah kelulusan APK tersebut disemak oleh Unit Teknikal dan dibentang untuk kelulusan

APK/KPK/KKS/WPS. Pada peringkat semakan tersebut, pihak Kontraktor dan Perunding akan diminta memberikan justifikasi keperluan sesuatu APK tersebut sebagai salah satu langkah untuk mengawal kenaikan harga kos projek.

- *Bagi memastikan perkara yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara tidak berulang, BPP telah mengeluarkan surat peringatan kepada Perunding untuk tidak mengeluarkan surat APK sebelum kelulusan didapatkan.*

Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 2 Mei 2014

- *Modul E-Surat telah dibangunkan secara dalaman di bawah Sistem Aplikasi Pejabat.*
- *BPP telah membuat penambahbaikan dengan mengemukakan surat serta mendokumenkan proses penerimaan dan pemulangan permohonan APK tersebut.*
- *BPP telah menyelaras dan menyusul setiap Permohonan KPK/APK/KKS/WPS yang tertangguh sehingga selesai dan diperolehi dari Pihak Perunding.*
- *BPP telah memberi perhatian mengenai Pengurusan Permohonan APK ini dengan mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Isu Berbangkit KPK/APK/KKS/WPS. Pada mesyuarat tersebut, pihak kontraktor dan perunding akan diminta memberikan justifikasi kukuh tentang keperluan sesuatu APK tersebut.*
- *BPP telah mengambil perhatian dan sentiasa berusaha untuk melicinkan pemprosesan dan pengurusan APK, memantau dan menyelaras Dokumen APK tersebut dengan mengadakan Mesyuarat Pemantauan, Mesyuarat Penyelarasan Projek, Mesyuarat Penyelarasan Isu Berbangkit KPK/APK/KKS/WPS dan mengeluarkan Surat Peringatan untuk mengawal dokumen-dokumen APK ini.*

Pada pendapat Audit, daftar khusus perlu diwujudkan di Unit Teknikal bagi merekod semua urusan APK seperti tarikh permohonan, pemprosesan dan kelulusan APK.

8.5.2. Kerja-Kerja Baru Di Luar Skop Kerja Asal

8.5.2.1. Mengikut Arahan Perbendaharaan 202, sesuatu perubahan kerja hendaklah dilaksanakan di tapak bina kontrak dan perubahan tidak menukar sebahagian besar skop kerja asal. Manakala mengikut Garis Panduan Kontrak Kerja Raya Edisi ke-3, skop dan kerja tambahan yang diarahkan hendaklah terbatas kepada kerja yang dirangkumi oleh kontrak. Jika terdapat permohonan perubahan kerja di luar skop, pihak pelanggan perlu terlebih dahulu memohon kelulusan daripada Jawatankuasa Kecil Piawaian dan Kos, UPE sebelum kerja tersebut dilaksanakan. Semakan Audit mendapati tiga APK bernilai RM1.75 juta

yang melibatkan kerja tambahan di Projek Pembinaan Dan Penaiktarafan Sekolah Dan Asrama Di SK Lubok Antu, Sri Aman, Sarawak adalah kerja-kerja baru yang tidak termasuk dalam skop asal projek berkenaan. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

- a. Pihak Audit dimaklumkan oleh Perunding Arkitek projek di SK Lubok Antu iaitu Tetuan Affrin Architect & Associate Sdn. Bhd. semasa lawatan Audit pada 3 Julai 2013 bahawa 3 perubahan kerja bagi membina dewan makan, kuarters dan asrama ini dilaksanakan berdasarkan keperluan dan permintaan daripada pihak sekolah dan PPD Lubok Antu. APK ini dimohon dan dilaksanakan dengan alasan terdapat pengurangan (*ommission*) dalam skop kerja asal berjumlah RM1.30 juta bagi pengukuran semula skop kerja *demolition works*, *temporary classroom* dan kerja luaran disebabkan pemindahan tapak cadangan asal. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada bukti menunjukkan perubahan skop kerja tersebut telah diluluskan oleh Pegawai Pengawal atau pegawai yang dilantik dan sehingga 31 Disember 2013 permohonan APK tersebut masih belum diluluskan oleh Lembaga Perolehan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 8.5
KERJA-KERJA BARU DILUAR SKOP KERJA ASAL SEHINGGA DISEMBER 2013

PROJEK	NO. APK	BUTIRAN KERJA	AMAUN (RM Juta)	CATATAN
SARAWAK				
Cadangan Projek Pembinaan Dan Penaiktarafan Sekolah Dan Asrama Di Negeri Sarawak Di SK Lubok Antu, Sri Aman	5	Membina Dewan Makan Dan Kuarters Guru Sementara	0.89	Permintaan Pengguna Dan Tiada Bukti Kelulusan Oleh UPE
	6	Membina Sebuah Asrama Lelaki	0.55	
	81	Kerja Mekanikal Dan Elektrikal Di Asrama Lelaki, Kuarters Guru, Dewan Makan	0.31	
JUMLAH			1.75	

GAMBAR 8.1



SK Lubok Antu, Sri Aman, Sarawak
- Membina Dewan Makan Secara
Arahan Perubahan Kerja
(03.07.2013)

GAMBAR 8.2



SK Lubok Antu, Sri Aman, Sarawak
- Membina Sebuah Asrama Lelaki
Secara Arahan Perubahan Kerja
(03.07.2013)



GAMBAR 8.3

*SK Lubok Antu, Sri Aman, Sarawak
- Membina Kuarters Guru Sementara
Secara Arahan Perubahan Kerja
(03.07.2013)*

Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014

- *Skop perubahan kerja APK untuk kerja membina dewan makan, asrama lelaki, kuarters guru ini merupakan keperluan mendesak untuk dibina di tapak bagi menampung pelajar setelah bangunan asal dirobohkan bagi tujuan pembinaan.*
- *APK ini bukan pertambahan skop tetapi bangunan sementara bagi membolehkan pelaksanaan projek ini dijalankan dan disiapkan dengan sempurna serta bertujuan melicinkan proses pembinaan (keperluan ditapak).*

Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 2 Mei 2014

- *Permohonan APK ini telah dibawa ke mesyuarat di peringkat Lembaga Perolehan pada 18 November 2013 dan 25 Februari 2014. Mesyuarat memutuskan permohonan tersebut ditangguh. Perkara ini sedang diambil tindakan oleh pihak perunding untuk melengkapkan surat sokongan dan justifikasi yang memperjelaskan keperluan APK ini dilaksanakan di tapak.*
- *Permohonan APK ini dijangka akan dibawa semula untuk kelulusan Jawatankuasa APK/KPK/KKS/WPS bagi pengesyoran ke Lembaga Perolehan pada 21 Mei 2014. Seterusnya keputusan yang diperolehi akan diangkat ke Kementerian Kewangan untuk dimuktamadkan.*
- *BPP telah mengambil langkah untuk menyusul setiap permohonan APK dengan mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Projek bagi mengawal pelaksanaan Kerja APK yang didapati menukar sebahagian besar skop kerja asal.*

Pada pendapat Audit, APK bagi kerja membina dewan makan, asrama lelaki dan kuarters guru adalah bangunan berbentuk kekal dan di luar skop kontrak sepatutnya mendapat kelulusan daripada UPE atau dibuat secara sebut harga/tender berasingan kerana kerja-kerja tersebut tidak termasuk dalam skop kerja asal.

8.5.3. Kerja/Bekalan Yang Dilaksanakan Kurang Memuaskan

8.5.3.1. Kontraktor hendaklah memastikan kualiti kerja/bekalan dipatuhi dan menepati syarat kontrak serta mencapai tahap piawaian yang ditetapkan. Syarat kontrak antaranya menetapkan bahawa pemantauan dan penyeliaan terhadap pelaksanaan projek termasuk aspek kualiti kerja/bekalan merupakan tanggungjawab Perunding yang telah dilantik.

8.5.3.2. Semakan Audit mendapati kualiti kerja/bekalan bagi dua APK melibatkan dua daripada sembilan projek (22.22%) yang diaudit adalah kurang memuaskan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:


JADUAL 8.6
KERJA/BEKALAN YANG DILAKSANAKAN KURANG MEMUASKAN

PROJEK	NO. APK	LOKASI KERJA/BEKALAN	KERJA KURANG MEMUASKAN
NEGERI SEMBILAN			
Cadangan Pembangunan Projek Pendidikan Mengandungi 36 Bilik Darjah Dan Kemudahan Berkaitan Di SMK Seremban 3, Seremban	6	Sempadan Dalam Antara Kawasan Perumahan Dengan Sekolah	Kerja membina <i>rc wall</i> dan <i>crib wall</i> pertama (sebelum APK diluluskan) dan membina <i>rc wall</i> dan <i>crib wall</i> kedua untuk mengukuhkan <i>rc wall</i> dan <i>crib wall</i> pertama. Jumlah kos pembinaan kedua-dua <i>rc wall</i> dan <i>crib wall</i> ialah RM1.01 juta. Semasa lawatan Audit pada bulan Ogos 2013 mendapati masih berlaku pergerakan tanah di kawasan tersebut. (Gambar 8.8 dan 8.9)
SARAWAK			
Cadangan Projek Pembinaan Dan Penaiktarafan Sekolah Dan Asrama Di Negeri Sarawak Di SK San Semanju, Sri Aman	47	Bilik Guru	<i>Workstation</i> guru yang dibekalkan pada 15.07.2011 telah melendut dan pedestal rosak serta <i>workstation</i> berkenaan tidak dipasang dengan sumber kuasa. (Gambar 8.10 hingga 8.13)

GAMBAR 8.8



GAMBAR 8.9



SMK Seremban 3, Seremban, Negeri Sembilan
- Kerja Dinding Penahan RC Wall Dan Crib Wall Yang Tidak Kemas Kerana Dinding Penahan Kedua Diperlukan Untuk Menguatkan Struktur Dinding Penahan Pertama
(29.08.2013)

GAMBAR 8.10




SK San Semanju, Sri Aman, Sarawak
- Workstation Guru Melendut Dan Pedestal Telah Rosak
(04.07.2013)

GAMBAR 8.11



GAMBAR 8.12



SK San Semanju, Sri Aman, Sarawak
- Workstation Guru Tidak Dipasang Dengan Sumber Kuasa
(04.07.2013)

GAMBAR 8.13



Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014

SMK Seremban 3, Negeri Sembilan

APK No.6 – Isu kerja Dinding Penahan RC Wall dan Crib Wall tidak kemas kerana Dinding Penahan Kedua Diperlukan untuk menguatkan struktur dinding pertama.

- Rekabentuk asal dinding penahan jenis RC Wall tidak dapat menampung beban, maka rekabentuk telah digantikan dengan Crib Wall. Pembinaan crib wall dilakukan di tapak mengikut rekabentuk pakar namun masih terdapat pergerakan tanah. Kontraktor telah diarah untuk menambah satu (1) lapisan crib wall untuk menyokong pergerakan tanah tersebut tanpa tambahan kos. Pergerakan tanah dapat diatasi sepenuhnya dengan tambahan lapisan kedua (2) crib wall tersebut. Langkah pembaikan tersebut tiada kos tambahan terlibat.

Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 18 April 2014


SK San Semanju, Sri Aman Sarawak

APK No.47 - Workstation Guru Melendut dan Pedestal Telah Rosak dan tidak dipasang sumber kuasa.

- Kerja-kerja pembaikan dan penggantian 'table top' serta laci meja yang rosak telah disempurnakan.
- Workstation guru telah dipasang sumber kuasa.



Kerja-Kerja Pembaikan Dan Penggantian 'Table Top' Serta Laci Meja Yang Rosak Telah Disempurnakan.



Workstation Guru Telah Dipasang Sumber Kuasa

Pada pendapat Audit, KPM dan Perunding perlu memastikan kerja pembaikan yang telah dilakukan mencapai tahap piawaian yang ditetapkan.

8.5.4. Maklumat APK Dan Dokumen Berkaitan

8.5.4.1. Kontrak perjanjian antara Kerajaan dan Kontraktor serta Perunding merupakan dokumen utama yang perlu disediakan dan disimpan oleh pihak KPM dan pihak yang terlibat. Sebaik sahaja kontrak ditandatangani, dokumen asal dan salinannya hendaklah diedar kepada pihak berkaitan bagi tujuan rujukan. Dokumen utama yang disemak oleh pihak Audit adalah terdiri daripada kontrak perjanjian antara Kerajaan dengan Kontraktor, Arahan Perubahan Kerja, Laporan Kemajuan Projek, Baucar Bayaran dan fail berkaitan APK. Dokumen tersebut adalah penting bagi menentukan sama ada pelaksanaan APK dan bayaran adalah berdasarkan kelulusan dan mengikut skop, syarat dan spesifikasi yang telah ditetapkan.

8.5.4.2. Permohonan dokumen dan maklumat berkaitan APK dan projek-projek berkaitan telah dibuat bermula pada awal bulan Julai 2013 melalui surat, emel dan secara lisan Unit Rendah/Unit Teknikal dan Pengurus Projek di Bahagian Pembangunan Pelajaran serta Perunding Projek berkenaan. Bagi dokumen berkaitan APK yang diterima penyerahannya melibatkan tempoh antara 18 hingga 92 hari selepas permohonan. Bagaimanapun sehingga pemerhatian audit dikeluarkan pada 4 Februari 2014, adalah didapati 5 APK belum diterima melibatkan tempoh 148 hari. Ketiadaan dokumen dan maklumat tersebut menyebabkan pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada peraturan berkaitan APK telah dipatuhi dan kepentingan Kerajaan telah dijaga. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 8.7
STATUS PENERIMAAN DOKUMEN BERKAITAN
PENGAUDITAN APK SEHINGGA 31 JANUARI 2014

PERIHAL	TARIKH		DITERIMA DARIPADA		TEMPOH SERAHAN (Hari) (b) - (a)	CATATAN	
	MOHON (a)	TERIMA (b)	KPM	PERUNDING / KONTRAKTOR			
NEGERI SEMBILAN							
Cadangan Pembangunan Projek Pendidikan Mengandungi 18 Bilik Darjah Dan Kemudahan Berkaitan Di SK Taman Warisan Puteri, Seremban							
APK	9 - 11	05.09.2013	23.09.2013	-	/	18	Tiada tarikh dicatat pada borang permohonan
Cadangan Merekabentuk Dan Membina Fasa 2A Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Di Kompleks Pendidikan Bandar Enstek, Mukim Labu							
APK	1 - 4	05.09.2013	23.09.2013	/	-	18	Tiada tarikh kelulusan daripada Jawatankuasa Teknikal APK/ Lembaga Perolehan
	5 & 6	05.09.2013		/	-		-
Cadangan Pembangunan Projek Pendidikan Mengandungi 36 Bilik Darjah Dan Kemudahan Berkaitan Di SMK Seremban 3, Seremban							
APK	1, 4 & 5	05.09.2013	23.09.2013	/	-	18	Tiada tarikh kelulusan daripada Jawatankuasa Teknikal APK/ Lembaga Perolehan
	2, 7, 8, 9, 10		24.09.2013	-	/	19	Permohonan APK yang diterima tidak lengkap kerana tiada tandatangan Perunding Arkitek/C&S/M&E, KSU/ Pegawai Penguasa dan kontraktor
	11, 12, 13, 14, 15		Belum Diterima	X	-	148	Tiada surat kelulusan daripada Jawatankuasa Teknikal APK/ Lembaga Perolehan
SARAWAK							
Cadangan Pembangunan Projek Pendidikan Mengandungi 36 Bilik Darjah Di SMK Tebedu, Serian							
APK	4, 13 & 14	05.07.2013	24.07.2013	/	-	19	Tiada Minit kelulusan Jawatankuasa Teknikal APK/ Lembaga Perolehan
TERENGGANU							
Cadangan Pembangunan Pusat Pembelajaran Dan Latihan Bahasa Inggeris Terengganu (Teltrac) Di Institut Perguruan Kuala Terengganu, Kuala Terengganu							
APK	6 - 10	05.09.2013	06.12.2013	/	-	92	Tiada tarikh kelulusan
	11 - 21			/	-		Tiada tarikh dicatat pada borang permohonan

Nota : (/) - Dikemukakan

(X) - Belum Dikemukakan

8.5.4.3. Pihak Audit dimaklumkan Unit Rendah dan Unit Teknikal Bahagian Pembangunan Pelajaran menghadapi kesukaran mengemukakan sebahagian dokumen berkenaan kerana tidak disimpan dengan teratur, belum dikemukakan oleh Perunding dan ruang penempatan dokumen projek dan bayaran yang terhad.

Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014

- *BPP telah memberi perhatian terhadap isu ini. Oleh kerana mempunyai jumlah projek sebanyak 1,500 projek yang mempunyai fail berjilid-jilid dan tidak dapat ditempatkan pada satu masa di KPM, tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan dengan membina perabot bina untuk mendapatkan ruang penyimpanan yang maksima.*
- *Dokumen berkaitan APK tersebut akan diselaraskan semula semasa penyediaan Perakuan Muktamad.*
- *BPP telah membuat penambahbaikan dari segi penyimpanan dokumen, walau bagaimanapun semasa ketika penyelesaian Perakuan Muktamad kesemua dokumen tersebut dapat dikesan dan diperolehi serta dilampirkan. Segala dokumentasi yang diperlukan bagi pembayaran dapat diselaraskan untuk proses pembayaran.*
- *Tindakan penambahbaikan telah dilakukan, BPP telah menaiktaraf dan menambah rak-rak bagi ruang penyimpanan yang maksima.*

Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 2 Mei 2014

- *BPP mengambil perhatian dan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan usaha memperbaiki keadaan ini.*
- *BPP telah membuat penambahbaikan dari segi penyimpanan dokumen, dan memastikan kesemua dokumen tersebut dapat dikesan dan diperolehi serta dilampirkan. Segala dokumentasi yang diperlukan bagi pembayaran dapat disusul bagi proses pembayaran.*

Pada pendapat Audit, KPM perlu memastikan pembinaan dan menaiktaraf ruang penyimpanan dibuat dengan teratur dan semua dokumen didaftarkan, disusun dan indeks disediakan bagi memudahkan semakan dan rujukan masa hadapan.

8.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan segala kelemahan yang berbangkit mengenai pengurusan Arahan Perubahan Kerja diperbaiki serta Kerajaan mendapat *best value for money*, adalah disyorkan supaya pihak terlibat mengambil langkah seperti berikut:

8.6.1. mewujudkan sistem bagi merekodkan permohonan dan kelulusan berkaitan projek antara lain merangkumi APK bagi setiap projek supaya KPM mempunyai *database* berkaitan permohonan sehinggalah kelulusan. Pada masa hadapan, disarankan KPM mewujudkan sistem permohonan berkaitan projek secara dalam talian bagi memudahkan semakan;



8.6.2. KPM hendaklah memastikan pentadbiran kontrak diurus dengan teratur demi menjaga kepentingan Kerajaan antaranya APK diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal APK/Lembaga Perolehan KPM terlebih dahulu sebelum kerja dijalankan, Arahan Perubahan Kerja diluluskan dalam tempoh kontrak dan tiada APK diluluskan selepas Tarikh Siap Kerja;

8.6.3. KPM perlu memastikan permohonan APK bagi kerja di luar skop mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Kecil Piawaian dan Kos, Unit Perancang Ekonomi terlebih dahulu sebelum kerja tersebut dilaksanakan; dan

8.6.4. Perunding yang telah dilantik sebagai wakil Pegawai Penguasa hendaklah memantau kemajuan kerja dan memastikan kerja yang dilakukan oleh Kontraktor sesuai/lengkap dan berkualiti. Kerja yang tidak mematuhi spesifikasi, tidak sesuai dan tidak berkualiti perlu diambil tindakan pembaikan dengan segera atau mempercepatkan proses pelarasan harga. Tindakan terhadap Perunding utama perlu diambil kerana pemantauan yang kurang berkesan sehingga berlakunya masalah kualiti kerja yang tidak mencapai piawaian yang ditetapkan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Dalam Buku Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2013 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

9. PROJEK PEMBINAAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN KEMUDAHAN LAIN YANG BERKAITAN

9.1. LATAR BELAKANG

9.1.1. Objektif penubuhan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) adalah bagi menambah bilangan pelajar yang berpotensi terutamanya dari kawasan luar bandar dan kurang berkemampuan untuk mendapat pendidikan menengah yang sempurna. Kejayaan SBP akan membantu negara membasmi kemiskinan dan merapatkan jurang pendapatan antara yang berada dengan yang miskin. Di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh Dan Sekolah Kecemerlangan (BPSBPSK) adalah bertanggungjawab secara langsung mengurus SBP. Sehingga akhir tahun 2004, bilangan SBP adalah sebanyak 54 buah.

9.1.2. Pada tahun 2005, KPM telah merancang pembinaan 15 buah lagi SBP di seluruh negara dengan skop pembinaan melibatkan kemudahan pentadbiran iaitu antaranya pejabat, bilik Pengetua, bilik Penolong Kanan, bilik guru dan bilik mesyuarat. Bagi kemudahan akademik pula ia melibatkan pembinaan bilik darjah, makmal sains, makmal bahasa, makmal komputer dan pusat sumber; asrama dan kemudahan lain seperti kuarters pegawai, dewan serbaguna, padang permainan/sukan, surau dan kantin. Kos anggaran bagi setiap projek SBP ialah antara RM38.48 juta hingga RM76.25 juta. Selain kerja pembinaan bangunan, projek SBP ini juga melibatkan pembekalan perabot dan peralatan.

9.1.3. Pegawai Penguasa projek pembinaan SBP ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia dan projek ini dikawal selia oleh Bahagian Pembangunan Pelajaran (BPP), KPM. Sebanyak 15 Kontraktor telah dilantik secara rundingan terus dan projek ini dilaksanakan secara Reka Dan Bina (Design And Build) dan Konvensional. Butiran projek pembinaan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.1
SENARAI 15 PROJEK PEMBINAAN SBP DAN KEMUDAHAN LAIN YANG BERKAITAN

BIL.	SEKOLAH/NEGERI	KONTRAKTOR	KOS KONTRAK ASAL (RM Juta)	TARIKH	
				SIAP ASAL (KONTRAK)	PENYERAHAN PROJEK
SIAP DALAM RMKe-9					
1.	Sekolah Menengah Sains (SMS) Bagan Datoh, Perak	CMS Construction Sdn. Bhd.	49.60	14.12.2008	27.02.2009
2.	SMS Kepala Batas, Pulau Pinang	Alunan Asas Bhd.	54.60	19.12.2008	27.02.2009
3.	SMS Kubang Pasu, Kedah	Barat Holding Sdn. Bhd.	43.30	25.02.2009	11.03.2009

BIL.	SEKOLAH/NEGERI	KONTRAKTOR	KOS KONTRAK ASAL (RM Juta)	TARIKH	
				SIAP ASAL (KONTRAK)	PENYERAHAN PROJEK
4.	SMS Rembau, Negeri Sembilan	Cekap Jati Sdn. Bhd.	48.50	11.09.2008	11.09.2009
5.	SMS Tapah, Perak	Panzana Enterprise Sdn. Bhd.	38.48	11.10.2008	23.10.2009
6.	* SMS Banting, Selangor	Primercon Sdn. Bhd.	52.90	26.08.2010	24.11.2010
7.	SMS Hulu Terengganu, Terengganu	Ahmad Zaki Resources Berhad	46.37	22.08.2009	25.10.2010
SIAP DALAM RMKe-10					
8.	SMS Setiu, Terengganu	Rafarjawan Sdn. Bhd.	48.52	05.08.2009	13.02.2011
9.	SMS Semberong, Johor	Camire Sdn. Bhd.	55.69	26.08.2010	29.04.2011
10.	* Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP) Bentong, Pahang	Highgard Sdn. Bhd.	56.60	09.04.2011	14.11.2011
11.	* SMS Batu Pahat, Johor	GLR Builders Sdn. Bhd. (Kontraktor Asal)	46.50	15.09.2009	02.03.2012
		Mohamed Reesah Berkat Sdn. Bhd. (Kontraktor Penyelamat)	17.61	28.03.2011	
12.	SMS Kuching, Sarawak	Javel Engineering Sdn. Bhd.	63.00	09.12.2011	12.06.2012
13.	Kolej Tunku Khurshiah, Negeri Sembilan	Johawaki Sdn. Bhd.	76.25	04.06.2011	04.10.2012
14.	SMS Jeli, Kelantan	Haji Daud Che Amat Sdn. Bhd.	66.51	20.02.2012	24.12.2012
BELUM SIAP					
15.	SMS Gua Musang, Kelantan	AKN Construction (M) Sdn. Bhd. (Kontraktor Asal)	50.00	08.05.2010	Dalam Pembinaan (Sehingga 31.12.2013)
		Mansashi Sdn. Bhd. (Kontraktor Penyelamat)	41.67	27.09.2013	

Sumber : BPP, KPM

Nota: (*) - Projek Pembinaan Sekolah Yang Diaudit

9.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan projek pembinaan SBP dan kemudahan lain yang berkaitan telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

9.3. SKOP PENGAUDITAN

9.3.1. Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan projek pembinaan SBP dan kemudahan lain yang berkaitan bagi projek-projek yang dirancang dan dilaksanakan dalam RMKe-9 dan RMKe-10. Sebanyak 3 (20%) daripada 15 projek SBP telah dipilih sebagai sampel Audit iaitu terdiri daripada satu projek Konvensional iaitu projek pembinaan Sekolah Menengah Sains (SMS) Banting, Selangor dan 2 projek Reka Dan Bina iaitu projek pembinaan Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP) Bentong, Pahang dan SMS Batu Pahat, Johor.

9.3.2. Dalam pengauditan ini, pihak Audit menghadapi kekangan untuk mendapatkan dokumen, antaranya sebahagian kontrak perjanjian, perjanjian antara Kerajaan dengan Perunding, Lukisan Siap Bina, *Certificate Of Completion And Compliance* (CCC) dan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan [*Certificate Of Making Good Defects* (CMGD)].

9.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen yang berkaitan dengan projek pembinaan SBP dan kemudahan lain di peringkat KPM, Jabatan Pendidikan Negeri dan Sekolah. Selain itu, pihak Audit telah menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap 3 projek SBP yang dipilih. Temu bual serta perbincangan dengan pegawai yang terlibat, pihak Sekolah, Perunding dan Kontraktor telah diadakan. *Exit Conference* bersama Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia, Pegawai-pegawai Kanan KPM dan Unit Audit Dalam (UAD), KPM telah diadakan pada 6 Mei 2014.

9.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada akhir bulan April hingga September 2013 mendapati ketiga-tiga projek pembinaan SBP yang diaudit telah siap, diserahkan serta beroperasi. Pada tarikh lawatan Audit, ketiga-tiga SBP ini telah dapat menampung seramai 1,845 pelajar. Namun begitu pengurusan terhadap proses pembinaan SBP tidak dilaksanakan dengan cekap dan teratur. Terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan projek ini yang perlu diambil tindakan dan diberi perhatian sewajarnya seperti berikut:

- i. ketiga-tiga projek lewat disiapkan antara 90 hingga 909 hari menyebabkan SBP berkaitan tidak dapat membuat pengambilan pelajar sebagaimana yang dirancang;
- ii. pentadbiran kontrak yang tidak cekap dan teratur di mana 2 kontrak lewat ditandatangani antara 85 hingga 89 hari, 5 Lanjutan Masa lewat diluluskan oleh KPM antara 111 hingga 196 hari daripada tarikh permohonan diterima, Arahan Perubahan Kerja (APK) lewat dimohon antara 187 hingga 775 hari selepas tarikh siap sebenar dan lewat diluluskan antara 49 hingga 428 hari dari tarikh permohonan dan terdapat APK yang tidak dicatatkan tarikh permohonannya;
- iii. Lukisan Siap Bina untuk 2 projek lewat dikemukakan antara 512 dan 651 hari, manakala 1 projek lagi tidak dikemukakan dan *Certificate of Completion And Compliance* (CCC) belum dikemukakan kepada KPM;
- iv. reka bentuk projek/spesifikasi kerja yang kurang lengkap dan sesuai antaranya seperti tiada laluan masuk kenderaan ke padang sekolah dan longkang tidak dibina di laluan pejalan kaki;
- v. kerja elektrik dan mekanikal tidak dilaksanakan/diselesaikan dengan sempurna; kerja pembinaan yang kurang berkualiti dan kerja pembaikan kecacatan/kerosakan yang tidak diambil tindakan sepenuhnya oleh Kontraktor;



- vi. kemudahan dan peralatan seperti bilik makmal komputer, gelanggang permainan dan peralatan ICT tidak digunakan secara optimum; dan sistem pencegah kebakaran tidak berfungsi; dan
- vii. pemantauan oleh KPM dan Perunding masih kurang berkesan kerana terdapat kecacatan dan kerosakan yang belum dibaiki oleh Kontraktor.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas KPM adalah seperti berikut:

9.5.1. Prestasi Projek Pembinaan

9.5.1.1. Pencapaian Kewangan

- a. Peruntukan keseluruhan bagi membina 15 projek pembinaan SBP dan kemudahan lain dari tahun 2008 hingga 2013 adalah berjumlah RM809.15 juta dan sejumlah RM699.85 juta (86.5%) telah dibelanjakan setakat bulan Oktober 2013. Butiran peruntukan dan perbelanjaan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.2
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN 15 PROJEK PEMBINAAN SBP
BAGI TEMPOH TAHUN 2008 SEHINGGA OKTOBER 2013

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
		(RM Juta)	(%)
2008	251.80	227.21	90.2
2009	206.02	147.64	71.7
2010	62.22	130.91	210.4
2011	203.09	134.31	66.1
2012	67.78	44.79	66.4
2013	18.24	14.99	82.2
JUMLAH	809.15	699.85	86.5

Sumber : BPP, KPM Melalui E-mel Bertarikh 23 Oktober 2013

- b. Prestasi perbelanjaan bagi ketiga-tiga projek pembinaan SBP sehingga bulan Disember 2013 telah mencapai RM55.41 juta (99.3%) bagi SMS Banting dan RM56.56 juta (99.9%) bagi SMAP Bentong. Bagi projek pembinaan SMS Batu Pahat pula, perbelanjaan telah mencapai RM40.65 juta termasuk RM18.72 juta (94.8%) di bawah Kontraktor penyelamat. Tambahan/kurangan kos kontrak kesan dari perubahan kerja asal dan pelarasan harga yang diluluskan dan diselaraskan oleh KPM. Butiran kos kontrak dan perbelanjaan bagi 3 projek berkaitan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.3
KOS KONTRAK DAN PERBELANJAAN 3 PROJEK
PEMBINAAN SBP DIAUDIT SEHINGGA DISEMBER 2013

BIL.	SEKOLAH	KOS KONTRAK			PERBELANJAAN	
		ASAL (RM Juta)	TAMBAHAN/ (KURANGAN) (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	SMS Banting, Selangor	52.90	2.92	55.82	55.41	99.3
2.	SMAP Bentong, Pahang	56.60	0.00	56.60	56.56	99.9
3.	SMS Batu Pahat, Johor:					
	i) * Kontraktor Asal	46.50	0.00	46.50	21.92	47.2
	ii) Kontraktor Penyelamat	17.61	2.13	19.74	18.72	94.8

Sumber : *Baucar Bayaran Interim BPP, KPM*

Nota : (*) - *Kontraktor Asal Telah Ditamatkan Kontrak*

- c. BPP juga telah mengeluarkan peruntukan berjumlah RM12.50 juta kepada BPSBPSK bagi tujuan perolehan perabot mudah alih (*loose furniture*) di ketiga-tiga SBP melalui waran peruntukan yang dikeluarkan pada bulan Februari 2011 dan Februari 2012. Berdasarkan semakan Audit terhadap 44 baucar bayaran yang dikemukakan, sejumlah RM5.99 juta telah dibelanjakan.

Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014 Dan 2 Mei 2014

BPP berpandangan prestasi 15 projek SBP akan lebih tinggi sekiranya projek SMS Gua Musang dapat disiapkan mengikut jadual. Bagi projek yang diaudit, kerja tambahan disebabkan pertambahan skop yang perlu dilaksanakan yang tiada pada skop asal di dalam brif projek, keperluan daripada Pihak Berkuasa Tempatan, agensi teknikal, syarikat utiliti dan penyedia perkhidmatan (service provider). Sementara itu, baki peruntukan perabot dan peralatan yang tidak dibelanjakan antara tahun 2011 dan 2012 telah dipulangkan oleh BPSBPSK kepada BPP. Keperluan perabot dan peralatan di sekolah-sekolah tersebut telah dilengkapkan pada tahun yang berikutnya menggunakan peruntukan daripada BPSBPSK dan BPP.

9.5.1.2. Pencapaian Fizikal

Mengikut kontrak asal dan Surat Setuju Terima (SST), tempoh penyediaan projek adalah selama 24 bulan dari tarikh milik tapak bagi SMAP Bentong dan SMS Batu Pahat, manakala 30 bulan bagi SMS Banting. Semakan Audit mendapati ketiga-tiga projek pembinaan SBP yang diaudit telah melewati jadual asal yang ditetapkan dan diberi lanjutan masa antara 90 hingga 223 hari dari tarikh penyediaan asal. Pembinaan SMS Banting dan SMAP Bentong telah disiapkan setelah mendapat lanjutan masa 90 hari dan kedua-dua kontraktor tersebut telah dikecualikan daripada dikenakan Gantirugi Yang Ditetapkan Dan Ditetapkan [*Liquidated Ascertained Damages (LAD)*]. Bagaimanapun,

pembinaan SMS Batu Pahat telah tertangguh dan Kontraktor asal telah ditamatkan perkhidmatannya. Kontraktor penyelamat telah dilantik pada 7 September 2010 bagi menyiapkan projek tersebut dan dikenakan LAD berjumlah RM0.37 juta. Adalah didapati ketiga-tiga projek pembinaan SBP ini lewat diserahkan berbanding dengan tarikh asal projek patut disiapkan di antara 90 hingga 909 hari. Butiran lanjut mengenai prestasi 3 projek adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.4
PRESTASI 3 PROJEK PEMBINAAN SBP DAN KEMUDAHAN LAIN YANG BERKAITAN

SEKOLAH/ KONTRAKTOR/ KOS KONTRAK	TARIKH		TEMPOH EOT (Hari)	TARIKH		TEMPOH SERAH PROJEK DARI TARIKH SIAP ASAL (Hari)	LAD DIKENAKAN (RM)	STATUS PROJEK
	MILIK TAPAK	SIAP ASAL (Kontrak)		SIAP SEBENAR (CPC)	PENYERAHAN PROJEK			
SMS Banting, Selangor / Primercon Sdn. Bhd. / RM52.90 juta	28.02.2008	26.08.2010	90	24.11.2010	24.11.2010	90	601,171 (9,855.27 x 61 hari)	CMGD - 20.11.2012 Akaun Muktamad
SMAP Bentong, Pahang / Highgard Sdn. Bhd. / RM56.60 juta	10.04.2009	09.04.2011	90	06.07.2011	14.11.2011	219	61,200 (10,200.00 x 6 hari)	DLP (Tamat Pada 06.07.2013)
SMS Batu Pahat Johor i. GLR Builders Sdn. Bhd. (Kontraktor Asal) / RM46.50 juta (Asal)	16.09.2007	15.09.2009	90	-	-	909	-	Ditamatkan Pada 23.04.2010
ii. Mohamed Reesah Berkat Sdn. Bhd. (Kontraktor Penyelamat) / RM17.61 juta (baki dari kontrak asal)	29.09.2010	28.03.2011	223	01.03.2012	02.03.2012		374,653 (3,257.85 x 115 hari)	DLP (Tamat Pada 01.03.2014)

Sumber : Seksyen Menengah, BPP, KPM

Nota : EOT - Extension Of Time
LAD - Liquidated And Ascertained Damages
DLP - Defect Liability Period

CPC - Certificate Of Practical Completion
CMGD - Certificate Of Making Good Defects

Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 2 Mei 2014

KPM mengakui bahawa terdapat kelewatan dalam menyiapkan ketiga-tiga projek tersebut. Ia disebabkan pelbagai masalah yang dihadapi seterusnya menyebabkan Lanjutan Masa diluluskan disebabkan masalah tersebut di luar kawalan Kontraktor dan dibenarkan mengikut kontrak. Bagi Projek yang gagal disiapkan dalam tempoh yang diluluskan, denda LAD akan terus dikenakan sehingga projek tersebut siap sepenuhnya.

9.5.2. Pengurusan Pembinaan

9.5.2.1. Perjanjian Kontrak

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas SST dikeluarkan. Semakan Audit terhadap kontrak bagi projek pembinaan SMAP Bentong dan SMS Batu Pahat (Kontrak Penyelamat) telah lewat ditandatangani antara 85 dan 89 hari. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.5
KONTRAK PROJEK PEMBINAAN SBP LEWAT
DITANDATANGANI DAN TIADA TARIKH KONTRAK DICATAT

SEKOLAH	KONTRAKTOR	TARIKH			TEMPOH KELEWATAN SELEPAS 4 BULAN DARI TARIKH SST (Hari) (b) - (a) = (c)
		SST DIKELUARKAN	KONTRAK		
			SEPATUTNYA DITANDATANGANI (a)	SEBENAR DITANDATANGANI (b)	
SMAP Bentong, Pahang	Highgard Sdn. Bhd	27.03.2009	26.07.2009	19.10.2009	85
SMS Batu Pahat, Johor	Mohamed Reesah Berkat Sdn. Bhd. (Kontraktor Penyelamat)	07.09.2010	06.01.2011	05.04.2011	89

Sumber : Dokumen Kontrak

Nota : Pengiraan Tempoh Hari Adalah Termasuk Sabtu, Ahad dan Cuti Am

Pada pendapat Audit, dokumen kontrak hendaklah ditandatangani dalam masa yang ditetapkan dan dicatatkan tarikh bagi memastikan suatu kontrak formal diwujudkan dan syarat kontrak dapat dikuatkuasakan dengan berkesan untuk menjaga kepentingan Kerajaan serta pelaksanaan projek berjalan dengan lancar.

Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014

Bagi projek pembinaan SMAP Bentong, draf dokumen kontrak yang dimajukan ke KPM pada 26 Jun 2009 terdapat banyak pindaan yang perlu dibuat dan Kontraktor mengambil masa yang lama untuk melengkapkan dokumen kontrak dengan sempurna menyebabkan kontrak lewat ditandatangani. Sementara itu, bagi dokumen kontrak projek pembinaan SMS Batu Pahat yang dilaksanakan oleh Kontraktor penyiap, kelewatan disebabkan rayuan oleh Kontraktor penyiap kepada KPM untuk menukarkan jenis kontrak dari Reka dan Bina kepada konvensional tetapi tidak dibenarkan.

9.5.2.2. Arahan Perubahan Kerja

Perenggan 16.2.8 (d) Garis Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya Edisi ke-3 pula menetapkan perubahan kerja tidak boleh diarahkan selepas Tarikh Siap Kerja atau selepas Tarikh Siap Kerja yang dilanjutkan. Perubahan kerja

hendaklah dimohon dan diluluskan dalam tempoh kontrak. Sehingga bulan Oktober 2013 sebanyak 20 APK telah dikeluarkan berjumlah RM4.52 juta. Adalah didapati Kontraktor bagi 2 projek pembinaan SMS Banting dan SMAP Bentong yang melibatkan 4 APK (20%) bernilai RM2.20 juta telah lewat membuat permohonan APK antara 187 hingga 775 hari, manakala KPM pula telah lewat meluluskan 11 APK antara 49 hingga 467 hari selepas projek siap. Selain itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada permohonan APK 3 dan APK 4 bagi SMAP Bentong diluluskan atau sebaliknya kerana tiada maklumat dikemukakan dan tempoh permohonan dan kelulusan untuk kesemua 8 APK bagi projek pembinaan SMS Batu Pahat, tarikh permohonan tidak diperolehi. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.6
PERMOHONAN DAN KELULUSAN ARAHAN PERUBAHAN KERJA
BAGI 3 PROJEK PEMBINAAN SBP SEHINGGA OKTOBER 2013

SEKOLAH	NOMBOR APK	TARIKH			TEMPOH KELEWATAN		AMAUN (RM)
		SIAP SEBENAR (a)	MOHON APK (b)	LULUS APK (c)	MOHON APK (Hari) (b)- (a)	LULUS APK (Hari) (c) - (b)	
SMS Banting, Selangor	APK 1	24.11.2010	09.08.2010	20.12.2011	-	*467	81,203.78
	APK 2						371,485.25
	APK 3						7,744.40
	APK 4						37,503.03
	APK 5						185,294.64
	APK 6						69,605.13
	APK 7		25.10.2011	26.12.2012	335	*428	1,358,836.47
	APK 8		07.01.2013	11.03.2013	775	**49	254,289.69
JUMLAH							2,365,962.39
SMAP Bentong, Pahang	APK 1	06.07.2011	07.06.2009	07.10.2010	-	-	302,523.76
	APK 2		12.05.2011	21.09.2011	-	*132	73,855.00
	APK 3		09.01.2012	TM	187	**TM	315,150.88
	APK 4			TM		**TM	275,186.89
JUMLAH							966,716.53
SMS Batu Pahat, Johor	APK 1	01.03.2012	Tidak Dikemukakan	24.11.2011	TM	TM	131,705.80
	APK 2				TM		34,532.50
	APK 3				TM		150,986.00
	APK 4				TM		15,000.00
	APK 5				TM		70,332.20
	APK 6				TM		91,935.00
	APK 7			03.04.2012	TM	**TM	439,233.00
	APK 8			22.05.2012	TM	**TM	250,845.52
JUMLAH							1,184,570.02
JUMLAH BESAR							4,517,248.94

Sumber : Seksyen Menengah, BPP, KPM

Nota : Pengiraan Tempoh Hari Adalah Termasuk Sabtu, Ahad Dan Cuti Am

TM - Tiada Maklumat

(*) - Tertakluk Kepada AP202

(**) - Tertakluk Kepada SAP S/K.KEW/PK/PP/1100/000000/10/31JLD.31 SK.12(5) Bertarikh 30.11.2011

Pada pendapat Audit, permohonan dan kelulusan APK perlu dibuat dengan teratur dalam tempoh yang ditetapkan serta diperakukan dengan segera bagi memuktamadkan kos sebenar projek pembinaan SBP selaras dengan Arahan Perbendaharaan 202 dan Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 30 November 2011.

Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014 Dan 2 Mei 2014

Bagi projek pembinaan SMS Banting, APK 7 adalah untuk penukaran jenis cerucuk dari RC Piles kepada Sun Pile dan telah dihantar untuk kelulusan pada 2 November 2009. Bagaimanapun, APK 7 ditangguhkan kelulusan kerana nilainya melebihi RM1 juta dan diluluskan selepas APK1 hingga APK 6 dikeluarkan. APK 8 pula merupakan perubahan kerja untuk Kerja-kerja Arkitek dan Struktur dan kelewatan penghantaran kerana Kontraktor menghantar 88 item arahan kerja berdasarkan perubahan dalam Lukisan Pembinaan. Jurukur Bahan mengambil masa yang lama untuk menganalisis, menyusun dan menyertakan kesemua dokumen sokongan dan mengesyorkan 69 item perubahan kerja tambahan dan 3 item perubahan kerja pengurangan.

Bagi projek pembinaan SMAP Bentong, APK 3 dan permohonan yang dikemukakan pada 9 Januari 2012 dibuat tidak secara rasmi manakala dokumen yang lengkap hanya dikemukakan kepada KPM pada 30 Disember 2013 kerana perunding Civil and Structure perlu mendapatkan ulasan bertulis dari Jabatan Kerja Raya Bentong, Pahang.

9.5.2.3. Sijil Lanjutan Masa

Kontraktor hendaklah mengemukakan Notis Permohonan Sijil Lanjutan Masa [Extension Of Time (EOT)] secara bertulis kepada Pegawai Penguasa sekiranya projek dijangka akan lewat disiapkan berdasarkan laporan kemajuan bulanan dan peratus siap kerja pada mesyuarat tapak terakhir sebelum tarikh projek sepatutnya disiapkan. KPM pula perlu meluluskan permohonan EOT sebelum berakhirnya tarikh penyiapan yang dibenarkan di dalam kontrak. Semakan Audit mendapati 6 EOT telah diberikan kepada Kontraktor yang mana terdapat 2 kes kelewatan permohonan EOT selama 54 hingga 144 hari; permohonan EOT 1 oleh Kontraktor GLR Builders Sdn. Bhd. tiada tarikh permohonan dicatat; dan kelewatan KPM dalam meluluskan permohonan di antara 111 hingga 196 hari. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:



JADUAL 9.7

KELEWATAN PERMOHONAN EOT OLEH KONTRAKTOR DAN KELULUSAN KEMENTERIAN

SEKOLAH / KONTRAKTOR	BIL. EOT	TARIKH		TEMPOH EOT		TARIKH EOT DILULUSKAN (c)	KELEWATAN		TARIKH SIAP SEBENAR
		SIAP ASAL/ BARU KONTRAK (Hari) (a)	MOHON EOT (b)	MULA	TAMAT		MOHON EOT (Hari) (b) - (a)	LULUS EOT (Hari) (c) - (b)	
SMS Banting, Selangor / Primercon Sdn. Bhd.	EOT 1	26.08.2010	19.07.2010	27.08.2010	24.11.2010	11.01.2011	-	176	24.11.2010
SMAP Bentong, Pahang / Highgard Sdn. Bhd.	EOT 1	09.04.2011	22.02.2011	10.04.2011	08.07.2011	05.07.2011	-	133	06.07.2011
SMS Batu Pahat, Johor/									
i. GLR Builders Sdn. Bhd. (Kontraktor Asal)	EOT 1	15.09.2009	TM	16.09.2009	14.12.2009	26.05.2009	TM	-	Kontrak Ditamatkan
ii. Mohamed Reesah Berkat Sdn. Bhd. (Kontraktor Penyelamat)	EOT 1	28.03.2011	01.02.2011	29.03.2011	31.08.2011	16.08.2011	-	196	01.03.2012
	EOT 2	31.08.2011	24.10.2011	01.09.2011	30.10.2011	05.03.2012	54	133	
	EOT 3	31.10.2011	23.03.2012	31.10.2011	06.11.2011	12.07.2012	144	111	

Sumber : Seksyen Menengah, BPP, KPM

Nota : Pengiraan Tempoh Hari Adalah Termasuk Sabtu, Ahad Dan Cuti Am
EOT - Extension Of Time TM - Tiada Maklumat

Pada pendapat Audit, Kontraktor perlu memohon EOT lebih awal sebelum tarikh siap asal/baru kontrak dan pihak KPM perlu membuat keputusan untuk meluluskan atau menolak di dalam tempoh yang ditetapkan.

Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014 Dan 2 Mei 2014

Bagi projek pembinaan SMS Batu Pahat, kelewatan permohonan EOT disebabkan kegagalan Kontraktor penyiap mengemukakan EOT lebih awal dengan dokumen yang lengkap. Penilaian terhadap permohonan dan pengesyoran tempoh EOT dilakukan oleh pihak perunding sebaik permohonan diterima. Permohonan EOT akan disemak oleh pihak perunding dan BPP akan meneliti semula setiap permohonan berdasarkan dokumen sokongan yang diperlukan. Sekiranya tidak lengkap, permohonan akan ditangguhkan supaya dokumen tambahan dikemukakan bagi memastikan setiap EOT yang diluluskan adalah adil kepada Kontraktor dan tidak menyebabkan Kerajaan mengalami kerugian.

Tindakan Penambahbaikan

BPP telah menyediakan satu Manual Prosedur Kerja Standard untuk dipatuhi dalam semua peringkat bermula daripada proses permohonan oleh Kontraktor sehingga sijil kelulusan EOT dikeluarkan untuk dipatuhi oleh semua pihak.

9.5.2.4. Penyerahan Projek Siap

Perakuan Siap Kerja [*Certificate of Practical Completion (CPC)*] akan dikeluarkan oleh KPM kepada Kontraktor apabila kerja telah siap sepenuhnya dan bangunan boleh digunakan dan diduduki serta telah memenuhi syarat sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam kontrak. Selaras dengan syarat kontrak, Kontraktor hendaklah mengemukakan notis bertulis yang menyatakan bahawa kerja di tapak telah selesai disiapkan dengan sempurna kepada Pegawai Penguasa. Pegawai Penguasa juga hendaklah dalam tempoh 14 hari mengadakan pemeriksaan bersama Kontraktor sebelum memperakukannya.

Semakan Audit mendapati, KPM telah mengambil milik projek sebaik sahaja projek siap dan diserahkan oleh Kontraktor bagi projek pembinaan SMS Banting dan SMS Batu Pahat. Bagaimanapun, bagi projek pembinaan SMAP Bentong, KPM lewat 131 hari mengambil milik projek selepas siap pembinaan pada 6 Julai 2011 yang hanya diambil alih pada 14 November 2011. Ini menyebabkan tempoh diduduki oleh pengguna sepanjang tempoh tanggungan kecacatan [*Defect Liability Period (DLP)*] yang layak sebanyak 731 hari telah berkurangan sebanyak 131 hari. Butiran status mengambil milik 3 projek pembinaan SBP adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.8
STATUS MENGAMBIL MILIK PROJEK PEMBINAAN SBP

BIL.	SEKOLAH	TARIKH				KELEWATAN TEMPOH AMBIL MILIK (Hari) (b) - (a)	TARIKH TAMAT TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (c)	TEMPOH TANGGUNGAN (Hari)
		MILIK TAPAK	SIAP ASAL	SIAP SEBENAR (a)	AMBIL MILIK (b)			
1.	SMS Banting, Selangor	28.02.2008	26.08.2010	24.11.2010	24.11.2010	-	24.02.2012	457
2.	SMAP Bentong, Pahang	10.04.2009	09.04.2011	06.07.2011	14.11.2011	131	06.07.2013	731 (*600)
3.	SMS Batu Pahat, Johor	16.09.2007 (Asal)	15.09.2009 (Asal)	01.03.2012	02.03.2012	1	01.03.2014	730
		29.09.2010 (Penyelamat)	28.03.2011 (Penyelamat)					

Sumber : Seksyen Menengah, BPP, KPM

Nota : Pengiraan Tempoh Kelewatan Adalah Termasuk Sabtu, Ahad Dan Cuti Am
(*) - Baki Tempoh Tanggungan Kecacatan Selepas Ambil Milik

Pada pendapat Audit, kelewatan KPM mengambil milik projek menyebabkan tempoh bagi mengesan dan membaiki kecacatan yang timbul dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan menjadi semakin singkat.

Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014

Kelewatan yang dialami oleh projek SMAP Bentong adalah disebabkan kelewatan menerima pengesyoran daripada perunding Arkitek disebabkan pertikaian berkaitan yuran perunding sehingga menyebabkan perunding tersebut enggan mengesyorkan pengeluaran CPC.

9.5.2.5. Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan

Dokumentasi yang melibatkan borang-borang berkenaan penyerahan projek dan Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan [*Certificate of Completion and Compliance (CCC)*] perlu disediakan dan dikemukakan kepada KPM selewat-lewatnya dalam tempoh 3 bulan selepas penyerahan projek. Semakan Audit terhadap 3 projek pembinaan SBP mendapati ketiga-tiga projek telah siap dan diserahkan kepada KPM iaitu masing-masing pada 24 November 2010 bagi SMS Banting, 6 Julai 2011 bagi SMAP Bentong dan 1 Mac 2012 bagi SMS Batu Pahat tetapi projek tersebut masih belum mendapat CCC walaupun KPM telah mengeluarkan peringatan kepada semua Perunding terlibat.

Pada pendapat Audit, KPM hendaklah memantau Perunding supaya CCC diperakui untuk kesemua SBP bagi mematuhi Seksyen 70(27)(f) Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133) iaitu menduduki atau membenarkan untuk diduduki apa-apa bangunan atau apa-apa bahagiannya tanpa suatu perakuan siap dan pematuhan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi RM250,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014 Dan 2 Mei 2014

BPP menyedari bahawa ketiga-tiga sekolah SBP mengalami masalah dalam mendapatkan CCC disebabkan pihak perunding perlu melengkapkan borang-borang wajib (Borang G1-G21) sebelum mendapatkan pengesahan daripada agensi berkaitan. BPP telah mengambil beberapa inisiatif bagi membantu perunding seperti mengadakan mesyuarat penyelarasan dan mengemukakan surat kepada agensi berkaitan bagi mendapatkan pengesahan segera dan usaha dilakukan secara berterusan sehingga masalah selesai.

Bagi projek pembinaan SMS Banting, JKR Kuala Langat telah mengarahkan kerja-kerja pembinaan persimpangan jalan keluar masuk (junction treatment) ke tapak dilebarkan semasa pelaksanaan projek pada tahun 2009. Memandangkan terdapat lebihan peruntukan, BPP kini sedang dalam proses bagi melantik Kontraktor baru melalui kontrak berasingan bagi melaksanakan kerja-kerja rawatan persimpangan. Kontraktor tersebut dapat dilantik sebelum 30 Jun 2014 dan kerja-kerja dijangka siap dalam tempoh 6 bulan. Bagi projek pembinaan SMAP Bentong, Borang G1-G21 (CCC) telah dikemukakan kepada Majlis Perbandaran Bentong pada 8 Julai 2013, bagaimanapun terdapat borang yang tidak diisi dengan lengkap oleh Kontraktor menyebabkan pihak Majlis menolak CCC yang telah disediakan oleh perunding arkitek. Bagi projek pembinaan SMS Batu Pahat, kelulusan borang G14 serta G15 (IWK), G19 (JPS) dan G20 (TM) masih belum diperolehi. Berdasarkan mesyuarat pemeriksaan akhir pada 27 Februari 2014, Kontraktor telah membaiki kecacatan pada loji rawatan kumbahan [Sewerage Treatment Plant (STP)] dan pemeriksaan IWK akan dijalankan selewat-lewatnya pada 1 Mei 2014, manakala pihak ketiga telahpun selesai melaksanakan kerja berkaitan urusan Telekom.

9.5.2.6. Perakuan Siap Membaiki Kecacatan

Kerja pembinaan yang kurang memuaskan, kecacatan atau mutu kerja yang tidak menepati kontrak/spesifikasi kerja hendaklah dikenal pasti dan dimaklumkan kepada Kontraktor dalam tempoh tanggungan kecacatan. Semakan Audit mendapati tempoh tanggungan kecacatan bagi ketiga-tiga projek telah pun tamat iaitu SMS Banting pada 24 Februari 2012, SMAP Bentong pada 6 Julai 2013 dan SMS Batu Pahat pada 1 Mac 2014. Bagi projek pembinaan SMS Banting, KPM telah mengeluarkan *Certificate Of Making Good Defects* (CMGD) kepada Kontraktor pada 20 November 2012. Bagaimanapun, CMGD bagi projek pembinaan SMAP Bentong dan SMS Batu Pahat, belum dikeluarkan oleh KPM.

Pada pendapat Audit, pemantauan dan penyeliaan terhadap kerja-kerja pembaikan dalam tempoh DLP oleh Kontraktor perlu dilaksanakan dengan rapi dan laporan status pembaikan kecacatan perlu disemak oleh Perunding serta disusul sehingga selesai sebelum KPM mengeluarkan CMGD.

Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014 Dan 2 Mei 2014

Bagi projek pembinaan SMAP Bentong, CMGD belum dikeluarkan kerana pihak Kontraktor tidak melaksanakan kerja pembaikan kecacatan dengan sempurna semasa dalam tempoh DLP walaupun perunding arkitek telah memberi amaran secara lisan dan bertulis. KPM telah memberi notis peringatan kepada Kontraktor pada 28 Januari 2014 untuk melaksanakan kerja pembaikan. Bagaimanapun, Kontraktor masih gagal melaksanakannya dan KPM telah mengeluarkan notis bagi pelantikan pihak ketiga bagi menjalankan kerja-kerja kecacatan.

Sementara itu, bagi projek pembinaan SMS Batu Pahat, sepanjang tempoh tanggungan kecacatan pihak perunding telah mengadakan mesyuarat serta mengeluarkan notis kepada Kontraktor bagi memperbaiki kesemua kecacatan. Lawatan bersama telah diadakan pada 27 Februari 2014 dan Senarai Kecacatan Akhir telah dikeluarkan oleh perunding arkitek melalui surat bertarikh 4 Mac 2014 dan Kontraktor perlu membuat pembaikan dalam tempoh 3 bulan.

9.5.2.7. Lukisan Siap Bina

Lukisan Siap Bina (As Built Drawing) hendaklah disediakan oleh Kontraktor dan dikemukakan kepada KPM satu set berserta dokumen asal dan salinan Lukisan Siap Bina dalam masa satu bulan selepas tarikh pengeluaran CPC. Mengikut semakan Audit dan maklum balas, KPM hanya menerima Lukisan Siap Bina bagi projek pembinaan SMAP Bentong pada 20 Mei 2013 dan bagi projek pembinaan SMS Batu Pahat pada 28 Ogos 2013 dengan kelewatan 651 dan 512 hari. Butiran status penyerahan Lukisan Siap Bina adalah seperti di jadual berikut:



JADUAL 9.9
STATUS PENYERAHAN LUKISAN SIAP BINA
BAGI 3 PROJEK PEMBINAAN SBP SETAKAT OKTOBER 2013

BIL.	SEKOLAH	TARIKH		KELEWATAN MENGEMUKAKAN LUKISAN SIAP BINA (Hari) [(b) - (a) - (1 bulan)]
		PERAKUAN SIAP KERJA DIKELUARKAN (a)	LUKISAN SIAP BINA DIKEMUKAKAN (b)	
1.	SMS Banting, Selangor	24.11.2010	Tidak Dikemukakan	-
2.	SMAP Bentong, Pahang	06.07.2011	20.05.2013	651
3.	SMS Batu Pahat, Johor	01.03.2012	28.08.2013	512

Sumber : Seksyen Menengah BPP, KPM

Nota : Pengiraan Tempoh Kelewatan Termasuk Sabtu, Ahad Dan Cuti Am

Pada pendapat Audit, Kontraktor mesti mengemukakan Lukisan Siap Bina kepada KPM serta salinan kepada pihak yang berkenaan. Tanpa Lukisan Siap Bina, KPM tidak dapat menentukan binaan sebenar dan perubahan yang dilakukan pada pelan asal serta menyukarkan kerja penyenggaraan dan apabila berlaku kecemasan seperti kebakaran.

Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014

Bagi projek pembinaan SMAP Bentong, kelewatan mengemukakan Lukisan Siap Bina disebabkan perunding arkitek enggan mengesahkan lukisan kerana isu tuntutan yuran tambahan dengan Kontraktor. Disebabkan perunding dilantik oleh Kontraktor, perkara tersebut diselesaikan tanpa perlu melibatkan KPM. Bagaimanapun, kedua-dua pihak gagal menyelesaikan isu pembayaran tersebut dan KPM melalui surat bertarikh 27 Mac 2014 telah mengarahkan perunding arkitek menyediakan Lukisan Siap Bina bagi kerja-kerja di bawah skop arkitek.

9.5.2.8. Pengurusan Dokumen Kontrak Dan Dokumen-dokumen Lain

- a. Dokumen utama yang perlu disemak oleh pihak Audit antaranya kontrak perjanjian, perjanjian antara Kerajaan dengan Perunding (projek konvensional), Lukisan Siap Bina, laporan kemajuan projek, fail projek, waran peruntukan, baucar bayaran dan dokumen berkaitan permohonan dan kelulusan EOT dan APK. Dokumen tersebut adalah penting bagi menentukan sama ada pelaksanaan kerja sebenar dan bayaran adalah berdasarkan kelulusan dan mengikut skop/syarat/spesifikasi yang telah ditetapkan serta dilaksanakan mengikut tempoh yang telah dipersetujui.
- b. Permohonan dokumen dan maklumat berkaitan projek telah dibuat bermula awal bulan April 2013 melalui surat yang menetapkan tempoh yang perlu dikemukakan kepada pihak Audit dalam tempoh satu bulan. Selain itu, pihak Audit juga ada menghantar peringatan dan susulan melalui emel dan secara lisan dari semasa ke semasa kepada Setiausaha, Bahagian Pembangunan Pelajaran, KPM. Bagaimanapun, sehingga selesai pengauditan, beberapa dokumen dan maklumat utama projek ini tidak diperolehi. Ketiadaan

dokumen dan maklumat berkaitan menyebabkan pihak Audit tidak dapat menentukan dan mengesahkan sama ada kerja yang dilaksanakan mengikut reka bentuk dan spesifikasi. Status dokumen kontrak dan dokumen lain yang telah dan belum dikemukakan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.10
STATUS DOKUMEN KONTRAK DAN DOKUMEN LAIN YANG DIMOHON DAN DITERIMA
BAGI 3 PROJEK PEMBINAAN SBP (SEHINGGA 31 DISEMBER 2013)

BIL.	PERIHAL		TARIKH		DITERIMA DARIPADA		TEMPOH LEWAT (Hari)*	CATATAN
			MOHON	TERIMA	KPM	PERUNDING / KONTRAKTOR		
1.	Dokumen Kontrak Perjanjian Di Antara Kerajaan Dan Kontraktor	Primercon Sdn. Bhd.	01.04.2013	13.05.2013	✓	-	-	Jilid 1 dan 2
				28.05.2013	X	✓	28	Jilid 3 hingga Jilid 8
		Highgard Sdn. Bhd.		01.04.2013	✓	-	-	Hanya Jilid 1 sahaja. Baki Jilid kontrak tidak dikemukakan
		GLR Builders Sdn. Bhd.		X	X	X	245	Tidak dikemukakan
		Mohmed Reesah Berkat Sdn. Bhd.		01.04.2013	✓	-	-	Hanya Jilid 1 sahaja
		29.08.2013		X	✓	121	Baki Jilid kontrak dikemukakan semasa lawatan fizikal di Sekolah	
2.	Dokumen Kontrak Perjanjian Di Antara Kerajaan Dan Perunding SMS Banting	Design Context Architects	12.04.2013	X	X	X	263	Tidak dikemukakan
		Jurunding KBZ Sdn. Bhd.		X	X	X		
		Perunding ISP Sdn. Bhd.		X	X	X		
		CKP Nizaruddin Jurukur Bahan Sdn. Bhd.		X	X	X		
3.	Fail Projek	SMS Banting	01.04.2013	01.04.2013	✓	TB	-	-
		SMAP Bentong						
		SMS Batu Pahat						
		Perunding-perunding SMS Banting		X	X	TB	245	Tidak dikemukakan
4.	Arahan Perubahan Kerja Dan Pelarasan Harga Kontrak	SMS Banting	01.04.2013	24.06.2013	✓	-	55	Dikemukakan semasa lawatan fizikal di sekolah
		SMAP Bentong		03.07.2013	X	✓	63	
		SMS Batu Pahat		28.08.2013	X	✓	119	
5.	Lukisan Siap Bina	SMS Banting	01.04.2013	X	X	X	215	Tidak dikemukakan
		SMAP Bentong		27.05.2013	X	✓	27	-

BIL.	PERIHAL		TARIKH		DITERIMA DARIPADA		TEMPOH LEWAT (Hari)*	CATATAN
			MOHON	TERIMA	KPM	PERUNDING / KONTRAKTOR		
		SMS Batu Pahat		21.08.2013	X	✓	113	Dikemukakan semasa lawatan fizikal di sekolah
6.	CMGD	SMS Banting	01.04.2013	01.04.2013	✓	TB	231	-
		SMAP Bentong	Melalui emel pada 21.11.2013	X	X	TB	10	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak dikemukakan • CMGD belum dikeluarkan
		SMS Batu Pahat	TB	-	-	-	-	DLP tamat pada 01.03.2014
7.	CCC	SMS Banting	01.04.2013	X	X	X	-	<ul style="list-style-type: none"> • Mohon semula melalui emel pada 21.11.2013 • CCC belum dikeluarkan
		SMAP Bentong						
		SMS Batu Pahat						

Sumber : BPP, KPM

Nota : CCC - Certificate Of Completion And Compliance

CMGD - Certificate Of Making Good Defects

(✓) - Dikemukakan

(X) - Tidak Dikemukakan

(TB) - Tidak Berkenaan

(*) - Sehingga Pada 31 Disember 2013 (Pengiraan Tempoh Hari Adalah Termasuk Sabtu, Ahad Serta Cuti Am Dan Tidak Mengambil kira 30 Hari Dari Tarikh Permohonan)


- c. Dokumen kontrak perlu direkodkan dan disimpan dengan teratur supaya ianya mudah dikesan dan dirujuk oleh pihak yang memerlukan. Pemeriksaan Audit ke Unit Teknikal, BPP pada 27 Januari 2014 mendapati Unit ini telah disediakan rak dan almari untuk menempatkan dokumen kontrak tetapi dokumen berkenaan tidak direkod dan diindekskan. Ketiadaan rekod/data dokumen yang sempurna menyukarkan pengesanan dan membawa kepada risiko kehilangan dokumen-dokumen penting ini. Unit ini juga masih memerlukan ruang/perabot bagi menempatkan dokumen kontrak yang banyak diterima dari semasa ke semasa. Keadaan penyimpanan dokumen kontrak di beberapa lokasi di Unit Teknikal semasa lawatan Audit adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 9.1



Unit Teknikal, BPP, KPM
- Dokumen Kontrak Yang Tersusun Di Rak Dan Almari Tetapi Tidak Diindeks Menyukarkan Untuk Mengesan Dalam Masa Singkat (27.01.2014)

GAMBAR 9.2



Unit Teknikal, BPP, KPM
- Sebahagian Dokumen Kontrak Yang Terpaksa Ditempatkan Di Ruang Terbuka Kerana Ruang/Rak Penyimpanan Yang Terhad (27.01.2014)

Pada pendapat Audit, pengurusan dokumen kontrak projek pembinaan SBP berkenaan penyimpanan, penempatan, perekodan dan perolehan dokumen daripada Perunding adalah kurang cekap dan kurang teratur menyebabkan pihak KPM tidak dapat mengemukakan dengan lengkap semua dokumen yang dikehendaki dalam tempoh masa yang telah ditetapkan dan sehingga pengauditan selesai dilaksanakan.

Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014 Dan 2 Mei 2014

BPP memaklumkan, pegawainya memerlukan masa yang panjang untuk mengumpulkan dokumen-dokumen untuk dikemukakan kepada pihak Audit. Selain daripada itu, pegawainya juga perlu mengadakan mesyuarat dan sesi perbincangan dengan pihak perunding serta mengadakan lawatan ke sekolah bagi memastikan maklumat dan dokumen adalah lengkap, kemaskini dan berintegriti. BPP juga mengakui bahawa sistem pengurusan dokumen sedia ada perlu diperkemaskan lagi supaya urusan penyimpanan dan pencarian dokumen boleh dilakukan dengan lebih efisien, namun usaha ini memerlukan masa disebabkan ruang penyimpanan dan juga sumber. Sebagai langkah jangka masa pendek, BPP telah menyediakan rak-rak tambahan di ruang sedia ada bagi menyimpan fail dan menandakan dokumen tersebut.

9.5.3. Kualiti Pembinaan

Mengikut Pekeliling Am Bil. 5 Tahun 2004, pelaksanaan projek pembangunan antaranya adalah untuk menyediakan kemudahan yang berkualiti. Kerja pembinaan perlu dilaksanakan dengan kemas dan berada pada tahap piawaian yang boleh diterima.

9.5.3.1. Reka Bentuk Projek/Spesifikasi Kerja Kurang Lengkap/Sesuai

Reka bentuk projek dan spesifikasinya perlu mengambil kira kehendak pemilik, kesesuaian lokasi dan dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan bagi memastikan sesi Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) yang kondusif, keselesaan pengguna, menjamin keselamatan pengguna dan aset Kerajaan serta ketahanan mengikut tempoh yang boleh diterima umum. Semakan Audit mendapati beberapa reka bentuk projek kurang sesuai serta pelaksanaan kerja tidak mengikut spesifikasi kontrak. Butiran lanjut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 9.11
REKA BENTUK PROJEK/SPESIFIKASI KERJA KURANG LENGKAP/SESUAI**

PERIHAL	LOKASI	SEKOLAH
REKA BENTUK KERJA		
Tiada laluan/jalan untuk kenderaan keluar dan masuk (Gambar 9.3 hingga 9.6).	Padang bola sepak dan balapan berhampiran dengan astaka	SMAP Bentong, Pahang
Laluan pejalan kaki tidak bersambung dan longkang tidak diadakan (Gambar 9.7 dan 9.8).	Laluan pejalan kaki dari asrama ke surau	SMS Batu Pahat, Johor
Cermin muka tidak disediakan (Gambar 9.9).	Tandas di semua Blok Bangunan	SMS Batu Pahat

PERIHAL	LOKASI	SEKOLAH
SPEKIFIKASI KERJA		
Bebendul konkrit di sebahagian besar pagar tidak dibina (Gambar 9.10 dan 9.11).	Pagar di sekeliling kawasan sekolah	SMAP Bentong, Pahang
Ketinggian pagar yang dibina 1.5 meter terlalu rendah dan tidak menepati ciri-ciri keselamatan (Gambar 9.12 dan 9.13).	Pagar <i>Chain Link</i> di kawasan pagar sekolah dan asrama perempuan	SMS Batu Pahat, Johor
Pintu gelangsar yang dipasang tidak kukuh dan mudah tertanggal (Gambar 9.14 dan 9.15).	Pintu di bahagian kiri, kanan dan hadapan surau	SMS Batu Pahat, Johor

GAMBAR 9.3



*SMAP Bentong, Bentong, Pahang
- Laluan Ke Padang Dari Tempat Letak Kenderaan Dan Melalui Tangga Astaka
(03.07.2013)*

GAMBAR 9.4



GAMBAR 9.5



*SMAP Bentong, Bentong, Pahang
- Tiada Laluan Masuk Ke Padang Bagi Membawa Masuk Jentera/Peralatan Untuk Kerja Penyelenggaraan Dan Sewaktu Mengadakan Aktiviti/Karnival
(03.07.2013)*

GAMBAR 9.6



GAMBAR 9.7




*SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
- Bumbung Di Laluan Pejalan Kaki Tidak Bersambung Ke Bangunan Surau Lebih Kurang 1 Meter Jaraknya
(28.08.2013)*

GAMBAR 9.8



*SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
- Tiada Longkang Di Kiri Dan Kanan Laluan Pejalan Kaki Menghala Ke Surau Menyebabkan Air Bertakung Dan Lantai Licin Apabila Hujan
(28.08.2013)*



GAMBAR 9.9

*SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
- Cermin Muka Di Tandas Surau Tidak Disediakan
Di Dalam Rekabentuk Asal
(03.07.2013)*

GAMBAR 9.10




*SMAP Bentong, Bentong, Pahang
- Pagar Di Kawasan Belakang Berhampiran
Kuarters Sekolah Tidak Dikemaskan Dengan
Bebendul Konkrit Di Bahagian Bawah
(03.08.2013)*

GAMBAR 9.11



*SMAP Bentong, Bentong, Pahang
- Bebendul Konkrit Tidak Dibina Di Kawasan
Pagar Berhampiran Gelanggang Tenis
(03.08.2013)*

GAMBAR 9.12




*SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
- Ketinggian Pagar Di Asrama Perempuan 1.5 Meter
Tidak Menepati Ciri-ciri Keselamatan
Dan Mudah Dipanjat
(28.08.2013)*

GAMBAR 9.13



*SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
- Ketinggian Pagar Di Sekeliling Sekolah
Hanyalah 1.5 Meter Adalah Tidak Sesuai
Dan Mudah Diceroboh
(28.08.2013)*

GAMBAR 9.14



*SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
- Pintu Gelangsar Yang Dipasang Di Surau
Tidak Kukuh Dan Mudah Tertanggal
(Pandangan Dari Luar Surau)
(28.08.2013)*

GAMBAR 9.15



*SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
- Pintu Gelangsar Yang Dipasang Di Surau
Tidak Kukuh Dan Mudah Tertanggal
(Pandangan Dari Dalam Surau)
(28.08.2013)*



Pada pendapat Audit, kelemahan yang terdapat pada reka bentuk bagi projek pembinaan SBP telah menjejaskan keselesaan pengguna dan mendatangkan risiko kecederaan, keselamatan dan kecurian.

Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014 Dan 2 Mei 2014

- *Rekabentuk asal projek tidak menyediakan skop jalan kerana tiada keperluan pada masa itu memandangkan jalan masuk ke padang bola sepak adalah sama dengan jalan masuk ke STP. Oleh kerana terdapat syarat daripada IWK yang menghendaki STP dipagarkan, ia telah menyebabkan laluan kenderaan ke padang tersekat. Sebagai langkah penyelesaian, pihak perunding Arkitek mencadangkan supaya dibuat jalan masuk ke padang berhampiran pintu masuk utama sekolah untuk kegunaan penyelenggaraan.*
- *perunding arkitek telah mengeluarkan lukisan pembinaan bagi susur gajah yang menunjukkan keperluan pembinaan longkang dan terdapat bukti penerimaan oleh Kontraktor. Kontraktor perlu membina longkang tersebut dan sebahagian daripada senarai kecacatan yang dikeluarkan;*
- *pemasangan cermin muka termasuk dalam lukisan pembinaan bagi tandas. Oleh itu, kontraktor perlu memasang cermin muka tersebut dan perkara ini sebahagian daripada senarai kecacatan yang dikeluarkan;*
- *pagar yang dibina di SMAP Bentong oleh Kontraktor tidak mengikut spesifikasi lukisan asal iaitu 1.8 meter tinggi. Pagar yang dipasang adalah 1.5 meter tinggi. Amaun RM114,752 merupakan amaun bagi keseluruhan skop fencing gate and boundray. Perunding memaklumkan, memandangkan keperluan yang mendesak untuk pembukaan sekolah tersebut, KPM telah bersetuju agar ia dimasukkan sebagai senarai kecacatan semasa projek diserahkan; dan*
- *pembaikan pintu gelangsar di surau telah dilaksanakan oleh pihak ketiga dan berdasarkan lawatan KPM pada 27 Februari 2014 ianya telah diperbaiki.*

9.5.3.2. Kerja Elektrikal Dan Mekanikal Tidak Dilaksanakan/Diselesaikan Dengan Sempurna

Kerja elektrikal dan mekanikal perlu dilaksanakan oleh Kontraktor selaras dengan ketetapan kontrak serta mematuhi peraturan dan piawaian yang ditetapkan bagi memastikan pengguna mendapat kemudahan yang terbaik dan tahap keselamatannya terjamin. Pemeriksaan Audit di ketiga-tiga SBP mendapati beberapa kerja pendawaian dan pemasangan kelengkapan elektrik kurang kemas dan teratur. Butirannya adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 9.12
KERJA/PEMBEKALAN YANG TIDAK DILAKSANAKAN/SELESAI MENGIKUT SEKOLAH

SEKOLAH	KERJA TIDAK DILAKSANAKAN/ DISELESAIKAN	LOKASI	KETERANGAN	BAUCAR BAYARAN / TARIKH	KOS (RM)
SMS Banting, Selangor	Pendawaian soket alir keluar di lantai (Gambar 9.16 hingga 9.18).	Makmal Komputer 1, 2 dan 3 di Aras 1, Blok Pusat Sumber	Peralatan ICT seperti 93 set komputer dan pencetak yang dibekalkan pada 18.12.2012 disimpan di Makmal Komputer 1 dan bilik Keselamatan belum dipasang dan diuji lari	B3039/ 13.05.2011	75,519 (<i>Lump Sum Elektrik Installation - Pusat Sumber</i>)
	Pemasangan soket suis yang tidak kemas (Gambar 9.19 dan 9.20).	Surau	Membahayakan keselamatan pengguna	B1884/ 17.12.2010	3,790,199 (<i>Electrical Installation</i>)
SMAP Bentong, Pahang	Soket yang digunakan tidak dapat menampung beban voltan (Gambar 9.21).	Makmal Fizik/ Kimia/Biologi, Rumah Warden dan Asrama Perempuan	Peralatan seperti penyuling air dan kebuk wasap tidak digunakan dan mudah terbakar	B5057/ 05.08.2011	3,145,000 (<i>External and Internal Electrical Service</i>)
SMS Batu Pahat, Johor	Peralatan server utama tidak dibekalkan dan kerja pendawaian tidak dilaksanakan (Gambar 9.22 hingga 9.25).	Bilik Guru dan Bilik Server (Asal)	Pembekalan dan pendawaian tidak disempurnakan	B3788/ 05.07.2012	110,000 (IT, PA dan AV Sistem)
	Tiada wayar yang disambungkan daripada LCD projektor ke sistem kawalan (<i>Controller System</i>) (Gambar 9.26 dan 9.27).	Dewan Serbaguna	Pihak sekolah menggunakan wayar untuk menyambung LCD projektor dengan komputer riba untuk menggunakannya		
	Pemasangan soket dan pendawaian elektrik yang kurang kemas (Gambar 9.28 hingga 9.31).	Bilik Mesyuarat Utama dan Dewan Serbaguna.	Membahayakan keselamatan pengguna	B3788/ 05.07.2012	1,440,000 (<i>External and Internal Electrical Service</i>)
	Suis bagi setiap penghawa dingin tidak dipasang (Gambar 9.32 dan 9.33).	Bilik Guru dan Pusat Sumber	Pengguna terpaksa menghidupkan dan mematikan penghawa dingin melalui suis di dalam papan suis utama di Bilik Guru untuk menggunakannya,		
	Pendawaian elektrik sistem alat penggera kebakaran disambung ke meter bacaan elektrik rumah warden di Aras Bawah (Gambar 9.34 dan 9.35).	Blok Asrama Puteri	Bacaan penggunaan elektrik dan bil tinggi		

GAMBAR 9.16



SMS Banting, Banting, Selangor
- Keadaan Di Dalam Makmal Komputer 1 Di Mana Kerja Pendawaian Masih Belum Diselesaikan Oleh Kontraktor (24.06.2013)

GAMBAR 9.17



SMS Banting, Banting, Selangor
- Kerja Pendawaian Belum Selesai Dan Wayar Tidak Disambung Kepada Soket Di Dalam Makmal Komputer 1 (24.06.2013)



GAMBAR 9.18

*SMS Banting, Banting, Selangor
- Set Komputer Yang Dibekalkan Pada
Bulan Disember 2012 Masih Di Dalam Kotak
Dan Belum Dipasang Di Makmal Komputer 1
Kerana Kerja Pendawaian Belum Selesai
(24.06.2013)*

GAMBAR 9.19



GAMBAR 9.20



*SMS Banting, Banting, Selangor
- Kerja Pemasangan Soket Suis Yang Tidak Kemas Dan Membahayakan Pengguna Di Surau
(24.06.2013)*

GAMBAR 9.21



GAMBAR 9.22



*SMAP Bentong, Bentong, Pahang
- Kesan Terbakar Pada Soket Akibat Tidak Dapat
Menampung Lebihan Bebanan Elektrik Daripada
Perkakas Di Makmal Fizik/Kimia/Biologi
(03.07.2013)*

*SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
- Kerja Pendawaian Server Utama
Tidak Siap Sepenuhnya
(28.08.2013)*

GAMBAR 9.23



GAMBAR 9.24



*SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
- Pembekalan Peralatan Server Utama
Tidak Dilaksanakan Oleh Kontraktor
(28.08.2013)*

*SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
- Pendawaian Di Dalam Bilik Server
Tidak Siap Sepenuhnya
(28.08.2013)*



GAMBAR 9.25

*SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
- Rak Untuk Peralatan Sub Server Di Makmal
Komputer Masih Kosong
(28.08.2013)*

GAMBAR 9.26



*SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
- Sekolah Terpaksa Membeli Wayar Untuk
Menghubungkan LCD Projektor Dan Komputer
(28.08.2013)*

GAMBAR 9.27



*SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
- LCD Projektor Di Dewan Serbaguna Terpaksa
Diturunkan Sehingga Habis Untuk Digunakan
(28.08.2013)*

GAMBAR 9.28



*SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
- Pemasangan Suis Kawalan Tirai Di
Dewan Serbaguna Tidak Sempurna
Dan Lalan Kabel Terdedah
(28.08.2013)*

GAMBAR 9.29



*SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
- Kerja Pemasangan Soket Yang Kurang Kemas
Di Bilik Mesyuarat Utama
(28.08.2013)*

GAMBAR 9.30




*SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
- Kerja Pendawaian Elektrik Yang Tidak Kemas Di Dewan Serbaguna
(28.08.2013)*

GAMBAR 9.31



GAMBAR 9.32



SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
- Penghawa Dingin Di Pusat Sumber Dan Bilik Guru
Perlu Dikawal Melalui Suis Di Papan Suis Utama
(28.08.2013)

GAMBAR 9.33




SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
- Penghawa Dingin Di Pusat Sumber Tidak
Mempunyai Suis Individu Untuk Mengawalnya
(28.08.2013)

GAMBAR 9.34



SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
- Sistem Penggera Kebakaran Disambung
Ke Meter Bacaan Elektrik Rumah Warden
Aras Bawah
(28.08.2013)

GAMBAR 9.35



SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
- Meter Bacaan Elektrik Bagi 4 Rumah Warden.
Penggunaan Jumlah Elektrik Yang Ditunjukkan
Oleh Meter Bacaan Adalah 3624w Bagi Rumah
Warden Aras Bawah Berbanding 1802w
Bagi Rumah Warden 3
(28.08.2013)

Pada pendapat Audit, kerja elektrikal yang dilaksanakan oleh Kontraktor adalah kurang memuaskan seperti kerja-kerja pemasangan dan pendawaian elektrik. Kecacatan pemasangan punca elektrik boleh mendatangkan risiko kemalangan kepada pengguna.

Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014 Dan 2 Mei 2014

- *Semasa pengauditan dijalankan di SMS Banting, sistem pendawaian belum disambungkan kepada meja workstation kerana ianya belum dibekalkan oleh pembekal yang dilantik berasingan. Selepas meja dan peralatan komputer dibekalkan, pendawaian bagi power outlet telah dilaksanakan oleh pihak sekolah menggunakan peruntukan dari BPSBPSK;*
- *Kecacatan dan kerosakan pada pemasangan soket di SMAP Bentong telah dimasukkan ke dalam senarai kecacatan yang sepatutnya diperbaiki oleh Kontraktor sebelum CMGD dikeluarkan. Bagaimanapun, Kontraktor gagal melaksanakannya dan KPM bersetuju melantik Jabatan Kerja Raya Pahang (Cawangan Kejuruteraan Elektrik) memperbaiki semua kecacatan berkaitan bidang elektrikal;*

- *Bagi projek Reka Dan Bina, skop kontrak adalah berdasarkan kepada lukisan dan spesifikasi yang telah ditetapkan dalam rekabentuk. Perunding M&E bagi projek SMS Batu Pahat mengesahkan bahawa pembekalan pemasangan pendawaian server tiada dalam skop kontrak asal. Kontraktor hanya perlu menyediakan pendawaian infra sahaja. Rak server juga tiada dalam skop kontrak tetapi telah dibekalkan oleh Kontraktor. Semakan dengan pihak sekolah mendapati tiada lagi keperluan pendawaian server memandangkan sekolah telah menggunakan perkhidmatan 1BestariNet. Pemasangan wayar menyambungkan LCD projektor dengan komputer telah dilaksanakan oleh pihak ketiga yang dilantik bagi pembaikan kecacatan kerja elektrik. Pihak JPN mengesahkan kabel bagi LCD projektor telah dipasang pada 7 Mac 2014. Kecacatan/kerosakan pada pemasangan soket telah diselesaikan oleh pihak ketiga yang dilantik dan berdasarkan lawatan pemeriksaan kecacatan akhir yang diadakan pada 27 Februari 2014, pembaikan telah diselesaikan. Ketiadaan suis tidak menjejaskan operasi penggunaan kerana alat kawalan jauh boleh digunakan untuk menghidupkan dan mematikan penghawa dingin tersebut.*

9.5.3.3. Kerja Pembinaan Kurang Berkualiti

Setiap kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang boleh diterima pakai supaya bangunan dan ruang yang dibina boleh digunakan secara optimum, selamat dan kondusif. Lawatan Audit mendapati kerja yang dilaksanakan oleh Kontraktor adalah kurang berkualiti seperti berikut:

JADUAL 9.13
KERJA PEMBINAAN KURANG BERKUALITI

BIL.	KERJA PEMBINAAN KURANG BERKUALITI	LOKASI	SEKOLAH
1.	Keretakan pada struktur bangunan (Gambar 9.36 hingga 9.42)	Pusat Sumber, Bilik Mesyuarat Utama, Bangunan Kuarters Kelas D, F dan G, Unit Bangunan Loji, Surau, Asrama Lelaki dan Perempuan, Rumah Pengetua, Astaka, Pejabat, Bilik Darjah dan Rumah Warden	SMS Banting, SMAP Bentong
2.	Jalan tidak rata dan berlokap. (Gambar 9.43 dan 9.44)	Jalan dalam kawasan sekolah	SMAP Bentong
3.	Gelanggang permainan retak, pecah dan tidak rata hingga menyebabkan air bertakung. (Gambar 9.45 hingga 9.48)	Gelanggang permainan Bola Keranjang, Tennis, Badminton dan Bola Tampar	SMAP Bentong, SMS Batu Pahat
4.	Pam di loji kumbahan tidak berfungsi menyebabkan sistem aliran sisa kumbahan tersumbat. (Gambar 9.49 hingga 9.51)	Loji Kumbahan	SMS Banting, SMAP Bentong, SMS Batu Pahat
5.	Berlaku resapan air di dinding dan siling (berlumut) akibat daripada kebocoran yang berlaku. (Gambar 9.52 hingga 9.58)	Siling tandas asrama Blok Asrama Lelaki dan Perempuan, Blok Akademik, Pusat Sumber dan Kuarters	SMS Banting, SMAP Bentong, SMS Batu Pahat


BIL.	KERJA PEMBINAAN KURANG BERKUALITI	LOKASI	SEKOLAH
6.	Kipas ekzos dipasang terus ke cermin tingkap menyebabkan beberapa cermin dan bilah kipas pecah. Bilah kipas ekzos tidak berfungsi dengan sempurna serta menghasilkan gegaran dan bunyi yang bising dan agak merbahaya. (Gambar 9.59 hingga 9.60)	Tandas dan bilik di Blok Pentadbiran dan Dewan Makan	SMS Batu Pahat
7.	Kerja pemasangan <i>RC Coping</i> tidak berkualiti kerana lapisan simen tidak mencukupi. (Gambar 9.61 dan 9.62)	Kuarters Kelas G dan Asrama Perempuan	SMS Banting, SMS Batu Pahat
8.	Longkang kecil/aliran hujan tiada menyebabkan air hujan bertakung dan lantai licin serta berlumut. (Gambar 9.63 hingga 9.65)	Kuarters Kelas G, Astaka dan Asrama Perempuan	SMAP Bentong, SMS Batu Pahat

GAMBAR 9.36



SMS Banting, Banting, Selangor
- Keretakan Pada Tiang Bangunan
Pusat Sumber
(24.06.2013)

GAMBAR 9.37



SMS Banting, Banting, Selangor
- Apron Slab Pada Longkang Di Bangunan
Kuarters Kelas F Retak Dan Renggang
(24.06.2013)

GAMBAR 9.38



SMS Banting, Banting, Selangor
- Keretakan Pada Tiang Surau Di Bahagian
Laluan Masuk Untuk Pelajar Perempuan
(24.06.2013)

GAMBAR 9.39



SMAP Bentong, Bentong, Pahang
- Keretakan Pada Tiang Bangunan Asrama Lelaki
Yang Bersebelahan Dengan Rumah Warden
(03.07.2013)

GAMBAR 9.40



SMAP Bentong, Bentong, Pahang
- Keretakan Pada Lantai Bangunan Asrama Lelaki
Yang Bersebelahan Dengan Rumah Warden
(03.07.2013)

GAMBAR 9.41



SMAP Bentong, Bentong, Pahang
- Renggang Seluas 5cm Pada Tiang
Bangunan Rumah Pengetua (Banglo Kelas C)
Akibat Mendapan Tanah
(03.07.2013)

GAMBAR 9.42



*SMAP Bentong, Bentong, Pahang
- Keretakan Pada Tiang Astaka
(Pandangan Sebelah Kiri)
(03.07.2013)*

GAMBAR 9.43



*SMS Bentong, Bentong, Pahang
- Jalan Telah Mendap Dan Merekah
Bersebelahan Bangunan Kantin
(03.07.2013)*

GAMBAR 9.44



*SMS Bentong, Bentong, Pahang
- Mendapan Tanah Yang Serious Di
Sebelah Astaka
(03.07.2013)*

GAMBAR 9.45




*SMAP Bentong, Bentong, Pahang
- Gelanggang Badminton Pecah Dan
Menjadi Takungan Air Hujan
(03.07.2013)*

GAMBAR 9.46



*SMAP Bentong, Bentong, Pahang
- Gelanggang Bola Keranjang Pecah
Dan Berlubang
(03.07.2013)*

GAMBAR 9.47



*SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
- Gelanggang Tennis Yang Tidak Rata
Menyebabkan Air Hujan Bertakung
(28.08.2013)*

GAMBAR 9.48



*SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
- Lantai Gelanggang Bola Keranjang
Yang Berlumut Akibat Air Bertakung
(28.08.2013)*

GAMBAR 9.49



*SMS Banting, Banting, Selangor
- Lualan Tangga Untuk Penyenggaraan
Loji Rawatan Kumbahan Tersumbat Dipenuhi
Najis Akibat Pam Yang Tidak Berfungsi
(26.06.2013)*



GAMBAR 9.50



*SMS Bentong, Bentong, Pahang
- Laluan Tangga Untuk Penyenggaraan
Loji Rawatan Kumbahan Telah Tersumbat Dipenuhi
Najis Akibat Pam Yang Tidak Berfungsi
(03.07.2013)*

GAMBAR 9.51




*SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
- Laluan Tangga Untuk Penyenggaraan
Loji Rawatan Kumbahan Dipenuhi Najis
(28.08.2013)*

GAMBAR 9.52



*SMS Banting, Banting, Selangor
- Air Menitis Daripada Siling Sehingga Membasahi
Lantai Di Laluan Tangga Pusat Sumber
(24.06.2013)*

GAMBAR 9.53



*SMS Banting, Banting, Selangor
- Resapan Air Di Siling Tandas Di Blok Akademik
(24.06.2013)*

GAMBAR 9.54



*SMAP Bentong, Bentong, Pahang
- Resapan Air Di Siling Tandas Asrama
Lelaki Akibat Kebocoran
(03.07.2013)*

GAMBAR 9.55



*SMAP Bentong, Bentong, Pahang
- Resapan Air Di Dinding Bilik Kaunseling
Akibat Kebocoran
(03.07.2013)*

GAMBAR 9.56



*SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
- Resapan Air Di Siling Tandas Asrama
Perempuan Akibat Kebocoran
(28.08.2013)*

GAMBAR 9.57



*SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
- Resapan Air Di Dinding Atas Blok
Pusat Sumber Akibat Kebocoran
(28.08.2013)*

GAMBAR 9.58




SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
 - Air Meresap Masuk Ke Dalam Pusat Sumber Melalui Ruang Dinding Yang Terbuka (28.08.2013)

GAMBAR 9.59




SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
 - Sebahagian Bilah Kipas Ekzos Telah Patah Akibat Terkena Cermin Tingkap Di Tandas Blok Pentadbiran (28.08.2013)

GAMBAR 9.60



SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
 - Kipas Ekzos Di Pasang Pada Cermin Tingkap Dewan Makan (28.08.2013)

GAMBAR 9.61



SMS Banting, Banting, Selangor
 - Coping Yang Dipasang Pada Luar Tingkap Bangunan Kuarters Kelas G Telah Tertanggal (24.06.2013)

GAMBAR 9.62



SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
 - Coping Yang Dipasang Pada Luar Tingkap Bangunan Asrama Perempuan Telah Pecah Dan Berlubang (28.08.2013)

GAMBAR 9.63



SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
 - Saluran Longkang Kecil Tidak Dibuat Di Tingkat Satu Asrama Perempuan Menyebabkan Air Hujan Bertakung Dan Lantai Berlumut (28.08.2013)

GAMBAR 9.64



SMAP Bentong, Bentong, Pahang
 - Saluran Longkang Kecil Tidak Dibuat Di Tingkat Satu Kuarters Kelas G Menyebabkan Air Hujan Bertakung Dan Lantai Berlumut (03.07.2013)

GAMBAR 9.65



SMAP Bentong, Bentong, Pahang
 - Air Yang Bercampur Tanah Mengalir Dari Weep Hole Dan Mengotorkan Ruang Lantai Di Hadapan Stor Sukan Astaka Dan Bilik Persalinan Lelaki Dan Perempuan (03.07.2013)



Pada pendapat Audit, pemantauan dan penyeliaan Perunding yang kurang berkesan menyebabkan kerja Kontraktor tidak mematuhi spesifikasi dan piawaian yang ditetapkan. Kerja pembaikan kecacatan dan kerosakan perlu dijalankan segera bagi memastikan masalah ini tidak menjadi semakin serius dan dapat diatasi serta tidak berulang.

Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014 Dan 2 Mei 2014

- *Di SMS Banting, Ground Treatment iaitu Prefabricated Vertical Drain dan surcaj telah dijalankan selama 6 bulan untuk menguatkan struktur tanah sebelum kerja-kerja pembinaan dapat dijalankan manakala apron direkabentuk secara suspended. Keretakan yang masih berlaku adalah minima dan kebanyakan pada dinding dan tiang adalah keretakan plaster manakala keretakan pada dinding longkang dan apron adalah kerana mendapan longkang tersebut.*
- *Di SMAP Bentong, keretakan di struktur bangunan berlaku pada dummy column dan nonsuspended apron. Pihak Kontraktor gagal menyiapkan kerja-kerja pembaikan kecacatan sehingga lawatan pemeriksaan pada 27 Februari 2014.*
- *Kerosakan/kecacatan yang berlaku pada gelanggang di SMAP Bentong tidak melibatkan kerja-kerja struktur sehubungan itu, BPP memutuskan agar pembaikan dilaksanakan oleh JPN Pahang bersama-sama pihak sekolah. Di SMS Batu Pahat, pembaikan gelanggang tenis telah dilaksanakan oleh pihak ketiga berkaitan kerja-kerja architecture dengan kos berjumlah RM174,660 dan berdasarkan lawatan pemeriksaan kecacatan akhir yang diadakan pada 27 Februari 2014, ianya telah disempurnakan.*
- *Di SMS Banting, Sewerage Treatment Plant (STP) telah beroperasi dengan sempurna dan telah memperolehi Surat Kelulusan Sokongan Indah Water Konsortium (IWK) pada 20 Mei 2011. Di SMAP Bentong, masalah STP yang tersumbat disebabkan bekalan elektrik bagi STP belum disambungkan kerana sekolah tidak memohon pemasangan meter oleh TNB. Bagaimanapun, pihak sekolah telah mengesahkan bahawa meter telah dipasang dan sistem STP berfungsi dengan baik. Bagi SMS Batu Pahat, pembaikan terhadap keseluruhan sistem dan logi STP telah dilaksanakan oleh pihak ketiga yang dilantik oleh JPN Johor dengan kos berjumlah RM57,900. Pihak sekolah telah mengesahkan bahawa STP tersebut telah beroperasi dengan sempurna;*
- *Di SMS Banting, kerja-kerja water proofing telah dijalankan oleh sub kontraktor dan tempoh jaminan adalah 10 tahun selepas CPC. Bagi kes kebocoran dan resapan air di SMAP Bentong, pihak kontraktor gagal memperbaiki kecacatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kerja-kerja pembaikan akan dilaksanakan oleh pihak ketiga yang akan dilantik oleh KPM. Di SMS Batu Pahat, kes kebocoran serta resapan air telah dimasukkan sebagai sebahagian daripada senarai kecacatan akhir dan Kontraktor perlu membaiki selewat-lewatnya pada 3 Jun 2014;*

- Di SMS Batu Pahat pembaikan terhadap pemasangan kipas ekzos telah dilaksanakan oleh pihak ketiga dengan kos berjumlah RM85,500;
- Di SMAP Bentong, scupper drain gagal diperbaiki oleh Kontraktor dalam masa DLP dan kerja pembaikan akan dilaksanakan oleh pihak ketiga yang akan dilantik oleh KPM. Di SMS Batu Pahat pula, masalah ketiadaan scupper drain dan spout pipe akan dibina oleh Kontraktor dalam tempoh kecacatan selewat-lewatnya pada 3 Jun 2014.

9.5.3.4. Kerja Pembaikan Kecacatan/Kerosakan

Kontraktor bertanggungjawab untuk melaksanakan kerja/memperbaiki kesemua kecacatan/kerosakan yang dilaporkan oleh Perunding dan pihak sekolah dalam tempoh tanggungan kecacatan sehingga selesai dengan memuaskan. Pemeriksaan Audit mendapati ada kerja pembaikan kecacatan di SMAP Bentong dan SMS Batu Pahat tidak dilaksanakan. Bagaimanapun, kerja-kerja pembaikan kecacatan di SMS Batu Pahat telah dibuat dengan menggunakan wang tahanan Kontraktor selaras dengan Klausula 47.0 (Defect After Completion) dengan melantik pihak ketiga dengan waran peruntukan bertarikh 23 Julai 2013 berjumlah RM376,672. Butirannya adalah seperti di jadual-jadual dan gambar berikut:

JADUAL 9.14
KERJA PEMBAIKAN KECACATAN/KEROSAKAN

SEKOLAH	LOKASI	KERJA YANG TIDAK DILAKSANAKAN
SMAP Bentong, Pahang	Bilik Guru, Pejabat di Blok Pentadbiran dan Asrama Lelaki (Gambar 9.66 hingga 9.68)	Kerja membaiki kebocoran di siling
	Gelanggang Tenis, Sepak Takraw dan Bola Tampar, Padang Bola Sepak, Hoki, Bola Keranjang (Gambar 9.69 dan 9.70)	Permukaan gelanggang yang tidak rata dan retak
SMS Batu Pahat, Johor	Dewan Makan (Gambar 9.71 dan 9.72)	Kerja memecah dan membina semula <i>Internal Scupper Drain</i> yang baru bersaiz 230mm X 150mm termasuk kerja kemas dan pembersihan Kerja memasang dan menggantikan <i>M.S Grating</i> untuk <i>Internal Scupper Drain</i> bersaiz 230mm lebar yang telah berkarat dan rosak dengan <i>Stainless Steel Grating</i> dengan kemas dan sempurna
	Gelanggang Tenis (Gambar 9.73)	Kerja meratakan dan membersihkan permukaan lantai gelanggang tenis termasuk kerja mengecat garisan dengan kemas dan sempurna sepertimana lukisan arkitek
	Loji Rawatan Kumbahan	Kerja penyenggaraan sistem kumbahan Loji Rawatan Kumbahan
	Zon Pentadbiran/Akademik, Asrama Putera, Asrama Puteri dan Dewan Makan,	Kerja penyenggaraan Sistem Pencegah Kebakaran

SEKOLAH	LOKASI	KERJA YANG TIDAK DILAKSANAKAN
	Zon Pentadbiran/Akademik, Bilik Guru, Bilik Urusetia Peperiksaan, Bangunan Kelas, Makmal Sains/Kimia/Biologi, Bengkel Kerja Kayu, Bilik Muzik, Asrama Putera, Asrama Puteri, Rumah Pengetua, Rumah Warden, Kuarters Guru/Staf, Astaka, Surau, Dewan Makan dan Kantin	Kerja penyenggaraan Sistem Elektrik
	Dewan Serbaguna	<ul style="list-style-type: none"> - Membuat pemasangan baru kipas ekzos dari D.B menggunakan paip PVC dan kipas dinding besar industri menggunakan <i>Wire</i> 1.5mm (Siap Kipas), - Kerja baik pulih suis kipas <i>Shouted Circuit</i>. - Pemasangan kipas Panasonic dalam dewan
	Zon Pentadbiran/Akademik, Bilik Guru, Pusat Sumber, Makmal Sains/Kimia/Biologi, Bilik Muzik, Bilik Komputer 1,2 dan 3 dan Dewan Makan	Kerja penyelenggaraan sistem perpaipan termasuk alat kelengkapan hawa dingin dan gas serta kerja berkaitan

Sumber : Laporan Kecacatan Sekolah dan Baucar Bayaran JPN Johor

JADUAL 9.15
KERJA-KERJA PEMBAIKAN KECACATAN OLEH PIHAK KETIGA DI SMS BATU PAHAT

SKOP KERJA	ANGGARAN KOS KPM (RM)	PEROLEHAN/ KONTRAKTOR	NO./TARIKH BAUCAR BAYARAN	NILAI BAUCAR (RM)	PERIHAL
Kerja-Kerja Bangunan (Architecture)	178,057	Sebutharga / Fahrurazi Enterprise	B0172 / 16.12.2013	174,660	Penyenggaraan Bangunan Serta Kerja Berkaitan
<i>Sewerage Treatment Plant</i> (STP)	60,000	Sebutharga / Fakhri Jaya Enterprise	B3827 / 17.09.2013	57,900	Menyenggara Alat Kelengkapan Penyukatan Air Dan Pembentukan
Kerja-Kerja Mekanikal Dan Elektrikal (M&E)	138,615	Pembelian Terus / Perniagaan Fawaiz	B4076 / 26.09.2013	19,900	Penyenggaraan Alat Kelengkapan Hawa Dingin
		Sebutharga / Panorama Gemilang Enterprise	B6277 / 24.10.2013	85,500	Penyenggaraan Sistem Elektrik
		Pembelian Terus / Pembinaan Lutsinar	B8094 / 21.11.2013	19,890	Penyenggaraan Sistem Pencegah Kebakaran
Jumlah M&E				125,290	
JUMLAH KESELURUHAN				357,850	

Sumber : Baucar Bayaran JPN Johor: Pembaikan Kecacatan SMS Batu Pahat

GAMBAR 9.66



GAMBAR 9.67



SMAP Bentong, Bentong, Pahang
- Kerja Pembaikan Kebocoran Di Bilik Guru Belum Selesai Dan Tertangguh Sejak Awal Tahun 2013 (03.07.2013)

GAMBAR 9.68



*SMAP Betong, Bentong, Pahang
- Keadaan Siling Di Tandas Asrama Lelaki Yang Mengalami Kebocoran Dan Resapan Air
(03.07.2013)*

GAMBAR 9.69



*SMAP Bentong, Bentong, Pahang
- Kerja Pembaikan Gelanggang Tenis Tidak Selesai Dan Bahan Binaan Masih Berada Di Gelanggang
(03.07.2013)*

GAMBAR 9.70



*SMAP Bentong, Bentong, Pahang
- Keadaan Padang Hoki Yang Tidak Rata, Berlopak Dan Terdapat Rumput Liar
(03.07.2013)*

GAMBAR 9.71



*SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
- Kedalaman Internal Scupper Drain Tidak Mengikut Saiz Menyebabkan Air Mudah Melimpah Di Dapur Dewan Makan
(28.08.2013)*

GAMBAR 9.72



*SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
- M.S Grating Untuk Internal Scupper Drain Yang Berkarat Dan Rosak
(28.08.2013)*

GAMBAR 9.73



*SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
- Gelanggang Tenis Berlopak Dan Tidak Dibaiki
(28.08.2013)*

Pada pendapat Audit, pihak Perunding telah melaksanakan pemantauan dan seliaan terhadap kerja pembaikan kecacatan di samping pihak sekolah yang melaporkan kerosakan melalui mesyuarat, surat dan secara lisan kepada Kontraktor. KPM hendaklah mempertingkatkan pemantauan bagi memastikan hasil kerja adalah berkualiti dan segala kecacatan diperbaiki dengan segera supaya kemudahan dapat dimanfaatkan secara optimum.



Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014

Pihak Kontraktor masih gagal menyiapkan kerja-kerja pembaikan kecacatan di SMAP Bentong dan BPP telah mengeluarkan surat peringatan terakhir bertarikh 28 Januari 2014 yang memberi tempoh selama 30 hari bagi menyelesaikan isu tersebut. Lawatan pemeriksaan ke atas kerja pembaikan kecacatan oleh Seksyen Teknikal telah diadakan pada 27 Februari 2014 dan didapati pihak Kontraktor masih gagal menyiapkan kerja-kerja pembaikan kecacatan tersebut. Mesyuarat penyelarasan telah diadakan pada 4 Mac 2014. Selepas perbincangan dengan pihak JKR, BPP bersetuju menyerahkan kerja pembaikan kecacatan bagi skop elektrik dan struktur kepada JKR manakala kerja pembaikan kecacatan bagi skop tidak melibatkan struktur diserahkan kepada JPN Pahang dan sekolah.

Bagi Projek Pembinaan SMS Batu Pahat, KPM telah melantik pihak ketiga menyiapkan kerja kecacatan disebabkan kegagalan Kontraktor memperbaiki beberapa kecacatan yang kritikal dan menyebabkan fungsi penggunaan terganggu walaupun tempoh DLP belum tamat. Waran peruntukan berjumlah RM376,672 diturunkan kepada JPN Johor pada 23 Julai 2013. Pihak JPN Johor melaporkan semua kerja-kerja telah siap sepenuhnya. Selanjutnya bagi pembaikan kecacatan yang lain, Senarai Kecacatan Akhir telah dikeluarkan pada 4 Mac 2014 dan Kontraktor diberikan tempoh selama 3 bulan untuk membuat pembaikan.

9.5.4. Kemudahan Tidak Digunakan

Setiap kemudahan yang disediakan seperti bilik, kuarters dan gelanggang permainan adalah berdasarkan *need statement* yang dikeluarkan oleh KPM dan mempunyai fungsi masing-masing untuk digunakan. Lawatan Audit mendapati terdapat kemudahan yang tidak digunakan seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 9.16
KEMUDAHAN YANG TIDAK DIGUNAKAN

SEKOLAH	KEMUDAHAN YANG TIDAK DIGUNAKAN
SMS Banting, Selangor	<ul style="list-style-type: none"> 3 bilik makmal komputer tidak digunakan kerana kerja pendawaian alir keluar soket tidak disiapkan oleh Kontraktor dan perabot belum diperolehi. (Gambar 9.74)
SMAP Bentong, Pahang	<ul style="list-style-type: none"> Makmal komputer tidak digunakan kerana perabot belum diperolehi. (Gambar 9.75) Gelanggang bola keranjang tidak dapat digunakan kerana tiang gol rosak. (Gambar 9.76) Gelanggang tenis rosak dan belum selesai dibaiki. (Gambar 9.77)

GAMBAR 9.74



*SMS Banting, Bentong, Selangor
- Salah Satu Makmal Komputer Tidak Digunakan
Kerana Kerja Pendawaian Belum Selesai Dan
Perabot Belum Diperolehi
(24.06.2013)*

GAMBAR 9.75



*SMAP Bentong, Bentong, Pahang
- Makmal Komputer Tidak Digunakan Kerana
Perabot Untuk Komputer Tidak Dibekalkan
(03.07.2013)*

GAMBAR 9.76



*SMAP Bentong, Bentong, Pahang
- Gelanggang Bola Keranjang Tidak Dapat
Digunakan Kerana Kerosakan Pada Tiang Gol
(03.07.2013)*

GAMBAR 9.77



*SMAP Bentong, Bentong, Pahang
- Gelanggang Tenis Tidak Dapat Digunakan Kerana
Pembaikan Belum Selesai
(03.07.2013)*

Pada pendapat Audit, KPM hendaklah memastikan kemudahan ruang/bilik digunakan secara optimum dan tindakan diambil untuk memastikan gelanggang permainan yang rosak dibaiki supaya aktiviti pelajar dapat diteruskan.

Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014 Dan 2 Mei 2014

Pembekalan meja dan kerusi komputer adalah diuruskan oleh BPSBPSK dan di luar daripada skop kontrak. Sehingga projek ini berakhir dan diserahkan kepada KPM, meja ini masih belum dibekalkan kepada pihak sekolah. Oleh yang demikian, Kontraktor tidak dapat memasang power outlet dan terpaksa meninggalkan kabel yang panjang di lantai. Kabel itu tidak dipotong supaya ia sampai ke aras permukaan meja kelak. Meja dan peralatan komputer telah dibekalkan oleh BPSBPSK dan pendawaian bagi power outlet telah dilaksanakan oleh pihak sekolah menggunakan peruntukan yang disalurkan oleh BPSBPSK.

9.5.5. Sistem Pencegah Kebakaran Tidak Berfungsi

Berdasarkan skop kerja, Kontraktor perlu menyediakan reka bentuk dan memasang sistem pencegah kebakaran yang sesuai mengikut peraturan yang ditetapkan oleh



Jabatan Bomba Dan Penyelamat. Antara komponen sistem pencegah kebakaran yang perlu dibekalkan adalah seperti penggera kebakaran, pengesan kebakaran dan alat pemadam api. Semakan Audit mendapati sistem pencegah kebakaran tidak berfungsi di SMS Batu Pahat. Butirannya adalah seperti di gambar berikut:



SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
 - Sebahagian Sistem Pengesan Dan Pencegah Kebakaran Yang Rosak Dan Tidak Berfungsi
 (28.08.2013)

Pada pendapat Audit, pihak sekolah hendaklah memastikan segala langkah keselamatan diambil dan dipertingkatkan serta memastikan sistem pengesan dan pencegahan kebakaran berfungsi.

Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014

Pihak Kontraktor Projek Pembinaan SMS Batu Pahat gagal memperbaiki kecacatan dan kerosakan pada sistem pencegahan kebakaran. KPM telah melantik pihak ketiga bagi melaksanakan kerja-kerja tersebut dan pembaikan telah siap sepenuhnya. Pengetua sekolah juga telah mengesahkan bahawa sistem tersebut telah berfungsi dengan baik.

9.5.6. Pengurusan Perolehan Dan Penggunaan Perabot Serta Peralatan

Projek pembinaan di 3 SBP ini adalah termasuk perolehan perabot dan peralatan yang antara lain terdiri daripada *built in furniture*, perabot makmal dan peralatan dapur dewan makan di bawah Kontraktor yang dilantik dan pihak BPSBPSK pula bertanggungjawab membuat perolehan bagi perabot dan peralatan (*loose furniture*) untuk SBP.

9.5.6.1. Perolehan Perabot Dan Peralatan Oleh BPSBPK

Peruntukan berjumlah RM12.50 juta telah diturunkan oleh Bahagian Pembangunan Pelajaran kepada BPSBPSK bagi tujuan perolehan perabot dan peralatan (*loose furniture*) yang terdiri daripada peralatan ICT, perabot bilik darjah, perabot asrama dan lain-lain bagi 3 SBP. Perolehan dibuat secara sebut harga dan pembelian terus tertakluk kepada Kontrak KPM, Pekeliling Kontrak

Perbendaharaan dan Kontrak Sistem Panel Kementerian Kewangan. Perolehan dan pembelian berdasarkan kategori *loose furniture* masing-masing dan pengagihan kepada sekolah dibuat secara berperingkat.

9.5.6.2. Perolehan Perabot Makmal Komputer Dan Penggunaan Peralatan ICT

Semakan Audit semasa lawatan di ketiga-tiga SBP mendapati kesemua makmal komputer belum dilengkapi dengan meja dan kerusi yang bersesuaian. Perolehan komputer dan peralatan ICT yang diuruskan oleh BPSBPSK, KPM telah diterima iaitu masing-masing di SMS Banting dan SMS Batu Pahat pada 18 Disember 2012 manakala SMAP Bentong pada 30 Oktober 2012. Lawatan Audit juga mendapati beberapa peralatan ICT yang telah dibekalkan tidak digunakan oleh pihak sekolah atau pihak yang berkenaan. Butirannya adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 9.17
PERALATAN ICT YANG DIBEKALKAN TIDAK DIGUNAKAN

SEKOLAH	PERABOT/ PERALATAN	KATEGORI	SEBAB TIDAK DIGUNAKAN	KOS (RM)	TARIKH PEMBEKALAN	NO./TARIKH BAUCAR BAYARAN
SMS Banting, Selangor	Peralatan ICT (komputer, server dan printer)	<i>Loose Furniture</i>	- Kerja pendawaian di makmal komputer tidak selesai. (Gambar 9.80 dan 9.81)	555,235	18.12.2012	B2238/ 01.01.2013
SMS Batu Pahat, Johor	Sub server untuk Makmal Komputer	<i>Loose Furniture</i>	- Kerja pemasangan server utama tidak selesai menyebabkan sub server untuk komputer belum dipasang dan diuji. (Gambar 9.86)	26,265	09.11.2012	B2010/ 29.11.2012

Sumber : Pemeriksaan Fizikal Di Sekolah Dan Baucar Bayaran BPP dan BPSBPSK, KPM

GAMBAR 9.80



GAMBAR 9.81




SMS Banting, Banting, Selangor
- Peralatan ICT Masih Belum Dipasang Dan Diuji
Akibat Kerja Pendawaian Yang Belum Selesai
(26.06.2013)

GAMBAR 9.82

*SMS Banting, Banting, Selangor
- Meja Dan Kerusi Komputer Tidak
Dibekalkan Di Makmal Komputer
(24.06.2013)*

GAMBAR 9.83

*SMAP Bentong, Bentong, Pahang
- Pihak Sekolah Menggunakan Meja
Peperiksaan Sebagai Alternatif
Meja Komputer
(03.07.2013)*

GAMBAR 9.84

*SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
- Meja Peperiksaan Digunakan Sebagai
Alternatif Untuk Meletakkan Set Komputer
(28.08.2013)*

GAMBAR 9.85

*SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
- Keadaan Makmal Komputer Yang
Tidak Dibekalkan Meja Dan Kerusi
(28.08.2013)*

**GAMBAR 9.86**

*SMS Batu Pahat, Batu Pahat, Johor
- Peralatan Sub Server Untuk Setiap Makmal
Komputer Yang Telah Dibekalkan Oleh
Syarikat Digicity (M) Sdn. Bhd. Diakui
Penerimaan Pada 09.11.2012 Belum Dipasang
Dan Diuji Kerana Kerja Pendawaian Dan
Pembekalan Server Utama Belum
Siap Sepenuhnya
(28.08.2013)*

Mengikut maklum balas daripada pihak sekolah, perolehan perabot meja dan kerusi untuk kegunaan di makmal komputer dan lokasi lain telah dibuat dan telah diterima dari pembekal. Pembayaran telah dibuat oleh pihak sekolah dengan menggunakan sebahagian daripada peruntukan untuk bekalan perabot di bawah pakej rangsangan khas yang dikeluarkan oleh BPSBPSK pada bulan Julai dan Ogos 2013. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.18
PEROLEHAN DAN PERBELANJAAN MEJA DAN KERUSI KOMPUTER

SEKOLAH	TARIKH PERALATAN KOMPUTER DITERIMA DI SEKOLAH	PEROLEHAN PERABOT			BAYARAN
		BUTIRAN	TARIKH MOHON/ DIBEKAL	AMAUN (RM)	NO./ TARIKH BAUCAR
SMS Banting, Selangor	18.12.2012	Membekal 204 buah meja komputer dan 204 buah kerusi komputer	04.10.2013 / 05.10.2013	75,480	B0167 / 12.10.2013
SMAP Bentong, Pahang	30.10.2012	Belian 204 buah meja Komputer	06.09.2013 / 27.11.2013	57,120	A0181 / 02.12.2013
		Belian 204 buah kerusi Komputer	06.09.2013 / 27.11.2013	16,320	A0180 / 02.12.2013
SMS Batu Pahat, Johor	18.12.2012	Membekal 204 buah meja komputer dan 204 kerusi komputer	18.09.2013 / 21.11.2013	70,380	00197 / 20.11.2013
JUMLAH KESELURUHAN				219,300	

Sumber : Waran BPSBPSK, KPM Dan Baucar Bayaran SBP

Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014

Di SMS Banting dan SMS Batu Pahat, semua peralatan ICT telah digunakan selepas perolehan perabot dan peralatan serta pendawaian bagi power outlet dibuat oleh pihak sekolah.

9.5.7. Pemantauan Projek Pembinaan SBP

9.5.7.1. Pemantauan terhadap kerja pembinaan hendaklah sentiasa dilakukan secara berterusan bagi memastikan kerja yang dilaksanakan mengikut skop dan spesifikasi kerja serta disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Bahagian Pembangunan Pelajaran, KPM adalah bertanggungjawab memantau pelaksanaan projek pembinaan SBP secara keseluruhan manakala Perunding telah diberi kuasa sebagai wakil Pegawai Penguasa di tapak. Berdasarkan surat pelantikan dan semakan baucar bayaran, tugas Perunding adalah untuk memberi khidmat perundingan di dalam bidang masing-masing. Skop perkhidmatan termasuk reka bentuk terperinci; dokumentasi tender dan penilaian; pengurusan kontrak; dan penyeliaan kerja pembinaan sehingga projek siap. Perunding juga bertanggungjawab mengesahkan kerja telah siap dilaksanakan sebelum KPM meluluskan pembayaran kepada Kontraktor.

9.5.7.2. Pemantauan yang diadakan melalui mesyuarat tapak walaupun secara berkala masih kurang berkesan kerana masih terdapat kecacatan dan kerosakan di ketiga-tiga projek SBP yang diaudit. *Testing & Commissioning* (T&C) telah dijalankan dan CPC telah diperakukan serta dikeluarkan oleh KPM namun masih terdapat kerja yang belum dijalankan/diselesaikan oleh pihak Kontraktor. Pihak Perunding selaku pihak profesional yang dilantik seharusnya bertanggungjawab menjalankan pengesahan secara telus dan kompeten. Selain



daripada itu, KPM juga perlu membuat semakan fizikal secara rawak di tapak projek untuk memastikan pengesahan yang dijalankan oleh Perunding terhadap kerja yang dilaksanakan oleh Kontraktor adalah betul mengikut laporan kemajuan projek.

Pada pendapat Audit, pemantauan dan pengesahan terhadap kerja pembinaan SBP oleh Perunding yang dilantik masih kurang berkesan kerana terdapat kerosakan dan kecacatan yang tidak diperbaiki oleh Kontraktor. Walaupun telah dilaporkan, beberapa kerja masih tidak dilaksanakan dan kerja yang kurang berkualiti.

Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 11 April 2014

Bagi setiap CPC yang dikeluarkan untuk setiap kontrak, KPM memastikan bahawa semua perunding terlibat telah mengeluarkan pengesyoran bahawa semua skop kerja yang terdapat dalam kontrak telah disiapkan dengan sempurna. Lawatan T&C yang diadakan oleh pihak KPM adalah sebagai check and balance terhadap pengesyoran yang dibuat di mana pegawai KPM yang terlibat akan melakukan pemeriksaan rawak berdasarkan laporan pemeriksaan yang telah dilaksanakan oleh perunding. Sekiranya KPM mendapati bahawa terdapat unsur-unsur kecuaiian atau penipuan dalam sesuatu pengesyoran, KPM akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap perunding tersebut.

Pemantauan yang dilaksanakan oleh KPM berdasarkan kepada lawatan tapak dan juga mesyuarat pemantauan. Sekiranya terdapat isu yang tidak dapat diselesaikan di peringkat perunding dan Kontraktor, mesyuarat penyelarasan akan diadakan. Bagaimanapun, disebabkan bebanan projek yang banyak serta kekangan bilangan pegawai semasa RMKe-9 dan awal RMKe-10, terdapat kelemahan oleh BPP dalam melaksanakan pemantauan serta membuat keputusan yang penting.

9.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan supaya pihak Kerajaan mendapat *best value for money* terhadap projek ini, adalah disyorkan supaya KPM, Kontraktor dan Perunding mengambil langkah seperti berikut:

9.6.1. KPM hendaklah memastikan pentadbiran kontrak diuruskan dengan teratur demi menjaga kepentingan Kerajaan antaranya proses menyedia dan menandatangani kontrak dalam tempoh ditetapkan; Sijil Lanjutan Masa diluluskan dalam tempoh yang sepatutnya; dan Arahan Perubahan Kerja diluluskan dalam tempoh kontrak;

9.6.2. KPM hendaklah memastikan Perunding memperolehi CCC untuk kesemua SBP dan memaklumkan kepada Kementerian Kewangan agar tindakan sewajarnya dapat diambil terhadap Perunding yang tidak melaksanakan tanggungjawab dengan memuaskan;

9.6.3. reka bentuk projek yang dicadangkan perlu mengambil kira keperluan dan keselesaan pengguna, keperluan operasi pentadbiran dan kewangan harian serta P&P dalam suasana kondusif, selamat dan ceria;

9.6.4. KPM hendaklah mempertingkatkan pemantauan bagi memastikan hasil kerja adalah berkualiti dan segala kecacatan diperbaiki dengan segera supaya kemudahan disediakan dapat dimanfaatkan secara optimum bagi mengelakkan kerugian kepada Kerajaan. Manakala bagi projek yang telah tamat DLP, KPM hendaklah mengambil tindakan proaktif dengan menyediakan peruntukan yang mencukupi dan melantik Kontraktor untuk kerja penyenggaraan; dan

9.6.5. kemudahan bilik darjah dan gelanggang permainan hendaklah digunakan dan tindakan segera hendaklah diambil oleh KPM dan Kontraktor bagi membaiki kerosakan supaya kemudahan tersebut dapat digunakan dan aktiviti pelajar dapat diteruskan serta memastikan sistem pengesanan dan pencegahan kebakaran berfungsi bagi mengelakkan risiko kemalangan dan kebakaran.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Dalam Buku Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2013 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari



KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

10. JABATAN PENYIARAN MALAYSIA

- PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN KANDUNGAN PENYIARAN DIGITAL

10.1. LATAR BELAKANG

10.1.1. Jabatan Penyiaran Malaysia yang terdahulu dikenali sebagai Radio Televisyen Malaysia (RTM) merupakan salah satu jabatan di bawah Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (KKMM) bermatlamat untuk menjadi sebuah organisasi penyiaran terulung, bertaraf dunia dan menjunjung Gagasan 1Malaysia. Peranan Jabatan untuk menyebarkan maklumat yang sahih, tepat, mutakhir serta memanfaatkan teknologi maklumat dan media baharu untuk jangkauan khalayak secara maksimum.

10.1.2. Seiring dengan peningkatan teknologi penyiaran dunia, RTM telah mewujudkan saluran baharu iaitu TV Interaktif (TVi) pada 10 April 2011. Objektif saluran ini memberi tumpuan kepada generasi muda agar penyaluran maklumat Kerajaan secara santai dan berkesan dapat dilaksanakan. Di samping itu, saluran TVi memberikan daya inspirasi, elemen interaktif, penonjolan budaya inovatif di kalangan remaja dan integrasi antara etnik di negeri Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Pengisian kandungan siaran bertujuan untuk menyuntik semangat patriotisme, keilmuan dan pengetahuan, hiburan ke arah membuka minda serta memenuhi citarasa remaja.

10.1.3. RTM telah diluluskan peruntukan berjumlah RM90.04 juta bagi tempoh tahun 2011 hingga bulan Jun 2013 di bawah Projek Pembangunan Kandungan Penyiaran Digital (PKPD). Ia meliputi skop membekal program siaran terbitan tempatan berformat *High-Definition* (HD) dan *Standard-Definition* (SD) untuk pengisian saluran TVi. Program siaran tersebut mengandungi kategori telemovie, drama bersiri, dokumentari/majalah, candawara (gameshow) dan animasi. Selain itu, skop projek termasuk penyediaan *multidelivery platform* untuk mempopularkan program yang disiarkan, kajian kepuasan pelanggan dan latihan perolehan. Butiran peruntukan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.1
PERUNTUKAN PROJEK PKPD BAGI TAHUN 2011 HINGGA BULAN JUN 2013

SUMBER PEMBIAYAAN	TEMPOH	PERUNTUKAN ASAL (RM Juta)	PINDAHAN (RM Juta)	PERUNTUKAN DIPINDA (RM Juta)
Pembangunan	2011	-	-	-
	2012	40.0	(4.19)	35.81
	2013	30.0	(5.34)	24.66
JUMLAH		70.0	(9.53)	60.47
Mengurus	2011	4.18	-	4.18
	2012	14.39	-	14.39
	2013	11.00	-	11.00
JUMLAH		29.57	-	29.57
JUMLAH KESELURUHAN		99.57	(9.53)	90.04

Sumber : Bahagian Kewangan KKMM Dan Bahagian Pembangunan Fasiliti RTM

10.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan projek PKPD telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

10.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi prestasi pelaksanaan projek PKPD bagi tempoh 3 tahun iaitu tahun 2011 hingga bulan Jun 2013. Pengauditan telah dijalankan di Bahagian Kewangan dan Bahagian Pembangunan KKMM, Bahagian Pembangunan Fasiliti, Unit Kandungan Dan Kreatif, Unit Saluran TVi dan Perpustakaan TV, RTM di Angkasapuri Kuala Lumpur. Semakan telah dilaksanakan terhadap kesemua 267 baucar bayaran menggunakan peruntukan pembangunan dan juga 55 (13%) daripada 426 perolehan program siaran saluran TVi. Selain itu, analisis Audit juga telah dilaksanakan terhadap data prestasi penyiaran program di saluran TVi.

10.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod, dokumen dan kontrak serta perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab. Selain itu, lawatan dan pemeriksaan fizikal ke Unit Saluran TVi dan Perpustakaan TV, RTM juga telah dilaksanakan. *Exit Conference* telah diadakan dengan Ketua Setiausaha KKMM dan Timbalan Ketua Pengarah RTM pada 7 Februari 2014. *Exit Conference* berkenaan turut dihadiri oleh Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Belanjawan, Kementerian Kewangan Malaysia, Ketua Penolong Pengarah, Seksyen K-Ekonomi, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri serta Unit Audit Dalam (UAD) KKM.



10.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun sehingga September 2013 mendapati secara keseluruhannya pengurusan projek adalah memuaskan dari aspek prestasi penyiaran; penilaian kualiti program dan penyimpanan serta pelupusan pita beta digital. Bagaimanapun, bagi aspek kawalan peruntukan dan perbelanjaan; prestasi fizikal; pengurusan kontrak; pengurusan bon pelaksanaan dan pendaftaran aset adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang dikenalpasti adalah seperti berikut:

- i. perbelanjaan perolehan program bagi saluran TV1 dan TV2 berjumlah RM43.70 juta adalah di luar skop projek PKPD tanpa mendapat kelulusan Unit Perancang Ekonomi dan Perbendaharaan;
- ii. perolehan program saluran TVi berjumlah RM111.83 juta telah melebihi peruntukan sejumlah RM21.79 juta (24.20%) bagi tempoh tahun 2011 hingga bulan Jun 2013;
- iii. KKMM tidak memohon peruntukan pembangunan tambahan bagi membiayai tanggungan berjumlah RM61.78 juta;
- iv. sebanyak 71 program (16.67%) telah siap tetapi lewat jadual, manakala 78 program (18.31%) masih dalam pelaksanaan tetapi melebihi tempoh kontrak asal. Kelewatan pelaksanaan antara 15 hari hingga 14 bulan;
- v. sebanyak 15 program telah diberi kelulusan lanjutan tempoh kontrak melebihi sekali, manakala 8 program diberi kelulusan lanjutan masa selepas tarikh tamat tempoh kontrak;
- vi. *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) berjumlah RM182,142 tidak dikenakan terhadap 42 program siap yang melebihi tempoh sah laku kontrak;
- vii. keseluruhan 413 program yang bernilai melebihi RM50,000 setiap satu tidak mempunyai kontrak formal;
- viii. terdapat 75 program tidak dikemukakan bon pelaksanaan berjumlah RM0.86 juta, manakala 53 program bon pelaksanaan tidak meliputi 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak; dan
- ix. perolehan 366 program berjumlah RM88.04 juta tidak didaftarkan sebagai harta modal Kerajaan.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas KKMM adalah seperti di perenggan berikut:

10.5.1. Prestasi Projek

10.5.1.1. Pencapaian Kewangan

- a. Semakan Audit mendapati sehingga 30 Jun 2013, prestasi perbelanjaan projek adalah berjumlah RM88.04 juta (97.78%). Ini meliputi perbelanjaan pembangunan sejumlah RM58.47 juta dan perbelanjaan mengurus sejumlah

RM29.57 juta. Baki peruntukan pembangunan yang belum dibelanjakan adalah sejumlah RM2.0 juta. Butiran adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.2
PRESTASI PERBELANJAAN PROJEK PKPD HINGGA BULAN JUN 2013

SUMBER PERUNTUKAN	TEMPOH	PERUNTUKAN (RM Juta)	BELANJA (RM Juta)	(%)
Pembangunan	2011	-	-	
	2012	35.81	35.81	
	2013	24.66	22.66	
JUMLAH		60.47	58.47	96.69
Mengurus	2011	4.18	4.18	
	2012	14.39	14.39	
	2013	11.00	11.00	
JUMLAH		29.57	29.57	100
JUMLAH KESELURUHAN		90.04	88.04	97.78

Sumber : Bahagian Kewangan KKMM Dan Bahagian Pembangunan Fasiliti RTM

- b. Kertas dasar RTM menyatakan projek PKPD di bawah peruntukan pembangunan adalah untuk membuat perolehan program terbitan tempatan bagi saluran TVi. Analisis Audit terhadap perbelanjaan mendapati sejumlah RM43.70 juta (49.64%) telah digunakan bagi membayar 170 program saluran TV1 dan TV2. Seterusnya sejumlah RM44.34 juta (50.36%) dibayar untuk 196 program saluran TVi. Penggunaan peruntukan pembangunan bagi saluran TV1 dan TV2 yang bukan dalam skop projek tidak mendapat kelulusan daripada Unit Perancang Ekonomi (UPE) dan Perbendaharaan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.3
PERBELANJAAN PROJEK MENGIKUT SALURAN TV HINGGA BULAN JUN 2013

SUMBER PERUNTUKAN	TEMPOH	PERBELANJAAN		JUMLAH (RM Juta)
		SALURAN TV1 DAN TV2 (RM Juta)	SALURAN TVi (RM Juta)	
Pembangunan	2011	-	-	
	2012	21.47	14.34	
	2013	22.23	0.43	
Jumlah		43.70	14.77	58.47
Mengurus	2011	-	4.18	
	2012	-	14.39	
	2013	-	11.00	
Jumlah		-	29.57	29.57
JUMLAH KESELURUHAN		43.70	44.34	88.04

Sumber : Bahagian Kewangan KKMM Dan Bahagian Pembangunan Fasiliti RTM

- c. Surat Kementerian Kewangan kepada Ketua Setiausaha KKMM bertarikh 19 November 2009 dan 2 Ogos 2012 menyatakan bahawa KKMM hanya boleh membuat perolehan secara rundingan terus sekiranya peruntukan mencukupi. Semakan Audit mendapati KKMM telah meluluskan perolehan secara rundingan terus sebanyak 426 program bagi saluran TVi berjumlah RM111.83 juta. Bagaimanapun, peruntukan yang diluluskan hanya berjumlah RM90.04 juta. KKMM telah membuat komitmen melebihi peruntukan sejumlah RM21.79 juta bagi saluran TVi. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.4
KOMITMEN TAHUNAN BAGI PEROLEHAN SALURAN TVi

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PEROLEHAN (RM Juta)	LEBIHAN KOMITMEN (RM Juta)
2011	4.18	27.12	22.94
2012	50.20	57.04	6.84
2013	35.66	27.67	(7.99)
JUMLAH	90.04	111.83	21.79

Sumber : Bahagian Kewangan KKMM Dan Bahagian Pembangunan Fasiliti RTM

- d. Arahan Perbendaharaan (AP) 58 (a) menetapkan sekiranya peruntukan tidak mencukupi Pegawai Pengawal hendaklah membuat permohonan tambahan kepada Perbendaharaan. Semakan Audit mendapati tanggungan bersih saluran TVi berjumlah RM63.78 juta melibatkan sebanyak 229 program. Mengikut perkiraan Audit, KKMM kekurangan sejumlah RM61.78 juta bagi membiayai tanggungan bersih. KKMM tidak memohon peruntukan pembangunan tambahan daripada Unit Perancang Ekonomi bagi membayar perolehan program yang telah diluluskan. Ini disebabkan KKMM tidak mempunyai rekod yang kemas kini bagi jumlah tanggungan saluran TVi. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.5
TANGGUNGAN PROGRAM BAGI PROJEK PKPD HINGGA BULAN JUN 2013

TAHUN	BILANGAN PROGRAM	JUMLAH TANGGUNGAN (RM Juta)	BAKI PERUNTUKAN PEMBANGUNAN (RM Juta)
2011	4	1.48	-
2012	106	34.93	-
2013	119	27.37	2.0
JUMLAH	229	63.78	2.0
KEPERLUAN TAMBAHAN PERUNTUKAN		61.78	

Sumber : Unit Kandungan Dan Kreatif RTM

Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 29 April 2014

Bagi mengatasi isu penggunaan peruntukan pembangunan oleh saluran TV1 dan TV2 sebanyak RM43.70 juta, KKMM telah mengemukakan surat kepada Unit Perancang Ekonomi (UPE) pada 9 April 2014. KKMM sedang menunggu maklum balas.

Bagi isu berkaitan komitmen melebihi peruntukan sejumlah RM21.79 juta, KKMM akan menguruskan bayaran melalui peruntukan mengurus. Selain itu, RTM telah mengadakan Bengkel Penyeragaman Dan Perolehan Rancangan Tahun 2014 bagi penambahbaikan dan ketulusan dalam proses perolehan. KKMM dan RTM akan menyusuli resolusi bengkel untuk pertimbangan pengurusan tertinggi.

Di samping itu, perolehan program TV RTM untuk tahun 2015 akan dilaksanakan berdasarkan kepada peruntukan yang diluluskan sahaja. Sekiranya ada keperluan untuk menambah perolehan bilangan program TV yang tidak diperuntukkan, RTM akan melaksanakan perolehan tersebut melalui proses penjimatan atau pindah peruntukan daripada aktiviti lain mengikut keperluan semasa.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan PKPD adalah kurang memuaskan kerana terdapat kelemahan daripada aspek kawalan peruntukan dan perbelanjaan. Ini menyebabkan berlaku perbelanjaan di luar skop projek pembangunan, perolehan melebihi peruntukan dan rekod kewangan tidak diselenggara dengan baik. Bagaimanapun, RTM telah membelanjakan peruntukan keseluruhan sehingga 97.78%.

10.5.1.2. Prestasi Fizikal

- a. Surat Setuju Terima (SST) menetapkan pembekal perlu menyiapkan program dalam tempoh 4 bulan hingga 12 bulan dari tarikh SST ditandatangani. Bagi saluran TVi sebanyak 426 program telah diluluskan untuk pelaksanaan. Sehingga 30 Jun 2013 sebanyak 196 program (46.01%) telah siap, 220 program (51.64%) masih dalam pelaksanaan dan 10 program (2.35%) telah dibatalkan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.6
PRESTASI FIZIKAL PEROLEHAN SALURAN TVi HINGGA BULAN JUN 2013

TAHUN	BILANGAN PROGRAM	SIAP		DALAM PELAKSANAAN		BATAL
		IKUT JADUAL	LEWAT JADUAL	IKUT JADUAL	LEWAT JADUAL	
2011	95	32	56	-	4	3
2012	211	93	15	23	74	6
2013	120	-	-	119	-	1
JUMLAH KESELURUHAN	426	125	71	142	78	10
		196		220		10

Sumber : Unit Kandungan Dan Kreatif RTM

- b. Analisis Audit mendapati 149 program tidak disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Ini melibatkan 71 program (16.67%) yang telah siap tetapi melebihi tempoh kontrak asal. Selain itu, 78 program (18.31%) masih dalam pelaksanaan tetapi telah melebihi tempoh kontrak asal. Kelewatan pelaksanaan antara 15 hari hingga 14 bulan. Butiran adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.7
PROGRAM LEWAT JADUAL DARI TEMPOH KONTRAK ASAL

STATUS PROGRAM	TAHUN PEROLEHAN	TEMPOH KELEWATAN (Bulan)					BILANGAN PROGRAM LEWAT
		0.5 - 1	1 - 4	5 - 8	9 - 12	13 - 14	
Siap	2011	10	22	15	7	2	56
	2012	5	7	3	-	-	15
	2013	-	-	-	-	-	-
Bilangan Siap		15	29	18	7	2	71
Dalam Pelaksanaan	2011	-	-	1	-	3	4
	2012	10	56	7	-	1	74
	2013	-	-	-	-	-	-
Bilangan Dalam Pelaksanaan		10	56	8	-	4	78
BILANGAN KESELURUHAN							149

Sumber : Unit Kandungan Dan Kreatif RTM

- c. Arahan Perbendaharaan 201.1 (a) menyatakan Pegawai Pengawal boleh memberikan lanjutan tempoh kontrak bekalan tertakluk kepada peraturan dan syarat yang ditetapkan. Setakat 30 Jun 2013, sebanyak 36 program telah dilanjutkan tempoh kontrak. Antara sebab pembekal diberi lanjutan tempoh kontrak ialah kerana kesukaran mendapatkan kesesuaian masa para pelakon, faktor cuaca semasa menjalankan penggambaran dan masalah teknikal.
- d. Arahan Perbendaharaan 201.1 (a) (i) menyatakan pelanjutan tempoh kontrak bekalan hendaklah dipertimbangkan dalam tempoh sah laku kontrak. Semakan Audit mendapati 8 program telah diberi kelulusan selepas tamat tempoh sah laku kontrak antara 15 hari hingga 7 bulan. Kelewatan kelulusan adalah disebabkan kelemahan pemantauan rekod prestasi fizikal projek yang diselenggara oleh RTM. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.8
KELEWATAN MELULUSKAN LANJUTAN TEMPOH KONTRAK

BIL.	PEMBEKAL	TAJUK RANCANGAN	TARIKH TAMAT KONTRAK (ASAL) (a)	LANJUTAN TEMPOH KONTRAK (b)		TARIKH LULUS LANJUTAN TEMPOH KONTRAK (c)	KELEWATAN KELULUSAN (Bulan) (d) = (c-a)
				TARIKH	BULAN		
1.	Alpine Management Sdn. Bhd.	Idea Remaja	17.11.2011	12.01.2012	2	18.04.2012	5
2.	Aquila Emas Sdn. Bhd.	Bertemu Kasih Di Chestershine	11.3.2012	10.04.2012	1	08.08.2012	5
3.	Gain Plex Ventures Sdn. Bhd.	Dr Siber	02.12.2011	28.04.2012	5	14.02.2012	2
4.	Keris Motion Sdn. Bhd.	Kitra	12.11.2011	30.12.2011	1.5	29.11.2011	0.5

BIL.	PEMBEKAL	TAJUK RANCANGAN	TARIKH TAMAT KONTRAK (ASAL) (a)	LANJUTAN TEMPOH KONTRAK (b)		TARIKH LULUS LANJUTAN TEMPOH KONTRAK (c)	KELEWATAN KELULUSAN (Bulan) (d) = (c-a)
				TARIKH	BULAN		
5.	Mel Corporation Sdn. Bhd.	Runut Menari	10.03.2012	30.05.2012	2.5	08.08.2012	5
6.	Nur TV Productions Sdn. Bhd.	Hitam Putih/ Aladdyn	17.11.2011	27.12.2011	1	09.02.2012	3
7.	SV Filem Production Sdn. Bhd.	Alaigal	09.08.2012	28.02.2013	6.5	19.02.2013	6
8.	Keris Motion Sdn. Bhd.	Bila Santubong Berlagu	29.09.2011	16.01.2012	3.5	18.04.2012	7

Sumber : Bahagian Kewangan KKMM

- e. Arahan Perbendaharaan 201.1 (a) (iii) menetapkan Pegawai Pengawal boleh meluluskan pelanjutan tempoh kontrak bekalan hanya sekali sahaja dan tempoh maksimum adalah sehingga 2 tahun. Bagi pelanjutan tempoh kontrak yang melebihi sekali perlu mendapat kelulusan Perbendaharaan. Semakan Audit terhadap 36 program yang diluluskan lanjutan tempoh kontrak mendapati 15 program diberi kelulusan lanjutan masa lebih daripada sekali. Ini termasuk program majalah bertajuk Nova oleh Syarikat HEZ Communication Sdn. Bhd. yang telah diberi lanjutan tempoh kontrak sebanyak 5 kali tanpa kelulusan daripada Perbendaharaan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.9
PROGRAM YANG DILULUSKAN LANJUTAN
TEMPOH KONTRAK MELEBIHI SEKALI

TAHUN	BILANGAN PROGRAM	KEKERAPAN LANJUTAN TEMPOH MASA			
		2	3	4	5
2011	11	9	1	-	1
2012	4	4	-	-	-
JUMLAH	15	13	1	-	1

Sumber : Bahagian Kewangan KKMM

- f. Surat Setuju Terima (SST) menyatakan jika pembekal lewat menyempurnakan tugas dalam tempoh masa yang ditetapkan, penalti ganti rugi kelewatan atau *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) hendaklah dikenakan berasaskan setiap hari kelewatan. Formula pengiraan LAD yang telah ditetapkan adalah:

$$\frac{\text{Bilangan Hari Lewat}}{365} \times \text{BLR Terkini} \times \text{Nilai Kontrak} = \text{LAD}$$

Semakan Audit mendapati 42 program yang telah siap tetapi melebihi tempoh sah laku kontrak antara 24 hingga 217 hari tidak dikenakan sebarang penalti ganti rugi. Mengikut perkiraan Audit sejumlah RM182,142 denda LAD tidak dikutip dan menyebabkan kerugian kepada Kerajaan. Butiran adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.10
BILANGAN PROGRAM LEWAT SIAP TETAPI TIDAK DIKUTIP LAD

TAHUN	BILANGAN PROGRAM	KELEWATAN (Hari)	JUMLAH LAD (RM)
2011	37	24 - 217	168,977
2012	5	24 - 98	13,165
JUMLAH	42		182,142

Sumber : Unit Kandungan Dan Kreatif RTM

- g. Pekeliling Perkhidmatan (PP) Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan setiap fail dan rekod mesti dikemaskini. Semakan Audit mendapati fail pembekal, rekod perolehan dan rekod pemantauan program tidak dikemaskini. Antara rekod dan maklumat penting yang tidak lengkap seperti surat permohonan penangguhan lanjutan masa, surat sokongan lanjutan masa daripada RTM dan surat kelulusan KKMM. Selain itu, rekod mengenai tarikh terima *digital video disc* (DVD), pita beta digital dan kelulusan penilaian program tidak dikemaskini. Ini disebabkan RTM menghadapi kekurangan pegawai untuk melaksanakan tugas-tugas tersebut. Akibatnya, prestasi pembekal tidak dapat dipantau dengan berkesan hingga terdapat kelewatan dalam memberi kelulusan lanjutan tempoh masa dan LAD tidak dapat dikutip.

Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 29 April 2014

KKMM menyatakan kelewatan pelaksanaan program timbul kerana kurangnya pemantauan oleh pihak RTM dan KKMM. Bagi memantapkan pengurusan kontrak perolehan program, tindakan telah diambil dengan penubuhan Jawatankuasa Penilaian dan Semakan Kontrak (JKPDSK) Bekalan dan Perkhidmatan serta pemantauan melalui Sistem Pemantauan Kontrak Bersepadu (eKS).

Bagi isu berkaitan pelanjutan tempoh kontrak, KKMM telah menyiasat dan mendapati seorang pegawai telah mengambil tindakan melampaui bidang kuasa yang diberikan. Surat Tunjuk Sebab telah dihantar kepada pegawai berkenaan pada 16 April 2014. Pada masa yang sama, KKMM telah menubuhkan Jawatankuasa Pelanjutan Tempoh Kontrak Pembekalan Program TV bagi mengatasi isu pemberian kelulusan lanjutan masa yang tidak selaras dengan peraturan.

Masalah kutipan LAD adalah kerana wujudnya kelemahan dalam Surat Setuju Terima (SST) yang dikeluarkan kepada syarikat. Berdasarkan hasil Mesyuarat Penyeragaman dan Penambahbaikan yang diadakan pada 15 hingga 17 Mac 2014, KKMM dan RTM telah memutuskan supaya syarikat-syarikat berkenaan dikenakan LAD. Bagaimanapun, formula pengiraan LAD akan diperhalusi bagi memastikan kesesuaian dengan jenis perolehan. KKMM dan RTM menjangkakan masalah ini dapat diselesaikan sebelum atau pada 30 Jun 2014.

Bagi memastikan setiap fail pembekal, rekod perolehan dan rekod pemantauan program dikemas kini, kriteria pengemaskinian rekod akan ditetapkan sebagai Key Performance Indicator (KPI) dan dimasukkan dalam Sasaran Kerja Tahunan (SKT) pegawai-pegawai di KKMM dan RTM.

Pada pendapat Audit, prestasi fizikal program adalah kurang memuaskan kerana terdapat 71 program lewat disiapkan antara 15 hari hingga 14 bulan dan 42 program tidak dikenakan LAD walaupun telah melebihi tempoh sah laku kontrak. Selain itu, wujud kelemahan terhadap pematuhan prosedur lanjutan tempoh masa kontrak kerana rekod-rekod dan dokumen tidak disimpan dengan baik oleh KKMM dan RTM.

10.5.1.3. Prestasi Penyiaran

- a. Semua program yang telah siap perlu disiarkan di saluran TVi mengikut jadual siaran. Semakan Audit mendapati setakat 30 September 2013 sebanyak 366 program telah disiapkan iaitu 196 program bagi siaran saluran TVi dan 170 program bagi siaran saluran TV1 dan TV2. Analisis terhadap 196 program bagi saluran TVi mendapati semua program telah pun disiarkan.
- b. RTM berpendapat pembiayaan program saluran TV1 dan TV2 dengan peruntukan pembangunan dibenarkan kerana program tersebut akan disiarkan semula di saluran TVi. Analisis Audit terhadap 170 program mendapati sehingga 30 September 2013 hanya 20 program (11.76%) yang telah disiarkan semula di saluran TVi. RTM masih belum menyediakan jadual siaran bagi 150 program yang dibayar melalui peruntukan projek PKPD. Ini menunjukkan perbelanjaan bagi perolehan tidak memberi pulangan optima kepada saluran TVi. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.11
PEROLEHAN TV1 DAN TV2 YANG BELUM DISIARKAN DI SALURAN TVi**

TAHUN PEMBAYARAN	BILANGAN PROGRAM		
	PEROLEHAN SALURAN TV1 DAN TV2	TELAH SIAR DI SALURAN TVi	BELUM DISIARKAN DI SALURAN TVi
2012	70	18	52
2013	100	2	98
JUMLAH	170	20	150

Sumber : Unit Saluran TVi RTM

Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 29 April 2014

RTM menyatakan 67 program berkenaan akan dijadualkan siaran di saluran TVi mulai bulan Mei 2014 sehingga bulan Februari 2015, manakala baki 83 program akan dijadualkan kemudian.

Pada pendapat Audit, prestasi penyiaran program adalah memuaskan kerana sebanyak 196 program yang siap telah disiarkan di saluran TVi. Bagaimanapun, terdapat 150 program saluran TV1 dan TV2 yang dibayar menggunakan peruntukan projek PKPD masih belum disiarkan di saluran TVi.

10.5.1.4. Pencapaian Outcome/Impak

- a. RTM perlu menyediakan kajian pencapaian impak terhadap saluran TVi dengan mengambil kira pencapaian program yang telah disiarkan. RTM telah melaksanakan Kajian Sambutan Penonton dan Kajian Kumpulan Fokus pada tahun 2012. Kumpulan sasaran penonton bagi saluran TVi adalah generasi muda dan etnik di Sabah dan Sarawak. Semakan Audit terhadap laporan mendapati responden kajian tidak meliputi penonton di negeri Sabah dan Sarawak. Kajian tersebut merupakan kajian awal kerana tempoh operasi saluran TVi bermula sepenuhnya pada tahun 2012. Oleh itu, KKMM bercadang untuk melaksanakan kajian impak yang terkini dengan mengambil kira responden dari negeri Sabah dan Sarawak.
- b. Hasil laporan kedua-dua kajian tersebut menunjukkan secara purata hanya 23% responden yang menonton saluran TVi. Namun begitu, 77% responden yang tidak menonton saluran TVi adalah disebabkan mereka tidak mengetahui kewujudan saluran TVi. Responden berpendapat RTM kurang menjalankan aktiviti promosi melalui medium televisyen, radio dan internet. Memandangkan kajian ini tidak mengambil kira responden di negeri Sabah dan Sarawak, menyebabkan hasil kajian tidak memberi gambaran sebenar terhadap pencapaian saluran TVi.

Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 29 April 2014

Kajian impak terhadap program yang disiarkan di saluran TVi berdasarkan kumpulan sasar akan dibuat pada suku tahun ke-empat 2014 dengan menggunakan kaedah Panel Rakyat dan Call Centre bawah KKMM. Selain itu, KKMM telah mengarahkan agen pengiklanan supaya mempergiatkan kempen promosi program RTM.

Pada pendapat Audit, pencapaian outcome/impak program adalah memuaskan kerana RTM telah melaksanakan kajian pencapaian impak bagi saluran TVi. Bagaimanapun, laporan tersebut tidak meliputi penonton di negeri Sabah dan Sarawak. Ini menyebabkan impak program yang disiarkan kepada penonton tidak dapat diukur dengan tepat.

10.5.2. Pengurusan Projek

10.5.2.1. Pengurusan Perolehan


- a. Kementerian Kewangan telah meluluskan penurunan kuasa kepada Lembaga Perolehan A (LPA) KKMM bagi perolehan program secara Rundingan Terus. Semakan Audit mendapati pihak Lembaga Perolehan KKMM telah bersidang sebanyak 11 kali bagi tahun 2011 hingga 2013 dan telah meluluskan 426 program bagi saluran TVi mengikut kategori. Analisis lanjut mendapati pihak KKMM telah mematuhi had nilai yang telah ditetapkan. Butiran adalah seperti di jadual dan carta seperti berikut:

JADUAL 10.12
PEROLEHAN MENGIKUT KATEGORI
BAGI TAHUN 2011 HINGGA BULAN JUN 2013

KATEGORI	BILANGAN PROGRAM	PERATUS (%)	JUMLAH PEROLEHAN (RM Juta)
Dokumentari	141	33	38.05
Telemovie	132	31	15.51
Hiburan	93	22	26.92
Drama Bersiri	49	11	24.92
Animasi	11	3	6.43
JUMLAH	426	100	111.83

Sumber : Unit Kandungan Dan Kreatif RTM

CARTA 10.1
PEROLEHAN PROGRAM MENGIKUT KATEGORI
BAGI TAHUN 2011 HINGGA BULAN JUN 2013



Sumber : Unit Kandungan Dan Kreatif RTM

10.5.2.2. Proses Pemilihan Melalui Sistem *Pitching*

- a. Kementerian Kewangan telah menetapkan syarat tambahan iaitu pelaksanaan Rundingan Terus mesti dibuat melalui sistem *pitching*. Proses *pitching* merupakan penilaian kertas cadangan program yang dibentang oleh pembekal kepada panel penilai RTM yang dilantik. RTM akan mempelawa pembekal untuk mengemukakan kertas cadangan program bagi memenuhi keperluan saluran TV. Bagi tempoh 2011 hingga 30 Jun 2013 sebanyak 5,086 kertas cadangan telah diterima untuk memenuhi keperluan saluran TV1, TV2 dan TVi.
- b. Semakan Audit terhadap senarai perolehan program bagi saluran TVi mendapati 10 program berjumlah RM2.29 juta telah diluluskan oleh LPA dengan melalui kaedah penilaian *finished product* (program sedia untuk disiarkan) atau kaedah penilaian kertas cadangan oleh Jawatankuasa Panel Penilaian Rancangan RTM. KKMM tidak memohon kelulusan Perbendaharaan bagi menggunakan kaedah selain daripada proses *pitching*. Butiran adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.13
SENARAI PROGRAM TIDAK MELALUI PROSES *PITCHING*

BIL.	TAJUK PROGRAM/KATEGORI	PEMBEKAL	NILAI PEROLEHAN (RM Juta)
1.	The Moden Muslim / Islam Today / Majalah	Penumbra Communication Sdn. Bhd.	0.30
2.	Sabah Unik / Dokumentari	Top 3 Production Sdn. Bhd.	0.30
3.	Biar Waktu Menjemputmu / Telemovie	Pro Pictures Sdn. Bhd.	0.11
4.	Ku Ilhamkan Mimpi / Telemovie	JNI Creative Sdn. Bhd.	0.11
5.	Rindu Ini Milik Dia / Drama Bersiri	JNI Creative Sdn. Bhd.	0.54
6.	Kumang, Sulu, Ati, Aku / Telemovie	Megaday Media Sdn. Bhd.	0.11
7.	Aspirasi Pekerti / Ekspresi 4 / Majalah	Nad-zma Maju Sdn. Bhd.	0.30
8.	Kembara Sungai Johor / Dokumentari	Creasian Sdn. Bhd.	0.30
9.	Boleh Diam Tak? / Telemovie	Juara Filem Production Sdn. Bhd.	0.11
10.	Diari Kampus Biru / Telemovie	Uni Utama Management Sdn. Bhd.	0.11
JUMLAH KESELURUHAN			2.29

Sumber : Unit Kandungan Dan Kreatif RTM

- c. Kertas cadangan akan dinilai daripada aspek jalan cerita, olahan dan pendekatan. Seterusnya, panel penilai RTM akan memberikan markah berdasarkan idea yang memenuhi keperluan saluran. Pembekal yang mendapat markah 80% ke atas akan diperakukan kepada LPA KKMM untuk pemilihan muktamad. Semakan Audit terhadap 2,096 program yang melebihi

80% markah mendapati sebanyak 426 program (20.32%) telah diluluskan oleh LPA KKMM bagi saluran TVi. Butiran adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.14
BILANGAN PROGRAM YANG MENDAPAT MARKAH MELEBIHI 80%

TAHUN	BILANGAN PROGRAM		
	KERTAS CADANGAN DITERIMA	MARKAH <i>PITCHING</i> MELEBIHI 80%	LULUS LPA
2011	1825	475	95
2012	638	300	211
2013	2623	1321	120
JUMLAH	5,086	2,096	426
PERATUS (%)			20.32

Sumber : Unit Kandungan Dan Kreatif RTM

10.5.2.3. Proses Mesyuarat Penerbitan

- a. Mesyuarat Penerbitan akan dijalankan selepas Surat Niat dikeluarkan oleh Cawangan Pengurusan Perolehan KKMM (CPP). Tujuan mesyuarat adalah membincangkan pengembangan idea asal yang telah dibentangkan semasa proses *pitching*. Mesyuarat juga membincangkan perincian pelaksanaan program daripada aspek pemilihan pelakon berdasarkan kesesuaian watak, lokasi penggambaran dan penyusunan semula jalan cerita. Selain itu, syarat-syarat pelaksanaan program seperti surat perakuan izin terbit, sijil kebenaran penggambaran, tarikh penghantaran DVD, pita beta digital serta tempoh kontrak akan dimaklumkan. Mesyuarat ini dihadiri oleh wakil Unit Kandungan Dan Kreatif (UKK), Pengurus Saluran TV, Bahagian Pemasaran Dan Promosi RTM berserta pembekal. Proses mesyuarat penerbitan adalah seperti di gambar berikut:



GAMBAR 10.1

*Jabatan Penyiaran Malaysia,
Angkasapuri, Kuala Lumpur
- Mesyuarat Penerbitan Bersama Pembekal
(24.10.2013)*

- b. Semakan Audit terhadap 35 sampel program mendapati purata tempoh masa yang diambil adalah selama 7 bulan dari proses *pitching* sehingga SST dikeluarkan. Proses perolehan program TV mengambil masa yang lama kerana jumlah permohonan yang diterima terlalu tinggi. Selain itu, RTM tidak menetapkan norma tempoh masa bagi setiap proses perolehan menyebabkan perancangan keperluan program tahunan tidak selaras dengan peruntukan. Akibatnya, perolehan program tidak dapat disiapkan

dalam tahun semasa. Purata tempoh masa yang diambil bagi setiap proses adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.15
PURATA TEMPOH MASA BAGI PROSES PEROLEHAN PROGRAM

BIL.	PROSES	PURATA TEMPOH MASA (Bulan)	PIHAK TERLIBAT
1.	Penilaian Proposal (<i>Pitching</i>)	3	UKK, RTM
2.	Pengeluaran Surat Niat Selepas LPA	2	CPP, KKMM
3.	Mesyuarat Penerbitan	1	UKK, RTM
4.	Pengeluaran SST	1	CPP, KKMM
TEMPOH MASA		7	

Sumber : Unit Kandungan Dan Kreatif RTM

Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 29 April 2014

*KKMM akan memohon kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk proses perolehan secara rundingan terus melalui kaedah penilaian proposal oleh Jawatankuasa Panel Penilaian Rancangan RTM dan Penilaian Finished Product. Ini termasuk 10 program yang tidak melalui proses *pitching*.*

Berdasarkan hasil Bengkel Penyeragaman Dan Penambahbaikan Perolehan Rancangan Tahun 2014, RTM telah menetapkan tempoh had masa maksimum bagi setiap proses perolehan meliputi pendaftaran proposal, sesi saringan, pepadanan keperluan, Mesyuarat Jawatankuasa, penyediaan blanket untuk pertimbangan LPA, mesyuarat LPA, penyediaan surat niat dan mesyuarat penerbitan.

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan program adalah kurang memuaskan kerana terdapat 10 program tidak melalui proses *pitching*. Purata tempoh masa proses perolehan selama 7 bulan perlu dipercepatkan kerana boleh menjejaskan pencapaian sasaran siaran program. Selain itu, KKMM telah mematuhi peraturan Surat Perbendaharaan dari segi penurunan kuasa dan had nilai perolehan yang ditetapkan.

10.5.3. Perjanjian Kontrak

10.5.3.1. Pengurusan Kontrak Formal

- a. Arahan Perbendaharaan 176.1 (b) menyatakan bagi perolehan melebihi RM50,000 satu kontrak formal perlu dibuat untuk memastikan kepentingan Kerajaan terjamin. Semakan Audit terhadap 426 program mendapati 413 program berjumlah RM111.30 juta tidak mempunyai kontrak formal. KKMM berpendapat SST yang diguna pakai memadai untuk menggantikan kontrak formal sebagai ikatan antara Kerajaan dengan pembekal. Akibat ketiadaan kontrak formal boleh menyebabkan kepentingan Kerajaan di dalam perolehan ini tidak terjamin. Butiran adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.16
PEROLEHAN PROGRAM YANG MELEBIHI
NILAI RM50,000 TANPA KONTRAK FORMAL

TAHUN	BILANGAN PROGRAM < RM50,000	NILAI PEROLEHAN (RM Juta)	BILANGAN PROGRAM > RM50,000	NILAI PEROLEHAN (RM Juta)
2011	2	0.08	93	27.04
2012	8	0.35	203	56.70
2013	3	0.10	117	27.56
JUMLAH	13	0.53	413	111.30

Sumber : Unit Kandungan Dan Kreatif RTM

- b. Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5 Tahun 2007 menyatakan SST ialah satu dokumen perundangan yang sah dan merupakan sebahagian daripada perjanjian kontrak. SST hendaklah disediakan mengikut terma-terma yang telah ditetapkan dalam Tatacara Pengurusan Perolehan Kerajaan. Semakan Audit terhadap 35 sampel program mendapati semua SST telah disediakan oleh KKMM mengikut garis panduan yang telah ditetapkan serta telah disemak dan diluluskan oleh Penasihat Undang-undang (PUU). Bagaimanapun terdapat klausa yang tidak dinyatakan seperti pelanjutan tempoh kontrak, penangguhan dan perubahan kontrak. Akibatnya RTM akan menghadapi kesukaran dalam proses pemantauan terhadap pelaksanaan program.
- c. RTM bertanggungjawab mendapatkan harga pasaran bagi setiap kategori program untuk dijadikan asas kepada rundingan dengan pembekal. Semakan Audit mendapati RTM telah menggunakan jadual kadar bayaran program mengikut kategori sebagai asas pembayaran. Kadar bayaran program tersebut tidak melebihi harga siling yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Berikut adalah jadual kadar bayaran yang digunakan bagi menetapkan harga tawaran bagi setiap program:

JADUAL 10.17
KADAR BAYARAN PROGRAM MENGIKUT KATEGORI

BIL.	KATEGORI PROGRAM	JANGKA MASA (Minit)	HARGA TAWARAN/EPISOD (RM)
1.	Telemovie	120	110,000
2.	Drama Bersiri	60	42,000
		30	23,000
3.	Sitkom	30	23,000
4.	Dokumentari/Majalah	30	23,000
5.	Animasi	30	45,000
6.	Gameshow (Candawara)/Kuiz	30	23,000

Sumber : Unit Kandungan Dan Kreatif RTM

- d. Program saluran TVi bersiaran menerusi platform ASTRO saluran 180 secara 24 jam. RTM telah menandatangani kontrak sewaan dengan ASTRO pada 16 Mac 2009 berjumlah RM3.9 juta. Tempoh perjanjian adalah selama



3 tahun yang telah tamat pada 16 Mac 2012. Perbincangan antara KKMM dan RTM dengan pengurusan ASTRO pada 13 Jun 2012 telah bersetuju supaya kos sewaan tidak perlu dibayar mulai tahun 2012. Sebagai balasan, RTM akan mempromosikan produk ASTRO iaitu pakej NJOY melalui medium televisyen dan radio miliknya. Semakan Audit mendapati tiada kontrak formal ditandatangani antara kedua-dua pihak bagi tempoh 3 tahun iaitu tahun 2012 hingga 2014. Ini boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan jika berlaku sebarang perselisihan di masa hadapan.

Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 29 April 2014

KKMM akan membentangkan dan seterusnya menggunakan format kontrak formal yang lengkap pada Mesyuarat Lembaga Perolehan A Bil. 3/2014.

Selain itu, satu kontrak formal antara pihak Kerajaan dengan ASTRO sedang dirangka bagi membolehkan saluran TVi bersiaran menerusi platform ASTRO, saluran 180 selama 24 jam secara percuma. Pada masa yang sama, pihak Kerajaan akan mempromosikan produk NJOY di saluran RTM secara percuma. Kontrak dijangka akan ditandatangani sebelum atau pada 30 Jun 2014.

Pada pendapat Audit, pengurusan perjanjian kontrak adalah kurang memuaskan kerana tiada kontrak formal ditandatangani antara KKMM dengan pembekal. SST yang digunakan sebagai gantian kontrak formal tidak menyatakan klausa-klausa yang menjaga kepentingan Kerajaan. Selain itu, ketiadaan kontrak antara KKMM dengan pihak ASTRO boleh menimbulkan perselisihan antara kedua-dua belah pihak. Bagaimanapun, RTM telah mematuhi kadar bayaran program yang tidak melebihi harga siling yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

10.5.3.2. Pengurusan Bon Pelaksanaan

- a. SST dan Arahan Perbendaharaan 176.2 (a) telah menetapkan pembekal perlu mengemukakan bon pelaksanaan bagi perolehan melebihi RM200,000. Semakan Audit mendapati 75 program tidak dikemukakan bon pelaksanaan berjumlah RM0.86 juta bagi perolehan program tahun 2011 hingga 30 Jun 2013. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.18
PROGRAM YANG TIDAK DIKEMUKAKAN BON PELAKSANAAN**

TAHUN	BILANGAN PROGRAM MELEBIHI RM200,000	BILANGAN PROGRAM YANG TIDAK DIKEMUKAKAN BON PELAKSANAAN	NILAI BON YANG TIDAK DIKEMUKAKAN (RM)
2011	79	14	104,650
2012	119	36	552,500
2013	68	25	206,450
JUMLAH KESELURUHAN	266	75	863,600

Sumber : Bahagian Kewangan KKMM

- b. SST telah menetapkan tempoh sah laku Bon Pelaksanaan hendaklah berkuat kuasa sehingga 12 bulan selepas tamat tempoh kontrak. Semakan Audit terhadap rekod pemantauan perolehan program mendapati 53 bon pelaksanaan tidak meliputi tempoh jaminan 12 bulan selepas kontrak tamat. Nilai bon pelaksanaan yang terlibat adalah berjumlah RM0.68 juta. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.19
BON PELAKSANAAN TIDAK MELIPUTI TEMPOH JAMINAN

TAHUN	BILANGAN PROGRAM	JUMLAH AMAUN BON (RM)	TEMPOH TIDAK MELIPUTI JAMINAN (Bulan)
2011	10	74,750	1 - 12
2012	37	564,400	3 - 12
2013	6	44,850	3 - 12
JUMLAH	53	684,000	

Sumber : Bahagian Kewangan KKMM

- c. SPP Bil. 5 Tahun 2007 menyatakan sekiranya tempoh bagi kontrak dilanjutkan, maka pembekal hendaklah mengambil tindakan melanjutkan tempoh sah laku bon pelaksanaan bagi kontrak tersebut. Semakan Audit terhadap 4 program yang lewat jadual bagi tahun 2011 mendapati 2 program yang mendapat kelulusan pelanjutan kontrak tetapi tidak dilanjutkan tempoh sah laku bon pelaksanaan. Butiran adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.20
BON PELAKSANAAN TIDAK DILANJUTKAN TEMPOH SAH LAKU

BIL.	PEMBEKAL	TAJUK PROGRAM	HARGA TAWARAN (RM Juta)	TARIKH TAMAT KONTRAK ASAL	TARIKH LANJUTAN KONTRAK	NILAI BON (RM)	TEMPOH SAH LAKU BON	TEMPOH TIDAK LANJUT
1.	Kelembai Studio (M) Sdn. Bhd.	Robot Boleh / RB X	0.58	17.03.2012	23.10.2012	29,250	18.04.2011	18.04.2012
					29.05.2013		-	-
2.	Keris Motion Sdn. Bhd.	Tiket To Frame / Tiket Menuju Bintang	0.30	03.03.2012	29.10.2012	7,475	30.04.2012	08.03.2013
					18.05.2013		-	-
JUMLAH			0.88			36,725		

Sumber : Bahagian Kewangan KKMM

- d. Cawangan Pengurusan Perolehan KKMM bertanggungjawab dalam memastikan rekod dan pengurusan bon pelaksanaan mematuhi peraturan kewangan. Semakan Audit mendapati kelemahan pengurusan bon pelaksanaan disebabkan kurang pemantauan terhadap rekod-rekod perolehan program. Ini menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak terjamin sekiranya obligasi dalam kontrak tidak dipatuhi.

Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 29 April 2014

Pengurusan bon pelaksanaan akan dipantau melalui Sistem Pemantauan Kontrak Bersepadu (eKS). Pengurusan Tertinggi KKMM telah mengarahkan Unit Audit Dalam untuk memantau tahap penggunaan sistem berkenaan. Tindakan tatatertib akan dikenakan kepada pegawai bertanggungjawab sekiranya pangkalan data dan penggunaan sistem ini tidak disempurnakan sebelum 30 Jun 2014.

Selain itu, berdasarkan maklum balas Kementerian Kewangan terhadap permohonan KKMM berhubung isu tempoh kuat kuasa bon pelaksanaan dan isu pelepasan awal bon pelaksanaan bagi bekalan filem/drama, perenggan 51.1 (b) Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5 Tahun 2007 adalah kekal. Bagaimanapun, KKMM boleh melepaskan bon pelaksanaan lebih awal selaras dengan perenggan 53.1 (a) dan (b) di dalam SPP berkenaan.

Pada pendapat Audit, pengurusan bon pelaksanaan adalah kurang memuaskan kerana terdapat bon pelaksanaan tidak dikemukakan, tempoh jaminan tidak meliputi 12 bulan selepas tamat kontrak dan tempoh sah laku bon tidak dilanjutkan selepas lanjutan tempoh kontrak. Kelemahan tersebut boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan.

10.5.4. Penilaian Kualiti Dan Penyimpanan

10.5.4.1. Proses Penilaian Kandungan

- a. Pada peringkat awal pembekal akan menghantar program siap dalam bentuk *Digital Video Disc* (DVD). Seterusnya, penilaian kandungan oleh panel penilai dijalankan terhadap program bagi menentukan kandungan adalah berkualiti. Program akan dinilai daripada aspek jalan cerita, olahan, pengarahannya, lakonan, kreativiti dan impak keseluruhan. Pembekal perlu mencapai tahap penilaian yang ditetapkan iaitu markah antara 96% hingga 100%. Semakan Audit mendapati 47 program (20.17%) mendapat gred A, 87 program (37.34%) gred A-, 77 program (33.05%) gred B+ dan 22 program (9.44%) gred B. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.21
GRED PROGRAM BERDASARKAN PENILAIAN KANDUNGAN**

PERKARA	MARKAH/GRED				JUMLAH PROGRAM
	A	A-	B+	B	
	96 - 100	91 - 95	86 - 90	80 - 85	
Bilangan Program	47	87	77	22	233
PERATUS (%)	20.17	37.34	33.05	9.44	100

Sumber : Baucar Bayaran Pembangunan, Bahagian Kewangan KKMM

- b. RTM mengenakan potongan harga kontrak kepada pembekal yang gagal mencapai gred A. Program yang memperoleh gred A menerima bayaran penuh manakala bagi gred yang lain akan dibuat potongan harga antara 2% hingga 9% daripada harga yang ditawarkan. Analisis Audit terhadap 233 program siap mendapati 172 program (73.82%) telah dikenakan potongan harga berjumlah RM1.48 juta. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.22
BILANGAN PROGRAM YANG TELAH DIKENAKAN POTONGAN HARGA

GRED	BILANGAN PROGRAM MENGIKUT GRED	JUMLAH POTONGAN HARGA (RM)
A-	80	373,000
B+	72	691,000
B	20	419,000
JUMLAH	172	1,483,000

Sumber : Unit Kandungan Dan Kreatif RTM

Pada pendapat Audit, proses penilaian kandungan program adalah memuaskan kerana telah dapat mengesan 79.83% program yang tidak memenuhi tahap kualiti. Selanjutnya, 172 program telah dikenakan potongan harga kontrak berjumlah RM1.48 juta.

10.5.4.2. Proses Penilaian Teknikal

- a. Setelah penilaian kandungan dijalankan, program dalam bentuk DVD akan dipindahkan ke medium pita beta digital. Seterusnya, proses penilaian teknikal terhadap pita akan dilaksanakan oleh Bahagian Kejuruteraan TV RTM. Penilaian ini bertujuan untuk menentukan mutu teknikal bahan atau spesifikasi teknikal di dalam SST telah dipatuhi. Analisis Audit mendapati antara kelemahan yang sering dikesan oleh panel penilaian teknikal adalah daripada aspek audio, video dan pencahayaan.
- b. Pita beta digital hendaklah dinilai dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan bagi kategori telemovie dan dokumentari manakala 60 hari bagi kategori drama bersiri, muzikal, majalah dan animasi. Laporan penilaian teknikal akan dikeluarkan kepada pembekal supaya tindakan penambahbaikan dapat diambil. Seterusnya, Unit Kandungan Dan Kreatif (UKK) RTM akan mengeluarkan Sijil Lulus *Quality Control* (QC) selepas pita beta digital diterima dengan sempurna. Sijil Lulus QC adalah merupakan dokumen penting yang dikemukakan oleh RTM kepada Bahagian Kewangan KKMM bagi tujuan pembayaran. Semakan Audit mendapati 58 program yang dinilai melebihi tempoh yang telah ditetapkan. Kelewatan antara 31 hingga 300 hari disebabkan Panel Penilaian Teknikal menerima jumlah program yang tinggi pada satu masa dan mengakibatkan program tidak dapat



disiarkan mengikut jadual siaran. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.23
TEMPOH MASA PENILAIAN TENIKAL

BIL.	KATEGORI	BILANGAN PROGRAM		JUMLAH PROGRAM
		31 - 180 HARI	60 - 300 HARI	
1.	Telemovie dan Dokumentari	17	-	58
2.	Drama Bersiri, Animasi dan Hiburan	-	41	

Sumber : Unit Kandungan Dan Kreatif RTM

Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 29 April 2014

Proses penambahbaikan penilaian teknikal akan dilaksanakan secara berterusan. Bagi mengatasi masalah beban tugas Panel Penilaian Teknikal, RTM akan mengadakan sesi taklimat khusus kepada pembekal baru untuk menjelaskan syarat yang wajib dipatuhi dalam mengemukakan cadangan program-program TV. Pada masa yang sama, RTM akan memuat naik pematuhan spesifikasi teknikal di dalam portal sebagai makluman kepada pembekal-pembekal. Manual Prosedur Kerja (SOP) berhubung perkara ini telah dibincang dalam Mesyuarat Penyeragaman dan Penambahbaikan Perolehan Rancangan Tahun 2014.

Pada pendapat Audit, proses penilaian teknikal adalah memuaskan kerana telah membuat tapisan teknikal secara teliti. Namun begitu penambahbaikan proses penilaian teknikal perlu dibuat agar dapat memenuhi tempoh yang telah ditetapkan.

10.5.4.3. Proses Penyimpanan

- a. Program yang telah siap dengan sempurna dalam bentuk pita beta digital akan disimpan di Perpustakaan TV. Pita tersebut akan dilabel dan diletakkan di rak yang kosong. Satu kad katalog bagi setiap program akan diwujudkan dan dicatatkan maklumat berkenaan tajuk program, pembekal, bilangan episod, tarikh terima dan rujukan rak. Seterusnya, maklumat tersebut juga akan dikemas kini di dalam *Broadcast Management System (BMS)*. Semakan fizikal Audit terhadap 196 program yang telah siap mendapati kesemua pita beta digital telah direkod dan disimpan di dalam bilik penyimpanan pita Perpustakaan TV dengan ciri-ciri keselamatan yang baik. Keadaan bilik penyimpanan pita beta digital adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 10.2



GAMBAR 10.3




Perpustakaan TV, RTM
- Pita Beta Digital Yang Disimpan Dengan Baik Dalam Bilik Penyimpanan
(30.07.2013)

- b. Pengeluaran pita beta digital dibuat melalui borang tempahan mengikut jadual siaran saluran TV. Pita yang dikeluarkan akan dihantar ke bilik pita *ingest* untuk dimuat naik ke dalam sistem siaran secara berkomputer. Program yang telah dimuat naik akan disiarkan mengikut jadual siaran saluran TV yang telah ditetapkan. Pita yang dipinjam oleh saluran TV akan dipulangkan semula kepada Perpustakaan TV selepas siaran. Semakan Audit mendapati proses pengeluaran dan pemulangan pita bagi saluran TVi telah diuruskan dengan teratur.
- c. Selain itu, Perpustakaan TV juga menyimpan pita-pita yang disewa oleh pihak RTM daripada pembekal khususnya program luar negara (syndicated). Temu bual bersama pegawai Perpustakaan TV menyatakan pita tersebut perlu dituntut semula oleh pembekal setelah tamat tempoh sewaan.
- d. Semakan Audit mendapati pita-pita program luar negara sejak tahun 2001 dan telah tamat tempoh sewaan masih belum dituntut oleh pembekal walaupun surat peringatan telah dikeluarkan. Ini menyebabkan ruang simpanan tidak mencukupi bagi menampung keperluan ruangan penyimpanan pita hak milik RTM. Keadaannya adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 10.4



GAMBAR 10.5



Perpustakaan TV, RTM
- Pita-Pita Lama Yang Masih Belum Dituntut Oleh Pembekal
(30.07.2013)

Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 29 April 2014

RTM akan memberi peringatan terakhir kepada pembekal-pembekal supaya mengambil pita-pita yang telah tamat tempoh sewaan sebelum 31 Ogos 2014. Tindakan pelupusan akan dilaksanakan selepas tempoh berkenaan.

Bagi mengatasi masalah ini, RTM akan menambah klausa dalam perjanjian dengan menyatakan pita program luar negara yang telah tamat tempoh sewaan hendaklah dituntut dalam tempoh sebulan selepas tarikh tamat tempoh sewaan sebelum tindakan pelupusan diambil.

Pada pendapat Audit, proses pengurusan penyimpanan pita beta digital adalah memuaskan kerana telah mematuhi prosedur penerimaan dan pengeluaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat pita-pita yang telah tamat tempoh sewaan sejak tahun 2001 masih belum dituntut oleh pembekal dan menyebabkan ruang penyimpanan pita menjadi terhad.

10.5.5. Pengurusan Aset

10.5.5.1. Pendaftaran Aset

- a. SST menyatakan program adalah hak milik penuh Jabatan Penyiaran Malaysia. Ini termasuk hak tayangan, hak siaran dan hak milik bahan. Mengikut tafsiran Penasihat Undang-undang, apabila program telah dibuat pembayaran penuh maka RTM boleh menyiarkan program berkenaan tanpa sekatan masa di mana-mana saluran TV milik RTM. Ini menunjukkan program berkenaan adalah sebahagian daripada aset Kerajaan dan perlu diurus mengikut Pekeliling Perbendaharaan (PP) Bil. 5 Tahun 2007 - Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan. Selain itu, sekiranya dilihat daripada perspektif perakaunan akruan, pita beta digital berkenaan diiktiraf sebagai harta modal kerana telah memenuhi definisi aset iaitu sumber yang dikawal oleh entiti, memberi manfaat ekonomi masa hadapan dan potensi perkhidmatannya dijangka mengalir ke dalam entiti.
- b. PP Bil. 5 Tahun 2007 - Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan menyatakan harta modal adalah harta yang bernilai melebihi RM1,000. Semakan Audit mendapati 196 program saluran TVi berjumlah RM44.34 juta dan 170 program berjumlah RM43.70 juta bagi saluran TV1 dan TV2 tidak didaftarkan sebagai harta modal. Ini disebabkan RTM berpendapat program yang dibeli lebih sesuai direkodkan sebagai stok program dan bukan merupakan harta modal Kerajaan. Akibatnya Laporan Tahunan Harta Modal dan Inventori bagi RTM yang dilaporkan ke Kementerian tidak tepat kerana tidak mengambil kira perolehan program siaran milik Kerajaan.

10.5.5.2. Pemeriksaan Dan Pelupusan Aset

- a. PP Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan pemeriksaan aset hendaklah dilakukan ke atas fizikal, rekod dan penempatan sekurang-kurangnya sekali setahun. Tujuan pemeriksaan adalah untuk memastikan setiap aset mempunyai rekod yang lengkap, tepat, kemas kini dan aset berada dalam keadaan yang baik. Selain itu, Laporan Pemeriksaan Harta Modal (KEW.PA-10) perlu dikemukakan kepada Ketua Jabatan selepas pemeriksaan aset dilaksanakan. Semakan Audit mendapati RTM telah menjalankan pemeriksaan aset bagi tahun 2012 dan 2013. Semakan lanjut terhadap Laporan Pemeriksaan Harta Modal mendapati aset yang diperiksa oleh RTM tidak termasuk pita beta digital saluran TVi yang disimpan di dalam Perpustakaan TV. Ini boleh menyebabkan kesukaran dalam mengesahkan kewujudan fizikal aset sekiranya berlaku kehilangan, bencana alam, kebakaran dan pelupusan aset.
- b. PP Bil. 5 Tahun 2007 menyatakan antara objektif pelupusan aset adalah bagi memastikan Kerajaan tidak menyimpan aset yang tidak boleh digunakan lagi dan menjimatkan ruang penyimpanan. Semakan Audit mendapati terdapat 5,815 pita bernilai RM499,592 telah diluluskan pelupusan oleh Ketua Pengarah RTM pada 2 Julai 2012. Analisis Audit selanjutnya mendapati sebanyak 1,213 pita bernilai RM48,520 merupakan pita sewaan program luar negara (syndicated) yang telah tamat tempoh sewaan sejak tahun 1995 hingga 2000. Pita tersebut dilupuskan secara musnah pada 19 September 2012. RTM melupuskan pita-pita tersebut kerana pembekal yang terlibat tidak mengambil semula pita sewaan walaupun telah diberikan surat peringatan.
- c. PP Bil. 5 Tahun 2007 menyatakan Lembaga Pemeriksa perlu dilantik bagi membuat pemeriksaan ke atas aset yang hendak dilupuskan dan Laporan Lembaga Pemeriksa Aset (KEW.PA-17) perlu disediakan. Seterusnya selepas pelupusan dijalankan, Sijil Penyaksian Pemusnahan (KEW.PA-18) hendaklah disediakan dan Sijil Pelupusan Aset (KEW.PA-19) dikeluarkan terhadap aset yang telah dilupuskan. Semakan Audit selanjutnya mendapati RTM telah mematuhi tatacara pelupusan aset yang telah ditetapkan.

Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 29 April 2014

KKMM berpandangan perolehan program tidak perlu didaftarkan sebagai harta modal kerana perbelanjaan bagi perolehan berkenaan telah menggunakan peruntukan bawah kod objek 29000. Selain itu, Jawatankuasa Pengumpulan Data Untuk Perakaunan Akruan yang bermesyuarat pada 14 April 2014 belum menentukan sama ada perolehan program perlu didaftarkan sebagai aset. Jawatankuasa telah merujuk isu ini kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Pada masa yang sama, KKMM juga telah menghantar surat kepada Kementerian Kewangan pada 4 April 2014 bagi mendapat pandangan dan penjelasan lanjut berhubung isu ini.



Pada pendapat Audit, pengurusan aset alih khususnya pendaftaran dan pemeriksaan aset adalah kurang memuaskan kerana pita beta digital tidak didaftarkan sebagai aset Kerajaan. Selain itu, pemeriksaan aset yang telah dijalankan oleh RTM tidak merangkumi pita beta digital dan laporan kedudukan aset RTM tidak tepat. Bagaimanapun RTM telah mematuhi tatacara pelupusan aset yang berkuat kuasa.

10.5.6. Pemantauan Pelaksanaan Program

10.5.6.1. Peringkat Kementerian

- a. Penurunan kuasa perlu dibuat oleh Pentadbir Kontrak kepada pegawai yang menjalankan pemantauan di peringkat Jabatan selaku wakil pentadbir kontrak. Semakan Audit mendapati Pegawai Pengawal telah menurunkan kuasa kepada 3 pegawai di Cawangan Pengurusan Perolehan (CPP) KKMM iaitu Ketua Penolong Setiausaha berjawatan Gred M48 dan 2 orang Penolong Setiausaha berjawatan Gred M41 selaku pentadbir kontrak. Bagaimanapun, pegawai yang terlibat secara langsung dalam pentadbiran kontrak ialah pegawai RTM di Unit Kandungan Dan Kreatif. Namun begitu, tiada penurunan kuasa sebagai wakil kepada pentadbir kontrak untuk beliau melaksanakan tugas tersebut.
- b. CPP KKMM selaku urusetia Lembaga Perolehan KKMM akan menguruskan pengeluaran Surat Niat, SST, pengurusan bon pelaksanaan, kelulusan pelanjutan tempoh kontrak dan pengurusan pembatalan kontrak. Maklumat berkaitan pemantauan program diterima daripada RTM untuk tindakan selanjutnya. KKMM telah mewujudkan sistem pemantauan terhadap pelaksanaan program seperti menyediakan pangkalan data mengenai maklumat SST, pelanjutan kontrak dan bon pelaksanaan. Semakan Audit mendapati wujud kelemahan dalam sistem pangkalan data kerana tidak dikemaskini oleh pegawai berkenaan dan tiada bukti bahawa semakan oleh penyelia telah dilakukan terhadap rekod-rekod pemantauan.

10.5.6.2. Peringkat Jabatan

Unit Kandungan Dan Kreatif (UKK) bertanggungjawab secara langsung untuk mengurus dan memantau pelaksanaan program. Mesyuarat akan diadakan sekurang-kurangnya setiap minggu oleh UKK bersama-sama wakil saluran TV bertujuan memantau kemajuan pelaksanaan program. Penyediaan butiran jadual kerja oleh pembekal adalah penting untuk memberi justifikasi pelanjutan masa penghantaran DVD. Semakan Audit mendapati pemantauan adalah kurang memuaskan kerana tiada dokumentasi masalah kelewatan dan butiran jadual kerja disediakan.

Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 29 April 2014

KKMM berpandangan penurunan kuasa kepada pegawai adalah tidak perlu buat masa kini kerana dua jawatankuasa telah ditubuhkan untuk memantapkan pengurusan perolehan program. Selain itu, maklumat di dalam Sistem Pemantauan Kontrak Bersepadu (eKS) sedang dikemaskini dan dijangka selesai sebelum 30 Jun 2014.

RTM juga dijangka akan mengguna pakai sistem eKS selepas kelulusan Mesyuarat Lembaga Perolehan A Bil.3/2014 bagi tujuan pemantauan kontrak.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pemantauan pelaksanaan program di peringkat KKMM dan RTM adalah kurang memuaskan kerana tiada penurunan kuasa sebagai wakil pentadbir kontrak serta maklumat di dalam pangkalan data yang tidak kemas kini.

10.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan projek Pembangunan Kandungan Penyiaran Digital dilaksanakan secara teratur dan berkesan, adalah disyorkan supaya KKMM mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

10.6.1. menubuhkan satu Jawatankuasa Siasatan bagi mengenal pasti punca berlakunya perolehan di luar skop projek pembangunan dan mengesyorkan tindakan susulan;

10.6.2. memastikan laporan kajian impak dan laporan maklum balas penonton dibuat untuk mengukur tahap pencapaian projek. Laporan perlu dibuat dengan lebih menyeluruh dengan mengambil kira responden penonton Negeri Sabah dan Sarawak;

10.6.3. memastikan pengurusan perolehan Kandungan Penyiaran Digital seperti berikut ditambah baik:

- prosedur perolehan secara rundingan terus perlu mematuhi syarat yang ditetapkan oleh Perbendaharaan;
- proses perolehan perlu ditambah baik daripada aspek tempoh pengeluaran SST;
- memastikan kontrak formal perolehan ditandatangani oleh pembekal;
- SST yang dikeluarkan mengikut garis panduan;
- pengurusan bon pelaksanaan dipertingkatkan daripada aspek kutipan dan tempoh sah laku bon pelaksanaan; dan
- memastikan pembekal yang tidak mematuhi syarat SST seperti bon pelaksanaan dan tempoh siap program disenarai hitam.



10.6.4. memastikan perolehan kandungan penyiaran digital didaftarkan sebagai aset selaras dengan pelaksanaan perakaunan akruan pada tahun 2015.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Dalam Buku Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2013 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari

KEMENTERIAN DALAM NEGERI / JABATAN KERJA RAYA

11. PROJEK PEMBINAAN IBU PEJABAT POLIS DAERAH (IPD) SENTUL, KUALA LUMPUR

11.1. LATAR BELAKANG

11.1.1. Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah merancang untuk membina Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul, Kuala Lumpur dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Projek ini telah dibiayai melalui program *Private Finance Initiative* (PFI) yang diberi keutamaan untuk dilaksanakan pada tahun 2008. Objektif projek ini adalah untuk menaik taraf IPD lama yang telah berusia 35 tahun.

11.1.2. Projek ini telah dilaksanakan di atas tanah seluas 2.14 ekar meliputi kerja-kerja pengubahsuaian dan menaik taraf IPD lama. Pengurusan dan operasi sementara IPD Sentul telah dipindahkan ke Balai Polis Jinjang dan Balai Polis Kepong sejak 16 Mei 2010. Manakala, Balai Polis Sentul telah beroperasi sementara di premis yang disewa di Putra Majestic, Jalan Kasipillay, Kuala Lumpur. **Jabatan Kerja Raya (JKR) telah dilantik sebagai agensi pelaksana bagi pihak pelanggan iaitu Kementerian Dalam Negeri. Pengguna bagi projek ini pula adalah Polis DiRaja Malaysia.** Kementerian Kewangan telah bersetuju untuk menawarkan kontrak ini kepada SAFF Builders Sdn. Bhd. (kini dikenali sebagai FFAS Builders Sdn. Bhd.). Kontrak pembinaan ini bernilai RM64 juta dan perlu disiapkan dalam tempoh 90 minggu dari tarikh pemilikan tapak pada 15 Mei 2010.

11.1.3. Skop kerja projek ini adalah meroboh bangunan sedia ada; membina satu blok bangunan 12 tingkat Bangunan Pentadbiran; membina satu blok bangunan 3 tingkat Balai Polis Jenis Bandar; membina satu blok 4 tingkat podium tempat letak kereta; kerja-kerja jalan dan tempat letak kereta; tembok penahan; sistem perparitan luar; sistem retikulasi air; sistem pembedungan; **pagar kawasan dan pintu pagar;** kerja-kerja mekanikal dan elektrik.

11.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan pembinaan Ibu Pejabat Polis (IPD) Sentul, Kuala Lumpur telah diurus dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.



11.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek pembinaan Ibu Pejabat Polis (IPD) Sentul, Kuala Lumpur. Pengauditan telah dijalankan di Bahagian Pembangunan, Kementerian Dalam Negeri; Cawangan Kerja Keselamatan, JKR; Bahagian Penyenggaraan Bangunan, Polis DiRaja Malaysia, Bukit Aman; Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR dan JKR Wilayah Persekutuan.

11.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Semakan telah dibuat terhadap fail, rekod dan dokumen yang berkaitan dengan projek. Selain itu, pihak Audit juga menemu bual dan berbincang dengan pegawai yang terlibat serta melakukan pemeriksaan di tapak projek pada 29 dan 30 Oktober 2013. Lawatan susulan pula telah diadakan pada 19 Mac 2014. *Exit Conference* bersama Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN), wakil JKR, kontraktor (perunding), Unit Audit Dalam (UAD) KDN dan wakil Integriti KKR telah diadakan pada 29 April 2014 di Pejabat KDN.

11.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2013 mendapati pembinaan IPD ini telah mencapai objektifnya iaitu menyediakan bangunan yang moden dan lebih selesa. Bagaimanapun, projek ini hanya disiapkan selepas 4 lanjutan masa diluluskan. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan yang dikenal pasti seperti berikut:

- i. kelewatan menduduki bangunan di mana bangunan ini hanya diduduki sepenuhnya pada bulan Januari 2014 walaupun Perakuan Serahan Kerja Siap telah dikeluarkan oleh JKR Wilayah Persekutuan pada 5 Jun 2013;
- ii. Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 24 September 2008 telah bersetuju supaya projek ini dilaksanakan secara rundingan terus dengan syarikat SAFF Builders Sdn. Bhd. Bagaimanapun, tidak ada bukti Surat Niat dikeluarkan oleh JKR kepada kontraktor;
- iii. perolehan bahan/barangan siap yang diimport yang berada dalam negara tanpa kelulusan Kementerian Kewangan;
- iv. pembinaan pagar keselamatan tidak meliputi keseluruhan kawasan kompleks di mana pagar keselamatan tidak dibina di hadapan balai; dan
- v. terdapat reka bentuk pembinaan yang tidak sesuai dan kerja pembinaan yang kualitinya tidak memuaskan.

Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang dibangkitkan dan maklum balas KDN serta JKR adalah seperti berikut:

11.5.1. Prestasi Projek

11.5.1.1. Pencapaian Fizikal

- a. Mengikut syarat kontrak, tarikh siap asal projek ini adalah pada 3 Februari 2012. Bagaimanapun, projek ini hanya disiapkan pada 31 Mei 2013 selepas 4 lanjutan masa selama 483 hari diluluskan. Maklumat terperinci mengenai lanjutan masa yang diluluskan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 11.1
MAKLUMAT MENGENAI LANJUTAN MASA YANG DILULUSKAN

LANJUTAN MASA	TEMPOH	BILANGAN HARI	TARIKH SIJIL PERAKUAN KELAMBATAN	SEBAB LANJUTAN MASA
1	03.02.2012 - 23.04.2012	80	19.11.2010	<ul style="list-style-type: none"> Penemuan 'Granite Grade A' menyebabkan reka bentuk semula perlu disediakan
2	23.04.2012 - 30.10.2012	190	15.09.2011	<ul style="list-style-type: none"> Pihak Perunding Elektrik lewat memuktamadkan <i>Construction Drawing</i> untuk kerja elektrik dan CCTV di bahagian lokap (80 hari) Pengalihan 'hoarding' sepanjang sempadan Gereja, Restoran Curry House dan rumah ibadat persendirian (10 hari) Pihak Perunding Kejuruteraan Sivil Dan Struktur telah mengarahkan kontraktor menyediakan penghadang bagi kerja-kerja pengorekan di grid 1/A-D dan I/E-K atas sebab keselamatan dan menggunakan tanah diimport bagi menggantikan tanah yang tidak sesuai untuk kerja-kerja pemadatan (100 hari)
3	30.10.2012 - 28.02.2013	121	04.10.2012	<ul style="list-style-type: none"> Kelewatan penyiapan lukisan pembinaan untuk kerja-kerja elektrik ELV, MSB, CCTV dan <i>socket outlet</i> (90 hari) Kelewatan penyiapan lukisan pembinaan untuk kerja-kerja tambahan (31 hari)
4	28.02.2013 - 31.05.2013	92	19.02.2013	<ul style="list-style-type: none"> Kontraktor utama tidak dapat menjalankan kerja-kerja <i>testing and commissioning</i> akibat kelewatan penyambungan bekalan elektrik (TNB)

Sumber : Perakuan Tempoh Dan Lanjutan Masa

- b. Penjelasan lanjut mengenai sebab lanjutan masa adalah seperti berikut:
- i. **Reka Bentuk Cerucuk Dibuat Semula Selepas Penemuan 'Granite Grade A'**

Tahap kekerasan batu kategori 'Granite Grade A' yang dijangka sebagai granite biasa telah menyebabkan kelambatan kemajuan kerja di tapak projek kerana melibatkan proses cerucuk, iaitu kerja *drilling* dan *achoring*.



ii. Kelewatan Perunding Elektrik Mengemukakan *Construction Drawing*

Pihak Perunding Elektrik tidak dapat mengemukakan *construction drawing* untuk kerja elektrikal dan CCTV pada tarikh pembinaan yang dirancang.

iii. Penyediaan Penghadang Sementara Dan Penggunaan Tanah Yang Diimport

Pihak Perunding Sivil dan Struktur telah mengarahkan kontraktor untuk menyediakan penghadang (*sheet pile*) bagi kerja-kerja pengorekan di grid 1/A-D dan grid 1/E-K atas sebab keselamatan. Perunding juga mengarahkan tanah yang lembut kerana bercampur dengan sampah digantikan dengan tanah merah yang diimport untuk kerja pepadatan.

iv. Kelewatan Perunding Elektrik Menyiapkan Lukisan Pembinaan Untuk Kerja Elektrik Dan Kerja-Kerja Tambahan

Kelewatan menyiapkan lukisan pembinaan untuk kerja-kerja elektrik ELV, MSB, CCTV dan *socket outlet* serta lukisan pembinaan untuk kerja-kerja tambahan bilik *centrifugal fan* di Aras 5, Bangunan podium.

v. Kelewatan Tenaga Nasional Berhad (TNB) Menyambung Bekalan Elektrik Dan Kelewatan Telekom Malaysia Berhad (TELEKOM) Menyambung Dan Memasang Peralatan

Kelewatan tersebut menyebabkan kontraktor tidak dapat menjalankan kerja-kerja *Testing & Commissioning* untuk kerja-kerja Elektrik dan Mekanikal.

Pada pendapat Audit, projek ini telah dapat disiapkan dalam tempoh lanjutan masa yang diluluskan. Bagaimanapun, ianya telah menyebabkan *time overrun* selama 16 bulan. Tempoh menyiapkan projek ini boleh dipercepatkan jika Perunding Elektrik dapat mengemukakan lukisan yang berkaitan dengan lebih awal.

11.5.1.2. Pencapaian Kewangan Projek

- a. Pada asalnya Kerajaan telah meluluskan siling peruntukan berjumlah RM70.69 juta di bawah RMKe-9. Bagaimanapun, siling peruntukan ini telah dimuktamadkan dengan nilai RM77 juta.
- b. Semakan Audit mendapati setakat 31 Disember 2013, sebanyak 17 Arahan Perubahan Kerja (APK) telah diluluskan berjumlah RM2.37 juta dan 42 Pelarasan Harga Kontrak (PHK) telah diluluskan berjumlah RM3.99 juta. Selepas mengambil kira APK dan PHK, nilai kontrak asal yang berjumlah

RM64 juta telah meningkat kepada RM70.36 juta, iaitu peningkatan sebanyak 9.9%. Selain daripada harga kontrak, Kementerian Dalam Negeri juga menanggung kos lain yang terlibat dengan projek ini berjumlah RM8.18 juta. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 11.2
KOS KESELURUHAN PROJEK**

BUTIRAN	KOS (RM Juta)
Bayaran kepada kontraktor	70.36
Bayaran Perunding (berdasarkan <i>Memorandum of Agreement</i>)	7.12
Bayaran kepada Pihak Utiliti, Pihak Berkuasa Tempatan dan Bayaran Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembentukan	1.06
JUMLAH	78.54

Sumber : JKR Wilayah Persekutuan

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan bagi projek ini adalah kurang memuaskan kerana sehingga 31 Disember 2013, jumlah kos projek adalah melebihi peruntukan yang diluluskan di mana lebih kos adalah sejumlah RM1.54 juta (2%) daripada siling peruntukan pembiayaan PFI yang telah dimuktamadkan berjumlah RM77 juta.

11.5.1.3. Pencapaian *Outcome*

Perakuan Serahan Kerja Siap telah dikeluarkan oleh JKR Wilayah Persekutuan pada 5 Jun 2013. Bagaimanapun, bangunan ini hanya diduduki sepenuhnya pada bulan Januari 2014. Dalam tempoh pembinaan, Balai Polis Sentul telah beroperasi sementara di premis yang disewa di SO1 Level 1, Putra Majestik AT. Lot 29 Sek 83, Jalan Kasipillay, Kuala Lumpur dengan kadar sewa RM12,252 sebulan. Tempoh sewaan adalah selama 3 tahun bermula pada 1 April 2010 hingga 30 Mac 2013. Bagaimanapun, tempoh sewaan ini telah dilanjutkan sehingga 30 Mac 2014 memandangkan perpindahan ke bangunan baru tidak dapat dilaksanakan mengikut masa yang dirancang.

Pada pendapat Audit, kelewatan menyiapkan projek ini dan kelewatan perpindahan ke bangunan baru mengakibatkan pihak KDN terpaksa menanggung kos sewaan berjumlah RM73,512 yang dikira dari bulan Julai hingga Disember 2013.

Maklum Balas KDN Yang Diterima Pada 31 Mac Dan 30 April 2014

Kelewatan masuk ke IPD Sentul yang baru disebabkan oleh penyerahan kunci bangunan kepada pihak pengurusan IPD Sentul hanya diterima pada 25 November 2013 dan terdapat beberapa isu lain yang belum diselesaikan seperti tiada perkhidmatan talian telefon dan internet. IPD Sentul mula beroperasi sepenuhnya pada 2 Disember 2013. Tempoh sewaan balai sementara IPD Sentul

telah dilanjutkan setahun lagi kepada 30 Mac 2014 kerana projek tersebut belum dapat disiapkan lagi pada ketika itu. Pada ketika ini kerja-kerja baik pulih Balai Polis Sementara (sewaan) kepada keadaan asal telah pun dibuat dan bangunan sewaan tersebut akan diserahkan kepada pemiliknya pada waktu terdekat sebelum tamat tempoh sewaan semasa. Bagi projek-projek kendalian JKR, pihak KDN akan menyediakan Standard Operating Procedure (SOP) bersama JKR berkaitan tatacara penyerahan projek bagi mengelakkan masalah ini berulang.

11.5.2. Pengurusan Pembinaan

11.5.2.1. Pelantikan Kontraktor

- a. Mengikut Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 2 Julai 2003, bagi memastikan pelaksanaan projek secara rundingan terus tidak mengalami kelewatan, agensi dikehendaki memastikan rundingan dengan kontraktor mengenai skop kerja, reka bentuk, harga dan tempoh siap serta lain-lain dimuktamadkan dalam tempoh 6 bulan selepas Surat Niat dikeluarkan bagi nilai projek yang berjumlah melebihi RM10 juta. Tawaran melaksanakan projek ini secara rundingan terus akan terbatal secara automatik jika tempoh tersebut dilangkai. Manakala Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 30 Julai 2002 menyatakan Surat Niat hendaklah dikeluarkan dalam tempoh satu minggu selepas menerima kelulusan Kementerian Kewangan.
- b. Semakan Audit mendapati Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh pada 24 September 2008 telah bersetuju supaya projek ini dilaksanakan secara rundingan terus dengan Syarikat SAFF Builders Sdn. Bhd. Bagaimanapun, tidak ada bukti Surat Niat dikeluarkan oleh JKR kepada kontraktor. Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat menentukan tempoh masa yang diambil untuk memuktamadkan rundingan harga.

Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 09 April 2014

Memandangkan projek ini merupakan projek konvensional secara rundingan terus, maka hanya memadai dengan mengeluarkan Surat Pelawaan Mengemukakan Tender. Ini adalah selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 yang menyatakan Surat Niat merupakan pernyataan hasrat Kerajaan untuk menerima tawaran daripada petender tertakluk kepada syarat-syarat tertentu dan tidak mengikat kedua-dua pihak kepada satu kontrak.

Pada pendapat Audit, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 tidak menyatakan Surat Pelawaan Mengemukakan Tender adalah memadai bagi projek konvensional secara rundingan terus. Sebaliknya, Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 2 Julai 2003 dan 26 Mac 2008 jelas menyatakan Surat Niat hendaklah dikeluarkan bagi perolehan yang diluluskan secara rundingan terus.

11.5.2.2. Pelantikan Perunding

- a. Projek ini dilaksanakan secara konvensional di mana Kerajaan telah melantik perunding bagi menyediakan reka bentuk dan lukisan serta memantau pelaksanaan kerja semasa tempoh pembinaan dan tempoh tanggungan kecacatan. Perunding Arkitek juga bertindak sebagai perunding utama. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

**JADUAL 11.3
SENARAI PERUNDING YANG DILANTIK**

BIDANG	PERUNDING	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA	KOS PERUNDING (RM Juta)	BAYARAN SEHINGGA 31.12.2013 (RM Juta)
Arkitek	Ridza Zaihan Associates Sdn. Bhd.	18.06.2009	3.30	2.73
Kejuruteraan Sivil Dan Struktur	Pakatan Runding Yusof	30.04.2009	1.60	1.37
Ukur Bahan	Kumpulan Ikhtisas Projek (M) Sdn. Bhd.	-	0.85	0.63
Mekanikal	Engineering & Environment Consultant Sdn. Bhd.	10.02.2010	0.72	0.67
Elektrikal	Abena Consultant	27.01.2010	0.65	0.60
JUMLAH KESELURUHAN			7.12	6.00

Nota : Kos Perunding Adalah Berdasarkan Memorandum Of Agreement Dan Supplementary Of Agreement

- b. Semakan Audit mendapati peningkatan kos tambahan perunding Arkitek dan Kejuruteraan Sivil Dan Struktur sejumlah RM1.51 juta (44.5%) daripada kos asal berjumlah RM3.39 juta. Kos tambahan ini adalah disebabkan oleh pengiraan semula yuran perunding berikutan daripada perubahan kos projek. Perjanjian Tambahan ini telah ditandatangani pada 6 Oktober 2011 dan 15 Jun 2012.
- c. Sehingga 31 Disember 2013, pembayaran yang telah dibuat kepada perunding adalah berjumlah RM6 juta. Bagaimanapun, perbelanjaan sebenar tidak dapat ditentukan kerana JKR belum memuktamadkan perbelanjaan mengenainya.

11.5.2.3. Perolehan Bahan/Barangan Import Tidak Mendapat Kelulusan Kementerian Kewangan

- a. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2002, perolehan bahan/barangan siap yang diimport yang berada dalam negara (ex-stock) dan bernilai RM50,000 memerlukan kelulusan Kementerian Kewangan (MOF) terlebih dahulu sebelum perolehan bahan/barangan tersebut dibuat.

- b. Semakan Audit mendapati perolehan tiga bahan/barangan import yang sedia ada dalam negara (ex-stock) bernilai RM4.21 juta tidak mendapat kelulusan MOF sebelum perolehan bahan/barangan tersebut dibuat. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

JADUAL 11.4
PEROLEHAN BAHAN/BARANGAN IMPORT YANG SEDIA ADA
DALAM NEGARA (EX-STOCK) TANPA KELULUSAN MOF SEBELUM
PEROLEHAN BAHAN/BARANGAN TERSEBUT DIBUAT

PERIHAL	NEGARA PENGELUAR	JUMLAH (RM Juta)
Cermin Fasad Dan <i>Composite Aluminium Panel</i>	China	2.76
Gondola	Jerman	0.42
Lif (3 unit @ RM342,860)	Finland	1.03
JUMLAH		4.21

Sumber : JKR Wilayah Persekutuan

Pada pendapat Audit, JKR hendaklah mendapatkan kelulusan daripada MOF terlebih dahulu bagi perolehan bahan/barangan siap yang diimport yang berada dalam negara (ex-stock) untuk digunakan bagi tujuan pembinaan projek ini. Ini adalah selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan dan hasrat Kerajaan untuk memastikan penggunaan bahan/barangan tempatan diutamakan.

Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 30 April 2014

Pihak JKR tidak memohon kelulusan MOF kerana Sistem Fasad ini adalah buatan tempatan. Pihak Kontraktor bagi projek ini telah mendapat bekalan komponen fasad daripada pembekal tempatan (berdaftar di Malaysia). Panel cermin dan komposit aluminium adalah sebahagian daripada sistem reka bentuk fasad dan dilaksanakan oleh pembekal yang merupakan pengilang bagi kerja-kerja pembekalan dan pemasangan fasad di tapak. Pembekal tersebut telah membekalkan keseluruhan Sistem Fasad dengan mendapatkan bahan mentah iaitu panel cermin dan komposit daripada luar negara dan pembuatan bingkai serta kerja pemotongan panel-panel mengikut saiz yang diperlukan di tapak.

11.5.2.4. Pagar Keselamatan Tidak Dibina Di Hadapan Balai Polis

Pembinaan pagar bagi Balai Polis adalah penting dari segi keselamatan. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati pembinaan pagar keselamatan tidak meliputi keseluruhan kawasan kompleks di mana pagar keselamatan tidak dibina di hadapan balai seperti di gambar berikut:

GAMBAR 11.1



(29.10.2013)

GAMBAR 11.2



(19.03.2014)

Pada pendapat Audit, pembinaan pagar di hadapan Balai Polis adalah perlu sebagai langkah keselamatan memandangkan kedudukan Balai Polis ini berhampiran dengan jalan utama dan terdedah kepada pencerobohan. Selain itu, pos pengawal hendaklah juga dibina untuk mengawal orang ramai keluar masuk Balai Polis tersebut. Ini adalah selaras dengan Arahan Keselamatan Kerajaan.

Maklum Balas KDN Yang Diterima Pada 31 Mac 2014 Dan 30 April 2014

Pembinaan pagar keselamatan di hadapan balai tidak termasuk dalam skop projek pada masa tersebut kerana mengamalkan konsep 'mesra pengguna' pada ketika itu. Lagipun, kawasan yang terlibat hanyalah melibatkan laluan masuk ke pintu utama kaunter pertanyaan Balai Polis Sentul sahaja yang beroperasi 24 jam dan ada anggota yang bertugas. Bagaimanapun, atas penelitian keadaan keselamatan semasa pihak PDRM telah mengambil inisiatif dengan membuat pelawaan sebut harga untuk pembinaan pagar keselamatan. Mesyuarat jawatankuasa dijangka akan bersidang pada minggu pertama bulan Mei 2014 dan pembinaannya akan dimulakan pada minggu kedua bulan Mei 2014. Kerja-kerja akan disiapkan dalam tempoh 45 hari. Untuk langkah keselamatan sementara, penghadang mudah alih 'crowd barrier' telah diletakkan di kawasan yang terlibat. Skop pembinaan pos pengawal telah dan sedang dilaksanakan untuk kompleks PDRM sekarang.

11.5.3. Pentadbiran Kontrak

Pentadbiran Kontrak dalam urusan bayaran pendahuluan dan rekupmen pendahuluan, Bon Pelaksanaan serta bayaran kemajuan bagi projek ini telah mematuhi peraturan dan syarat kontrak.

11.5.4. Kualiti Pembinaan

11.5.4.1. Reka bentuk Pembinaan Yang Tidak Sesuai

Reka bentuk yang dihasilkan mestilah sesuai dan memenuhi keperluan pengguna. Lawatan Audit pada 29 dan 30 September 2013 serta 19 Mac 2014 mendapati beberapa reka bentuk pembinaan yang dihasilkan oleh perunding adalah tidak sesuai. Butirannya adalah seperti berikut:

**JADUAL 11.5
REKA BENTUK YANG TIDAK SESUAI**

LOKASI	KEADAAN FIZIKAL
Tangga, Aras 1, Bangunan Pentadbiran	Tiada kemasan tangga jenis <i>Non Slip Nosing Tiles</i> dipasang bagi mengelak tangga menjadi licin memandangkan kawasan tersebut terdedah kepada air hujan. (Gambar 11.3 dan 11.4)
Tandas, Bangunan Pentadbiran	Kedudukan pili air yang tidak sesuai. (Gambar 11.5)
Tempat Mengambil Wuduk, Bangunan Pentadbiran	Tempat mengambil wuduk tidak mempunyai bebendul dan ini boleh menyebabkan air mengalir ke kawasan berhampiran. (Gambar 11.6)
Tandas Dan Bilik Mandi Wanita, Aras 3, Bangunan Pentadbiran	Ketinggian pemasangan tingkap yang tidak sesuai akan menjejaskan keselesaan kepada pengguna wanita. (Gambar 11.7, 11.8, 11.9 dan 11.10)
Aras 4, Bangunan Pentadbiran	Tiada pelepar direka bentuk dan dipasang pada permukaan lantai. Ini boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna. (Gambar 11.11 dan 11.12)
Tandas Lelaki, Aras 9, Bangunan Pentadbiran	Tingkap kaca yang dipasang tidak sesuai dan menyebabkan ketidakselesaan pengguna lelaki. Tingkap kaca ini telah dipasang di semua aras tandas. (Gambar 11.13)
Tempat Letak Kenderaan	<i>Roof Insulation</i> jenis <i>Aluminium Foil</i> tidak perlu dipasang di tempat letak kenderaan berbumbung. (Gambar 11.14 dan 11.15)

GAMBAR 11.3



GAMBAR 11.4




Tangga Ke Aras 1, Bangunan Pentadbiran
- *Tiada Kemasan Tangga Jenis Non Slip Nosing Tiles Dipasang Bagi Mengelak Tangga Menjadi Licin Memandangkan Kawasan tersebut Terdedah Kepada Air Hujan*
(29.10.2013)

GAMBAR 11.5



*Tandas, Bangunan Pentadbiran
- Kedudukan Pili Air Yang Tidak Sesuai
(29.10.2013)*

GAMBAR 11.6




*Tempat Mengambil Wuduk, Bangunan Pentadbiran
- Tempat Mengambil Wuduk Tidak Mempunyai
Bebendul Dan Ini Boleh Menyebabkan Air
Mengalir Di Kawasan Berhampiran
(29.10.2013)*

GAMBAR 11.7



*Tandas Dan Bilik Mandi Wanita, Aras 3, Bangunan Pentadbiran
- Ketinggian Pemasangan Tingkap Yang Tidak Sesuai Akan Menjejaskan Keselesaan Kepada
Peguna Wanita Di Mana Ketinggian Antara Lantai Dengan Tingkap Adalah 1,200 mm.
(19.03.2014)*

GAMBAR 11.8




GAMBAR 11.9



*Bangunan Pentadbiran, Aras 3 (Tandas Dan Bilik Mandi Wanita)
- Kedudukan Tingkap Tandas Dan Bilik Mandi Wanita Dari Bahagian Luar Di Mana Tingkap
Ini Mudah Diakses Dari Luar (Bahagian Tempat Letak Kenderaan)
(29.10.2013 Dan 19.03.2014)*

GAMBAR 11.10





GAMBAR 11.11



*Aras 4, Bangunan Pentadbiran
- Tiada Pelepar Direka Bentuk Dan Dipasang Pada Permukaan Lantai.
Ini Boleh Mendatangkan Bahaya Kepada Pengguna
(30.10.2013)*

GAMBAR 11.12





GAMBAR 11.13

Tandas Lelaki, Aras 9, Bangunan Pentadbiran - Tingkap Kaca Yang Dipasang Tidak Sesuai Dan Menyebabkan Ketidakelesaan Pengguna. Tingkap Kaca Ini Telah Dipasang Di Semua Aras Tandas (30.10.2013)

GAMBAR 11.14



GAMBAR 11.15



Tempat Letak Kenderaan

- Roof Insulation Jenis Aluminium Foil Tidak Perlu Dipasang Di Tempat Kenderaan Berbumbung (30.10.2013)

11.5.4.2. Kualiti Kerja Pembinaan Tidak Memuaskan


- a. JKR hendaklah menjalankan pemeriksaan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor untuk mengenal pasti sama ada terdapat kerosakan dan kecacatan. Lawatan Audit juga mendapati terdapat kerja pembinaan yang kualitinya adalah tidak memuaskan. Bagaimanapun, Kontraktor telah mengambil tindakan pembaikan selepas teguran Audit. Butiran adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 11.6
KUALITI KERJA PEMBINAAN TIDAK MEMUASKAN**

LOKASI	KEADAAN FIZIKAL	TINDAKAN/MAKLUM BALAS JKR
Bangunan Pentadbiran, Aras 1	Paip salur keluar tidak disambungkan terus ke longkang perimeter bangunan. (Gambar 11.16)	Paip salur keluar telah disambungkan terus ke longkang perimeter bangunan. (Gambar 11.17)
Bilik Mekanikal (VRV), Aras 3	Tiada lepaan simen dibuat pada bahagian bawah lantai ke Lobi Lif. (Gambar 11.18)	Lepaan simen telah dibuat pada bahagian bawah lantai ke Lobi Lif. (Gambar 11.19)
Tempat Letak Kereta, Aras 4	Air bertakung pada permukaan. (Gambar 11.20)	Penghadang (Bump) telah dibina untuk mengelakkan air daripada memasuki tempat letak kereta. (Gambar 11.21)
Ruang Servis, Bangunan Pentadbiran, Aras 12	Air bertakung dalam <i>Scupper Drain</i> . (Gambar 11.22)	Kerja pembaikan telah dijalankan. (Gambar 11.23)
Blok Podium, Aras 5	Keretakan pada permukaan bumbung konkrit rata. (Gambar 11.24)	Keretakan pada permukaan bumbung konkrit rata telah diperbaiki. (Gambar 11.25)
Bahagian Lobi (Lanskap) Dan Kawasan Rekreasi, Bangunan Pentadbiran	Tiada <i>Top Soil</i> ditambunkan di <i>Planter Box</i> bagi tujuan pertumbuhan pokok. (Gambar 11.26)	<i>Top Soil</i> telah ditambunkan di <i>Planter Box</i> . (Gambar 11.27)

LOKASI	KEADAAN FIZIKAL	TINDAKAN/MAKLUM BALAS JKR
Balai Polis, Bersebelahan Ramp	Saluran paip hujan tidak dipasang terus ke longkang perimeter bangunan. (Gambar 11.28)	Kerja pembaikan akan dijalankan oleh Kontraktor. (Gambar 11.29)
Bilik Ketua Polis Daerah, Bangunan Pentadbiran - Aras 11	Kebocoran berlaku daripada permukaan siling. (Gambar 11.30)	Pihak kontraktor telah menjalankan kerja-kerja pembaikan 'rain water down pipe' dan 'water proofing' dan kerja-kerja pembaikan siling telah dilaksanakan. (Gambar 11.31)

GAMBAR 11.16




Bangunan Pentadbiran, Aras 1
- Paip Salur Keluar Tidak Disambung Terus Ke Longkang Perimeter Bangunan (30.10.2013)

GAMBAR 11.17



Bangunan Pentadbiran, Aras 1
- Paip Salur Keluar Telah Disambung Terus Ke Longkang (Sumber : JKR - 04.04.2014)

GAMBAR 11.18



Bilik Mekanikal (VRV), Aras 3
- Tiada Lepaan Simen Dibuat Pada Bahagian Bawah Lantai Ke Lobi Lif (29.10.2013)

GAMBAR 11.19




Bilik Mekanikal (VRV), Aras 3
- Lepaan Simen Telah Dibuat Pada Bahagian Bawah Lantai Ke Lobi Lif (Sumber JKR - 19.03.2014)

GAMBAR 11.20



Tempat Letak Kereta - Aras 4
- Air Bertakung Pada Permukaan Lantai (29.10.2013)

GAMBAR 11.21



Tempat Letak Kereta - Aras 4
- Penghadang (Bump) Telah Dibina Untuk Mengelakkan Air Daripada Memasuki Ke Tempat Letak Kereta (Sumber : JKR - 19.03.2014)




GAMBAR 11.22




*Ruang Servis, Bangunan Pentadbiran - Aras 12
- Air Bertakung Dalam Scupper Drain
(30.10.2013)*

GAMBAR 11.23



*Ruang Servis, Bangunan Pentadbiran - Aras 12
- Kerja Pembaikan Telah Dijalankan
(Sumber : JKR - 04.04.2014)*

GAMBAR 11.24



*Blok Podium, Aras 5
- Keretakan Pada Permukaan Bumbung
Konkrit Rata
(30.10.2013)*

GAMBAR 11.25




*Blok Podium, Aras 5
- Keretakan Pada Permukaan Bumbung
Konkrit Rata Telah Diperbaiki
(Sumber : JKR - 19.03.2014)*

GAMBAR 11.26



*Bahagian Lobi Bangunan Pentadbiran
- Tiada Top Soil Ditambun Di Planter Box
Bagi Tujuan Pertumbuhan Pokok
(30.10.2013)*

GAMBAR 11.27



*Bahagian Lobi Bangunan Pentadbiran
- Top Soil Telah Ditambun
Di Planter Box
(Sumber : JKR - 10.02.2014)*

GAMBAR 11.28



*Balai Polis, Bersebelahan Ramp
- Saluran Paip Hujan Tidak Dipasang Terus
Ke Longkang Perimeter Bangunan
(30.10.2013)*

GAMBAR 11.29




*Balai Polis, Bersebelahan Ramp
- Saluran Paip Hujan Telah Dipasang Terus
Ke Longkang Perimeter Bangunan
(30.04.2014)*

GAMBAR 11.30



Bilik Ketua Polis Daerah,
Bangunan Pentadbiran, Aras 11
- Kebocoran Berlaku Daripada
Permukaan Siling
(19.03.2014)

GAMBAR 11.31



Bilik Ketua Polis Daerah,
Bangunan Pentadbiran, Aras 11
- Pihak Kontraktor Telah Menjalankan Kerja-Kerja
Pembaikan 'Rain Water Down Pipe' Dan
'Water Proofing' Dan Kerja-Kerja Pembaikan
Siling Telah Dilaksanakan
(05.05.2014)

- b. Selain daripada itu, terdapat kelemahan/kecacatan yang masih dalam proses pembaikan oleh kontraktor. Butiran adalah seperti butiran di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 11.7
KUALITI KERJA PEMBINAAN TIDAK MEMUASKAN

LOKASI	KEADAAN FIZIKAL	TINDAKAN/MAKLUM BALAS JKR
Bangunan Pentadbiran, Aras 1	Saluran paip air hujan tidak digantung dengan <i>Bracket</i> yang sesuai. (Gambar 11.32)	Kerja pembaikan akan dijalankan oleh Kontraktor.
Bilik Mekanikal (VRV), Aras 3	Paip dipasang tanpa <i>Bracket</i> menyebabkan paip tersebut melendut. (Gambar 11.33)	Kerja pembaikan akan dijalankan oleh Kontraktor.
	Tiada pemasangan konduit mudah lentur untuk melindungi kabel elektrik. kabel yang terdedah kepada cuaca boleh mengurangkan jangka hayat kabel tersebut. (Gambar 11.34)	Pemasangan telah mengikut lukisan pembinaan.
	Saluran paip air hujan digantung dengan tali dan penggunaan <i>Bracket</i> yang tidak sesuai di mana tempat gantungan telah melendut. (Gambar 11.35)	Kerja Pembaikan akan dijalankan oleh Kontraktor.
Tempat Letak Kereta, Aras 4	Lepaan simen yang kasar pada permukaan lantai. (Gambar 11.36 dan 11.37)	Kerja pembaikan akan dijalankan oleh Kontraktor.
	Kesan lelehan air pada permukaan dinding menyebabkan kulat terbentuk. (Gambar 11.38 dan 11.39)	Kerja Pembaikan Akan Dijalankan Oleh Kontraktor.
Balai Polis, Bersebelahan Laluan Pejalan Kaki	Lampu yang tidak di <i>box up</i> boleh menyebabkan kecurian. (Gambar 11.40)	Kerja telah mengikut lukisan.
Aras Bumbung, Bangunan Pentadbiran	Keretakan pada permukaan lantai bumbung konkrit rata. (Gambar 11.41 dan 11.42)	Kerja pembaikan telah dibuat. Bagaimanapun, keretakan masih berulang.
Kawasan Lanskap Pejalan Kaki, Hadapan Balai	Mendapan di kawasan lanskap. (Gambar 11.43 dan 11.44)	Kerja-kerja pembaikan akan dijalankan oleh Kontraktor Telekom Malaysia.
Hadapan Laluan <i>Black Maria</i>	Kerja turapan berhampiran <i>manhole</i> Telekom Malaysia belum disiapkan dan jalan masuk yang kurang sempurna. (Gambar 11.45)	Pihak Kontraktor Telekom akan menjalankan kerja-kerja pembaikan.



GAMBAR 11.32

*Bangunan Pentadbiran, Aras 1
- Saluran Paip Air Hujan Tidak Digantung
Dengan Bracket Yang Sesuai
(29.10.2013)*

GAMBAR 11.33



*Bilik Mekanikal (VRV), Aras 3
- Paip Dipasang Tanpa Bracket Menyebabkan
Paip Tersebut Telah Melendut
(29.10.2013)*

GAMBAR 11.34



*Bilik Mekanikal (VRV), Aras 3
- Tiada Pemasangan Konduit Mudah Lentur
Untuk Melindungi Kabel Elektrik. Kabel Yang
Terdedah Kepada Cuaca Boleh Mengurangkan
Jangka Hayat Kabel Tersebut
(29.10.2013)*



GAMBAR 11.35

*Bilik Mekanikal (VRV), Aras 3
- Saluran Paip Air Hujan Digantung Dengan Tali
Dan Digantung Dengan Bracket Yang Tidak
Sesuai Di Mana Tempat Gantungan
Telah Melendut
(29.10.2013)*

GAMBAR 11.36



*Tempat Letak Kereta - Aras 4
- Leraan Yang Tidak Sempurna Pada Permukaan Lantai
(29.10.2013)*

GAMBAR 11.37



GAMBAR 11.38



*Tempat Letak Kereta - Aras 4
- Kesan Lelehan Air Pada Permukaan Dinding Menyebabkan Kulat Terbentuk
(29.10.2013)*

GAMBAR 11.39



GAMBAR 11.40

*Balai Polis, Bersebelahan Laluan Pejalan Kaki
- Lampu Yang Tidak Di Box Up Boleh
Menyebabkan Kecurian
(30.10.2013)*

GAMBAR 11.41



*Aras Bumbung, Bangunan Pentadbiran
- Keretakan Pada Permukaan Lantai Bumbung Konkrit Rata
(30.10.2013)*

GAMBAR 11.42



GAMBAR 11.43



*Kawasan Lanskap Pejalan Kaki, Hadapan Balai
- Mendapan Di Kawasan Lanskap
(30.10.2013)*

GAMBAR 11.44





GAMBAR 11.45

*Hadapan Laluan Black Maria
- Kerja Turapan Berhampiran Manhole Telekom
Malaysia Belum Disiapkan Dan Jalan Masuk
Yang Tidak Sempurna
(30.10.2013)*

Pada pendapat Audit, pihak pelanggan dan JKR perlu melaporkan kecacatan kerja tersebut kepada kontraktor dengan segera dan memastikan kontraktor mengambil tindakan pembaikan sebelum tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan.

Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 30 April 2014

Kerja-kerja pembaikan kecacatan dan kerosakan telah dilaksanakan secara berperingkat dan baki kecacatan akan siap sepenuhnya sebelum tempoh tanggungan kecacatan yang akan tamat pada 31 Mei 2014.

11.5.5. Pemantauan

11.5.5.1. Bagi memastikan pelaksanaan projek ini berjalan lancar dan memuaskan, pendekatan pemantauan telah dilakukan oleh JKR adalah seperti mengadakan Mesyuarat Tapak Bina dan Mesyuarat Teknikal. Mesyuarat Tapak Bina diadakan untuk membincangkan masalah-masalah semasa melaksanakan kerja pembinaan. Mesyuarat Teknikal pula diadakan bertujuan untuk membincangkan dan menyelesaikan masalah berkaitan teknikal berkaitan kerja pembinaan.

11.5.5.2. Semakan Audit mendapati Mesyuarat Tapak telah diadakan sebanyak 36 kali dari tahun 2010 hingga 2013. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh JKR, kontraktor, Polis DiRaja Malaysia dan perunding yang dilantik. Manakala, Mesyuarat Teknikal telah diadakan sebanyak 17 kali dari tahun 2010 hingga 2012 dan dihadiri oleh JKR, kontraktor dan perunding yang dilantik. Bagaimanapun, masih terdapat kelewatan Perunding Elektrik menyiapkan dan memuktamadkan lukisan pembinaan yang menyebabkan lanjutan masa diberikan kepada kontraktor.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pemantauan yang dijalankan oleh pihak JKR terhadap perunding adalah kurang berkesan dan perlu dipertingkatkan. Perunding yang dilantik perlu mengambil tindakan segera terhadap isu-isu teknikal yang dibangkitkan dan mewujudkan koordinasi yang berkesan.

11.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek lain, adalah disyorkan supaya JKR dan KDN memberi pertimbangan kepada perkara berikut:

11.6.1. JKR hendaklah memastikan pelantikan perunding mengambil kira tahap kompetensi perunding dalam sesuatu bidang berkenaan bagi mengurangkan risiko kelewatan pelaksanaan projek dan kenaikan kos yang tidak berpatutan (time and cost overrun);

11.6.2. JKR perlu memastikan klausa untuk mengenakan penalti terhadap perunding yang gagal melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna atau gagal mengemukakan dokumen berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan hendaklah dimasukkan dalam *Memorandum of Agreement*. Ini adalah bagi memastikan perunding memberi komitmen yang sepenuhnya dalam bidang yang dipertanggungjawabkan;

11.6.3. JKR perlu memastikan kontraktor mematuhi peraturan mengenai penggunaan bahan/barangan import;

11.6.4. JKR perlu memastikan kontraktor bertanggungjawab terhadap kualiti pembinaan dengan memperbaiki semua kecacatan sebelum tempoh tanggungan kecacatan berakhir;

11.6.5. JKR hendaklah memastikan pemantauan secara berterusan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor bagi mengelakkan kualiti kerja yang rendah dan menepati spesifikasi output yang disasarkan supaya mencapai objektif projek untuk membina sebuah fasiliti yang "fit for purpose". Selain itu, JKR juga hendaklah memantau kerja-kerja perunding bagi memastikan perunding menjalankan tanggungjawab seperti yang telah ditetapkan; dan

11.6.6. KDN perlu memastikan tahap keselamatan Balai Polis dengan menyediakan pagar keselamatan selaras dengan Arahan Keselamatan Kerajaan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Dalam Buku Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2013 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

12. JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA

- PENGURUSAN AKTIVITI PENGAMBILAN PEKERJA ASING DAN PENGELUARAN PAS LAWATAN KERJA SEMENTARA

12.1. LATAR BELAKANG

12.1.1. Dasar Kerajaan berkaitan pekerja asing diputuskan melalui Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing (JKKPA) yang ditubuhkan pada 8 Julai 1992. Bidang rujukan JKKPA adalah untuk memutuskan perkara dasar berhubung pengambilan pekerja asing di Malaysia untuk semua sektor. Pada 17 Julai 2009, JKKPA telah digabungkan dengan Jawatan Kuasa Kabinet Mengenai Pendatang Asing Tanpa Izin dan dinamakan JKKPA – PATI dan akan memutuskan perkara dasar berkenaan pekerja asing dan pendatang asing tanpa izin di Malaysia.

12.1.2. Kementerian Dalam Negeri (KDN) bertanggungjawab dalam urusan pengambilan pekerja asing. Bahagian Pengurusan Pekerja Asing, KDN menjadiurus setia kepada Pusat Kelulusan Setempat Pekerja Asing/ *One Stop Centre* (OSC) untuk memproses dan membuat pertimbangan serta kelulusan terhadap permohonan majikan yang lengkap dan layak untuk mengambil pekerja asing bekerja, setelah majikan gagal mendapat pekerja tempatan. Sehingga kini, Kerajaan membenarkan pengambilan pekerja asing bagi 6 sektor iaitu sektor perkilangan, pembinaan, perladangan, pertanian, perkhidmatan dan pembantu rumah.

12.1.3. Prosedur pengambilan pekerja asing melalui OSC telah dikuatkuasakan mulai 1 Ogos 2005 hasil daripada keputusan Mesyuarat JKKPA pada 5 Julai 2005. Prosedur ini dikuatkuasakan kepada semua sektor pekerjaan yang dibenarkan kecuali bagi sektor pembantu rumah yang diluluskan oleh Bahagian Pekerja Asing, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). OSC di KDN adalah mekanisme untuk mempercepat dan memudahkan proses permohonan pengambilan pekerja asing dalam tempoh satu hari.

12.1.4. JIM yang terletak di bawah pentadbiran KDN terlibat secara langsung dalam urusan pekerja asing, antaranya adalah seperti berikut:

- a. menguatkuasakan undang-undang imigresen yang berkaitan dengan pekerja asing tanpa izin atau tanpa permit kerja yang sah;
- b. mengeluarkan surat kelulusan permohonan Visa Dengan Rujukan (VDR) kepada pekerja asing yang baru memasuki Malaysia;
- c. mengeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) baru dan melanjutkannya; dan
- d. mengeluarkan Memo Periksa Keluar bagi pekerja asing yang dihantar pulang ke negara asal.

12.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada aktiviti pengambilan pekerja asing dan pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara diuruskan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

12.3. SKOP PENGAUDITAN

12.3.1. Skop pengauditan meliputi aktiviti pengambilan pekerja asing dan pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013. Sektor pekerjaan yang dipilih untuk diaudit adalah sektor pembinaan; sektor perkhidmatan bagi sub-sektor restoran dan pencucian/pembersihan serta sektor pembantu rumah. Asas pemilihan sektor tersebut adalah berdasarkan penglibatan semua negara sumber pekerja asing dan kadar levi yang tinggi dikenakan.

12.3.2. Pemeriksaan Audit telah dijalankan di Bahagian Pengurusan Pekerja Asing, KDN dan Bahagian Pekerja Asing, JIM serta 4 Pejabat JIM Negeri iaitu Johor, Selangor, Pulau Pinang dan Sabah. Pemilihan pejabat JIM negeri dibuat berdasarkan kepada urus niaga pengeluaran PLKS tertinggi dilaksanakan di pejabat JIM berkenaan.

12.3.3. Secara keseluruhannya skop pengauditan adalah berdasarkan bilangan sampel yang dipilih dan terhad kepada bilangan yang dapat dikemukakan kepada pihak Audit antaranya disebabkan oleh dokumen permohonan telah dilupuskan.

12.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi semakan terhadap rekod dan dokumen yang berkaitan; testimoni melalui temu bual; analisis terhadap data; pemeriksaan/pemerhatian di pejabat JIM yang menguruskan pengambilan pekerja asing dan pengeluaran pas lawatan kerja sementara serta premis majikan yang diluluskan untuk mengambil pekerja asing. Mesyuarat *Exit Conference* dengan Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Pengurusan), Kementerian Dalam Negeri, Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat Dan Rekod, JIM dan Unit Audit Dalam Kementerian Dalam Negeri telah diadakan pada 9 April 2014.

12.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Oktober 2013 mendapati Kerajaan telah menyediakan perancangan yang baik dalam menguruskan hal ehwal pekerja asing. Secara keseluruhannya, pengurusan aktiviti pengambilan pekerja asing oleh Kementerian Dalam Negeri dan pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) oleh JIM telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berhemat berdasarkan semakan Audit seperti berikut :



- a. tempoh kelulusan kuota di OSC KDN telah dilaksanakan dalam tempoh satu hari selaras dengan Objektif Kualiti Bahagian Pekerja Asing KDN;
- b. bilangan VDR yang dikeluarkan oleh JIM adalah berdasarkan bilangan kuota yang diluluskan; dan
- c. kutipan bayaran levi untuk tahun pertama oleh majikan di OSC KDN telah meningkat bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 iaitu berjumlah RM83.14 juta (24.3%) pada tahun 2012 dan RM25.9 juta (6.1%) pada tahun 2013.

Bagaimanapun, antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- i. terdapat kuota pengambilan pekerja asing yang diluluskan oleh jawatankuasa tanpa kehadiran wakil agensi kawal selia selaku ahli panel penemuduga;
- ii. pekerja asing bekerja di barisan hadapan/*frontliners* sebagai pelayan restoran yang menyalahi Perkara 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- iii. Sistem Aplikasi Jabatan Imigresen (myIMMs) tidak dapat menjana laporan secara terus apabila ia diperlukan; dan
- iv. naziran secara berkala tidak dilaksanakan dan tidak ada unit naziran secara khusus diwujudkan untuk memantau pekerja asing dan majikan.

Penjelasan lanjut berhubung perkara yang ditemui dan maklum balas daripada KDN dan JIM adalah seperti di perenggan berikut:

12.5.1. Prestasi Aktiviti Pengambilan Pekerja Asing Dan Pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara

12.5.1.1. Prestasi Kelulusan Kuota Terhadap Pengambilan Pekerja Asing Untuk Pelbagai Sektor

- a. Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, Pusat Kelulusan Setempat (OSC) KDN telah menerima permohonan kuota pengambilan pekerja asing daripada majikan sebanyak 15,717; 12,405 dan 17,154 permohonan masing-masing. Daripada jumlah permohonan kuota pengambilan pekerja asing tersebut, sebanyak 14,172 (90.2%); 12,047 (97.1%) dan 16,061 (93.6%) permohonan telah diluluskan. Ia melibatkan kelulusan kuota pengambilan pekerja asing seramai 302,562; 364,436 dan 375,589 orang masing-masing bagi tempoh 3 tahun tersebut untuk bekerja di pelbagai sektor di Semenanjung Malaysia. Butiran lanjut seperti di **Jadual 12.1**.

JADUAL 12.1
JUMLAH PERMOHONAN DAN KELULUSAN KUOTA PENGAMBILAN
PEKERJA ASING DI OSC KDN BAGI TEMPOH TAHUN 2011 HINGGA 2013

TAHUN	PERMOHONAN	KELULUSAN	KELULUSAN (%)	KUOTA PENGAMBILAN (Orang)
2011	15,717	14,172	90.2	302,562
2012	12,405	12,047	97.1	364,436
2013	17,154	16,061	93.6	375,589
JUMLAH	45,276	42,280	93.4	1,042,587

Sumber : Kementerian Dalam Negeri & Jabatan Imigresen Malaysia

- b. Analisis Audit menunjukkan terdapat pengurangan bilangan permohonan kuota pengambilan pekerja asing yang diterima pada tahun 2012 berbanding 2011 sebanyak 3,312 permohonan (21.1%). Ini disebabkan oleh pelancaran program Pendaftaran, Pemutihan, Pengampunan, Pemantauan, Penguatkuasaan dan Pengusiran (6P) oleh Kerajaan mulai 1 Ogos hingga 31 Ogos 2011 untuk Proses Pendaftaran dan seterusnya diikuti dengan Proses Pemutihan yang berakhir pada 31 Oktober 2011. Kerajaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing Dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) bertarikh 5 Oktober 2011 telah bersetuju supaya permohonan pengambilan pekerja asing baru dibekukan buat sementara waktu sehingga Proses Pemutihan berakhir. Ini adalah bagi membolehkan PATI yang berada di negara ini dapat diserapkan ke sektor yang memerlukan terlebih dahulu. Jumlah kuota pengambilan pekerja asing yang diluluskan mengikut sektor di Semenanjung Malaysia bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.2
JUMLAH KUOTA PENGAMBILAN PEKERJA ASING YANG DILULUSKAN MENGIKUT
SEKTOR DI SEMENANJUNG MALAYSIA BAGI TEMPOH TAHUN 2011 HINGGA 2013

TAHUN	JUMLAH KUOTA PENGAMBILAN PEKERJA ASING DILULUSKAN MENGIKUT SEKTOR (Orang)					JUMLAH (Orang)
	PEMBINAAN	PERLADANGAN	PERKILANGAN	PERKHIDMATAN	PERTANIAN	
2011	41,855	64,146	135,218	44,372	16,971	302,562
2012	47,325	60,377	191,159	34,712	30,863	364,436
2013	61,121	58,291	181,076	48,772	26,329	375,589
JUMLAH	150,301	182,814	507,453	127,856	74,163	1,042,587

Sumber : Kementerian Dalam Negeri & Jabatan Imigresen Malaysia

- c. Mengikut maklumat yang diperoleh daripada Jabatan Tenaga Kerja Sarawak, jumlah kuota pekerja asing/pekerja bukan pemastautin yang lain di Sarawak adalah masing-masing seramai 75,485, 84,826 dan 54,390 orang bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013. Manakala jumlah kuota pengambilan pekerja asing yang diluluskan mengikut sektor di Sarawak bagi tempoh yang sama adalah seperti di **Jadual 12.3**.

JADUAL 12.3
JUMLAH KUOTA PENGAMBILAN PEKERJA ASING/PEKERJA
BUKAN PEMASTAUTIN YANG LAIN YANG DILULUSKAN MENGIKUT
SEKTOR DI SARAWAK BAGI TEMPOH TAHUN 2011 HINGGA 2013

TAHUN	JUMLAH KUOTA PENGAMBILAN PEKERJA ASING DILULUSKAN MENGIKUT SEKTOR (Orang)					JUMLAH (Orang)
	PEMBINAAN	PERLADANGAN	PERKILANGAN	PERKHIDMATAN	PERTANIAN	
2011	10,052	33,450	25,996	2,517	3,470	75,485
2012	19,313	40,464	17,653	2,853	4,543	84,826
2013	12,868	21,151	16,175	1,894	2,302	54,390
JUMLAH	42,233	95,065	59,824	7,264	10,315	214,701

Sumber : Jabatan Tenaga Kerja Sarawak

- d. Mengikut maklumat yang diperoleh JIM Sabah, jumlah kelulusan kuota pekerja asing Negeri Sabah melalui Jawatankuasa Panel Perunding Pekerja Asing Sabah bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 adalah seramai 146,749; 66,944 dan 22,232 orang. Manakala jumlah kuota pengambilan pekerja asing yang diluluskan mengikut sektor di Sabah bagi tempoh yang sama adalah seperti di **Jadual 12.4**.

JADUAL 12.4
**JUMLAH KUOTA PENGAMBILAN PEKERJA ASING/
 JAWATANKUASA PANEL PERUNDING PEKERJA ASING SABAH
 MENGIKUT SEKTOR DI SABAH BAGI TEMP OH TAHUN 2011 HINGGA 2013**

TAHUN	JUMLAH KUOTA PENGAMBILAN PEKERJA ASING DILULUSKAN MENGIKUT SEKTOR (Orang)					JUMLAH (Orang)
	PEMBINAAN	PERLADANGAN	PERKILANGAN	PERKHIDMATAN	PERTANIAN	
2011	9,947	103,093	9,834	28	23,847	146,749
2012	6,599	40,595	5,579	2,751	11,420	66,944
2013	5,496	8,877	1,750	1,187	4,922	22,232
JUMLAH	22,042	152,565	17,163	3,966	40,189	235,925

Sumber : Jabatan Imigresen Sabah

12.5.1.2. Prestasi Pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara

- a. Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, Bahagian Pekerja Asing, JIM pula telah meluluskan permohonan Visa Dengan Rujukan (VDR) kepada majikan pelbagai sektor termasuk pembantu rumah asing (PRA) untuk membawa masuk masing-masing seramai 479,541; 863,147 dan 885,464 orang pekerja asing. Bilangan pekerja asing dengan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih aktif untuk bekerja di pelbagai sektor kecuali PRA di seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak adalah seramai 1,657,472; 1,657,802 dan 2,268,603 orang masing-masing pada 31 Disember 2011, 2012 dan 2013. Peningkatan jumlah PLKS aktif pekerja asing pelbagai sektor yang bekerja di negara ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang telah diputihkan di bawah Proses Pemutihan, Program 6P; kelulusan permohonan dibuat oleh agensi kawal selia di Kementerian masing-masing; dan kelulusan khas yang diberikan berdasarkan desakan pihak industri dan permintaan ekonomi.
- b. Bagi tempoh yang sama, masing-masing seramai 226,626; 174,058 dan 201,583 orang pembantu rumah asing (PRA) telah dikeluarkan dengan PLKS yang masih aktif untuk bekerja di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Penurunan jumlah kemasukan PRA untuk bekerja di Malaysia dikaitkan dengan Indonesia yang merupakan negara sumber terbesar membekalkan PRA ke Malaysia, tidak mempunyai profil PRA untuk digajikan oleh majikan serta struktur kos operasi yang dikatakan tidak dapat menampung kos operasi oleh agensi pekerjaan di Malaysia dan Indonesia.

- c. Bilangan pekerja asing yang memegang PLKS yang aktif setakat 31 Disember 2013 adalah seramai 2,470,186 orang. Statistik bilangan pekerja asing mengikut sektor pekerjaan adalah seperti di **Jadual 12.5**, manakala statistik bilangan pekerja asing mengikut warganegara yang utama adalah seperti di **Jadual 12.6**.

JADUAL 12.5
STATISTIK BILANGAN PEKERJA ASING MENGIKUT
SEKTOR PEKERJAAN BAGI TAHUN 2011 HINGGA 2013

SEKTOR PEKERJAAN	TAHUN/BILANGAN PEKERJA ASING		
	2011 (Orang)	2012 (Orang)	2013 (Orang)
Perkilangan	716,617	694,647	855,479
Pembinaan	263,472	250,438	486,014
Perladangan	345,725	383,848	417,535
Perkhidmatan	161,460	170,151	295,395
Pertanian	170,198	158,718	214,180
Pembantu Rumah	226,626	174,058	201,583
JUMLAH	1,884,098	1,831,860	2,470,186

Sumber : Jabatan Imigresen Malaysia

JADUAL 12.6
STATISTIK BILANGAN PEKERJA ASING MENGIKUT WARGANEGARA
YANG UTAMA BAGI TEMPOH TAHUN 2011 HINGGA 2013

WARGANEGARA	TAHUN/BILANGAN PEKERJA ASING		
	2011 (Orang)	2012 (Orang)	2013 (Orang)
Indonesia	900,529	878,345	1,065,461
Nepal	279,020	317,733	451,659
Bangladesh	238,155	195,594	354,721
Myanmar	159,644	135,716	192,206
India	93,391	99,018	147,795
Lain-lain	104,285	98,233	125,095
Filipina	48,589	55,795	69,107
Vietnam	60,485	51,426	64,142
JUMLAH	1,884,098	1,831,860	2,470,186

Sumber : Jabatan Imigresen Malaysia

Pada pendapat Audit, sektor perkilangan, pembinaan dan perladangan menunjukkan bilangan pekerja asing yang tinggi dan negara Indonesia merupakan negara sumber utama yang membekalkan pekerja asing ke Malaysia.

12.5.2. Pencapaian Prestasi Kewangan

12.5.2.1. Satu daripada petunjuk prestasi dalam pengurusan warga asing adalah peningkatan jumlah pendapatan kepada negara melalui JIM. Meskipun Kerajaan berusaha untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing, namun kekurangan tenaga kerja tempatan telah menyukarkan pihak swasta

menjalankan operasi mereka secara optimum serta menghalang usaha bagi mengembangkan perniagaan untuk terus maju dan berdaya saing. Ini menyebabkan Kerajaan sukar untuk menyekat terus permintaan majikan terhadap pengambilan dan penggajian pekerja asing dengan memastikan dasar semasa mengenai pengambilan dan penggajian pekerja asing dipatuhi oleh majikan.

12.5.2.2. Adalah didapati melalui aktiviti pengambilan pekerja asing dan pengeluaran pas lawatan kerja sementara kepada pekerja asing, Kerajaan melalui JIM telah mengutip hasil daripada bayaran levi, visa, pas dan proses. Kutipan hasil telah meningkat sejumlah RM0.891 bilion (38.4%) iaitu daripada RM2.321 bilion pada tahun 2011 kepada RM3.213 bilion pada tahun 2012. Bagaimanapun, kutipan hasil ini telah menurun sejumlah RM102.71 juta (3.2%) iaitu daripada RM3.213 bilion pada tahun 2012 kepada RM3.11 bilion pada tahun 2013. Maklumat terperinci adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.7
JUMLAH KUTIPAN BAYARAN LEVI, VISA, PAS DAN PROSES DI JABATAN
IMIGRESEN MALAYSIA BAGI TEMPOH TAHUN 2011 HINGGA 2013

TAHUN	JENIS KUTIPAN HASIL				JUMLAH (RM Juta)
	LEVI (RM Juta)	VISA (RM Juta)	PAS (RM Juta)	PROSES (RM Juta)	
2011	1,800.01	197.59	253.59	69.78	2,320.97
2012	2,618.10	218.57	285.65	90.24	3,212.56
2013	2,435.31	273.48	305.41	95.65	3,109.85

Sumber : Jabatan Imigresen Malaysia

12.5.2.3. Analisis Audit selanjutnya mendapati daripada jumlah kutipan bayaran yang ditunjukkan dalam **Jadual 12.7**, sejumlah RM342.83 juta, RM425.97 juta dan RM451.83 juta telah dikutip di OSC KDN, masing-masing bagi tahun 2011, 2012 dan 2013. Kutipan bayaran di OSC adalah hasil daripada bayaran levi untuk tahun pertama oleh majikan terhadap setiap pekerja asing mengikut kadar yang ditetapkan bagi sektor yang dipohon dan diluluskan.

Pada pendapat Audit, kutipan bayaran bagi levi, visa, pas dan proses telah dapat meningkatkan hasil Kerajaan Persekutuan.

12.5.3. Pengurusan Aktiviti Pengambilan Pekerja Asing Dan Pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara

12.5.3.1. Keperluan Menambah Baik Proses Permohonan Dan Kelulusan Kuota Pengambilan Pekerja Asing

- a. Semua permohonan majikan untuk kuota pengambilan pekerja asing bagi sektor perkilangan, perladangan, pembinaan, perkhidmatan dan pertanian perlu melalui Pusat Kelulusan Setempat (OSC) KDN. OSC menempatkan pegawai dari agensi kawal selia mengikut sektor masing-masing secara

sepanjang masa, yang bertindak selaku Ahli Panel Pengambilan Pekerja Asing yang terdiri daripada Kementerian Dalam Negeri (urus setia), Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan serta Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan bagi sektor perkhidmatan; Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri bagi sektor perkilangan/pembuatan; Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani bagi sektor pertanian; Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi bagi sektor perladangan dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia bagi sektor pembinaan, yang akan menemuduga majikan dan memberi keputusan. Kehendak ini adalah untuk memastikan majikan memohon pekerja berdasarkan keperluan sebenar. Keperluan yang sebenar ini secara tidak langsung memudahkan KDN, Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan agensi merangka dasar yang bersesuaian untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Mengikut dasar dan prosedur pengambilan pekerja asing yang dilaksanakan di OSC ini, permohonan yang lengkap mengikut kriteria dan syarat yang ditetapkan, akan diproses dan diluluskan pada hari yang sama. Sebanyak 15 negara sumber telah dibenarkan untuk pengambilan pekerja asing.

- b. Sampel pengauditan yang dipilih adalah berdasarkan 640 dokumen permohonan terdiri daripada 14,841 dokumen permohonan kuota pengambilan pekerja asing bagi sektor pembinaan dan perkhidmatan (sub-sektor pencucian/pembersihan dan restoran) bagi tempoh tahun 2011 hingga bulan November 2013 di Bahagian Pekerja Asing, KDN. Daripada 640 dokumen permohonan yang diminta hanya 169 (26.4%) dokumen telah dikemukakan kepada pihak Audit. Semakan Audit terhadap 169 dokumen permohonan tersebut mendapati dokumen permohonan yang dikemukakan untuk disemak juga tidak mengikut senarai sampel yang telah dipilih. Pihak Audit dimaklumkan bahawa dokumen permohonan berkenaan tidak dapat dikesan dan banyak di antaranya telah dimusnahkan kerana masalah ruang penyimpanan dokumen yang terhad. Pihak Audit juga mendapati dokumen permohonan tidak disimpan dengan teratur contohnya dokumen tidak disimpan mengikut tempoh tertentu sama ada mengikut tarikh *data entry*/kelulusan sebaliknya disusun mengikut jenis permohonan. Ini menyebabkan ia sukar dikesan.

Maklum Balas KDN Yang Diterima Pada 27 Februari 2014

Bahagian Pengurusan Pekerja Asing, KDN telah berpindah pejabat pada 1 Oktober 2011 dan telah melakukan kerja pengubahsuaian pejabat dan terlibat dengan Program 6P (Pemutihan) bermula dari bulan Oktober 2011 sehingga bulan Disember 2012. Sehubungan itu, fail berkenaan tidak dapat disusun dengan baik. Bagaimanapun, tindakan penambahbaikan telah diambil dan semua fail permohonan telah disusun mengikut tarikh surat kelulusan bersyarat.



- c. Di OSC KDN, permohonan majikan untuk kuota pengambilan pekerja asing perlu mendapat kelulusan daripada Ahli Panel Pengambilan Pekerja Asing. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kelemahan dalam proses kelulusan sedia ada di OSC KDN. Kertas kerja berhubung penambahbaikan terhadap proses kerja di OSC KDN telah disediakan, dibentang, dibincang dan diputuskan dalam Mesyuarat JKKPA-PATI pada 17 Mac 2011. Satu mesyuarat lain untuk menyelaraskan dan memikirkan mekanisme serta kaedah pelaksanaan terhadap keputusan Mesyuarat JKKPA-PATI itu juga telah diadakan pada 3 Mei 2011. Antara cadangan dan keputusan mesyuarat penyelarasan tersebut adalah kuota kelulusan pekerja asing dan syarat kelayakan majikan perlu ditentukan oleh agensi kawal selia mengikut sektor dan sub-sektor yang berkenaan. Agensi kawal selia perlu diperkasakan peranannya di mana agensi kawal selia berkenaan perlu membuat tapisan permohonan pekerja asing dengan menentukan kuota kelulusan pekerja asing serta syarat kelayakan majikan. Selanjutnya mesyuarat menyebut mengenai keperluan penggunaan format Jawatankuasa Pegawai Dagang bagi memproses permohonan majikan di OSC KDN iaitu dengan mengadakan mesyuarat untuk memberi kelulusan kepada permohonan majikan setelah pengesahan dokumen dibuat oleh agensi kawal selia. Cadangan pelaksanaan terhadap penambahbaikan proses kerja adalah pada 1 Ogos 2011.
- d. Pada Mesyuarat JKKPA-PATI bertarikh 1 Julai 2013 juga dibentangkan kertas pertimbangan berhubung penambahbaikan peranan OSC KDN. Mesyuarat pada kali ini bersetuju untuk mengkaji semula kesesuaian dan keperluan kewujudan JAKPAMITI [*Jawatankuasa Khas Pekerja Asing MITI yang ditubuhkan pada 1 Ogos 2012 bertujuan untuk menyegerakan kelulusan kerana berlaku permintaan yang mendesak terhadap pekerja asing tanpa perlu mendapatkan Job Clearing System dan tanpa menggunakan pakai nisbah kelayakan (ratio) atau kapasiti pengeluaran*]; kelulusan pekerja asing hanya dibuat di OSC KDN; dan agensi kawal selia perlu menempatkan pegawai sepenuh masa di OSC KDN. Persetujuan mesyuarat dibuat atas dasar untuk mengatasi sebarang isu kelewatan dan penyelewengan kelulusan.
- e. Auditan susulan pada 10 April 2014 terhadap 52 daripada 161 dokumen permohonan kelulusan kuota yang dikemukakan mendapati sebanyak 24 (46.1%) permohonan baru tidak disahkan oleh Ahli Panel Pengambilan Pekerja Asing iaitu 13 permohonan tanpa kelulusan ahli panel daripada Kementerian Sumber Manusia dan 8 permohonan tanpa kelulusan ahli panel daripada agensi kawal selia serta 3 permohonan tanpa kelulusan ahli panel daripada Kementerian Sumber Manusia dan agensi kawal selia. Sebaliknya ruangan kelulusan tersebut telah disahkan oleh pegawai KDN. Selain itu, lawatan Audit ke Bilik Temu duga Bahagian Pekerja Asing, KDN mendapati secara keseluruhannya proses kelulusan kuota pengambilan pekerja asing

telah dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan. Bagaimanapun, tiada ahli panel yang ditempatkan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani bagi kelulusan sektor perkhidmatan dan pertanian. Semakan Audit terhadap 3 akuan penerimaan bagi sektor perkhidmatan dan pertanian yang telah diluluskan pada hari tersebut mendapati ruangan agensi kawal selia telah disahkan oleh pegawai KDN.

Maklum Balas KDN Yang Diterima Pada 29 April 2014

Kementerian mengakui bahawa terdapat permohonan yang diproses tiada kelulusan ahli panel daripada agensi kawal selia sepertimana pemerhatian audit susulan pada 10 April 2014 terhadap 24 dokumen permohonan pengambilan pekerja asing. Perkara ini berlaku kerana ketidakhadiran panel bertugas dari agensi-agensi berkenaan. Pusat Kelulusan Setempat (OSC) menjalankan operasi setiap hari dan keputusan permohonan dimaklumkan hari yang sama kepada majikan. Semua permohonan pengambilan pekerja asing di Semenanjung Malaysia berpusat di Bahagian Pengurusan Pekerja Asing, KDN. Selaku urus setia OSC pihak KDN meneruskan untuk memproses permohonan tersebut sekiranya panel agensi kawal selia tidak hadir memandangkan majikan yang hadir dari seluruh Semenanjung Malaysia telah hadir pada hari tersebut untuk memohon pekerja asing.

Pegawai KDN akan merujuk Buku Dasar, Prosedur, Syarat-syarat Pengambilan Pekerja Asing sebagai garis panduan untuk mempertimbang permohonan di mana buku garis panduan tersebut merupakan syarat-syarat dan kaedah penilaian oleh agensi kawal selia berkaitan. Arahan kepada Pegawai-pegawai di Bahagian Pengurusan Pekerja Asing untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab mempertimbangkan dan menjalankan tugas kelulusan-kelulusan di Pusat Kelulusan Setempat telah dikeluarkan oleh mantan YBhg. KSU pada masa itu melalui surat bertarikh 29 Julai 2005.

Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) pada 1 Julai 2013 telah bersetuju dengan pembentangan mengenai kertas makluman “Penambahbaikan Peranan Pusat Kelulusan Setempat (OSC)” oleh KDN dan bersetuju supaya semua agensi kawal selia perlu menempatkan pegawai sepenuh masa di OSC KDN. Perkara yang sama juga telah dimaklumkan kepada semua agensi kawal selia dan Kementerian Sumber Manusia dalam Retreat Pengurusan Warga Asing KDN pada 9 hingga 11 Februari 2014 dan dalam Mesyuarat Penyelarasan JKKPA-PATI pada 6 Februari 2014. KDN juga turut membangkitkan isu kehadiran pegawai di OSC dalam Mesyuarat Dasar, Prosedur dan Syarat-syarat Penggajian Pekerja Asing di Malaysia yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato’ Sri KSU KPDNKK pada 6 Mac 2014.

Surat pemberitahuan KDN kepada agensi-agensi kawal selia bertarikh 24 Julai 2013 berkenaan peranan agensi-agensi kawal selia memastikan pegawai panel



temuduga hadir setiap hari di OSC serta surat pemberitahuan kali kedua bertarikh 24 April 2014.

Pada pendapat Audit, proses kelulusan kuota adalah kurang memuaskan kerana terdapat permohonan pekerja asing telah diluluskan tanpa kehadiran wakil agensi kawal selia dan Kementerian Sumber Manusia. Kehadiran ahli jawatankuasa bagi tujuan proses tersebut adalah penting bagi menjamin ketelusan proses kelulusan dan bagi memastikan ia dibuat berdasarkan dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan mengikut Kementerian masing-masing.

- f. Selain itu, di OSC KDN naziran hanya dilakukan terhadap dokumen permohonan majikan yang diragui atau perlu dipastikan dengan lebih lanjut kesahihan permohonan tersebut. Naziran juga hanya dilakukan terhadap setiap permohonan majikan bagi pengambilan pekerja asing untuk bekerja di sektor perkhidmatan di bawah sub-sektor SPA. Tujuannya adalah untuk mengesahkan kesahihan permohonan tersebut. Namun, bagi proses kelulusan terhadap permohonan majikan lainnya di OSC KDN, hanya memerlukan majikan membawa semua dokumen permohonan berkaitan dan majikan akan ditemuduga oleh pegawai dari agensi kawal selia selaku Panel Penemuduga dan juga Panel Pengambilan Pekerja Asing. Pengesahan perakuan kelulusan diberikan pada hari yang sama oleh Panel Pengambilan Pekerja Asing tersebut. Ini sebenarnya mewujudkan tekanan untuk mengeluarkan perakuan kelulusan kerana pada masa yang sama perlu membuat penelitian yang rapi bagi setiap permohonan oleh majikan. Naziran tidak dilakukan terhadap permohonan ini dan kelulusan kuota pengambilan pekerja asing kepada majikan terletak kepada keputusan *unilateral* yang dibuat oleh ahli panel tersebut. Pihak Audit juga dimaklumkan bahawa tiada naziran atau pemeriksaan susulan dilakukan ke premis/lokasi majikan yang diluluskan untuk mengambil pekerja asing oleh Unit Naziran, Bahagian Pengurusan Pekerja Asing, KDN.

Pada pendapat Audit, Unit Naziran perlu menjalankan pemeriksaan susulan secara berkala ke premis/lokasi majikan yang diluluskan mengambil pekerja asing bagi memastikan dan mengesahkan kesahihan semua maklumat di dokumen permohonan majikan tersebut. Ini memberi gambaran dan amaran kepada pihak majikan bahawa Kerajaan mempunyai mekanisme untuk memantau urusan pengambilan pekerja asing dan serius dalam usaha mengawal kemasukan pekerja asing supaya tidak melebihi keperluan dan mematuhi dasar serta syarat-syarat yang ditetapkan.

Maklum Balas KDN Yang Diterima Pada 29 April 2014

Peranan Unit Naziran di Bahagian Pengurusan Pekerja Asing (BPPA) KDN adalah menjalankan aktiviti naziran seperti berikut:

- i. Melaksanakan naziran terhadap syarikat dalam proses permohonan pekerja asing berdasarkan permintaan daripada agensi kawal selia; dan*
- ii. Menjalankan siasatan aduan terhadap syarikat yang menggaji pekerja asing.*

Unit ini hanya dianggotai oleh seramai 14 Pegawai Penguasa Imigresen yang perlu menjalankan naziran ke seluruh negara. Skop tugas Unit Naziran BPPA adalah pemantauan bagi permohonan yang sedang diproses untuk kelulusan sahaja. Pemantauan secara berkala setelah permohonan diluluskan perlu dijalankan bersama agensi kawal selia. Isu check and balance ini sewajarnya dilihat secara kolektif bersama agensi kawal selia. Ini ditambah dengan trend pengambilan pekerja asing yang sentiasa meningkat setiap tahun yang menyukarkan untuk naziran dijalankan ke atas setiap permohonan yang diluluskan. Sehubungan itu, cadangan ini dialu-alukan bagi tujuan penambahbaikan untuk memantau urusan pengambilan pekerja asing dan serius dalam usaha mengawal kemasukan pekerja asing supaya tidak melebihi keperluan dan mematuhi dasar serta syarat-syarat yang ditetapkan.

Kementerian mengambil perhatian cadangan yang dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara dan berpandangan ia merupakan langkah yang baik dalam memastikan check and balance bagi permohonan yang telah diluluskan. Kementerian bersedia menjalankan naziran secara rawak terhadap syarikat/majikan yang telah memperoleh kelulusan pengambilan pekerja asing.

- g. Mengikut dasar sedia ada berhubung pengambilan dan penggunaan khidmat pekerja asing yang diluluskan untuk kerja *semi-skilled/non-skilled* dalam semua sektor bagi jawatan barisan hadapan/*frontliners* adalah tidak dibenarkan sama sekali. Antara contoh jawatan yang tidak dibenarkan ialah pelayan. **Gambar 12.1** hingga **12.4** menunjukkan pekerja asing yang menjadi pelayan di restoran yang dikunjungi oleh pihak Audit.

GAMBAR 12.1



*Restoran di Putrajaya
- Pekerja Asing Menjadi Pelayan
(Frontliners)
(05.12.2013)*

GAMBAR 12.2



*Restoran di Putrajaya
- Pekerja Asing Menjadi Pelayan
(Frontliners)
(05.12.2013)*

GAMBAR 12.3



*Restoran di Putrajaya
- Pekerja Asing Menjadi Pelayan
(Frontliners)
(05.12.2013)*

GAMBAR 12.4



*Restoran di Putrajaya
- Pekerja Asing Menjadi Pelayan
(Frontliners)
(05.12.2013)*

Pada pendapat Audit, tindakan penguatkuasaan perlu dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan majikan mematuhi syarat pas yang telah diluluskan.

Maklum Balas KDN Yang Diterima Pada 29 April 2014

Semua kelulusan yang diberikan di bawah subsektor restoran hanya untuk jawatan tukang masak sahaja. Sekiranya pekerja berkenaan bekerja di barisan hadapan/frontliners, ia telah melakukan kesalahan di bawah Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 dan boleh diambil tindakan di bawah peraturan yang sama. Bagaimanapun, Kementerian mengakui semasa pemerhatian audit berlaku pelanggaran syarat pas namun operasi penguatkuasaan yang dijalankan pada 26 Februari 2014 di 4 buah restoran mendapati pemeriksaan telah dilakukan ke atas 63 orang pekerja. Hasil pemeriksaan mendapati kesalahan pekerja asing berkenaan tidak dapat dibuktikan dan menyukarkan tangkapan dilaksanakan serta hanya satu tangkapan telah dilakukan di atas kesalahan kerana tidak memiliki sebarang dokumen untuk tinggal dan berada di Malaysia.

Kementerian bersetuju dengan pendapat Audit bahawa tindakan penguatkuasaan perlu dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan majikan mematuhi syarat pas yang telah diluluskan. Kementerian telah pun melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara berterusan melalui Operasi Bersepadu Fasa 2 yang dijalankan dari tempoh 21 Januari hingga 24 April 2014 dan seramai 1,352 pekerja asing telah ditangkap atas kesalahan melanggar syarat pas.

12.5.3.2. Pengurusan Maklumat/Data Pekerja Asing Melalui Sistem

- a. Semua maklumat/data mengenai pekerja asing dimasukkan ke dalam sistem yang dibangunkan oleh JIM iaitu Sistem myIMMs. Kesahihan maklumat pekerja asing yang disediakan bergantung kepada proses kemasukan data pekerja asing dan sejauh mana sistem mampu memproses data yang

dimasukkan. Penyimpanan dokumen berkenaan hanya bagi tempoh antara 3 hingga 6 bulan mengikut polisi JIM.

- b. Semakan Audit mendapati sistem mengambil masa yang lama untuk mengeluarkan sesuatu laporan dan hanya boleh dicapai dan dijana pada 'satu satu masa tertentu' serta tidak bersifat 'bila bila masa yang diperlukan'. Ini menyebabkan pemeriksaan Audit terhadap maklumat/data tertentu adalah amat sukar dan terhad.
- c. Sampel Audit meliputi senarai kelulusan permohonan baru pekerja asing untuk tempoh bulan Januari hingga Julai 2013, mengambil kira tarikh permohonan oleh majikan yang dinyatakan dalam sistem antara 7 hingga 14 hari bulan bagi sektor pembinaan dan perkhidmatan (subsektor pembersihan/pencucian dan restoran) serta sektor pembantu rumah. Hasil pengauditan mendapati perkara seperti berikut:
 - i. Tarikh permohonan yang dinyatakan dalam sistem sebenarnya merujuk kepada tarikh data dimasukkan ke dalam sistem bukan tarikh permohonan diterima daripada majikan. Melalui semakan ini, pihak Audit mengesan tempoh masa yang agak lama diambil untuk memasukkan sebahagian data pekerja asing ke dalam sistem. Semakan dibuat dengan mengambil kira tarikh dokumen permohonan diterima daripada majikan dengan tarikh maklumat dokumen permohonan dimasukkan ke dalam sistem. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.8
TEMPOH MASA DIAMBIL UNTUK MEMASUKKAN MAKLUMAT/DATA
PEKERJA ASING KE DALAM SISTEM myIMMS

PEJABAT IMIGRESEN	TEMPOH SEMAKAN AUDIT TERHADAP MAKLUMAT/ DATA PEKERJA ASING DALAM SISTEM myIMMS	BILANGAN SAMPEL YANG DIAUDIT	MAKLUMAT SEKTOR/ SUB-SEKTOR PEKERJA ASING YANG DISEMAK	TEMPOH MASA DIAMBIL UNTUK MEMASUKKAN DATA KE DALAM SISTEM (MENGAMBIL KIRA TARIKH TERIMA PERMOHONAN DAN TARIKH MEMASUKKAN DATA KE DALAM SISTEM)	
				TEMPOH MASA (HARI)	BIL. SAMPEL (PERMOHONAN)
Putrajaya	Setiap 7 hb hingga 14 hb untuk bulan Januari hingga Julai 2013	71		2 - 5	35
				6 - 10	2
				> 10	9
				2 - 27	46
Selangor	Setiap 7 hb hingga 14 hb untuk bulan Januari hingga Jun 2013	34	Pembinaan, Perkhidmatan (Restoran & Pembersihan/Pencucian) dan Pembantu Rumah	2 - 5	28
				6 - 10	-
				> 10	3
				2 - 43	31
Johor	Setiap 7 hb hingga 14 hb untuk bulan Januari hingga Jun 2013	247		2 - 5	13
				6 - 10	10
				> 10	207
				2 - 27	230

PEJABAT IMGIRESEN	TEMPOH SEMAKAN AUDIT TERHADAP MAKLUMAT/ DATA PEKERJA ASING DALAM SISTEM myIMMS	BILANGAN SAMPEL YANG DIAUDIT	MAKLUMAT SEKTOR/ SUB-SEKTOR PEKERJA ASING YANG DISEMAK	TEMPOH MASA DIAMBIL UNTUK MEMASUKKAN DATA KE DALAM SISTEM (MENGAMBIL KIRA TARIKH TERIMA PERMOHONAN DAN TARIKH MEMASUKKAN DATA KE DALAM SISTEM)	
				TEMPOH MASA (HARI)	BIL. SAMPEL (PERMOHONAN)
Pulau Pinang	Setiap 7 hb hingga 14 hb untuk bulan Januari hingga Jun 2013	294		2 - 5	5
				6 - 10	-
				> 10	-
				2	5
Sabah	Setiap 7 hb hingga 14 hb untuk bulan April hingga Julai 2013	154	Pembinaan, Perkhidmatan (Restoran) dan Pembantu Rumah	2 - 5	59
				6 - 10	47
				> 10	35
				2 - 159	141
JUMLAH BESAR		800		2 - 159	453

Sumber : Borang Permohonan Majikan Di Ibu Pejabat JIM Dan 4 Pejabat JIM Negeri


- ii. Kesan daripada mengambil kira tarikh permohonan yang dimaksudkan oleh sistem menyebabkan pihak Audit sukar mendapatkan dokumen sumber permohonan untuk disemak bagi tempoh masa yang dipilih. Ini kerana tarikh permohonan di dokumen sumber berkenaan adalah berbeza dan tidak dapat dijadikan satu tanda rujukan. Dokumen sumber permohonan juga tidak mencatat sebarang tarikh *key in* kecuali di Pejabat Imigresen Johor. Selain itu, banyak di antara dokumen sumber permohonan telah dimusnahkan dan masalah dokumen sumber yang tidak disimpan dengan teratur dan sempurna. **Gambar 12.5** hingga **12.7** menunjukkan keadaan tempat penyimpanan dokumen sumber permohonan pekerja asing yang sempit/terhad serta tidak teratur selain keadaan yang menunjukkan ruang pejabat imigresen yang juga sempit/terhad.

GAMBAR 12.5



Jabatan Imigresen Selangor
- Tempat Penyimpanan Dokumen Yang Sempit/Terhad
Menyebabkan Permohonan terpaksa Disimpan
Di Bawah Kaunter Serta Tidak Teratur
(30.10.2013)

GAMBAR 12.6



Jabatan Imigresen Selangor
- Ruang Pejabat Imigresen Yang Sempit/Terhad
Menyebabkan Dokumen Sumber terpaksa
Diletak Berlonggokan Di Sekitar Ruang Kerja
Kakitangan Imigresen Terabit
(30.10.2013)



GAMBAR 12.7

*Jabatan Imigresen Selangor
- Tempat Penyimpanan Dokumen Sumber
Permohonan Pekerja Asing Yang
Sempit/Terhad Selain Keadaan Ruang
Pejabat Imigresen Yang Juga Sempit/Terhad
Menyebabkan Ruangan Di Depan Surau
Dijadikan Tempat Penyimpanan Sementara
Dokumen Sumber Dan Tidak Teratur
(30.10.2013)*

- iii. Pekeliling Imigresen Malaysia Bil. 14 Tahun 2005 berkaitan piagam pelanggan baru bagi kelulusan permohonan Visa Dengan Rujukan (VDR) pekerja asing adalah 24 jam bagi permohonan VDR sebanyak satu hingga 100 orang pekerja asing dan 3 hari bekerja bagi permohonan VDR melebihi 100 orang pekerja asing. Berdasarkan 800 sampel permohonan yang dipilih terdapat 451 permohonan iaitu 56.4% yang mengambil masa melebihi 3 hari di **Jadual 12.9**.

JADUAL 12.9
TEMPOH MASA DIAMBIL UNTUK MELULUSKAN
PERMOHONAN VISA DENGAN RUJUKAN PEKERJA ASING

PEJABAT IMIGRESEN	TEMPOH SEMAKAN AUDIT TERHADAP MAKLUMAT/DATA PEKERJA ASING DALAM SISTEM myIMMS	BILANGAN SAMPEL YANG DIAUDIT	MAKLUMAT SEKTOR/ SUB-SEKTOR PEKERJA ASING YANG DISEMAK	TEMPOH MASA DIAMBIL UNTUK MELULUSKAN PERMOHONAN VISA DENGAN RUJUKAN PEKERJA ASING (MENGAMBIL KIRA TARIKH TERIMA PERMOHONAN DAN TARIKH LULUS VDR)	
				TEMPOH MASA (Hari)	BIL. SAMPEL (Permohonan)
Putrajaya	Setiap 7 hb hingga 14 hb untuk bulan Januari hingga Julai 2013	71	Pembinaan, Perkhidmatan (Restoran & Pembersihan/Pencucian) dan Pembantu Rumah	6 - 10	-
				> 10	17
				6 - 37	17
Selangor	Setiap 7 hb hingga 14 hb untuk bulan Januari hingga Jun 2013	34		6 - 10	10
				> 10	17
				6 - 55	27
Johor	Setiap 7 hb hingga 14 hb untuk bulan Januari hingga Jun 2013	247		6 - 10	72
				> 10	124
				6 - 75	196
Pulau Pinang	Setiap 7 hb hingga 14 hb untuk bulan Januari hingga Jun 2013	294		6 - 10	5
			> 10	102	
			6 - 126	107	
*Sabah	Setiap 7 hb hingga 14 hb untuk bulan April hingga Julai 2013	154	6 - 10	60	
			> 10	44	
			6 - 159	104	
JUMLAH		800		6 - 159	451

Sumber : Borang Permohonan Majikan Di Ibu Pejabat JIM Dan 4 Pejabat JIM Negeri

- Tempoh masa yang wujud untuk memasukkan maklumat/data pekerja asing dan majikan ke dalam sistem serta dalam meluluskan suatu permohonan VDR, antaranya dikaitkan dengan bilangan permohonan VDR yang banyak diterima oleh JIM setiap hari dan sistem myIMMs yang tidak stabil. **Gambar 12.8** hingga **12.12** menunjukkan keadaan bilangan/jumlah permohonan VDR yang banyak diterima sehingga berlaku kesesakan ruang pejabat bagi meletak/menyimpan dokumen permohonan VDR berkenaan.

GAMBAR 12.8


Jabatan Imigresen Selangor
- Ruang Di Belakang Kaunter JIM Dilonggokkan Dengan Dokumen Diterima Dari Majikan Untuk Diproses Menyebabkan Kesesakan Ruang Pejabat (30.10.2013)

GAMBAR 12.9


Jabatan Imigresen Selangor
- Permohonan Yang Banyak Diterima Di Kaunter JIM Untuk Diproses terpaksa Dilonggokkan Di Bawah Kaunter Sehingga Menyebabkan Kesesakan Ruang Pejabat (30.10.2013)

GAMBAR 12.10

Jabatan Imigresen Selangor
- Permohonan Yang Banyak Diterima terpaksa Dilonggokkan Di Belakang Kaunter Yang Menyebabkan Kesesakan Ruang Pejabat (30.10.2013)

GAMBAR 12.11

Jabatan Imigresen Selangor
- Ruang Kerja Yang Terhad/Sempit Serta Bilangan Permohonan Yang Banyak Untuk Diproses Menyebabkan Kesesakan Ruang Pejabat (30.10.2013)

**GAMBAR 12.12**

Jabatan Imigresen Selangor
- Ruang Kerja Yang Terhad/Sempit Untuk Memproses Permohonan Yang Banyak Diterima Menyebabkan Kesesakan Ruang Pejabat (30.10.2013)

- d. Mesyuarat JKKPA-PATI bertarikh 17 Mac 2011 telah melaporkan statistik JIM dari tahun 2009 hingga bulan Jun 2010 menunjukkan 2.8 juta warga asing tidak meninggalkan negara selepas tamat tempoh yang dibenarkan (overstay). Bagaimanapun, bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, pihak Audit tidak dikemukakan dengan statistik yang sama melalui sistem myIMMs.

Pada pendapat Audit, oleh kerana aktiviti pengambilan pekerja asing dan pengeluaran PLKS amat berkait rapat dan bergantung kepada sistem, maka sistem yang dibangunkan dan diguna pakai untuk merekod maklumat pekerja asing perlulah stabil dan boleh dipercayai serta dicapai pada bila-bila masa yang diperlukan. Dengan sistem yang stabil ia dapat mewujudkan mekanisme kawalan dan pemantauan dalam menguruskan pekerja asing terutamanya untuk mengelakkan pekerja asing daripada menjadi pekerja asing tanpa izin. Oleh itu, pengurusan dan pengendalian pekerja asing perlu dipertingkatkan supaya lebih sistematik, cekap dan berkesan.

Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 27 Februari 2014

Sistem Visa Pas & MyIMMs tidak mempunyai keupayaan khusus untuk menjana statistik seperti Business Intelligence. Sebagai langkah penambahbaikan, sistem khusus statistik telah dicadangkan untuk ditambah ke dalam sistem.

JIM telah memohon tambahan field melalui change request untuk membolehkan maklumat permohonan dimasukkan semasa majikan mengemukakan permohonan.

Selain itu, kelewatan memasukkan data ke dalam sistem myIMMs kerana masalah backlog data entry di semua cawangan JIM (Bahagian Pekerja Asing) ekoran migrasi sistem dari Visa Pas ke myIMMs. Apabila sistem Visa & Pas ditutup sepenuhnya pada 1 April 2013, masalah backlog telah bertambah. Sebagai langkah penyelesaian jangka pendek, pegawai sambilan harian telah diambil untuk kerja-kerja data entry selain pinjaman pegawai dari bahagian lain. Sistem kini telah kembali stabil dan backlog telah berjaya dikurangkan kepada 7 hari bekerja ketika ini. Sebagai langkah penyelesaian jangka panjang, JIM telah memperkenalkan e-Services/e-VDR di mana majikan boleh memasukkan data secara online. Construction Labour Exchange Berhad (CLAB) adalah syarikat pertama yang diberikan kemudahan ini bagi tujuan pengujian sistem. Sejak awal tahun ini, ianya telah diperluaskan kepada syarikat yang terpilih sebelum sistem stabil sepenuhnya untuk diperluaskan kepada semua syarikat. Dengan pewujudan Sistem Foreign Worker Centralised Management System (FWCMS) proses permohonan, pengurusan serta pemantauan ke atas pekerja asing akan dilakukan secara atas talian di mana prosedur permohonan akan menjadi lebih pantas.



Selain itu, masalah penyimpanan dokumen di pejabat JIM Shah Alam adalah kerana ruang pejabat yang kecil dan sempit. JIM Selangor sedang menyediakan justifikasi cadangan perpindahan ke pejabat baru di bangunan MRCB sebelum dikemukakan kepada Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat JIM.

12.5.3.3. Pemantauan

Pemantauan melalui naziran dapat memastikan syarat penggajian dan pengurusan pekerja asing telah dipatuhi oleh pekerja asing dan majikan. Semakan Audit di Ibu pejabat JIM dan 4 lagi Pejabat Imigresen Negeri yang dilawati terhadap pengurusan pekerja asing mendapati perkara seperti berikut:

- a. tiada jadual naziran secara berkala dilaksanakan dan tidak ada unit naziran secara khusus diwujudkan untuk memastikan pekerja asing dan majikan mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam pengurusan pekerja asing;
- b. kecuali bagi JIM Negeri Johor yang menyerahkan tugas naziran kepada Bahagian Penguatkuasaan dan JIM Negeri Pulau Pinang yang menyerahkan tugas naziran kepada Bahagian Unit Komunikasi Korporat, pihak Audit dimaklumkan naziran di 2 lagi pejabat JIM negeri yang lain hanya dilaksanakan secara *ad-hoc* yang ahlinya dilantik dari kalangan pegawai sedia ada disebabkan kekangan tenaga kerja;
- c. pekerja asing yang telah tamat tempoh tidak dapat dipantau kerana sistem myIMMs tidak responsif kepada pihak JIM supaya tindakan sewajarnya dapat diambil. Pekerja asing tersebut hanya boleh dikenal pasti jika ditangkap semasa pihak JIM menjalankan operasi serbuan; dan
- d. bagi pekerja asing yang dikeluarkan Memo Periksa Keluar/*Check Out Memo* (COM) pula, rekod pengeluaran COM ada diwujudkan sama ada di dalam sistem myIMMs dan juga rekod yang difailkan di Ibu pejabat JIM dan 4 lagi Pejabat Imigresen Negeri. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tiada tindakan pemantauan bagi COM yang telah dipulangkan dari pintu keluar atau yang telah di kunci masuk ke dalam sistem bagi memastikan pekerja asing tersebut telah keluar dari Malaysia.

Pada pendapat Audit, bagi mengelakkan lambakan pekerja asing tanpa izin di dalam negara dan memastikan majikan lebih bertanggungjawab, Bahagian Pekerja Asing JIM perlu bertindak proaktif dengan melaksanakan aktiviti naziran berkala ke premis majikan dan satu kaedah memantau COM yang dikeluarkan perlu diwujudkan agar dapat mengawal keluar masuk pekerja asing.

Maklum Balas KDN Yang Diterima Pada 29 April 2014

Kementerian mengakui teguran Audit berhubung keperluan aktiviti naziran berkala ke premis majikan dan memantau COM yang dikeluarkan. Sebanyak 748 perjawatan baru yang telah diluluskan oleh JPA (Waran Perjawatan Bil. K12 Tahun 2014) dan sebanyak 99 perjawatan akan ditempatkan di Bahagian Pekerja Asing, JIM. Dengan penambahan ini, penubuhan Unit Naziran dan Siasatan di seluruh Cawangan JIM akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi.

12.6. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan aktiviti pengambilan pekerja asing dan pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara supaya dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan teratur, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen Malaysia hendaklah memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap syor seperti berikut:

12.6.1. memastikan kelulusan kuota pengambilan pekerja asing dibuat oleh ahli jawatankuasa panel penemuduga yang telah ditetapkan iaitu Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Sumber Manusia dan agensi kawal selia;

12.6.2. tindakan penguatkuasaan perlu dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan majikan mematuhi syarat pas yang telah diluluskan;

12.6.3. memastikan dokumen sumber permohonan bagi menyokong maklumat/data pekerja asing dan majikan diurus dengan lebih teratur dan sempurna serta mudah dikesan untuk sebarang rujukan. Pemusnahan dokumen perlu dibuat dengan sewajarnya dan kelulusan mengenainya hendaklah diperoleh daripada pihak pengurusan; dan

12.6.4. meningkatkan sistem penyampaian antaranya dengan penyediaan sistem perkomputeran yang stabil dalam menguruskan maklumat/data pekerja asing bagi memudahkan semua pihak yang berkepentingan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Dalam Buku Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2013 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari



BAHAGIAN II
PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN PERSEKUTUAN



BAHAGIAN II

PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

13. PENDAHULUAN

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk memeriksa, menyiasat dan mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar adalah dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan atau negeri atau Agensi Kerajaan. Satu perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2009 telah diwartakan pada 17 Disember 2009 bagi membolehkan Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat tersebut. Selain daripada membuat analisis terhadap prestasi kewangan syarikat serta pengawasan syarikat oleh Kementerian Kewangan, pengauditan turut dilakukan terhadap pengurusan bagi 2 syarikat iaitu Inno Biologics Sdn. Bhd. dan FELCRA Berhad. Hasil daripada pengauditan yang dilakukan adalah seperti di perenggan 14 dan 15.

KEMENTERIAN KEWANGAN

14. PENGURUSAN INNO BIOLOGICS SDN. BHD.

14.1. LATAR BELAKANG

14.1.1. Inno Biologics Sdn. Bhd. (IBL), adalah sebuah syarikat subsidiari milik penuh Inno Bio Ventures Sdn. Bhd. (IBV) iaitu Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan dan dikawal selia oleh Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI). IBL telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 18 Mac 2002 dengan modal berbayar berjumlah RM93 juta. IBL merupakan penggerak operasi utama dalam kumpulan IBV yang berperanan sebagai entiti penyelidikan tertumpu kepada biofarmaseutikal dan antibodi monoklonal berasaskan kultur sel mamalia menerusi kerjasama syarikat pengilang kontrak (CMO).

14.1.2. IBL menawarkan perkhidmatan pengilang kontrak produk bioteknologi, pembangunan bioproses terhadap pengilangan Amalan Pengilangan Baik (cGMP), penyelidikan dan latihan berkaitan bioteknologi. Sebagai syarikat pengilangan kontrak, IBL menumpukan kepada pengilangan bahan gred klinikal daripada kultur sel yang disediakan oleh pelanggannya untuk menjalankan ujian ubat dalam peringkat awal sebelum memasuki peringkat pengeluaran komersil yang penuh.

14.1.3. IBL menerima status BioNexus pada tahun 2006. BioNexus merupakan status yang diberikan kepada syarikat yang menjalankan perniagaan bioteknologi bagi menikmati insentif dan keistimewaan yang terkandung dalam Rang Undang-undang Jaminan BioNexus, antaranya insentif fiskal, penerimaan geran serta jaminan lain bagi membantu perkembangan syarikat. Pada tahun 2011, IBL telah menerima akreditasi daripada Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) bagi pensijilan Amalan Pengilangan Baik Premis Kilang Bahan Aktif Farmaseutikal. Selain itu, syarikat ini merupakan sebahagian daripada rangkaian Syarikat Pengilang Kontrak (CMO) Boehringer Ingelheim, ahli Pakatan BioPengilangan Massachusetts Institute of Technology-Centre of Biomedical Innovation (CBI) dan rakan strategik dengan CEVEC Pharmaceuticals GmbH dan CIMAB S.A.

14.1.4. Komposisi Lembaga Pengarah IBL terdiri daripada 3 orang Lembaga Pengarah bukan eksekutif serta seorang Lembaga Pengarah eksekutif dan dipengerusikan oleh pengarah bukan eksekutif bukan bebas. Bagi urusan pentadbiran serta kewangan syarikat, IBL menggunakan *shared service* daripada syarikat induk iaitu IBV. IBL mempunyai 6 Jabatan dengan 93 kakitangan.

14.1.5. Sebagai sebuah syarikat subsidiari yang dimiliki oleh Syarikat Kerajaan, IBL perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965, Memorandum dan Artikel Syarikat serta menerima pakai peraturan lain berkaitan dengan Syarikat Kerajaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa.

14.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada:

- 14.2.1. prestasi kewangan IBL adalah memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut;
- 14.2.2. pengurusan aktiviti dilaksanakan dengan teratur serta mencapai objektif yang ditetapkan; dan
- 14.2.3. pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

14.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi aspek kewangan, aktiviti utama dan tadbir urus korporat IBL bagi tempoh tahun 2010 hingga 2013. Analisis prestasi kewangan dijalankan berdasarkan kepada Penyata Kewangan Tahun 2010, 2011 dan 2012 yang telah diaudit. Pengauditan telah dijalankan di pejabat IBL dan Menteri Kewangan Diperbadankan, Kementerian Kewangan serta pengesahan fizikal bagi peralatan makmal serta aset IBL.



14.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dokumen, fail dan rekod serta mengadakan perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab. Selain itu, analisis telah dijalankan terhadap data kewangan dan operasi syarikat. Bagi mengesahkan status keadaan peralatan makmal serta aset IBL, pemeriksaan secara fizikal telah dijalankan. Isu-isu yang ditemui telah dibincangkan dengan Ketua Pegawai Eksekutif, Pegawai Kanan dan seorang Ahli Lembaga Pengarah IBL dalam *Exit Conference* pada 5 Mei 2014.

14.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2013 hingga Januari 2014 mendapati penemuan seperti berikut:

- i. IBL mengalami kerugian selepas cukai bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 iaitu RM25.73 juta pada tahun 2010, RM27.18 juta pada tahun 2011 dan RM25.81 juta pada tahun 2012;
- ii. IBL berjaya menyelesaikan 2 kontrak pengilangan dengan nilai kontrak keseluruhan berjumlah RM5.49 juta. Aktiviti penyelidikan dan latihan dalam bidang bioteknologi menunjukkan peningkatan hasil sebanyak RM0.25 juta (318.4%) pada tahun 2012 dan menurun kepada RM0.19 juta pada tahun 2013;
- iii. Pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan teratur. Perkhidmatan juga telah disempurnakan bagaimanapun, masih terdapat sejumlah RM2.68 juta tunggakan bayaran kontrak daripada pelanggan. Daripada jumlah tunggakan tersebut, RM2.09 juta telah diiktiraf sebagai hapus kira hutang lapuk. Selain itu, pembelian 2 set *Liquid Chromotography Tandem Mass Spectrometer (LCMS/MS) System* berjumlah RM1.97 juta pada tahun 2009 tidak digunakan secara optimum; dan
- iv. Pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat adalah memuaskan kecuali tiada manual proses kerja bagi pengurusan aset IBL serta kekerapan mesyuarat Lembaga Pengarah adalah tidak mematuhi amalan terbaik yang digariskan dalam *GLC Transformation Manual: The Green Book-Enhancing Board Effectiveness* (antara 6 - 8 kali setahun).

Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan dan aktiviti IBL serta ulasan IBL adalah seperti di perenggan berikut:

14.5.1. Prestasi Kewangan

14.5.1.1. Analisis Pendapatan Dan Perbelanjaan

- a. Syarikat mencatatkan kerugian selepas cukai bagi tiga tahun berturut-turut dari tahun 2010 hingga 2012. Kerugian operasi syarikat disumbang oleh kos jualan, belanja pentadbiran dan kos kewangan yang tinggi. Kerugian operasi

syarikat disumbang oleh kos jualan yang tinggi iaitu pada kadar antara 282.8% (2011) hingga 1,628.6% (2012) berbanding pendapatan utama yang dijana. Belanja pentadbiran pula menyumbang antara 68.6% (2012) hingga 81.2% (2010) daripada kerugian selepas cukai. Bagaimanapun, kerugian selepas cukai pada tahun 2012 yang berjumlah RM25.81 juta berkurangan sebanyak RM1.37 juta (5.0%) berbanding tahun 2011 yang berjumlah RM27.18 juta. Penjimatan belanja pentadbiran serta pengurangan kos kewangan menyumbang kepada pengurangan kerugian ini. Kedudukan penyata pendapatan komprehensif IBL bagi tahun kewangan 2010, 2011 dan 2012 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 14.1
PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF INNO BIOLOGICS SDN. BHD.
BAGI TAHUN KEWANGAN 2010, 2011 DAN 2012

BUTIRAN	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
Pendapatan	2.40	2.96	0.35
Kos Jualan	(6.21)	(8.37)	(5.70)
Pendapatan Kasar	(3.81)	(5.41)	(5.35)
Pendapatan Lain	0.03	0.07	0.09
Belanja Pentadbiran	(20.90)	(17.84)	(17.70)
Untung/(Rugi) Operasi	(24.68)	(23.18)	(22.96)
Kos Kewangan	(1.05)	(4.00)	(2.85)
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	(25.73)	(27.18)	(25.81)
Belanja Cukai	-	-	-
Untung/(Rugi) Selepas Cukai	(25.73)	(27.18)	(25.81)


*Sumber : Penyata Kewangan Inno Biologics Sdn. Bhd. Tahun 2010, 2011
Dan 2012 Yang Diaudit*

- b. Pendapatan IBL adalah melalui perkhidmatan pengilang kontrak produk bioteknologi, penyelidikan dan latihan berkaitan bioteknologi. Pendapatan tersebut menunjukkan trend penurunan yang ketara sebanyak RM2.61 juta (88.2%) pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 yang disumbang oleh faktor penurunan perolehan daripada kontrak penyelidikan serta tiada hasil dicatatkan bagi kontrak pengilangan.
- c. Antara elemen utama dalam belanja pentadbiran adalah belanja susut nilai aset, pembelian barang makmal habis guna dan gaji kakitangan. Susut nilai aset bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 menyumbang antara 44.9% hingga 52% daripada jumlah belanja pentadbiran IBL. Pembelian barang makmal habis guna pula meningkat sebanyak 11.8% pada tahun 2011 dan menyumbang sebanyak 18.1% daripada jumlah belanja pentadbiran keseluruhan pada tahun 2011. Bagaimanapun, pada tahun 2012, barang makmal habis guna diklasifikasikan sebagai kos jualan. Gaji kakitangan hanya menyumbang antara 2.7% hingga 4.5% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan pentadbiran. Selain itu, hapus kira hutang lapuk pada tahun



2012 berjumlah RM2.09 juta merupakan tunggakan hutang daripada syarikat Avesthagen Limited. Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut:

CARTA 14.1
ANALISIS PERBELANJAAN PENTADBIRAN
BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2010 HINGGA 2012



Sumber : Management Account Inno Biologics Sdn. Bhd. Bagi Tahun 2010, 2011 Dan 2012

14.5.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menilai prestasi kewangan IBL, analisis nisbah semasa; margin keuntungan bersih; nisbah pulangan ke atas aset; nisbah pulangan ke atas ekuiti; nisbah hutang; serta nisbah hutang/ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2010, 2011 dan 2012. Hasil analisis adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 14.2
ANALISIS NISBAH BAGI TAHUN KEWANGAN 2010, 2011 DAN 2012

NISBAH SEMASA	TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) (a)	LIABILITI SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a)/(b)
	2010	3.96	70.57	0.06:1
	2011	3.97	79.33	0.05:1
	2012	2.30	89.32	0.03:1

Trend kecairan IBL pada tahun 2010, 2011 dan 2012 berada pada tahap tidak memuaskan di mana nisbah semasa mencapai tahap kurang 1:1. Pengurangan kecairan syarikat ini disebabkan peningkatan dalam jumlah liabiliti semasa berikutan peningkatan jumlah hutang kepada syarikat induk. Senario ini boleh menjejaskan kemampuan IBL bagi memenuhi liabiliti syarikat pada dan bila tiba masanya.

MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH	TAHUN	RUGI BERSIH SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta) (b)	MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH BAGI SETIAP RM1.00 PENDAPATAN (RM) (a)/(b)
	2010	(25.73)	2.43	(10.59)
	2011	(27.18)	3.03	(8.97)
	2012	(25.81)	0.44	(58.66)

Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, IBL tidak mencatatkan pulangan keuntungan bagi setiap ringgit hasil pendapatan.

NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET	TAHUN	RUGI BERSIH SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH ASET (RM Juta) (b)	NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET (%) (a)/(b)x100
	2010	(25.73)	126.65	(20.3)
	2011	(27.18)	116.25	(23.4)
	2012	(25.81)	103.00	(25.1)

Nisbah pulangan ke atas aset bagi tahun kewangan 2010, 2011 dan 2012 menunjukkan pulangan negatif ke atas setiap ringgit aset digunakan kerana bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, IBL tidak mencatatkan keuntungan selepas cukai. Ini menunjukkan ketidakcekapan syarikat dalam menguruskan aset bagi tempoh tahun tersebut.

NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI	TAHUN	RUGI BERSIH SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH EKUITI (RM Juta) (b)	NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI (%) (a)/(b)x100
	2010	(25.73)	30.27	(85.0)
	2011	(27.18)	3.10	(876.8)
	2012	(25.81)	(22.72)	113.6

Bagi pulangan yang diperoleh terhadap setiap ringgit modal yang digunakan, tahap kecekapan IBL menguruskan ekuiti bagi 2012 adalah kurang cekap memandangkan ekuiti pemegang saham syarikat bagi tahun 2012 menunjukkan defisit kerana menampung kerugian selepas cukai bagi tahun-tahun sebelumnya.

NISBAH HUTANG	TAHUN	JUMLAH HUTANG (RM Juta) (a)	JUMLAH ASET (RM Juta) (b)	NISBAH HUTANG (%) (a)/(b)x100
	2010	96.37	126.65	76.1
	2011	113.16	116.25	97.3
	2012	125.71	103.00	122.0

Nisbah hutang melebihi 50% bagi 3 tahun berturut-turut menunjukkan sebahagian besar aset IBL dibiayai oleh hutang. Peningkatan nisbah hutang IBL pada tahun 2011 dan 2012 berbanding tahun 2010 menunjukkan syarikat ini berhadapan risiko sekiranya pemiutang menuntut pembayaran balik hutang.

NISBAH HUTANG/EKUITI	TAHUN	JUMLAH HUTANG (RM Juta) (a)	JUMLAH EKUITI (RM Juta) (b)	NISBAH HUTANG/EKUITI (%) (a)/(b)x100
	2010	96.37	30.27	318.4
	2011	113.16	3.10	3,650.3
	2012	125.71	(22.72)	(553.3)

Nisbah hutang/ekuiti bagi 3 tahun berturut-turut menunjukkan pemiutang mempunyai lebih daripada 2 kali ganda lebih banyak wang dalam IBL berbanding pemegang ekuiti. Kestabilan syarikat dan keberkesanan pengurusan modal pinjaman bagi tempoh masa yang panjang perlu diambil perhatian oleh IBL.

14.5.1.3. Prestasi Aliran Tunai

- Penyata aliran tunai memberikan maklumat mengenai keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasinya serta penggunaan untuk menampung perbelanjaan.
- Penyata Aliran Tunai IBL bagi tahun kewangan 2010, 2011 dan 2012 menunjukkan aliran tunai positif daripada aktiviti operasi syarikat sungguhpun mencatatkan penurunan aliran tunai daripada aktiviti operasi sebanyak 74.9% pada tahun 2011 dan 70.7% pada tahun 2012. IBL juga mengalami defisit aliran tunai bagi aktiviti pembiayaan di mana tunai syarikat digunakan bagi membayar faedah pinjaman dan penggunaan dana geran. Pada akhir tahun kewangan 2012, syarikat mempunyai tunai dan persamaan tunai berjumlah RM0.70 juta. Manakala pada akhir tahun kewangan 2010

dan 2011, tunai dan persamaan tunai syarikat masing-masing berjumlah RM0.41 juta dan RM0.33 juta. Secara keseluruhannya, aliran tunai IBL masih menunjukkan kedudukan yang positif bagi 3 tahun berturut-turut. Kedudukan aliran tunai IBL bagi tahun kewangan 2010, 2011 dan 2012 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 14.3
KEDUDUKAN ALIRAN TUNAI INNO BIOLOGICS SDN. BHD.
BAGI TAHUN KEWANGAN 2010, 2011 DAN 2012

BUTIRAN/TAHUN	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pengoperasian			
Kerugian Sebelum Cukai	(25.73)	(27.18)	(25.81)
Pelarasan	12.83	15.54	16.45
Modal Kerja	20.78	13.62	9.94
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pengoperasian	7.88	1.98	0.58
Tunai Dari Aktiviti Pelaburan			
Aliran Masuk Tunai	-	0.04	0.08
Aliran Keluar Tunai	(1.95)	(1.18)	-
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pelaburan	(1.95)	(1.14)	0.08
Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan			
Aliran Masuk Tunai	0.64	7.92	2.38
Aliran Keluar Tunai	(7.56)	(8.84)	(2.67)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan	(6.92)	(0.92)	(0.29)
Penambahan/(Pengurangan) Bersih Dalam Tunai Dan Persamaan Tunai	(0.99)	(0.08)	0.37
Tunai Dan Persamaan Tunai Awal Tahun	1.40	0.41	0.33
Tunai Dan Persamaan Tunai Akhir Tahun	0.41	0.33	0.70

Sumber : Penyata Kewangan Tahun 2010, 2011 Dan 2012 Yang Diaudit

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan IBL bagi tahun kewangan 2010, 2011 dan 2012 berada pada tahap kurang memuaskan di mana syarikat mengalami kerugian berterusan. Ini kerana sepanjang tempoh kewangan tersebut, pendapatan daripada kontrak pengilangan, kontrak penyelidikan serta latihan tidak menyumbang hasil yang tinggi kepada pendapatan syarikat. IBL perlu lebih proaktif dalam menjana hasil kepada pendapatan syarikat dan mengurangkan kebergantungan kepada kontrak pengilangan tanpa menghasilkan produk komersial. Ini menyebabkan syarikat belum mampu menjana pendapatan kukuh secara berterusan. Pada 31 Disember 2012, IBL mempunyai liabiliti semasa bersih berjumlah RM87.02 juta dan defisit dalam ekuiti pemegang saham berjumlah RM27.72 juta (2011 : RM75.36 juta dan lebihan dalam ekuiti pemegang saham berjumlah RM3.09 juta). Ini menjadikan prestasi kewangan IBL pada tahun 2012 tidak menunjukkan kedudukan kewangan yang memberangsangkan.

Maklum Balas IBL Yang Diterima Pada 18 April 2014

Pada 24 Jun 2013 pihak IBL telah pun menandatangani LOA/kontrak pengilangan daripada syarikat Korea bagi kontrak pengilangan bahan gred klinikal. Pihak IBL juga telah merekodkan invois milestone berjumlah RM0.12 juta pada tahun 2013. Kerja pengilangan ini bermula pada bulan November 2013 dan dijangkakan akan siap pada bulan Julai 2014. Nilai kontrak ini berjumlah RM2.17 juta.

14.5.2. Prestasi Dan Pengurusan Aktiviti

IBL sebagai organisasi pengilangan kontrak (CMO), mempunyai kemudahan Fasilitas Amalan Pengilangan Baik (cGMP) untuk penghasilan *Active Biopharmaceutical Ingredients* (API). CMO merujuk kepada organisasi yang bekerjasama dengan organisasi pembuatan asal menggunakan kepakaran dan fasilitinya bagi menghasilkan produk yang sama atau lebih berkualiti. Produk tersebut akan dilabelkan dan dipasarkan oleh organisasi pembuatan asal itu sendiri. cGMP IBL siap pada tahun 2006 dan telah dibina secara modular di Jerman berdasarkan spesifikasi *Food & Drug Administration* (US FDA), *European Medicines Agency* (EMA) dan *Pharmaceutical Inspection Co-operation Schemes* (PIC/S) dengan kapasiti bioreaktor sebanyak 200 liter and 1,000 liter yang mencukupi untuk menghasilkan produk gred klinikal. Perkhidmatan IBL meliputi semua peringkat penghasilan asas sel protein terapeutik mamalia dan antibodi monoklonal daripada proses DNA rekombinan dan pembangunan bioproses terhadap pengilangan cGMP. Pada tahun 2011, IBL telah mendapat akreditasi daripada Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan (NPCB) bagi pensijilan Amalan Pengilangan Baik Premis Kilang Bahan Aktif Farmaseutikal.

14.5.2.1. Prestasi Aktiviti

a. Pencapaian Aktiviti Kontrak Pengilangan (CMO)

Fokus IBL adalah kontrak pengilangan dalam bidang biopembuatan dan biofarmaseutikal serta antibodi monoklonal yang berasaskan kultur sel mamalia. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2013, IBL berjaya mendapat 2 kontrak pengilangan daripada pelanggan antarabangsa iaitu Avesta Biotherapeutics & Research Pvt. Ltd./Avesthagen Limited, India dan Yuhan Corporation, Korea dengan nilai kontrak keseluruhan berjumlah RM5.49 juta. Status perolehan kontrak serta pencapaian IBL bagi aktiviti CMO adalah seperti di jadual berikut:



JADUAL 14.4
PEROLEHAN KONTRAK DAN STATUS PENCAPAIAN CMO
BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2013


TAHUN	PELANGGAN	NILAI KONTRAK (RM' Juta)	STATUS PENCAPAIAN
2010	Avesta Biotherapeutics & Research Pvt. Ltd./Avesthagen Limited, India	2.99	Selesai dan berjaya menghasilkan kelompok bahan biofarmaseutikal gred klinikal buatan tempatan pertama (<i>Darbepoetin Alpha</i> dan <i>Etanercept</i>) tetapi pelanggan masih mempunyai tunggakan hutang berjumlah RM2.68 juta. <i>Notice of Demand</i> telah dikeluarkan pada 26 Mac 2012 kepada syarikat berkenaan melalui Tetuan Lee Hishammuddin Allen & Gledhill.
2010	Yuhan Corporation, Korea	2.50	Selesai dan berjaya dalam proses validasi bioreaktor 1,000 liter dan menghasilkan produk biologiks.
JUMLAH		5.49	

Sumber : Kontrak

b. Pencapaian Aktiviti Penyelidikan

Bagi memanfaatkan kemudahan makmal serta kepakaran sedia ada, syarikat ini turut menawarkan khidmat penyelidikan kepada pelanggan utamanya iaitu Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Antara perkhidmatan yang ditawarkan adalah perkhidmatan pembangunan *biopharmaceutical*, *biologic assay*, dan penyelidikan klinikal. Dari tahun 2010 hingga 2012, trend permintaan kepada khidmat penyelidikan semakin meningkat di mana pada tahun 2012, hasil pendapatan daripada aktiviti ini telah bertambah sebanyak 290.5%. Bagaimanapun, ia berkurangan pada tahun 2013. Butirannya adalah seperti di carta berikut:

CARTA 14.2
PENCAPAIAN AKTIVITI PENYELIDIKAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2013



Sumber : Penyata Kewangan Serta Data Kewangan IBL Bagi Tahun 2010 Hingga 2013

Nota : Maklumat Bagi Tahun 2013 Merupakan Angka Belum Diaudit

c. Pencapaian Aktiviti Latihan Berkaitan Bidang Bioteknologi

Pada bulan Mac 2012, IBL telah berdaftar sebagai penyedia latihan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia bagi melaksanakan skim bantuan latihan (SBL). Bagaimanapun, syarikat ini tidak memperbaharui sijil berkenaan yang tamat pada bulan Mac 2013. Di bawah skim ini, IBL menyediakan khidmat latihan dalam bidang bioteknologi kepada penyelidik serta pelajar universiti. Berdasarkan analisis Audit, bagi tempoh 2010 hingga 2013, janaan pendapatan daripada aktiviti sokongan ini menunjukkan pengurangan berterusan iaitu daripada RM31,951 pada tahun 2010 kepada RM21,525 pada tahun 2012 dan kepada RM10,250 pada tahun 2013. Bagaimanapun, pada tahun 2011, tiada sebarang hasil dicatatkan daripada aktiviti ini.

d. Pendapatan Dan Perbelanjaan Sebenar Berbanding Sasaran

Jumlah pendapatan daripada operasi utama IBL bagi tahun 2010, 2011 dan 2012 secara amnya tidak mencapai anggaran pendapatan yang disasarkan. Peratus pencapaian antara pendapatan sebenar dengan anggaran pendapatan utama adalah kurang memuaskan dan menurun setiap tahun iaitu 39.9% pada tahun 2010, 13.09% pada tahun 2011 dan hanya 4.08% pada tahun 2012. Butiran sasaran berbanding pencapaian sebenar pendapatan dan perbelanjaan IBL adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 14.5
PERBANDINGAN SASARAN DENGAN PENCAPAIAN SEBENAR PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN IBL BAGI TAHUN KEWANGAN 2010, 2011 DAN 2012

PENYATA KEWANGAN	2010 (RM Juta)			2011 (RM Juta)			2012 (RM Juta)		
	S	P	CAPAI (%)	S	P	CAPAI (%)	S	P	CAPAI (%)
Pendapatan	6.09	2.43	39.90	22.62	2.96	13.09	7.35	0.30	4.08
Lain-Lain Pendapatan	-	-	-	-	0.07	-	-	0.14	-
Jumlah Pendapatan	6.09	2.43	39.90	22.62	3.03	13.40	7.35	0.44	5.99
Kos Jualan	1.89	1.52	80.42	8.52	0.74	8.69	2.50	0.08	3.20
Keuntungan Kasar	4.20	0.91	21.67	14.10	2.29	16.24	4.85	0.36	7.42
Kos Tidak Langsung	8.52	7.69	90.26	9.19	7.70	83.79	8.89	5.57	62.65
Untung/(Rugi) Operasi	(4.32)	(6.78)	156.94	4.91	(5.41)	(110.08)	(4.04)	(5.21)	128.96
Kos Operasi	6.73	6.12	90.94	6.19	6.19	100.00	13.39	4.06	30.32
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	(11.05)	(12.90)	116.74	(1.28)	(11.60)	906.25	(17.43)	(9.27)	53.18
Kos Kewangan	2.31	1.05	45.45	4.00	4.00	100.00	2.85	2.85	100.00
Lain-Lain Kos	6.62	11.78	177.95	11.94	11.58	97.00	11.94	13.69	114.66
Untung/(Rugi) Bersih	(19.98)	(25.73)	128.78	(17.22)	(27.18)	157.84	(32.22)	(25.81)	80.11

Sumber : Kertas Cadangan Belanjawan IBL Bagi Tahun Berkaitan

Nota : S - Sasaran P - Pencapaian

Maklum Balas IBL Yang Diterima Pada 18 April 2014

Model perniagaan IBL adalah bersandarkan kepada perkhidmatan kontrak pengilangan sahaja. Model perniagaan ini tidak dapat bertahan untuk jangka masa panjang berdasarkan kepada cabaran yang dihadapi syarikat. Pengurusan semasa merasakan sudah sampai masanya untuk IBL merombak model perniagaan agar syarikat boleh berdaya saing di masa yang akan datang. Justeru, hasil daripada beberapa perbincangan dan disusuli dengan bengkel brainstorming bersama Lembaga Pengarah dan Pemegang Saham (MOF), pihak syarikat telah membentangkan pelan pemulihan syarikat (Business Turnaround Plan) dan mendapat mandat untuk melaksanakan pelan tersebut. Business Turnaround Plan yang dikemukakan merangkumi 2 strategi teras iaitu:

- i. *Perkhidmatan Kontrak Pengilangan akan dilaksanakan melalui program offset Kerajaan:*
 - *IBL telah pun dikenal pasti sebagai salah satu daripada offset beneficiary untuk program offset Kerajaan.*
 - *MIGHT selaku sekretariat kepada program offset telah pun mengenal pasti beberapa pembelian strategik Kerajaan yang berpotensi untuk diterjemahkan kepada program offset untuk IBL dan masih lagi di peringkat perbincangan antara MIGHT dan kontraktor yang terlibat.*
- ii. *Pembangunan Produk Dalaman (Internal Product Development)*
 - *Pembangunan Produk Dalaman merupakan satu strategi baru yang diperkenalkan oleh pengurusan semasa. IBL tidak boleh bergantung kepada khidmat pengilangan kontrak dan perlu mempelbagaikan sumber pendapatannya.*
 - *Bagi strategi ini, syarikat telah merangka 2 strategi teras untuk dilaksanakan:*
 - a. *Co-Marketing*
 - b. *Co-Development*
 - *Produk – produk yang ingin diketengahkan oleh IBL adalah berasaskan ubatan biologik.*

Pencapaian Terkini:

- i. *Perkhidmatan Kontrak Pengilangan akan dilaksanakan melalui program offset Kerajaan. Hasil daripada perbincangan susulan, IBL menerusi MIGHT telah mengenal pasti beberapa peluang untuk perkhidmatan kontrak pengilangan ini dilaksanakan melalui program offset Kerajaan iaitu:*
 - a. *Mass Rapid Transit (MRT) – Berpotensi untuk IBL bekerjasama dengan SIEMENS untuk peluang kontrak pengilangan dan*

pembangunan/pelesenan produk biologik yang dianggarkan sekitar RM100 juta.

- b. Littoral Combat Ship (LCS) – Projek pembelian ini telahpun dipersetujui oleh Kerajaan. MIGHT sedang dalam perbincangan dengan kontraktor utama bagi mengenal pasti peluang offset yang boleh diketengahkan kepada IBL.*

Buat masa ini, IBL sedang giat menyiapkan kontrak pengilangan untuk produk biologik novel daripada Pharmabcine Korea bagi merawat kanser otak. Kontrak yang bernilai RM3 juta ini dijangka selesai pada bulan Jun 2014.

- ii. Pembangunan Produk Dalam (Internal Product Development) IBL – STADA (Co-Marketing)*

Kurang daripada setahun pelaksanaan Business Turnaround Plan, pengurusan IBL telah berjaya memperoleh hak pelesenan eksklusif daripada STADA Germany bagi memasarkan produk EPO (Erythropoietin) untuk pasaran Malaysia. Pihak syarikat kini sedang giat berbincang untuk meluaskan pasaran produk ini ke Singapura dan juga Brunei Darussalam. Di samping itu juga, IBL berpotensi mendapat hak untuk mengilang produk EPO dalam skala komersil jikalau berjaya memasarkan produk ini mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.

EPO digunakan bagi merawat pesakit buah pinggang kronik yang menjalani rawatan dialisis. Kerajaan Malaysia membelanjakan sekitar RM100 juta setahun untuk membeli EPO ini yang pada ketika ini pembekalannya didominasi oleh 2 syarikat farmaseutikal terkemuka dunia. IBL kini dalam persiapan untuk memasuki tender untuk memasarkan produk ini ke hospital dan klinik kerajaan di seluruh Malaysia. Segala urusan pendaftaran produk ini telah disempurnakan dan kini menunggu kelulusan daripada Biro Farmaseutikal Kebangsaan (BFK) yang dijangkakan pada bulan Oktober 2014.

Hubungan strategik bersama STADA tidak berakhir dengan produk EPO sahaja. IBL kini sedang dalam rundingan akhir untuk memasarkan satu lagi produk iaitu biosimilar Rituximab. Perjanjian ini bakal dimeterai sebelum penghujung suku tahun ketiga 2014.

- iii. IBL – AryoGen (Co-Marketing dan Co-Development)*

Baru- baru ini IBL telah memeterai perjanjian persefahaman dengan sebuah syarikat farmaseutikal terkemuka Iran, AryoGen Biopharma Co. Sebagai permulaan, perjanjian strategik ini merangkumi pembangunan dan pemasaran tiga produk biosimilar iaitu:



- a. *Etanercept – Altebrel*
- b. *AryoSeven – Factor IIV*
- c. *Herceptin – Trastuzumab*

Delegasi dari AryoGen akan membuat lawatan rasmi ke IBL dalam masa terdekat untuk menilai fasiliti cGMP IBL. Perjanjian serta pertukaran dokumen teknikal akan dilakukan selepas itu dan segala proses perpindahan teknologi akan dilakukan selepas segala terma dan syarat bersama dipersetujui.

IBL kini dalam fasa untuk mencari beberapa lagi rakan teknikal strategik bagi tujuan pembangunan produk dan perluasan aktiviti pemasaran. Buat permulaan, aktiviti pemasaran produk akan dikhususkan buat Malaysia dan akan diperluaskan ke rantau ASEAN dan Asia Pasifik. IBL bertekad untuk menjadi salah satu peneraju utama dalam bidang penjagaan kesihatan yang disegani dan amat yakin ianya bakal dicapai sedikit masa lagi.

14.5.2.2. Pengurusan Aktiviti

a. Pengauditan dilakukan terhadap pengurusan aktiviti bagi memastikan objektif sesuatu projek adalah tercapai, pembelian peralatan makmal/kemudahan digunakan secara optimum serta pematuhan kepada peraturan/akta yang berkaitan. Pada keseluruhannya pengurusan aktiviti IBL adalah memuaskan dan telah dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati beberapa kelemahan dalam urusan aktiviti IBL seperti berikut:

i. **Kontrak Pengilangan – Bayaran Kontrak Masih Belum Disempurnakan Oleh Pelanggan**

- Pada 25 Oktober 2007, *Product Development And Clinical Manufacturing Master Agreement* (Master Agreement) bagi menyediakan khidmat penyelidikan dan pengilangan produk *Etanercept, Darbepoetin Alpha, Tenectaplace* dan *Bevacizumab* telah ditandatangani antara IBL dan Avesta Biotherapeutics & Research Pvt. Ltd. (kini dikenali sebagai Avesthagen Limited). Tujuan serta objektif bagi program penyelidikan ini sebagaimana dinyatakan dalam *Master Agreement* antara lainya adalah bagi mendapatkan data klinikal berkaitan kajian ke atas pesakit di Malaysia dan mendapatkan kelulusan bagi mengkomersialkan hasil kajian tersebut. Seterusnya, IBL telah menandatangani *Supplemental Agreement* bersama Avesthagen Limited (Avesthagen) pada 5 Mac 2010 bagi meminda terma peruntukan *Master Agreement*. Antara terma yang

dipinda adalah senarai produk yang dikilangkan adalah *Darbepoetin Alpha* dan *Etanercept* dan jadual pembayaran bagi pengilangan produk tersebut. Pada 20 Mei 2010, *2nd Supplemental Agreement* telah ditandatangani bagi pindaan terma jadual harga pengilangan produk *Darbepoetin Alpha* bagi 4 runs yang berasingan pada kos RM1.5 juta serta semua kos bagi bahan mentah, barang habis guna, *reagents, potency assays/bioassays* dan *test kit* serta tambahan 5% atas nilai kos perlu ditanggung oleh Avesthagen. Berdasarkan *Master Agreement* serta *Supplemental Agreement* pertama dan kedua, IBL telah selesai menyiapkan pengeluaran *Darbepoetin Alpha* pada awal tahun 2011.

- Berdasarkan *Master Agreement* dan *Supplemental Agreement*, Avesthagen perlu membayar kos perkhidmatan serta kos bahan mentah bernilai RM2.99 juta dan bayaran perlu dibuat dalam tempoh 30 hari daripada tarikh invois dikeluarkan. Sehingga bulan Januari 2014, terdapat 13 invois bernilai RM2.68 juta yang dikeluarkan antara bulan Jun 2010 hingga bulan April 2011 masih belum dibayar dengan kelewatan antara 1,012 hingga 1,301 hari.
- Bagi menuntut jumlah tunggakan tersebut, *Notice of Demand* telah dikeluarkan kepada Avesthagen/Avestha pada bulan Mac 2012. Pada bulan Mac 2012 juga, pemangku Ketua Pegawai Eksekutif IBL telah mengadakan lawatan ke syarikat berkenaan namun kedua-dua pihak tidak dapat mencapai penyelesaian. Seterusnya, pada bulan September 2013, *teleconference* telah diadakan antara kedua-dua pihak. Namun, Avesthagen/Avestha masih belum mengemukakan sebarang penyelesaian secara rasmi bagi membayar amaun tunggakan kepada IBL. Melalui mesyuarat Lembaga Pengarah IBL pada 29 Mei 2012, Lembaga Pengarah telah meluluskan sejumlah RM2.09 juta daripada tunggakan tersebut sebagai hapus kira hutang lapuk bagi invois yang dikeluarkan kepada Avesthagen pada tahun 2010.
- Semakan kepada *Master Agreement* dan *Supplemental Agreement 1 & 2*, pihak Audit mendapati Klausu Jaminan tidak dimasukkan dalam kontrak perjanjian sekiranya pelanggan tidak dapat membayar caj perkhidmatan serta kos terlibat.

Pada pendapat Audit, pengurusan IBL sepatutnya mengambil tindakan undang-undang ke atas Avesthagen yang telah melanggar terma kontrak dengan mengambil kira kos dan masa yang terlibat. Selain itu,



hapus kira hutang lapuk hanya perlu dilakukan apabila segala langkah mengutip semula hutang telah diambil.

Maklum Balas IBL Yang Diterima Pada 30 April 2014

Kontrak daripada Avesthagen merupakan kontrak pengilangan pertama untuk IBL. Data dan proses yang diperolehi daripada kontrak ini telah digunakan oleh pihak IBL dalam memperoleh akreditasi daripada Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan (NPCB) bagi pensijilan Amalan Pengilangan Baik Premis Kilang Bahan Aktif Farmaseutikal (cGMP). Kontrak ini juga menjadi pengukur bagi pembangunan kakitangan dan juga pendedahan terhadap aktiviti bioproses.

Pihak IBL akan mengambil tindakan undang-undang ke atas Avesthagen dan bagi mengelakkan perkara yang sama berulang, klausa jaminan akan dimasukkan dalam kontrak perjanjian sekiranya pelanggan tidak dapat membayar caj perkhidmatan serta kos terlibat.

ii. Tiada Prosedur Jelas Berkaitan Perjanjian Penyelidikan

Bagi menjaga kepentingan pihak yang terlibat, surat setuju terima serta kontrak (sekiranya bersesuaian) perlu disempurnakan. Bagi aktiviti penyelidikan yang ditawarkan kepada pelanggan, adalah didapati tiada surat setuju terima serta kontrak dikeluarkan kepada pelanggan bagi terimaan hasil berjumlah RM59,908.54 (2010); RM77,040 (2011); RM300,808 (2012) dan RM132,450 (2013). Melalui semakan fail, hanya invois dan kertas cadangan daripada syarikat dikemukakan tanpa ada bukti persetujuan daripada kedua-dua pihak serta minit berkaitan perbincangan kedua-dua pihak juga tidak disediakan. Perkara ini berlaku kerana tiada prosedur yang jelas berkaitan perjanjian penyelidikan yang ditawarkan oleh IBL.

Pada pendapat Audit, pengurusan IBL perlu memastikan prosedur kerja disediakan bagi perkhidmatan penyelidikan untuk menjamin kepentingan syarikat dan pelanggan.

Maklum Balas IBL Yang Diterima Pada 18 April 2014

Amalan syarikat berkaitan dengan kontrak tempatan, terutamanya daripada agensi kerajaan adalah memadai dengan penerimaan LO (letter offer)/PO (purchase order) sebagai terma dan syarat sah kontrak.

Bagaimanapun pihak syarikat mengambil serius pandangan daripada pihak Audit dalam menjamin kepentingan syarikat dan pelanggan bagi kontrak yang

ditawarkan di masa hadapan. Pihak pengurusan akan merangka satu prosedur khusus untuk kontrak penyelidikan.

Pihak syarikat bersetuju dengan cadangan daripada pihak Audit dan mencadangkan supaya nilai kontrak melebihi nilai RM0.5 juta dan ke atas haruslah dilaksanakan menerusi kontrak perjanjian.

iii. Peralatan Makmal – *Liquid Chromotography Tandem Mass Spectrometer (LCMS/MS) System* Tidak Digunakan Secara Optimum

Setiap pembelian peralatan makmal perlu digunakan secara optimum bagi menghasilkan *value for money* atas perbelanjaan yang dikeluarkan oleh syarikat. Hasil semakan ke atas sampel peralatan makmal yang bernilai melebihi RM500,000 mendapati 2 peralatan makmal iaitu 6510 Q TOF LC (**Gambar 14.1** dan **14.2**) dan 6410 Triple Quad LC/MS (**Gambar 14.3** dan **14.4**) telah dilabelkan sebagai *Equipment Not In Use* dari 9 Mei 2010 dan 1 Mac 2012. Dua set *Liquid Chromotography Tandem Mass Spectrometer (LCMS/MS) System* yang ditempatkan di Makmal Eukarya telah dibeli pada tahun 2009 dengan harga RM1.97 juta bagi kegunaan makmal *Quality Control* dan *Protein Science* (IBL) serta makmal Inno Bio Diagnostics Sdn. Bhd. untuk menjalankan analisis yang berkaitan antaranya *Post Translation Modifications (PTM) Analysis* dan *Pharmaceuticals Analysis*. Berdasarkan semakan terhadap *Log Book Equipment History* dari tahun 2010 hingga 2013, adalah didapati kedua-dua set LCMS/MS ini hanya digunakan sebagai latihan kepada penyelidik di Bahagian *Quality Control*. Berdasarkan temu bual dengan pegawai *Quality Control* IBL, kedua-dua peralatan ini tidak digunakan secara optimum kerana tiada permintaan daripada pelanggan.

GAMBAR 14.1




Makmal Eukarya (Quality Control)
- 6510 Q TOF LC/MS
(27.01.2014)

GAMBAR 14.2



Makmal Eukarya (Quality Control)
- 6510 Q TOF LC/MS
(27.01.2014)

GAMBAR 14.3



Makmal Eukarya (Quality Control)
- 6410 Triple Quad LC/MS
(27.01.2014)

GAMBAR 14.4



Makmal Eukarya (Quality Control)
- 6410 Triple Quad LC/MS
(27.01.2014)

Semakan lanjut mendapati, kelulusan pembelian peralatan ini telah diperoleh melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah IBV Bil. 1/2009 bertarikh 20 Januari 2009 dan proses tender adalah teratur.

Pada pendapat Audit, pengurusan IBL perlu mengambil langkah proaktif seperti mempromosikan penggunaan peralatan ini kepada universiti/institut penyelidikan bagi menggalakkan penyewaan dan seterusnya dapat mengoptimumkan tahap penggunaan peralatan tersebut.

Maklum Balas IBL Yang Diterima Pada 18 April 2014

Oleh kerana peluang kontrak amat terhad pada tahun 2010, 2011 dan 2012 pihak syarikat tidak dapat menawarkan perkhidmatan peralatan tersebut. Pihak syarikat mengambil maklum pandangan pihak Audit dan akan mempergiat promosi bagi perkhidmatan peralatan.

b. Pengurusan Geran Penyelidikan Daripada Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi

- IBL telah menerima 7 geran daripada Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI). Tiga dana geran yang diterima adalah di bawah projek *Science Fund*, satu dana di bawah projek IRPA, satu di bawah kerjasama dengan Malaysian Genom Institute (MGI) dan 2 dana di bawah *Techno Fund*. Geran di bawah *Science Fund* bermaksud geran yang diberikan adalah untuk memajukan projek penyelidikan dan pembangunan yang boleh menyumbang kepada penemuan idea baru dan pengetahuan dalam bidang sains gunaan terutamanya kepada kajian inovatif berimpak tinggi. Geran dengan kerjasama bersama MGI pula bermaksud geran yang diberikan oleh organisasi yang tidak menjana keuntungan. Organisasi tersebut menjalankan penyelidikan asas dan translasi bertujuan untuk menjana harta intelek dan teknologi

baru untuk pembangunan ekonomi. Sementara *Techno Fund* pula adalah satu skim geran bertujuan menggalakkan pertumbuhan dan kejayaan inovasi bagi syarikat Malaysia dengan meningkatkan tahap dan pengkomersialan pembangunan dan penyelidikan. Skim ini menyediakan peruntukan untuk pembangunan teknologi sehingga ke tahap pra-komersial untuk mewujudkan peluang perniagaan baru dan menjana pertumbuhan ekonomi negara. Butiran lengkap dana penyelidikan/geran yang diterima serta status penyelidikan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 14.6
JUMLAH DANA PENYELIDIKAN/GERAN MENGIKUT KONTRAK
BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA TAHUN 2013

PROJEK	SUMBER DANA	JUMLAH DANA BERDASARKAN KONTRAK (RM Juta)	STATUS
<i>Discovery In Mammalian Expression System – A Platform Technology Development For Increasing Recombinant Protein Production (Hot Spot)</i>	MOSTI (Science Fund)	0.25	Mula bulan Disember 2005 dan selesai pada bulan November 2008.
<i>Development Of Radio Labelled Anti CEA Monoclonal Antibody For In Vivo Diagnosis Of Abdominal Cancers (Anti CEA – Mint)</i>	MOSTI (IRPA)	2.00	Mula bulan Ogos 2006 dan selesai pada bulan Ogos 2010.
<i>Monoclonal Antibody For In vivo Diagnosis Of Abdominal Cancers (Anti CEA – Humanise)</i>	MOSTI (Science Fund)	3.00	Mula bulan Januari 2007 dan selesai pada bulan Disember 2009.
<i>Analysis Of Molecular Mechanism Underlying Cytokine Receptor Class11 Genes Polymorphism And Persistent HBV Infection (SNP)</i>	MOSTI (Science Fund)	0.28	Mula bulan Oktober 2007 dan selesai pada bulan September 2009.
<i>Application Of Novel Matrix Attachment Region (MAR) Elements For The Development Of High Expression System In Mammalian Cells For Production Of Complex Recombinant Proteins (Hesmar Projects)</i>	MOSTI & MGI	1.60	Mula bulan Oktober 2009 dan selesai pada bulan Mei 2012.
<i>Proof Of Principal Study Rapid Detection Of Dengue Virus (Single Serotype By A Laboratory Based Surface Acoustic Wave Biosensor (Aviana – Techno Fund)</i>	MOSTI (Techno Fund)	1.00	Mula Disember 2010 dan ditamatkan perjanjian pada bulan Disember 2012 memandangkan <i>collaborator</i> bagi projek tersebut telah meletak jawatan daripada syarikat. Sejumlah RM0.95 juta telah dibelanjakan daripada geran yang diterima.
<i>Innovative Technology Transfer And Collaborative Product R&D Novel Dengue Diagnostic s As Case Project – (Aviana Brain Gain)</i>	MOSTI (Techno Fund)	0.18	Mula bulan Februari 2011 dan ditamatkan perjanjian pada bulan Disember 2012 memandangkan <i>collaborator</i> bagi projek tersebut telah meletak jawatan daripada syarikat. Sejumlah RM0.13 juta telah dibelanjakan daripada geran yang diterima.

c. Pematuhan Kepada Peraturan Serta Akta Berkaitan

i. Pematuhan Kepada Akta Kilang Dan Jentera 1967

Peraturan 10(2) (Pemberitahu, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) Kilang dan Jentera, 1970 menyatakan jentera dan mesin yang digunakan dalam operasi pengilangan perlu diperiksa dan diperaku kelayakan. Adalah didapati reka bentuk bagi 31 peralatan telah diberi kelulusan reka bentuk pada tahun 2007 dan diperakukan Perakuan Kelayakan oleh Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) Negeri Sembilan setiap



tahun. Selain itu, pemeriksaan berkala setiap tahun oleh DOSH telah direkodkan dalam *Logbook JKKP/DOSH* yang diselenggara oleh IBL.

ii. Pematuhan Kepada Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009

Jadual Kesepuluh, Peraturan 7, Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 menghendaki syarikat mengemukakan *Monthly Discharge Monitoring Report* (MDMR) secara aplikasi web. Adalah didapati IBL telah mendapat pengecualian daripada penghantaran *Monthly Discharge Monitoring Report* daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan sehingga 31 Mei 2013. Bagaimanapun, bagi tempoh bulan Jun hingga Disember 2013, IBL tidak dapat menghantar maklumat berkenaan memandangkan tiada proses pengeluaran efluen kerana tiada aktiviti pengilangan kontrak dijalankan sehingga Disember 2013.

14.5.3. Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan Dan Kewangan Syarikat

Akta Syarikat 1965, pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan urus tadbir korporat dan kewangan yang baik oleh syarikat.

14.5.3.1. Manual Prosedur/Peraturan Pengurusan

Lembaga Pengarah Syarikat bertanggungjawab dalam menentukan dasar dan operasi syarikat serta memastikan pengurusannya dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan. Prosedur pengurusan utama dan sokongan syarikat adalah tertakluk kepada Manual Prosedur bagi *Terms & Condition of Employment (Group)*, *Manual Authority (Group)*, dan *Standard Procedure for Biomanufacturing, Facility Engineering, Quality Assurance & Quality Control (cGMP requirement)*. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tiada prosedur ditetapkan bagi pengurusan aset syarikat. Aset di bawah cGMP dikawal dan dipantau oleh bahagian berkenaan dan mempunyai daftar khusus selain daripada daftar yang diselenggara oleh Bahagian Kewangan. Manakala Aset ICT tidak mempunyai daftar khusus yang menyatakan lokasi penempatan serta pelabelan aset.

Pada pendapat Audit, pengurusan IBL bertanggungjawab menyeragamkan prosedur pengurusan aset syarikat bagi memudahkan pengenalpastian aset serta mengelakkan kehilangan aset.

Maklum Balas IBL Yang Diterima Pada 18 April 2014 Dan 30 April 2014

Pihak IBL akan menyeragamkan prosedur pengurusan aset syarikat bagi memudahkan pengenalpastian aset serta mengelakkan kehilangan aset. Penggunaan perisian komputer yang sedia ada (HardCat) akan diperluaskan dan dikemaskinikan supaya akan lebih teratur dan lengkap di masa hadapan. Proses ini dijangka akan selesai pada bulan Jun 2014.

14.5.3.2. Tadbir Urus Korporat

Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan pengurusan syarikat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi memastikan objektif penubuhan syarikat dapat dicapai. Semakan Audit terhadap amalan tadbir urus IBL mendapati perkara berikut:

- a. *GLC Transformation Manual : The Green Book – Enhancing Board Effectiveness* menyarankan kekerapan mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah secara purata antara 6 hingga 8 kali setahun serta berdasarkan keperluan persekitaran perniagaan syarikat. Semakan Audit mendapati, mesyuarat Lembaga Pengarah pada tahun 2013 dan 2012 telah diadakan masing-masing sebanyak 3 kali dan 5 kali. Bagaimanapun, Lembaga Pengarah IBL hanya bermesyuarat sebanyak 2 kali masing-masingnya pada tahun 2010 dan 2011. Ini menyebabkan pada tahun 2010 dan 2011, Lembaga Pengarah tidak dapat memantau prestasi serta permasalahan syarikat secara tetap.
- b. Kehadiran Ahli Lembaga Pengarah ke mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tempoh tahun 2010 hingga 2013 adalah memuaskan kecuali seorang Ahli Lembaga Pengarah tidak pernah menghadiri mesyuarat ALP bagi tempoh tiga tahun berturut-turut. Ahli Lembaga Pengarah ini tidak menghadiri mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah tanpa menetapkan pengganti yang dilantik bagi pihaknya. Berdasarkan senarai pembayaran elaun, Ahli Lembaga Pengarah berkenaan menerima elaun Lembaga Pengarah serta elaun mesyuarat yang diberikan berdasarkan kehadiran.
- c. Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2007 menekankan setiap Ahli Lembaga Pengarah perlu mempunyai skil dan pengalaman bagi membantu dalam pengurusan strategik syarikat, pengurusan prestasi serta pengurusan sumber. Adalah didapati bagi tempoh tahun 2010 hingga 2011, Ahli Lembaga Pengarah IBL telah menghadiri 1 hingga 5 *conference* berkaitan tugas. Bagaimanapun, tiada sebarang latihan/*conference* yang telah dihadiri oleh Ahli Lembaga Pengarah pada tahun 2012 dan 2013.



- d. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlu ditubuhkan bagi syarikat Kerajaan yang bertujuan untuk meningkatkan lagi kawalan ke atas syarikat serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam. Pihak Audit mendapati, fungsi *check and balance* operasi syarikat dilaksanakan oleh Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan IBV yang ditubuhkan pada bulan April 2007. Beberapa perkara yang perlu diberi perhatian seperti berikut:
- i. Berdasarkan *Term of Reference* Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan, jawatankuasa perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya 2 kali setahun. Adalah didapati jawatankuasa ini hanya bermesyuarat sekali setahun bagi membincangkan akaun yang telah diaudit. Bagaimanapun, permasalahan operasi syarikat tidak dibentangkan secara berterusan kepada jawatankuasa ini.
 - ii. Pelaksanaan *Internal Quality And Audit Procedure* dilaksanakan oleh Bahagian *Quality Control* dan *Quality Assurance*, IBL. Bagaimanapun, pemantauan hanya terhad kepada pelaksanaan prosedur kawalan kualiti cGMP.

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat IBL perlu diperbaiki dengan mematuhi keperluan bilangan mesyuarat dan meningkatkan peranan Lembaga Pengarah serta Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan.

Maklum Balas IBL Yang Diterima Pada 18 April 2014

Syarikat mengambil maklum tentang keperluan untuk mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengarah sekurang – kurangnya 6 kali setahun. Sehubungan dengan itu, pihak pengurusan akan melaksanakan saranan tersebut berkuat kuasa tahun 2014. Selain itu, pengurusan syarikat akan memastikan Ahli Lembaga Pengarah menghadiri conference berkaitan tugas.

14.5.3.3. Pencapaian Key Performance Indicator (KPI)

Kejayaan sesebuah syarikat dinilai dengan membuat ukuran pencapaian terhadap aktiviti syarikat. IBL tidak mempunyai KPI berasingan tetapi pencapaian aktivitinya dimasukkan sebagai KPI Kumpulan IBV. Pencapaian kepada setiap pengukuran KPI disediakan dan dikemukakan Kementerian Kewangan, bagaimanapun tidak dibentangkan kepada Lembaga Pengarah sama ada dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah IBL atau syarikat induk iaitu IBV.

Pada pendapat Audit, pencapaian KPI perlu dibentangkan di mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah bagi memastikan pencapaian syarikat dapat dinilai, tindakan susulan dapat diambil serta pelan tindakan yang lebih komprehensif dapat dirangka.

Maklum Balas IBL Yang Diterima Pada 18 April 2014

Bermula pada tahun 2014, pihak pengurusan akan membentangkan pencapaian KPI serta pelan yang lebih komprehensif bagi setiap objektif strategik berserta dengan sasaran yang lebih jelas.

14.5.3.4. Perancangan Strategik Syarikat

Syarikat perlu menyediakan rancangan korporat (pelan perniagaan) dan menetapkan strateginya bagi mencapai matlamat bagi tempoh jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Adalah didapati, rancangan korporat Kumpulan IBV - *Business Turnaround Plan* telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah dalam Mesyuarat Bil. 29 Tahun 2012 pada 20 November 2012. Bagi aktiviti yang melibatkan IBL, pihak Audit mendapati, sehingga bulan Januari 2014 *Distribution Agreement* dengan STADA Pharmaceuticals (Asia) Ltd telah ditandatangani pada bulan September 2013 dan permohonan kelulusan daripada Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan bagi produk EPO Stada 2000 telah dikemukakan pada bulan Disember 2013.

Maklum Balas IBL Yang Diterima Pada 18 April 2014

Objektif Penubuhan Inno Biologics Sdn. Bhd.

Penubuhan IBL adalah selaras dengan Dasar Bioteknologi Negara yang dilancarkan pada 2005 yang antara lainnya menekankan pembangunan penjagaan kesihatan bioteknologi, pembangunan bioteknologi perindustrian, penyelidikan dan pembangunan serta pemerolehan teknologi dan pembangunan modal insaniah.

IBL adalah sebuah syarikat kontrak pengilangan bioteknologi berasaskan sel mamalia yang berkeupayaan untuk menghasilkan produk biofarmaseutikal yang bukan sahaja selamat dan efektif malah dengan harga yang berpatutan. IBL berupaya merealisasikan hasrat ini melalui tiga langkah utama:

- i. Sebagai pengilang kontrak biofarmaseutikal bertaraf antarabangsa dan disegani di rantau ini;*
- ii. Memantapkan usaha penyelidikan serta pengkomersilan ubatan biosimilar dan anti kanser sejajar dengan permintaan pasaran Malaysia serta global; dan*
- iii. Menjalinkan kerjasama strategik untuk perlesenan teknologi dan kepakaran untuk pembangunan produk biofarmaseutikal dengan kepakaran dari dalam dan luar Negara.*

Terapi antibodi berasaskan sel mamalia adalah satu alternatif perubatan yang telah terbukti secara klinikal mampu memberikan kesan lebih baik berbanding



terapi konvensional. Oleh kerana kosnya yang tinggi, rawatan sebegini hanya mampu ditawarkan kepada golongan yang berkemampuan sahaja. Ubatan biofarmaseutikal pada amnya didefinisikan sebagai molekul biologi besar, seperti protein yang digunakan untuk menyasar mekanisme dan perjalanan sesuatu penyakit. Ia lebih efektif daripada kaedah kemoterapi yang menggunakan sinar radiasi untuk memusnahkan bukan sahaja sel kanser tetapi juga sel yang normal disekelilingnya.

Ubatan berasaskan bioteknologi memang diramal untuk mendominasi kaedah rawatan di masa akan datang. Sebagai bukti, ubatan farmaseutikal bioteknologi secara global menyumbang 10 – 15% daripada keseluruhan longgokan ubatan yang ada di pasaran dan sektor ini mendahului sektor lainnya dari segi pertumbuhan prestasinya (Espicom, 2009).

Cabaran

Sebagai sebuah syarikat pesaing baru, IBL tidak terlepas daripada melalui cabaran getir dalam industri bioteknologi berasaskan penjagaan kesihatan ini. Antaranya ialah:

- i. Mengatasi isu pengawalseliaan dari badan kawal selia tempatan dan antarabangsa. IBL sedar keperluan kritikal buat pengilang farmaseutikal untuk menawarkan penyelesaian yang praktikal dan berkesan bagi memenuhi piawaian yang telah ditetapkan. Industri penjagaan kesihatan telah dikenal pasti sebagai salah satu “Highly Regulated Industry” di mana IBL perlu mematuhi garis panduan ketat yang telah ditetapkan oleh badan persijilan tempatan dan antarabangsa. IBL hanya boleh beroperasi apabila mendapat akreditasi cGMP daripada Bahagian Farmaseutikal Kebangsaan (BFK) dan berjaya memperolehnya pada tahun 2011. Justeru, IBL hanya boleh memulakan operasi perniagaannya bermula pada tahun persijilan akreditasi tersebut.*
- ii. Kemerostan ekonomi semasa telah memberi kesan yang ketara kepada syarikat – syarikat farmaseutikal global. Penggabungan Syarikat Farmaseutikal gergasi seperti Roche & Genentech, Pfizer & Wyeth dan beberapa syarikat lain telah mengakibatkan lebihan kapasiti untuk kontrak pengilangan ubatan biologik. Hasil daripada lebihan ini, aktiviti penyumberan luar terlalu terhad untuk aktiviti kontrak pengilangan dan memberi impak yang besar kepada syarikat kontrak pengilangan seperti IBL.*
- iii. Membentuk “track record” di mana ianya adalah salah satu daripada kriteria penting bagi pelabur serta pelanggan dalam memilih sesebuah pengilang kontrak bagi tujuan khidmat luar.*

- iv. Terdapat persepsi daripada sesetengah pelabur tempatan bahawa pelaburan di dalam bidang bioteknologi kurang ganjarannya. Sebaliknya bidang bioteknologi memerlukan tempoh matang yang panjang, datang dengan risiko yang tinggi tetapi mampu untuk membawa pulangan yang lumayan.
- v. Tambahan pula, konsep pengilangan kontrak ini adalah sesuatu yang baru bagi kebanyakan mereka dan ianya mengambil masa untuk memahami konsep dan model perniagaan ini. Pendidikan serta aktiviti kesedaran adalah sebahagian daripada aktiviti utama yang dilaksanakan oleh IBL bagi meyakinkan para pelanggan serta pihak yang berkepentingan tentang potensi model perniagaan ini.
- vi. Persaingan sengit di persada antarabangsa di mana perniagaan pembuatan kontrak biofarmaseutikal ini didominasi oleh syarikat terutamanya daripada Amerika Utara, Eropah, Jepun dan juga Korea. Ini ditambah pula dengan masalah persepsi yang mengaitkan isu kualiti jika kontrak pembuatan diberikan kepada syarikat daripada negara membangun seperti Malaysia dan sekali gus memberi kelebihan kepada syarikat yang datang daripada negara maju lain.

14.5.3.5. Pengurusan Pinjaman

Bagi membiayai kos pembinaan makmal cGMP, IBL telah membuat pinjaman berjangka daripada Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) pada tahun 2004 berjumlah RM42 juta. Pinjaman ini sepatutnya mula dibayar pada tahun 2006. Dari tahun 2007 hingga Ogos 2010, IBL telah membuat bayaran berjumlah RM22.73 juta kepada BPMB. Berdasarkan defisit aliran tunai, pada bulan April 2011, BPMB telah meluluskan permohonan IBL untuk menjadual semula terma pinjaman dengan bayaran faedah dan prinsipal bermula bulan Februari 2014. Butiran berkenaan pinjaman tersebut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 14.9
KEDUDUKAN PINJAMAN BERJANGKA INNO BIOLOGICS
BAGI TEMPOH TAHUN 2004 SEHINGGA TAHUN 2013

INSTITUSI	PINJAMAN BERJANGKA (RM Juta)	TARIKH PINJAMAN BERKUATKUASA	TARIKH BAYARAN BALIK MENGIKUT PERJANJIAN ASAL	TARIKH BAYARAN BALIK PENSTRUKTURAN PERTAMA PINJAMAN	TARIKH BAYARAN BALIK PENSTRUKTURAN KEDUA PINJAMAN
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	42.00	26.10.2004	01.01.2006	01.01.2011	01.02.2014 - 01.12.2019

Pada pendapat Audit, IBL perlu merancang dan membangunkan aktiviti utama untuk menjana pendapatan yang tinggi secara berterusan bagi memastikan bayaran balik pinjaman dibuat mengikut jadual.

Maklum Balas IBL Yang Diterima Pada 30 April 2014

Pihak syarikat dalam proses perbincangan dengan pihak Kementerian Kewangan dan juga pihak BPMP bagi pengurusan pinjaman ini.

14.6. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan keupayaan dan tadbir urus organisasi serta memastikan penubuhan IBL mencapai objektifnya, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

14.6.1. Lembaga Pengarah serta pengurusan IBL perlu memastikan semua terma kontrak yang ditandatangani menjamin kepentingan serta liabiliti syarikat; dan

14.6.2. Pengurusan IBL perlu mengadakan usahasama dengan Agensi yang mempunyai peranan hampir sama seperti Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan Universiti Tempatan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Dalam Buku Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2013 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari

KEMENTERIAN KEWANGAN

15. PENGURUSAN FELCRA BERHAD

15.1. LATAR BELAKANG

15.1.1. Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Persekutuan telah ditubuhkan pada tahun 1966. Matlamat penubuhannya adalah untuk membangunkan sektor luar bandar dengan membantu penduduk menyertai aktiviti ekonomi negara dan seterusnya meningkatkan taraf hidup dan nilai kehidupan mereka. Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Persekutuan menjadi syarikat milik penuh Kerajaan Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 pada 23 Mei 1997 dan mula beroperasi sebagai sebuah syarikat dengan nama pendaftaran FELCRA Berhad (FELCRA) pada 1 September 1997. Modal dibenarkan adalah berjumlah RM1 bilion dan modal berbayar berjumlah RM500 juta. Sehingga 31 Disember 2013, FELCRA melabur sebanyak RM162.85 juta dalam 18 buah syarikat subsidiari di mana jumlah keuntungan bersih selepas cukai syarikat subsidiari bagi tahun kewangan beraudit 2012 berjumlah RM35.06 juta.

15.1.2. Perjanjian Pengkorporatan antara Kerajaan Malaysia dengan FELCRA telah ditandatangani pada 18 April 2003. FELCRA bertanggungjawab untuk melaksanakan program obligasi sosial bagi memenuhi keperluan, faedah dan kebajikan kumpulan sasar dalam usaha meningkatkan kualiti hidup yang lebih sempurna selaras dengan hasrat wawasan negara. FELCRA diamanahkan untuk memajukan tanah terbiar milik peserta yang berselerak dan tiada nilai ekonomi agar menjadi ladang komersil melalui Projek Pemulihan Tanah Milik. Sehingga bulan Disember 2013, FELCRA telah membangunkan ladang berhasil seluas 180,373 hektar (70.6%) daripada keseluruhan 255,352 hektar ladang yang diperolehi seperti di jadual berikut:

JADUAL 15.1
KELUASAN LADANG DAN LADANG BERHASIL MENGIKUT
TANAMAN BAGI FELCRA SEHINGGA BULAN DISEMBER 2013

JENIS TANAMAN	LUAS LADANG (Hektar)	KOMPOSISI (%)	LADANG BERHASIL (Hektar)	BERHASIL (%)
Kelapa Sawit	208,657	81.7	147,903	70.9
Getah	42,460	16.6	29,139	68.6
Padi	4,235	1.6	3,331	78.7
JUMLAH	255,352	100	180,373	70.6

Sumber : Bahagian Kewangan

15.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada:

- 15.2.1. prestasi kewangan FELCRA adalah baik atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut;
- 15.2.2. pengurusan aktiviti FELCRA telah dilaksanakan dengan teratur, berhemat dan mencapai objektif yang ditetapkan;
- 15.2.3. pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat FELCRA adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan; dan
- 15.2.4. pengurusan syarikat subsidiari telah dipantau oleh syarikat induk selaras dengan objektif ditetapkan.

15.3. SKOP PENGAUDITAN

15.3.1. Skop pengauditan ini meliputi aspek kewangan, aktiviti utama dan tadbir urus korporat FELCRA bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013. Analisis prestasi kewangan adalah berdasarkan Penyata Kewangan tahun 2010, 2011 dan 2012 yang telah diaudit. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap isu-isu yang pernah dibangkitkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lepas untuk memastikan ia telah diambil tindakan penyelesaian.

15.3.2. Pemeriksaan Audit telah dijalankan di Ibu Pejabat FELCRA, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) serta Kementerian Kewangan. Lawatan Audit juga telah dibuat ke Pejabat Wilayah, Pejabat Kawasan, Ladang dan Kilang Kelapa Sawit di Negeri Perak, Johor, Sarawak dan Sabah. Penumpuan diberikan terhadap aktiviti pembangunan dan pemulihan tanah bagi tujuan penanaman, perladangan dan perkilangan buah kelapa sawit.

15.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dokumen, fail dan rekod berkaitan serta menganalisis data maklumat syarikat. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab di FELCRA dan agensi yang berkaitan juga telah diadakan. Isu-isu yang ditemui telah dibincangkan dengan Ketua Pegawai Eksekutif dan Pegawai-pegawai Kanan FELCRA Berhad serta wakil daripada Kementerian Kewangan dalam *Exit Conference* pada 5 Mei 2014

15.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Oktober 2013 mendapati prestasi kewangan FELCRA adalah baik di mana FELCRA telah menjana keuntungan selepas cukai bagi 3 tahun berturut-turut iaitu RM56.55 juta, RM113.40 juta dan

RM51.99 juta masing-masing bagi tahun 2010, 2011 dan 2012. Keuntungan syarikat telah mengalami penurunan yang ketara sejumlah RM61.41 juta (54.2%) pada tahun 2012 berbanding tahun 2011. Prestasi aktiviti secara keseluruhannya adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat pengurusan aktiviti yang perlu diberi perhatian oleh Lembaga Pengarah serta pihak pengurusan seperti berikut:

- i. FELCRA bergantung kepada pendapatan lain iaitu faedah atas pelaburan untuk menampung aktiviti operasi;
- ii. sebahagian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) tidak dicapai bagi tahun 2012 dan 2013 kerana penurunan pendapatan aktiviti perladangan dan perkilangan;
- iii. prestasi pendapatan daripada aktiviti perladangan menurun dari tahun ke tahun kerana penurunan produktiviti ladang disebabkan oleh kelemahan dalam pengurusan aktiviti perladangan terutamanya ketiadaan proses pengenalpastian pokok yang berusia dan tidak ekonomik serta pengurusan pembajaan yang tidak cekap;
- iv. aktiviti perkilangan mencatatkan kerugian tiga tahun berturut-turut disebabkan ketidakstabilan harga *Crude Palm Oil* (CPO) dan kelemahan pengurusan pemprosesan buah kelapa sawit serta ketiadaan asas yang kukuh bagi penjualan kilang sawit baru milik FELCRA serta kos penyenggaraan yang tinggi bagi kilang sawit lama;
- v. prestasi program penyatuan dan pemulihan tanah yang rendah bagi tahun 2013 dimana peratus perbelanjaan hanya mencapai 45.0% daripada peruntukan dan hanya 42.61% dari 3,000 hektar yang disasarkan;
- vi. aktiviti penanaman kelapa sawit di kawasan tanah yang kurang sesuai seperti kawasan tanah gambut, kawasan yang sering mengalami banjir serta kelemahan pengurusan pembayaran upah pekerja tuaian dan penghantaran buah kelapa sawit ke kilang sawit; dan
- vii. sejumlah RM82.89 juta bayaran dividen tidak dapat diserahkan kepada peserta antaranya disebabkan peserta tidak dapat dikesan, tiada nombor akaun, telah meninggal dunia dan belum membuat perubahan kuasa hak atas tanah.

Selain itu, terdapat kelemahan dalam pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat yang perlu ditambah baik khususnya kelemahan pengurusan pembayaran sagu hati. Penjelasan lanjut berhubung prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat dan maklum balas FELCRA adalah seperti di perenggan berikut:

15.5.1. Prestasi Kewangan

15.5.1.1. Analisis Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi

- a. FELCRA memperoleh pendapatan daripada 4 aktiviti komersil utama syarikat iaitu perladangan/pembangunan estet, pemprosesan komoditi dan



aktiviti hiliran, pembangunan hartanah serta pembangunan bioteknologi. FELCRA telah mencatatkan keuntungan selepas cukai bagi tahun 2010, 2011 dan 2012 berjumlah RM56.55 juta, RM113.40 juta dan RM51.99 juta masing-masing. Bagaimanapun, keuntungan tersebut telah mengalami penurunan yang ketara sejumlah RM61.41 juta (54.2%) pada tahun 2012 berbanding tahun sebelumnya. Kedudukan prestasi kewangan FELCRA bagi tahun kewangan 2010, 2011 dan 2012 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 15.2
PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN UNTUNG RUGI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2010, 2011 DAN 2012

BUTIRAN	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
Pendapatan	1,202.36	1,484.74	1,178.17
Kos Jualan	(891.00)	(1,099.72)	(898.33)
Untung/(Rugi) Kasar	311.36	385.02	279.84
Lain-lain Pendapatan	67.29	89.58	106.26
Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	(281.51)	(297.05)	(284.23)
Perbelanjaan Operasi Lain	(6.01)	-	(14.35)
Untung/(Rugi) Operasi	91.13	177.55	87.52
Kos Kewangan	(4.29)	(4.84)	(4.82)
<i>Share of Profits of Associates, Net of Tax</i>	-	0.75	(0.75)
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	86.84	173.46	81.95
Pelaras Cukai	(30.29)	(60.06)	(29.96)
Untung/(Rugi) Selepas Cukai	56.55	113.40	51.99

Sumber: Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir Pada 2010, 2011 Dan 2012 Yang Telah Diaudit

- b. Keuntungan syarikat yang disumbangkan daripada aktiviti perladangan banyak dipengaruhi oleh kenaikan dan penurunan harga komoditi kelapa sawit dunia. Peningkatan keuntungan pada tahun 2011 adalah disebabkan oleh peningkatan harga kelapa sawit dunia dan peningkatan pengeluaran kelapa sawit oleh ladang di bawah seliaan FELCRA. Punca utama penurunan paras keuntungan syarikat pada tahun 2012 adalah disebabkan penurunan harga komoditi sawit (buah tandan segar) pada tahun 2012. Purata harga buah tandan segar (BTS) pada tahun 2012 menurun sebanyak RM117.24/mt (17.8%) kepada sekitar RM542.21/mt berbanding tahun 2011 pada kadar RM659.45/mt. Selain itu, kerugian berjumlah RM12.71 juta pada tahun 2012 daripada aktiviti perkilangan kelapa sawit turut menjejaskan keuntungan syarikat. Bagaimanapun, terdapat peningkatan dalam pendapatan lain iaitu peningkatan pendapatan faedah berjumlah RM9.26 juta, dividen daripada subsidiari berjumlah RM5.0 juta dan sewaan premis berjumlah RM7.7 juta pada tahun 2012 berbanding tahun 2011.

Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 22 April 2014, 2 Mei 2014 Dan 7 Mei 2014

Sumber pendapatan dan perolehan syarikat disumbangkan oleh 4 aktiviti utama iaitu dari perladangan; perkilangan; strategic business unit; dan lain-lain pendapatan. Walau bagaimanapun sumber pendapatan syarikat sebahagian besarnya adalah disumbangkan oleh 2 aktiviti utama iaitu perladangan dan perkilangan. Kedudukan harga pasaran yang turun naik telah menjejaskan keuntungan syarikat khususnya pada tahun 2012 dan seterusnya pada tahun 2013.

Purata harga buah tandan segar (BTS) pada tahun 2012 menurun sebanyak RM117.24/mt (17.8%) kepada sekitar RM542.21/mt berbanding tahun 2011 pada kadar RM659.45/mt. Purata harga getah juga menunjukkan penurunan daripada RM12.49/Kg pada tahun 2011 kepada RM8.48/Kg pada tahun 2012, penurunan sebanyak 32%.

Selain harga, produktiviti hasil ladang juga turut menyumbang kepada peningkatan dan penurunan pendapatan Syarikat bagi tahun 2010 hingga 2013. Pencapaian produktiviti pengeluaran ladang bagi sawit meningkat 2.55% pada tahun 2011 berbanding 2010 dan turun 3.67% pada tahun 2012. Walau bagaimanapun produktiviti meningkat semula sebanyak 6.90% pada tahun 2013 setelah langkah-langkah penambahbaikan dilaksanakan.

Syarikat telah menyusun strategi jangka pendek untuk penambahbaikan produktiviti ladang antaranya adalah meningkatkan produktiviti pekerja daripada 1.5 tan metrik sehari kepada 2 tan metrik sehari; meningkatkan pendapatan penyediaan tapak semeaian dan meningkatkan pendapatan syarikat melalui aktiviti pengeluaran baja bulk blend dan baja organik (BOF).

Manakala strategi meningkatkan pendapatan syarikat untuk tempoh jangka panjang adalah dengan meningkatkan aktiviti tanam semula; pembelian ladang matang dan pembukaan ladang baru.

Bagi aktiviti perkilangan, FELCRA Berhad telah mengatur strategi jangka pendek seperti Meningkatkan efisiensi Kilang iaitu peningkatan margin OER lebih daripada 0.5% dan peningkatan "Oil Recovery Efficiency" ke tahap lebih 93% dengan pengawalan "Oil Losses" kurang daripada 1.5%; penerimaan biji lerai melebihi 2% dari bekalan buah tandan segar untuk semua kilang dan Memperkemarkan sistem dan struktur pengurusan khususnya dalam aspek pemantauan operasi kilang. Untuk strategi jangka panjang antaranya adalah menjalankan usaha sama kilang penapis minyak di Lumut, Perak dengan syarikat dari Korea (BK group) dengan kapasiti 2,000mt sehari; usaha sama EFB carbonized pallet di kilang sawit Seberang Perak dengan syarikat Korea; pembinaan 3 buah loji dried long fibre yang mula beroperasi pada bulan Julai 2014; membina secara usaha sama loji biogas di kilang-kilang FELCRA Berhad pada bulan Januari 2015 dan beroperasi pada bulan Ogos 2015 dan membina



secara usaha sama kilang EFB carbonized pallet di kilang sawit Seberang Perak pada bulan Januari 2015 dan mula beroperasi pada bulan Jun 2016.

Beberapa strategi jangka panjang bagi lain-lain aktiviti syarikat adalah seperti menceburi bidang venture baru seperti pembangunan hartanah di Grik, Bidor dan Langkawi; dan Kolej FELCRA yang akan beroperasi pada bulan Jun 2014 di Seberang Perak dengan pengambilan pelajar baru seramai 43 orang dalam bidang Sijil Landskap dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

Pada pendapat Audit, walaupun syarikat mencatatkan keuntungan selepas cukai namun pendapatan dan keuntungan syarikat mengalami penurunan yang ketara pada tahun 2012 berbanding 2011.

15.5.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menentukan prestasi kewangan syarikat FELCRA, analisis nisbah semasa, margin keuntungan bersih, nisbah pulangan atas aset dan nisbah pulangan atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun 2010, 2011 dan 2012. Hasil analisis yang telah dijalankan adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 15.3
ANALISIS NISBAH BAGI TAHUN KEWANGAN 2010, 2011 DAN 2012**

NISBAH SEMASA	TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) (a)	LIABILITI SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a) / (b)
	2010	2,084.59	1,074.69	1.94
	2011	3,296.77	2,024.47	1.63
	2012	2,881.84	1,811.72	1.59

ULASAN : Tahap kecairan syarikat menunjukkan trend penurunan dari tahun ke tahun sejak tahun 2010 hingga 2012. Pada tahun 2012, nilai aset semasa hanya melebihi liabiliti semasa dengan RM0.59 bagi setiap ringgit liabiliti semasa.

MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH	TAHUN	UNTUNG/ (RUGI) SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta) (b)	MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH BAGI SETIAP RM1.00 PENDAPATAN (a) / (b)
	2010	56.55	1,202.36	0.05
	2011	113.40	1,484.74	0.08
	2012	51.99	1,178.17	0.04

ULASAN : Pada tahun 2012 FELCRA mencatatkan penurunan margin keuntungan bersih bagi setiap ringgit hasil yang dipungut berjumlah RM0.04 berbanding tahun 2011 yang berjumlah RM0.08.

NISBAH PULANGAN ATAS ASET	TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH ASET (RM Juta) (b)	NISBAH PULANGAN ATAS ASET (%) (a) / (b)
	2010	56.55	3,975.40	1.42
	2011	113.40	5,288.27	2.14
	2012	51.99	4,949.23	1.05

ULASAN : Tahap kecekapan syarikat untuk menguruskan aset bagi tahun 2010, 2011 dan 2012 adalah rendah. Peningkatan dan penurunan nisbah ini disebabkan peningkatan keuntungan selepas cukai pada tahun 2011 dan penurunan keuntungan yang ketara pada tahun 2012.

NISBAH PULANGAN ATAS EKUITI	TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH EKUITI (RM Juta) (b)	NISBAH PULANGAN ATAS EKUITI (%) (a) / (b)
	2010	56.55	976.32	5.79
	2011	113.40	1,082.23	10.48
	2012	51.99	1,119.22	4.65

ULASAN : Tahap kecekapan untuk menguruskan modal syarikat menurun 5.83% pada tahun 2012 berbanding tahun 2011. Ini disebabkan oleh penurunan keuntungan bersih syarikat berbanding peningkatan jumlah ekuiti. Bagaimanapun, pada keseluruhannya pemegang saham FELCRA memperoleh pulangan yang munasabah.

Sumber : Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir Pada 2010, 2011 Dan 2012 Yang Telah Diaudit

Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 2 Mei 2014

Nisbah pulangan aset adalah terdiri daripada aset bukan semasa dan aset semasa berbanding dengan keuntungan selepas cukai. Pada tahun 2012 nisbah pulangan atas aset adalah rendah berbanding tahun 2011. Penurunan ini disebabkan oleh untung selepas cukai menurun berbanding tahun 2011. Jumlah aset bagi tahun 2012 adalah RM4,949.23 juta berbanding RM5,288.26 juta. Antara faktor menyumbang kepada penurunan ini adalah:

- i. Penjualan aset kilang Samarahan pada tahun 2012 berjumlah RM28.72 juta.*
- ii. Pengurangan baki tunai di bank daripada RM2,705.71 juta kepada RM2,183.46 juta. Aset di dalam bentuk tunai setara berkurangan disebabkan oleh pendapatan syarikat merosot.*
- iii. Penjualan saham anak syarikat FB Travel Sdn. Bhd. berjumlah RM2.57 juta pada tahun 2012.*

Penurunan nisbah pulangan atas ekuiti pada tahun 2012 disebabkan penurunan keuntungan selepas cukai dari RM113.41 juta kepada RM52.00 juta. Faktor penurunan keuntungan selepas cukai ini adalah sepertimana di para 5.1.1.

Pada pendapat Audit, analisis nisbah bagi 3 tahun menunjukkan prestasi kewangan syarikat adalah sederhana. FELCRA perlu memastikan pengurusan kos operasi dan aset sedia ada digunakan lebih cekap supaya syarikat dapat menjana prestasi kewangan yang lebih baik.

15.5.1.3. Prestasi Aliran Tunai

Penyata Aliran Tunai memberikan maklumat mengenai keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaan. Pada akhir tahun kewangan 2012, syarikat mempunyai tunai dan persamaan tunai berjumlah RM2,163.94 juta yang terdiri daripada deposit yang disimpan dalam institusi kewangan berjumlah RM1,597.39 juta serta tunai di tangan dan bank berjumlah RM566.55 juta. Manakala pada akhir tahun kewangan 2010 dan 2011, tunai dan persamaan tunai syarikat masing-masing berjumlah

RM1,487.43 juta dan RM2,686.08 juta. Antara sebab utama kenaikan ketara aliran tunai daripada aktiviti operasi pada tahun 2011 adalah kerana penerimaan geran daripada Kerajaan berjumlah RM1.47 bilion bagi tujuan pelaksanaan projek KKLW. Manakala penurunan aliran tunai pada tahun 2012 daripada aktiviti yang sama adalah kerana pelaksanaan projek tanggungjawab sosial dari geran tersebut pada tahun 2012. Analisis Audit mendapati aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaan telah mengalami aliran tunai keluar bersih berjumlah RM312.22 juta, RM44.81 juta, RM165.09 juta masing-masing pada tahun 2012. Kedudukan aliran tunai FELCRA bagi tahun kewangan 2010, 2011 dan 2012 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 15.4
PENYATA ALIRAN TUNAI FELCRA
BAGI TAHUN KEWANGAN 2010, 2011 DAN 2012

BUTIRAN/ TAHUN	2010	2011	2012
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pengoperasian			
Keuntungan Sebelum Cukai	86.83	173.47	81.96
Pelarasan	6.16	(24.01)	(9.77)
Modal Kerja	159.47	1,040.54	(384.41)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pengoperasian	252.46	1,190.00	(312.22)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan			
Aliran Masuk Tunai	128.51	78.24	114.07
Aliran Keluar Tunai	(131.75)	(208.90)	(158.88)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pelaburan	(3.24)	(130.66)	(44.81)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan			
Aliran Masuk Tunai	110.13	243.10	39.66
Aliran Keluar Tunai	(54.94)	(103.79)	(204.76)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan	55.19	139.31	(165.10)
Penambahan/(Pengurangan) Bersih Dalam Tunai Dan Persamaan Tunai	304.41	1,198.65	(522.13)
Tunai Dan Persamaan Tunai Awal Tahun	1,183.02	1,487.43	2,686.07
Tunai dan Persamaan Tunai Akhir Tahun	1,487.43	2,686.08	2,163.94

Sumber : Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir Pada 2010, 2011 Dan 2012 Yang Telah Diaudit

Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 2 Mei 2014

Pada tahun 2012, aliran tunai bersih dari aktiviti pengoperasian berkurangan kepada RM312.22 juta berbanding tahun 2011. Pengurangan ini adalah disebabkan pengurangan pemiutang berjumlah RM233.65 juta dan pengurangan stok sebanyak RM11.66 juta.

Aliran tunai bersih dari aktiviti pelaburan berkurangan kepada RM44.81 juta berbanding RM130.66 juta bagi tahun 2011. Pengurangan ini disumbang oleh pelaburan dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu sebanyak RM0.35 juta, pendahuluan kepada kos pembangunan projek peserta sebanyak RM192.43 juta.

Bagi aktiviti pembiayaan, pada tahun 2012 menunjukkan pengurangan RM165.10 juta. Pengurangan ini disumbang oleh aliran keluar tunai pembiayaan bagi projek peserta sebanyak RM140.49 juta, pembayaran dividen kepada pemegang saham RM15.00 juta dan pembayaran pinjaman Kerajaan berjumlah RM49.25 juta.

Walaupun prestasi aliran masuk tunai berada pada tahap yang baik, pengurusan tetap memantau kedudukan aliran tunai setiap bulan bagi memastikan operasi dan aktiviti syarikat tidak terjejas.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi aliran tunai FELCRA bagi tahun 2010 dan 2011 adalah pada tahap yang baik dengan mencatatkan aliran masuk tunai bersih walaupun telah mencatatkan aliran keluar tunai bersih pada tahun 2012.

15.5.1.4. Faedah Daripada Pelaburan

Prestasi kewangan FELCRA adalah memuaskan kerana mampu menjana keuntungan sebelum cukai bagi 3 tahun berturut-turut iaitu RM86.84 juta, RM173.46 juta, RM81.95 juta iaitu bagi tahun 2010, 2011 dan 2012. Analisis Audit mendapati lain-lain pendapatan adalah berjumlah RM71.77 juta (82.6%), RM97.05 juta (55.9%) dan RM117.24 juta (143.1%) daripada keseluruhan keuntungan sebelum cukai syarikat masing-masing pada tahun 2010, 2011 dan 2012. Walaupun pada tahun 2012 syarikat mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM81.95 juta, aktiviti utama FELCRA mengalami kerugian berjumlah RM35.29 juta. Analisis Audit seterusnya mendapati pendapatan daripada faedah atas pelaburan simpanan tetap yang antaranya adalah dari geran peruntukan yang diberikan oleh KKLW merupakan penyumbang terbesar iaitu RM37.9 juta (52.8%), RM66.46 juta (68.5%) dan RM75.72 juta (64.6%) daripada jumlah lain-lain pendapatan pada tahun 2010, 2011 dan 2012 masing-masing. Analisis penyata pendapatan terperinci adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 15.5
ANALISIS PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2010, 2011 DAN 2012

BUTIRAN	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
OPERASI			
Pendapatan Dari Aktiviti Operasi	1,193.59	1,473.19	1,161.62
Kos Jualan	(891.00)	(1,099.72)	(898.33)
Kos Pentadbiran	(281.51)	(297.05)	(284.23)
Lain-lain Kos Operasi	(6.01)	-	(14.35)
UNTUNG/RUGI DARIPADA AKTIVITI OPERASI	15.07	76.42	(35.29)
LAIN-LAIN PENDAPATAN			
Pendapatan Faedah	37.9	66.46	75.72
Lain-lain Pendapatan	22.25	16.17	23.87

BUTIRAN	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
Pendapatan Sewaan	7.14	6.95	6.67
Dividen Dari Subsidiari	8.77	11.55	16.55
Kos Kewangan	(4.29)	(4.84)	(4.82)
Keuntungan/Kerugian Daripada Associates	-	0.75	(0.75)
JUMLAH LAIN-LAIN PENDAPATAN	71.77	97.05	117.24
PERATUS (%) LAIN-LAIN PENDAPATAN	82.6	55.9	143.1
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	86.84	173.46	81.95

Sumber : Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 2010, 2011 Dan 2012 Yang Telah Diaudit

Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 2 Mei 2014 Dan 7 Mei 2014

FELCRA Berhad masih menunjukkan keuntungan syarikat pada kedudukan positif. Syarikat sedar dengan kedudukan ini dan dalam masa yang sama FELCRA Berhad juga dilihat telah berjaya bukan sahaja melaksanakan tanggungjawab sebagai syarikat perniagaan dalam bidang perladangan, namun juga berjaya dalam memberi faedah kepada kumpulan sasar iaitu peserta-peserta FELCRA seramai lebih kurang 98,000 orang. Ini telah ditunjukkan melalui pengagihan dividen dari RM542.90 juta, RM912.00 juta dan RM543.20 juta untuk tahun 2010, 2011 dan 2013 masing-masing.

Prestasi kewangan pada tahun 2012 menunjukkan kerugian daripada aktiviti operasi berjumlah RM35.29 juta berbanding keuntungan RM76.42 juta. Kerugian ini disebabkan penurunan daripada pendapatan dari aktiviti operasi yang banyak dipengaruhi oleh kejatuhan harga komoditi.

FELCRA Berhad sebagai salah sebuah agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) menerima peruntukan geran sebagai pelaksana dan pembayar bagi projek-projek Kerajaan. FELCRA Berhad bertindak sebagai pelaksana bagi projek-projek Kerajaan di mana kontrak dikeluarkan dan diurus kendalikan oleh Kumpulan FELCRA Berhad dan bayaran akan dilunaskan mengikut kemajuan kerja seperti jalan masuk, infrastruktur ladang, bekalan air dan lain-lain. Manakala sebagai pembayar, FELCRA Bhd diarahkan membayar untuk kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh Kementerian.

Pada tahun 2012 FELCRA Berhad menerima geran kerajaan sebagai pembayar berjumlah RM31.41 juta (2011: RM1,294.96 juta) dan sebagai pelaksana berjumlah RM138.01 juta (2011:RM182.05 juta). Walau bagaimanapun hanya penerimaan sebagai pembayar disimpan di dalam simpanan tetap yang mendapat pendapatan faedah.

Pendapatan faedah yang diperolehi daripada geran pembayar adalah berjumlah RM1.09 juta bersamaan 1% daripada jumlah keseluruhan pendapatan faedah yang diterima pada tahun 2012. Di samping itu pendapatan faedah daripada geran pembayar ini perlu diagih kepada KKLW dengan kadar nisbah 50:50. Oleh itu jumlah sebenar pendapatan faedah yang diperolehi daripada penerimaan sebagai pembayar pada tahun 2012 adalah sangat kecil.

Selain daripada peruntukan geran kerajaan, Syarikat juga mempunyai tabungan lain yang menyumbang kepada pendapatan faedah seperti berikut:

- i. Tabung tanam semula RM1.63 juta*
- ii. Tabung insuran ladang berjumlah RM1.47 juta*
- iii. Program Pemulihan Rakyat Termiskin berjumlah RM9.54 juta*
- iv. Tabung faedah persaraan berjumlah RM3.39 juta*
- v. Wang tahanan berjumlah RM4.63 juta*
- vi. Pendahuluan projek rugi RM6.97 juta*

Secara keseluruhannya pendapatan faedah dari geran kerajaan adalah kecil berbanding jumlah keseluruhan pendapatan faedah yang diterima bagi tahun 2012.

Pada pendapat Audit, keuntungan yang dicatatkan oleh FELCRA secara signifikan disumbangkan oleh lain-lain pendapatan yang meliputi pendapatan faedah daripada simpanan tetap. FELCRA perlu berusaha untuk meningkatkan pendapatan daripada aktiviti operasi bagi membolehkan syarikat berdaya saing dalam tempoh jangka panjang dan mencapai objektif penubuhannya.

15.5.2. Prestasi Aktiviti

15.5.2.1. Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

- a. Kementerian Kewangan telah menetapkan pencapaian minimum KPI bagi FELCRA pada tahun 2011 sekurang-kurangnya 80% dan 85% daripada KPI yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah bagi tahun 2012 dan 2013. FELCRA juga perlu mengemukakan keputusan pencapaian KPI syarikat secara berkala iaitu setiap suku tahunan (dalam tempoh 2 minggu selepas setiap suku tahun berakhir) kepada Syarikat Milik Menteri Kewangan - Diperbadankan (MKD).
- b. Berdasarkan kepada laporan pencapaian KPI yang dikemukakan kepada MKD, pihak Audit mendapati strategi KPI untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup masyarakat luar bandar (peserta) dengan meningkatkan produktiviti kelapa sawit dan getah ladang peserta berjaya dicapai pada tahun 2011, 2012, dan 2013 pada 85.0% hingga 94.7%. Bagaimanapun, sasaran KPI untuk meningkatkan keuntungan projek yang ditadbir oleh FELCRA pada tahun 2012 dan 2013 hanya mencapai 46.9% dan 72.9% daripada sasaran masing-masing. Sasaran KPI untuk meningkatkan keuntungan syarikat juga tidak dicapai pada tahun 2012 dan 2013 iaitu hanya 51.7% dan 76.6% daripada sasaran masing-masing. Bagaimanapun secara keseluruhannya menggunakan wajaran pencapaian KPI bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 masing-masing adalah pada 94.18%, 84.96% dan



86.12% daripada sasaran. Butiran pencapaian KPI untuk tempoh tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 15.6
PENCAPAIAN SEBENAR KPI FELCRA BERHAD PADA TAHUN 2011, 2012 DAN 2013

STRATEGI KPI	SASARAN KPI	2011				2012				2013			
		SASAR (Juta/mt/ kg)	SEBENAR		CAPAI	SASAR (Juta/mt/ kg)	SEBENAR		CAPAI	SASAR (Juta/mt/ kg)	SEBENAR		CAPAI
			(Juta/ mt/ kg)	(%)			(Juta/ mt/ kg)	(%)			(Juta/ mt/ kg)	(%)	
Untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup masyarakat luar bandar (Peserta)	Untuk mencapai sasaran produktiviti ladang peserta yang diurus tadbir oleh FELCRA seperti berikut:												
	i. Kelapa sawit (mt)	2.26	2.14	94.7	✓	2.54	2.24	88.2	✓	2.38	2.02	85.0	✓
	ii. Getah (kg)	39.15	34.13	87.2	✓	41.85	37.50	89.6	✓	37.10	33.32	89.8	✓
Untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup masyarakat luar bandar (Peserta)	Untuk mencapai keuntungan projek yang diurus tadbir oleh FELCRA (RM)	849	953.70	112.3	✓	1,053.89	494.32	46.9	X	421.20	307.1	72.9	X
Untuk meningkatkan kekuatan kewangan syarikat	Untuk mencapai sasaran syarikat memperoleh keuntungan bersih sebanyak (RM)	83.87	135.2	161.3	✓	100.51	51.99	51.7	X	60.0	45.99	76.6	X

Sumber: Laporan Pencapaian KPI Lembaga Pengarah

Nota : (✓) - Capai Sasaran KPI

(X) - Tidak Capai Sasaran KPI

Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 2 Mei 2014

Strategi penambahbaikan KPI adalah seperti berikut:

- Meningkatkan keuntungan projek peserta yang diuruskan oleh FELCRA dengan menggariskan pelan tindakan komprehensif iaitu peningkatan produktiviti dan pengurangan kos pengeluaran ladang peserta melalui peningkatan produktiviti harian; melaksanakan program tanam semula dengan agresif; memantau pematuhan Good Agronomic Practices (GAP) dan SOP; dan penggunaan mekanisasi bagi menggantikan kebergantungan kepada buruh.
- Meningkatkan KPI keuntungan syarikat dengan menyediakan Pelan Tindakan Komprehensif FELCRA Berhad yang telah dan sedang dilaksanakan dengan memberi penekanan kepada peningkatan produktiviti serta pengurangan kos pengeluaran di ladang-ladang kepunyaan FELCRA Berhad seperti mana di laksanakan kepada ladang peserta di atas. Namun terdapat beberapa program tambahan iaitu pembelian ladang matang; pembukaan ladang baru dalam dan luar negara seperti Cambodia; penyediaan tapak semeian sendiri; dan pengeluaran baja Bulk Blend dan Baja Organik (BOF) yang diuruskan sendiri oleh FELCRA dan anak syarikatnya.

- c. *Meningkatkan Keberkesanan Kilang dengan melaksanakan program-program seperti peningkatan margin OER lebih daripada 0.5% dan peningkatan "Oil Recovery Efficiency" ke tahap lebih 93% dengan pengawalan "Oil Losses" kurang daripada 1.5%; Penerimaan biji lerai melebihi 2% dari bekalan buah tandan segar untuk semua kilang; dan memperkemaskan sistem dan struktur pengurusan khususnya dalam aspek pemantauan operasi kilang.*
- d. *Mempelbagaikan aktiviti hiliran.*
- e. *Memperkenalkan Coporate KPI iaitu pemantauan secara bulanan dan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah Syarikat dan dilaporkan kepada Menteri Kewangan Diperbadankan pada setiap suku tahun.*

Pada pendapat Audit, pihak pengurusan FELCRA perlu menilai semula faktor yang menyebabkan KPI bagi setiap elemennya yang tidak dapat dicapai seperti yang disasarkan serta menetapkan satu pelan tindakan yang lebih komprehensif.

15.5.2.2. Prestasi Aktiviti Komersil

a. Aktiviti Perladangan

Semakan Audit mendapati berlaku penurunan pendapatan daripada aktiviti perladangan berjumlah RM37.67 juta (38.7%) pada tahun 2012 berbanding tahun 2011. Manakala tahun 2013 berlaku penurunan pendapatan daripada aktiviti ini berjumlah RM17.11 juta (28.7%) bagi tahun 2013 berbanding tahun 2012. Antara faktor yang dikenal pasti mengurangkan pendapatan aktiviti perladangan adalah penurunan hasil ladang kerana umur pokok yang tidak lagi ekonomik iaitu melebihi 20 tahun dan pembajaan yang tidak mengikut jenis, kuantiti dan masa yang disyorkan. Kedua-dua faktor ini memberi kesan kepada tahap kesuburan dan kualiti buah kelapa sawit yang dihasilkan. Penurunan pendapatan daripada aktiviti perladangan telah memberi kesan terhadap penurunan pendapatan syarikat. Pendapatan daripada aktiviti perladangan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 15.7
PENDAPATAN AKTIVITI PERLADANGAN FELCRA
BAGI TAHUN 2011, 2012 DAN 2013

PERKARA	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Pendapatan	157.71	119.82	92.69
Kos Operasi	(60.33)	(60.11)	(50.09)
Untung/(Rugi)	97.38	59.71	42.60
PENINGKATAN/PENURUNAN (RM)	26.16	(37.67)	(17.11)
KENAIKAN/(PENURUNAN) (%)	36.7	(38.7)	(28.7)

Sumber : Bahagian Kewangan

b. Aktiviti Pemprosesan Komoditi Dan Hiliran

Aktiviti pemprosesan komoditi dan hiliran adalah aktiviti yang melibatkan pemprosesan buah kelapa sawit, pemprosesan getah, pemprosesan benih padi dan baja bio organik. Semakan Audit mendapati pendapatan daripada aktiviti pemprosesan komoditi dan hiliran telah menurun sejumlah RM198.30 juta pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 dan terus menurun sejumlah RM155.75 juta pada tahun 2013 berbanding tahun 2012. Penurunan pendapatan daripada aktiviti ini disebabkan oleh penurunan pendapatan aktiviti pemprosesan buah kelapa sawit iaitu RM889.53 juta, RM669.48 juta dan RM470.92 juta pada tahun 2011, 2012 dan 2013 masing-masing. Pendapatan daripada aktiviti pemprosesan komoditi dan hiliran adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 15.8
PENDAPATAN AKTIVITI PEMROSESAN KOMODITI DAN HILIRAN
BAGI TAHUN 2011 HINGGA 2013

BUTIRAN AKTIVITI	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Pemprosesan Buah Kelapa Sawit	889.53	669.48	470.92
Penjualan Baja	124.09	144.59	187.38
Pendapatan <i>Total Processing</i> Getah	4.33	5.58	5.60
JUMLAH	1,017.95	819.65	663.90
PENINGKATAN/(PENURUNAN) (RM)	152.33	(198.30)	(155.75)
PERATUS (%)	17.6	(19.5)	(19.0)

Sumber : Bahagian Kewangan

Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 2 Mei 2014

Pendapatan ladang bergantung sepenuhnya terhadap produktiviti, kawalan kos dan harga. Faktor-faktor yang mempengaruhi penurunan prestasi hasil ladang komersil (Estet FELCRA Berhad) bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah sebagaimana berikut:

a. Produktiviti Hasil

Didapati bahawa produktiviti hasil pada tahun 2012 mengalami penurunan sebanyak 2.46 mt/ha atau 10.5% berbanding tahun 2011 dan seterusnya penurunan sebanyak 0.41 mt/ha atau 1.95 % pada tahun 2013 berbanding tahun 2012. Senario penurunan ini turut dialami oleh industri sawit Negara di mana data yang dikeluarkan oleh MPOB menunjukkan penurunan sebanyak 1.91 mt/ha atau 8.56% pada tahun 2012.

b. Harga BTS

Harga buah tandan segar (BTS) juga mengalami penurunan sejumlah RM131/mt atau 19.49% pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 dan seterusnya menurun sejumlah RM114/mt atau 21.07% pada tahun 2013 berbanding tahun 2012.

Pengurusan FELCRA Berhad telah menyiapkan pelan strategi seperti berikut:

- a. Pematuhan Good Agronomic Practices (GAP) bagi pengurusan rumpai; pengurusan aplikasi pembajaan; Penyenggaraan ladang dan tanaman; Pengurusan tenaga kerja dan Pengurusan hasil.*
- b. Menjalankan program tanam semula berdasarkan kepada polisi FELCRA Berhad seperti umur berhasil pokok melebihi 20 tahun bagi sawit dan 25 tahun bagi getah; dirian pokok/ hektar (SPH) kurang 100 pokok/hektar bagi sawit dan 120 pokok/hektar bagi getah; dan produktiviti hasil kurang 13 mt/hektar/tahun bagi sawit dan 840 kg/hektar/tahun bagi getah.*
- c. Penggunaan baja-baja NPK premium dan baja organik bagi meningkatkan kesuburan pokok.*

15.5.2.3. Prestasi Aktiviti Tanggungjawab Sosial

- a. Berdasarkan Rancangan Malaysia Ke-10, Pelan Perniagaan dan unjuran yang disediakan setiap tahun, FELCRA akan mengenal pasti aktiviti yang perlu dilaksanakan mengikut peruntukan geran atau pinjaman yang diberikan. Semakan Audit mendapati pada tahun 2011 sebanyak 90 projek (32.1%) siap dilaksanakan berbanding 280 projek yang dirancang. Pada tahun 2012, sebanyak 30 projek (11.4%) siap dilaksanakan berbanding 264 projek yang dirancang. Manakala pada tahun 2013 sebanyak 144 projek (68.9%) siap dilaksanakan berbanding 209 projek yang dirancang. Perbelanjaan bagi tahun 2011 adalah berjumlah RM35.30 juta (16.7%) berbanding peruntukan berjumlah RM210.76 juta. Perbelanjaan bagi tahun 2012 adalah berjumlah RM16.74 juta (13.2%) berbanding peruntukan berjumlah RM126.76 juta. Manakala pada tahun 2013 perbelanjaan berjumlah RM193.28 juta (79.1%) berbanding peruntukan berjumlah RM244.21 juta. Prestasi aktiviti tanggungjawab sosial bagi tempoh tahun 2011, 2012 dan 2013 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 15.9
PRESTASI AKTIVITI TANGGUNGJAWAB SOSIAL
BAGI TEMPOH 2011, 2012 DAN 2013

BUTIRAN PROJEK	2011			2012			2013		
	R	DP	SS	R	DP	SS	R	DP	SS
Projek P&P (Sambungan)	107	107	-	102	102	-	87	15	72
Projek P&P (Baru)	-	-	-	11	11	-	7	7	-
Tanam Semula (Sambungan)	76	76	-	90	90	-	72	18	54
Tanam Semula (Baru)	-	-	-	22	22	-	19	19	-
Infrastruktur Ladang	58	-	58	29	-	29	15	-	15
Infrastruktur Pengaliran Sawah Padi	-	-	-	1	-	1	1	-	1
Kajian Kesesuaian	-	-	-	-	-	-	1	-	1
Penyusunan Semula Kampung	-	-	-	-	-	-	1	-	1
Program Pelengkap Kampung	30	-	30	-	-	-	-	-	-

BUTIRAN PROJEK	2011			2012			2013		
	R	DP	SS	R	DP	SS	R	DP	SS
Pembangunan Peserta	1		1	-	-	-	-	-	-
Pemulihan Banjir	1		1	-	-	-	-	-	-
Penyusunan Kampung	1	1		-	-	-	-	-	-
Ternakan Fidlot	1	1		-	-	-	-	-	-
Projek ICT	5	5		4	4	-	-	-	-
Pembangunan Ladang	-	-		5	5	-	6	6	-
JUMLAH PROJEK	280	190	90	264	234	30	209	65	144
PENCAPAIAN SASARAN (%)	100	67.9	32.1	100	88.6	11.4	100	31.1	68.9
PERUNTUKAN (RM Juta)	210.76			126.76			244.21		

Sumber : Bahagian Perancangan Projek

Nota : R - Rancang,

DP - Dalam Pelaksanaan,

SS - Siap Sepenuhnya

Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 22 April 2014, 2 Mei 2014 Dan 7 Mei 2014

Keadaan ini berlaku kepada dua aktiviti utama iaitu bagi projek baru Penyatuan dan Pemulihan dan Tanam Semula. Pengurusan FELCRA Berhad telah menetapkan tempoh masa pembangunan ladang bagi pelaksanaan projek baru P&P dan Tanam Semula adalah 18 bulan bagi kelapa sawit dan 24 bulan bagi tanaman getah. Berdasarkan kepada polisi di atas, tempoh siap sepenuhnya pembangunan sesuatu projek tidak berasaskan kepada tahun semasa. Pencapaian sebenar bagi tahun 2011 adalah 210 projek berbanding sasaran 193 projek dan bagi tahun 2012 pencapaian sebenar adalah 190 projek berbanding sasaran 192 projek.

Manakala bagi Program Tanam Semula kawasan getah, kecenderungan untuk masa yang lebih lama akan berlaku kerana melibatkan penjualan kayu getah terlebih dahulu sebelum kerja-kerja pembangunan dapat dimulakan. Proses penjualan kayu getah banyak dipengaruhi oleh harga kayu getah di pasaran sebagaimana berlaku kejatuhan harga kayu getah yang drastik dalam tempoh tahun 2011 hingga 2013.

15.5.3. Pengurusan Aktiviti Komersil

Aktiviti komersil FELCRA meliputi aktiviti perladangan estet kelapa sawit; pemprosesan komoditi dan hiliran; pembangunan hartanah; dan pembangunan bio-teknologi. FELCRA juga telah memperuntukkan sumber kewangan dalaman berjumlah RM146.12 juta, RM472.09 juta dan RM396.86 juta pada tahun 2011, 2012 dan 2013 bagi pembiayaan pelaksanaan aktiviti komersil. Semakan Audit terhadap pengurusan aktiviti komersil yang dipilih mendapati perkara seperti di perenggan berikut:

15.5.3.1. Pengurusan Aktiviti Perladangan - Estet Kelapa Sawit

FELCRA mempunyai 6 estet kelapa sawit yang diuruskan oleh FELCRA Urus Estet Sdn. Bhd. (FUESB) iaitu satu ladang di Changkat Jong, Perak dan

5 ladang lagi di Negeri Sabah. Keuntungan daripada aktiviti perladangan adalah milik FELCRA sepenuhnya bagi menampung kos operasi dan pembayaran dividen kepada pemegang saham dan ia merupakan penyumbang terbesar kepada pendapatan syarikat.

- a. Berdasarkan *Standard Operating Procedure* (SOP), tempoh yang sesuai bagi penanaman semula kelapa sawit adalah apabila dirian pokok/hektar kurang dari 100 pokok, tahun berhasil melebihi 20 tahun dan hasil setahun kurang 13 tan metrik/hektar. Pokok kelapa sawit akan mula mengeluarkan hasil pada tahun ketiga ditanam dan aktiviti akan mula menjadi tidak ekonomik apabila tahun bertanam mencecah 23 tahun kerana kos penuaian yang tinggi. Kelima-lima estet milik FELCRA dibeli daripada pihak swasta pada tahun 1999 dan 2000 dan maklumat tahun bertanam diberikan oleh penjual estet berkenaan. Ladang Estet Perdana, Sabah keluasan berhasil 1,574 hektar mempunyai purata tahun bertanam 18 tahun, Estet Sg. Lokan, Sabah keluasan berhasil 1,020 hektar mempunyai purata tahun bertanam 14 tahun manakala bagi Estet Pertama, Sabah yang keluasan berhasil 1,491 hektar tiada maklumat mengenai tahun bertanam. Semakan Audit mendapati pendapatan daripada aktiviti perladangan menurun sejumlah RM37.89 juta (24.0%) menjadi RM119.82 juta pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 dan menurun sejumlah RM27.12 juta (22.6%) menjadi RM92.7 pada tahun 2013 berbanding tahun 2012. Pengeluaran dan pendapatan estet kelapa sawit pada tahun 2011, 2012 dan 2013 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 15.10
PENGELUARAN DAN PENDAPATAN ESTET KELAPA SAWIT
PADA TAHUN 2011, 2012 DAN 2013

NAMA ESTET	LUAS BERHASIL (HEKTAR)	PENGELUARAN (TAN METRIK)						PENDAPATAN TAHUNAN		
		2011		2012		2013		(RM Juta)		
		SETAHUN	PURATA/HEKTAR	SETAHUN	PURATA/HEKTAR	SETAHUN	PURATA/HEKTAR	2011	2012	2013
Changkat Jong, Perak	2,114	35,713	19.04	39,339	19.08	41,606	19.68	22.92	21.54	18.05
Estet Perdana, Sabah	1,574	39,068	24.83	32,475	20.64	31,181	19.82	20.86	17.66	12.76
Estet Pertama, Sabah	1,491	40,776	27.35	31,222	20.94	36,118	24.22	26.56	16.63	15.74
Estet Sg. Lokan, Sabah	1,020	23,171	22.72	20,544	20.14	18,245	17.89	16.42	11.20	7.47
Estet Sg. Rukuru Sabah	1,117	26,548	21.07	23,796	21.30	18,554	16.61	16.19	13.25	7.54
Estet Danum, Sabah	3,241	79,500	24.53	72,611	22.40	71,082	21.93	54.76	39.54	31.14
JUMLAH	10,557	244,776	23.40	219,987	20.94	216,786	20.54	157.71	119.82	92.70
PENINGKATAN/ (PENURUNAN)		-	-	(24,789)	(2.46)	(3,201)	(0.40)	-	(37.89)	(27.12)
PERATUS (%)		-	-	10.1	10.5	1.5	1.9	-	24.0	22.6

Sumber : Bahagian Kewangan

Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 2 Mei 2014 Dan 7 Mei 2014

Estet-estet milik penuh FELCRA Berhad merupakan antara penyumbang kepada pendapatan Syarikat. Bagi tahun 2013, jumlah pendapatan yang disumbangkan oleh Estet adalah sebanyak RM 92.7 juta atau 8.47% daripada pendapatan syarikat. Penurunan ini adalah disebabkan umur pokok di sebahagian estet yang telah melebihi productive age (7 - 20 tahun) pokok sawit. Penurunan harga komoditi sawit juga telah mempengaruhi pendapatan estet.

Langkah penambahbaikan bagi mengimbangi penurunan produktiviti hasil estet, pelaksanaan tanam semula telah di laksanakan sebanyak 2,875 hektar daripada 12,170 hektar atau 23.60 peratus. Program tanam semula selanjutnya akan dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan berikut:

- *Estet Changkat Jong - 316 hektar akan ditanam semula bagi tahun 2014/2015.*
- *Estet Sg Lokan - 589 hektar akan ditanam semula bagi tahun 2015/2016.*

- b. Lawatan Audit di projek FELCRA Sg. Lokan, Sabah mendapati pokok kelapa sawit yang telah ditanam selama 14 tahun adalah sangat tinggi seperti di **Gambar 15.1** dan **15.2**. Purata pengeluaran per hektar adalah 17.95 tan metrik bagi tahun 2012. Dipercayai projek ini mempunyai tahun bertanam yang lebih lama kerana kuantiti pengeluaran per hektar yang rendah berbanding biasa dan ketinggian pokok yang tinggi daripada biasa.

GAMBAR 15.1



*Estet Sg. Lokan, Sabah
- Ketinggian Pokok Sebenar Tidak Menggambarkan
Umur Pokok Yang Dilaporkan
(27.12.2013)*

GAMBAR 15.2



*Estet Sg. Lokan, Sabah
- Ketinggian Pokok Sebenar Tidak Menggambarkan
Umur Pokok Yang Dilaporkan
(27.12.2013)*

Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 22 April 2014 Dan 2 Mei 2014

Estet Sg. Lokan diwujudkan daripada gabungan 4 buah ladang yang dibeli dari pihak swasta di antara tahun 2000 hingga 2001. Semasa pembelian ladang-ladang tersebut, pokok-pokok sawit telah sedia ada dan mempunyai peringkat umur pokok yang berbeza. Dari maklumat yang diperoleh, peringkat penanaman di Estet Sg. Lokan adalah di antara dari tahun 1996 hingga 2000.

Bagi mengatasi masalah tersebut pengurusan telah melaksanakan tanam semula di estet-estet FELCRA seluas 2,875 hektar daripada 12,170 hektar atau 23.60 peratus bermula tahun 2006. Pengurusan telah merancang untuk menanam semula di Estet Sg Lokan seluas 586 hektar mulai 2015. Tumpuan amalan Good Agronomic Practices (GAP) dalam pelaksanaan tanam semula akan diberikan terhadap aktiviti-aktiviti membersihkan kawasan; pembangunan teres; jarak tanaman; jalan ladang, penanaman KPB; dan penanaman pokok.

Pada pendapat Audit, penanaman semula mengikut Good Agronomic Practices perlu dilaksanakan segera bagi menjamin keuntungan daripada aktiviti perladangan di masa hadapan.

- c. Pembajaan sangat penting bagi memastikan pokok mendapat pemakanan (nutrien) yang cukup dan seimbang bagi pertumbuhan yang sempurna dan memaksimumkan produktiviti BTS. Pengesyoran baja dibuat oleh FELCRA Plantation and Services Sdn. Bhd. (FPSSB) melalui laporan hasil daripada kajian yang dibuat ke atas umur pokok, daun, jenis tanah dan cuaca. Semakan Audit mendapati daripada 8,637.29 tan metrik baja yang disyorkan oleh FPSSB hanya 6,737.89 tan metrik (78.0%) baja yang diterima malah baja yang dihantar lewat daripada masa pembajaan sebenar dan jenis baja yang disyorkan. Lawatan Audit ke stor penyimpanan baja di Estet Perdana, Pertama dan Sg. Lokan, Sabah mendapati stor baja tidak mempunyai baja seperti di **Gambar 15.3**. Pembajaan yang tidak teratur boleh mengakibatkan kesihatan pokok terjejas di mana daun menjadi kuning (**Gambar 15.4**), patah dan produktiviti pokok rendah dan boleh menurunkan produktiviti kelapa sawit di estet ini sepertimana yang ditunjukkan oleh prestasi pendapatan ladang yang kian menurun seperti di **Jadual 15.10**. Isu kelemahan pengurusan baja ada dibangkitkan oleh Audit di dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2008, antaranya seperti kelewatan penerimaan, perolehan baja oleh FELCRA dan aktiviti pembajaan di 6 daripada 8 ladang yang dilawati tidak mengikut jadual. Perbandingan pengesyoran baja oleh FPSSB dan baja yang diterima oleh FUESB adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 15.11
PERBANDINGAN KUANTITI DAN JENIS BAJA DITERIMA DENGAN PENGESYORAN

TAHUN	JENIS		KUANTITI	
	DISYORKAN	DITERIMA	DISYORKAN (MT)	DITERIMA (MT)
ESTET PERDANA				
2013	NPK, MOP, Kiesierate, Boron	NPK, MOP	1,705.49	971.50
2012	NPK, MOP, Kiesierate	NPK, MOP, Borate	1,519.19	1,536.00
ESTET SG. LOKAN				
2013	NPK, MOP, Kiesierate, Boron	NPK, MOP, Borate	1,004.70	565.24
2012	NPK, MOP, Kiesierate	NPK, MOP, Borate, Yaramila	943.63	862.85

TAHUN	JENIS		KUANTITI	
	DISYORKAN	DITERIMA	DISYORKAN (MT)	DITERIMA (MT)
ESTET PERTAMA				
2013	NPK, MOP, Kiesierate, Boron	NPK, MOP, Borate	1,748.91	1,083.20
2012	NPK, MOP, Kiesierate, Boron	NPK, MOP, Borate	1,715.37	1,719.10
JUMLAH			8,637.29	6,737.89

Sumber : Pejabat Estet Kelapa Sawit

Nota : MT-Metrik Tan

GAMBAR 15.3



*Estet Perdana, Sabah
- Stor Baja Di Estet Perdana Kosong,
Tiada Simpanan Baja
(26.12.2013)*

GAMBAR 15.4



*Estet Perdana, Sabah
- Daun Kuning Dan Tidak Sihat
(26.12.2013)*

Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 2 Mei 2014

Pengurusan Estet telah menggunakan baja NPK Premium (13:13:21:1.5) dengan kadar 6 kg/pokok/tahun. Pembajaan tambahan sebanyak 1 hingga 1.5 kg/pokok/tahun telah dilaksanakan dengan mengambil kira keperluan sebenar nutrien berdasarkan analisa tanah dan daun. Berdasarkan maklumat di atas, kadar baja yang dibekalkan adalah mencukupi sebagaimana analisa perbandingan penggunaan baja tunggal dan NPK Premium.

Antara langkah langkah-langkah penambahbaikan adalah pembekalan baja mengikut kuantiti yang disyorkan serta menepati jadual penghantaran yang ditetapkan; pengurusan stok adalah mengikut Konsep "FIFO" (First In First Out); penggunaan mekanisasi (fertilizer spreader) dalam penaburan baja di kawasan yang sesuai; kaedah pembajaan secara subsoil dilaksanakan di kawasan berisiko cuaca tidak menentu; menguatkuasakan SOP pengurusan stok baja dan aplikasi penaburan pembajaan.

Pada pendapat Audit, FELCRA perlu memberi penekanan dalam pengawasan sistem pembajaan di estet milik FELCRA memandangkan ia merupakan faktor penting dalam memastikan tumbesaran pokok tidak terbantut dan seterusnya memberi kesan terhadap pengeluaran buah kelapa sawit yang berkualiti.

15.5.3.2. Pengurusan Aktiviti Pemprosesan Buah Kelapa Sawit

Antara aktiviti utama pemprosesan komoditi dan hiliran adalah aktiviti kilang pemprosesan buah kelapa sawit untuk menghasilkan minyak sawit mentah (CPO). 90% peratus buah kelapa sawit yang diterima oleh kilang sawit FELCRA adalah daripada ladang P&P peserta FELCRA. Aktiviti ini mengalami kerugian 3 tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2011, aktiviti mencatat kerugian berjumlah RM0.38 juta di mana 3 daripada 8 buah kilang sawit yang beroperasi mengalami kerugian berjumlah RM12.77 juta. Pada tahun 2012, aktiviti ini juga mengalami kerugian berjumlah RM12.71 juta di mana 5 daripada 8 buah kilang sawit yang beroperasi mengalami kerugian sehingga mencapai RM19.67 juta. Pada tahun 2013, aktiviti ini sekali lagi mengalami kerugian berjumlah RM4.75 juta. Kerugian daripada aktiviti ini memberi kesan kepada penurunan pendapatan syarikat secara keseluruhan pada setiap tahun. Butiran pendapatan kilang sawit pada tahun 2011, 2012 dan 2013 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 15.12
PENDAPATAN KILANG SAWIT PADA TAHUN 2011, 2012 DAN 2013

LOKASI KILANG SAWIT	TAHUN MULA OPERASI	PENDAPATAN (RM Juta)			PERBELANJAAN (RM Juta)			KEUNTUNGAN (RM Juta)		
		2011	2012	2013	2011	2012	2013	2011	2012	2013
Bukit Kepong	1983	127.20	108.12	63.35	124.90	110.13	62.20	2.30	(2.01)	1.16
Jaya Putra	2000	108.11	72.47	25.54	114.26	80.17	34.82	(6.15)	(7.70)	(9.28)
Maran	1992	116.59	88.05	54.58	115.37	87.14	55.29	1.21	0.91	(0.72)
Nasaruddin	1983	112.83	89.23	49.65	111.96	88.82	49.93	0.87	0.42	(0.28)
Samarahan	2007	123.08	33.82	0.00	127.74	36.65	0.00	(4.66)	(2.83)	-
Seberang Perak	1992	155.58	133.98	85.42	147.85	128.34	80.98	7.73	5.63	4.43
Selama	2011	37.43	62.55	4.99	39.39	68.67	7.34	(1.96)	(6.12)	(2.35)
Sungai Melikai	2005	132.54	106.15	73.53	132.26	107.16	71.25	0.28	(1.01)	2.29
JUMLAH		913.36	694.37	357.06	913.73	707.08	361.81	(0.38)	(12.71)	(4.75)

Sumber : Bahagian Perkilangan

Semakan Audit terhadap aktiviti pengurusan kilang sawit mendapati seperti berikut:

a. Kelemahan Aktiviti Pemprosesan Buah Kelapa Sawit

Aktiviti pemprosesan buah kelapa sawit hendaklah diuruskan dengan baik dengan meningkatkan kualiti dan kuantiti CPO yang dihasilkan iaitu dengan memastikan buah kelapa sawit diproses segera dalam tempoh 24 jam dari masa penuaian. Lawatan Audit ke Kilang Sawit Seberang Perak dan Kilang Sawit Nasaruddin, Perak mendapati buah kelapa sawit yang diterima tidak diproses segera dan buah kelapa sawit ini dilonggokkan di ram penurunan buah sehingga menyebabkan buah rosak dan menjadi hitam. Selain itu buah kelapa sawit yang lerai tidak diuruskan dengan baik di mana banyak buah lerai yang diturunkan dari lori digilis lori yang lalu lalang di situ. **Gambar 15.5** dan **15.6** menunjukkan pengurusan buah kelapa sawit yang kurang berkesan.

GAMBAR 15.5



Kilang Sawit Seberang Perak, Perak
- Buah Lerai Yang Turun Dari
Lori Tidak Diproses Segera
(19.11.2013)

GAMBAR 15.6



Kilang Sawit Nasaruddin, Perak
- Buah Kelapa Sawit Tidak
Diproses Segera
(20.11.2013)

Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 2 Mei 2014

Pihak pengurusan FELCRA Berhad telah mengambil langkah penambahbaikan bagi Kumpulan Perkilangan dengan menetapkan plan tindakan kilang seperti berikut:

- a. Memperkemaskan sistem dan struktur pengurusan khususnya dalam aspek pemantauan operasi kilang dengan mewujudkan pegawai pemantau kilang (Mill Controller) seramai 2 orang dengan kekerapan pemeriksaan pemerosesan setiap 2 minggu dan memperkemaskan sistem pelaporan di peringkat ibu Pejabat melalui penghantaran data pemerosesan secara online setiap hari bagi tujuan penilaian prestasi Kumpulan Perkilangan.*
- b. Melaksanakan kaedah jualan hasil kilang yang efisien melalui 2 pendekatan iaitu stock management di mana stok hasil kilang dipantau setiap hari bertujuan mengurangkan risiko perubahan nilai stok yang akan menjejaskan keuntungan kilang; dan mendapatkan maklum balas harga komoditi dari pasaran terbuka melalui jaringan pasaran kilang penapis dan juga pihak ketiga seperti surveyor dan broker yang aktif dalam pasaran.*
- c. Meletak sasaran 90% dan memantau secara bulanan pencapaian (KPI) setiap kilang dan bahagian yang terlibat berdasarkan amalan piawaian industri bermula Januari 2014.*
- d. Pengawasan kos pengurusan kilang dan pentadbiran berpandukan bajet tahunan dan piawaian industri.*

Pada pendapat Audit, pihak pengurusan kilang perlu meningkatkan pemantauan ke atas kakitangan kilang bagi memastikan kawalan pengurusan buah yang diproses lebih berkesan dan dapat meningkatkan produktiviti kilang sawit dan seterusnya meningkatkan hasil pengeluaran FELCRA.

b. Pengurusan Penjualan Kilang Sawit

Kilang sawit adalah penting bagi FELCRA untuk memenuhi keperluan pemprosesan buah kelapa sawit yang dihasilkan oleh ladang milik peserta FELCRA. Semakan Audit terhadap prestasi kewangan kilang sawit mendapati kerugian keseluruhan kilang sawit adalah berjumlah RM0.38 juta, RM12.71 juta dan RM4.75 juta bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 masing-masing. Analisis berikutnya mendapati 4 daripada 7 buah kilang sawit pada tahun 2013 mengalami kerugian berbanding 5 daripada 8 buah kilang sawit pada tahun 2012. Lembaga Pengarah melalui mesyuarat pada tahun 2012 kali ke 124 dan pada tahun 2013 kali ke 134 dan 136 telah memutuskan untuk menjual 3 kilang sawit yang mengalami kerugian iaitu Kilang Sawit Samarahan, Sarawak, Kilang Sawit Jayapura, Pahang dan Kilang Sawit Selama, Perak. Semakan Audit selanjutnya terhadap penjualan Kilang Sawit Selama, Perak dan Samarahan, Sarawak adalah seperti berikut:

i. Penjualan Kilang Sawit Selama, Perak

- Kilang Sawit Selama, Perak yang dibina dengan kos berjumlah RM29.2 juta telah mula beroperasi pada bulan April 2011 dan mencatatkan kerugian berjumlah RM1.96 juta, RM6.12 juta dan RM2.35 juta bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 masing-masing. Mesyuarat Lembaga Pengarah ke 132 pada 17 Januari 2013 telah memutuskan bahawa Kilang Sawit Selama, Perak diberhentikan operasi mulai 1 Februari 2013. Seterusnya melalui mesyuarat Lembaga Pengarah ke 134 pada 11 Mac 2013 memutuskan penjualan kilang sawit tersebut kepada pihak swasta.
- Semakan Audit mendapati pada bulan Jun 2013, kilang tersebut telah dijual kepada syarikat swasta pada harga RM32.5 juta bersama aset/mesin/jentera adalah masih baru dan menggunakan teknologi yang terkini. Kesan daripada penjualan, seramai 50 orang pekerja diberikan notis pemberhentian kerja dan diberikan pampasan oleh FELCRA berjumlah RM66,093. Punca utama kilang ini mengalami kerugian adalah disebabkan oleh kilang beroperasi 4,000 metrik tan buah kelapa sawit sahaja iaitu 30% daripada kapasiti sebenar 12,000 tan metrik sebulan disebabkan kekurangan buah kelapa sawit. Kesukaran mendapatkan buah kelapa sawit untuk diproses disebabkan faktor persaingan di antara kilang sawit berdekatan yang membayar kadar perahan (OER) yang tinggi kepada peladang iaitu pada kadar 19% hingga 25% OER berbanding Kilang Sawit Selama, Perak yang hanya membayar pada kadar purata 19.1% OER. Selain itu, berdasarkan semakan Audit terhadap rekod pengeluaran buah dari 2 kawasan FELCRA terdekat iaitu Pejabat kawasan Sungai



Malau dan Kg. Perlis mendapati purata pengeluaran buah kelapa sawit sebulan hanya 2,794 tan metrik (2011), 2,701.90 tan metrik (2012) dan 2,488.45 tan metrik (2013) iaitu jumlah yang masih tidak mencukupi untuk memenuhi kemampuan pemprosesan Kilang Sawit Selama, Perak. Berikut adalah kilang baja, peralatan mengkukus BTS, *Ram* penerimaan BTS dan *Thilting Slizer* yang dijual bersama kilang tersebut.

GAMBAR 15.7



Kilang Sawit Selama, Perak
- *Kilang Baja Yang Dijual Bersama Kilang Selama*
(21.11.2013)

GAMBAR 15.8



Kilang Sawit Selama, Perak
- *Peralatan Mengkukus Buah Yang Terkini Di Malaysia*
(21.11.2013)

GAMBAR 15.9



Kilang Sawit Selama, Perak
- *Ram Penerimaan Buah Yang Mengurangkan Pembaziran Penerimaan Buah*
(21.11.2013)

GAMBAR 15.10



Kilang Sawit Selama, Perak
- *Thilting Slizer Teknologi Terkini Membawa Buah Ke Mesin Pengkukus Buah*
(21.11.2013)

ii. Penjualan Kilang Sawit Samarahan, Sarawak

- Kilang Sawit Samarahan, Sarawak telah dijual kepada Syarikat Usahasama FELCRA dengan Syarikat Swasta yang diberi nama FELCRA Jaya Samarahan Sdn. Bhd. pada harga RM20 juta pada bulan April 2012. Berdasarkan minit mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 134 antara faktor kerugian kilang sawit adalah disebabkan pengurusan kilang yang lemah kerana Kadar Perahan Minyak (OER) dicapai rendah iaitu purata 18.9% berbanding unjuran 19.8% dan purata kadar perahan isi sawit (KER) juga rendah iaitu pada 3.9% berbanding 4.0% unjuran. Melalui mesyuarat tersebut juga, Lembaga pengarah bersetuju atas pengesyoran penjualan kilang sawit ini kepada FELCRA Jaya Samarahan Sdn. Bhd. dan melabur dalam

syarikat Usahasama itu sebanyak RM6 juta serta mengeluarkan modal berjumlah RM900,000 sebagai modal operasi kilang tersebut dengan justifikasi seperti berikut:

- Harga tawaran pembelian kilang sawit pada harga RM20 juta adalah munasabah.
 - Syarikat swasta bersetuju untuk memberikan saham percuma bernilai RM2.5 juta kepada FELCRA bagi cadangan usaha sama dalam pembinaan kilang sawit baru di Mukah Sarawak.
 - Syarikat usaha sama komited untuk memberikan pulangan minimum RM1.5 juta setahun atau 30% daripada keuntungan syarikat usaha sama ini yang mana lebih tinggi.
 - Konsep usaha sama ini dilihat satu strategi pengukuhan operasi kilang kerana rakan kongsi lebih berpengalaman dalam pembelian dan pemasaran buah kelapa sawit.
 - Syarikat usaha sama bersedia untuk memberi latihan kepada staff FELCRA dalam bidang pengurusan, kepakaran teknikal, teknologi ICT dan hal ehwal pengendalian kilang sawit.
- Akibat daripada penjualan 3 kilang sawit baru, FELCRA perlu menyenggara 5 buah kilang sawit lama yang masih beroperasi yang berusia antara 9 hingga 31 tahun. Analisis Audit selanjutnya mendapati FELCRA membelanjakan sejumlah RM2.25 juta, RM8.11 juta dan RM1.35 juta bagi kos penyenggaraan dan naik taraf bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 masing-masing. Lawatan Audit ke Kilang Sawit Nasaruddin, Perak yang telah beroperasi selama 31 tahun mendapati keadaan kilang tidak memuaskan di mana banyak paip yang telah bocor seperti **Gambar 15.11** hingga **15.14**. Butiran kos naik taraf/penyenggaraan kilang sawit bagi tempoh tahun 2011,2012 dan 2013 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 15.13
KOS NAIK TARAF/PENYENGGARAAN KILANG SAWIT
BAGI TEMPOH TAHUN 2011 HINGGA 2013

LOKASI KILANG SAWIT	TAHUN MULA OPERASI	TEMPOH OPERASI (TAHUN)	KOS NAIK TARAF/ PENYENGGARAAN (RM)			JUMLAH (RM)
			2011	2012	2013	
Bukit Kepong	1983	31	872,600	1,812,900	43,000	2,728,500
Maran	1992	22	86,000	2,620,500	424,487	3,130,987
Nasaruddin	1983	31	243,200	3,674,326	438,800	4,356,326
Seberang Perak	1992	22	432,100	-	439,472	871,572
Sungai Melikai	2005	9	613,400	-	-	613,400
JUMLAH			2,247,300	8,107,726	1,345,759	11,700,785

Sumber : Bahagian Perkilangan

GAMBAR 15.11



*Kilang Sawit Nasaruddin, Perak
- Peralatan Yang Memerlukan Penyelenggaraan
(20.11.2013)*

GAMBAR 15.12



*Kilang Sawit Nasaruddin, Perak
- Keadaan Kilang Yang Berkarat
(20.11.2013)*

GAMBAR 15.13



*Kilang Sawit Nasaruddin, Perak
-Sistem Pengangkutan Buah Yang Lama
(20.11.2013)*

GAMBAR 15.14



*Kilang Sawit Nasaruddin, Perak
-Paip Yang Bocor Ditutup Dengan Atap
(20.11.2013)*

Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 2 Mei 2014 dan 7 Mei 2014

Rasional penjualan Kilang Sawit Felcra Berhad Selama adalah kerana kilang telah mengalami kerugian semenjak memulakan operasi dari tahun 2011 sehingga awal 2013 sebanyak RM12.13 juta. Punca-punca yang menyebabkan kerugian adalah seperti berikut:

- a. Kekurangan bekalan buah tandan segar berbanding keperluan sebenar iaitu sebanyak 144,000 mt setahun berbanding bekalan sebenar yang diterima. Break-even bekalan BTS yang diperlukan adalah sebanyak 10,000 mt sebulan.*
- b. Persaingan untuk mendapat bekalan buah tandan segar dari pihak luar (kilang berdekatan) amat mencabar dan tawaran.*

Keputusan yang dibuat oleh pihak pengurusan menjual kilang adalah untuk mengelakkan kerugian berterusan.

Rasional usahasama Kilang Sawit Felcra Berhad Samarahan adalah kerana kilang telah mengalami kerugian sebanyak RM18.35 juta semenjak memulakan operasi pada tahun 2007 sehingga bulan April 2012. Punca-punca kerugian adalah disebabkan;

- a. Bekalan buah tandan segar yang tidak mencukupi berbanding keperluan sebenar iaitu 216,000MT setahun.*
- b. Kadar perahan (OER) yang dicapai adalah rendah iaitu 18.88% berbanding yang dibayar 19.75%.*

Keputusan yang dibuat oleh pengurusan tertinggi untuk menguruskan kilang secara usaha sama adalah untuk mengelakkan kerugian berterusan kepada Felcra Berhad. Langkah usaha sama dapat memberi pulangan minima RM1.5 juta setahun atau 30% daripada keuntungan.

Pihak pengurusan kilang telah memperkemaskan aktiviti pemasaran melalui kerjasama dengan pengeluar/pembekal buah luar dengan strategi seperti memberi insentif penghantaran buah lerai ke kilang FELCRA yang kompetitif; memberi insentif/subsidi pengangkutan kepada pembekal buah tandan segar; dan memberi lebih peluang kepada pembekal kecil-kecilan dengan tawaran kadar perahan yang baik.

Kumpulan Perkilangan telah membelanjakan sebanyak RM11.70 juta untuk kos penyelenggaraan dan naik taraf bagi tempoh 2011 hingga 2013. Kos penyelenggaraan dan naiktaraf yang dilaksanakan dalam tahun 2012 berjumlah RM8.11 juta tersebut terdiri daripada:

- a. Perbelanjaan selenggara biasa (Preventive Maintenance) secara berkala.*
- b. Perbelanjaan modal bagi menaiktaraf peralatan utama kilang.*

Pecahan Belanja modal dan kos penyelenggaraan bagi tahun 2012 mengikut kilang adalah seperti berikut:

KILANG	KOS PENYELENGGARAAN (RM)	KOS NAIK TARAF (RM)	JUMLAH (RM)
Bukit Kepong	471,480	1,341,030	1,812,900
Maran	147,500	2,473,000	2,620,500
Nasarudin	504,200	3,170,126	3,674,726
JUMLAH	1,123,180	6,984,126	8,107,726

Perbelanjaan modal bagi menaik taraf adalah melibatkan peralatan utama yang tidak diganti sejak mula beroperasi di kilang:

- a. Bukit Kepong - Kerja pembekalan dan pemasangan turbine, press dan sterilizer.*
- b. Nasarudin - Kerja pembekalan dan pemasangan boiler.*
- c. Maran - Kerja pembekalan dan pemasangan boiler dan turbine.*

Perbelanjaan tersebut perlu dilaksanakan bagi memastikan operasi kilang berjalan lancar dan optimum juga keselamatan kilang secara keseluruhan.

Pada pendapat Audit, FELCRA sepatutnya mengkaji dengan lebih mendalam asas dan justifikasi penjualan kilang sawit yang baru dibina. Walaupun penjualan kilang sawit mendapat keuntungan, namun dari segi jangka panjang, objektif pembinaan kilang sawit untuk memenuhi

keperluan pemprosesan buah kelapa sawit di ladang peserta FELCRA tidak tercapai. Selain itu, aktiviti pemasaran yang lebih baik perlu dilakukan supaya dapat menarik peladang yang bukan dari ladang peserta FELCRA.

15.5.4. Pengurusan Aktiviti Tanggungjawab Sosial

Program Tanggungjawab Sosial yang dilaksanakan dibiayai melalui sumber pinjaman (soft loan) daripada Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) dan sumber dalaman iaitu dari tabung penanaman semula. Pinjaman ini dikenakan kadar faedah sebanyak 4% setahun oleh Kerajaan dan caj pengurusan 6.5% serta bayaran khidmat pemasaran oleh FELCRA. Sejak pengkorporatan, FELCRA telah mengisytiharkan dividen berjumlah RM4.8 bilion untuk dibayar kepada peserta. Di samping itu, FELCRA juga menerima geran berbentuk Wang Amanah daripada KKLW berjumlah RM1.47 bilion, RM461.74 juta dan RM245.29 juta bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 masing-masing bagi Projek Pembinaan Jalan Desa, Projek Pembinaan dan Baik Pulih Rumah, Program Pembangunan Masyarakat, Program Agropolitan dan Program Ekonomi Desa. Semakan terhadap program aktiviti tanggungjawab sosial yang dipilih mendapati seperti perkara berikut:

15.5.4.1. Program Penyatuan dan Pemulihan Tanah Tidak Mencapai Sasaran

- a. Secara keseluruhannya daripada peruntukan berjumlah RM693.54 juta bagi tahun 2011 hingga 2013, FELCRA hanya membelanjakan sejumlah RM506.17 juta (72.98%) untuk membolehkan FELCRA melaksanakan program penyatuan dan pemulihan tanah (P&P). Sejumlah RM437.03 juta (75.1%) daripada RM581.73 juta peruntukan/pinjaman Kerajaan telah dibelanjakan. Manakala sejumlah RM69.14 juta (61.8%) telah dibelanjakan daripada peruntukan sumber kewangan dalaman yang berjumlah RM111.81 juta. Semakan Audit mendapati jumlah perbelanjaan bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 adalah kurang daripada 80% berbanding jumlah peruntukan sedia ada. Ini disebabkan terdapat aktiviti yang tidak dapat dilaksanakan sebagaimana yang telah dirancang. Selain itu, sebahagian daripada aktiviti yang dijalankan adalah merupakan kerjasama FELCRA dengan syarikat/agensi yang memberi sumbangan kewangan di dalam aktiviti yang dijalankan. Butiran peruntukan dan perbelanjaan program FELCRA untuk tempoh tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 15.14
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROGRAM FELCRA
BAGI TEMPOH TAHUN 2011 HINGGA 2013

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)			PERBELANJAAN (RM Juta)			PERATUS PERBELANJAAN (%)		
	KKLW/ PINJAMAN	SUMBER DALAMAN	JUMLAH (RM)	KKLW/ PINJAMAN	SUMBER DALAMAN	JUMLAH (RM)	KKLW/ PINJAMAN	SUMBER DALAMAN	JUMLAH
2011	210.76	43.07	253.83	208.96	28.58	237.54	99.2	66.4	99.6
2012	126.76	39.73	166.49	123.60	22.00	145.60	97.5	55.4	87.5
2013	244.21	29.01	273.22	104.47	18.56	123.03	42.8	64.0	45.0
JUMLAH	581.73	111.81	693.54	437.03	69.14	506.17	75.2	61.8	73.0

*Sumber : Mengikut Penyata Kewangan Tahun 2011 Dan 2012 Yang Telah Diaudit.
 Penyata Kewangan Tahun 2013 Masih Belum Diaudit*

- b. Dalam RMKe-10 FELCRA telah menetapkan sasaran memajukan seluas 15,000 hektar projek baru di bawah Program Penyatuan Dan Pemulihan. Manakala Bahagian Perancangan Projek telah menetapkan sasaran keluasan projek pembangunan P&P baru seluas 9,000 hektar untuk 3 tahun iaitu tahun 2011, 2012 dan 2013. Bagi tahun 2011, sebanyak 11 buah projek dengan keluasan 2,219.81 hektar telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah (73.99%) daripada sasaran 3,000 hektar. Tahun 2012 dengan 11 buah projek seluas 2,946.23 hektar (98.21%) daripada sasaran 3,000 hektar. Tetapi pada tahun 2013 pencapaian menyusut kepada 1,278.41 hektar (42.61%) daripada sasaran 3,000 hektar. Antara sebab sasaran tidak dicapai kerana masalah pencerobohan, penyelesaian kes pencerobohan dan tuntutan oleh masyarakat setempat.

15.5.4.2. Prestasi Penanaman Semula Tidak Mencapai Sasaran

- a. Berdasarkan SOP tempoh yang sesuai bagi penanaman semula kelapa sawit adalah apabila tahun berhasil melebihi 20 tahun, dirian pokok/hektar kurang dari 100 pokok dan hasil setahun kurang dari 13 tan metrik/hektar. Ini bagi memastikan aktiviti perladangan kelapa sawit masih produktif dan ekonomik untuk dilaksanakan. Dalam RMKe-10 FELCRA telah menetapkan sasaran memajukan seluas 50,000 hektar bagi projek di bawah Program Penanaman Semula.
- b. Semakan Audit mendapati bilangan projek penanaman semula tidak mencapai sasaran di mana daripada 138 projek yang dirancang sepanjang tahun 2011 hingga 2013 sebanyak 93 projek (67.4%) dilaksanakan. Peserta yang terlibat adalah seramai 9,046 orang (54.82%) berbanding seramai 16,502 peserta yang disasar. Bagaimanapun keluasan penanaman semula adalah 22,532 hektar (103.4%) berbanding 21,801 hektar yang dirancang. Keseluruhan kos penanaman semula projek pemulihan dan pembangunan menelan belanja sejumlah RM446.91 juta bagi tempoh 2011 hingga 2013. Status pelaksanaan program penanaman semula bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti berikut:



JADUAL 15.15
STATUS PELAKSANAAN PROGRAM PENANAMAN SEMULA
PADA TAHUN 2011 HINGGA 2013

BUTIRAN	2011			2012			2013		
	RANCANG	LAKSANA/ LULUS	(%)	RANCANG	LAKSANA/ LULUS	(%)	RANCANG	LAKSANA/ LULUS	(%)
Bilangan Projek	42	14	33.3	37	39	105.4	59	40	67.8
Bilangan Peserta	4,279	820	19.2	4,426	3,361	75.9	7,797	4,865	62.4
Luas (Hektar)	4,998	1,712	34.3	6,797	9,161	134.8	10,006	11,659	116.5
Kos Tanam Semula (RM Juta)	34.08			173.26			239.57		

Sumber : Bahagian Perancangan Projek

- c. Antara sebab FELCRA tidak dapat melaksanakan penanaman semula kerana kesukaran mendapat persetujuan daripada peserta bagi tujuan penanaman semula. Antara masalah yang dihadapi adalah peserta keluar, peserta meninggal dunia dan kesukaran mendapatkan persetujuan semua waris peserta. Penanaman semula yang tidak dapat dilaksanakan akan menyebabkan tanah menjadi terbiar kerana tidak ekonomi untuk diuruskan. Bilangan pokok per hektar semakin menurun, hasil semakin menurun, pokok sawit semakin tinggi dan sukar dituai. Tanah peserta akan kembali terbiar dan peserta tidak mendapat manfaat dividen daripada projek.

Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 7 Mei 2014

Jumlah pencapaian projek penyatuan dan pemulihan tanah bagi tahun 2011 hingga 2014 adalah sebanyak 10,874.97 hektar (90.62%) berbanding sasaran 12,000 hektar. Manakala bagi program penanaman semula, jumlah pencapaian bagi tahun 2011 hingga bulan April 2014 adalah sebanyak 34,730.93 hektar (48.35%) berbanding 71,831.96 hektar yang disasarkan sehingga tahun 2015.

Kemajuan sebenar pelaksanaan projek sambungan P&P dan Tanam Semula bagi tahun 2011 dan 2012 sehingga tahun 2013 adalah mencapai sasaran yang ditetapkan seperti di jadual berikut:

PROJEK	TAHUN 2011				TAHUN 2012			
	SASARAN		PENCAPAIAN		SASARAN		PENCAPAIAN	
	BIL. LADANG	LUAS (Hektar)	BIL. LADANG	LUAS (Hektar)	BIL. LADANG	LUAS (Hektar)	BIL. LADANG	LUAS (Hektar)
Penyatuan dan Pemulihan Tanah	107	23,819	122	27,376	102	24,473	100	23,940
Tanam Semula	86	17,900	88	18,395	90	18,979	90	18,979
JUMLAH	193	41,719	210	45,771	192	43,452	190	42,919

Pada pendapat Audit, pencapaian program penyatuan dan pemulihan dan penanaman semula adalah baik bagi tahun 2011 dan 2012. Bagaimanapun penyusutan prestasi bagi tahun 2013 perlu diberi penekanan bagi memastikan objektif Kerajaan memajukan tanah terbiar dapat dicapai.

15.5.4.3. Pengurusan Ladang Kelapa Sawit

a. Penanaman Di Kawasan Tanah Yang Kurang Sesuai

- i. SOP menyatakan adalah menjadi polisi syarikat untuk memastikan pembangunan ladang baru mestilah melalui proses perancangan yang rapi supaya ladang-ladang berdaya maju dan berproduktiviti tinggi. Lawatan Audit ke Perak, Sarawak dan Johor mendapati daripada 47 projek yang dilawati 17 projek mempunyai tanah yang tidak sesuai ditanam kelapa sawit seperti tanah jenis gambut dan menyebabkan pokok tumbang (**Gambar 15.15**). Aktiviti penuaian sukar dilaksanakan kerana jentera pembawa buah tidak dapat masuk ke lorong tuaian dan pekerja perlu mengambil buah dengan membawa bakul (**Gambar 15.16**) yang merumitkan dan memakan masa. Pemantauan yang lebih rapi juga perlu dilakukan oleh pengurus ladang ke atas mendapan tanah gambut dengan pemasangan alat pengukur mendapan (**Gambar 15.17**) bagi memastikan tahap mendapan terkawal dan pokok sawit tidak tenggelam terlalu dalam (**Gambar 15.18**). Kesannya pembangunan tanah gambut telah meningkatkan kos pembangunan ladang, meningkatkan kos operasi, meningkatkan kos pinjaman, projek lewat mendatangkan hasil dan dividen juga akan lewat diterima peserta.

GAMBAR 15.15



*Projek Nasaruddin 5, Perak
- Pokok Tumbang Kerana Akar Pokok Tidak Dapat
Memegang Tanah (Hasil Kurang)
(20.11.2013)*

GAMBAR 15.16



*Projek Kampung Igan 5, Mukah, Sarawak
- Buah Terpaksa Diangkut Menggunakan Bakul
(Melambatkan Proses Menuai Buah)
(27.12.2013)*

GAMBAR 15.17

Projek Batang Lupar, Sarawak
 - Alat Yang Digunakan Bagi Mengukur Tanah Mendap
 (Meningkatkan Kos Operasi Dan Pembangunan Tanah)
 (26.11.2013)

GAMBAR 15.18

Projek Batang Lupar, Sarawak
 - Pokok Sawit Tenggelam Ke Dalam Tanah
 (Kesukaran Menuai Hasil Kelapa Sawit)
 (27.12.2013)

- ii. Selain itu, Lawatan Audit ke 12 projek di FELCRA Nasaruddin Perak mendapati satu projek ditenggelami air. Berdasarkan temu bual Audit bersama pengurus ladang, banjir yang berlaku lebih bersifat bermusim yang biasanya berlaku ketika musim hujan lebat. Namun begitu, kawasan yang sering mengalami banjir akan menyukarkan kerja penanaman benih sawit, pembajaan, tuaian dan penyenggaraan pelepah. Keadaan kawasan projek yang banjir adalah seperti yang ditunjukkan oleh gambar berikut:

GAMBAR 15.19

Ladang Sawit Nasaruddin, Perak
 - Pokok Kelapa Sawit Ditanam Di Kawasan
 Yang Ditenggelami Banjir
 (20.11.2013)

GAMBAR 15.20

Ladang Sawit Nasaruddin, Perak
 - Sistem Perparitan Tidak Teratur
 Menyebabkan Kawasan Menjadi Banjir
 (20.11.2013)

- iii. Masalah kesesuaian tanah untuk penanaman kelapa sawit sering menjadi masalah kepada pihak FELCRA. Oleh kerana objektif penubuhan dan obligasi sosial utama FELCRA adalah untuk penyatuan dan pemulihan tanah terbiar menjadi tanah komersil, maka projek penanaman kelapa sawit masih juga diteruskan walaupun tanah tidak sesuai, melibatkan kos yang tinggi dan memberikan pulangan yang rendah. Semakan Audit juga mendapati walaupun tanah gambut adalah tidak sesuai, pihak FELCRA tetap menyediakan SOP bagi penanaman kelapa sawit di kawasan tanah gambut dan SOP ini dipatuhi oleh pengurus ladang.

Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 2 Mei 2014 dan 7 Mei 2014

Kebanyakan tanah-tanah terbiar yang dibangunkan adalah tanah yang marginal iaitu berbukit, berpaya dan berhampiran sungai serta gambut dalam. Di samping itu, penetapan tanah-tanah yang hendak dibangunkan adalah ditentukan oleh pemilik sendiri dan juga Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, Pengurusan telah melaksanakan amalan pembangunan tanah yang bersesuaian dan terbaik di samping mengamalkan konsep sistem saham bagi memaksimumkan pulangan kepada peserta. Sebagai memenuhi tuntutan tanggungjawab sosial diluar bandar, FELCRA Berhad bersedia untuk membangunkan tanah-tanah bersifat marginal namun memerlukan sumber peruntukan geran bagi menampung sebahagian kos pembangunan ladang yang tinggi terutamanya aspek infra ladang. Sekiranya peruntukan geran tidak diperolehi, maka Pengurusan akan mengambil langkah lebih selektif dalam memilih tanah-tanah yang akan dimajukan pada masa hadapan.

Langkah-langkah penambahbaikan adalah seperti berikut:

- a. Kerja-kerja mencuci dan mendalamkan parit dilaksanakan secara berkala di semua ladang-ladang FELCRA.*
- b. Memeruntukkan bajet setiap tahun untuk penyelenggaraan infra ladang.*
- c. Bekerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS).*
- d. Agihan geran peruntukan pemulihan banjir kepada projek-projek yang memerlukan di antara RM11 hingga RM12 juta per tahun.*

Pada pendapat Audit, kesungguhan FELCRA dalam membangunkan tanah yang terbiar milik peserta patut dihargai. Bagaimanapun, pihak Audit mengesyorkan sebelum projek ditentukan dan jenis tanaman dilaksanakan dengan menyeluruh, kajian terhadap tanah dan aktiviti pemulihan tanah serta perancangan sistem perparitan yang teratur perlu dilaksanakan bagi memastikan kejayaan projek.

b. Kelemahan Pengurusan Penuaian Buah

Aktiviti penuaian buah kelapa sawit hendaklah dilaksanakan dengan cekap, tepat pada masanya dengan menghasilkan buah tandan segar (BTS) yang berkualiti tinggi iaitu mengandungi 90% tandan masak dan tidak lebih 10% tandan mengkal; kurang 5% tandan tangkai panjang; dan tiada jenis tandan-tandan lain. Berdasarkan semakan Audit pada borang pengredan di kilang mendapati BTS yang dituai di ladang FELCRA Nassaruddin, Perak, FELCRA Batu 15, Mersing dan Pagoh 3, Johor tidak berkualiti kerana terdapat kes tandan kosong, tandan lama serta lebih peratus tandan mengkal dan tangkai panjang. Daripada 10 sampel nota penghantaran FELCRA Nasaruddin terdapat 5 (50%) kes penolakan tandan mengkal, 10 (100%) kes tandan



kosong, 8 (80%) kes tandan tangkai panjang, 4 (40%) kes tandan lama. Bagi FELCRA Batu 15, Mersing, Johor, daripada 10 nota penghantaran, terdapat 10 (100%) kes tandan mengkal, 8 (80%) kes tandan tangkai panjang dan 4 (40%) tandan lama. Di FELCRA Pagoh 3, Johor, daripada 10 nota hantaran, terdapat 10 (100%) kes tandan mengkal, dan 10 (100%) kes tandan tangkai panjang. Manakala di FELCRA Sungai Sui, Sarawak, semakan tidak dapat dilaksanakan kerana borang grader tidak disertakan bersama nota hantaran. Kes penolakan yang paling banyak adalah tandan mengkal dan tandan panjang dipercayai disebabkan sistem pembayaran upah kepada pekerja dibuat berdasarkan berat buah yang dituai. Maklumat nota hantaran dan borang penolakan oleh Grader di kilang yang dilawati adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 15.16
PENOLAKAN OLEH GRADER KE ATAS BUAH KELAPA SAWIT
YANG BERKUALITI RENDAH

LADANG	BIL. SAMPEL HANTARAN	BIL. KES PENOLAKAN TANDAN			
		MENGKAL	KOSONG	TANGKAI PANJANG	LAMA
Nasaruddin 5,6,9,10, Perak	10	5	10	8	4
Batu 15, Mersing, Johor	10	10	-	8	4
Pagoh 3, Johor	10	10	-	10	-
JUMLAH	30	25	10	26	8

Sumber : Nota Hantaran Di Pejabat Wilayah

Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 2 Mei 2014

FELCRA Berhad telah menyediakan SOP untuk tanaman sawit, getah dan padi sebagai garis panduan kepada Pengurusan Perladangan dan telah dikuatkuasakan bermula tahun 2008. Bagi memastikan penuaian buah tandan segar dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan, SOP tanaman sawit sebagaimana di bawah telah dikuatkuasakan. Surat arahan pelaksanaan penguatkuasaan disiplin pengeluaran hasil berasaskan SOP yang ditetapkan telah dikeluarkan kepada semua Pengurusan Wilayah pada 22 April 2014 dan berkuat kuasa serta merta.

Langkah-langkah penambahbaikan adalah seperti berikut:

- a. Surat arahan menguatkuasakan pelaksanaan pre grading buah tandan segar oleh mandur hasil telah dikeluarkan pada 22 April 2014 dan berkuat kuasa serta merta.*
- b. Melaksanakan spot check secara berkala oleh Pengurusan Wilayah dan Ibu Pejabat serta menguatkuasakan pelaksanaan sistem insentif dan denda.*
- c. Surat peringatan kepada Pengurusan Kawasan terhadap kualiti buah tandan segar yang dikeluarkan.*
- d. Peringatan harian kepada penuai melalui roll - call pagi.*

e. Melaksanakan transformasi pengurusan ladang dengan mengasingkan tugas perladangan dan tugas sosial di peringkat Kawasan.

Pada pendapat Audit pengurus ladang hendaklah memantau aktiviti penuaian yang dilaksanakan oleh penuai di ladang dengan lebih rapi bagi memastikan aktiviti ini dilaksanakan dengan teratur dan tidak merugikan peserta FELCRA.

c. Kelemahan Kawalan Pengurusan Penghantaran Buah Kelapa Sawit

- i. Pengurus ladang hendaklah memastikan kesemua hasil dapat dihantar ke kilang dengan selamat dalam tempoh 24 jam selepas dituai. Kawalan yang perlu dilaksanakan adalah membina *Boom Gate* disetiap jalan masuk, parit sempadan, dan alat penimbang (*weightbridge*); menghadkan masa pengeluaran buah, merekodkan maklumat penghantaran dan menggunakan *seal* keselamatan pada lori. Semakan Audit di 5 ladang mendapati 30 (60%) daripada 50 nota hantaran tidak diisi dengan lengkap seperti butiran masa buah keluar dari ladang, berat buah/bilangan tandan, nombor *seal* dan maklumat penerima tidak dicatatkan dalam nota hantaran. Lawatan Audit juga mendapati tiada alat penimbang disediakan di ladang bagi melaksanakan penimbangan kenderaan/lori. Kelemahan kawalan penghantaran ini mendedahkan kepada risiko kehilangan buah kelapa sawit dan kelewatan penghantaran BTS ke kilang. Senarai nota hantaran yang tidak diisi dengan lengkap adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 15.17
NOTA HANTARAN TIDAK DIISI DENGAN LENGKAP**

LADANG	BIL. SAMPEL NOTA HANTARAN	DENGAN BILANGAN KES TIDAK LENGKAP			
		MASA	BERAT BUAH / BIL. TANDAN	NO. SEAL	TANDA TANGAN PENERIMA
Batu 15, Johor	10	3	-	3	1
Sungai Melikai 4, Johor	10	3	3	3	-
Sungai Ambat 2, Johor	10	-	4	4	-
Nasaruddin Belia P.K.T Perak	10	7	10	10	10
Igan Jaya & Sungai Sui, Sarawak	10	10	3	10	-

Sumber : Nota Hantaran Di Pejabat Wilayah

- ii. Lawatan Audit di Kilang Sawit Samarahan, Sarawak, Kilang Sawit Seberang Perak dan Nasaruddin, Perak yang menerima buah dari Ladang FELCRA Seberang Perak dan FELCRA Nasaruddin mendapati lori penghantar BTS tidak ditutup dengan jaring dan tag keselamatan tidak digunakan. Selain itu, pemandu lori warganegara asing yang ditemu

bual tidak mempunyai lesen memandu. Lori yang tidak ditutup dengan jaring dan tiada tag keselamatan adalah seperti ditunjukkan dalam gambar berikut:

GAMBAR 15.21



*Kilang Sawit Seberang Perak, Perak
- Lori Tidak Ditutup Dengan Jaring Dan Tag
Keselamatan Tidak Digunakan Sebelum
Dihantar Ke Kilang
(18.11.2013)*

GAMBAR 15.22



*Kilang Sawit Nasaruddin, Perak
- Lori Tidak Ditutup Dengan Jaring Dan Tag
Keselamatan Tidak Digunakan Sebelum
Dihantar Ke Kilang
(20.11.2013)*

Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 2 Mei 2014

SOP telah menetapkan bahawa semua penghantaran BTS ke kilang sama ada ke kilang FELCRA Berhad atau kilang pihak ketiga atau pembeli buah tandan perlu memasang seal dan jaring pada lori pengangkutan. Surat arahan pelaksanaan penguatkuasaan disiplin pengeluaran hasil berasaskan SOP yang ditetapkan telah dikeluarkan kepada semua Pengurusan Wilayah pada 22 April 2014 dan berkuat kuasa serta merta.

Bagi meningkatkan keselamatan semasa penghantaran hasil, pengurusan telah merancang beberapa langkah sebagaimana berikut:

- a. Mengeluarkan surat arahan menguatkuasakan penggunaan seal dan jaring di semua ladang-ladang FELCRA Berhad termasuk ladang-ladang yang berhampiran dengan kilang mulai 22 April 2014 dan berkuat kuasa serta merta.*
- b. Menyemak semula SOP dan mengemas kini peraturan-peraturan penghantaran buah tandan segar ke kilang atau pembeli terutamanya dalam pengendalian Nota Hantaran buah tandan segar.*
- c. Penguatkuasaan denda dan tindakan tatatertib.*

Pada pendapat Audit, kawalan penghantaran BTS melalui penggunaan nota hantaran, jaring dan tag keselamatan sangat penting dan perlu dikuatkuasakan bagi memastikan BTS sampai di kilang dalam masa yang ditetapkan dan risiko kehilangan BTS dapat dielakkan.

15.5.4.4. Pengurusan Penyampaian Dividen Kepada Peserta

- a. Dividen merupakan imbuhan yang akan dibayar kepada peserta berdasarkan keuntungan hasil ladang kelapa sawit daripada program P&P dan tanam semula mengikut keluasan tanah peserta. Semakan Audit mendapati daripada sejumlah RM1.56 bilion dividen yang diisytihar bagi tahun 2011 hingga 2013, sejumlah RM82.89 juta (5.32%) dividen tidak dapat diserahkan kepada peserta antaranya disebabkan peserta tidak dapat dikesan, tiada nombor akaun, peserta telah meninggal dunia dan belum membuat perubahan kuasa hak atas tanah. Lawatan Audit ke Ibu Pejabat Wilayah Perak mendapati tindakan penyelesaian seperti menguruskan proses pertukaran kuasa ada dilaksanakan. Butiran jumlah dividen yang tidak dapat diserahkan mengikut negeri adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 15.18
DIVIDEN YANG TIDAK DAPAT DISERAHKAN KEPADA PESERTA

NEGERI	TAHUN			JUMLAH (RM Juta)
	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	
Perak	5.92	7.88	2.87	16.67
Selangor	1.26	0.62	0.44	2.32
Kedah	0.16	0.34	0.22	0.73
Pahang	7.86	9.31	7.09	24.26
Negeri Sembilan	3.32	4.29	1.50	9.11
Johor	2.70	7.72	2.57	12.99
Melaka	0.63	2.44	0.90	3.97
Terengganu	0.99	6.32	0.80	8.10
Kelantan	0.41	0.88	0.29	1.58
Sarawak	0.41	0.53	0.29	1.23
Penang	0.17	0.26	0.26	0.69
Sabah	0.60	0.14	0.42	1.16
Perlis	0.00	0.07	0.001	0.08
JUMLAH	24.43	40.80	17.65	82.89

Sumber : Bahagian Pengurusan Peserta

- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati jumlah dividen yang belum diserahkan kepada peserta di Negeri Sabah adalah berbeza dengan jumlah di Ibu Pejabat FELCRA. Jumlah dividen yang masih belum diserahkan kepada peserta bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 di Negeri Sabah adalah berjumlah RM5.10 juta manakala jumlah dividen yang dinyatakan oleh ibu pejabat FELCRA berjumlah RM1.16 juta, terdapat perbezaan berjumlah RM3.94 juta.

Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 2 Mei 2014 Dan 7 Mei 2014

Berikut dinyatakan baki dividen belum agih mengikut tahun 2011, 2012 dan 2013 yang diselesaikan sehingga bulan Mac tahun berikutnya adalah RM1.87 juta, RM27.13 juta dan RM3.10 juta masing-masing menjadikan jumlah baki dividen belum diagih adalah sejumlah RM32.10 juta.

Antara tindakan penambahbaikan bagi kes luar kawalan adalah membuat carian nama di Pejabat Tanah dan Daerah; semakan di Jabatan Pendaftaran Negara; penambahbaikan perjanjian; mengiklankan di portal FELCRA Berhad; dan membuat notis pemakluman di papan kenyataan di Pejabat Tanah Dan Daerah serta Pejabat Penghulu. Bagi kes dalam kawalan, antara langkah yang diambil adalah menjurnalkan dividen atas lot-lot kosong; melunaskan baki hutang kos pembangunan bagi lot-lot peserta yang menarik diri; mengagihkan dividen yang tidak diagih kepada pembeli yang telah sah menjadi peserta; dan mengaturkan kerjasama dengan pihak bank menemukan pihak peserta untuk membuka akaun bank dan seterusnya agihan dividen dapat dilaksanakan secara online. Sebuah jawatankuasa yang diketuai oleh seorang lembaga pengarah telah dibentuk oleh lembaga pengarah untuk menyelesaikan masalah dividen tidak dituntut.

Laporan Dividen Tertunggak Wilayah Sabah Tahun 2011, 2012 dan 2013 adalah RM2.29 juta, RM2.70 juta dan RM0.10 juta menjadikan jumlah keseluruhan RM5.10 juta. Dividen tertunggak ini dipecahkan kepada dividen tidak diagih berjumlah RM1.16 juta dan dividen ditangguh sementara berjumlah RM3.94 juta iaitu perbezaan yang dinyatakan. Dividen yang ditangguh sementara pembayarannya yang berjumlah RM3.94 juta di Negeri Sabah adalah terhasil daripada projek-projek berstatus P.T iaitu Permohonan Tanah Kerajaan yang didaftarkan di Pejabat Tanah dan Ukur dan RSP iaitu Registered Survering Paper bermaksud surat arahan pengukuran tanah kepada permohonan daripada Pejabat Tanah dan Ukur untuk pengeluaran deraf suratan hak milik (geran). Jumlah dividen ditangguh sementara ini telah diasingkan iaitu jumlah yang diperakukan bagi kes tanah P.T dan RSP. Peserta-peserta di projek berstatus P.T dan RSP adalah bertaraf belum sah dan belum layak dibayar dividen atas sebarang kemungkinan yang dijanakan. Tindakan pembayaran akan segera dibuat setelah status pemilikan tanah peserta terlibat telah diperakukan oleh Pejabat Tanah. Tempoh pelaksanaan penyelesaian dividen ditangguhkan dijangka selesai dalam tempoh 1 bulan selepas mendapat pengesahan status pemilikan dari Pejabat Tanah.

Pada pendapat Audit, pihak FELCRA perlu lebih serius dengan tindakan yang lebih proaktif bagi menangani masalah penyerahan dividen kerana ia memberi kesan negatif kepada imej FELCRA dan Kerajaan.

15.5.4.5. Kelemahan Projek Pembaikan Rumah

Pada tahun 2012, sebanyak 1,540 projek baik pulih rumah diluluskan di Negeri Sabah oleh KKLW di bawah Projek Bantuan Rumah 2012 dengan peruntukan berjumlah RM3.05 juta. Sehingga 21 Oktober 2013 sebanyak 1,469 projek (100%) telah siap sepenuhnya, 58 Projek (90%-99%) siap dan 13 projek (75%-89%) siap. Berdasarkan Garis Panduan PBR (RMKe-10) KKLW Bil. 1/2012, kadar maksima kos bantuan bagi skop baik pulih rumah di Semenanjung Malaysia adalah sejumlah RM11,000 manakala di Sabah/Sarawak/W.P. Labuan sejumlah RM12,000. Bagaimanapun, kadar kos bantuan baik pulih rumah hendaklah dikira berdasarkan kos pembaikan sebenar. Semakan Audit ke atas 4 kontrak pembaikan rumah di Kuala Kangsar, Perak dan Putatan, Sabah mendapati 2 kontrak pembaikan rumah bernilai RM336,000 yang melibatkan sebanyak 28 buah rumah di Negeri Sabah dibayar dengan kos *lump sum* dengan bayaran RM12,000 bagi setiap rumah seperti di **Jadual 15.19**. Butiran keperluan pembaikan yang dinyatakan dalam borang penilaian tidak diisi dengan kuantiti dan kualiti bahan yang diperlukan dan ini menyebabkan risiko pembayaran melebihi kos sebenar yang akhirnya menyebabkan Kerajaan tidak mendapat *Value For Money*. Melalui laporan Ketua Audit Negara tahun 2008, isu seperti spesifikasi kerja pembaikan yang tidak dinyatakan dengan jelas dan skop kerja yang ditentukan secara *lump sum* telah dibangkitkan yang mengakibatkan pelaksanaan kerja tidak berkualiti oleh kontraktor. Lawatan Audit mendapati rumah yang dibaiki adalah berbeza dan memerlukan keperluan pembaikan yang berbeza seperti di **Gambar 15.23** dan **Gambar 15.24**.

JADUAL 15.19
PROJEK PEMBAIKAN RUMAH DI SABAH

NAMA PROJEK	NO. KONTRAK	BIL. RUMAH	KOS SETIAP RUMAH (RM)	KOS PROJEK (RM)
Membaikpulih 14 Unit Rumah Di Bawah Program Bantuan Rumah (PBR) – Projek Kg. Dumpil & Kg. Lok Kawi Baru, Putatan	KRJ 1100004777	14	12,000	168,000
Membaikpulih 14 Unit Rumah Di Bawah Program Bantuan Rumah (PBR) – Kg. Ulu Putatan, Kg. Srigai Dumpil, Kg. Sri Pandan, Kg. Contoh, Putatan	KRJ 1100004780	14	12,000	168,000
JUMLAH				336,000

Sumber : Pejabat FELCRA Negeri Sabah

GAMBAR 15.23



Kg. Dumpil, Putatan, Sabah
- Atap Rumah Yang Dibaiki Dengan Kos RM12,000
(24.12.2013)

GAMBAR 15.24



Kg. Ulu Putatan, Putatan, Sabah
- Atap Rumah Yang Dibaiki Dengan Kos RM12,000
(24.12.2013)

Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 2 Mei 2014

Garis Panduan KKLW bagi Program Bantuan Rumah dengan kadar maksimum kos bantuan baik pulih rumah di Sabah/Sarawak/W.P. Labuan berjumlah RM12,000 seunit yang dikira berdasarkan kos pembaikan sebenar.

Langkah penambahbaikan adalah dengan meningkatkan penilaian terhadap kerja-kerja pembaikan sebelum dilaksanakan. Senarai item kerja baik pulih telah ditambah baik bagi menggantikan BQ terdahulu. SOP telah diperkemas dan diseragamkan seluruh Negara bermula Mac 2014 dan bayaran yang dilaksanakan adalah mengikut kerja sebenar dan tidak melebihi siling RM12,000 sebuah.

Pada pendapat Audit, FELCRA perlu meneliti pelaksanaan projek pembaikan rumah dengan memastikan setiap projek dinilai dengan teliti sebelum kerja-kerja pembaikan dilaksanakan.

15.5.5. Pematuhan Terhadap Tadbir Urus Korporat Kawalan Dan Pengurusan Kewangan

15.5.5.1. Bayaran Saguhati Kepada Lembaga Pengarah Dalam Bentuk *In-Kind*

Lembaga Pengarah hendaklah menggunakan dana syarikat dengan tujuan memajukan syarikat dan setiap pembayaran kepada Lembaga Pengarah perlulah mendapat persetujuan daripada Kementerian Kewangan selaku pemegang saham terbesar. Semakan Audit mendapati permohonan cadangan pembayaran honorarium berjumlah RM20,000 kepada setiap Ahli Lembaga Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 tidak diluluskan oleh Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 20 Ogos 2010. Bagaimanapun, Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah pada 21 Julai 2011 telah bersetuju supaya pemberian sugu hati/*in-kind* kepada Lembaga Pengarah berjumlah RM133,333 di mana RM20,000 bagi setiap Lembaga Pengarah dan RM30,000 bagi Pengerusi Lembaga Pengarah bagi tahun berakhir Disember 2010. Manakala Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil.137 bertarikh 19 Jun 2013 memutuskan bagi tahun berakhir Disember 2011, bayaran *in-kind* adalah berjumlah RM257,500 iaitu sejumlah RM30,000 bagi setiap Ahli Lembaga Pengarah dan RM50,000 bagi Pengerusi Lembaga Pengarah. Selain itu, Mesyuarat EXCO bil. 11/2013 bertarikh 4 Julai 2013 telah bersetuju supaya bayaran *in-kind* juga diberi kepada Setiausaha Syarikat bagi tahun 2012 dengan jumlah keseluruhan bayaran suguhati/*in-kind* berjumlah RM332,500. Asas pemberian ini adalah berdasarkan daripada sokongan padu dan kerja keras barisan Lembaga Pengarah dalam memastikan syarikat dapat beroperasi dengan cemerlang dari semasa ke semasa. Pembayaran ini memberi kesan kepada peningkatan kos operasi FELCRA dan pengurangan pembayaran dividen kepada pemegang saham.

Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 2 Mei 2014

Lembaga Pengarah memutuskan untuk membuat bayaran In-Kind setelah mengambil kira pencapaian kesemua aspek penting kewangan syarikat yang terdiri daripada keuntungan syarikat; keuntungan/ dividen yang diagih kepada peserta; bayaran dividen kepada MOF; bayaran cukai korporat; dan bayaran bonus kepada staf. Bayaran In-Kind kepada Ahli Lembaga Pengarah adalah sebagai insentif kerana kejayaan melaksanakan tanggungjawab utama iaitu memberi keuntungan/dividen kepada peserta di samping kemampuan kewangan syarikat memperolehi keuntungan yang boleh diagih kepada Kerajaan dalam bentuk dividen, cukai dan bonus kepada staf. Di samping itu bayaran in-kind dibuat kerana tiada bayaran honorarium yang dibayar kepada mereka. Jumlahnya adalah sangat kecil berbanding dengan keuntungan sebelum cukai yang dicapai pada tahun-tahun tersebut. Di samping jumlah yang kecil, pengurusan juga mendapati tiada larangan tertentu yang diterbitkan oleh pemegang saham bagi bayaran tersebut. Langkah meningkatkan amalan urus tadbir syarikat yang baik akan dibuat dengan menyediakan garis panduan bayaran untuk perakuan mesyuarat Lembaga Pengarah akan datang pada bulan Jun 2014. Garis panduan ini seterusnya akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk mendapat kelulusan.

Pada pendapat Audit bayaran sagu hati kepada Lembaga Pengarah dapat dilihat dengan lebih telus dengan alasan yang munasabah sekiranya mendapat kelulusan dari pihak Kementerian Kewangan sewajarnya sebagai pemegang saham utama.

15.5.5.2. Pemantauan Subsidiari

- i. Sehingga 31 Disember 2013, FELCRA mempunyai 18 syarikat subsidiari di mana kesemuanya aktif. Keuntungan bersih selepas cukai syarikat subsidiari berjumlah RM37.05 juta, RM40.57 juta dan RM35.07 juta masing-masing bagi tahun kewangan beraudit 2010, 2011 dan 2012.
- ii. Sebanyak 8 syarikat subsidiari telah membayar dividen berjumlah RM6.64 juta pada tahun 2010; 9 syarikat subsidiari telah membayar dividen berjumlah RM11.55 juta pada tahun 2011 dan 11 syarikat subsidiari telah membayar dividen berjumlah RM16.51 juta pada tahun 2012. Senarai syarikat subsidiari FELCRA adalah seperti di jadual berikut:



JADUAL 15.20
SENARAI SYARIKAT SUBSIDIARI FELCRA

BIL.	SUBSIDIARI	UNTUNG / (RUGI) SELEPAS CUKAI (RM Juta)			DIVIDEN (RM Juta)		
		2010	2011	2012	2010	2011	2012
1.	FELCRA Niaga Sdn. Bhd.	5.10	5.56	8.51	0.92	1.55	1.25
2.	FELCRA Training & Consultancy Sdn. Bhd.	0.77	0.28	0.85	0.75	0.17	0.06
3.	FELCRA Urus Estet Sdn. Bhd.	5.51	5.00	7.20	1.47	1.24	1.13
4.	FELCRA Bekalan & Perkhidmatan Sdn. Bhd.	1.16	1.37	1.99	-	-	0.30
5.	FELCRA Bina Sdn. Bhd.	3.72	3.54	6.72	0.76	0.84	0.80
6.	FELCRA Plantation Services Sdn. Bhd.	4.29	6.04	4.37	0.53	-	2.32
7.	FELCRA Processing & Engineering Sdn. Bhd.	2.89	2.50	2.06	0.78	0.65	0.56
8.	FELCRA Agro Industry Sdn. Bhd.	0.22	(1.67)	(4.63)	0.02	0.05	-
9.	FELCRA Properties Sdn. Bhd.	-	-	(0.01)	-	-	-
10.	FELCRA Education Sdn. Bhd.	-	-	(0.43)	-	-	-
11.	Permodalan FELCRA Sdn. Bhd.	-	-	0.39	-	-	-
12.	FELCRA Balingian Plantation Sdn. Bhd.	6.99	8.12	3.01	1.41	3.92	4.55
13.	FELCRA Sundar Awat-Awat Plantation Sdn. Bhd.	1.96	1.94	1.62	-	0.96	0.95
14.	FELCRA Gedong Plantation Sdn. Bhd.	4.45	5.21	3.00	-	2.18	2.55
15.	FELCRA Daya Khas Plantation Sdn. Bhd.	(0.46)	3.15	1.06	-	-	2.03
16.	FELCRA Ever Herald Sdn. Bhd.	0.54	(0.20)	(0.25)	-	-	-
17.	FELCRA Pelita Jemoreng Sdn. Bhd.	(0.08)	(0.28)	(0.40)	-	-	-
18.	FELCRA Cambodia Private Limited	-	-	(0.01)	-	-	-
JUMLAH		37.05	40.57	35.07	6.64	11.56	16.50

Sumber : Bahagian Kewangan

Maklum Balas FELCRA Yang Diterima Pada 2 Mei 2014

Semua syarikat subsidiari telah membayar dividen kepada syarikat induk bagi tahun 2012. Bagi tahun 2013, syarikat subsidiari dikehendaki membayar dividen semasa Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan diadakan pada bulan Mei 2014. Sehingga kini syarikat subsidiari Permodalan FELCRA telah pun membayar dividen sebanyak RM956,244.

Pada pendapat Audit, FELCRA perlu berusaha untuk memastikan setiap subsidiarinya membayar dividen kepadanya. Ini boleh menambahkan pendapatan FELCRA dan sebarang pengecualian perlu diperolehi daripada Kementerian Kewangan sekiranya bayaran dividen tidak dapat dibuat.

15.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif penubuhan FELCRA dicapai dan memantapkan keupayaan tadbir urus organisasi, adalah disyorkan supaya pihak pengurusan memberi pertimbangan dan mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

15.6.1. menilai semula faktor yang menyebabkan KPI tidak dapat dicapai serta merangka satu pelan tindakan yang lebih komprehensif bagi meningkatkan pencapaian prestasi setiap KPI;

15.6.2. melaksanakan projek penanaman semula bagi menjamin keuntungan daripada aktiviti perladangan di masa hadapan di samping memberi penekanan dalam keperluan baja di estet milik FELCRA;

15.6.3. meningkatkan kawalan pengurusan buah kelapa sawit dengan memantau dengan lebih ketat supaya lebih berkesan dan dapat meningkatkan produktiviti kilang. Selain itu, Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan perlu mengkaji kelemahan aktiviti pemasaran supaya dapat diperbaiki; dan

15.6.4. berusaha mengatasi masalah dividen tertunggak dengan lebih serius dan ambil tindakan yang lebih proaktif bagi menangani masalah penyerahan dividen.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Dalam Buku Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2013 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari



PENUTUP



PENUTUP

Pada umumnya, Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan mempunyai perancangan yang baik untuk melaksanakan program/aktiviti/projek. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaannya masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu ditangani segera bagi memastikan sesuatu program/aktiviti/projek dilaksanakan dengan cekap, ekonomi, dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan. Sehubungan ini, diberikan beberapa cadangan bagi mengelakkan kelemahan-kelemahan di dalam Laporan ini daripada berulang:

- a. memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada pensampelan dan skop tertentu, Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif perlu menjalankan pemeriksaan secara menyeluruh untuk menentukan sama ada program/aktiviti/projek lain juga mempunyai kelemahan yang sama dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan. Sehubungan ini, Unit Audit Dalam selain daripada menjalankan penilaian terhadap sistem kawalan dalaman, perlu juga diminta menjalankan pengauditan prestasi terhadap pengurusan program/aktiviti/projek untuk menentukan sejauh mana program/ aktiviti/projek dilaksanakan dengan cekap, ekonomi, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan;
- b. berdasarkan pengauditan yang dijalankan, adalah didapati beberapa kelemahan dalam pelaksanaan program/aktiviti/projek yang berpunca daripada kurang pemantauan/penyeliaan oleh pihak yang dipertanggungjawabkan, kurang kepakaran teknikal dan bergantung sepenuhnya kepada perunding/kontraktor, ketiadaan penyelarasan antara agensi yang terlibat serta masalah dalaman yang dihadapi oleh kontraktor. Kelemahan ini menyebabkan program/aktiviti/projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, kualiti kerja tidak memuaskan, kos program/aktiviti/projek meningkat dan Kerajaan tidak mendapat nilai faedah terbaik (best value for money) bagi perbelanjaan yang telah dibuat. Objektif pelaksanaan program/aktiviti/projek juga tidak dapat dicapai sepenuhnya dan kurang memberi impak kepada kumpulan sasaran. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya:
 - i. kajian terperinci dijalankan terlebih dahulu terhadap sesuatu projek Kerajaan sebelum ia diluluskan untuk pelaksanaan. Bagi tujuan ini, selaras dengan Arahan Perbendaharaan 182.1, agensi perlu mengemukakan maklumat lengkap seperti kedudukan status tapak projek, ringkasan projek, siling projek, peruntukan tahunan dan jadual pelaksanaan projek kepada jabatan

- teknikal. Langkah ini perlu untuk memastikan semua projek dilaksanakan mengikut jadual dan Kerajaan mendapat nilai faedah terbaik (best value for money);
- ii. *integrated planning* antara agensi terlibat perlu dilakukan di peringkat awal pelaksanaan projek terutama bagi projek yang besar. Contohnya Jabatan Perkhidmatan Pembedungan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Pihak Berkuasa Tempatan, pembekal utiliti seperti air, elektrik dan telekomunikasi serta Pejabat Tanah perlu dibawa berunding sebelum sesuatu projek dilaksanakan supaya semua kemudahan asas dapat disediakan dan kelancaran projek tidak terjejas;
 - iii. Kementerian/Jabatan hendaklah mematuhi Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Kecil Piawaian Dan Kos bagi rujukan Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara semasa merancang sesuatu perolehan kerja bagi memastikan bangunan yang akan dibina mematuhi standard dan kos yang telah ditetapkan;
 - iv. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mempertingkatkan pengurusan aset kerajaan untuk mengelakkan pembaziran dan memandang serius terhadap tugas penyenggaraan, pemantauan dan penyeliaan. Rekod mengenai aset perlulah sentiasa dikemaskini sebagai persiapan Kerajaan Persekutuan ke arah pelaksanaan perakaunan akruan menjelang tahun 2015;
 - v. tindakan yang tegas seperti mengenakan tindakan tatatertib atau surcaj perlu diambil terhadap pegawai yang didapati cuai/gagal melaksanakan tanggungjawabnya tanpa sebab-sebab yang munasabah sehingga menyebabkan Kerajaan menanggung kerugian;
 - vi. Syarikat Kerajaan hendaklah memastikan prestasi kewangannya sentiasa dalam keadaan yang baik, pengurusan aktiviti dilaksanakan dengan teratur, berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan, dan pengurusan kewangan dan tadbir urus korporatnya selaras dengan peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan; dan
 - vii. Sebagai bukti komitmen yang tinggi, Pegawai-Pegawai Pengawal di Pejabat Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan hendaklah mengambil tindakan terhadap teguran Ketua Audit Negara dan membuat laporan segera kepada Bahagian Susulan Audit, Jabatan Audit Negara agar segala tindakan dapat dikemas kini dalam Sistem Dashboard Jabatan Audit Negara.
- c. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan lagi usaha penambahbaikan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti. Laporan ini juga



penting dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam serta mewujudkan budaya kerja yang cepat, tepat dan integriti. Secara tidak langsung, ia akan menyumbang ke arah pencapaian **Program Transformasi Kerajaan 2.0** bagi **Inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA)** untuk membanteras rasuah.

Jabatan Audit Negara
Putrajaya
7 Mei 2014



PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2014
www.printnasiona.com.my
email: cservice@printnasiona.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



www.audit.gov.my

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA

No. 15, Aras 1-5,
Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62518 Putrajaya